

81-3025

WANITA, TAKHTA DAN KUASA

0194 - 78360

S.H. ALATTAS
1989

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
11 DEC 1989

WANITA, TAKHTA DAN KUASA

Syed Hussein Alattas



AL-SUHAIMI

P.O. Box 11753
50756 Kuala Lumpur

CETAKAN PERTAMA NOVEMBER 1989

HARGA: \$15.00

Typesetting dan Grafik:
Media Indah Sdn. Bhd.

Dicetak dan diterbitkan oleh:

AL-SUHAIMI

P.O. Box 11753

50756 Kuala Lumpur

522761

APB

© HAKCIPTA S.H. ALATTAS 1989

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, dalam apa jua bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari AL-SUHAIMI.

80 JAN. 1990

Perpustakaan Negara

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



بِسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Baca, Bacalah dengan nama Tuhan
yang menjadikan kamu.

**Istimewa untuk cucuku
Sharifah Ruqaiyah
(Engku Yah)**

KANDUNGAN

Mukadimah	9
Bahagian Pertama	
W A N I T A	
1. Kalaulah Wanita Dapat Melihat dan Berfikir	17
2. Permata, Wanita dan Harta	32
3. Fitnah Wanita	40
4. Wanita Harta dan Takhta	52
5. Tuan Tidak Mahu?	60
6. Wanita Pertama	66
7. Soekarno di Celah-celah Wanita dan Kuasa	84
8. Dialog Poligami dengan Bapa Poligami	92
9. Wanita VS Poligami	105
10. Bab Main Kahwin-Kahwin	122
Bahagian Kedua	
T A K H T A	
1. Tuanku, Raffles dan Istana Buckingham	142
2. Revolusi Raja dan Rakyat	169
3. Raja Lekuk Raja Kelawar	192
4. Revolusi PAS VS Revolusi Islam Iran	209
5. Pembunuh Bangsa Sendiri	239
Bahagian Ketiga	
K U A S A	
1. September Hitam	261

2.	Ulama Siang Ulama Malam	270
3.	Kaca Jatuh ke Batu	289
4.	Bapa Borek Anak Rintik	299
5.	Mike Tyson Jadi Mangsa?	304
6.	Kuasa dan Aliran	314
7.	Penyalahgunaan Kuasa Rakyat	338
8.	Ulamak atau Juhala dalam PAS	351
9.	Sumpah Makan Diri	372
10.	Ekonomikah Matlamat Kita	396
11.	Sebodoh-bodoh Lembu	425
12.	Member Kena Main	459
13.	Ditelan Mati Emak	476
14.	S.H. Alattas Jadi Sasaran	485
	Penutup	497

0
9
9
4
4
8
1
2
6
5
9
6
5
7

MUKADIMAH

DENGAN nama Allah Yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat ke atas junjungan kita Nabi Muhamad SAW serta kaum keluarga dan para sahabatnya.

Syukur Alhamdulillah. Sekali lagi saya dapat menemui para pembaca dalam buku saya yang ke 20 dalam karier saya sebagai seorang penulis yang sedang menuju ke abad 21. Sepatutnya buku 'Revolusi Terakhir' yang saya sajikan tapi saya belum berupaya lagi kerana waktu dan ketikanya belum tiba. Namun demikian terimalah Ta..... Ta..... Sa..... dari saya. Terimalah subjek baru yang berjudul 'Wanita, Takhta dan Kuasa.'

Saya merasa begitu bertuah sekali kerana buku ini saya dapat siap dan terbitkan dalam bulan yang mulia, bulan '**Rabiulawal**' di mana seluruh dunia tersimbah dengan satu nur yang begitu segar, Nur Muhamad. Marilah kita semua berselawat ke atas Nabi Muhamad dan keluarganya sepertimana Allah dan para Malaikat juga berselawat ke atasnya.

Firman Allah:

'Sesungguhnya Allah dan para malaikatnya

berselawat ke atas Nabi. Hai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu ke atas Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.'

(Al-Ahzab: 56)

Di dalam bulan ini, kira-kira 1418 tahun yang lalu, lahirlah seorang bayi yang disebut '**Ahmad**' di dalam kitab Injil yang diturunkan kepada Nabi Isa AS. Ahmad yang kemudiannya disahkan oleh ahli kitab yang bernama Warqah bin Naufal sebagai '**Muhammad**', Rasul dan Nabi terakhir pun mendapat wahyu yang dikirimkan Allah melalui malaikat Jibril di Gua Hiraq. Maka bergemalah Islam di seluruh dunia. Dan Siti Khadijah, isteri baginda menjadi manusia yang pertama memeluk Islam.

Kenapa Tuhan memilih wanita sebagai orang yang pertama memeluk agama Islam selepas Mohammad bin Abdullah diangkat menjadi Rasul? Kenapa tidak lelaki seperti Abu Bakar, Omar ataupun lain-lain sahabat? Jawabannya hanya Allah saja yang mengetahui. Biar bagaimanapun, tidak dapat dinafikan tentu ada hikmah-hikmah yang tersembunyi di sebalik kehendak-Nya itu.

Di dalam buku WANITA, TAKHTA DAN KUASA ini saya akan cuba menghuraikan hikmah-hikmahnya serta betapa pentingnya wanita di dalam kehidupan manusia dari pelbagai sudut terutama dari sudut agama dan politik.

Sebagai seorang penulis politik saya telah berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah politik negara melalui buku-buku dan puluhan rencana sepanjang karier saya, namun saya belum pernah menulis mengenai wanita secara serius.

Telah begini punya lama berhempas pulas dan berperang namun cara penyelesaian melalui lelaki sesama lelaki belum ternampak lagi. Suasana politik tetap dibendung oleh masalah demi masalah, isu demi isu, dan kontroversi demi kontroversi. Akhirnya bila timbul kontroversi Menteri

Besar Selangor dengan Raja akibat wanita, takhta dan kuasa, maka lahirlah ilham untuk menghasilkan buku ini.

Perebutan kuasa berlaku di antara kem dengan kem di dalam sesebuah parti politik atau di antara sesebuah parti politik dengan parti politik yang lain. Kemudian timbul pula keadaan di mana manusia-manusia yang menduduki takhta turut campurtangan dalam urusan politik negara yang telah menghasilkan '**Revolusi Istana Dan Rakyat**'. Tapi kisah ini tidak selesai juga. Dan akhir-akhir ini seorang wanita pula dijadikan bahan untuk menimbulkan kegelisahan politik yang bertujuan merosakkan hubungan baik di antara mereka yang mempunyai takhta dengan mereka yang mempunyai kuasa demi untuk merebut kuasa itu sendiri. Disebabkan sedikit punya kompleks permasalahan yang terpaksa dihadapi oleh orang-orang Melayu dan Islam di negara ini, saya terpaksa sekali lagi menyuarakan pendapat untuk mengemukakan satu formula agar masalah ini diselesaikan melalui subjek '**wanita**.'

Saya menggunakan '**wanita**' sebagai satu unsur dan faktor untuk melihat dan menyelesaikan masalah ini. Kita semua sedia maklum bahawa, sejak Siti Hawa isteri Nabi Adam a.s., Siti Mariam ibu kepada Isa, Asiah isteri Fir'aun yang menjadi ibu angkat kepada Nabi Musa dan Khadijah r.a. wanita pertama Islam telah menunjukkan wanita sudah dapat diiktiraf sebagai, '*a force to be reckoned with*'.

Buku WANITA, TAKHTA DAN KUASA ini bermula dengan peristiwa penting iaitu isu perkahwinan Tan Sri Muhammad Taib dengan Puteri Sultan Selangor. Kemudian tibanya Maulidir Rasul. Dan selepas itu Mesyuarat Agung 46 yang pertama dan akhirnya CHOGM ataupun 'Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel'.

Bila kita bercakap tentang Commonwealth, beberapa orang wanita segera terbayang di kepala kita. Ratu Elizabeth II adalah wanita yang menduduki singgahsana

takhta kerajaan England dan Margaret Thatcher, Perdana Menteriya ialah wanita yang memegang kuasa pemerintahan kerajaan British, sebuah empayar yang pernah menjajah berpuluh-puluh negara kecil, termasuk juga negara kita. Kehebatan British ketika itu adalah merupakan satu fenomena. Dunia pernah menganggap bahawa *"the sun never set in the British Empire"*.

Kini dunia seolah-olah menerima bahawa kedua-dua manusia yang memimpin umat yang pernah menjajah umat lain ini adalah dua orang wanita. Yang satu raja, yang satu menteri yang berhati besi. Apa akan jadi pada Britain selepas ini?

Kehadiran kedua-dua orang wanita ini, Ratu Elizabeth dan Margeret Thatcher, biarpun mereka bukan raja ataupun pemimpin umat Islam tapi akibat dari politik mereka Islam akan muncul di bumi mereka.

CHOGM yang baru saja selesai mengingatkan kita kepada Pakistan, yang diwakili oleh seorang wanita agresif yang bertudung dan berlemah lembut penuh sopan santun mewakili sebuah negara yang 97 peratus rakyatnya beragama Islam dan pernah menarik diri dari menganggotai pertubuhan Negara-negara Komanwel selama 17 tahun, iaitu ketika Allahyarham Zulfikar Ali Bhutto menjadi Perdana Menteriya. Wanita menjadi faktor penting kembalinya Pakistan ke pangkuan Komanwel.

Pakistan juga mengingatkan kita bagaimana Allahyarham Presiden Zia Ul-Haq menghukum mati Zulfikar Ali Bhutto untuk bukan sahaja mendapatkan kuasa bahkan memanjat ke takhta Presiden.

Dalam tahun 1988, dunia Islam terkejut apabila seorang wanita tiba-tiba muncul untuk mendapatkan semula kuasa dan takhta dari tangan seorang Presiden melalui proses demokrasi. Siapa yang tidak terkejut apabila Benazir Bhutto menjadi Perdana Menteri yang memimpin hampir 105 juta

umat Islam. Apakah dengan setakat memakai tudung di kepala seorang wanita sudah layak memimpin sekalian banyak umat Islam? Bagaimanapun ini lebih baik dari sebahagian pemimpin wanita UMNO yang tidak langsung memakai tudung. Ini samalah macam dua orang wanita; yang satu memakai 'bikini' dan yang satu lagi memakai 'swimming trunk'. Apakah perbezaannya? Kedua-duanya tetap mendedahkan benda-benda yang diharamkan oleh Allah.

Kini seorang wanita dalam sebuah negara Islam telah memiliki kuasa. Dan apakah tidak mustahil perkara macam ini akan berlaku di dalam negara kita sendiri memandangkan bahawa dalam UMNO, iaitu parti yang memerintah sudah terdapat lebih banyak wanita dari kaum lelaki? Begitu juga dengan Semangat 46 yang para wanitanya sudah mula menutup kepala dan bercakap agama. Justeru itu tentu tidak mustahil jika pada suatu ketika nanti Malaysia akan dipimpin oleh seorang Perdana Menteri wanita sepertimana yang berlaku di England, Pakistan dan Filipina. Apakah nanti ia tidak akan menjadi sepertimana Margaret Thatcher yang memiliki lidah bercabang disebabkan tiadanya asas keagamaan yang kuat?

Sekiranya ini benar-benar berlaku apakah kita sudah bersedia menerima hakikatnya sedangkan Benazir Bhutto sekembalinya dari CHOGM terpaksa menghadapi undi tak percaya terhadapnya. Lagipun orang-orang PAS tidak senang kiranya ada wanita yang akan bertanding di dalam pilihanraya.

Rasulullah pernah berkata kepada puteri kesayangan Baginda, Fatimah Az-Zaharah r.a.:

"Kamu adalah wanita dunia (nissak'ul'alamin)".

Sabda Rasulullah itu dijawab oleh Fatimah Az-Zaharah, "Bukankah Maryam sebagai wanita dunia?"

Lalu Rasulullah menjawab: "Itu pada zamannya".

Begitulah yang disebut oleh Nabi. Dari itu jika ada para wanita yang ingin untuk menjadi pemimpin, sama ada pemimpin rumahtangga ataupun pemimpin masyarakat atau juga pemimpin negara, terlebih dahulu bacalah kisah-kisah mengenai wanita suci yang saya muatkan di dalam buku ini. Kenalilah diri mereka secara lebih dekat. 10 bab dalam buku ini ditulis khas untuk wanita. Begitu juga bab yang lain-lainnya. Kerana tanpa wanita tidak akan lahir buku ini. Ibu saya wanita. Kedua-dua isteri saya pun wanita. Saya mempunyai 7 adik beradik perempuan. Dua anak perempuan dan 2 cucu perempuan.

Saya mengatakan wanita itu pemimpin kerana selain dari ayah, ibu saya juga telah memimpin saya ke tempat yang saya berada hari ini. Isteri-isteri saya turut menjadikan diri saya manusia yang lebih matang.

Peribahasa Melayu pernah menyebut bahawa suami itu ialah raja dan isteri itu adalah menterinya. Jadi jelas di sini bahawa si suamilah yang memegang takhta dan isteri memegang kuasa di dalamnya rumahtangga yang boleh kita sifatkan sebagai harta. Jika baik si isteri mentadbirkan rumahtangganya maka baiklah rumahtangga tersebut. Bukankah kita telah menerima hakikat bahawa Pemuda Harapan Bangsa dan Wanitanya Tiang Negara. Dari itu kiranya tiangnya lemah maka rosaklah Negara.

"Jika wanita di dalam sesebuah negara itu merupakan wanita yang baik-baik, maka baiklah jadinya sesebuah negara itu".

Falsafah Cina.

Di dalam percaturan politik dunia, para pemimpinnya tidak boleh lari dari masalah-masalah sama ada dari dalam atau luar dan sama ada yang berbentuk, rayuan ataupun ancaman. Perkara-perkara yang selalu membayangi mereka dan sentiasa menjadi bahan percakapan antarabangsa adalah tiga Ta: ***Wanita, Harta dan Takhta***. Boleh dikatakan hampir kebanyakan dari pemimpin dunia tidak

dapat mengelakkan diri mereka dari ketiga-tiga unsur yang begitu dominan ini. Jika tidak ketiga-tiganya sekali, mungkin salah satu darinya. Ada yang terhindar dari godaan wanita. Tapi kerakusan dan ketamakkannya tak pernah padam. Ada pula yang terhindar dari harta tapi keangkuhannya untuk terus menduduki takhta tak pernah pudar dan begitulah seterusnya.

- 1—Mengapa yang pernah ditawarkan kepada junjungan kita Nabi SAW hanya tiga Ta... dan bukan lainnya?
- 2—Adakah kesamaan di antara *wanita, harta dan takhta*?
- 3—Apakah **Tiga Ta** merupakan pancingan yang paling berhasil untuk para tokoh...? Dan mana satu yang paling berkesan?
- 4—Apa rahsianya Nabi Muhamad SAW terselamat dari **Tiga Ta**?

Buku ini akan mengajak kita semua membuka jendela pemikiran dan kesedaran. Sekiranya anda seorang wanita ... inilah hidangan yang lazat bagimu. Jikalau anda seorang lelaki ... inilah senjata yang ampuh bagimu. Seandainya anda seorang tokoh politik ... inilah tongkat penyelamatmu. Sekiranya anda seorang cendekiawan atau ilmuwan... inilah sumber bahan kajianmu. Dan kalau anda rakyat biasa ... maka inilah kebun bacaanmu.

Tentu anda menanyakan, mengapa demikian? Memang beginilah lisan lembaran-lembaran buku ini akan membisik pada hati anda dan dengarlah bisikan itu!!!

Akhirnya semoga buku ini dapat memberi manfaat terutamanya kepada para pembaca saya, sahabat, kawan-kawan, keluarga dan diri saya sendiri.

SYED HUSSEIN ALATTAS
Pengarang.

1

KALAU LAH WANITA DAPAT MELIHAT DAN BERFIKIR...

MAHA Suci dan Maha Bijaksana Allah s.w.t. yang menciptakan semesta alam beserta isinya dengan tiada kekeliruan atau kesilapan bahkan tersusun segala keindahan serta keelokannya.

Ciptaan yang serba mempesonakan ini menunjukkan bahawa ia adalah Maha Agung, Maha Bijaksana, Maha Pemurah dan Maha Pengasih.

Sebaliknya jika manusia pula yang menciptakan sesuatu, ia pasti saja mengalami perubahan demi perubahan. Ini kerana manusia akan merasakan kurang bagus, kurang menarik, kurang kuat, kurang itu, kurang ini dan seterusnya.

Maklum sajalah kerana manusia itu sendiri adalah ciptaan, jadi masakan ciptaan itu boleh menciptakan sesuatu tanpa ada kejanggalan? Kekurangan? Kelemahan?

Kalau dikatakan bahawa manusia adalah makhluk yang sempurna..., memang betul.... Dan kesempurnaan ini be-

gitu menyerlah jika dibandingkan dengan makhluk lain. Tetapi kesempurnaan tersebut tidak akan mempunyai erti apa-apa jika di hadapan Penciptanya (ALLAH). Bahkan, akan terbukti jelas bahawa manusia adalah makhluk yang daif lemah tidak berdaya dan berupaya.

Tubuh manusia terbahagi kepada beberapa anggota. Dan segala-galanya begitu terbatas.... Misalnya mata..., tatkala kita melihat langit dan bumi. Semasa kita berada di udara, kita dapat menyaksikan gunung-gunung yang tinggi, benda yang besar di bawah bertukar menjadi kecil. Dan akhirnya kita tak dapat membezakannya. Semuanya sama rata. Begitu juga dengan laut yang kelihatan rata. Bila kita berada di permukaannya, rupa-rupanya laut itu dipenuhi dengan segala kehidupan dan gunung-ganang seperti yang terdapat di muka bumi. Mata menyekat kita dari melihat kebenaran kerana terbatasnya ilmu pengetahuan di dalam diri yang hanya dapat melihat dengan mata kasar.

Kita tak boleh melihat bakteria yang ada di dalam segelas air yang sedang kita minum. Begitu juga dengan akal fikiran yang terbatas.

Tak ada seorang doktor pun yang boleh menyembuhkan orang mati agar hidup semula. Hendak menyembuhkan penyakit sendiri pun tidak berupaya. Begitulah terbatasnya ilmu yang ada pada manusia. Kaki, tangan, perut dan anggota-anggota yang lain tak boleh dicipta oleh manusia seperti yang asal. Tangan yang serupa dengan tangannya pun tak terdaya diciptanya. Namun, di sebalik keterbatasan ini ada hikmah yang amat menakjubkan demi menjaga keseronokan dan ketenteraman hidup manusia.

Bagaimana jika anggota-anggota badan kita memiliki keupayaan yang mutlak dan tidak terbatas? Katakan kita boleh melihat sejauh mana pun tanpa batasan dan boleh pula melihat zarah-zarah atom-atom di sekitar kita, macam mana? Apa perasaan kita? Begitu juga bila kita berhadapan

dengan seorang manusia, dengan pandangan yang tak terbatas kita bukan saja dapat melihat tubuhnya yang bogel tapi kita akan melihat seluruh isi dalam tubuhnya termasuk darah yang sedang mengalir, jantung yang sedang berde-nyut, bakteria-bakteria yang sedang menyerang dan me-nakluki organ-organ. Boleh tak bercelaru hidup kita. Akhirnya kehidupan kita tidak sempurna seperti manusia biasa melainkan jika kita mempunyai kekuatan rohani dan jasmani yang luar biasa.

Begitu juga dengan telinga. Bagaimana kalau pendengaran telinga itu mutlak dan tidak terbatas? Tentu kita akan mendengar semuanya, sama ada jauh ataupun dekat, bunyi yang kuat atau perlahan sehingga kita tidak boleh mendengar sesuatu yang khusus. Tidur pun tak boleh lena kerana telinga selalu mendengar geseran jutaan atom-atom yang terdapat di seluruh tubuh. Dari itu insallah, berfikirilah dan bersyukurilah dengan apa yang ada. Jangan meng-harapkan terlalu banyak melampaui apa yang dianug-erahkan oleh Allah, kerana akhirnya binasa.

Beginilah ciptaan yang Maha Suci: serba indah, ajaib, dan penuh hikmah. Termasuk dalam keajaiban ciptaan Allah itu adalah hidup berpasang-pasangan: ada siang ada malam, ada langit dan bumi, ada lelaki dan ada wanita dan seterusnya. Bayangkanlah sebuah pulau yang pen-duduknya terdiri dari kaum lelaki sahaja. Atau kaum per-empuan sahaja. Tentulah *boring* jadinya hidup ini. Malah bukan saja *boring*, tapi akan terjadi keganasan dan penya-kit yang melebihi AIDS dan macam-macam lagi. Bay-angkanlah pula seorang lelaki yang berkemampuan terus hidup membujang dalam sebuah negara yang ada ramai wanita-wanita *single*. Dan bayangkan pula bagaimana jika matahari tidak terbit di pagi hari. Sang suria yang selalu menyengat dan memberikan cahaya, tiba-tiba bertukar atau terus-terusan malam dengan gelap-gelitanya yang menye-limuti kita. Tentu kita akan kebingungan bila dunia sudah tidak mengikut fitrahnya lagi.

Di musim panas selalunya manusia minta hujan. Jika sudah datang hujan, mereka minta panas pula.... Begitu-lah manusia yang tidak tahu puas dan bersyukur dan insaf bahawa sifat dunia ini berlawanan dan berpasang-pasangan: Lelaki dengan perempuan dan perempuan dengan lelaki. Tapi akibat lelaki mahu sesama lelaki dan perempuan sama perempuan, maka menjelmalah satu bala yang dinamakan AIDS. Itu baru sedikit bala yang ditimpa.

Semua yang ada di alam ini hanya untuk manusia, **tapi manusia diciptakan bukan untuk alam.** Manusialah yang berhak mengawasi dan melestarikan alam ini. Rosak dan baiknya alam bergantung pada sikap manusia. Jika manusia itu baik maka alam ini pun baik. Jika manusia itu rosak, alam pun akan menyusul rosak. Saksikanlah betapa rosaknya alam di akhir zaman ini disebabkan oleh angkara manusia sendiri.

Sesungguhnya kehidupan manusia dengan alam amat-lah bertalian. Kita tak boleh acuh dengannya. Berbuat sewenang-wenang terhadapnya. Seperti pemimpin dengan pengikutnya, raja dengan rakyatnya, maka kalau pemimpin buat kerja tak betul maka pengikut jadi bercelaru. Raja buat tabiat, rakyat mungkin bersumpah dan berjanji untuk melahirkan revolusi.

Sebahagian dari manusia rela menghancurkan alam dengan berbuat durjana di atasnya, kerana menuruti kepentingan peribadi dan menghiasi kocek dengan wang ringgit. Dan sebenarnya mereka bukannya belum sedar kalau alam rosak akan mengancam kehidupan makhluk, pengikut rosak akan mengancam hidup pemimpin, rakyat rosak akan mengancam kehidupan raja, wanita rosak akan mengancam kehidupan lelaki. Bencana alam yang kita saksikan, sebahagian besar hanyalah kerana dosa-dosa manusia dan ketidakstabilan alam sekitar akibat perbuatan manusia itu sendiri.

Allah berfirman:

"Telah nampak kerosakan di darat dan di laut, akibat perbuatan manusia supaya Allah merasakan pada mereka sebahagian dari akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar.

(Surat Ar-Rum ayat 41)

Di dalam Injil Barnaba telah disebutkan:

"Tentulah Allah yang telah menganugerahkan dunia ini seluruhnya untuk manfaatnya (manusia) tetapi manusia telah menggunakan semuanya itu untuk melakukan dosa kerana itulah dunia ini terbalik menentang manusia.

(Injil Barnaba, Fasal 181.
ayat 3 - 5)

Apakah kita sedar bahawa manusia dilengkapi dengan satu alat yang amat penting dan alat yang telah menjadikan manusia itu berbeza dengan haiwan. Kalau alat itu hilang dari manusia atau manusia tidak mahu menggunakannya dengan baik maka tiada bezanya lagi antara manusia dan haiwan. Alat itu adalah tidak lain dan tidak bukan dari akal fikiran.

Al-hamdulillah, Allah telah memuliakan kita manusia dari semua makhluk-Nya. Namun kita masih terjumpa banyak haiwan dalam kumpulan manusia. Tapi sebaliknya pula kita sukar nak jumpa manusia dalam kumpulan haiwan. Akhir-akhir ini banyak kerja yang tak sanggup dibuat oleh haiwan tapi telah dilakukan oleh manusia.

Kebanyakan manusia menganggap bahawa antara kaum wanita dengan lelaki Allah melebihkan kaum lelaki. Orang-orang kafir mendakwa Islam tidak adil, kerana Islam hanya melebihkan lelaki daripada kaum Hawa. Maka

mereka pun engkar, melanggar perintah Tuhan dan sentiasa hidup dalam kesesatan. Dugaan dan sangkaan mereka salah kerana mereka mampu melihat zahirnya sahaja tapi tak pandai menilai keseluruhan, atau kerana rasa fanatik terhadap kaum dan ideologi membuatkan kaum wanita memperjuangkan *women's lib*. Pergerakan *women's lib* ini untuk menentang siapa sebenarnya? Siapa yang akan rugi akhirnya?

Jika diperhatikan dengan saksama bahawa antara lelaki dan wanita adalah sama, sama ada dalam hak maupun tuntutan. Allah tidak meletakkan Adam saja di syurga melainkan Hawa juga di sana. Allah tidak melarang Adam saja untuk mendekati pohon melainkan Hawa juga mendapat larangan yang sama. Bukan Adam saja turun dari syurga melainkan Hawa turut menyertainya. Dan bukan Adam sendiri yang mendapat pengampunan dari Allah, tapi Hawa pun begitu juga. Tiada perbezaan di antara keduanya. Allah tidak melebihkan Adam dan tidak pula menyebelahi Hawa. Masing-masing mendapat perintah, larangan, hukuman dan pengampunan. **Adegan dua jenis manusia pertama ini merupakan lambang keadilan, kesamaan hak dan tuntutan.** Perlu apa melibatkan diri dalam pergerakan *women's lib* untuk menentang hukum penciptanya yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang?

Maryam Jamelah berasal dari Amerika Syarikat, tempat di mana lahirnya pergerakan *women's lib* ini pernah membuat pengakuan tentang keadilan Allah ini dalam bukunya '*Islam vs Al-Kitab*' yang diterbitkan dalam tahun 1989. Beliau menulis:

"Berbanding dengan Judaisme dan Kristian, tidak ada tekanan dalam pengajian agama Islam bagi meletakkan kaum wanita ke satu martabat yang lebih rendah (dari kaum lelaki). Kitab suci Al-Quran menjelaskan bahawa lelaki lebih utama dari kaum wanita kerana Tuhan telah mencipta yang terdahulu melebihi dari yang terkemudian

dan kerana mereka membelanjakan harta mereka untuk menanggung wanita. Walau bagaimanapun perbezaan ini tidaklah sesuatu yang mutlak melainkan relatif sahaja. Quran menyatakan bahawa wanita mempunyai hak ke atas lelaki supaya dilayan dengan bertimbang rasa, kebaikan dan rasa belas kasihan, namun kaum lelaki mengatasi mereka dengan satu darjah. Namun begitu ini tidaklah pula bermakna bahawa semua lelaki mengatasi kaum wanita dari segi fizikal ataupun mental. Wanita-wanita seperti Siti Khadijah r.a. dan Siti Aishah r.a. mempunyai sifat-sifat yang disebutkan itu dengan mengatasi kebanyakan kaum lelaki. Ini semata-mata bermakna jika wanita yang terkuat dan paling *intelligent* boleh dibandingkan dengan lelaki yang terkuat dan terbijak, maka kaum lelaki. Namun ini bukanlah bermakna bahawa kaum wanita boleh dihina mengikut sesuka hati. Mereka masih memerlukan kasih sayang."

Perbezaan wanita Islam dengan wanita Yahudi dijelaskan lagi di dalam buku '*Life is with the People: the Culture of the Shtetl*' yang ditulis oleh Mark Zborowaski dan Elizabeth Herzog, terbitan Shocken Books, New York, 1962.

Mark Zborowaski dan Elizabeth Herzog menulis tentang wanita puak Yahudi Shtetl. Antara tulisan mereka itu saya petik seperti berikut:

"Orang-orang Shtetl melihat diri mereka menerusi kaca mata lelaki dan memperkatakan diri mereka menerusi kata-kata kaum lelaki. Ia dibentuk sebagai kebudayaan kaum lelaki di mana kaum wanita secara rasminya adalah rendah dan terhina. Setiap hari orang-orang lelaki mereka mengucapkan syukur kepada Tuhan dengan mengatakan: "(Syukur) kerana Kau telah tidak menjadikan aku seorang wanita". Manakala kaum wanita pula ketika menunaikan sembahyangnya di waktu pagi mengucapkan syukur dengan mengatakan: "(Syukur) kerana Kau telah menjadikan aku sebagaimana yang Kau kehendaki." Pandangan terhadap kaum wanita ini telah dijelaskan didalam Bible dalam

kisah Adam dan Hawa. Wanita adalah lebih rendah dari lelaki kerana ia dijadikan dari sebahagian tubuh lelaki.

Lagipun menurut legenda-legenda di dalam Talmud dan amalan orang-orang Shtetl, wanita secara semualjadinya bergelumang dengan dosa. Ini kerana Hawa telah mende-sak Adam memakan buah yang dilarang."

Orang yang melihat ciptaan Allah hanya dengan zahirnya saja mungkin akan mengatakan Allah tidak adil. Tapi bagi yang memikirkan dengan betul pasti menga-takan, 'Maha Suci Engkau Ya Allah, Engkau tiada menciptakan sesuatu dengan sia-sia dan selamatkanlah kami dari api neraka'. Inilah kata-kata yang pasti tidak akan keluar dari hati yang ikhlas, melalui mulut yang jujur.

Ada satu cerita tentang seorang anak yang pergi ber-buru bersama bapanya, tatkala si anak melepaskan letihnya, ia duduk bersandar di bawah pokok kurma sam-bil memerhatikan alam sekitar, lalu si anak pun bercakap kepada bapanya,

Anak: Wahai... ayahku....! saya rasa Allah ini kur-ang adil...

Ayah: Pasal apa?

Anak: Dia menciptakan pohon tembikai begitu lemah dan buahnya besar sehingga pohon tak mampu berdiri tegak kerana berat sangat buahnya. Tapi pokok kurma ini dengan batang yang kuat dan besar buahnya kecil, sepatutnya buah tembikai tergantung di pokok kurma dan buah kurma di pokok tembikai, barulah sesuai pokok besar buahnya pun besar, pokok kecil buahnya kecil, tapi ini sebaliknya.

Ayah: Diamlah, anakku! Jangan engkau kata Allah itu kurang adil sebab Allah Maha Menge-

tahui dan Maha Bijaksana. Mari kita terima saja apa yang ada dengan ridha, kita tidak tahu apa hikmah di sebaliknya, kita boleh memerhatikan, tapi jangan menghukumi ciptaan Tuhan. Kerana kita ini pun ciptaan-Nya. Masakan kita lebih pandai dari Dia. Sekarang tidurlah, anakku, nanti kalau sudah hilang penatmu kita akan teruskan perjalanan"

Sewaktu mereka sedang tidur, tiba-tiba sebiji buah kurma terjatuh, lalu terkena pada batang hidung si anak. Dia pun terjaga:

"Ayah, Ayah bangunlah... sebiji korma telah terjatuh kena hidungku, aduh... sakitnya.

Si bapa pun senyum dan berkata: **"Inilah keadilan Allah.... Bagaimana kalau buah tembikai yang jatuh mengenai mukamu? Mungkin hidungmu akan patah dan mukamu akan rosak, dan tak ada pemburu atau pengembara yang akan berteduh di bawah pohon kurma. Kerana takut buah kurma yang sebesar buah tembikai akan menghempap mereka. Lantas di mana mereka akan berteduh di padang pasir ini? Bukan semua pokok boleh tumbuh melainkan pokok kurma."**

Maka insafilah anak itu serta menyesal dan minta ampun pada Allah atas kesilapan yang mengatakan Allah tidak adil. Semoga perempuan yang suka *complain* bila tengok buah yang besar di pohon yang kecil dan buah yang kecil di pohon yang besar akan tahu hikmahnya.

Mari kita kembali kepada perbincangan tentang manusia terutama wanita. Ini kerana ramai wanita merasakan bahawa Tuhan tidak adil terhadap mereka. Ada saja kesalahan Tuhan yang dicari, nikmat Tuhan tidak mereka syukuri. Sebenarnya antara lelaki dan wanita adalah sama sahaja. Hanya sifat lahiriah dan tugas sahaja yang membezakan keduanya. Mereka saling lengkap melengkapi.

Adalah mustahil untuk satu jenis bidang tanpa yang satu lagi. Kaum lelaki bekerja sesuai dengan kodratnya. Begitu juga kaum wanita, mereka pun bekerja menurut kodratnya. Apakah mereka masih tidak puas hati dengan tugas masing-masing?

Mari kita menyeleweng sedikit lagi. Menyeleweng sambil menulis ini menjadi kebiasaan saya seperti yang telah saya katakan dalam buku saya yang sudah-sudah dan akan saya ulangi bahawa buku saya ditulis sama seperti sistem *supermarket* atau *shopping complex*. Dan 'Wanita' pula memang suka *shopping*, suka *window shopping*. Kalau macam itu, ikuti saya pergi *window shopping* sebentar. Kaum lelaki adalah pemimpin. Justeru seorang pemimpin perlu mempunyai fizikal yang lebih kuat dan daya fikir yang mantap. Kedua-dua sifat ini hanya dimiliki oleh kaum lelaki. Hakikat ini terbukti kerana tidak ada seorang Nabi dan Rasul pun dari kaum Hawa. Namun ini bukanlah berarti Allah tidak sayang atau benci terhadap kaum wanita, tapi semata-mata sayangnya Allah pada mereka kerana Allah tidak akan membebani tugas di luar kemampuan mereka.

Kaum lelaki ditugaskan mencari nafkah untuk memberi makan anak isteri, menyediakan pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain di samping menjaga kehormatan, keselamatan dan keamanan keluarga. Dan pada masa-masa tertentu kaum lelaki dipanggil untuk mempertahankan aqidah dan negaranya dari ancaman musuh.

Adapun kaum wanita pula yang merupakan pokok perbincangan dalam bab ini bersifat 'emosional', iaitu mudah dikuasi oleh emosi. Di samping daya fizikal mereka yang tak sekuat kaum lelaki, mereka terkenal dengan lemah lembut, penyayang dan sekaligus menjadi penghibur kepada kaum lelaki. Tolong *window shopping* sekali lagi. Bacalah bab **TUAN TIDAK MAHU** untuk mengetahui betapa suara perempuan yang lemah lembut sebenarnya adalah lebih kuat dan lebih berkuasa dari suara lelaki.

Peranan wanita dalam kehidupan lelaki amatlah penting terutama para pemimpin negara. Seandainya mereka dapat mengenali diri mereka sendiri, mereka akan insaf kerana agama menuntut manusia agar mengenal diri sebelum mengenal Tuhan. Sudah sampai masanya wanita belajar berminat dengan perkara yang berkaitan dengan logika, falsafah dan sufi. Jangan asyik dengan syariat saja.

Memang wanita itu bersifat penyayang tapi bukan hanya sayang abang melulu. Namun ada hal yang lain yang tidak kurang pentingnya seperti semasa ia mengandung dan melahirkan anak. Kita tahu betapa tabahnya seorang ibu dalam memelihara anaknya, walaupun ibu sudah merasa letih namun ia masih sabar untuk memelihara si anak dengan membersihkan najisnya, membasuh lampinnya, menimang, mendudui, mencebok, menggantikan pakaian baru, sampai menyusui dan memberi makan. Ini dilakukannya oleh ibu dengan kesabaran dan rasa kasih yang sepeenuhnya. Suara tangis anaknya hampir menjadi hiburan khusus bagi kaum ibu. Apakah pekerjaan ini boleh dilakukan oleh kaum lelaki? Seandainya lelaki yang disuruh mengambil tugas itu, ada kemungkinan anak itu mahu dilempar keluar tingkap kerana si anak buang air besar dan menangis di tengah malam buta serta mengganggu tidurnya. Mereka sudah letih bekerja di siang hari, malamnya pula diganggu oleh budak yang baru belasan jam umurnya itu. Sayang tu sayangnya, tapi mana tahan.... Di sini kekuatan wanita mengatasi kekuatan lelaki, kecuali lelaki yang sepeenuh hidupnya bergantung pada isteri dan emosinya sama seperti wanita.

Hanya kaum ibulah yang boleh memelihara anak. Ia akan menjalankan tugasnya dengan penuh ikhlas dan kasih sayang. Sifat 'emosional' yang dimiliki mereka berupaya menimbulkan rasa kasih dengan cepat. Si anak dapat merasa nyaman dibawa buaian ibu dan merasa selamat berada di bawah ketiak ibunya. Badannya lembut, hatinya pun lembut. Sehingga kelangsungan dan perkembangan hidup manusia boleh diharapkan dengan baik. Inilah di

antara tugas-tugas kaum wanita, tapi disebabkan ramai wanita yang sudah mengambil alih pekerjaan yang sepatutnya dikerjakan oleh lelaki, mereka hilang segala yang telah Tuhan anugerahkan pada mereka. Alangkah rajinnya... kasihan.... Alangkah baiknya jika mereka setiap kali melihat sesuatu, lantas mengingati Allah sambil berfikir bahawa Allah tidak menjadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Nya.

Sebenarnya saya sengaja menulis tentang wanita ini dan meletakkannya di bahagian pertama buku ini kerana wanita begitu penting dalam kehidupan lelaki. Wanita bolehlah dianggap sebagai *determining factor* atau 'faktor penentu' dalam kesejahteraan dan ketenangan hidup kaum lelaki sama ada dari segi fizikal atau mental.

Sebagai buktinya, maklumat-maklumat dari Kementerian Kesihatan menunjukkan 72 peratus dari jumlah pesakit otak di negara kita ini adalah kaum lelaki. Pakar-pakar perubatan pula bersetuju bahawa salah satu punca utama kaum lelaki merana sakit otak ini adalah disebabkan oleh para isteri yang mendesak suami-suami mereka membelikan barang-barang mewah seperti perabot, alat solek yang mahal-mahal, pakaian dan barang-barang kemas yang di luar kemampuan suami. Ada juga para suami yang menderita sakit jiwa sebab isteri mandul, tak mampu melahirkan zuriat. Dan tak kurang juga yang menerima tekanan emosi yang dahsyat akibat berpoligami dengan wanita-wanita yang tidak begitu memahami atau sengaja tak mahu faham hukum-hukum Allah.

Profesor Dr. Hamid Arshad pernah mengesahkan, "suami" boleh sakit jiwa kalau isteri bahkan dirinya sendiri bertindak tanpa tujuan dan di luar kemampuan serta tiada pedoman agama.

Sekarang ini terdapat sejumlah 30,000 orang yang menjadi mangsa sakit otak di negara kita ini. Yang paling teruk dihindangi oleh wabak penyakit ini ialah mereka yang berumur di antara 20 hingga 40 tahun.

Cuba anda tengok perangkaan Kementerian Kesihatan yang saya perturunkan di bawah ini:

JANTINA	USIA	PUNCA	PERATUS/ PURATA
Lelaki	20 - 40 tahun	- masalah rumahtangga (termasuk isteri) - gagal naik pangkat - tekanan ekomoni dan sara keluarga - kegagalan perniagaan dan jadi mangsa penipuan	60 peratus
	pelajar/ siswazah pengajian tinggi	- tekanan pelajaran dan emosi	2 peratus
	40 - 60 tahun	- tekanan ekonomi dan rumahtangga	10 peratus
perempuan	20 ke bawah	- kekecewaan percintaan - konflik dalam rumahtangga	20 peratus
	20 - 40 tahun	- kekecewaan dalam percintaan dan alam rumahtangga - manggsa perceraian	18 peratus

Saya kira tidak mustahil jika jumlah ini akan bertambah dalam jangkamasa yang singkat. Saya berkata begitu sebab jumlah wanita di negara kita sedang bertambah. Di dalam bab-bab yang anda baca, anda akan faham apa yang saya maksudkan. Di Pulau Pinang misalnya, jumlah suami yang tiba-tiba jadi sasau sudah meningkat ke angka seratus setiap hari. Itu baru Pulau Pinang, belum lagi negeri-negeri lain di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kalau nak dikira betul-betul, ditokok pula dengan kes-kes yang tidak dilaporkan, boleh jadi gila juga dibuatnya. Peningkatan penyakit gila dengan kadar yang gila-gila ini tidak berlaku tanpa sebab musabab. Orang tak boleh tut-tut jadi gila.

Menurut Penasihat Persatuan Pesakit-pesakit Jiwa Pulau Pinang, para lelaki yang dilanda sakit jiwa ini adalah disebabkan para isteri yang gilakan kemewahan. Dan tak kurang juga disebabkan si teruna yang *frust* kerana gilakan si dara.

Akhbar **Warta Perdana** keluaran 3 September 1989 pula melaporkan:

"Isteri-isteri bukan lagi buah hati atau intan payung, sebaliknya sebahagian dari mereka telah mendatangkan mudarat kepada rumah-tangga. Ini kerana para pakar telah mengesani mereka sebagai salah satu punca suami-suami mengidap sakit otak."

"Isteri itu racun....," kata akhbar itu lagi. Biar bagaimanapun saya harap para isteri yang sudah habis membaca buku ini nanti tidak akan menjadikan diri mereka sebagai racun. Bidalan Melayu pun ada mengatakan bahawa **"Wanita itu madu dan dalam masa yang sama merupakan racun yang amat berbisa."**

Maka itulah sebabnya saya sengaja menghiaskan kulit buku **WANITA, TAKHTA DAN KUASA** ini dengan sekumtum

mawar kuning, simbol kecantikan wanita. Tapi berhati-hatilah, tersilap petik, duri-durinya akan mengakibatkan luka yang pedih.

Tidak ada jalan lain lagi bagi para wanita untuk menghindari penyakit jiwa yang terpaksa ditanggung oleh suami mereka melainkan dengan mengakui serta mengamalkan hukum-hukum Allah.

Para wanita Islam yang mengingkari hukum Allah bukan sahaja akan merosakkan rumahtangga mereka bahkan akan mencemarkan imej Islam di negara kita ini. Kini kadar perceraian di kalangan pasangan-pasangan Islam di negara ini mendahului kadar perceraian pasangan-pasangan kaum lain.

Majalah *Asia Magazine* dalam keluaran Oktober 27 - 29, 1989 melaporkan:

"Kadarnya (perceraian di Malaysia) bertambah, tapi tahapnya masih dipertikaikan. Satu kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga menunjukkan 16 peratus daripada perkahwinan pasangan Islam berakhir dengan perceraian, sementara 12 peratus bagi pasangan India dan tiga peratus perkahwinan pasangan Cina berakhir dengan cara yang sama....."

Ingatlah, bahawa syurga bagi seseorang isteri itu adalah terletak di bawah tapak kaki suaminya. Jadi, janganlah biarkan suami anda menjadi gila. Kalaulah wanita dapat melihat dan berfikir, mereka dapat menjadikan dunia ini sebuah tempat yang lebih selesa untuk didiami. Mereka dapat menjadikan rumahtangga bagai sebuah kapal yang tenang, yang tidak teroleng-oleng di tengah lautan. Sebab itulah kapal sering diberikan nama wanita: Queen Elizabeth, Catharina, Victoria dan sebagainya. Kerana kapal maupun wanita sangat tinggi nilainya, tapi sukar dikenaldikan.

2

PERMATA, WANITA DAN HARTA

DALAM masyarakat *jetset* antarabangsa, perihal gelagat wanita memburu harta dan permata memang sering mendapat tempat di dalam majalah-majalah dan juga akhbar.

Wanita sedar bahawa kecantikan mereka akan pudar ditelan usia. Begitu juga dengan usia muda yang lambat laun menjadi tua. Tapi barang kemas, emas dan permata terutama berlian yang berharga boleh jadi teman setia seperti yang dikata '*diamonds are forever*'. Bagi mereka yang bersifat kebendaan, harta dan permata sahaja yang boleh menjamin kemewahan hidup untuk generasi mereka yang selanjutnya.

Bagi wanita-wanita yang terkaya dalam dunia, baik dari Barat mahupun Timur, nama peniaga berlian, Harry Winston, adalah nama yang tidak asing lagi. Sebenarnya Winston lebih terkenal dan terkemuka jika dibandingkan dengan pemilik firma-firma berlian yang lain seperti *Cartier* ataupun *Van Cleef & Arpels*.

Tahun 1949, Winston pernah membeli keseluruhan koleksi berlian kepunyaan jutawan wanita Amerika, Evalyn Walsh McLean, dengan harga US\$1.5 juta. Koleksi Evalyn

itu termasuklah sebutir 'Berlian Biru' 44 karat yang dikenali sebagai *Hope Diamond* yang pernah dimiliki oleh Marie Antoinette, isteri Raja Louis XVII semasa Revolusi Perancis.

Winston kemudian menghadaiahkan batu tersebut kepada Smithsonian Institute Washington, DC. Selain dari itu koleksi itu termasuk juga sebutir batu 94 karat yang dikenali sebagai *Star of the East Diamond* yang dijual semula kepada Raja Farouk, Mesir, dengan harga US\$1 juta.

Harry Winston Inc. juga pernah memiliki atau menjual 60 butir dari 303 butir berlian yang paling termahal dan terkenal di dunia. Di antara berlian itu termasuklah 26 butir yang digunakan pada mahkota Di Raja Iran (sebelum revolusi), 5 butir yang digunakan pada mahkota Kerajaan British, 5 butir yang dimiliki oleh Ratu Elizabeth 11 secara peribadi dan sebutir yang dimiliki oleh Elizabeth Taylor.

Winston juga terkenal kerana meminjamkan koleksi berlian dan barang-barang kemasnya kepada wanita-wanita terpenting dunia. Contohnya beliau pernah meminjamkan Nancy Reagan dan Erita Peron, berlian dan aksesori yang bernilai US\$13 juta untuk dipakai pada hari mengangkat sumpah suami mereka sebagai Presiden.

Dalam tahun 1982, Winston telah mengirimkan satu koleksi barang-barang kemasnya ke satu kediaman yang dikongsi oleh Putera Turki bin Abdul Aziz, saudara kepada Raja Saud dan Mohammad Al-Farsi, ipar kepada keluarga Diraja Saudi untuk dilihat sendiri oleh para pembeli tertentu. Jumlah keseluruhan koleksi yang dikirimkan itu dianggarkan bernilai ratusan juta dolar Amerika.

Bagaimanapun barang-barang itu telah dikembalikan semula tanpa sebarang cincin bernilai US\$1.2 juta. Tidak lama kemudian menjelang hari Krismas tahun tersebut,

Ahlal, adik kepada Mohammad Al-Farsi telah ditangkap kerana cuba menjualkan cincin berlian tersebut kepada ejen FBI yang sedang menyamar sebagai pembeli berlian.

Bercakap tentang Al-Farsi, kita tentu tidak lupa bagaimana Mohammad Al-Farsi telah memikat seorang gadis anak pelombong arang batu di England dengan berlian yang mahal-mahal. Mereka kemudian berkahwin dengan rasmnya di Los Angeles, Amerika.

Pada mulanya Diana Bilinelli yang menukarkan namanya kepada Sheikha Dena Al-Farsi tidak begitu mengetahui tentang kekayaan keluarga Al-Farsi. Bapa mertuanya, Dr. Sheikh adalah merupakan seorang peniaga Morocco yang dianggap sebagai *magic* dan pernah dipenjarakan di Arab Saudi kerana dianggap sebagai musuh kerajaan kerana mahu mengahwinkan anak perempuannya, Hind, dengan Putera Turki bin Abdul Aziz sungguhpun mendapat tentangan dari abang Putera Turki, iaitu Putera Fahd (kini Raja Fahd.)

Dena bukanlah merupakan seorang gadis yang sophisticated. Namun beliau menyedari bahawa sikap tidak bersopan santun suami dan saudara-saudaranya itu sama besarnya dengan kekayaan mereka. Contohnya Sheikh Tarek pernah dibuang dari College du Lemane, Geneva, kerana cuba melanggar guru besar sekolah itu dengan Ferrarinya. Suaminya pula, Mohammad Al-Farsi pernah turun dari suite 3 tingkatnya di Hotel International dengan memakai baju tidur dan membuang kulit kacang di merata-rata hamparan lobi hotel tersebut.

Dena terkejut apabila Mohammad membelikan untuknya hartanah seluas 3 ekar di Sunset Boulevard, Beverly Hill dengan harga US\$2.4 juta tunai. Dia terkejut bila Mohammad mengambil seorang anak angkat perempuan dari Uruguay dan seorang budak lelaki yang berpenyakit dari Turki. Apa yang lebih mengejutkan lagi Dena ialah apa-

bila Mohammad mengahwini seorang gadis Amerika bernama Victoria Sosa ketika dia (Dena) sedang berada di Eropah dan Arab Saudi. Kemudian ketika berada di Perancis, Mohammad berkahwin pula dengan seorang gadis Arab bernama Ibtissam dengan pesta 3 malam di kota London yang menelan belanja sebanyak US\$5 juta.

Akhirnya setelah 3 tahun menjadi isteri Mohammad, Dena tidak lagi dapat menahan sakit hatinya apabila dia sentiasa diekori oleh para pengawal walaupun ke bilik air ataupun untuk melihat anak-anaknya sendiri.

Jalan yang terbaik untuk seseorang wanita yang sudah biasa kaya mengekalkan kekayaan itu, tanpa terpaksa menyimpan rasa sakit hati yang selanjutnya ialah dengan menuntut perceraian.

Dalam tahun 1983, ketika baru berusia 24 tahun, Dena bukan sahaja menuntut cerai bahkan menuntut wang US\$3 bilion dari Mohammad Al-Farsi dan berjaya mendapatkan hampir US\$85 juta dalam satu kes penjelasan perceraian yang terbesar dalam sejarah Amerika. Kes tuntutan cerai ini mengatasi kes tuntutan cerai di antara Soraya dengan Adnan Khashoggi yang bernilai US\$2.4 bilion.

Bila kita bercakap pasal Adnan Khashoggi pula, kita tentu tidak dapat melupakan Nabila Khashoggi. Puteri Adnan yang masih lagi dalam lingkungan usia dua-puluh tahun itu adalah merupakan wanita termuda yang memiliki segala-galanya: harta, permata, takhta dan kuasa.

Nabila Khashoggi bukanlah memerintah sebuah negara, tapi beliau merupakan Presiden Triad Commercial Corporation yang dibina oleh ayahandanya. Beliau menadbirkan perniagaan Triad dari sebuah kapal mewah yang juga bernama Nabila. Kapal inilah yang dikatakan telah dijual kepada Baginda Sultan Brunei, seorang lagi manusia yang terkaya di dunia.

Selain dari menguruskan perniagaan, Nabila juga menggunakan sebahagian besar dari masanya untuk melihat koleksi permata-permata yang dihadaiahkan kepadanya oleh Adnan Khashoggi.

Pendek kata kuasa beliau yang terletak di tangan gadis ini hampir-hampir tidak terbatas. Kalau dulunya Kay Kirk, waris kepada raja minyak Texas yang menjadi jaguh dalam soal-soal pembelian intan berlian ini, kini tempat itu telah diambilalih oleh wanita-wanita yang menjadi isteri kepada jutawan-jutawan minyak Arab bermula dari Sheikha Hesa Al-Khalifa, isteri kepada raja Bahrain yang pernah membayar 1.5 juta dollar Amerika untuk sebetuk berlian berbentuk buah pear.

Tradisi membeli berlian ini diikuti pula oleh keluarga Khashoggi. Selain dari Nabila, Mohammad, anak lelaki Adnan Khashoggi membelikan berlian yang bernilai berjuta-juta ringgit untuk dihadaiahkan kepada teman wanitanya, aktres Heather Locklear dan adiknya Nabila.

Kalau Mohammad Khashoggi sanggup membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk membawa keluar aktres Heather Locklear, berapa agaknya hantaran belanja bagi Nabila dan gadis-gadis lain dari keluarga-keluarga *super-rich* ini?

Dalam sejarah perkahwinan Barat, dua majlis yang pernah dicatatkan dalam *Guinness Book of Records* ialah perkahwinan Elena Pation, anak perempuan jutawan timah yang menelan belanja US\$22 juta dan juga perkahwinan di antara Maric Niarchos dengan Alix Cherassus yang menelan belanja US\$500,000. Namun angka-angka ini semuanya dapat diatasi oleh perkahwinan Puteri Salamun dengan Sheikh Zayid ibu Said Al-Makhtum yang menelan belanja \$33 juta Amerika.

Perbelanjaan yang begini besar tidaklah menghairankan kerana Putera Mohammad bin Rashid Al-Makhtum ber-

sama menteri pertahanan Emiriah Arab Bersatu pernah berkongsi membeli seekor kuda dengan harga US\$10 juta dari Jaqueline Getty Philip. Manakala Sheikh Rashid bin Said, raja Dubai pernah membelanjakan sebanyak US\$40 juta dalam tahun 1982 hanya untuk membeli kuda-kuda lumba.

Barangkali wanita Islam yang sering diperkatakan di antara wanita-wanita yang terkaya di dunia ialah bekas Raja Perempuan Iran, Farah Diba yang kini hidup dalam buangan. Dengan harta dan pelaburan yang dianggarkan bernilai di antara US\$3 hingga US\$75 bilion yang diseludup keluar dari Iran, beliau dipercayai tergolong dalam senarai sepuluh orang wanita yang terkaya di dunia.

Bagaimanapun, hakikat ini dinafikan oleh adik iparnya, Puteri Ashraf. Beliau mengatakan bahawa beliau terpaksa memindahkan US\$700,000 dari akaun persendiriannya di Iran ke sebuah bank di Switzerland dengan menggunakan kod. Wang ini telah digunakan semata-mata untuk membantu pelarian revolusi. Menurutnya lagi, dia juga terpaksa menjual barang-barang kemasnya untuk tujuan tersebut.

Sama ada kenyataan itu benar atau tidak hanya adik Shah Iran itu sahaja yang mengetahuinya. Namun, biar bagaimanapun, Putera Ashraf masih kelihatan memakai intan berlian yang mahal-mahal ketika menghadiri majlis-majlis.

Kini kerajaan Republik Islam Iran sedang mengambil tindakan undang-undang ke atas Farah Diba, Ashraf, dua orang lagi adik perempuan Shah, seorang anak lelakinya dan juga ibunya yang telah meninggal dunia. Tindakan ganti rugi yang bernilai US\$45 bilion itu termasuk juga tuntutan ganti rugi yang ditujukan terhadap kerajaan Amerika Syarikat. Menurut kata Paul O' Dwyer, peguam di New York yang dilantik oleh kerajaan Ayatollah, proses

tuntutan ini akan mengambil masa yang lama. Paul O' Dwyer juga mengatakan: "Terdapat berbagai cerita mengenai apa yang mereka ini miliki."

Setelah kes ini dibuang oleh mahkamah di New York dalam tahun 1984, nampaknya keluarga Allahyarham Shah akan terus kekal memiliki harta-harta tersebut. Perlu juga dinyatakan di sini, bahawa terasa adanya keputusan yang berat sebelah di dalam kes ini dan ditambah pula dengan keputusan kerajaan Amerika Syarikat membekukan harta-harta serta pelaburan milik kerajaan Iran di negara tersebut.

Sebenarnya perbincangan mengenai perihal harta, sudah lama dibincangkan oleh ahli-ahli fikir dunia. Golongan kapitalis yang mempunyai modal, bukan sahaja mengeksploitasi semua sektor perniagaan dan jurang pemisahan antara keduanya, mewujudkan tekanan ekonomi yang akan menyebabkan kelompok atau negara yang terlibat terpaksa menggantungkan *survival* ekonomi mereka kepada golongan kapitalis ini.

Glamour permata, wanita dan harta juga terdapat dalam dunia komunisme, yang kononnya menyamaratakan kesejahteraan atau setidaknya akan memperkecil jurang pemisah antara si kaya dan si miskin. Tapi rupanya mereka juga gagal dan terpaksa dilipat oleh sejarah.

Soviet Union, presiden Gorbachev sudah mula memperkenalkan dasar baru yang dirasakan sebagai lebih menjamin sistem komunisme ini. Di China pula telah berlaku demonstrasi pro demokrasi. Di Poland sistem komunisme telah menjadi tidak lebih dari satu sejarah. Kegelisahan rakyat yang memuncak di Hungry dan mungkin juga Jerman Timur akan menyaksikan episod-episod terakhir kehancuran sistem komunisme di dunia ini. Apakah perkara ini berlaku kerana wanita dan harta atau kerana takhta?

Apabila kapitalis dan komunis sudah sama-sama gagal, marilah kita mengkaji sistem Islam. Islam menggalakkan umatnya bekerja sama ada berniaga, bertani, berlayar dan lain-lain. Namun Islam tidak sekali-kali mengharuskan ketiga-tiga 'Ta'. Orang Islam boleh memiliki ketiga-tiga sekali: Wanita, Harta dan Takhta.

Islam menggalakkan pemilik tiga 'Ta' ini dengan cara halal dan sederhana. Mereka yang kaya diwajibkan membayar zakat untuk membantu umat Islam yang kurang mampu. Raja di atas takhta mesti berlaku adil dan saksama demi kepentingan Islam yang lainnya. Tidak cukup dengan itu, sistem Islam juga menganjurkan untuk infaq atau sedekah kepada wanita, janda, anak yatim, fakir miskin dan lain-lain, bukan membazirkan amanah Allah menunjukkan permata dan harta.

Islam menggalakkan umatnya mencari harta, untuk kesejahteraan sebenar, dan bukan untuk berpoya-poya. Ini kerana manusia **diciptakan bukan untuk menjadi hamba harta tapi harta dipergunakan sebagai alat untuk beribadah kepada Allah. Dan untuk membangun kampung akhirat yang semua manusia akan segera kembali ke sana bersama-sama wanita yang menjadi muhrimnya. Takhta dan Harta tertinggal di dunia.**

3

FITNAH WANITA

SEBENARNYA poligami sudah diamalkan sejak zaman dahulu kala. Ia merupakan tradisi para nabi-nabi seperti Nabi Ibrahim a.s., Daud a.s., Sulaiman a.s. dan yang terakhir Nabi besar Muhammad s.a.w.

Menurut cerita-cerita yang terdapat di dalam Al-Quran dan berbagai riwayat-riwayat lain termasuk buku '*Cerita Al-Quran*' yang ditulis oleh Bey Arifin mengisahkan bahawa Nabi Daud a.s. telah beristeri sembilan puluh sembilan bahkan pernah melengkapkan sampai seratus tapi tidak lama. Dan yang paling akhir diceraikan kerana diketahui bahawa ia telah bersuami meskipun suaminya telah lama pergi dan tiada khabar.

Hampir seluruh bangsa-bangsa di dunia ini mengamalkan poligami: bangsa Yunani, Cina, Hindu, Babilon, Assyria dan Mesir. Amalan poligami di negara-negara tersebut pula tidak terbatas. Agama Cina membolehkan poligami sampai 130 orang isteri. Agama Yunani tidak membatasi jumlah isteri. Dan tersebut dalam kitab taurat bahawa Nabi Sulaiman mempunyai 700 isteri perempuan merdeka dan 300 orang hamba sahaya. Adapun agama Kristian tidak menolaknya secara terang-terang. Martin Luther pernah menegaskan

"Tidak boleh mengharamkan poligami kerana ini adalah perintah Allah dan pernah dikerjakan oleh Nabi Ibrahim a.s. Luther inilah contoh orang Nasrani yang benar. Pendiiriannya itu cocok dengan apa yang tertulis di Injil.

Wanita.

- Dr Mustafa Siba'i

Mengapa Islam membolehkan poligami? Poligami merupakan salah satu jalan keluar terbaik dalam menjaga kestabilan hidup manusia meskipun kaum wanita menganggapnya sebagai hal besar yang amat menakutkan sebagaimana jihad merupakan hal yang menakutkan bagi kaum lelaki.

Agama diturunkan hanya untuk mengatur dan mempermudah kehidupan manusia. Ia bukan untuk memberatkan, apalagi menakut-nakutkan... Apabila ada orang lari ketakutan kerana melihat tukang cukur bawa pisau dan gunting jangan salahkan tukang cukur.

Dalam Islam Poligami itu diharuskan dan ia banyak membawa faedah terutamanya bagi kaum wanita. Lelaki diperbolehkan berpoligami dengan syarat-syarat cukup lahir, batin dan adil, bukan dilepas tanpa ikatan yang akan merugikan isteri yang terdahulu. Kalau tidak adil suami akan mendapat azab khas yang telah disediakan.

Antara sebab-sebab yang lain memperbolehkan lelaki berpoligami ialah ramai jumlah wanita dari lelaki, isteri sakit mandul atau daya tahan suami lebih kuat dari isteri.

Dalam kehidupan ini jumlah wanita jauh lebih besar daripada jumlah lelaki. Apalagi jika diambil kira jumlah kaum lelaki yang telah tewas dalam medan pertempuran dan timbulnya bangsa WARIA atau wanita pria, dan yang amat pelik lagi adanya perkahwinan lelaki dengan lelaki seperti

yang terjadi di Poland, baru-baru ini. Andaikata jumlah wanita jauh lebih banyak dari lelaki, dan lelaki sudah berkahwin sesama lelaki, ke manakah wanita nak cari suami? Setiap wanita ingin membina keluarga, ingin mempunyai anak dan merasakan tanggungjawab berkeluarga. Apabila lelaki tidak mahu menikahi mereka, apa yang akan terjadi? Siapa pula yang akan menolong nasib mereka? Dan apakah ini cubaan untuk kaum wanita atau kaum lelaki?

Membiarkan mereka hidup mendara sampai tua adalah zalim, kerana mereka mempunyai nafsu syahwat sama seperti lelaki. Mereka memerlukan pasangan. Akibatnya nanti akan meluas krisis susila, kemasyarakatan dan tersebarnya penyakit batin dan penyakit lahir lainnya ia juga merosakkan dunia kerana cuba melanggar fitrah alam.

Yang menjadi mangsa akhirnya ialah kita semua. Tak percaya tanya pekerja-pekerja di mana bossnya wanita, yang jadi andartu.

Memang sukar bagi kaum wanita hendak menganggap semua wanita adalah saudaranya. Mereka boleh dianggap adik atau kakak dalam hal-hal yang lainnya. Kenapa tidak dalam hal yang seberat ini? Mereka akan lebih bahagia kiranya mereka sanggup bela nasib mereka dengan merelakan para suami untuk dinikahi. Kalau anda boleh bergembira sebagaimana anda bergembira kalau saudara kandung atau anak anda dinikahi oleh orang lain, kenapa tidak suami? Kalau iapun mati tinggal. Bukan dalam masa satu bulan boleh sepenuh masa dengan suami?

Saya yakin pemecahan masalah ini sebahagian besarnya terletak di tangan kaum wanita sendiri. Kalau mereka tak mahu membelanya, tak mungkin ada makhluk lain yang berkuasa atau daya luar yang menjelma. Tunggu azab yang akan turun, musibah akan menjadi lebih besar. Bila perempuan sudah terlantar, masyarakat rosak, penyakit tersebar dan azab pula akan menyusuli satu demi satu.

Poligami mungkin sebagai cubaan atau fitnah bagi kaum wanita, sampai di mana ketaatan wanita muslimah terhadap peraturan Tuhannya (Allah). Mungkinkah kerana poligami seorang wanita boleh dinilai kadar keimanan...? Bagi kaum lelaki poligami pun mungkin merupakan cubaan. Mampukah mereka berbuat adil di antara isteri-isterinya...?

"Mengapa perempuan tak boleh kahwin lebih dari satu?" Seorang ulama Mesir sewaktu di Amerika ditanyai oleh orang Amerika.

Kenapa Islam membolehkan lelaki kahwin lebih dari satu sedangkan wanita dilarang, lalu dijawab oleh ulamak itu. Beginilah lebih kurang dialog mereka.

- + Maaf... apakah di negara tuan ada pelacuran.
- Ada.
- + Adakah mereka disuntik untuk menghilangkan penyakit?
- Ya.
- + Berapa kali?
- Setiap minggu. 2 kali.
- + Mengapa demikian?
- Kerana perempuan kalau didatangi banyak lelaki akan diserang penyakit.
- + Itulah Islam melarang perempuan kahwin banyak lelaki.
- Mengapa tuan mengadakan pelacuran perempuan tidak lelaki juga?
- + Itu bertentangan dengan fitrah wanita.
- Begitu juga kalau perempuan mempunyai ramai lelaki.

(Prof. Dr. M. Mutawalli Sya'rawi)

Semua manusia suka kepada perhiasan. Mereka rela berkorban dengan mengeluarkan beribu-ribu ringgit untuk mendapatkannya. Ini kerana fitrah manusia yang suka

kepada benda-benda yang cantik. Allah pun demikian juga. Di dalam hadis ada disebutkan bahawa:

“Allah itu Maha Indah dan menyukai benda-benda Indah”.

(H.R. BAIHAGI)

Hiasan selalu menjadi rebutan manusia walau di mana berada, lebih-lebih lagi kaum wanita. Di dalam Islam banyak perhiasan yang diharamkan untuk lelaki dan dibolehkan bagi kaum wanita.

Tapi apa hiasan yang paling menarik bagi kaum lelaki? Wanita adalah hiasan yang paling menarik bagi kaum lelaki. Seluruh anggota tubuh wanita adalah menarik. Bermacam-macam cara orang lelaki tercuik hatinya pada perempuan. Ada yang kerana melihat salah satu anggota tubuhnya, ada pula yang terduduk kerana mendengar suaranya dan sebagainya.

Kaum lelaki apabila melihat wanita kadang-kadang cepat tergiur. Wanita pun demikian. Tapi lelaki rasa malunya agak tipis dan ini menimbulkan rasa untuk merembutnya lebih agresif.

Berbagai-bagai alat dipergunakan oleh lelaki untuk memikat wanita yang disukainya. Ada yang sanggup mengeluarkan banyak harta, ada pula yang sampai rela turun dari takhta. Dan tidak kurang juga yang pergi ke bomoh. Pendek kata bukan main kuat daya tarik wanita.

Ada tiga kelemahan lelaki: Wanita, judi dan arak. Ramai lelaki yang boleh berhenti minum arak, berhenti main judi tetapi tak ramai yang dapat berhenti dari meminati wanita. Lelaki yang sudah tua adalah lelaki yang sudah tidak lagi mahu melihat wanita. Selagi mahu tengok perempuan belum tua lagi.

Jika kita kembali pada kisah manusia, pertama iaitu Adam a.s., Adam tidak boleh hidup secara sendirian di syurga walaupun di sana sudah penuh kenikmatan dan kelazatan. Dia mesti ada pendampingnya. Akan tetapi kerana pendampingnya itulah beliau turun dari syurga. Adegan pertama manusia ini mengingatkan lelaki agar waspada terhadap wanita dan jarang sekali lelaki yang selamat dari fitnah wanita.

Nabi Yusuf terkenal sebagai Nabi yang paling tampan. Semua perempuan pada waktu itu tergila-gila padanya. Diapun terkena dengan godaan wanita sehingga hampir terjadi hal yang fatal tapi kerana beliau seorang nabi dan menjadi teladan umatnya maka Allah menjaganya dan menyelamatkan. Semoga Allah menyelamatkan kita semua.

Berapa ramai tokoh-tokoh masyarakat terkemuka di dunia yang jatuh kerana wanita? Kerana wanitalah orang pandai jadi bodoh. Kerana wanitalah orang mulia jadi hina dan kerana wanitalah orang kaya jadi miskin. Wanita memang halus, licin tapi awas... jangan dibuatnya main-main, nanti tergelincir. Jatuh bagai semut mati ditumpukan gula.

Wanita pun demikian. Kalau tidak waspada akan mudah dipermainkan lelaki. Apalagi wanita yang berpakaian menjolok dan bertingkah tidak sewajarnya. Ini betul-betul santapan lazat bagi kaum lelaki, seperti kucing mengintai ikan goreng.

Kaum lelaki tak mahu melepaskan kesempatan untuk mempermainkan wanita. Wanita itu dikerjakan sekehendaknya macam hamba sahaja yang baru dibeli. Jika lelaki dah puas, di tinggalkan begitu saja macam orang membuang sampah yang tak berharga. Kata pepatah Melayu **habis manis sepah dibuang**.

Lebih buruk lagi kalau wanita sudah merasa ternoda lalu berbuat lebih agresif, rasa malunya sudah lenyap, dan

tahu-tahu sendirilah jika wanita tidak mempunyai rasa malu lagi. Maka akan lebih dahsyat tindakan mereka itu daripada lelaki. Dia merelakan dirinya untuk dijadikan apapun, meskipun diambil gambar bogel dan menjadi hiasan di tengah-tengah jalan utama, bahkan dia senyum gembira mempamerkan tubuh badannya.

Banyak bar-bar dan night club yang memperalatkan wanita. Wanita disuruh mengadakan tarian bogel. Wanita dijadikan alat dagangan. Foto-foto mereka dalam keadaan separuh bogel, berbogel digunakan untuk tujuan-tujuan pengiklanan dan lain-lain.

Kenapa *'women's lib'* tidak mengutuk perbuatan ini seperti mereka kutuk dan burukkan Tuhan yang mengizinkan poligami?

Kaum lelaki melihat keadaan begini makin kacau fikirannya kerana terlalu banyak wanita yang boleh dipermainkan. Wanitanya pun demikian kerana terlalu ramai saingan. Mereka lebih berani untuk memikat lelaki. Akhirnya kehidupan manusia tak banyak beza dengan alam binatang. Menungkanlah, fikirkanlah apakah sebaik-baik jalan untuk menyelesaikan masalah ini?

Pepatah menyatakan:

"Jika perempuan baik negara akan baik, jika perempuan rosak negara pun akan rosak."

Islam selamat dan akan kekal untuk selama-lamanya kerana Islam adalah agama penyelamat bagi kaum wanita.

Apa yang terjadi di negara-negara yang sudah rosak wanitanya? Walaupun mereka nampak lebih maju dari segi sains dan teknologi tapi tiada ketenangan dan ketenteraman jiwa. Di Amerika yang merupakan negara super

power dengan kemajuan sains dan teknologinya yang amat menakjubkan mempunyai rekod jenayah yang paling tinggi. Wanita adalah termasuk salah satu faktor yang boleh merosakkan negara atau sebaliknya. Sama ada diakui atau tidak, namun beginilah kenyataannya.

Kasihlah nasib wanita, kepada siapa mereka minta pertolongan? Dan siapa pula yang akan menghargai diri mereka?

Sebenarnya Islam telah lama menghulurkan tangannya untuk menyelamatkan wanita tapi mereka pura-pura tak mahu. Bukankah begitu sifat wanita mahu tapi malu? Islam telah lama menjemput tapi mereka menutup telinganya. Namun bagaimanapun Islam tak putus asa. Ia selalu kasih pada mereka dan Islam agama rahmat untuk seluruh alam. Al-Quran diturunkan sebagai rahmat untuk anda. Sudahkah anda mempelajari dan memahami isi kandungannya terutama surah wanita, An Nisa: tetapi tak ada surah lelaki. Surah pertama selepas Al-Fatihah adalah tentang sapi betina bukan sapi jantan.

Islam menjadikan wanita seperti berlian mesti disimpan rapi di dalam dan ditutup rapat. Semua orang akan cari berlian walau harganya mahal. Kalau berlian diletak di luar dan tidak dijaga, orang-orang akan datang berebut untuk memilikinya.

Islam menganjurkan bahawa perempuan mesti tinggal di rumah. Jika mahu keluar pakai-pakaian tertutup. Apabila mahu berjalan jauh mesti ada muhrim yang mengantar-tarkan.

Tadi telah disebut bahawa seluruh anggota tubuh wanita adalah aurat, dan boleh memperdaya seorang lelaki yang melihatnya. Kalau lelaki sudah terpedaya, mereka akan berusaha memikatnya dengan cara apapun, halus atau

kasar. Jadi siapakah yang akan menolong wanita? JILBAB? Jilbab adalah satu-satunya penolong, penyelamat macam kura-kura yang berkulit tebal kasar dan hodoh dapat menyelamatkan diri dari mangsa binatang liar kerana kura-kura lemah tak berupaya berlari deras. Selamatkanlah diri anda dengan menutup aurat dengan menggunakan Jilbab kerana kaum lelaki tidak tergoda lagi, sebab sorotan mata tidak menembus, sehingga tiada bayangan tentang betapa enaknyanya dagingnya. Kalau tiada bayangan tiada khayalan dan tenanglah hati serta fikiran lelaki. Perempuan pun selamat, masing-masing boleh berjalan tertib, aman dan sentosa.

Memang sumbernya semua ini dari mata, mata terus ke otak, lepas itu dikirim ke hati dan hati yang dijoloki sebagai raja anggota badan, dia memerintahkan perajuritnya untuk bergerak seperti kaki, akal, mulut dan tangan.

Al-Quran pun sebelum melarang zina, ia melarang mata memandang, kerana perbuatan zina tidak akan terlaksana kalau tidak dari pandangan.

Sahabat Abdullah bin Ummi Maktum r.a. pernah bertamu ke rumah Rasulullah, kemudian Siti Aisyah ikut keluar lalu Nabi menegurnya, hai... Aisyah!! masuklah... dan Aisyah menjawab "Bukankah dia buta?" "Betul... tapi anda tidak buta" jawab Nabi.

Begitu juga Nabi Musa sewaktu dijemput oleh Nabi Syuaib. Kerana Nabi Syuaib sudah sangat tua dan tak boleh keluar rumah, maka beliau menyuruh anak daranya untuk menjemput Nabi Musa.

Sebetulnya gadis itu berjalan di depan Nabi Musa kerana gadis itulah yang tahu jalan untuk menuju ke rumahnya tetapi kerana takut timbul fitnah jika lelaki berjalan di belakang wanita maka gadis itu disuruh berjalan di belakang.

Si gadis memberi isyarat dengan melemparkan batu ke depan. Kalau ia melempar ke kanan bererti belok kanan dan begitu sebaliknya sehingga sampai masuk rumah.

Dan termasuk dalam istilah aurat adalah suara wanita. Bukan sedikit kaum lelaki yang terlena tatkala mendengar suara wanita. Suara wanita boleh mengganggu perasaan lelaki. Islam melarang wanita bercakap pada lelaki lain di luar keperluan dan kalau mesti bercakap secukupnya sahaja. Di dalam sembahyang, kalau kaum wanita akan menegur imam lelaki tak boleh dengan suara, agar kekhusyukan imam terjaga, cukup wanita menegur dengan tepukan tangan.

Ada orang Kristian mengatakan mengapa Islam tidak membenarkan perempuan jadi imam sembahyang jemaah, cuma hanya lelaki saja. Kalau agama saya iaitu kristian, membenarkan perempuan jadi imam. Kemudian dia bertanya lagi, mengapa Islam memberi warisan pada kaum wanita hanya separuh dari kaum lelaki, padahal sama-sama anak kandungnya? Mengapa dibeza-bezakan?

Jawapannya adalah sembahyang atau solat merupakan ibadah yang penting dalam Islam. Nabi besar Muhammad s.a.w. bersabda sembahyang adalah tiang agama, siapa yang mengerjakannya bererti ia menegakkan agama dan barang siapa yang meninggalkannya bererti ia merobohkan agama.

Nanti di Padang Mayshar pertama yang dihisab pada seorang hamba adalah sembahyang. Jika sembahyangnya baik maka baik semua amalannya dan apabila sembahyang rosak maka rosak semua amalannya. Mengapa demikian? Kerana sembahyang yang baik dan sempurna akan menjauhkan diri dari semua kekejian dan kemungkaran.

Oleh kerana sembahyang begitu penting maka jalan-jalan untuk mencapai kesempurnaan itu amat diperlukan.

Mesti bersih tempat dan pakaian serta suasana yang tenang.

Imampun dipilih dari orang yang fasih dan lantang agar semua makmum boleh mendengar dan mengikuti bacaan imam dengan baik dan khusyuk. Kalau orang-orang Kristian mengatakan mengapa Islam tak memperbolehkan orang perempuan jadi imam, ini kerana suara perempuan akan mengganggu makmum. Akhirnya tiada khusyuk pada Allah tapi sebaliknya khusyuk kepada suara wanita. Dan dengan itu rosak dan sia-sialah sembahyang yang didirikan itu.

Kalau Kristian membolehkan perempuan menjadi imam, ini adalah kerana sembahyang di gereja itu hanya menyanyi. Memang perempuan patut jadi imam bagi mereka kerana sama-sama mahu menyanyi dan berseronok-seronok.

Dalam masalah waris pula, wanita mendapat separuh dari lelaki, seperti yang telah tersurat dalam kitab suci Al-Quran. Kalau dilihat sepintas lalu sepertinya Islam merugikan wanita dan melebihi lelaki.

Sesetengah orientalis yang sengaja mahu mencemarkan Islam memakai hukum waris ini sebagai isu yang penting sehingga tidak sedikit orang-orang Islam pinggirannya terpengaruh olehnya.

Apakah dikatakan tidak adil jika seorang ayah memberikan kain kecil pada anaknya yang masih berumur 5 tahun dan menghadihkan kain besar pada anaknya yang berumur 25 tahun? Apakah dipandang kurang bijaksana jika seorang ayah memberikan wang 100 ringgit pada anaknya yang sudah beristeri dan 75 ringgit pada anaknya yang masih bujang?

Begitulah juga Islam. Membahagi separuh pada wanita kerana wanita tidak ada kewajiban untuk menanggung

keluarga bahkan dia akan diberi belanja oleh suaminya manakala kaum lelaki dibebani untuk menanggung anak isterinya. Di sinilah letak akan logiknya syariah Islam.

Beginilah keadaan ringkas wanita mengenai fitrah mereka. Tapi yang amat saya sedihkan ialah Ketua Wanita dalam pertubuhan Islam yang terbesar di Malaysia, iaitu Ketua Wanita UMNO, Datin Paduka Rafidah Aziz, isteri Perdana Menteri (First Lady) Puan Sri Paduka Dr. Siti Asmah, isteri ketua-ketua agama dan Permaisuri-Permaisuri raja sendiripun tidak menutup kepala mereka. Kenapa? Tak takut pada perintah Tuhan ke? Hidup inikan berlawan, walau dalam adat sekalipun. Lelaki Melayu bersongkok atau bertanjak wanitanya bertudung. Atau apakah mereka saja suka digossip dan difitnah?

4

WANITA, HARTA DAN TAKHTA

SIAPA yang tidak kenal King Farouq raja Mesir yang pernah dipersendakan oleh majalah Playboy sebagai Raja Betina. Farouq sebagai seorang raja yang memerintah negara Mesir lemah terhadap pengaruh 3 Ta: Wanita, Harta dan Takhta sanggup merelakan dirinya sebagai boneka Inggeris akibat ditonggang oleh Tiga Ta ini.

Pada masa kejayaannya King Farouq mempunyai hubungan yang rapat dengan Shah Reza Pahlavi. Sesudah mati pun kubur mereka sebelah menyebelah dalam Masjid syed Ahmad Al-Kafiel di Mesir.

Adindanya pernah berkahwin dengan Shah Iran tetapi tidak berhasil melahirkan anak lelaki. Shah menceraikannya, lalu berkahwin dengan seorang wanita jelita, Soraya Isfandiari.

Tidak tahu nasib siapa yang tak beruntung, mereka gagal mendapat anak lelaki sebagai pewaris dinasti Shah Iran dan akhirnya Shah berkahwin dengan Farah Diba yang usianya 24 tahun lebih muda dari Pahlavi.

Sahabat baik raja yang sama-sama digabungkan oleh rakyat ini berulang kali kahwin cerai barulah dari isterinya yang terakhir beliau mencapai cita-citanya.

Farah Diba berjaya memberikan 4 orang putera dan puteri dan inilah yang dinanti-nanti dan diharap-harapkan oleh raja diraja Iran. Seperti mana yang dicita-citakan oleh Shah Reza Pahlavi, Permaisuri Farah Diba berhasil melahirkan seorang anak lelaki, Pengiran Ali Reza yang bakal menyambung dinasti Shah Iran. Baik Shah Reza Pahlavi maupun Shah Banu Farah Diba dan juga kerabat diraja Iran, mereka sangat-sangat gembira menyambut kelahiran seorang putera raja, kerana dengan demikian bermakna tidak terputus kesinambungan sistem beraja di Iran.

Inilah rencana manusia dan inilah grand design Shah Reza Pahlavi. Namun mereka lupa dan tidak sedar bahawa mereka adalah sebahagian dari manusia yang da'if.

Mereka lupa akan grand design Allah Yang Maha Agung. Allah mengutus seorang pemimpin spiritual untuk menyelamatkan umat manusia terutama rakyat Iran daripada kezaliman dan penindasan yang dilakukan oleh raja-raja yang mabuk kepada 3 Ta. Wanita, Harta dan Takhta.

Kemunculan Ayatullah Khomeini waktu itu seperti membawa semangat kepada rakyat yang tertindas dan teraniaya. Berkat kepimpinan yang ikhlas Ayatullah Khomeini, rakyat Iran berjaya menggerakkan suatu revolusi yang besar menumbangkan raja diraja Iran dan sekaligus menggoncangkan kedudukan raja-raja di jazirah Arab dan kuasa-kuasa besar yang bongkak, iaitu Barat dan Timur.

Bila bercakap pasal raja, wanita dan harta kita tidak boleh tidak mesti menceritakan Negara Perancis.

Dalam tahun ini, tahun 1989, genaplah dua ratus tahun revolusi rakyat Perancis.

Seluruh rakyat Perancis menyambut dengan meriah pesta yang dilangsungkan bagi memperingati saat kejayaan di tahun 1789.

Dua ratus tahun yang lalu, pada 14 Julai 1789 rakyat Perancis menyerbu penjara Bastille yang terkenal itu. Mereka membebaskan tahanan-tahanan politik yang menentang raja, kemudian membongkar gudang senjata lalu mereka beramai-ramai menentang kekuasaan Raja Louise XVI. Maka pada saat itu bermulalah suatu revolusi rakyat yang bertujuan untuk menghapuskan sistem beraja.

Di kota Paris pesta dipusatkan di sekitar menara Eiffel, sebuah menara yang masyhur khas dibangun bagi memperingati genap seratus tahun rakyat bebas dari belengu penindasan raja yang zalim.

Berpuluh-puluh ketua negara dan raja-raja diundang bagi menyaksikan pesta yang meriah itu namun raja-raja dan ratu dari Eropah tidak sudi menghadirinya.

Mungkin mereka masih lagi terharu mengenang sejarah Raja Louise XVI dan permaisurinya Marie Antoinette beserta kerabatnya yang telah dihukum pancung dengan guillotin.

Inilah akibatnya apabila rakyat yang tertindas dan sudah tak tahan lagi menyaksikan kekejaman raja dan kerabatnya yang hidup dalam kemewahan yang melimpah ruah sedangkan rakyat hidup dalam kemiskinan.

Raja dan kerabatnya yang mempunyai pendapatan tinggi hasil dari titik peluh rakyat tak pernah dikenakan dengan cukai pendapatan sedangkan kepada rakyat jelata, peniaga-peniaga kecil dan petani-petani dihisab dengan beban cukai pendapatan. Bagi mereka yang tidak patuh

untuk membayarnya dilemparkan ke dalam neraka Bastille. Begitu juga terhadap penulis yang dianggap tulisannya menghasut serta mengkritik kebijaksanaan raja disumbatkan ke dalam penjara Bastille.

Gambaran dalam penjara Bastille sangatlah teruknya. Apabila datang musim salji keadaannya teramat lembab di mana tikus-tikus banyak berkeliaran dan manakala tiba musim panas bahangnya luar biasa seperti memanggang sehingga ada cerita dari sana mengatakan bahwa Bastille merupakan kuburan bagi orang-orang yang hidup.

Setelah rakyat berjaya menghancurkan Bastille dan menyingkirkan raja dari istananya di Versailles dan kemudian membunuhnya, kehidupan rakyat semakin keras kerana ditempa oleh semangat revolusi.

Pada masa itu keadaan Perancis goncang sehingga terancam oleh perpecahan dan dalam suasana yang tenat itu muncul seorang dewa penyelamat: "Napoleon Bonaparte". Dengan ketegasan, kebijaksanaan serta keberanian Napoleon berjaya menyelamatkan Perancis dari kehancuran dan sekaligus menempatkan Perancis sebagai sebuah negara yang kuat dan disegani di Eropah.

Akan tetapi sungguh sayang, keadaan itu tidak berlangsung lama, Napoleon lupa daratan, mabuk di atas kejayaannya, beliau mabuk terhadap kuasa, harta dan wanita. Dengan segala keangkuhannya, Napoleon mengisytiharkan dirinya sebagai Maharaja Perancis dan satu persatu negara-negara di Eropah ditaklukinya. Secara tidak disedarinya beliau telah menjadi budak nafsu kepada wanita dan kuasa. Terhadap wanita jelita, sang perkasa Napoleon Bonaparte lemah dan tak kuasa mengekang nafsu berahinya, beliau tidak peduli walaupun wanita itu telah menjadi isteri orang akan diterkamnya.

Sewaktu Poland berjaya ditaklukinya, beliau pun mengadakan pesta kemenangannya. Pada malam itu diadakan

pesta dansa yang meriah, seluruh keluarga feudal diundang dan di saat itu Napoleon terpandang seorang bidadari Poland. Denyut jantungnya bertambah kencang, matanya silau, api asmaranya bertambah panas seakan-akan tak dapat dipadamkan, sehinggalah beliau menghampiri Marie Walewska yang baru berusia 18 tahun, warna rambutnya berombak-ombak berkilauan keemasan, matanya biru seredup Lautan Mediterrean. Secara berbisik Napoleon berkata: "Bidadariku...Padamkanlah... api yang sedang bergelora dalam jiwaku?"

Tergamam Marie Walewska oleh bisikan yang tidak diduga. Saat itu tubuhnya terpaku, seluruh pancainderanya tidak bergerak, hanya adanya yang montok ber-alun-alun yang menambah semaraknya api berahi sang maharaja.

Napoleon tidak menghiraukan langsung, bahawa Marie Walewska adalah isteri dari seorang bangsawan tua Poland yang turut hadir pada malam itu.

Mereka berdua mengasingkan diri dari khalayak ramai dan masuk ke dalam bilik khas.

Halus suara Marie Walewska berbisik: "Engkau.... bukan saja perkasa di Medan perang namun lebih perkasa di atas katil. Setelah mengucapkan kata-kata itu, Marie Walewska bangun mengeliat dan berdiri menyingkap kain langsir jendela di mana cahaya matahari pagi memancarkan sinarnya memandikan sang maharaja yang masih terkapar di sebelahnya.

Permainan asmara serupa itu berulang-ulang dalam waktu yang lama, Marie Walewska menikmati sepenuhnya belaian kasih Napoleon, namun tidak demikian halnya dengan permaisurinya nun..... jauh di kota Paris. Josephine temanti-nanti dalam kehausan akan kepulangan suami yang tercinta.

Berpucuk-pucuk surat dikirim agar Napoleon cepat kembali, namun tak kunjung tiba. Dahaganya menjadi-jadi tak tertahankan lagi, maka Josephine pun mencari jalan pintas untuk menyiram kehausannya dengan mengundang seorang perwira tentera datang ke dalam bilik peraduannya. Di belakang hari kemudian rahsia ini sampai juga ke pengetahuan Napoleon namun nasi sudah menjadi bubur, saat-saat kejatuhannya hampir tiba.

Di samping keangkuhannya sebagai Maharaja serta kehebatannya dalam permainan asmara namun sikap nepotism dalam pemerintahan membawa padah terhadap kewibawaannya.

Inilah akibat nepotism. Pantulan kecelakaan nepotism tersebut masih berleluasa hingga ke hari ini. Seperti keluarga Nehru di India, Kim I'll Sung di Korea Utara, Kerabat diraja Saudi Arabia, kesultanan Brunei Darussalam, Lee Kwan Yew di Singapura dan jika kurang berhati-hati kemungkinan akan menimpa nasib yang telah berlaku ke atas Shah Reza Pahlavi di Iran.

Sebagaimana yang disebut tadi bahawa Napoleon Bonaparte dengan sikap nepotism hingga terlupa kepada tugas asal bahkan semakin takut hilang kuasa, lantas dengan sewenang-wenangnya melantik sanak saudaranya memegang jawatan-jawatan penting dalam pemerintahannya. Lama kelamaan penyakit nepotism ini semakin ketara dan akhirnya memusnahkan diri Napoleon sendiri.

Rakyat dan orang-orang yang telah berjasa diketepikan dan tidak diperhatikan lagi akibat nepotism. Kerakusan terhadap wanita, kuasa dan harta bertambah menjadi-jadi.

Melihat semua itu, orang-orang di sekelingnya naik muak, rakyat menunjukkan kemarahannya, Perancis goncang, keadaan semakin meruncing lalu mereka bangun menentang sang maharaja.

Napoleon Bonaparte dibuang ke Pulau St. Helena. Inilah akibatnya terhadap raja maupun penguasa yang menjalankan pemerintahan secara sewenang-wenang dan tidak adil. Kepentingan rakyat dibelakangkan. Kesabaran rakyat ada batasnya dan rakyat juga mempunyai kedaulatannya yang tersendiri.

Setelah mengalami revolusi demi revolusi, bangsa Perancis berkembang menjadi lebih dewasa dan negaranya semakin teguh serta tergolong dalam deretan negara kaya di dunia. Sebagai sebuah negara yang stabil, Perancis mengamalkan sikap terbuka dan liberal dan hal inilah mungkin menjadi daya penarik bagi Allahyarham Ayatullah Khomeini datang ke Perancis dan bermastautin di Neauphle le Chateau, 30 km dari Paris bagi menyusun strategi untuk menghapuskan semua bentuk kezaliman Amerika dan Shah Reza Pahlavi, raja segala raja di Iran.

Ketika datang ke Perancis Ayatullah Khomeini sudah berusia lebih 70 tahun namun daya ingatannya cukup tajam bagi menyusun ucapan-ucapan melalui pita-pita kaset dan surat sebaran yang mengutuk kezaliman yang dilakukan oleh Shah Reza Pahlavi terhadap rakyat Iran. Pita-pita kaset dan surat sebaran yang diseludupkan ke Teheran, begitu sampai hanya dalam masa satu jam sahaja seluruh rakyat Iran sudah dapat mendengar dan membacanya. Demikianlah cara bekerja penyokong-penyokong orang tua itu, kerana mereka sudah tak tahan lagi menderita akibat kezaliman raja Iran dan ejen-ejenjnya terutama kebuasan Polis Rahsia SAVAK yang paling ditakuti oleh rakyat.

Berkat perjuangan yang gigih disertai dengan do'a, Ayatullah Khomeini berjaya menggerakkan revolusi dan luar dan akhirnya Reza Pahlavi, yang menggelar dirinya King of King disingkirkan oleh rakyat Iran dan mati dalam tempat pembuangan di Kaherah.

Nampaknya ibu kota Mesir seakan-akan menjadi tempat pembuangan para raja, kerana setelah mengalami

revolusi September yang dipimpin oleh seorang anak muda, Kolonel Muammar Ghadafi terhadap Raja Idris di Lybia hingga tersingkir dan lari ke Kaherah.

Sungguh pelik, sebab sebelumnya rakyat Mesir yang dipimpin oleh Kolonel Gamal Abdul Nasser pernah mengadakan revolusi terhadap Raja Farouq, yang disingkirkan dari istananya di Kaherah.

5

TUAN TIDAK MAHU

SAYA pernah membaca dan masih teringat tulisan yang sangat menarik untuk direnungkan. Sayang sekali saya tak ingat lagi nama penulisnya yang tepat. Tapi pokok tulisannya adalah mengenai tajuk di atas. Anda, para peminat saya yang tercinta, saya harapkan sudah dapat membayangkan ke mana sasaran peluru penulisan ini akan pergi, tentulah mengenai wanita.

Di bawah ini saya perturunkan sekadar yang masih melekat dalam ingatan saya. Maaf kerana saya tak ingat pula nama tokoh yang ditulis oleh penulis itu, tapi dalam tulisan versi saya ini saya namakan tokoh kita ini: Abu. Cuba anda sebut sekali lagi: Abu. Sekali lagi: Aabuu.

Maaf kalau *intro* cerita ini sedikit mengejutkan anda, kerana biasanya cerita dimulai tidak seperti ini. Tak apa-apa kan? Okey, beginilah ceritanya:

"Ambil sepatu itu," kata ayah, menyuruh anaknya mengambil sepatunya.

"Tidak mau," kata anaknya yang diberinya nama Abu.

"Ambil sepatu itu," kata si ayah menyergah.

"Tidak mau," kata Abu lagi berkeras.

Walaupun dipukul sampai lebam-lebam kulitnya, Abu tidak juga bergerak. "Aku tidak mau jadi hamba," itulah prinsipnya.

Suatu hari yang lain pula, semasa membayar bil telefon di pejabat pos, sehelai wang \$10.00 terjatuh di lantai dari dompet si ayah.

"Ambil wang itu," kata si ayah.

"Tidak mau," kata Abu.

"Ambil wang itu," kata si ayah lagi.

"Tidak mau," kata Abu.

"Ambil wang itu," kata si ayah membentak.

"Tidak mau," teriak Abu dengan nyaring suara.

Maka upacara pemukulan pun dimulai sekali lagi. Kulit Abu pun jadi lebam-lebam sekali lagi. Abu segera dibawa mengadap guru besar sekolahnya. Setelah disoalsiasat, si guru membuat kesimpulan dan berkata kepada si ayah:

"Anak encik ini *in contramine*."

"Apa itu maknanya?" si ayah meminta penjelasan.

"Maknanya, apa yang sudah masuk dalam kepalanya tidak masuk ke duburnya," jelas si guru, "dia keras kepala dan tidak mau mengikut arahan atau perintah siapa pun."

Sejak saat itu, lama Abu tak dipedulikan oleh ayahnya. Tapi sewaktu dia lulus SPM, dia mendengar ayahnya berkisar terhadap si ibu. Lantas kata Abu: **Seorang satria selalu**

akan bersopan terhadap wanita. Ayahnya jadi amat marah bila mendengar kata-kata Abu itu dan memerintahkan Abu meminta maaf.

"Tidak mau," kata Abu.

Dan kini kemarahan ayah yang terkumpul selama beberapa tahun, meletup. Ayah menampeleng dan terbang menerajang Abu seperti petomoi Siam menghadapi lawan. Abu ditangkap, lalu dibawa kepada Ah Yap yang banyak memelihara babi. Abu dikurung dalam kandang babi.

"Rasakan! Anak babi mesti hidup bersama babi," kata ayah dengan geram.

Sehari kemudian Abu pun dapat keluar dari kandang babi. Macam mana baunya? Huh, orang dapat mencium baunya walaupun berada dalam jarak sejauh 10 km darinya. Tapi Abu tetap tidak mau tunduk dan menurut perintah sesiapa pun. Untuk minta maaf, tidak sekali-kali. "Aku tidak mau jadi hamba," prinsip itu masih kuat dipegangnya.

Suatu hari di Tingkatan Enam, Abu mengalami nasib malang. Waktu guru matematik tidak ada dalam kelas, murid-murid mulai bising. Seorang di antaranya mengambil buku Abu, kemudian dibaling dan terkena cermin dinding sekolah sehingga pecah berkecai. Kebetulan waktu itu guru masuk dan melihat buku Abu terbaring bersama kaca-kaca yang pecah. Abu pun dituduh sengaja memecahkan cermin. Dia hanya akan dibebaskan kalau dia menyebut nama orang yang melakukannya.

"Biar orang itu menyebut namanya sendiri," kata Abu.

"Katakan siapa yang melakukannya," kata guru.

"Saya tidak mau," kata Abu, walaupun diancam akan diberhentikan dari sekolah.

Abu berhenti sekolah. Dia masuk askar. Mula-mula jadi askar dia dibuli oleh atasannya. Misalnya, suatu pagi seorang sarjan dengan sengaja telah membuang kunci di lantai. Abu diperintah mengambilnya, tapi si sarjan memijak tangan Abu sampai tangannya luka berdarah. Abu tahu disiplin dalam askar, tapi penumbuknya laju melayang dan hinggap di muka sarjan. Abu tidak sudi diperlakukan begitu. Tuan mejar memerintah Abu minta maaf, tapi Abu tak mau minta maaf.

Abu berhenti pula dari jadi askar. Dia akhirnya berjaya juga masuk universiti dan kemudian menjadi pegawai kerajaan divisyen A. Dia jadi boss di sebuah kementerian. Dia tegas dan cekap melaksanakan tugas-tugasnya. Dia disayangi oleh kakitangannya, kerana dia memberikan hak-hak mereka dan memperjuangkan kepentingan kakitangannya. Dia naik pangkat dan terus naik pangkat, tapi dia dikenali sebagai "Tuan Tidak Mau".

Jangan sesiapa cuba menyogok atau memberi rasuah kepadanya. Abu tidak mau. Tuan Tidak Mau kita ini tidak akan sudi menerima pemberian apa pun. Dikipas dengan wang puluhan ribu ringgit sekali pun dia tidak akan lemah. Namanya harum dan selalu meniti di bibir rakyat. Dan rakyat memuji-mujanya bagaikan dewa. Sehingga Apa yang terjadi?

Entah kenapa, akhirnya Abu menempuh jalannya sendiri. Dia jadi manusia yang rakus. Dia mengumpulkan kekayaannya tanpa belas kasihan sedikit pun. Tuan Tidak Mau tidak lagi disayangi, tapi ditakuti. Dia tidak lagi dihormati, tapi dibenci. Orang tuanya jadi sedih dan berfikir: alangkah sayangnya, anak yang tegas ini akan hancur. Siapa yang boleh mengawal kemahuannya yang keras itu?

Ya, siapa yang boleh? Orang tuanya tak boleh. Kawan-kawannya tak boleh. Malah menterinya sendiri pun tak mampu mengawal Abu. Hingga akhirnya Abu jatuh cinta pada seorang wanita.

Siapakah wanita itu?

Namanya Kathy. Suaranya lebih merdu dari suara burung tekukur. Kalau suara ayah Abu berbunyi seperti guruh, Abu akan kata: Tidak mau. Kalau ibunya berleter, Abu akan kata: Tidak mau. Sarjan beri perintah, Abu kata: Tidak mau. Tapi lihatlah, apa yang terjadi sekarang. Suara Kathy berbunyi:

"Aaaabbbuuuuuuuuuu," dan Tuan Tidak Mau pun datang merangkak seperti kucing mengiau waktu bulan purnama.

"Aaaabbbuuuuuuuuuu, boleh belikan Kathy sebungkus Salem? Rokok Kathy sudah habisss."

Maka dengan senang hati sambil bersiul dan mengukir senyum, Abu berlari ke 7 Eleven untuk membeli sebungkus rokok untuk wanitanya, untuk cintanya. Dia akan menurut perintah dan pergi walaupun hanya disuruh membeli sebungkus Salem atau sebotol Seven Up atau Seven Down. Semuanya itu untuk si Kathy yang comel loteh dan punya suara merdu, yang telah menguasai hati Tuan Tidak mau.

Jangan menganggap remeh kekuatan suara seorang wanita. *Never underestimate the force of a woman's voice.* Itu kenyataan. Lihatlah: Aaaabbbuuuuuuuuuuuuuu, maka Abu pun duduk, Abu pun berdiri, Abu pun berlari, Abu pun merangkak bagaikan singa jantan yang dijinakkan.

"Masya Allah," kata menterinya, "bagaimanakah Tuan Tidak Mau boleh mengalah? Tenaga apakah yang begitu kuat daya pengaruhnya?"

"It is the force of love, Mr Minister. Tenaga cinta. Tenaga wanita," jawab seseorang.

Memang benar dan tepat. Itulah pengaruh yang boleh dibawa oleh seorang wanita. Ia dapat melembutkan yang

keras dan megeraskan yang lembut.. Ia dapat menghancurkan tokoh. Caesar hancur kerana Cleopatra, Hitler hancur kerana Eva Braun, Mussolini hancur kerana Chiara Petazzi, Sukarno kerana Dewi, Marcos kerana Imelda, Samson kerana Delilah, Agamemnon kerana Klytaimnestra, Hektor dan Archilles kerana Helena, dan ramai lagi tokoh. Dan Tuan Tidak Mau? Kerana Kathy. Abu, tokoh kita ini kerana Kathy.

6

WANITA PERTAMA

Manusia pertama yang menerima Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad ialah isteri baginda Saidatina Khadijah r.a. Beliau merupakan seorang pahlawan besar. Bukan sedikit sumbangannya dalam perkembangan Islam. Ini bukan hanya sokongan material tapi juga sokongan moral. Begitulah penting dan mulianya wanita di dalam Islam. Wanita-lah yang memiliki nombor keahlian Islam yang pertama.

Kalau Abu Talib membela dakwah Nabi di luar rumah maka Khadijah pula adalah pembela dakwah Nabi didalam rumah. Beliau selalu mendorong Nabi jika Nabi hendak berdakwah dan sentiasa menghibur Nabi jika Nabi menghadapi masalah. Inilah yang sedang dilakukan oleh Al-Arqam, mengikut jejak-jejak Rasulullah dengan bantuan wanita. Kerana itulah kematian dua tokoh ini di tandai oleh baginda dengan Amul khuzni atau tahun dukacita.

Siti Khadijah adalah 'The First Lady of Islam' atau **ibu kaum mukminin**. Baca dan bandingkan kehidupan wanita pertama Islam ini dengan 'The First Lady' di White House, Amerika. Kita akan dapat melihat betapa hitam dan gelapnya rumah putih yang sepatutnya dipanggil rumah hitam itu.

Dan baginda Nabi walaupun sudah beristeri muda dan cantik jelita, Aishah anak Abu Bakar sahabatnya, namun Nabi tidak pernah melupakan Khadijah hingga menimbulkan rasa cemburu kepada Aishah. Walaupun Khadijah sudah wafat dan jauh lebih tua dari baginda dan sudah dua kali janda pula, sedangkan Muhamad seorang teruna semasa bernikah dengannya, namun Nabi tidak beristeri lagi sehingga Khadijah meninggal barulah Nabi mengamalkan poligami.

Seandainya perempuan sekarang mahu Islam berkembang menjadi sebagai agama resmi dunia, mereka mesti mentauladani kedua-dua wanita yang saya akan ceritakan dalam bab ini. Pertama Khadijah, *'The First Lady'* yang bergelar ibu kepada kaum mukminin dan kedua Fatimah Al-Zahrah, puteri kesayangan Nabi yang telah berkorban untuk kejayaan Islam.

Kedua-dua wanita ini berbeza dengan wanita yang setiap kali suami nak pergi bekerja, sentiasa berpesan "jangan lupa bang"...! "belikan saya itu, bawakan ini"... sehingga suami jadi kelam-kabut. Buat apa saja untuk cepat dapat duit dan memenuhi tuntutan isteri.

Isteri patut merasa insaf bahawa suami yang kurang iman akan melalui semua jalan, tak peduli halal atau haram. Yang penting pulang mesti bawa sesuatu untuk isteri.

Berapa ramai para pembesar negara, para pemimpin yang telah merengkok kedalam penjara. Pecah amanah, rasuah, menipu, mencuri, menyamun cara terhormat dengan menggunakan kedudukan dan kuasa kerana kaum isteri. Kadangkala para isteri meminta sesuatu diluar kemampuan suami, tak beri takut. Mereka yang terpengaruh dengan benda-benda atau perabot-perabot yang lebih moden, pakaian dari boutique termahal semata-mata kerana mahu bersaing dengan wanita dalam satu pejabat atau pertubuhan atau sahabat dan tetangganya disebelah rumah, minta intan berlian, minta kereta mewah. Jika me-

nuruti nafsu isteri tak ada habis-habisnya dapat satu, minta dua, dapat dua minta tiga dan seterusnya sampai laki merengkok dalam penjara. Tapi bila laki nak beristeri satu lagi mulalah mereka buat gila, tambah gundah gulana dan tambah serabutlah fikiran suami.

Akhirnya mati tak bawa amalan akhirat tapi bayangan nafsu duniawi saja. Kalau diikuti semua orang suka pada benda yang cantik-cantik tapi bagaimana kalau kemampuan belum mencukupi? Allahpun tidak membebaskan pada hamba diluar kemampuannya kerana yang demikian mustahil akan terlaksana dan akan mengakibatkan kebinasaan. Bukan saja diri tapi bangsa dan Negara turut binasa.

Oleh itu sekiranya para isteri mahu melihat penyelewengan berkurangan mereka sepatutnya belajar bersabar dan menerima apa pemberian suami dengan rela sebagaimana yang telah digambarkan oleh baginda Nabi besar tentang ciri-ciri isteri yang baik yang terkandung di dalam buku ini. Sesungguhnya keharmonian keluarga akan mendatangkan rezeki yang halal dan kesabaran pula akan membawa kepada kerukunan rumahtangga.

Bila nafsu wanita dapat dikawal, ekonomi dan politik dalam negara juga dapat terkawal. Antara sebab sebuah kekecohan yang ada didalam negara hari ini adalah disebabkan oleh wanita.

Tengok sahaja di Filipina ketika Marcos berada dimercu kekuasaannya. Imelda, yang memang ditakuti Marcos, memiliki 3,000 helai seluar dalam. Bukankah ini sikit punya gila. Isteri Firaun yang jauh lebih kaya dan cantik pun tak ada koleksi seluar dalam yang begini punya banyak. Malah, hakikatnya isteri Firaun tak pernah pakai seluar dalam. Begitu juga dengan Firaun, Bayangkanlah!!!!

Sabar itu memang cukup berat. Nafsu perlu dilawan terlebih dahulu dan melawan nafsu itu adalah jihad yang

paling besar. Kalau musuh kuat, kita kena sedia senjata yang ampuh.

Apakah senjata yang paling ampuh untuk menewaskan nafsu? Tiada yang lain melainkan akal fikiran. Apabila nafsu sudah memuncak akal fikiran tak bergerak, tetapi jika akal fikiran berputar maka roda nafsu akan berhenti. Ini kerana keduanya tak boleh jalan bersama-sama. Inilah rahsia kemenangan manusia.

Apa yang nak diherankan memang sikap wanita agak emosional sebab itu saya perturunkan cerita-cerita contoh teladan yang baik ini sebagai bahan fikiran kepada wanita terpelajar yang ramai terdapat dinegara ini. Semoga mereka yang telah melakukan sesuatu dimasa lampau menurut nafsunya akan menyesal. Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian takada gunanya. Menyesal apa lagi kalau nama baik suami sudah rosak? Nafsu itu adalah musuh manusia.

Sabar memberikan ketenteraman hati dan mendatangkan rahmat Illahi baik didunia mahupun diakhirat. Jika kita mengimbas kembali bagaimana sabarnya puteri Rasulullah Sayyaidatinah Fatimah Zahrah R.A. dalam menghadapi keluarga yang serba sederhana mengikut pandangan Rasulullah, tapi mengikut pandangan manusia hari ini kehidupan yang teruk dan terseksa, kita akan insaf. Sepatutnya puteri Nabi boleh mendapat apa saja yang ia mahu, Rasulullah terlalu kasihkan Fatimah Az-Zahrah dan kedua cucu-cucunya Hassan dan Hussin hingga Nabi pernah bersabda bahawa Fatimah adalah sebahagian dari tubuh badanku dan putranya Hassan dan Hussin adalah cucuku, sama seperti biji mata kanan dan kiri dan siapa saja yang melukakan hati Fatimah sama seperti melukakan hatiku dan siapa yang mengembirakan Fatimah seperti mengembirakan aku.

Suatu hari Rasulullah s.a.w. datang ke rumah Fatimah Az-Zahrah Disaat itu Fatimah Az-Zahrah, puterinya sedang

menggiling tepung sambil menangis, pakaian yang menyelubungi tubuh buah hati Rasulullah ini sungguh tak bersesuaian, buruk dan kasar. Tak sepatutnya dipakai oleh puteri kesayangan Nabi. Melihat itu Rasulullah pun menangis dan kemudian berkata:

“Hai FATIMAH, terimalah kepahitan dunia sekarang ini untuk memperoleh kenikmatan akhirat nanti”.

Dalam riwayat lain ada menyebutkan bahawa tangan FATIMAH sampai bengkok kerana terlalu keras bekerja, tak berhenti-henti membasuh, memasak, menjaga anak, mengemas rumah, melayan suami. Namun Nabi dan suaminya Ali bin Abi Talib seorang sahabat, tidak adakan hamba untuk Fatimah. Tak ada inang dan pengasuh untuk anak-anaknya sedangkan harta dari tawanan perang banyak.

Kisah yang menyentuh jiwa ini telah saya petik dari buku 'Riwayat hidup FATIMAH yang ditulis oleh HMM Al-Hamid Al-Husaini'.

Ada kisah lain yang menjelaskan ketika kedua anaknya sakit iaitu Hasan dan Husain, ia bernazar. Jika anaknya sembuh ia akan berpuasa selama tiga hari. Tatkala mereka sedang duduk bersama-sama untuk berbuka puasa di hari yang pertama, mereka telah didatangi oleh seorang fakir.

“Ya Ahlul bait nabi, saya adalah umat Muhammad dan saya adalah orang fakir, Maka berilah makanan untuk menyambung hidupku”, kata sifakir itu.

Melihat yang demikian itu maka makanan yang siap untuk dijadikan santapan berbuka, terus diberikan pada orang fakir tersebut. Dan mereka hanya berpuas dengan meminum air sejuk sahaja.

Hari yang kedua pun demikian juga halnya. Tatkala saat berbuka tiba, datang seorang lagi hamba Allah yang mengetuk pintu dan berkata:

“Wahai ahlul bait Nabi saya adalah umat Muhammad dan saya adalah anak yatim, saya mohon, agar kalian sedia memberi makanan untukku”.

Maka makanan pun diberikan juga dan mereka bersabar untuk berbuka dengan air saja. Pada hari ketiga pun begitu juga. Tepat pada waktu berbuka, ada orang yang mendatangi mereka dan berkata:

“Wahai ahlul bait nabi, saya adalah umat Muhammad dan saya adalah orang tawanan. Aku berharap agar tuan rela memberi makanan padaku”.

Sekali lagi mereka berbuka dengan air sejuk saja. Pada hari keempat Nabi melihat mereka bergemetaran kerana lapar. Perut Fatimah sudah seolah-olah bercantuman dengan tulang belakangnya. Matanya agak cengkung. Maka Nabi berkata:

“Tolong Ya Allah!!! keluarga Muhammad akan mati kelaparan”.

Maka turunlah Gibril dan malaikat itu lalu berkata:

“Ambillah apa-apa yang Allah telah anugerahkan kepada keluargamu”.

“Apa yang harus saya ambil....?” tanya Nabi.

“Bacalah Hal-ATA”, jawab Gibril

laitu surah Al-Insan yang diantara ayat-ayatnya berbunyi:

“Mereka menunaikan nazar dan takut akan sesuatu hari yang azabnya merata di mana-mana.

Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan.

Sesungguhnya kami memberi makanan kepadamu hanyalah untuk mengharapkan keridhaan Allah, kami tidak menghendaki balasan dari kamu dan tidak pula (ucapan) terima kasih.

Surat Al-Insan 7 - 9

Dan Dia (Allah) memberi balasan kepada mereka kerana kesabaran mereka dengan syurga dan pakaian sutera.

Surat Al-Insan 12

Fatimah Zahrah r.a. tak pernah meminta sesuatu mengikut nafsu. Tak minta emas intan berlian. Tak minta pakai-pakaian yang cantik dari suaminya yang diluar kemampuannya. Bahkan di saat-saat tak ada sesuatu yang boleh dimakan, ia tak lagi memaksa kerana sedar suaminya IMAM ALI r.a. bukan seorang hartawan, beliau adalah seorang hamba Allah, pahlawan Islam yang berjuang untuk menegakkan panji-panji Islam bersama Rasulullah s.a.w. Imam Ali bukan seorang yang bersifat oportunis yang mementingkan keluarga dari para pengikut dan perjuangan seperti mana pemimpin-pemimpin politik hari ini.

Malam bagi Imam Ali bukanlah waktu untuk mencari nafkah bagi mengisi tembolok isteri tetapi untuk beribadat kepada Allah.

Fatimah Zahrah faham bahawa suami sudah cukup penat berjuang bersama-sama Rasulullah di siang hari.

Apatah lagi di zaman dahulu, mungkin tak ada kemudahan kerja diwaktu malam. Tak seperti hari ini, ramai yang terpaksa atau dipaksa untuk berkerja 'overtime', berehat sekejap isteri dah meradang, nak kerja berat takut reput tulang. Suami yang bersifat putar alam sepanjang hidupnya terpaksa berlaku curang, disumpah, dimaki oleh anggota masyarakat semata-mata kerana terpedaya oleh nafsu isteri yang durjana.

Fatimah rela dengan apa yang ada dan bersabar. Maka dengan kerana kesabaran itulah Allah telah mengabadikan didalam Al-Quran tentang kebajikannya dan kemuliaannya didalam Surat Al-Insan. Dan Allah menjanjikan pada keluarga itu kenikmatan syurga. Apakah hal-hal yang demikian disedari oleh wanita yang mahu suami mereka jadi sebagai pejuang Islam dan pejuang Ummah? Atau apakah mereka mahu suami mereka menjadi pemimpin-pemimpin yang telah menjualkan agama untuk mendapatkan kerusi politik?

Suatu hari Nabi pernah bercakap pada puterinya Fatimah Zahrah, bahawa Fulanah binti Fulan adalah tergolong dari perempuan yang terbaik. Setelah mendengar cerita ini hati Fatimah tergerak untuk menemui wanita itu. Ia ingin tahu mengapa Nabi sampai menyatakan demikian dan apa pula rahsia wanita yang dipuji oleh Nabi. Apakah dia anak Nabi yang begitu sabar masih belum cukup baik?

Satu hari berangkatlah Fatimah bersama puteranya Hasan yang masih kecil lagi kerumah wanita itu. Fatimah disambut gembira kerana dia adalah puteri Rasul dan merupakan tamu agung. Tapi ia merasa kesal kerana tak boleh dipersilahkan masuk sebab ada Hasan. Suami wanita itu telah berpesan supaya jangan mempersilakan lelaki kedalam rumah. *"Saya minta maaf wahai Fatimah, ada anak lelaki bersama awak, awak tak boleh masuk, besok sajalah awak datang dan malam ini aku akan mintakan izin pada suamiku agar Hasan boleh masuk"*.

Keesokan harinya berangkatlah Fatimah bersama Hasan dan Husain. Kerana dia tak mahu ditinggalkan ibu dan abangnya seperti semalam, mereka disambut dengan gembira. Tapi tatkala melihat Hussain iapun terkejut. *"Maafkan aku hai puteri Rasul, kalau Hasan saya sudah mintakan izin tapi untuk Hussain belum, besoklah engkau datang semula, malam nanti saya mintakan izin untuk Hus-sain"*. Fatimah mengerti diapun pulanglah.

Pada hari ketiga, Fatimah beserta dua orang puter-anya dipersilakan masuk, ke dalam rumah kerana suami perempuan itu sudah beri izin. Dia berasa amat bergembira kerana rumahnya dimasuki puteri dan cucu-cucu Nabi.

Di dalam rumah itu Fatimah tak melihat apa-apa melainkan tiga benda yang tergantung di dinding. Fatimah bertanya:

"Wahai saudaraku... bolehkah anda menunjukkan padaku tentang amalan anda?"

"Sebetulnya saya tak ada amalan yang saya kerjakan seperti yang wanita lain kerja" jawab wanita itu.

"Dan untuk apa tiga benda itu engkau gantung di dinding"? tanya Fatimah.

"Benda ini saya pakai untuk menyambut suamiku bila ia balik kerja. **Sehelai kain** itu saya pergunakan untuk menggosok keringatnya, dan **kipas** untuk menyejukkan badannya, adapun **rotan** saya berikan padanya jika ia melihat kesalahanku. Saya suruh dia sebat saya sebelum saya kena sebat diakhirat nanti".

Mendengarkan penjelasan itu Fatimah pun menundukkan kepala dan minta diri pulang sambil berkata dalam hatinya. "Patutlah kalau bapaku mengatakan bahawa ia adalah termasuk perempuan terbaik". Anda sebagai

seorang isteri bagaimana pula? Pernah mentaati perintah suami? Atau suami yang mesti taat perintah anda?

Memang ketaatan dan keramahan isteri terhadap suami adalah hal yang tak asing lagi dalam undang-undang Islam sehingga Imam Tarmizi meriwayatkan hadis yang berbunyi:

“Sesungguhnya seorang isteri belum dikatakan menunaikan kewajibannya terhadap Allah sehingga menunaikan kewajibannya terhadap suami seluruhnya, dan andaikata suami memerlukan di atas kenderaan, maka dia tak boleh menolaknya”.

Sabda Rasulullah lagi:

“Tiap-tiap isteri yang meninggal dunia dalam keadaan di redai oleh suaminya, maka ia akan masuk syurga”.

(H.R. Tirmidzi dan Ibnu Majah)

Suami yang baik sentiasa bertimbang rasa, berlemah lembut, menghormati isteri, layan isteri dengan penuh kasih sayang dan di mana-mana yang boleh dibantunya akan isterinya. Dia mengajak isterinya untuk bersuka-suka, bersenda gurau tapi tidak melebihi batas.

Bersenda gurau dengan isteri termasuk sunnah. Dan beginilah tindakan orang-orang solihin terhadap isterinya. Nabi pernah berlumba lari dengan Aisyah. Nabi berlari lalu dipotong oleh Aisyah dan tatkala Aisyah membawa daging lalu Nabi memotong Aisyah. Kemudian Nabi berkata: “Ini sebagai balasan yang tadi”. Janganlah mentang-mentang isteri mesti taat, suami mengambil kesempatan menyeksa dan mengugut isteri. Itu sudah lebih, sudah tak patut, betul tak?

Wanita yang solehah juga adalah wanita-wanita yang mendidik anak-anak mereka dengan sempurna kerana **'anak' adalah harapan orang tua. Anak adalah amanah Tuhan kepada kita.** Anak merupakan kayu pengukur dan perhiasan. Nama orang tua baik kerana kebaikan anak. Orang tua bahagia kerana jasa baik anak. Bahkan anak boleh menyelamatkan orang tua dari api neraka. Dan begitu juga sebaliknya anak akan membawa sengsara orang tua sama ada di dunia maupun di akhirat. Perbuatan tak mendidik anak dengan sempurna seperti kehendak agama kita akan mengakhiri hidup kita di rumah orang tua.

Ibu patut mengambil berat terhadap anak-anaknya. Mereka patut mendidik di kala di rumah manakala suami bekerja di luar. Rumah adalah madrasah pertama dan ibu adalah sebaik-baik pendidik bagi anaknya. Serahkan pada pendidik yang lain jika ibu tidak sanggup atau sibuk bekerja tapi mesti selalu diawasi supaya anak tidak disia-siakan oleh orang gaji.

Sekiranya pendapatan suami sudah cukup untuk memenuhi keperluan keluarga, tak payahlah lagi isteri bekerja di luar, kerana hasil anak yang baik lebih utama daripada harta yang melimpah. Kalau nak ikutkan tidak cukup banyak mana sekalipun pendapatan pasti tak cukup sekiranya tidak berkat.

Kehidupan seorang anak menjadi lebih mesra kalau ibu selalu membimbingnya. Perasaan kasih sayang lebih melekat dan dengan sendirinya ketaatan akan bertambah.

Akhir-akhir ini kita sering dengar akhbar-akhbar harian atau majalah-majalah yang memberitakan ada anak yang menumbuk ibunya atau sekalipun membunuhnya. Kejadian semacam ini belum tentu lagi kesalahan sianak. Ini mungkin kesalahan dari orang tua yang tidak memperdulikan pendidikan anaknya.

Majalah Liberty nombor 1708 menyebutkan "bahwa orang berpendapat, bahwa kita belum sepenuhnya menegakkan hak-hak dan kepentingan anak-anak mereka kita anggap sebagai pelengkap bukan tokoh penting yang perlu diutamakan padahal anak-anak adalah masa depan bangsa, di atas bahu mereka kita pertaruhkan kesinambungan hidup bangsa dan negara, namun sampai hari ini anak-anak masih mencari perlindungan hukum dan sejati, anak-anak, mahluk yang lemah dan sangat tergantung itu akhir-akhir ini sering menjadi objek kejahatan, kekerasan dan dendam.

(Majalah Liberty Indonesia)
Ogos 16-31-1989

Samuil Smill seorang sarjana dan pelopor pembangunan Inggeris menulis:

Peraturan-peraturan yang mengatur wanita-wanita bekerja di kilang-kilang akan menimbulkan kemakmuran tetapi ada pula akibat sampingan yang berbahaya iaitu hancur berantakan rumahtangga.

Hal ini merupakan arus deras yang melanda rumahtangga dan merobek-robek ikatan masyarakat, malah inilah yang akan memisahkan suami dengan isteri, anak dengan orang tua dan karib kerabatnya.

Tugas perempuan itu yang sesungguhnya telah melakukan kewajipan rumahtangga seperti mengatur rumahtangga, mendidik anak dan berbelanja untuk keperluan sehari-hari tapi sekarang kilang-kilang telah mencabut ini semua"

(Dr. Mustafa Siba'l dalam
bukunya WANITA).

Mendidik anak memang berat tapi hasilnya hebat.

Apabila orang tua sembahyang ajaklah anak disebelahnya meskipun anak belum boleh berdiri. Nanti anak akan menirukan dan mengulangnya sendiri dan apabila sudah biasa dia akan merasa resah jika meninggalkannya. Kata pepatah: **meninggalkan kebiasaan adalah musuh**. Ini bukanlah bererti sembahyang itu kebiasaan. Ia adalah kewajiban yang mesti dipenuhi. **Membiasakan memenuhi kewajiban** adalah dianjurkan dalam Islam.

Begitu juga kalau ayah membaca Al-Quran dan mendengar syarahan. Anak hendaknya selalu diajak. Dan itu akan memberi kesan yang baik.

Apabila anak sudah besar dia akan teringat masa kecilnya dan ingatan itu menegur ketika ia akan mengerjakan sesuatu yang kurang baik. Atau setidak-tidaknya tanggungjawab orang tua sudah lepas di hadapan Allah s.w.t. nanti diakhirat.

Anak merupakan amanat Allah jagalah amanat dengan baik, agar terhindar dari ancaman neraka.

Ada riwayat yang menceritakan:

"ketika kedua orang tua sudah menjalani hisab lalu keduanya berjalan menuju pintu syurga tiba-tiba terdengar suara jeritan dari api neraka yang mengatakan... Ya Allah, tariklah kedua orang tua itu. Pasal mereka berdualah aku jadi merengkuh di sini. Semasa di dunia mereka tak pernah mendidik sehingga aku tak mengerti Islam hidup dalam gelumangan maksiat. Mereka tak jaga amanatmu. Sekarang aku menuntut masukkanlah mereka berdua kedalam api neraka. Agar sama-sama merasakan"

(Risalah Qurtubi)

Suami mempunyai tugas diluar rumah. Siapa pula yang mesti tinggal dirumah dan mendidik anak? Tentulah isteri. Maka itulah sebabnya pakar pendidik Parsi mengatakan **pendidikan wanita lebih penting daripada lelaki**. Wanita mesti menjadi pendidik di dalam rumah. Apakah wanita yang sibuk berpolitik, sibuk dengan bisnes, sibuk berpersatuan, ada masa untuk jadi pendidik yang baik?

Nabi bersabda:

"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan suci, hanya ibu bapanyalah yang menjadikan anak Yahudi, Nasrani dan Majusi".

etapa sedihnya seorang suami mempunyai isteri muslimah tapi tak mengerti agamanya, tak boleh mengaji dan tak mengenal pasti amalan-amalan wajib. Ini merupakan tugas suami untuk mendidik isteri dan mengajarnya sampai mengerti dan memahami sebagai pemimpin rumah tangga. Kalau suami tak mampu mengajarnya, mesti diusahakan dengan cara lain dan ini merupakan tanggungjawab suami.

Andaikata isteri sudah mengerti agama, maka bereslah semua. Ia mengerti hak suami beserta semua kewajibannya dan mengerti cara mendidik anak seperti yang dilakukan oleh isteri-isteri soleha zaman dahulu. Mereka bukan hanya mendidik masalah biasa bahkan melakukan hal-hal yang mesti dilakukan oleh kaum lelaki iaitu mendorong anak-anaknya untuk berjihad di jalan Allah.

Seorang isteri yang bernama Khonsak binti Amru memberi semangat kepada anak-anaknya untuk turut dalam perang Qodisiah dan menasihati mereka agar sabar dan tabah dalam menghadapi musuh. Kepada mereka Khonsak menyatakan bahawa sesungguhnya akhirat itu lebih berharga daripada dunia.

Selepas peperangan Qodisiah berakhir, datanglah khabar bahawa anaknya sebanyak empat orang itu telah

gugur dalam peperangan. Namun Khonsak bersyukur dan mengatakan Allah telah memuliakan aku kerana anakku telah syahid semua. Semoga Allah, mengumpulkan aku bersama mereka disyurga. Khonsak termasuk salah seorang dari **100 TOKOH WANITA TERBILANG**, seperti-mana yang diriwayatkan didalam buku karangan Syed Ahmad Semait.

Dalam kisah yang lain pula ada seorang anak duduk dipintu syurga. Kemudian malaikat mengatakan pada budak itu,

"Masuklah"

Budak itu menjawab:

"Saya tidak akan masuk sebelum orang tua saya dikeluarkan dari api neraka dan dimasukkan ke syurga"

Inilah yang dinamakan syafaat anak terhadap orang tua. Para ibu dahulu sentiasa duduk bersama anak-anaknya menasihati sebagai bekalan untuk masa depan. Disini ada nasihat seorang ibu kepada anak perempuannya yang akan kahwin. Ibu menyatakan:

Taatlah pada suamimu akan perkara kecil maupun besar. Jangan meminta, apalagi yang memaksa hal diluar kemampuannya kerana nanti dia akan marah. Mintalah apa yang perlu dengan penuh adab dan sopan. Fahamilah keadaannya dan sentiasalah engkau segar berseri-seri, berpakaian bersih wangi, keluarkan kata-kata yang lembut dan menggembirakan.

Kisah yang baru saya ceritakan ini mengingatkan pula kepada baka Siti Nurbayah serikandi dalam kelisanan.

Matanya hitam membulat, hidungnya genit, alisnya bagai diraut, rambutnya hitam mayang mengurai, ber-

pinggang ramping, berdada bidang dan 'sedap manis mata memandang', pandai berlagu membaca al-Quran, beriman dan pendiam. Cukup padanya syarat yang empat sebagai suri rumah. Dia anak kandung alam. Dia bebas daripada bahan-bahan penaik, pengawet atau pewarna buatan, samada yang mengikut piawai atau tidak. Keseluruhan Siti Nurbayah adalah original. Thiamin daripada dedak beras tumbuk yang membesarkan bukan sahaja menghasilkan kulit yang licin seumur hidup tetapi reaksi berangkai daripada enzim ini pun menjamin fungsi sistem saraf yang tahan lasak. Demikian, Siti Nurbayah mempunyai ketahanan yang luar biasa untuk menghadapi klise emak mertua yang bengis dan madu yang empat orang. Saranan terhadap keempat-empat peristiwa yang menyebabkannya bermadu itu disambut dengan keredaan tanpa protes selepas berjamaah subuh dengan suaminya - sekurang-kurangnya mengikut filem Melayu. Sekiranya ada bayang-bayang pembocoran rahsia peribadi, secara sulit, air matanya menitis semasa mendandankan sirih-sirih pinangan untuk suaminya, Siti Nurbayah bertindak dengan air mata. Berita mengenai pinangannya pun disambut dengan titisan air mata. Sambil berselimpuh dengan rapi dan matanya terpaku ke lantai selepas lsyak, rabun-rabun kedengaran daripada ayahnya bahawa ia sudah dipinang orang. Dengan jari telunjuk yang melakar-lakar peta di atas tikar, air matanya menitis juga. Rasionaliti tangisan adalah kompleks dalam kelisanan. Buat beberapa lama, tangisan sering dikaitkan dengan estetika yang pasti tidak gagal untuk menyayatkan hati. Neng Yatimah amat mafhum tentang potensi ini.

PUPUSNYA SITI NURBAYAH.

Ismail Zain.

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Oktober 1989.

Beginilah ibu-ibu yang menginginkan kebahagiaan anak-anak mereka. Memang semua ibu menginginkan

kebahagiaan anak-anaknya. Tapi kini ramai yang keliru jalan. Ia menasihati anaknya memilih lelaki yang berharta dan bertakhta agar anak perempuannya senang. Ketahuilah bahawa harta dan takhta tidak menjamin seratus peratus akan kebahagiaan. Berapa ramai orang terseksa kerana harta dan takhta. Senangnya hanya di dunia saja tapi di akhirat melarat. Dan sedarilah bahawa kehidupan di akhirat itu adalah kehidupan yang kekal abadi.

Sebenarnya kita bukanlah benci terhadap harta dan takhta. Tapi keduanya itu akan menjadi fitnah bila tidak di landasi agama.

Nabi Sulaiman a.s. ketika ditawarkan tiga perkara iaitu HARTA, TAKHTA dan Ilmu, dia memilih ilmu. Tatkala sudah menyangand ilmu, maka takhta mengikutinya. Dia terus menjadi raja dan harta menyusul berikutnya. Oleh kerana Nabi Sulaiman a.s. memilih ilmu maka dia memperolehi ketiga-tiganya sekali.

Ibupun selalu menasihati anak-anaknya yang masih kecil dengan cerita-cerita kerana mungkin lebih seronok dan sesuai dengan kadar pemikiran mereka.

Contohnya, cerita ibu pada anaknya yang mulai mahu meninggalkan sembahyang. Ibunya berkata, "Jangan meninggalkan sembahyang, nanti kamu menjadi seperti kerbau".

"Bagaimana seperti kerbau"? Tanya anak.

"Dahulu ada cerita, seorang petani bersama kerbaunya di ladang. Tatkala petani sedang membajak sawahnya lalu terdengarlah ia akan suara azan yang sayup-sayup dibawa angin. Kemudian kerbau bercakap".

- + Tuan dengar panggilan Allah tak?
- Dengar.
- + Tuan tak sembahyang ke?
- Tidak.

- + Kalau begitu.
- Apa... kalau begitu, lanjutkan.
- + Kalau begitu tak ada bezanya tuan dengan saya.
- Eh..Eh.. ini melampau dah.
- + Ah... kita sama-sama melampau... tapi kalau di kira tuan lebih berat.
- Pasal apa lebih berat?
- + Kerana saya melampau pada tuan tapi tuan melampau pada Tuhan.
- Binatang macam kau ini patut pakai serban.
- + Kalau saya pakai serban tuan pakai ekor.
- Ini boleh saya jadi tabiat.
- + Ampun tuanku.

Jerih payah para ibu di dunia akan diganti oleh Allah di Akhirat dengan balasan yang tak pernah mata melihatnya, telinga tidak pernah mendengarnya dan tidak pernah difikirkan atau dikhayalkan oleh hati seseorang. Itulah nikmat syurga yang amat menakjubkan.

Nabi s.a.w. bersabda:

"Siapa perempuan (isteri) yang sembahyang lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menjaga maruahnyanya dan mendidik anaknya. Maka diper-silakan dia masuk kesyurga dari pintu mana ia sukai".

Anda bagaimana? Sudahkah membuatkan persiapan untuk masuk syurga? Ikut pintu mana anda nak masuk? Kiranya anda selalu fikirkan banglo yang bagaimana menjadi idaman, simpanan tetap di ASN dan di bank, fikirkanlah betul-betul. Mana yang lebih utama simpanan untuk hari tua yang singkat atau persiapan untuk hari hari yang lebih panjang diakhirat kelak seperti mana yang dilakukan oleh keluarga Nabi para sahabat dan muslimah yang telah dijanjikan diatas pengorbanan mereka itu.

7

SOEKARNO DI CELAH-CELAH WANITA DAN KUASA

APABILA kita bercerita mengenai Wanita, Takhta dan Kuasa, kita tidak dapat tidak mesti bercerita mengenai Alahyarham bekas Presiden Soekarno. Di samping itu kita juga perlu menyentuh tentang seorang lagi pemimpin negara jiran kita iaitu Marcos, walaupun beliau telah mengumpulkan harta kekayaan peribadinya dengan cara memeras hasil dari titik peluh rakyat Filipina.

Soekarno tidak mempunyai harta. Beliau tidak tamak kepada harta, akan tetapi mabuk kepada kuasa dan terlalu bernafsu terhadap wanita. Sedangkan Marcos pula sangat tamakkan harta dan kuasa. Nafsunya terhadap wanita jauh berkurang dibandingkan dengan Soekarno. Itulah bezanya antara mereka berdua.

Bung Karno semasa hayatnya dan sewaktu beliau berkuasa tidak pernah sunyi dari dikelilingi wanita-wanita yang cantik jelita. Banyak skandal seks yang telah berlaku. Walaupun cerita-cerita ini sengaja ditutupi beliau,

namun semuanya telah menjadi rahsia umum. Biar bagaimanapun, Bung Karno tidak menghiraukan desas-desus mengenai dirinya itu sama sekali. Nafsu syahwat nampaknya telah benar-benar menguasai dirinya dan hal ini telahpun diakui sendiri oleh isteri kesayangan beliau. Ibu Hartini pernah mengatakan bahawa suaminya Soekarno pantang melihat wanita cantik.

Walaupun Soekarno telah mempunyai lima orang isteri yang cantik, Allahyarham ibu Fatmawati, Hartini, Haryati, Naoko Nmoto (Ratna Sari Dewi), dan Yurike Sanger, namun nafsu beliau masih juga dahaga dan memburu wanita-wanita yang seksi dan jelita, bukan sahaja wanita-wanita dalam negerinya bahkan hingga ke luar negeri. Kelemahan beliau terhadap wanita telah memberikan modal kepada CIA untuk mengeksploitasinya. Namun ini semua tidak membuahkan hasil sebagaimana yang diharap-harapkan oleh seteru-seteru politikinya. Kenapa?

Jawabannya adalah mudah saja. Sebenarnya di sinilah letaknya keistimewaan, karisma dan daya tarik yang dimiliki oleh Bung Karno itu, yang suatu ketika dulu pernah dianggap sebagai Pemimpin Besar Revolusi.

Sungguhpun beliau selalu tenggelam dalam pelukan wanita namun ideanya tak pernah turut sama tenggelam. Gagasan-gagasannya senantiasa segar dan dapat pula memberi sumbangan moral yang besar terhadap negara-negara kecil yang sedang membangun. Gagasan-gagasan beliau yang paling besar dan paling ditakuti oleh Amerika dan Rusia adalah *The New Emerging Forces*. Ketika berada di puncak kerjayanya sebagai Presiden Republik Indonesia, Bung Karno tidak langsung mahu menerima hakikat bahawa dunia ini terbahagi kepada dua blok: blok Barat dan blok Timur.

Cita-cita Bung Karno adalah lebih luhur. Beliau, kalau boleh mahu membahagikan dunia ini kepada tiga blok. Di samping blok Timur dan Barat yang sedia wujud, beliau

juga berhasrat untuk menubuhkan satu blok kekuatan untuk negara-negara baru membangun. Menurut beliau suatu kekuatan blok ketiga yang ampuh perlu diadakan agar negara-negara besar tidak dapat mempermainkan negara-negara kecil dengan sewenang-wenangnya.

Untuk menjayakan rancangannya Bung Karno pada waktu itu telah merencanakan untuk mengadakan KONEFO (**Konferensi *The New Emerging Forces***) di Jakarta. Sayangnya beliau telah terperangkap kepada gagasan dan cita-citanya itu sendiri. Ini kerana beliau tidak mengambilkira kekuatan komunis Cina pimpinan Mao Tze-tung/Chow En Lai yang kemudiannya telah melakukan pengkhianatan dengan menggerakkan kekuatan sekutunya PKI (Parti Komunis Indonesia) untuk mengambil alih kekuasaan di Indonesia.

Permainan Soekarno terhadap wanita-wanita sampai juga kepada pengetahuan Tunku Abd. Rahman, Perdana Menteri Malaysia waktu itu dan Tunku cuba mengambil peluang dari keadaan itu. Dalam tahun 1963 angin konfrontasi mula bertiup dan di antara kedua pemimpin, Indonesia-Malaysia, masing-masing berusaha untuk cuba meredakan angin kencang yang sedang bertiup itu dengan mengadakan rundingan demi rundingan. Kemudiannya rundingan yang terakhir sekali telah diadakan di Manila. Rombongan perwakilan dari Malaysia telah diketuai sendiri oleh Tunku Abd. Rahman. Apa yang menghairankan mengenai rombongan tersebut ialah terdapatnya seorang janda jelita yang tidak ada kena mengena langsung dalam perundingan yang mereka akan lakukan itu. Siapakah wanita yang dibawa oleh rombongan Tunku ini. Wartawan bukan. Nak dikata setiausaha sulit, pun bukan. Apakah Tunku akan gunakan janda jelita ini sebagai perangkap ataupun umpan terhadap Soekarno? Tanyalah Tunku sendiri kalau beliau masih ingat.

Tunku Abd Rahman tersilap dalam membuat perhitungan. Ini kerana, seperti yang telah disebutkan, Soekarno

tidak akan mudah tenggelam dalam pelukan wanita, bahkan wanita adalah sumber ilhamnya.

Kalaulah Bung Karno masih hidup sekarang ini, saya pasti beliau akan ketawa terbahak-bahak memerhati keadaan yang berlaku di negeri Selangor. Mungkin beliau akan berkata: "Apalah you ni Tan Sri Muhammad Taib, baru berkahwin dua, itu pun dengan wanita yang telah tiga kali janda, you tak dapat atasi masalah sekecil ini. Naoko Nmoto, si jelita dari negara Sakura mengejar saya sampai ke Jakarta. Sesudah saya tinggalkan untuk selamanya dia masih juga tidak mahu berkahwin dengan lelaki lain. Begitulah kasihnya Ratna Sari Dewi pada Bung Karno. Nasi lemak buah bidara, sayang selasih hamba lurutkan. Buang emak bapak, buang saudara, buang agama untuk satria tercinta, diturutkan."

Walaupun suara Soekarno sudah tidak bergelora lagi namun gagasannya tetap hidup dan dikenang sepanjang masa. ASEAN, ZOFFAN adalah inspirasi dari idea murni Soekarno. Pandangan beliau jauh ke depan hinggakan orang-orang tidak dapat memahami maksud tujuannya waktu itu. Kini kematiannya masih dirindui.

Soekarno dilahirkan ke dunia untuk memimpin. Sebagai manusia biasa beliau tidak sunyi dari kesilapan dan kelemahan. Namun jasa-jasa dan sumbangannya, bukan saja terhadap bangsa dan negaranya sendiri bahkan negara-negara kecil yang baru muncul turut menikmatinya.

Seandainya kepimpinan Soekarno digandingkan dengan kepimpinan Ayatollah Khomeini ditambah pula dengan kepimpinan Muammar Ghaddafi, percaturan politik dunia sekarang ini pasti berubah. Seperti yang kita ketahui, ketiga-tiga pemimpin itu adalah merupakan musuh ketat kolonialis dan imperialis. Mereka bertiga tidak dapat dipermainkan oleh kuasa Barat dan Timur, dan mereka bertiga sama-sama berhasrat merubah dunia.

Wanita adalah sumber inspirasi Soekarno. Dan setiap wanita yang telah pernah dirangkunya pula mendapati begitu sukar untuk melepaskan dirinya dari beliau dan tidak mudah pula untuk melupakannya. Salah seorang bekas isterinya pernah mengisahkan bahawa "**Wanita mana yang tidak akan tertarik terhadap Bung Karno. Dari hujung kuku ke hujung rambutku diciumnya**". Betapa romantisnya kata-kata yang diucapkan itu. Malah lebih romantis dari kata-kata asmara yang pernah diucapkan oleh Josephine terhadap Napoleon Bonaparte - lembu sejarah Perancis yang telah terjerumus ke lembah 3 Ta.

Menyebut tentang Napoleon, sebelum kita memperkatakan tentang Marcos, elok kita sentuh secara ringkas tentang pahlawan Perancis itu. Ini kerana **Harta, Takhta dan Wanita** adalah falsafah hidup Napoleon.

Napoleon Bonaparte bukan sahaja menjadi general dan jaguh di medan perang tapi beliau merupakan jaguh dan bintang dalam permainan asmara.

Beliau tak pernah sunyi dari dikelilingi oleh bidadari-bidadari Eropah seperti Josephine, Desiree Clary, Mary Louise, Mary Walewska dan ramai lagi wanita-wanita jelita yang telah terbakar oleh api asmaranya.

Gelora nafsunya begitu hebat bukan sahaja terhadap wanita-wanita bahkan juga terhadap penaklukan seluruh benua Eropah.

Akibat daripada perbuatannya dan tamak halobanya yang telah melampaui batas, akhirnya rakyat menderita dan keadaan negara Perancis menjadi kucar-kacir seketika sehinggalah Napoleon dibuang oleh rakyatnya ke Pulau St. Helena.

Sebenarnya kalau saya nak ceritakan pasal Napoleon dengan wanita dan kuasa ini, memang banyak. Namun

cukuplah setakat ini. Kalau cerita panjang-panjang sangat, nanti buku ini jadi buku mengenai Napoleon pula.

Berbalik kepada Marcos, Presiden Filipina yang berada dalam buangan dan baru-baru ini telah meninggal dunia di Hawaii, beliau bolehlah disamakan seperti lembu sejarah Filipina yang telah terjerumus ke dalam lobang 3 Ta. Wanita, Takhta dan Kuasa. Bagaimana rakusnya Marcos ini terhadap Wanita, Takhta dan Kuasa mungkin anda telah pernah menyaksikannya sendiri melalui filem siri "*The Dangerouse Life*", yang baru saja selesai ditayangkan oleh R.T.M.

Izinkan saya menokok tambah sedikit lagi kisah petualangan yang telah dilakukan oleh Marcos dan isterinya Imelda, yang pernah disebut-sebut sebagai salah seorang dari sepuluh wanita yang terkaya di dunia. Kit Konolige yang menulis mengenai wanita menggelarnya Imelda sebagai '*The Iron Butterfly*', bacalah bukunya '*The Richest Women in the World*' terbitan Macmillan Publishing Company, New York.

Sebagai *first lady* dan sebagai Gabenor Kotaraya Manila, Imelda juga pernah mendapat gelaran *Miss Ten Percent*, kerana peranannya menerima komisyen 10 persen untuk dirinya dari setiap pelabur asing yang ingin melabur di Filipina.

Bukan itu sahaja bahkan Imelda mempunyai *Grand Design*, untuk menggantikan suaminya sebagai Presiden Filipina andaikata Marcos mati secara mendadak.

Jika diperhatikan cara dan tindak tanduk pasangan suami isteri itu semasa berada di atas puncak kekuasaan, nampaknya Imelda lebih banyak memainkan peranan daripada suaminya, seolah-olah Marcos agak takut kepada Imelda yang telahpun mendapat sanjungan sebagai kupu-kupu besi.

Demikianlah hakikat yang sebenar, hancurnya seorang laki-laki adalah akibat dari tunduk dan takut kepada wanita.

Seperti yang disebutkan tadi bahawa pasangan Marcos dan Imelda, kedua-duanya mempunyai nafsu besar terhadap kuasa dan harta dan kedua-duanya merupakan lambang dari semua bentuk kerakusan. Hakikat ini begitu jelas sehinggakan negara Filipina hampir-hampir mufliis. Biar bagaimanapun mujurlah di saat-saat genting itu muncul dewi penyelamat, seorang suri rumah yang telah menjadi janda sebab suaminya, Ninoy Aquino, mati dibunuh oleh golongan Marcos. Cory Aquino telah berjaya menggerakkan suatu revolusi rakyat yang disokong oleh pihak tentera yang sudah insaf untuk menggulingkan kediktatoran Marcos/Imelda dan sekaligus menghalaunya keluar dari Filipina.

Oleh kerana kelam-kabut melihat kemarahan rakyat, Imelda terburu-buru lari meninggalkan istana Malacanang, hinggakan tak sempat membawa sebahagian dari hartanya, antara lain 3000 pasang kasut dan 3000 helai seluar dalam yang mahal-mahal harganya.

Sebagaimana yang disebutkan tadi, pasangan Marcos/Imelda adalah jaguh dari segala bentuk kerakusan dan ketidakperikemanusiaan. Inilah yang terjadi kepada orang yang tamak haloba. Mereka tidak dibenarkan kembali menjejakkan kaki di tanah air sendiri. Di sini kita ingin bertanya, apakah mungkin ada lagi lembu-lembu sejarah yang akan mengikuti jejak-jejak mereka?

Sama-sama kita tunggu dan lihat.

Kisah petualangan Marcos itu membabitkan pula seorang jutawan Arab, Adnan Kashoggi yang dituduh ber-subahat dengan Marcos dengan menggelapkan harta rakyat

Filipina. Tangan beliau telah pun pernah digari oleh pihak polis dan kini sedang menghadapi pembicaraan di sebuah mahkamah di Amerika.

Ramai wanita petualang yang seksi dan jelita pernah menjadi teman karib Adnan Kashoggi. Yang terakhir sekali beliau berhasil menggunakan Pamela Borders (Boneka dari India) untuk mengatur strategi kepentingan perniagaannya.

Demikianlah serba ringkas kisah orang-orang terkenal dan orang-orang yang pernah berkuasa menempa sejarah masing-masing. Pengalaman mereka ini sudah sepatutnyalah dijadikan renungan kita bersama.

8

DIALOG POLIGAMI DENGAN BAPA POLIGAMI

SOAL poligami adalah soal yang sensitif pada kaum wanita umumnya. Berbagai macam hujah dikeluarkan oleh mereka yang tidak bersetuju dengan poligami. Apa kata Ustaz Ashaari Muhammad mengenai persoalan yang selalu dikemukakan oleh wanita yang menentang poligami? Ikutilah jawaban-jawaban Ustaz Ashaari Muhammad tentang persoalan-persoalan yang ditimbulkan:

Soal: Ustaz, suami saya ingin berkahwin lagi. Berkaitan dengan itu saya hendak bertanya ustaz tentang persoalan poligami.

Ustaz Ashaari: Insya-Allah, moga-moga Allah izinkan saya menjawab dengan baik.

Soal: Kenapa kebanyakan lelaki suka berkahwin lebih dari satu?

Ustaz Ashaari: Itu kan bagus? Para isteri berpeluang menghadiahkan kepada suami mereka sesuatu yang paling berharga.

Soal: Tidak mungkin begitu. Sanggupkah seorang lelaki menghadiahkan kepada isterinya seorang lelaki lain sebagai suami kedua?

Ustaz Ashaari: Itu tidak mungkin, sebab syariat tidak membenarkan. Sebaliknya, syariat membenarkan seorang lelaki berkahwin lebih dari satu.

Soal: Kenapa begitu? Bukankah dari segi perasaan, lelaki dan wanita sama sahaja. Kalau seorang lelaki tidak rela isterinya menduakannya, maka wanita juga tidak rela suaminya menduakannya. Apakah syariat tidak menimbangkan soal ini?

Ustaz Ashaari: Ya, di segi perasaan, lelaki dan wanita adalah serupa tetapi tidak serupa kemampuan dan tanggungjawab. Oleh itu, tidak semua perkara yang dibolehkan kepada lelaki, boleh juga pada wanita. Contohnya, tentang poligami, perempuan tidak dibolehkan kerana seandainya dia mengandung, anak itu hendak dibinkan suami yang mana? Kesan dari itu macam-macam risiko yang terpaksa ditanggung oleh anak itu, ibu ayah, datuk nenek dan saudara mara yang terlibat. Kepada siapa pula anak itu akan dipertanggungjawabkan?

Hal ini tidak berlaku kalau lelaki yang berpoligami. Anak-anak yang lahir dari isteri-isterinya semuanya adalah tanggungan suami. Kalau isterinya empat orang, anaknya pula 30 orang, maka semuanya mesti dibiayai oleh suami tersebut. Itu merupakan salah satu sebab kenapa poligami tidak dibenarkan pada perempuan. Tetapi lelaki dibolehkan, dengan syarat, dia bertanggungjawab melindungi dan menanggung semua yang terlibat. Itulah keadilan syariat.

Jika wanita terpaksa berdepan dengan kesusahan kerana poligami, lelaki pun begitu juga. Wanita susah perasaannya, lelaki susah tanggungannya.

Soal: Seandainya saya jadi suami, saya rasa tidak tergamak hendak menduakan isteri. Tetapi kenapa dia sampai hati untuk berbuat begitu?

Ustaz Ashaari: Saudari tidak boleh menyamakan jiwa lelaki dengan jiwa wanita. Jauh bezanya watak hati antara dua makhluk yang berlainan jenis itu. Syariat membenarkan poligami kerana lelaki mempunyai jiwa dan fizikal yang layak untuk itu, untuk tujuan-tujuan yang besar pula. Tetapi perempuan tidak dijadikan untuk tugas ini. Antara kepentingan poligami ialah:

1. meramaikan zuriat,
2. membela yang janda, andartu dan lebihan wanita,
3. menyelesaikan masalah suami sewaktu isterinya mengandung, bersalin dan lain-lain keuzuran.

Soal: Bukankah ikatan suami-isteri diasaskan atas faktor itu?

Ustaz Ashaari: Ya, tetapi bukan semata-mata itu. Saudari perlu imbangkan kehendak-kehendak nafsu ini dengan kemahuan-kemahuan akal fikiran, jiwa serta keperluan-keperluan kemanusiaan orang-orang selain saudari.

Soal: Apa maksud ustaz?

Ustaz Ashaari: Akal saudari tentu bersetuju dengan kepentingan-kepentingan atau faedah-faedah poligami. Hati saudari pasti bersimpati dengan kaum sejenis yang tidak ada suami. Betapa orang lain selain saudari mengharapkan agar saudari merelakan suami saudari berkahwin lagi. Bahkan saudari sendiri sepatutnya merasa terhutang budi kepada suami saudari kerana mengahwini serta melindungi dan menyediakan rumah dan keperluan saudari. Atas pengorbanannya itu, adalah tidak wajar seandainya saudari tidak membenarkan permintaannya untuk berkahwin lagi.

Soal: Saya tetap merasakan bahawa setiap wanita tidak bersetuju dengan poligami. Kami hilang kebahagiaan kerana poligami.

Ustaz Ashaari: Manusia hilang kebahagiaan bukan kerana poligami. Barapa ramai orang yang tidak terlibat dengan poligami pun *frust* selalu, yang ramai bunuh diri itu, bukan sebab poligami, tetapi tak lain tak bukan kerana kecewa, putus asa dan lemah iman.

Siapa pun juga yang tidak kuat iman, akan hilang kebahagiaan dengan segala bentuk ujian. Ujian tidak lulus periksa, tunang diambil orang, kematian orang yang dikasihi, suami berkahwin lagi dan lain-lain.

Soal: Ustaz, menganggap saya tidak beriman?

Ustaz Ashaari: Bukan begitu. Bukti iman seseorang ialah dia redha dengan takdir yang Allah tentukan padanya. Dia tidak keluh kesah. Tidak menderita. Iman membuatkan seseorang boleh tenang dalam ujian. Tenang walaupun suaminya berkahwin lagi.

Soal: Ustaz menyuruh saya melawan fitrah kewanitaannya saya, sedangkan kehendak fitrah adalah suatu tuntutan yang murni, yang patut dibenarkan.

Ustaz Ashaari: Menderita kerana suami berkahwin lagi bukan rasa fitrah. Itu adalah nafsu, sebab poligami bukan mengambil seluruh keperluan-keperluan batiniah wanita (ertinya tidak menafikan keperluan fitrah). Ia hanya meminta wanita mengorbankan sebahagian kenikmatan itu untuk kaum sejenisnya yang juga memerlukan nikmat itu.

Soal: Tapi perasaan ini sangat menguasai saya, menentukan tenang tidaknya hidup saya.

Ustaz Ashaari: Memang nafsu itu boleh membuatkan seseorang masuk neraka dunia dan akhirat. Bukankah Allah dan Rasul telah memberitahu tentang ini.

"Sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak kepada kejahatan."

Sabda Rasul lagi, yang artinya:

"Sejahat-jahat musuh engkau ialah nafsu engkau yang terletak antara dua lambung engkau"

Barang siapa yang mengikuti kata nafsu hingga lupakan Allah, maka lihatlah apa akibatnya. Allah berfirman:

"Barang siapa berpaling daripada mengingat Aku maka baginya ialah kehidupan yang sempit."

Soal: Bagaimana saya boleh melepaskan diri dari belenggu nafsu ini?

Ustaz Ashaari: Nafsu hanya boleh ditundukkan dengan api neraka. Maksudnya sewaktu nafsu memujuk kita agar berlaku ingkar kepada Allah, maka kita katakan padanya, "Wahai nafsu, kata-kata engkau ini bukan boleh menyelamatkan aku, tetapi akan membawa aku ke neraka. Janganlah engkau hendak memperdayakan aku." Saudari percaya pada neraka?

Soal: Percaya, tapi tidak begitu memikirkannya.

Ustaz Ashaari: Kerana hati dan fikiran kita sentiasa memikirkan hal-hal keduniaan. Itulah dia nafsu. Dia telah menguasai sepenuhnya lahir-batin saudari, sedangkan wanita beriman, hati dan fikirannya banyak memikirkan nasibnya di akhirat.

Soal: Apa faedahnya kita memikirkan sangat tentang akhirat?

Ustaz Ashaari: Supaya kita dapat berkorban sebanyak mungkin di dunia ini, untuk mendapat sebanyak-banyaknya keuntungan di akhirat. Contohnya, saudari dapat korbankan harta benda di jalan Allah agar ia menjadi sim-

panan di akhirat, sedangkan wang itu jika tidak dikorbankan ia akan habis di dunia sahaja. Begitu juga saudari dapat berkorban untuk suami dengan membenarkan dia berkahwin, demi merebut janji Allah di akhirat. Walhal jika saudari *control* dia, dia pasti akan mati juga dan saudari tidak mendapat apa-apa di akhirat. Mengapa saudari mesti melepaskan peluang ini?

Soal: Tetapi pengorbanan ini rasanya terlalu berat untuk saya.

Ustaz Ashaari: Kerana saudari tidak nampak (dengan hati) syurga di akhirat. Kalaulah saudari melihat syurga maka harga suami ataupun dunia ini keseluruhannya sudah menjadi kecil sekali. Dan saudari tidak merasa berat lagi untuk berkorban. Saudari pernah belajar di universiti?

Soal: Pernah.

Ustaz Ashaari: Mudahkah untuk memasuki universiti dan untuk lulus di universiti? Tidak, bukan? Saudari berkorban bertahun-tahun tanpa rehat, tanpa berhibur, kurang tidur, berjaga malam dan kurang makan. Masa penuh dengan berfikir, mengkaji, menghafal, merujuk, menulis, membaca, mengira dan bermacam-macam lagi. Semua kesusahan itu saudari menanggungnya dengan rela, demi mengharapakan kejayaan. Dari kejayaan itu saudari mengharapakan syurga dunia. Syurga sementara. Syurga yang pasti ditinggalkan.

Begitulah juga dengan orang lain, bersusah-susah dalam hidupnya demi mendapatkan kemewahan duniawi. Nelayan rela mengharungi laut untuk hidup. Sekarang, cuba saudari paksa diri untuk mengganggu beban kesusahan duniawi demi untuk mendapatkan syurga akhirat yang kekal abadi, kalau betul saudari beriman dengannya.

Soal: Suami saya sudah berkahwin, ustaz. Saya benarkan dan saya berkorban kerana Allah, sebagai bukti

keyakinan pada janji Allah dan mengharapkan syurga yang Maha Nikmat.

Ustaz Ashaari: Syabas saudari. Saudari telah terpilih untuk mencapai satu darjat yang wanita lain tidak terpilih melakukannya.

Soal: Soalnya ustaz, sejak berkahwin, suami saya berlebih kurang saja dengan saya. Cinta dan cenderungnya pada isteri baru begitu ketara, hinggakan saya terasa terhina dan tidak berguna samasekali.

Ustaz Ashaari: Isteri solehah itu ialah isteri yang sanggup mengorbankan diri dan haknya untuk suaminya. Dia mampu tersenyum pada suami sekalipun pahit.

Soal: Kalau ustaz rasa apa yang saya tanggung ini, saya kira ustaz pun tak lalu makan dan tak boleh tidur.

Ustaz Ashaari: Setiap kesusahan yang Allah timpakan pada kita, penuh hikmah dan kebaikan. Allah tidak pernah melakukan sesuatu dan bermaksud menganiaya dan sia-sia. Semua takdir adalah tepat dan bijak. Cuma kita saja tidak nampak rahsiannya. Saudari mesti cuba meredhai ketentuan ini.

Soal: Tidak cukup saya susahkan dengan kahwin lagi, minta pula saya meredhai ketidakadilan ini?

Ustaz Ashaari: Niat saudari membenarkan dia kahwin, katanya kerana Allah untuk mengorbankan dunia untuk beli syurga di akhirat.

Soal: Betul.

Ustaz Ashaari: Syurga tidak boleh dibeli dengan harga yang murah, sebab syurga itu terlalu mahal. Untuk mendapatkan rumah di dunia saja saudari sudah mengorbankan

hidup saudari, maka apa lagilah untuk mendapatkan syurga di akhirat. Pengorbanan seorang wanita yang paling tinggi harganya, yang layak untuk dapat pangkat tertinggi di sisi Allah dan dapat syurgaNya ialah mentaati suaminya walau dalam keadaan apa sekalipun.

Soal: Masakan terkorban segala hak yang dibenarkan juga oleh Islam.

Ustaz Ashaari: Ya, pengorbanan hak itulah yang dikatakan berkorban. Sebab hak itu bukan wajib diterima. Dia boleh dikorbankan untuk suami. Tapi kalau semua hak kita, kita pertahankan, kita ambil dan gunakan di dunia ini, ertinya tidak berkorban apa-apa. Maknanya tiada simpanan kita di akhirat. Dengan apa hendak membeli syurga? Saudari lihatlah pengorbanan wanita-wanita ahli syurga. Siti Khadijah berkorban harta untuk suami hingga diri menjadi papa kedana. Walhal asalnya dia adalah hartawan Quraisy yang terbilang. Para isteri Rasulullah benar dan meredhakan baginda berkahwin sembilan orang. Hingga mereka sendiri sentiasa dalam keseorangan dan kerinduan pada suaminya. Siti Fatimah pula kurus kering jadinya kerana mengurus mencari air dan rezeki dengan tulang empat keratnya. Kemiskinan yang ditanggungnya tiada seorang wanita lain pun mampu merasainya. Pun begitu ia masih boleh memberi senyuman paling manis pada suaminya yang balik dengan tangan kosong. Yakni sesudah ditinggal berbulan-bulan. Dia buat begitu kerana membuktikan keyakinan dan keinginan pada syurga.

Apakah pengorbanan yang sudah kita berikan untuk suami sebagai simpanan akhirat, agar cukup untuk ditukar dengan syurga?

Soal: Hati saya hancur lebur, ustaz, kerana sikap suami saya itu.

Ustaz Ashaari: Saya yakin bahawa Allah bermaksud untuk membersihkan dosa-dosa saudari di dunia ini lagi.

Agar saudara pergi ke akhirat dalam keadaan tidak berdosa. Maka itulah saudara dibebankan dengan ujian ini. Kalaulah saudara boleh berkata begini terhadap ujian ini, 'Tuhan, saya redha dengan ujianMu ini kerana mengharapkan keampunanMu pada dosa-dosa saya,' nescaya akan selamatlah saudara.

Cuba kita hitung dosa-dosa sendiri yang telah kita lakukan sejak baligh hingga kini. Tentu banyak, bukan? Kalaulah dosa ini tidak dibersihkan dengan hukuman di dunia, pasti akan disiksa dengan neraka. Jadi yang mana saudara mahu diselesaikan di dunia atau di akhirat?

Soal: Bukankah Allah itu Maha Pengampun, lemah lembut, penyayang dan sopan santun?

Ustaz Ashaari: Ya, tapi kesalahan mesti dihukum. Orang yang sudah banyak membuat kesalahan, kalau dilepaskan begitu saja, nescaya dia tidak serik. Dia tidak takut untuk buat lagi. Sedangkan orang yang sudah berkali keluar masuk penjara pun masih sanggup mengulangi kejahatannya, inikan pula orang yang setiap kali bersalah dimaafkan sahaja, tentu tiada sebab kenapa tabiat jahat itu hendak dihentikannya. Oleh sebab itu, Allah buat hukuman di dunia dan di akhirat. Beruntunglah siapa yang dosanya dihukum di dunia. Itupun kita sudah tidak tahan. Sudah rasa terseksa dan menderita sekali. Apalagi penjara akhirat sangatlah dasyat.

Soal: Apa halnya dengan suami saya? Dia tidak dikira berdosa kerana sikapnya itu?

Ustaz Ashaari: Seorang lelaki soleh, adalah lelaki yang takut dosa. Dia tidak akan semberono dalam tindakannya. Dia tidak akan diperduakan oleh nafsu syaitannya. Saya kira suami saudara belum bersalah, walaupun dia melebihkan salah satu isterinya dari yang lain.

Soal: Tapi dia tidak adil. Giliran, nafkah lahir dan batin, semuanya dibezakan.

Ustaz Ashaari: Mari kita lihat ke dalam rumahtangga Rasulullah. Bandingkan dua orang isterinya, yakni Siti Aisyah dan Saudah. Oleh kerana Rasulullah tidak mampu memberi hak kepada Saudah, maka Rasulullah bercadang untuk berpisah dengan Saudah. Tapi, apa kata Saudah? 'Jangan ceraikan aku, ya Rasulullah! Aku masih berbangga kerana dapat menjadi isterimu di akhirat. Berikanlah giliran pada Siti Aisyah.' Maka sejak itu Siti Aisyah sentiasa dilebihkan. Bukan itu saja, bahkan Rasulullah kalau pergi bermusafir maka yang selalu dibawanya ialah Siti Aisyah.

Soal: Kenapa Rasulullah lebihkan Siti Aisyah, tidak isteri yang lain?

Ustaz Ashaari: Kerana Siti Aisyah yang lebih taqwanya. Buktinya, lihat sabda Rasulullah yang bermaksud:

"Tidak pernah wahyu turun ketika aku berada bersama isteri-isteriku, kecuali dengan Aisyah."

Itu menunjukkan Siti Aisyah memang mendapat perhatian dari Allah. Sebab itu jugalah maka ujian pada Siti Aisyah dilebihkan. Dia pernah difitnah berzina. Nyaris diceraikan oleh Rasulullah. Tapi Allah membelanya. Ada dirakamkan dalam Al-Quran kisah pembelaan ini. Itulah Siti Aisyah, satu-satunya tokoh agung wanita solehah, hingga mampu menjadi mahaguru pada para sahabat besar.

Soal: Ustaz hendak samakan suami saya dengan Rasulullah dan saya pula hendak dibandingkan dengan isteri baginda?

Ustaz Ashaari: Rasulullah dan isteri-isterinya adalah contoh teladan bagi mukminin dan mukminat. Memang sukar untuk menjadi seperti mereka, tetapi cita-cita hidup mesti diletakkan setinggi itu. Agar tindak-tanduk kita menuju ke arah itu. Katalah saudari tidak mampu jadi seperti Saudah, rela mengorbankan haknya untuk Siti Aisyah, dan memang suami saudari pun bukan berniat hendak menceraikan saudari, maka kalau dia terlebih-terkurang, saudari tentu boleh memaafkan dia.

Soal: Tetapi kenapa dia terlebih dan terkurang begitu sekali?

Ustaz Ashaari: Kerana kasih sayang dan kecenderungan suami pada isteri-isterinya adalah di luar kuasa suami. Rasulullah sendiri keluhkan hal ini.

“Wahai Tuhan, ampunkan aku kerana tidak boleh menyama-ratakan rasa kasih sayang pada isteri-isteri.”

Soal: Kenapa Allah buat begitu? Apa Allah tidak tahu betapa sedihnya isteri yang tidak disayangi suaminya dan yang dikurang-kurangkan haknya?

Ustaz Ashaari: Sekali lagi saya minta renungkan kebijaksanaan dan keadilan Allah. Bahawa setiap yang ditakdirkan itu adalah cukup adil dan sangat tepat. Jangan saudari anggap Allah tidak adil kerana tidak menyamakan pemberianNya pada hamba-hambaNya. Kalau saudari sudah jahat sangka dengan Allah dan ini adalah merupakan dosa besar. Terimalah takdir sebagai ujian dengan harapan terhapusnya dosa.

Mungkin kerana banyaknya dosa-dosa kita maka ujian pun berat. Atau kalau bukan kerana dosa maka ujian adalah untuk melayakkan saudari untuk naik pangkat di sisi Allah yang upahnya ialah syurga. Iaitu kalau saudari dapat sabar. Pahala sabar tanpa hisab diperolehi. Tapi, kalau sau-

dari tidak boleh sabar, maka ujian ini bererti kegagalan dan kutukan pada saudari.

Orang yang Allah sayang, ujian dari Allah akan lebih memuliakannya. Orang yang Allah benci, ujian ini akan menjatuhkan dan menghinakannya.

Soal: Kenapa Allah benci pada seseorang hambaNya?

Ustaz Ashaari: Kerana dosa-dosa yang telah dibuatnya adalah dosa besar. Dosa yang menghibab antara dia dengan Allah. Bagi seorang wanita, dosa-dosa itu ialah:

1. derhaka pada suami
2. derhaka pada ibu bapa
3. derhaka pada guru
4. menzalimi orang lain

Soal: Saya macam tidak percaya ada orang boleh senyum dalam kepahitan.

Ustaz Ashaari: Sebab saudari tidak merasainya. Sebab iman belum masuk ke hati. Kalaulah iman telah ada, seseorang bukan saja sanggup berkorban jiwa raga, hatta nyawa pun rela dikorbankan (apa sajalah hendak dibandingkan dengan korbannya giliran dengan suami). Sebab dia yakin itulah kecintaan Allah dan itulah caranya untuk mendapatkan syurga. Saudari lihat Rabiatul Adawiyah, dia berdukacita sekali kalau Allah tidak susahkan dia (dengan ujian). Sebab ujian bererti kasih sayang Allah.

Orang yang dikurangkan di dunia akan dilebihkan di akhirat. Orang yang disusahkan di dunia akan dimudahkan di akhirat. Saudari akan lihat keadilan ini dijadikan sepenuhnya di mahkamah akhirat nanti.

Soal: Bagaimana dengan suami saya? Apa dia bersalah langsung?

Ustaz Ashaari: Salah tidaknya, bergantung kepada saudari. Kalau saudari tidak redha, maka saudari berdosa manakala saudari pula tidak mendapat apa-apa. Bahkan lebih baik saudari memaafkan dia, redha kesilapannya dan korbankan hak saudari untuknya, maka saudari akan mendapat pahala dan kemuliaan di sisi Allah, dan saudari pun tidak berdosa. Saudari mesti sedar yang kita sebagai hamba Allah, sentiasa berdosa kepada Allah. Patutnya tidak sempat kita hendak fikirkan dosa orang lain kerana itu tentulah kita mengharapkan sangat Allah mengampunkan kita. Kalau tidak, neraka padahnya. Untuk itu, saudari maafkanlah suami saudari itu. Dengan yang demikian, moga-moga Allah memaafkan diri saudari.

Soal: Apa alasan saya untuk memaafkan dia, sedangkan saya sangat sedih dan kecewa dengan sikap dia?

Ustaz Ashaari: Kalau benar saudari menyayanginya, inilah masanya untuk membuktikan kasih sayang itu. Yakni melepaskannya dari dosa. Itu baru betul sayang. Atau paling tidak, saudari buatlah sembahyang hajat mendoakan agar suami saudari menjadi sebaik yang saudari harapkan.

Terima kasih atas segala nasihat yang ustaz berikan. Saya akan cuba melaksanakannya. Moga-moga Allah mengizinkan dan menumpukan saya serta diberikan syurga yang dijanjikanNya.

9

WANITA VS POLIGAMI

KEUPAYAAN Jemaah Darul Arqam melaksanakan poligami dengan baik telah diakui oleh masyarakat. Di manakah rahsia di sebalik kemampuan tersebut.

Dalam tiga siri POLIGAMI: PANDANGAN SYEIKHUL ARQAM anda berpeluang mengikuti beberapa pandangan Syeikhul Arqam di dalam pelbagai aspek berhubung dengan isu tersebut.

Siri pertama, HIKMAH-HIKMAH POLIGAMI merupakan satu pandangan Syeikhul Arqam bagi menjawab satu soalan dalam satu siri ekspedisi pengembaraan Islamiah seluruh Semenanjung Malaysia pada bulan Februari 1988.

Dan siri ketiga DIALOG POLIGAMI merupakan satu siri temubual Syeikhul Arqam, Bapa Poligami Malaysia bersama Ketua Pangarang Majalah Al Mukminah terbitan Penerangan Al-Arqam.

Moga-moga pandangan Syeikhul Arqam ini menambahkan lagi kefahaman kita. Dan ikutilah jawapan-jawapan beliau yang mempunyai empat isteri pada satu waktu.

HIKMAH-HIKMAH POLIGAMI

Soalan:

Imej poligami di tengah masyarakat kita selama ini sering dikaitkan dengan hal-hal yang negatif. Bahkan kemampuan seseorang untuk dapat berlaku adil juga sering dipersoalkan. Bolehkah Ustaz terangkan hikmah-hikmah poligami dan bagaimana tuntutan keadilan yang mesti ditunaikan dalam berpoligami?

Syeikhul Arqam:

Berpoligami merupakan Dakbus Solihin yakni tradisi orang-orang soleh. Maksudnya kalau kita baca sejarah berkahwin ramai ini sudah menjadi amalan atau kegemaran orang-orang soleh zaman dahulu. Para Rasul-rasul dan Nabi-nabi, isteri mereka ramai, Rasulullah isterinya sebelas orang. Tak silap saya tiga puluh enam atau tiga puluh tujuh semuanya. Hanya sebelas orang bersamanya. Lainnya sebelum bersama sudah diceraikan oleh Rasulullah dengan keadaan dan sebab-sebab tertentu.

Para-para sahabat juga ramai yang berpoligami. Ada setengahnya lepas diceraikan empat, kahwin empat lagi, cerai lagi, kahwin empat lagi. Ada di antara sahabat mempunyai dua ratus isteri iaitu Saydina Hassan r.a Syeikh Abdul Qadir Jailani, ulama besar dan sufi-sufi yang ulung, berkahwin serentak empat orang sekali. Jadi cukuplah saya gambarkan sejarah.

Ini menunjukkan berpoligami atau berkahwin ramai itu Dakbus Solihin, bukanlah satu kecacatan dan satu keaiban. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya:

Hendaklah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang baik agamanya, keturunannya, akhlaknya, dua orang, tiga orang, empat orang

(setakat empat orang), tetapi jika kamu tidak sanggup berlaku adil cukup hanya satu.

Ini bermula daripada dua dahulu, selepas itu tiga orang dan selepas itu empat orang. Sudah cuba dan rasa-rasa tak adil, baru boleh berunding baik-baik. Lepaskan, tinggalkan satu ataupun dua ataupun tiga. Kalau satu sahaja tidak tahu lagi apakah adil atau tidak adil. Sebab itu Allah berfirman "Masna" (dua), satu disebut di hujung selepas : Ertinya, hingga kamu tidak dapat berlaku adil, cukuplah satu, atau pun tiada tolak ansur yang lain hingga menjadikan suami susah hendak berlaku adil pula, bolehlah berunding tinggalkan satu sahaja.

Berpoligami itu merupakan amalan orang soleh masa dahulu, kerana Allah SWT membenarkannya berbuat demikian. Sebenarnya berpoligami ini banyak hikmahnya. Di antara hikmahnya:

Yang pertama Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud:

"Hendaklah kamu bernikah kahwin, hendaklah kamu berketurunan. Saya berbangga dengan pengikut yang ramai"

Rasulullah berbangga dengan pengikut yang ramai. Sebab itu kalau berkahwin satu mungkin barangkali tidak ramai, tetapi jika isteri sudah ramai, setiap seorang itu bertambah ramai lagi pengikut Rasulullah. Rasulullah berbangga bukan sahaja di dunia lebih-lebih lagi di akhirat dengan ramainya pengikut dan umatnya, dibandingkan dengan pengikut-pengikut dan umat Rasul-rasul sebelum baginda. Itulah sebabnya Rasulullah menggalakkan seorang lelaki berkahwin dengan perempuan yang berketurunan yang ramai anak. Hadis yang berbunyi:

"Hendaklah kamu berkahwin dengan perempuan yang ramai anak dan berkasih sayang".

Di samping berketurunan ramai anak, dia berkasih sayang agar dia kasih sayang dengan anak-anak. Jadi macam mana kita hendak tahu perempuan itu ramai anak? Kita kahwin satu dia belum ada anak. Ketika itu tengoklah ibunya. Kita pinang anak gadis orang, kita tengoklah macam mana ibunya. Ibu dia anak dua puluh satu orang atau lapan belas, tentulah menurun kepada dia pula. Biasanya begitulah.

Jadi hikmahnya berdasarkan sabda Rasulullah tadi. Rasulullah berbangga umatnya ramai. Jadi kalau kita ramai isteri dengan tujuan untuk menggembirakan Rasulullah, pahalanya besar. Betapalah gembira Rasulullah, kekasih Allah. Allah tidak jadikan langit dan bumi kalau tidak kerana Rasulullah. Itu hikmah yang pertama.

Hikmah yang kedua, bagaimana kita hendak melahirkan kasih sayang dengan suami. Janganlah beri hadiah yang kecil-kecil. Belikan kain pelikat ini biasa, orang boleh buat. Balik kampung bawakan buah rambutan, ini semua orang boleh buat. Hadiah isteri seorang lagi atau dua atau tiga orang. Ini jarang orang boleh buat. Ini baru tunjuk kasih sayang, sebab nak buat tu payah. Itu benda paling berharga bagi wanita. Kalau wanita bagi emas pada suami pun tidak segembira itu. Tapi kalau carikan dua atau tiga orang, itu hadiah yang besar. Itulah tanda kasih sayang kepada suami. Jangan kata, "saya ini kasih pada suami", tapi nak dimadukan suami, tidak sanggup. Kata bohong dia, berlakon-lakon.

Hikmah yang ketiga, inilah ujian pada wanita. Kalau pada lelaki ujian terlalu banyak di luar rumah dan di dalam rumah, sebab gelanggang lelaki luas. Lelaki mentadbir masyarakat, memikirkan negara, memikirkan dunia yang luas. Tentulah luas pula ujiannya. Penderitaan yang dihadapi luas oleh lelaki. Makin luas dia bergelanggang, berjuang, makin luas dan banyak ujian yang ditimpakan oleh Allah. Jadi kalau begitu, apa pula ujian kepada kaum

ibu. Ujian kaum ibu terbatas. Jadi ujian untuk diberikan kepada kaum ibu 'special'lah. Bukan ujian biasa, ujian luar biasa. Maka Allah membenarkan suaminya berkahwin dua, tiga dan empat.

Inilah ujian besar untuk menguji sejauh mana para wanita dan isteri boleh patuh kepada perintah Allah. Setiap orang mukmin itu diuji. Ujian tidak sama, kadang-kadang ujian sama. Pada lelaki ada ujian tertentu yang berat padanya, pada wanita tidak berat. Seseengah ujian berat bagi wanita, tidak pula berat bagi lelaki. Bahkan mungkin ini bukan ujian daripada Dia, ini suatu rahmat. Seperti poligami, sedangkan Allah mahu orang mukmin diuji, kalau dia benar-benar beriman dan taat kepada Allah, kasih sayang kepada Allah, Allah uji supaya kita tahu menilai diri kita. Benarkah kita kasihkan Allah, patuh dan taat kepada-Nya.

Allah berfirman di dalam Al-Quran yang maksudnya:

Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin bila mereka dipanggil kepada Allah dan RasulNya, agar Rasul menghukum (mengadili) di antara mereka ialah ucapan "kami dengar dan kami patuh".

Jadi hikmah yang lain ini merupakan ujian pada kaum ibu untuk dapat menilai dirinya. Benarkah dia patuh kepada Allah atau tidak? Benarkah dia taat kepada Allah atau tidak?

Hikmah yang keempat, di akhir zaman ini Rasulullah pernah memberitahu kaum ibu lebih banyak daripada kaum bapa. Ini mungkin disebabkan barangkali peperangan dan sebagainya menjadikan kaum bapa ramai mati. Kaum ibu tidak! Bahkan setengah hadith mengatakan yang bermaksud.

"Di akhir zaman nanti bandingan di antara lelaki dan wanita satu kemampuan lelaki lima puluh wanita".

Satu lawan limapuluh. Rupanya di tanah air kita dan di setengah-setengah tempat hampir hendak berlaku begitu. Tahun 1983 suratkhbar memberitahu di Petaling Jaya saja ukuran lelaki dan wanita, satu lelaki dua puluh dua orang wanita. Itu lebih kurang lima enam tahun dulu. Sekarang mungkin menjadi ukuran satu lelaki tiga puluh wanita.

Malaysia bukan negara yang berperang, satu lawan dua puluh. Betapalah negara perang macam Vietnam, Laos, Timur Tengah, Iran lebih-lebih lagi. Mungkin di sanalah satu lawan limapuluh.

Di akhir zaman ini perempuan sudah ramai, lelaki sedikit. Jika kaum ibu tidak membenarkan suaminya berkahwin lebih daripada satu, kalaulah satu negeri itu satu lelaki sepuluh perempuan, jadi yang sembilan lagi macam mana? Sembilan lagi ertinya membujang sampai ke tua sedangkan dia ada fitrah juga. Kata orang fitrah semula jadinya. Lelaki ingin perempuan, perempuan ingin juga kepada lelaki. Sembilan lagi apa nak jadi? Jadi kalau isteri-isteri tidak sanggup berkorban ertinya dia tidak bertimbang rasa dengan kaum sejenisnya. Biar orang itu berlapuk, biarlah orang itu menderita jiwanya, biarlah hidupnya frust, biarlah jiwanya menderita. Kalau tidak ada timbang rasa dan belas kasihan macam mana? Rasulullah pernah bersabda maksudnya:

Kasihnilah apa yang ada di bumi nescaya apa-apa yang di langit akan mengasihani kepada kamu.

Kalau kita tidak sanggup berpoligami ertinya kita sudah tidak ada belas kasihan dan tidak bertimbang rasa dengan kaum sejenis kita. Cuba kita fikirkan kalau diri kita sendiri tidak ada orang cari sampai mati. Jadi kita perlu ada sifat bertimbang rasa dan belas kasihan. Kita membantu kawan kita yang lain. Tak apa kalau kita berniat demikian pahala besar sebab kita telah dapat berkhidmat kepada orang lain.

Rasulullah bersabda yang bermaksud:

Sebaik-baik manusia, manusia yang dapat memberi manfaat kepada orang lain.

Dan begitu juga hikmahnya kita bertimbang rasa kepada suami kita seperti mana yang saya katakan tadi. Kita beri hadiah yang paling mahal, iaitu isteri. Jadi itu merupakan hadiah yang paling besar daripada wanita kepada suami, tanda dia kasih kepadanya. Tanda dia bertimbang rasa kepadanya dan juga ini keselamatan bagi isteri-isteri itu pula. Maklumlah soal hati ini kepunyaan Allah. Hati tiada usaha ikhtiar langsung, bagaimana yang Allah minta begitulah dia. Kalau-kalau lahir ni, ada juga nampak usaha ikhtiar manusia. Maksud saya hati ini sama ada kasih atau tak kasih seorang itu kepada anak, kepada isteri dan kepada sahabat, bukan boleh dibuat-buat, dia datang tiga-tiga. Sebab itu Rasulullah pernah bermunajat kepada Allah.

Rasulullah berkata begini:

“Wahai Tuhan. Hati ini bukan milik aku. Aku tidak berkuasa miliki hatiku, wahai Tuhan.”

Bila berhadapan dengan isterinya, dia tidak dapat membahagikan kasih sayang sama. Hendak ratakan kasih sayang yang sama itu tidak boleh. Dia mahu tetapi tidak boleh. Yang Allah maksudkan begitu adalah si A 60%, si B 50%, si C umpamanya 90% kemudian si D 30%. Ini sudah merosot sungguh tetapi itu bukan kehendak dia. Ini sudah Allah jatuhkan ke dalam hati. Begitulah Rasulullah mengadu.

“Wahai Tuhan, bukan kuasaku, Tuhan. Ini adalah milik-Mu, aku minta maaf kalau aku tidak meratakan kasih sayang. Bukan saja kepada isteri-isteri bahkan kepada para sahabat”.

Jadi sebab itu, kalau seseorang mempunyai rasa hati, maka Allah tidak akan bertindak. Sebab itu adalah di luar daripada kuasa kita.

Saya maksudkan di sini untuk kehormatan kaum ibu juga, kadang-kadang sudah lama berumah tangga, entah sepuluh tahun atau lima belas tahun. Bukan kehendak suami, tiba-tiba Allah masukkan ke dalam hatinya iaitu suami sudah rasa tawar dengan isteri, sudah rasa jemu dengan isteri yang ada. Jadi kalau kita tidak membenarkan suami kahwin dan kita tahan-tahan, takut-takut nanti si suami tidak boleh membendung perasaan dan akhirnya dia akan menceraikan kita, ini lebih merugikan. Lebih baik kita benarkan sahaja dia beristeri seorang lagi untuk menghiburkan hatinya. Dengan itu si suami akan merasa terhutang budi kepada isteri. Dia rasa isteri telah memberi hadiah yang paling besar kepada dia. Ampun maaf, mungkin dia rasa terhutang budi kepada kita, datang kasih sayang, datang bertimbang rasa kepada kita. Mungkin dia akan lebih dekat dengan kita, sebagai isteri. Jadi ini membantu kita (kaum ibu) tetapi hal inilah kaum ibu tidak faham.

Begitu juga, bila suami mempunyai isteri yang ramai sampai empat, ini boleh meringankan rasa benci kepada setengah-setengah seperti meringankan rasa benci kepada isteri kalau isteri seorang. Kalau tak berdakwah pula, 24 jam ada di rumah, lainlah kalau dia beriman, tak mengapalah. Kalau isteri sudah bencikan suami, suami telah bencikan isteri lebih-lebih pula barangkali anak telah ramai, isteri pun telah tidak mempedulikan suami dan suami sudah tidak mempedulikan isteri. Cuba kita tinjau macam mana orang-orang kampung. Kita lihat beberapa isteri telah mula jauh. Hendak bercerai anak dah ramai, ataupun sesetengah orang tidak tergamak melakukan demikian kerana anak dah ramai dan sebagainya. Sedangkan tiada timbul masalah isteri pun baik, suami juga baik tetapi perhubungan kasih sayang pula yang dah mula tiada.

Sekiranya suami mempunyai empat orang isteri setidak-tidaknya walaupun dia bukan pejuang atau pendakwah secara automatik berlaku kadang-kadang isteri itu bertemu pada malam yang keempat. Kita pernah mendengar bidalan iaitu "sayangkan isteri tinggal-tinggalkan" artinya kena jarang-jarangkan. Jadi sekiranya ada empat isteri, dalam masa empat hari baru seorang isteri itu bertemu dan sebaliknya selama empat hari yang sama pula seorang isteri yang lain itu tidak bertemu. Walau bagaimanapun hati isteri telah longgar kasih sayang dengan suaminya kerana telah empat hari tidak bertemu. Tetapi kasih sayang suami meningkat sedikit. Itu pengalaman kebanyakan lelaki atau para suami, kemungkinan perkara ini tidak dapat dirasakan oleh kaum ibu. Kadang-kadang suami memandang jemu kepada isterinya tetapi jikalau telah sepuluh hari tidak balik ke rumah, maka akan datang kasih sayang. Keinginan untuk balik akan bertambah dan meningkat taraf kasih sayang kepada isteri. Jadi ini semua membantu kita juga. Perasaan ini takkanlah nak diceritakan oleh suami, malah dipendamkan saja dan sebab itulah kaum ibu tak faham tentang ini. Ini semua demi menyelamatkan kaum ibu itu sendiri.

Selain daripada itu hikmahnya kalau berpoligami ini diterima, satu hakikat yang wujud di tengah masyarakat kehidupan Muslimin yang Allah membenarkan, Rasul membenarkan, syariat membenarkan. Jadi kita terima atas dasar iman. Keluarga besar atau sudah ramai, bolehlah tolong bantu sesama mereka. Siapa yang untung? Sekiranya seorang tidak dapat melayan suami, yang lain boleh layan. Sekiranya seorang isteri tidak boleh memasak di dapur ada yang lain memasak. Dan lebih-lebih lagi kalau suami tidak ada, ada madu yang lain boleh memegang tanggungjawab. Suami tugasnya di luar dan menguruskan masalah luar, sekiranya ada mempunyai anak ramai maka jika ingin ke mana-mana, payah untuk membawa anak-anak tersebut. Barulah luas gelanggang kehidupan kaum ibu, boleh meringankan kerja yang lain. Jadi di mana ru-

ginya? Cuma nafsu sahaja yang tidak setuju. Tetapi hakikatnya, kalau kita terima dengan baik maka ini membawa kebaikan pula.

Dalam soal keadilan pula, Allah menceritakan khusus kepada lelaki (kaum ibu tidak boleh menyanggah atau menyangkal bab ini atau tidak boleh mempersoalkan). Kaum ibu, bila suami hendak kahwin saja timbul persoalan, "Hai.... abang boleh adil ke?" Terima atau tidak terima kita belum tahu kerana ini urusan antara dia dengan Allah dan Allah dengan dia. Jadi suami kena cuba dahulu dan orang lain tidak boleh mempersoalkan. Walaupun isteri menggertak, 'awak tidak boleh kahwin kerana sekiranya tidak berlaku adil, tidak dibolehkan.' Perkara ini adalah pilihan Allah dan juga ini semua soal individu, bukannya soal masyarakat' Soal individu ini adalah persoalan antara dia dengan Allah.

Kemudian dalam soal keadilan ini, jangan kita menganggap keadilan di sini seperti ukuran kayu pembaris. Umpamanya sekati - 16 tahlil, dan dalam bab poligami pula, umpamanya si suami berkahwin lagi buat kali kedua. Berkahwin pula dengan seorang anak D.O yang sudah biasa dengan hidup senang, mewah dan rumah tangga yang hebat. Jadi kalau suami itu mampu, keadilan yang mesti dilakukan oleh suaminya mengikut anggapan di atas mestilah seperti berikut. Isteri yang kampung bolehlah diberi makan ikan kembung sahaja manakala isterinya yang anak D.O itu diberi ikan kembung yang sama. Tidak sebenarnya bukan begitu. Isteri daripada anak D.O tadi kena diberi ikan bawal. Semua ini untuk menghormati isterinya yang telah biasa hidup dalam suasana mewah. Yang berasal dari orang kampung, dapat ikan kembung itu dah boleh tahan berbanding dengan ikan sepat. Selama ini sepat sahaja yang dapat suami sediakan jadi dapat disediakan ikan kembung, hai beruntung benar. Bukan isteri yang kaya diberi makan ikan bawal juga. Ini salah! Cuma sekiranya si suami hendak beri juga ikan bawal kepada isteri yang miskin, tidaklah salah.

Tidak salah juga kalau suami ini tetap mengekalkan cara kehidupan yang lama. Tidak bolehlah si isteri mengatakan "Hai, saya ni, ikan kembung saja, si adik tu dibagi ikan bawallah, udang galahlah!" Dia tidaklah boleh hendak sangkal. Ini kecualilah kalau perempuan yang nombur dua tadi berkata, "abang, tak payahlah layan makan minum saya istimewa sangat, cubalah macam kakak tu, kalau dia ikan kembung bagilah saya ikan kembung juga atau kurang lagi pun tak apa." Ini pun boleh menyelesaikan haknya ataupun memang suami tidak mampu menyediakan seperti kebiasaannya hidup bersama keluarganya dahulu, terpaksa isterinya yang kaya itu dilayan secara isteri yang miskin. Jadi kenalah isteri itu memaafkan sebab waktu dipinang tentulah dia telah menyelidik akan bakal suaminya itu. Itu keadilan.

Kemudian keadilan di dalam Islam lagi, di dunia rumahtangga ini sama ada di antara isteri dengan suami, suami dengan isteri, di antara madu dengan madu hendaklah redha menredhai. Tidak timbul lagi adil atau tidak adil, walaupun kurang tetapi masing-masing hendak mencari pahala. Bahkan yang lebih berpahala kepada yang kurang. Umpamanya seorang isteri hendak mencari pahala dengan cara 'aku sabarlah, aku redhalah bagi untuk mencari kau juga.' Maka inilah yang dikatakan keadilan. Tidaklah lagi timbul ketidakadilan kerana itulah dalam urusan rumahtangga kadang-kadang mak bapa tidak boleh campur. Walaupun si suami itu tidak adil tapi sekiranya sudah redha meredhai, manalah kita tahu! Mereka dengan isteri mereka dan madu dengan madunya. Oleh kerana hendak ganjaran daripada Allah, selesailah segala masalah. Si isteri mengatakan tak apalah suami saya lebih kurang pun tak apalah, kalau saya maafkan saya dapat pahala lagipun kalau tidak saya maafkan suami saya akan masuk neraka. Kita sayangkan suami lebih baik aku maafkan, dapat pahala dan suami tidak pula masuk neraka. Tak timbullah adil atau tidak adil.

Itu sebabnya kalau manusia ini hidup atas tujuan untuk menyembah Allah dan untuk mendapatkan iman maka tiadalah menjadi masalah. Kurang sikit dia bersabar maka dapatlah pahala sabar, lebih sikit tidak terlonjak-lonjak pula sebaliknya dia bersyukur maka dapatlah pahala pemaat, isteri silap sikit diberi kemaafan oleh suami di samping dinasihat dengan baik-baik, dapat pahala pula. Dibuat atas dasar untuk menyembah Allah senang tapi kalau bukan atas dasar itu, isteri seorang pun bergaduh, tiap-tiap hari bergaduh, sehingga kadang-kadang orang boleh bercerai berai. Sebab seorang isterilah, bukan disebabkan bermadu. Kalau hidup bukan atas dasar untuk menyembah Allah, isteri seorang pun susah. Tapi kalau dasar untuk menyembah Allah, ramai pun tak apa, Jadi kalau kita laburkan pahala di akhirat, suami lebihkan sahaja pada si A, maafkan sajalah, sebab fitrah manusia saya sudah katakan tadi" ini soal bukan kuasa kita tetapi kuasa Allah", maaf sajalah bukan merugikan, sedangkan di akhirat nanti berapa banyak kita dapat nikmat yang kekal abadi. Yang dapat lebih jangan pula berbangga pada orang lain.

"Tengoklah aku, suami aku layan aku sahaja lebih daripada engkau, padan muka". Jangan begitu dan janganlah berbangga-bangga pada orang lain.

Sebagaimana yang pernah saya katakan, manusia ini mempunyai kemampuan, kebolehan dan watak yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Kalau dia mengenal dirinya, umpamanya kalau seorang suami ada empat orang isteri, tentulah watak isteri itu tak sama yakni tak sama dari segi pendidikan, segi rupa, segi tingkah laku, kecerdasan bekerja dan dari segi layanan isteri kepada suami. Jadi bila tak sama, nak buat sesuatu kerja tentulah barangkali dia memerlukan pertolongan.

Ada sesetengah isteri sesuai dengan kerja yang dibuat. Contohnya kalau suaminya keluar berjuang, berjihad ataupun berdakwah. Berdakwah atas nama jemaah. Di

waktu itu kenalah satu sama lain bertolak ansur. Kalau ada empat orang, si A itulah yang sesuai dan yang menasabah ikut suami, boleh menulis buah fikiran suami, mencatat apa-apa saja yang diminta tolong oleh suami dan sebagainya. " Adiklah pergi atau pun kakaklah pergi, boleh buat kerja abang, boleh menulis kata-kata abang." Jangan pula di situ nak diundi.

Nanti kalau undi yang pergi tu bercakap tak tahu, menulis tak tahu, hanya makan minum sebab orang dakwah ini macam-macam orang jamu. Jadi tak sampai matlamat perjuangan. Kecualilah nak enjoy-enjoy sesekali pergi rumah keluarga. Itu tak apa di undi atau empat-empat pergi sekali atau tiga-tiga pergi sekali pergi. Tetapi kalau urusan jemaah atau urusan perjuangan, pandai-pandailah menilai diri. Siapa yang patut pergi. Kalau seorang itu patut pergi janganlah diungkit-ungkit. Kita tahu dia menolong suami dan jemaah. Tetapi kalau masing-masing nak diundi juga. Bila diundi yang pergi menyusahkan suami, tak boleh membuat kerja suami dan tak boleh membantu suami dalam perjuangan. Inikan susah dan membebankan suami. Kalau nak taatkan suami, apa payah-payah sangat macam itu, nak pergi ikut suami kena undi dahulu. Tinggallah masing-masing di rumah elok-elok dan berperananlah di tempat masing-masing mengikut kemampuan dan watak. Kalau kaum ibu faham tentang ilmu ini, faham tentang kebaikannya dan bukan ikut-ikut perasaan, bukan ikut nafsu, bukan ikut bisikan syaitan tak jadi masalah bahkan bukan sahaja di akhirat untung, bahkan di dunia keuntungan berpoligami perolehi faedahnya. Tetapi hakikat ini mestilah diterima dengan penuh beriman dengan Allah dengan fikiran yang waras.

Saya hendak cerita satu kisah yang berlaku di tanah Arab. Seorang Arab Badwi duduk di tengah-tengah gurun padang pasir. Ada seorang tua peladang petani kerjanya khidmat dengan bumi hasil tanamannya untuk menjadi rezekinya, dengan izin Allah peladang ini atau petani ini dia

ada membela anjing dan himar, anjing ini mengawal menjaga musuh manakala himar pekerjaan utamanya dan penting pada orang tua ini untuk mengangkat air, mengangkat barang-barang makanan dan bahan tanaman dan lain-lain lagi. Termasuklah menghantar barang dia ke tempat yang jauh.

Apalah nasib aku ni. Untunglah nasib si anjing, kerana dapat keistimewaan selalu dari tuannya. Kemudian berfikir-fikir lagi, apalah salah aku. Mungkin aku ada salah silap ni, mungkinkah tuan aku tak kasih kepada aku. Mungkin anjing pandai melayan tuan aku agaknya menjadikan dia rehat saja. Makan sedap dan tak pernah membawa barang-barang berat. Kalau begitu aku nak perhatikan hidup anjing ni, bagaimana dia melayan tuan aku. Aku nak tiru pula, moga-moga dengan itu aku disayangi dan dikasihi oleh tuan aku. Dan sejak itu dia perhati keadaan anjing dengan tuannya. Rupanya dia tengok anjing itu apabila dengan tuannya dia menggesel-gesel badan tuannya bila tuannya duduk dia angkat-angkat kaki, kadangkadangkang dia panglu terus duduk di atas pangkuan tuannya. kemudian dia jilat-jilat tuannya. Oh, begini rupanya anjing melayan tuan aku ni. Aku selama ini tak buat macam tu. Salah akulah, patut aku kena dera.

Satu petang, tuan itu balik dari ladang dengan penuh letih, sampai di rumah, tak sempat masuk ke rumah duduk di pangkin di depan rumah sambil-sambil bersandar nak melepaskan lelah, nak memulihkan tenaga semula yang digunakan di ladang tadi, himar pun mulalah dekat dengan tuannya. Dia pun mulalah menggesel-gesel belakang tuannya. Agak terkejut sedikit tapi belumlah tuannya marah. Kemudian dia angkat-angkat kaki di atas riba tuannya. Lagilah terkejut tuannya dan dia cuba-cuba nak naik atas tuannya. Lantas terpelanting tuannya.

Orang tua itu berkata, "Hai himar ni tak pernah berkelakuan seperti ini, kenapa petang ini buat demikian.

buat tabiat ke? Ini melampau, hai boleh mati aku dibuatnya." Himarkan besar, mana boleh menggesel-gesel tuannya, terpelantinglah. Tuannya marah lantas dia ambil parang disembelihnya himar itu, tinggallah anjing.

Jadi cerita ini kita nampak himar itu, bukan dia benci dengan tuannya sebaliknya dia ingin menambah kasih pada tuannya. Itu sebabnya dia menggesel untuk tunjukkan kasih sayang kepada tuannya hingga dia tunduk. Tapi mengapa dia tunjukkan kasih sayang kena sembelih? Sebenarnya cara dia menunjukkan kasih sayang tak betul?

Perlaksanaan tak betul. Kasih itu dihati tapi himar tunjukkan kasih dia dengan tubuh badan. Dia menunjukkan kasih sayang dengan tubuh badan tetapi tak sesuai sepertimana anjing buat. Anjing kecil bolehlah dia menggesel-gesel duduk atas tuannya. Himar nak duduk atas tuannya. Mana boleh sebab himar besar... Kalau himar nak beri kasih sayang kepada tuannya supaya tuannya kasih sayangnya, macam biasalah, angkat barang-barang, angkat tanah, angkat air, itulah kasih sayang. Tapi dia tak faham yang tuan kasih kepadanya kerana kasih sayang itu letak di hati bukan di mulut, bukan di tangan, bukan dikepala dan di kaki. Tak nampak. Tanda kasih sayang tuannya ialah selama ini tak pernah dihukum cuma sekadar kerja berat saja. Tetapi oleh kerana dia nak tunjuk kasih sayang supaya dia dapat dilayan macam anjing kemudian salah cara kasih sayangnya, akhirnya dia kena hukum.

Begitulah manusia dalam pergaulannya, kalau kita nak tunjuk kasih sayang pada seseorang itu sesuaikanlah dengan watak kita barulah kita dikasihi. Kalau kita pemimpin, ada pengikut. Pengikut-pengikut nak tunjuk kasih sayang dengan pemimpinnya. Tentu tak sama kasih sayangnya satu sama lain. Mungkin barangkali sesetengah pemimpin itu dia suka di antara pengikut-pengikutnya bila dia baring-baring, dia picit kakinya, picit badannya dan dia suka begitu.

Ada setengah dia suka pengikutnya itu melayannya makan minum. Itu yang dia suka. Ada setengah-setengah itu dia tidak suka dipicit-picit tetapi sebaliknya dia suka dekat dengannya, berbual-bual, berbincang-bincang dengan dia sebab barangkali si polan itu pandai berbincang, bertukar fikiran dengan pemimpinnya...., Jadi pemimpin ini menunjukkan kasih sayang dengan cara dekat yakni bermuzakarah. Jadi yang lain pemimpin tak suka dekati, dia suka duduk jauh-jauh, pandang dari jauh pun dah cukup. Di situlah kasih sayang pemimpin. Jadi kalau orang tak faham, dia nak tiru meniru. Mana boleh. Susahlah pemimpin. Silap-silap pemimpin membencinya kerana buat kerja yang bukan bidangnya.

Begitulah kita dengan suami, kalau ada 4 orang isteri. Ada benda yang boleh kita tiru dan ada benda yang tak boleh ditiru, sebab kasih sayang suami terhadap isteri-isteri yang 4 itu caranya tak sama. Kadang-kadang seorang suami itu dia kasih pada seorang tu, kalau seorang tu boleh masak nasi, buat lauk menjamu suaminya dia lebih senang, kenapa masakannya sedap. Kalau si isteri itu dia faham, di situlah kasih sayang suami walaupun tak nampak.

Tetapi telah saya katakan, kasih sayang itu adalah di hati. Sebab itulah kita perlu pintar dan cerdik menilai hati suami. Ada setengah isteri barangkali suaminya suka dan sayangnya kerana bila di bawa keluar, dia boleh menyelesaikan kerja-kerja luar. Di situ kasih sayangnya.

Ada setengah suami pula lain wataknya. Dia suka isterinya tinggal di rumah. Kalau dia boleh tinggal di rumah, di situ kasih sayangnya. Benda ini tak nampak. Jadi kalaulah isteri-isteri boleh membaca hati suami ini, kemudian meletakkan pada tempatnya, baru indah. Sebab saya sudah katakan kasih sayang di hati memang tak sama. Setengah suami itu tidak melahirkan kasih sayang di dalam realitanya tetapi di dalam hatinya. Cuma kita tidak faham.

Tengok si polan tu dia buat satu-satu cara yang boleh dikasih oleh suami, kita pun buat macam tu, dia suka pada bila kita buat kerja-kerja lain. Di situ lah kasih sayang suami. Ia tak sama.

Saya bercakap ini atas dasar pengalaman, bukannya nas. Saya rasakan begitu. Setiap orang ada mempunyai watak tertentu. dan kasih sayang itu diberi kalau seorang itu pandai meletakkan pada bidang-bidangnya yang tertentu. Adakalanya kita kasih sayang kalau dia tu sesuai duduk di rumah. Di situ kasih sayang kita dan timbang rasa kita. Tapi kalau tak faham, nampaknya tak dibawa keluar rumah dan macam benci saja. Itu tak dekat dari segi fizikalnya saja tapi hati dekat. Cuba kalau kaum ibu ini boleh faham juga kerana mana tahu satu masa besok kalau suami kita bermadu. Kena baca fikiran, jiwa suami itu supaya dengan watak kita supaya kita dikasihi oleh suami. Jadi caranya tentulah tak sama tetapi bersesuaian dengan diri kita dan watak kita.

10

BAB MAIN KAHWIN-KAHWIN

SEHINGGA sekarang Tengku Razaleigh Hamzah memilih untuk menjadi orang bujang walaupun kawan-kawannya sudahpun mempunyai anak cucu.

Selaku Presiden Semangat 46, Ku Li tidak memandang serius tentang masalah berumah-tangga. Beliau tidak tertarik untuk berumah-tangga.

Nampaknya beliau sangat seronok hidup membujang sehingga umur beliau melebihi 50 tahun pun beliau masih belum berminat untuk mencari seorang isteri. Itulah yang diketahui umum. Walaupun ada desas-desus Ku Li sudah beristeri dan mempunyai anak, ramai yang tidak percaya.

Di dalam kehidupan moden, tidak ada salah bagi orang lelaki untuk memilih membujang sampai ke tua. Siapa yang tak berani berumahtangga itu hak dia, dia punya suka. Tapi dalam konteks Islam, hal ini amat ditegah. Tuhan menggalakkan orang-orang Islam mendirikan rumahtangga. Pahala ibadah bagi orang yang beristeri 70 kali ganda jika dibandingkan dengan orang yang hidup membujang. Sabda Nabi SAW:

"Bernikah itu amalanku. Nikah mengelakkan manusia dari fitnah dan zina".

Mengapa agaknya Ku Li memilih untuk terus membujang? Apakah Ku Li tak mendengar hadis nabi yang menganjurkan bagi seorang bujang untuk berkeluarga. Nabi bersabda yang mafhumnya:

'Nikah adalah sunahku, barang siapa yang membenci sunahku maka dia bukan golonganku'.

Bukankah Al-Quran mengizinkan kaum lelaki beristeri dua, tiga atau empat dengan syarat mampu dan adil. Tentunya Ku Li sudah tahu hal-hal begini. Apa lagi sekarang sudah dekat dengan Tok Guru. Manfaatkanlah ilmu Ustaz dan Tok Guru jangan sekadar dibuat jambatan politik saja. Apakah Tok Guru sudah menasihatkan Ku Li? Atau Tok Guru tak mahu campur urusan peribadi orang lain...? Cuba tanya Ustaz Ibrahim Azmi. Saya tahu dia ada kawan Pak Bujang Tua yang tinggal di Johor Bahru.

Tapi yang jelas kalau dilihat dari segi kemampuan, beliau mampu membahagiakan isteri. Kekayaannya sudah cukup untuk memewahkan isterinya walaupun isterinya tidak bekerja. Jangan kata satu isteri, empat isteri pun Ku Li mampu.

Barangkali Ku Li mempunyai masalah peribadi yang kita tak tahu yang menyebabkan dia tidak upaya nak kawin secara rasmi. Ini yang payah ni. Beliau nak jadi pemimpin kita. Kita mesti tahu hal peribadinya. Ini bukan sekadar nak jadi Presiden Persatuan bekas perajurit. Walaupun ramai pemimpin 46 terdiri dari mereka yang sudah kalah perang dan ramai yang sudah bangkrap politik tapi Ku Li bercerita nak jadi Perdana Menteri. Macam mana dia nak selesaikan masalah negara sedangkan masalah anak isteri dan masalah poligami pun dia tak tahu? Dan macam mana 16 juta rakyat mahu percaya seorang bujang boleh memimpin mereka sebab seorang wanita pun dia tak pernah pimpin.

Selain dari Ku Li, Yasser Arafat juga hidup di dalam penuh misteri. Kerana kehidupan membujang begini kita

sering mendengar musuh-musuh Islam mempertikaikan kejujuran Arafat. Malah seorang wartawan Itali, Oriana Fallaci pernah mengaitkan Arafat dengan beberapa orang lelaki dan menganggap Arafat mempunyai hubungan dengan lelaki-lelaki. Benarkah?

Inilah nasib orang tidak beristeri. Bermacam-macam gossip liar dihamburkan kepada orang berkenaan. Nak pergi Golok atau Hadyai kerana urusan berniaga pun orang tak percaya. Orang kata mesti ada hal lain. Orang ramai sukar untuk menerima Ku Li selama ini "berpuasa" syahwat kerana selaku seorang lelaki, tentulah kehendak nafsu syahwat mengatasi kehendak-kehendak lain. Maknanya apakah Ku Li membataskan diri dan mengawal nafsu. Raja segala wali Allah di seluruh dunia Sheikh Abdul Kadir Jailani membujang hingga 50 tahun selepas itu berkahwin empat isteri dan dikurniakan 49 orang cahayamata kesemuanya menjadi wali Allah.

Saya tidak berminat untuk menulis perihal kehidupan Ku Li dengan para wanita yang berada di sekelilingnya kerana Ku Li amat bijak dan suka merahsiakan hubungan beliau dengan para wanita. Ku Li patut ikut contoh Sukarno. Bung Karno tak takut dunia tahu hubungannya dengan wanita malahan beliau bangga. Siapa tahu teman-teman rapat dan kekasih Ku Li selama ini akan mendedahkannya juga satu hari nanti sepertimana terdedahnya perkahwinan Tan Sri Mohd Taib dengan anak Raja Selangor. Utusan Melayu suka cerita-cerita sensasi macam ini.

Arafat bila ditanya, siapakah isterinya lantas dia menjawab: Saya sudahpun beristeri. Isteri saya ialah Palestin.

Apakah Ku Li mahu mengatakan isterinya ialah Semangat 46? Apakah Semangat 46 akan terima Ku Li sebagai suami atau isterinya? Saya percaya kiranya Ku Li mengambil keputusan untuk menamatkan hidup bujangnya maka imejnya akan naik. Muslimah pertama dalam Se-

mangat 46 akan membantu kemenangannya. Siapakah Muslimah pertama yang akan jadi Mrs. Razaleigh?

Bagi masyarakat Melayu, orang yang tidak mengikut sunnah nabi dianggap menentang nabi. Tengok apa jadi pada Kassim Ahmad bila menolak hadis.

Ku Li yang semakin berminat dengan gerakan Islam mestilah mengambil serius perkara ini. Beliau tidak boleh memandang enteng hal-hal yang menjadi amalan para Rasul dan para Nabi dalam memimpin ummah. Nak jadi pemimpin ummah macam mana, anak isteri pun tak ada?

Barangkali Ku Li mahu mengahwini anak raja. Saya fikir ada anak-anak raja yang berminat untuk menjadi isteri Ku Li. Kalau Ku Li tidak mahu kahwin anak raja, anak-anak orang kebanyakan pun ramai yang sanggup jadi isteri. Kalau mahu jandapun ada. Saya kira kalau Ku Li mahu mengahwini Marina Yusof tentu lebih baik. Marina pun dah lama menjanda. Nabi Muhammad pun kahwin dengan janda, perempuan Arab yang sudah dua kali jadi janda. Marina lebih banyak pengalaman, sudah tiga kali. Saya percaya masalah ini boleh diatasi kerana Haji Suhaimi kata Parti Semangat 46 ini mengikut jejak Rasulullah. Dari itu, Presiden Parti Semangat 46 yang masih bujang mestilah ikut sunnah Rasul dan kahwin dengan janda yang lebih berpengalaman darinya. Puan Hajah Marina pun orang Kelantan juga. Mereka boleh adakan majlis besar-besaran di Gua Musang. Saya tidak fikir Marina mahu menolak peminangan Ku Li. Malah saya dapat rasakan kebahagiaan antara kedua-dua tokoh ini. Nik Aziz boleh nikahkan dan Ustaz Hadi baca doa sementara Ibrahim Azmi dan Ibrahim Ali jadi saksi. Subky, yang menjadi Ketua Penerangan PAS sudah tentu tidak keberatan membuat liputan secara besar-besaran. Wanita yang sudah jadi janda tak perlu wali. Dan kalau makan nasi minyak jangan pulak tak ajak saya. Kalau diundang, saya pasti datang. Saya akan bawa hadiah istimewa berupa makjun-makjun kuat dari Surabaya.

Tentu para pembaca menjadi hairan saya memulakan bab ini dengan bercakap tentang Ku Li dan perkahwinannya. Saya rasa bukannya salah bagi sesiapa jua membicarakan perkara ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita umat Islam menasihatkan pemimpin kita yang kita lihat melencong daripada matlamat asal. Fikirkanlah, masakan tak merbahaya dan boleh mendatangkan fitnah kalau dua pemimpin parti, bujang dan janda selalu berdamping-dampingan. Ini musim main-main tangkap basah. Mandur-mandur agama pun ramai yang tak ada kerja. Kerja-kerja mengendap ini memang seronok, mengkayakan khazanah kerajaan dengan duit haram hasil dari denda-denda orang yang ditangkap khalwat.

Siaapa lagi nak menasihatkan Ku Li. Saya tak fikir Ibrahim Ali dan Yahya Ismail berani menasihatkan Ku Li sepertimana saya menasihatkan beliau melalui tulisan ini. Mereka cari makan, nak hidup, selalu sangat tegur boss dalam perkara yang sensitif ibarat cari penyakit. Saya tak kisah, niat saya baik ingin mendirikan masjid.

Bila bercakap tentang perkahwinan kita bercakap tentang wanita. Walaupun sekarang sudah ada lelaki berkahwin dengan lelaki tapi orang Islam dikutuk buat kerja keji macam itu.

Wanita sudah menjadi lambang kejayaan ataupun kekecewaan orang di sisinya. Di sebalik kejayaan kaum lelaki ada wanita di sisinya. Tapi begitu juga di sebaliknya. Jika kita lihat sejarah kejayaan tokoh-tokoh besar bergantung kepada pasangan hidupnya - si isteri. Nabi berjaya kerana adanya Khadijah.

Sekarang sudahlah Ku Li tak mahu berumahtangga. Semangat 46 pun turut sama menghadapi masalah berhubung calon-calon wanita.

Perkahwinan 46 dan PAS telah melahirkan **ANGKATAN**, sebuah gabungan yang bertujuan untuk

merampas kuasa melalui pilihanraya umum. Tetapi masalah yang masih memisahkan mereka ialah kedua-dua belah pihak mempunyai pendapat yang berbeza mengenai calon-calon wanita.

Contohnya PAS tidak mahu meletakkan calon-calon wanita bertanding di dalam pilihanraya umum. Hal ini ditegaskan oleh Ustaz Hadi Awang sendiri.

Sebuah akhbar mingguan iaitu Mingguan Kota melaporkan pada 8 Oktober lalu tentang amaran Ustaz Hadi bahawa sekiranya 46 berdegil hendak meletakkan calon-calon wanita maka pihaknya sanggup memutuskan kerjasama.

"PAS menolak kerjasama ini sekiranya dua perkara itu tidak diperbetulkan. Inilah pendirian PAS" ujarnya Ustaz Haji Hadi Awang.

Dua perkara yang dimaksudkan itu ialah PAS tidak mahu calon-calon wanita diletakkan di dalam pilihanraya umum akan datang.

Satu lagi ialah penyertaan DAP di dalam Angkatan. PAS tak mahu DAP yang menentang negara Islam turut sama menganggotai Angkatan. Tetapi Tengku Razaleigh sewaktu menemui para wartawan sebaik saja selesai membuat ucapan dasar sempena Perhimpunan Agong pertama Semangat 46 tidak lama dulu berkata pihaknya (46) tetap akan meletakkan calon-calon wanita.

Soalnya apakah PAS akan berdiam diri dan membiarkan Ku Li dengan kesombongannya menetapkan calon-calon wanita bertanding.

Kepada PAS, jika Ku Li berkeras mahukan calon-calon wanita bertanding bermakna Ku Li tidak mahu mendengar hujah PAS. Apakah Ku Li hanya mahu memperkudakan PAS?

Ustaz Hadi tidak boleh berdiam diri, beliau harus membuat kenyataan mengenai perkara ini. Selama ini PAS begitu menikus apabila bercakap tentang kerjasama 46-PAS. PAS terlalu menghormati kerjasama ini sehingga ia tidak melupakan hati para pemimpin Semangat 46.

Akibatnya ahli-ahli PAS mulai gelisah kerana pemimpin mereka sudah hilang panduan dan banyak mendengar pendapat 46 daripada mendengar pendapat ahli-ahli. Contohnya pendapat ahli-ahli tidak dimuatkan di dalam akhbar Harakah, lidah rasmi PAS. Sebaliknya pendapat ahli-ahli ditapis sebegitu rupa sehingga pendapat asli jadi tak asli. Contohnya di dalam keluaran 13 Oktober, Harakah melaporkan: Timbalan Yang DiPertua PAS Ustaz Abdul Hadi Awang menafikan laporan yang mengatakan bahawa beliau telah memberi amaran kepada Tengku Razaleigh Hamzah yang dikatakan membawa kepada keretakan hubungan antara PAS dan Semangat 46.

Ketua Penerangan PAS, Haji Subky Latif yang menyampaikan penafian beliau itu memberitahu bahawa laporan akhbar mingguan mengenai Ustaz Hadi tentang isu tersebut adalah tidak benar. Saya nak tanya di sini apakah yang dinafikan oleh PAS dan Subky? Yang saya faham daripada penafian itu ialah Ustaz Hadi tidak bercakap mengenai calon-calon wanita di Kelantan dan dengan ahli-ahli Perhubungan PAS. Itu yang dinafikan.

Kalaulah ini dinafikan soal pokoknya ialah apakah Ustaz Hadi menafikan yang beliau pernah mengatakan pihaknya sanggup memutuskan hubungan dengan 46 sekiranya parti itu meletakkan calon-calon wanita.

Walaupun saya setiap minggu menjadi kolumnis di dalam akhbar Mingguan Kota tidak bererti apa yang akhbar itu tulis saya sokong. Ada rencana yang mereka tulis saya tidak senang tapi saya tidak membantah kerana saya percaya akhbar itu mengamalkan kebebasan di dalam membuat laporan. Freedom of the Press yang dijunjung oleh

dunia barat diakur oleh Mingguan Kota. Sebab itu minggu berikutnya (15 Okt), di dalam lidah pengarangnya akhbar Mingguan Kota menjelaskan sekali lagi tentang laporannya minggu lepas.

Saya petik di sini lidah pengarang akhbar berkenaan:

Ada rasa kurang senang di kalangan setengah pihak berhubung berita utama di akhbar ini minggu lalu yang antara lain menyebut amaran PAS kepada Semangat 46.

Beberapa orang ahli dan pemimpin PAS merasa tersinggung dengan penyiaran berita tersebut dan menafikan sekeras-kerasnya adanya amaran dari Haji Hadi Awang mengenai calon wanita dalam pilihanraya dan penyertaan sebuah parti Cina dalam Angkatan.

Haji Hadi sendiri ketika dihubungi, berkali-kali menafikan apa yang tersiar itu, sementara setengah pihak dalam PAS menuduh penyiaran berita tersebut dibuat semata-mata untuk memecah-belahkan PAS.

Untuk menjelaskan keadaan, kami telah menemuramah beberapa orang yang turut sama menghadiri mesyuarat di Terengganu pada bulan September itu, termasuk Naib Yang DiPertuan PAS Kota Bahru, Haji Ismail Abdullah.

Kecuali tempat mesyuarat, iaitu di Terengganu dan bukan di Kota Bahru seperti yang dilaporkan, lain-lain fakta mengenai berita tersebut adalah benar.

Berita yang kami siarkan di muka dua dalam keluaran ini berdasarkan temuramah dengan beberapa orang yang turut menghadiri mesyuarat tertutup itu akan menjelaskan lagi keadaan yang sebenar.

Bagi kami, berita mengenai PAS, sama juga berita-berita lain, hanya akan disiarkan setelah mendapat pengesahan dari sumber yang sah.

Penyiarannya pula adalah semata-mata kerana nilai berita, bukan untuk sensasi, jauh sekali dari niat untuk memecah-belahkan mana-mana pihak.

Jelaslah daripada lidah rasmi akhbar Mingguan Kota itu bahawa pihak akhbar itu menyiarkan berita itu berasaskan sumber dari PAS sendiri, bukan rekaan yang didakwakan oleh sesetengah pihak.

Dalam keluaran yang sama akhbar Mingguan Kota telah menyiarkan berita mengenai kekecuan ini di bawah tajuk Kontroversi Isu calon Wanita dalam Angkatan makin Panas.

Antara lain akhbar itu melaporkan:

Pada hari Selasa lalu Naib Yang DiPertua PAS Kota Bahru, Haji Ismail Abdullah memberitahu wakil MK bahawa Haji Hadi ada membuat dakwaan mengatakan PAS sanggup memutuskan hubungan dengan Semangat 46 jika mereka meletakkan calon-calon wanita. Haji Ismail Nor, Ustaz Mustapha Nor dan Haji Wan Ismail turut hadir dalam perjumpaan pada bulan September lalu di Terengganu.

"Saya akui Haji Hadi mengesahkan untuk memutuskan kerjasama tersebut kalau dua perkara tersebut tidak dipatuhi dan kumpulan kita menyokong penuh pendirian tersebut demi perjuangan Islam" katanya.

Jelas di sini siapa yang bercakap benar: Subky Latif ataupun Haji Marwardii dan kawan-kawannya.

Yang amat menghairankan ialah mengapakah Haji Hadi tidak menafikan. Seolah-olah Haji Hadi bimbang untuk menafikan dan dengan membiarkan Subky menafikan maka imej Haji Hadi tidaklah tercemar.

Tapi di Kelantan, orang-orang PAS yang selama ini menyanjung tinggi kepemimpinan Haji Hadi mula meragui

tokoh muda ini. Sekarang Ku Li sudahpun menegaskan bahawa Semangat 46 tetap akan meletakkan calon-calon wanita di dalam pilihanraya umum akan datang. Bagaimana pula komen Haji Hadi dan PAS. Apakah mereka akan menyokong Ku Li berterusan ataupun pulang ke pangkal jalan.

Sejak timbulnya kerjasama PAS-46, kerjasama ini nampaknya menguntungkan 46. PAS terpaksa ikut kehendak 46. Sebagai satu contoh Ku Li hanya menyebut Semangat 46 menyokong addeen iaitu *way of life*. Bermakna Ku Li tidak setuju sebuah negara Islam ditubuhkan berasaskan undang-undang Islam. Mengapa perlu Ku Li menekankan addeen, mengapa tidak sebut saja 46 mahukan sebuah negara Islam.

Dengan tidak menyebut penubuhan sebuah negara Islam maka perjuangan 46 samalah macam UMNO, bezanya penegasan UMNO berhubung pentadbiran Islam ialah menerusi penerapan nilai-nilai Islam.

Tapi PAS nampaknya membisu, takut untuk bertanya Ku Li sama ada addeen itu negara Islam ataupun addeen maknanya cara hidup saja ikut Islam. Kalau cara hidup ikut Islam maka samalah macam duduk di Hong Kong tapi kita ikut Islam maka samalah macam duduk di Hong Kong tapi kita ikut cara hidup Islam. Judi dan arak tetap ada, cuma selaku orang Islam kita tak berjudi dan tak minum arak.

Biar saya petik semula pandangan Haji Hadi mengenai negara Islam sewaktu beliau menjawab satu soalan daripada wartawan Sin Chew Jit Poh tidak lama dulu.

Wartawan itu bertanya bagaimana pula dengan DAP yang turut sama menyokong Tengku Li di dalam menentang kepimpinan Dr. Mahathir.

Jawab Haji Hadi:

"Kami dengan DAP sependapat menentang ISA, penindasan dan kezaliman. Dalam hal ini kami boleh selaras dengan DAP. Tetapi kami tidak dapat mencapai persefahaman dan tolak ansur dalam soal dasar iaitu negara Islam. Kami terangkan kepada DAP bahawa kami tidak boleh bertolak ansur daripada dasar negara Islam. Ia adalah dasar utama kami. Cuba saudara fikir, jika PAS meninggalkan dasar memperjuangkan negara Islam, bukankah PAS sama dengan UMNO? Jika Lim Kit Siang tidak boleh menerima negara Islam, lebih baik dia bekerjasama dengan UMNO saja (Hadirin ketawa)."

Hadi berani menyatakan ia menolak DAP kerana DAP tidak menyokong negara Islam, tapi beranikah Hadi menegur Ku Li kerana Ku Li tidak menyebut tentang negara Islam.

Dalam ucapan dasar di Perhimpunan Agung Semangat 46 pada 11 Oktober lalu, Ku Li tidak menyebut penubuhan sebuah negara Islam. Ia hanya menyebut tentang addeen. Inilah yang ditekankan di dalam beberapa siri perjumpaan, tidak pernah beliau sebut Semangat 46 mahu menegakkan sebuah negara Islam seperti yang diperjuangkan oleh PAS. Mengapa?

Nampak-nampaknya Ku Li terperangkap oleh isu wanita sedangkan di dalam UMNO isu ini tidak pernah menjadi isu panas dan kontroversi. Kepada UMNO, calon-calon wanita juga layak bertanding kerana mereka juga dikehendaki oleh masyarakat untuk turut sama memperjuangkan nasib kaum wanita.

Semangat 46 percaya pada konsep UMNO berhubung soal-soal penglibatan kaum wanita, cuma bila ia berdepan dengan PAS maka parti itu tidak setuju langkah 46 ini.

Kerana wanita Ku Li tersepit. Kerana wanita juga Semangat 46 tersepit. Kerana wanita juga PAS dan Semangat 46 terperangkap.



Inilah dia Ahmad Mokhtar, ahli MKT 46 yang teringin sangat nak jadi Menteri Besar Pahang. Dia rasa tarafnya sama macam Baginda Sultan Pahang. Dia datang ke pejabat saya untuk mengesahkan bahawa salasilah saya yang tergantung di sebelahnya itu benar. Dia cukup puas hati. Niat dia datang untuk bergambar di dalam bilik pejabat saya untuk dimuatkan di dalam bukunya dimakbulkan.



Sheikhul Al-Arqam Ustaz Ashaari Muhammad.
Bapa Poligami Malaysia dan penyelamat kaum wanita.

**"Kalau awak kena
macam ini ... Apa
rasanya ... Saya dah
rasa, saya tahulah"**





Tokoh wanita UMNO yang paling popular dan 'sexy', YB Datuk Dr. Siti Zahrah: B.A. Hons. (State University of New York, Albany), M.A. (University of Hawaii), Ph.D. (University Cornell, Amerika Syarikat), yang akan menjadi pencabar utama kepada kerusi Ketua Wanita UMNO yang sedang disandang oleh Datuk Paduka Rafidah Aziz.

Ketokohnya yang ala-Amerika begitu menonjol sekali selepas Marina Yusof.



Datin Rosmah, wanita yang telah menerangi hidup Datuk Najib, yang telah menjadi sumber inspirasi baginya. Jodoh pertemuan di tangan Tuhan, hanya orang yang beragama Katolik saja yang kahwin tak boleh bercerai sampai mati. Allah membenarkan lelaki Islam berkahwin dua, tiga atau empat. Kalau tak boleh adil, ceraikan yang lain tinggalkan satu isteri saja. Kasih sayang di hati manusia milik Allah. Allah saja yang boleh gerakkan hati kita untuk kasih dan benci pada seseorang. Hanya musuh-musuh Islam saja yang tidak percaya pada rukun Iman yang ke enam. Sudah jodoh pertemuan mereka. Najib bercerai dengan Isteri, Rosmah bercerai dengan suami dan mereka bernikah. Bak kata pantun Melayu, ikan di laut asam di darat, dalam periuk mereka berpakat.



Ketua Wanita Semangat 46, Datin Paduka Hajjah Rahmah Osman yang senantiasanya bertudung ke mana sahaja dia pergi berkempen. Itulah yang bagus tu, tapi jangan Islam sekadar tutup kepala saja. Memfitnah, menghasut, memburuk-burukkan Dr. Mahathir dan pemimpin UMNO yang lain, lagi besar dosa. Kalau teringin sangat nak jadi menteri semula masalah UMNO, pasti wanita UMNO yang lain akan bertudung sama.



TAN SRI OSMAN SAAT: "Apa pendapat Ku, kalau kita jumpa Habib Syed Hussein Alattas tu, kita korek hidungnya?"

TENGGU RAZALEIGH: "Pasal apa, Pak Seman?"

PAK SEMAN: "Ada ke patut, dia kata kita semua ni macam Botol Kosong?"

KU LI: "Memang betul pun. Kita semua dah jadi macam, 'botol kosong'. Dia tak bagi kita pada 'keling botol' dan 'karung guni' dah cukup bagus."

PAK SEMAN: "Ia tak ya juga. Habis, kita nak buat apa, Ku?"

KU LI: " Kita semua bertaubat sajalah. Kita naik Haji sekali lagi, kerana nasihat Habib ni banyak yang baik dan betul, walaupun pedas, sakit hati, sakit telinga dan cukup susah kita tak nak telan."

PAK SEMAN: "Betullah Ku, saya pun dah mula fade-up, give-up dengan 46, banyak sangat member yang kaki main. Pertama Ahmad Mokhtar tu, kalau dia tak kacau Habib, tentu Habib tak kacau kita semua."

KU LI: "Betul Pak Seman, mari kita semua korek hidung dia, korek mata dan telinga dia, jangan kasi can."



USTAZ FADZIL NOOR: "Ku! dulu Ku setuju nak jadikan Malaysia negara Islam."

KU LI: "Saya tak kata macam itu, saya cuma nak jadikan Islam itu sebagai *Addin*, cara hidup."

USTAZ FADZIL NOOR: "Ku pandai main politik..."

KU LI: "Habis awak orang PAS tak main politik ke? Di Sungai Besar sepafutnya calon 46 yang bertanding, tapi awak letak orang PAS. Itu sebab saya kata awal-awal lagi PAS akan kalah."

USTAZ FADZIL NOOR: Macam ini ke perangai nak jadi pemimpin ummah. Mula-mula Datuk Harun 46 mainkan, sekarang Ustaz dan Tok Guru pun awak main sama, tak pa alhamdulillah Tuhan ada.



Seorang kaki nombor jumpa saya di Ampang tempat nombor-nombor ini tergantung. 51 - 46 - 42 - 45 - 55, dia bertanya pada saya, nombor yang mana yang paling baik dia tikam. Saya kata tanyalah pada geng 46. Mereka ada keris bersilang, tentu mereka tahu nombor mana nak ditikam. Ada juga yang bertanya nombor mana yang bagus dipilih. $4 + 6$ atau $6 + 4$ kerana nombor 46 dan 64 boleh didapati tertampal di mana-mana di pinggir Ulu Kelang dan Melawati. Saya kata kedua-duanya kalau dicampur jadi satu kosong. Gunakanlah dacing untuk menimbang.

1

TUANKU, RAFFLES DAN ISTANA BUCKINGHAM

HAMPIR sepanjang bulan September bilik VIP di lapangan terbang Subang menjadi penuh sesak dengan orang. Dilihat dari jumlah orang yang hadir, ia tak ubah seperti satu pesta. Subang sudah menjadi seperti perhentian bas di Pudu Raya.

Yang berlepas ke luar negeri melalui pesawat MAS barangkali seorang dua saja, tetapi yang menghantarnya melebihi angka puluh. Ada ketikanya angka itu sampai tiga empat ratus orang, jadi sudah semacam hobi orang kita menghantar dan menjemput sahabat handai yang mahu keluar negeri.

Biarpun bilik VIP serta kawasan sekitarnya agak sempit dan tidak boleh memuatkan kesemua tiga empat ratus orang untuk masuk ke perkarangannya namun mereka sanggup berhimpit-himpit.

Beberapa minggu lalu, bilik VIP dipenuhi oleh para penyokong Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhamad Muhd. Taib, sesudah itu Ghafar Baba. Bulan ini saja dua

kali saya ke luar negeri. Sekali ke London melalui Dubai, sekali lagi transit di Singapura dan singgah semalam di Dubai sebelum ke Iran dan beberapa kali berulang alik ke Singapura.

Dalam bulan yang sama, Tan Sri Muhamad dan isterinya telah berulang alik ke Singapura. Pada mulanya Menteri Besar Selangor itu pergi bercuti selama sebulan kononnya bagi meredakan masalah perkahwinan beliau dengan puteri Sultan. Sesudah itu balik ke Kuala Lumpur, kemudian pergi lagi sebelum bertolak ke Mekah bagi menunaikan umrah bersama-sama isteri pertama beliau yang mungkin juga dalam keadaan *'hot'* kerana suaminya beristeri satu lagi dan menjadi *'talk's of the town'*.

Akhbar Utusan Melayu yang dimiliki oleh UMNO nampaknya telah memberikan liputan yang terlalu besar. Selama empat hari ia menyajikan berita Menteri Besar dengan Tengku Zahariah, isteri kedua beliau itu di muka depan, tajuk utama pula.

Orang yang merancang agar Tan Sri Muhamad boleh pergi bercuti ialah Ghafar Baba selaku Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO.

Encik Ghafar memutuskan perkara ini sewaktu Dr. Mahathir berada di luar negeri. Nampaknya Ghafar terpaksa suruh Menteri Besar bercuti untuk menjaga hati pihak istana, takut nanti Sultan yang sudah *hot* jadi murka.

Selaku orang penting, Encik Ghafar terpaksa bertindak mengikut pendapatnya. Mungkin juga ada di antara mereka yang bertaraf Menteri dan Timbalan Menteri turut memberikan pendapat di dalam kes ini.

Tan Sri Muhamad memang berada di Singapura beberapa hari sebelum berlepas ke England, sepertimana yang

tersiar di akhbar Utusan Malaysia. Saya telah pun bertemu Tan Sri semasa beliau berada di Singapura untuk mendapatkan cerita yang sebenarnya. Akhirnya dapatlah saya cerita yang sebenarnya dari mulut beliau sendiri. Kalau bohong Mohd Taib maka tak betullah cerita yang saya tulis. Bacalah ceritanya dalam bab **September Hitam**.

Pada malam 20hb. Sept. 1989 saya berada di bilik Mawar Lounge, tempat menanti bagi penumpang-pe-numpang kelas satu dan Business class. Saya berada di situ selama satu jam kerana penerbangan M.A.S. ke London pada malam itu terlewat satu jam, kononnya menunggu seorang VIP.

Selain dari satu dua orang kawan yang saya kenali, turut berada di bilik menunggu itu ialah Datuk Khalid, Pengerusi Kumpulan Utusan Melayu. Saya sudah kenal lama dengan Datuk Khalid, bekas EXCO Kerajaan Negeri Kedah.

Beliau mahu ke London bersama isterinya kerana nak tengok cucu. Lepas itu katanya dia mahu ke Paris pula. Dari perbualan dengannya saya terbau ada orang tertentu dalam Utusan yang tidak senang dengan Mat Taib kerana Mat Taib rapat dengan Anuar Ibrahim.

Saya menceritakan kepada Datuk Khalid tujuan saya ke London ialah kerana hendak bertemu dengan Tuanku Sultan Selangor. Saya telah mendapat tahu bahawa Tuanku akan berangkat malam itu dengan kapalterbang yang sama. Sayang, Tuanku tak jadi pergi. Mungkin baginda terbang dengan pesawat lain. Biar bagaimanapun ikutilah cerita serba ringkas saya ke London.

Terlebih dahulu biarlah saya berterus terang tentang kerja saya sebagai seorang *'investigative writer'* di mana saya terpaksa terbang ke luar negeri. Ada masanya saya tidur di hotel bersama dengan VIP yang saya mahu

dapatkan berita dari mereka. Buku saya dibaca oleh golongan bijak pandai dan intelek yang selalu berulang atik keluar negeri. Saya tak boleh duduk mengadap 'typewriter' dan berangan-angan saja. Saya kena puaskan hati para pembaca saya. Saya tak mahu jadi macam para penulis *ketam renjong* atau macam *katak yang berada di dalam perigi yang dalam*.

Oleh kerana waktu yang terbatas saya tak dapat menceritakan segala perbualan saya dengan Datuk Khalid dan lain-lain penumpang yang terdiri dari peminat saya di dalam penerbangan tersebut.

Antara sebab saya memilih tempat duduk Business Class adalah kerana saya nak menulis mengenai raja. Saya kenalah duduk dekat-dekat dengan raja. Kalau duduk di kelas ekonomi jauh sangat.

Setelah berada selama 18 jam dalam penerbangan, kami pun tibalah ke destinasi yang ditujui.

Lapangan terbang Heathrow London merupakan salah sebuah lapangan terbang yang paling sibuk di dunia. Melalui lapangan terbang inilah para pengunjung daripada Eropah, Asia dan Amerika datang untuk menjalankan berbagai aktiviti.

Anggapan isteri pertama saya, Radziah yang belum pernah datang ke London, yang memikirkan bahawa para petugas di Lapangan Terbang Heathrow ini ramah tamah macam dalam filem-filem yang pernah dia saksikan saban hari nyata meleset. Di wajahnya ternyata kecewa.

Saya telah melancong ke hampir seluruh pelusuk dunia. Jadi saya tak kisah sangat kerana saya tak mengharapkan apa-apa dari Kota London. Lagi pun ini bukanlah kali pertama saya ke London. Isteri kedua saya Norizah pun pernah tinggal di England di satu ketika dulu. Saya tidak

nampak ada sesuatu yang penting di Kota London yang memerlukan saya membuat kunjungan. Tapi kerana hendak menulis buku mengenai wanita, takhta dan kuasa, saya terpaksa ke Kota London dan saya terpaksa membawa seorang wanita dan meninggalkan seorang wanita yang baru sebulan bersalin di rumah.

Kira-kira jam 6.00 pagi pesawat MAS yang membawa kira-kira 300 orang penumpang selamat mendarat. Cuaca di luar sejuk walaupun musim panas atau 'summer' masih belum berakhir.

Saya nampak isteri saya keghairahan untuk melihat Kota London. Saya kira hatinya agak terlonjak-lonjak. Kami memerhatikan orang-orang di depan kami sudah bergegas keluar. Seorang pramugari berbangsa Melayu melemparkan senyuman sebaik saja saya melintasi pintu yang memisahkan antara kapalterbang dan bandar London.

"Jumpa lagi" katanya.

Walaupun dia begitu ikhlas melemparkan kegembiraan kepada saya, kegembiraan benar bagi saya ialah dapat membawa isteri saya untuk melihat Kota London, satu-satunya kota yang dianggap tertua dan termoden. Moden dan tua macam mana? Biarlah isteri saya yang mempelajari dan menikmatinya.

Isteri saya memerhatikan pemandangannya tanpa bertanya. Entah siapa yang mengarahkan para penumpang MAS itu, saya pun tak tahu tapi yang jelas kesemua penumpang mengikut satu arah saja. Kami berjalan sambil membimbit beg dan baju panas. 'Luggage' yang besar dan berat telah di'check-in' di bahagian kargo. Ia menunggu untuk diambil bila kami keluar daripada pusat kawalan imigresen.

Walaupun masih pagi, lapangan terbang Heathrow sudahpun sibuk. Bunyi suara orang bercakap dapat dilihat

di merata tempat. Para penumpang yang berjalan macam satu "batalion" pun sampai ke pusat pemeriksaan. Kami diarahkan beratur mengikut "line" yang disediakan. Setengah penumpang yang agak keras kepala telah ditegur oleh para pegawai di pusat kawalan itu.

"Hei...kan saya suruh kamu beratur di sana," bentak seorang pegawai wanita. Badannya gempal. Mukanya tidak membayangkan dia seorang yang peramah.

Rupa-rupanya apa yang kita lihat di dalam kaca TV perihal wanita-wanita Inggeris bersopan santun hanyalah satu lakonan semata-mata, tak lebih dari itu.

Tapi kerana saya sudah biasa melihat kekasaran para petugas di lapangan terbang di luar negeri maka pemandangan macam itu sudah tidak menggusarkan fikiran lagi. Malah saya dapat memahami mengapa pegawai berkenaan terpaksa mendisiplinkan para penumpang yang degil-degil. Tapi lain bagi isteri saya yang belum mempunyai pengalaman mengembara.

Kami terpaksa menunggu 30 minit sebelum giliran kami tiba untuk menemui pegawai imigresen. Beliau seorang wanita yang saya kira sudah mencecah usia 30-an.

Wajahnya agak cengkung. Rasa saya dia kekurangan tidur. Maklumlah terpaksa bertugas di sebelah pagi pula.

"Apa tujuan awak ke sini" tanya beliau.

"Bercuti".

"Berapa hari?"

"Lima hari," jawab saya.

Kira-kira lima minit kami berdepan dengan beliau, lepas itu kami pun diizinkan masuk. Kegembiraan membalut jiwa

saya pagi itu kerana saya tidak mengalami sebarang masalah. Saya teringat betapa susah nak masuk ke Sarawak. Telah beberapa kali saya diharamkan memasuki bumi Sarawak. Tapi memasuki Kota London tidaklah sepayah itu.

Saya melintasi beberapa orang pegawai imigresen yang lain. Kebanyakan mereka itu asyik berbual dengan rakan-rakan. Di situ terdapat sebuah bilik yang diperbuat daripada kaca. Di dalamnya beberapa orang pegawai sedang bekerja. Mereka mempunyai kelengkapan telefon dan juga televisyen.

Kawalan ketat dapat dirasakan di Lapangan terbang Heathrow dan kami terpaksa membuang masa setengah jam lagi untuk membuat tempahan hotel dan menunggu teksi yang akan membawa kami ke hotel berdekatan dengan Oxford Street, berhampiran dengan Center Point.

Sekali lagi isteri saya terkejut melihat kehebatan pemandu teksi yang berpakaian full suit mengangkat beg kami dan membawa ke keretanya, sebuah Mercedes yang baru. 21 September saya meraikan harijadi saya di Kota London bersama isteri yang sudah 26 tahun menjadi ibu kepada anak-anak saya.

22hb September 1989, kedai buku di dalam bangunan Masjid Regent Park penuh sesak dengan para jemaah yang baru saja selesai menunaikan fardu Jumaat. Saya membeli beberapa buah buku yang sukar untuk didapati di Kuala Lumpur. Sambil membeli buku ingatan saya kembali pada khatib yang membacakan khutbah tanpa teks. Dia berucap dalam dua bahasa. Bermula dengan bahasa Arab kemudian menterjemahkannya ke bahasa Inggeris. Beliau sedar dan maklum bahawa di dalam masjid ada jemaah dari hampir semua benua yang rata-rata memahami bahasa Inggeris dan Arab.

Para jemaah terpukau dengan cara penyampaiannya dan dengan ilmunya. Khatib menyampaikan khutbah ten-

tang perkara-perkara yang sedang berlaku berkaitan dengan wanita, perkahwinan dan anak, cerita yang sedang menjadi perbincangan hangat oleh masyarakat di England dan di Amerika ketika ini. Dia memetik dari akhbar dan majalah-majalah serta mengulas dan memberikan pendapat mengikut Al-Quran dan Hadith dengan tegas dan berani. Dia mengkritik peradaban Barat mengenai wanita, anak-anak dan mengenai diskriminasi warna kulit. Ada sesuatu yang diperjuangkan seperti yang dikehendaki oleh Islam.

Sebenarnya khutbah seperti inilah yang sepatutnya disampaikan di masjid-masjid di negara kita dan bukan khutbah yang telah ditulis terlebih dahulu oleh penulis-penulis khutbah. Sudah 40 tahun saya mengikuti khutbah Jumaathampir di seluruh Malaysia tapi nada, bunyi serta cara penyampaiannya hampir sama, kecuali beberapa buah masjid di Wilayah. Tugas Imam masjid bukan sebagai tukang baca khutbah. Imam adalah pemimpin. Zaman Rasulullah tak ada orang yang tulis khutbah untuk Rasul (saw). Kalau sekadar baca khutbah yang orang lain tulis, budak sekolah darjah satu pun boleh buat.

Antara sebab saya bersembahyang Jumaat di Masjid Regent Park adalah kerana saya fikir ada raja saya yang akan bersembahyang di sini. Kalau raja-raja dan keluarga mereka selalu datang bercuti dan shopping ke London, masakan tak ada di antara mereka yang ada masa untuk bersembahyang Jumaat di Masjid ini atau masjid di 'Malaysia Hall' bersama-sama pelajar-pelajar kita yang sedang menuntut di United Kingdom.

Kalau ada, tidak teringinkah mereka sebagai Ketua Agama bawa balik Imam atau Khatib yang ada di sini kerana di Kuala Lumpur atau di lain tempat di Malaysia tidak ada Imam atau Khatib yang sehebat seperti di sini walaupun masjid-masjidnya jauh lebih hebat, lebih besar serta lebih mahal. Masjid di Shah Alam adalah masjid yang mempunyai dome terbesar di Asia. Tapi kerana para imamnya tak

standard maka kuranglah penghuninya. Orang kurang berminat kerana ia ibarat orang kacak, kaya raya, yang berpakaian satu suit Dunhill tetapi pakai kasut Belly Siam.

Mungkin inilah yang menyebabkan kawan saya Shaykh Fadhlalla Haeri menulis dalam buku terbaru beliau 'Living Islam (East & West)' yang dihadihkannya sendiri kepada saya mengenai khutbah Jumaat di Malaysia. Beginilah bunyi tulisan beliau itu:

'Kami melawat Malaysia dimana kami menghadiri upacara sembahyang Jumaat di masjid utama di Kuala Lumpur. Ia merupakan khutbah yang paling membosankan dan melenakan. Allah akan lebih memberkati kita kiranya kita tidur sahaja daripada mendengarkan khutbah imam itu.

Living Islam
(East & West) (1989)
Shaykh Fadhlalla Haeri

Tulisan Shaykh Fadhlalla Haeri ini memang ada betulnya. Dia tulis macam itu sebab dia sangka khutbah di Malaysia macam juga khutbah di London. Lagipun di London itu bukan ada ketua agama Islam yang ditauliahkan oleh kerajaan. Tak macam di Malaysia yang cukup dengan sembilan orang Ketua Agama, Majlis Agama, Majlis Fatwa, Imam-imam bertauliah dan bermacam-macam jenis ulamak, ulamak siang dan ulamak malam.

Tapi bila berada di Kuala Lumpur, harapannya cukup melesit. Khutbah-khutbah Jumaat Masjid Regent Park cukup memukau. Ia membincangkan perkara-perkara baru yang selari dengan kemajuan sains dan teknologi. Kalau di Malaysia para khatib ketika berkhutbah mengenai peristiwa Isra' dan Mikraj masih lagi mengatakan bahawa Nab telah menaiki sejenis kuda yang bernama *burak* tapi di

London tak begitu. Dalam bahasa Arab 'burak' itu adalah cahaya. Jadi tak hairanlah kalau Nabi boleh naik ke langit secepat cahaya.

Dalam masa yang singkat sains mengajar kita bahawa cahaya bergerak dengan kelajuan 380,000 meter sesaat. Itu baru cahaya yang manusia pernah lihat. Bagaimana cahaya-cahaya lain yang tak bisa diukur dan dilihat oleh manusia? Para imam di Malaysia kenalah belajar lebih mendalam. Peristiwa Isra' dan Mikraj bukan boleh dijadikan bahan untuk *berborak-borak*. Dan burak pun bukan kuda yang ada sayap seperti yang digambarkan oleh kebanyakan imam dan ulamak kita. Burak itu cahaya. Kalau ada masa bacalah buku 'Bibel, Quran dan Sains Moden' yang ditulis oleh Dr. Maurine Bucaille. Sebelum berkhubah dan bersyarah agama, buatlah 'homework' dulu. Zaman dah berubah, budak umur 5 tahun hari ini sudah tahu menggunakan komputer. Anak umur tiga tahun ada yang boleh bertutur dan mempelajari tiga empat bahasa.

Sultan-sultan sebagai Ketua Agama patut bekerja keras untuk mengembangkan pengetahuan Islam yang sudah semacam statik di negara-negara Islam. Kalau Tuanku-tuanku sebagai ketua-ketua Agama tak buat kerja sikit tentang agama, macam mana segala mandur-mandur dan buruh agama nak buat kerja. Kalau mandur-mandur dan buruh agama dah pandai *mengular*, maka rosaklah rakyat Islam di negara kita ini. Yang DiPertuan Agung kita hari ini seorang Lord Presiden, semoga pentadbiran agama dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan raja kita. Saya cadangkan apabila raja-raja kita berada di London, singgahlah ke Hyde Park Corner untuk mengikuti perkembangan Islam yang begitu hebat diperkatakan di situ. Kalau dulu 'Speaker's Corner' ini dikuasai oleh penceramah-penceramah Kristian dan Yahudi, namun sejak 10 tahun yang lampau, hampir 60 peratus telah dikuasai oleh penceramah-penceramah Islam yang jauh lebih hebat. Dan ramai pendengar-pendengar yang telah diIslamkan di situ.

Sultan-sultan adalah manusia-manusia yang memiliki banyak keistimewaan. Ramai orang Melayu sudah mula menyoal kenapa sultan-sultan di negara ini mempunyai banyak *keistimewaan*? Kenapa mereka diletakkan di tempat yang paling mulia di sisi masyarakat? Mereka juga sudah mula bertanya kenapa kaum keluarga dan sanak saudara sultan hidup dalam keadaan senang lenang? Maka sebab itulah raja-raja tak boleh terus berlena-lena lagi. Ahmad Mokhtar ahli EXCO Semangat 46 sudah berani mempersoal dan mencabar raja dalam buku terbarunya "Kuasa Rakyat."

Konsep **Raja Adil Raja Di sembah, Raja Zalim Raja Disanggah** dipersoalkan olehnya, sedangkan dia duduk di Pekan, Pahang. Di bawah hidung raja dia tak peduli. Dia sedikit pun tak hormat bahawa rajanya adalah manusia *above the law*. Dia menunjukkan sikap menentang, sikap kurang ajar terhadap istana. Kerana dia tahu ada kerabat diraja yang menyokongnya.

Parti Semangat 46 pakai warna Kuning warna diraja sebagai warna mereka. Ahli parti dengan berani telah mempersoalkan pilihanraya kecil 1988 di Johor Bahru yang disokong oleh AIMutawakil dan penglibatan Tuanku Pahang menyokong UMNO dan kerajaan.

Kepada Orang-orang Melayu didalam UMNO, Raja merupakan tiang Seri, tunggak bangsa Melayu. Jatuhnya raja bererti jatuhlah kekuasaan bangsa Melayu. Raja terus dianggap sebagai lambang kebesaran dan kekuasaan orang-orang Melayu. Nampaknya parti 46 yang dipimpin oleh anak-anak raja lebih banyak membawa kerosakan dari menyelamatkan istana. Dan apakah tidak mungkin nanti kalau anak-anak raja yang menjadi pemimpin politik yang berkuasa. Negara ini juga turut rosak. Maklumlah anak-anak raja ini bukan boleh ditegur-tegur. Dia 'above the law'. Dia boleh buat apa yang dia suka. Tengoklah masa Tunku jadi Perdana Menteri, beliau bagi Singapura

ke tangan Cina tanpa berunding terlebih dahulu. Tengoklah dah pencen pun dia masih nak ikut campur tangan dalam politik. Apakah tak mungkin kalau Ku Li jadi Perdana Menteri nanti dia buat 'style' Tunku. Lagipun Ku Li itu anak murid Tunku. Dan orang-orang dalam 46 tak ada yang tegur Ku Li melainkan bila berdepan dengan Ku Li mereka angguk sahaja "Ku", "Patik" "Ku, Ku". Asal Ku Li senang dan mereka mendapat sesuatu. Soal agama, bangsa dan tanah air sekadar isu politik sahaja.

Dulu kedudukan raja-raja dipermuliakan oleh orang-orang Melayu. Seorang anak raja telah dijadikan Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Perdana Menteri yang kedua dan ketiga juga datangnya dari kalangan istana. Begitulah akrabnya ikatan dan hubungan istana dan rakyat yang dikehendaki oleh penjajah British. Kini anak raja ber-subahat dengan parti pembangkang yang tidak senang dengan istana.

Di dalam perlembagaan sendiri tercatat empat perkara yang tidak boleh dipersoalkan. Salah satu daripadanya ialah kita tidak boleh mempertikaikan tentang hak keistimewaan raja-raja Melayu. Tapi ini tetap dipertikaikan oleh DAP, regu Semangat 46.

Ini maknanya kita tidak boleh bertanya mengapa Raja buat sesuatu atau mengapa sesuatu keistimewaan diberikan kepada mereka. Banyak mana kawasan balak yang diambil oleh pihak istana atau kepada siapa mereka nak agihkan. Begitu juga tentang lombong bijih, lombong emas, tanah untuk perancangan dan apa saja yang boleh menguntungkan pihak istana Menteri Besar mesti luluskan. Kita juga dilarang menghina sama ada melalui perkataan mahupun perbuatan. Biarpun hati kita marah dan geram tengok telatah mereka tapi sekarang apa nak jadi, Tunku, penasihat 46, suruh hapuskan UMNO yang melindungi raja-raja dan sokong 46 yang bergabung dengan parti yang anti raja. Kita tahu ada pun anak-anak raja di dalam 46

akan jadi macam buaya yang ditipu oleh Sang Kancil yang mahu makan buah ranum di seberang sungai.

Pada satu masa dulu warna kuning merupakan lambang kedaulatan raja-raja Melayu. Sebagai contoh Raja memakai baju warna kuning. Motokar raja-raja serta kerabat mereka menggunakan plet kuning. Sejak bila saya tak ingat teksi telah menukarkan bumbungnya berwarna kuning. Bas sekolah pun sudah berwarna kuning. Garisan tepi jalan pun warna kuning. Raja-raja sudah hilang warna keistimewaan mereka. Dan siapa saja yang jadi ahli Semangat 46 boleh pakai warna diraja.

Saya bimbang ada anasir yang menggunakan mereka yang kecewa yang desperado sebagai dahan yang menjadi hulu kapak untuk menumbang pokok. Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tak ada gunanya. Sesudah kampung dan penghulu tergadai baru nak menyesal, baru nak bersedih kerana seronok dengan kemenangan sorak. Mungkin parti Semangat 46 akan menang kiranya disokong oleh raja dan keluarga mereka. Kesilapan ini akan menjadi seperti trity Mac Michel ditahun 1946. Raja serah bangsa dan negeri pada Inggeris.

Zaman raja hendakkan sesuatu raja dapat, sama ada gadis, janda atau isteri orang sekalipun, cuma satu sejarah Raja memerintahkan supaya di belah perut isteri Laksamana Bentan kerana hendakkan bukti yang anak di dalam kandungannya sedang memakan buah nangka. Dan perintah yang sezalim itu pun tetap dilaksanakan. Kini menyakitkan hati rakyat.

Isteri laksamana dihukum bunuh akibat sultan tak usul periksa. Raja menghukum manusia yang tak berdosa akibat mainan fitnah. Padahal jasa Laksamana Bentan begitu besar kepada raja. Tapi itu semua tidak dinilai. Akibat murka tanpa usul periksa, akibat terpedaya kepada tukang kipas, negeri menjadi huru hara patut dijadikan contoh teladan.

Banyak lagi filem Melayu keluaran Shaw Brothers dan Cathay Keris memaparkan kezaliman raja-raja Melayu. Malah filem-filem itu terus ditunjukkan untuk tontonan umum sekali sekala. Untuk apa filem-filem itu ditayangkan semula kalau tidak menyuruh kita semua supaya berfikir: **yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan**. Ingatan demi ingatan disampaikan, tapi ramai yang masih lalai. Semoga mereka yang sayangkan kuasa dan takhta tidak terus lalai.

Satu kisah yang menjadi legenda di Singapura ialah kes pembunuhan pada 11 Mac, 1863. Peristiwa malang ini telah digambarkan dengan jelas oleh **Abudllah Munshi** di dalam **Hikayat Abdullah**.

Dalam cerita itu, Syed Yasin anak jati Pahang telah pergi merantau ke Singapura untuk berniaga. Beliau mendapat barang-barang secara hutang daripada Pengiran Sharif Umar, yang berasal dari Palembang. Tapi kerana gagal membayar hutang, Syed Yasin ditahan di lokap di bawah kawalan F.J Bernard. Bernard tidak menyedari Syed Yasin menyimpan sebilah pisau di dalam bajunya. Syed Yasin meminta izin untuk ke rumah Pengiran Umar kerana mahu menyelesaikan hutang. Setiba di sana, Pengiran melihat Syed Yasin membawa keris lalu beliau lari memberitahu Farquhar. Syed Yassin yang gagal membunuh Pengiran Umar akhirnya berjaya membunuh agen polis yang mengiringinya itu. Sedang ia menyembunyikan diri di bawah rumah, Farquhar datang menyiasat. Sewaktu beliau menundukkan kepala, keris Yasin menembusi dadanya. Ia terselamat walaupun darah memancut keluar. Anak Farquhar, Andrew segera menggunakan pedang menetak muka Yasin. Para pengawal Inggeris yang ada terus menikam dada Yasin dengan benet. Gugurlah Yasin di tangan orang-orang Inggeris. Apa yang menarik tentang cerita di atas ialah peranan Inggeris di dalam mencampuri urusan adat dan undang-undang raja Melayu.

Inilah yang menyebabkan raja-raja Melayu hari ini hilang kuasa sama sekali.

Balik pada cerita selanjutnya mengenai aruah Syed Yasin, pada hari yang berikutnya selepas tragedi berdarah itu, Raffles mengadakan perjumpaan dengan Temenggong Abdul Rahman dan Sultan Hussain Shah, ramai yang lain turut hadir semua di dalam perjumpaan tersebut.

Raffles kemudian meminta buah fikiran Sultan tentang hukuman yang sejajar dengan adat Melayu ke atas Yasin. Sultan pun berkata:

"Tuan, orang itu, keluarganya, dan sanak saudaranya harus dibunuh sampai habis, rumahnya dibongkar dan tanah tempat rumah itu tegak dibuang ke laut."

Itulah hukuman dari segi adat Melayu ke atas pembunuh yang mengkhianati pemerintah.

Mendengar jawapan Sultan, Raffles mencelah lalu berkata:

"Itu tidak adil. Siapa yang melanggar hukum harus dikenakan tindakan. Tetapi kenapa isteri dan anak-anaknya harus dibunuh?"

Di saat itulah Raffles memperkenalkan undang-undang Barat. Menurut Raffles **pengkhianat mesti dihukum gantung sampai mati. Tetapi pihak Barat akan menjamin agar anak isteri tidak dihukum sama.**

"Itulah hukum orang Inggeris" jawab Raffles.

Sejak kedatangan penjajah Inggeris ke Tanah Melayu banyak undang-undang yang dianggap kuno telah dimansuhkan. Hari demi hari kuasa Raja pun mulai pupus.

Jika kita lihat tentang *sistem kesultanan* hari ini, kita dapati kuasa *raja-raja* yang hilang ini adalah kerana diambil oleh pihak **Inggeris**. Untuk menggantikan kuasa **raja**, mereka memperkenalkan undang-undang mereka. **Raja-raja** tidak lebih dari boneka mereka.

Raja telah diletakkan untuk menjaga adat dan agama saja. Tapi apakah mereka telah menjalankan amanah Allah dengan baik? Apakah mereka membahagikan maklumat sesama manusia yang diperintah? Segala bentuk pentadbiran terletak di tangan Inggeris kerana sejarah telah mengajar Inggeris. Kalau kuasa ada di tangan raja, jangan mimpi Inggeris boleh bermaharajalela dalam negeri ini. Mereka tahu inilah kelemahan orang Melayu. Ditangkap kepala, ekor akan menguit dengan sundul.

Sebenarnya **Inggerislah** yang bertanggungjawab menarik balik kuasa **sultan** dan mewujudkan **double standard** yang tidak disedari oleh raja-raja kerana adanya wakil-wakil istana yang berkuasa dalam tampuk pemerintahan.

Tidak syak lagi pihak Inggeris bukan saja mengamalkan dasar pecah dan perintah (*divide and rule*) sesama orang Melayu, malah sistem ini turut diamalkan terhadap pihak Istana dan Rakyat. Inggeris merencanakan sistem ini agar rakyat tidak mendekati istana. Inilah pemikiran berhala putih yang mahu kita semua berpecah, bergaduh sesama sendiri dan sujud kepadanya saja.

Inggeris menetapkan bahawa rakyat mesti menghormati istana melalui beberapa cara. Rakyat tidak boleh menegur Istana walaupun Istana tidak berlaku adil. Istana sendiri tidak boleh dilawati sesuka hati melainkan diperkenankan oleh raja-raja. Dengan cara ini jurang antara raja dan rakyat semakin melebar. Padahal di dalam Islam hubungan pemimpin dan rakyat amatlah rapat. Malah Nabi Muhammad sendiri sentiasa didampingi oleh umat. Hubungan mesra ini membuatkan baginda mudah ditemui un-

tuk mendapatkan buah fikiran tanpa perlu melalui sebarang proses 'appointment' ataupun 'red tape'.

British sedar bahawa jika raja-raja Melayu mengamalkan sifat-sifat yang ditunjukkan di dalam cerita-cerita nabi, maka tentulah sukar bagi berhala putih hendak menguasai Tanah Melayu. Rakyat akan terus mengadap Sultan untuk menyembahkan apa yang berlaku. Dengan itu Sultan akan bertindak menyokong dan menyebelahi rakyat daripada bersama Inggeris. Begitu juga dengan sistem kehakiman. Tradisi seorang hakim tidak boleh bergaul dengan orang ramai. Mereka terpisah, tersisih, terputus sama sekali hubungan silaturahmi sesama Islam. Hakim adalah seorang *lordship* yang kedudukannya terlalu istimewa.

Maka sebab itulah kita dengar ada sultan di dalam sejarah mengarahkan pahlawan Melayu dihukum kerana terpengaruh dengan hukum dan cerita Inggeris yang mahu kekal sebagai berhala yang hanya boleh dihubungi oleh raja. Sultan mesti taat dan ikut perintah berhala putih. Sultan tidak boleh mendengar suara rakyat kerana suara rakyat sudah dipisahkan oleh berhala putih. Saya tahu **teori** berhala putih ini sukar untuk difahami kerana ini merupakan satu **teori** baru. Tapi tidakkah sesuatu **teori** itu bermula dengan '**idea**' yang baru. Lazimnya orang-orang yang memberikan **idea** dianggap orang '**gila**'. Nabi Muhammad sewaktu mengembangkan agama Islam dianggap orang sebagai **gila**. Begitu juga halnya dengan lain-lain nabi.

Marx, Machiavelli, Plato dan ramai lagi ahli-ahli falsafah pernah dianggap sebagai orang **gila**. Tapi disebabkan adanya "**orang-orang gila**" inilah maka dunia hari ini mempunyai beberapa **teori** penting. **Teori-teori** ini dikaji dari berbagai sudut sehingga membuatkan orang ramai mengakui bahawa tokoh yang melahirkan teori-teori ini sebagai tokoh-tokoh yang pintar. Gila mereka gila yang bernilai, menguntungkan dan memberi faedah kepada manusia sejagat. Gila macam majalah Gila-Gila, gila ada makna.

Saya tidak meminta anda semua mempercayai segala apa yang saya tulis. Apabila anda selesai membaca buku ini, saya mahu anda semua memikirkan sedalam-dalamnya, berbincang dan membuat sedikit kajian. Ini kerana saya percaya selepas anda berbuat demikian anda akan nampak bahawa apa yang saya katakan itu tentu ada benarnya. Saya masih ingat akhbar-akhbar di England sering sangat menegur Ratu Elizabeth dan anggota keluarganya tapi kita di Malaysia tidak dibenarkan berbuat demikian kenapa?

Gambar '**romance**' Putera Charles sebelum dia berkahwin tersiar di dalam media-media. Begitu juga gambar separuh bogel Puteri Diana selepas kahwin dengan Charles tersiar di dalam akhbar-akhbar. Mengapa media barat boleh menegur pihak Istana? Dengan adanya teguran dari rakyat Inggeris terhadap pihak Istana, maka hubungan Istana dengan rakyat semakin akrab. Dan justeru itu lahirlah hubungan isi dengan kuku, hubungan yang begitu mesra sekali.

Dari segi ini kita bolehlah memberi kredit kepada Utusan Melayu dan menghargai tindakan Sultan Selangor yang dengan segala senang hatinya mendedahkan peristiwa perkahwinan Menteri Besar dan Puteri baginda. Kelantangan akhbar Utusan Melayu yang memang cenderung ke arah media barat sehinggakan tampak sebagai membelakangkan tata-susila orang Melayu terhadap raja mereka. Apakah motif Utusan yang sebenarnya? Dan apakah muslihat baginda Sultan yang mendedahkan berita tersebut?

Raja Inggeris tidak bersikap angkuh dan sombong tapi ada di antara raja kita yang angkuh dan sombong mengikut satu ramalan yang pernah disebutkan oleh Tunku Abdul Rahman. Akhirnya semua raja-raja di dunia akan kehilangan takhta. Dan yang tinggal nanti hanya Raja Lekuk, Raja Kelawar, Raja Diamond, Raja Sepit, dan Ratu Elizabeth saja.

Putera Charles yang sering diburu oleh pihak media dengan berbagai berita *'negatif'* yang disiarkan, membuatkan rakyat semakin memahami peranan raja mereka. Malah pihak Istana sendiri tidaklah boleh bebas berbuat apa saja menurut kesukaan mereka, tanpa memikirkan risiko-risikonya. Tapi kerana teguran yang ikhlas itu membuatkan Charles yang belum pun mencapai 40 tahun itu sudah bersedia untuk mewarisi takhta kerajaan Inggeris dari ibunya Ratu Elizabeth 11. Beliau begitu matang, kemas di dalam tingkah laku dan mempunyai pendapat-pendapat yang bernas.

Putera Charles di sepanjang kariernya sebagai bakal raja sentiasa menemui orang ramai, kuli, suri-suri rumah, dan bertegur sapa dengan mereka. Beliau muncul di beberapa pertunjukan dan menemui pihak akhbar. Selain dari peranan "**ceremonial**", Charles mahukan peranan yang lebih berkesan.

"I am driven by the feeling I ve had for a long time through traveling around this country ... that I personally mind about the conditions in which people live."

Didalam satu wawancara radio pada bukan Disember tahun lalu, beliau pernah berkata:

"I feel that in my particular position I can't just sit here and not do something about it."

Oleh kerana mahukan peranan yang lebih seriuslah maka menyebabkan Putera Charles membuat beberapa kritikan, terutama terhadap arkitek-arkitek yang merosakkan reka bentuk bangunan-bangunan di kota London. Beliau mahu mengocak suasana, beliau mahu "**throw a rock in the pond.**"

Kata-katanya ini dibuktikan pada 30 Mei, 1984 sewaktu berucap di **Royal Institute of British Architects** sem-

pena ulang tahun ke 150 badan berkenaan. Di dalam ucapannya itu beliau mendakwa para arkitek tidak mendengar perasaan orang ramai di dalam, '*merekabentuk*' bangunan-bangunan. Menurut Presiden Institut itu Michael Manser "*It was a terrific shock.*" Ini kerana tindak tanduk Putera Charles ini membuat rakyatnya mulai menyayanginya.

Tidakkah kita juga mahu raja kita disayangi seperti mana rakyat British mengasihi raja mereka? Tapi dengan perbuatan Sultan Kelantan terhadap Datuk Muhamad Yaakob, Menteri Besar Kelantan baru-baru ini akan menimbulkan kemarahan dan kebencian. Ini ditambah pula dengan campur tangan Tunku dan penglibatan Tengku Razaleigh dan anak-anak raja yang berada di dalam Semangat 46.

Kebanyakan raja-raja kita suka bercuti ke England, sebab itu saya bawa cerita keluarga Istana **Buckingham**. Apakah mereka tidak belajar sesuatu semasa bercuti di sana? Masakan penasihat raja tidak beritahu mereka bahawa Inggeris itu mahu menggunakan mereka?

Terdapat perbezaan peranan media di dalam memberikan liputan besar-besaran kepada **Ratu Elizabeth, Putera Charles, Puteri Diana** dan lain-lain lagi kalau dibandingkan dengan media masa kita terhadap keluarga DiRaja kita. Mereka akan gunakan Raja bila nak jahanamkan orang-orang tertentu sahaja dan mereka ada caranya.

Di awal tahun 1960-an, rakyat **Britain** mulai mendekati Raja mereka, ketika raja-raja kita mulai renggang dengan rakyat.

Ratu Elizabeth mulai keluar beramah dengan rakyat. Kini setiap acara akan dihadiri oleh rakyat, tidak lagi menjadi acara keluarga atau istana. Kini televisyen dibenarkan masuk ke perkarangan Istana untuk membuat liputan.

Dalam tahun 1969, pihak TV telah berjaya merakamkan peristiwa berkaitan istana, **majlis makan diraja yang menunjukkan kerabat raja bercakap tanpa berselembung, bercuti di Scotland dan juga menunjukkan betapa Ratu Elizabeth membuka begnya untuk mencari wang untuk membeli sesuatu di sebuah kedai.**

Dunia semakin mengenali kehidupan Raja Inggeris. **Acara Istana kini menjadi lebih penting daripada acara lain.** Penonton diseluruh dunia sendiri menunggu masa saja untuk menonton acara yang melibatkan Raja England.

Perkahwinan Putera Charles dan Lady Diana ditonton oleh 750 juta orang melalui peti TV di seluruh dunia. Perkahwinan adiknya Andrew dan Sarah mendapat perhatian daripada 500 juta penonton.

Macam manakah caranya rakyat Malaysia mahu mendekati Rajanya seperti mana rakyat Inggeris mendekati Ratu Elizabeth dan Putera Charles. Selagi ada aspek sistem kesultanan di negara ini yang tidak disenangi oleh rakyat.

Sejarah di sekeliling kita menunjukkan betapa adanya raja-raja yang mati di dalam buangan. Seperti bekas raja Iran yang mati di dalam keadaan sedih. Saya sendiri sudah menziarahi makamnya dan makam Raja Farouk yang kebetulan ada di dalam masjid Syed Ahmad Alrafiei di Kahirah. Semasa saya pergi menziarahi makam Almarhum Syed Ahmad Alrafiei yang juga dikenali sebagai seorang wali Allah yang terkemuka, saya melihat makamnya sentiasa diziarahi orang yang datang membacakan ayat-ayat suci Al-Quran. Begitu juga makam almarhum Ayatullah Khomeini di Baity Zaharah hampir setiap hari ratusan dan ribuan manusia datang menziarahi dengan perasaan cinta dan kasih sayang sama seperti beliau masih hidup. Tidak seperti makam raja-raja yang sentiasa dilupakan.

Semasa pulang dari menziarahi makam kedua-dua raja ini saya teringat kata-kata rakan saya, **Goenawan Mohamad** sewaktu dia menulis di dalam kolumnya **Catatan Pinggir** bertarikh 7 Jun, 1986 dalam majalah *Tempo*. Antara lain Goenawan menulis:

Mungkin dunia akan lebih baik jika seseorang raja dan seorang suci tidak melahirkan keturunan. Raja punya kekuasaan yang teramat besar, orang suci punya kesucian yang teramat tinggi.

Goenawan mengatakan kebimbangan ini kerana kece-masan mereka, cinta mereka, konflik mereka dan penyiasatan mereka dalam urusan anak-anak mereka, boleh mengakibatkan berlakunya tindakan-tindakan yang di luar pertimbangan.

Saya tidak fikir **Goenawan** tidak senang dengan sistem *beraja* semata-mata kerana Indonesia tidak lagi mempunyai seorang **raja** seperti zaman silam. Ia lebih kepada kekuasaan raja-raja yang kadangkala gagal dikawali. Akibatnya akan memudaratkan rakyat yang tidak mempunyai apa-apa pembelaan.

Saya boleh memahami hati nuraini **Goenawan** bila beliau bercakap tentang perkara di atas.

Adapun sebabnya, saya sendiri pun bila melihat keindahan masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz di Shah Alam membuatkan berbagai perkara bermain-main di dalam fikiran.

Beberapa minggu sebelum masjid itu dirasmikan oleh baginda Sultan Selangor serta disaksikan jutaan rakyat melalui kaca TV, saya sempat menunaikan sembahyang fardu Zohor. Kebetulan waktu kami tiba, Imam sedang so-lat di rakaat kedua. Selesai sembahyang saya dapati tidak sampai 40 orang bersembahyang di situ. Pernah ada

akhbar yang melaporkan Tuanku Sultan kesal kerana masjid sebesar itu tidak sampai 50 orang sembahyang Asar.

Kalaulah kerana tempatnya agak jauh atau masa terlalu suntuk dijadikan sebagai alasan mereka tidak sembahyang di masjid baru, saya percaya masjid itu akhirnya akan jadi sebuah muzium. Orang datang untuk melihat keindahannya, bukan untuk sembahyang. Harganya saja \$165 juta, tapi khabar-khabar angin mengatakan \$300 juta lebih. Saya tak tahu angka mana yang sebenar. Sekarang masjid itu sudah pun dirasmikan. Acara perasmian itu dibuat begitu meriah hinggakan sembahyang Jumaat terpaksa dibuat pada jam 2.30 petang. Pertama kali saya dengar orang sembahyang Jumaat pada jam 2.30 petang.

Dengarnya persiapan untuk majlis perasmian melebihi angka \$1 juta. Betulkah angka ini wahai Menteri Besar Datuk Muhammad Muhd. Taib? Kalau benar, bukankah ini satu pembaziran. Tidak adakah mufti dan alim ulamak yang menegur sebelum diadakan?

Kawan-kawan yang hadir ada bercerita tentang mereka yang datang terpaksa berdiri dari pagi kerana terlalu ramai manusia yang hadir untuk menyaksikan peristiwa itu. Kerana panas terik, air minum tidak ada, ramai yang keletihan. Bila tiba waktu makan, nasi diletakkan di dalam tupperware. Ada nasi yang basi, tapi orang ramai tidak jadi '*complaint*' kerana tupperware itu boleh dibawa pulang.

Bila melihat keindahan masjid itu, menonton majlis perasmian yang dihadiri oleh para sultan termasuk Sultan Brunei, membuatkan hati bertambah bimbang.

Bimbang kerana majlis diadakan secara besar-besaran. Dapatkah majlis ini dikekalkan. Maksudnya dapatkah angka

puluhan ribu bersembahyang seperti pada hari perasmian itu dikekalkan? Kalau tidak usaha siapa, kewajipan siapa supaya rukun sembahyang ini mesti diajar supaya generasi yang akan datang mencintai rahmat Allah.

Kalaulah di waktu Zohor yang saya lihat di sekitar 40 orang saja, masakan angka ini boleh berganda jika tidak ada usaha dibuat untuk menarik orang bersembahyang.

Langkah yang paling bijak yang patut dibuat ialah arahan dari baginda Sultan Selangor sendiri. Baginda hendaklah mengarahkan kakitangan kerajaan di Selangor terutama yang bekerja di sekitar Shah Alam meluangkan masa untuk bersembahyang di masjid Sultan Salahuddin. Baginda juga hendaklah meluangkan masa berangkat menunaikan sembahyang Jumaat setiap minggu di situ dengan membawa kaum keluarganya untuk bersama-sama berjemaah, atau menghadiri majlis-majlis yang diadakan di masjid itu. Kalau perlu cubalah buat kajian kalau-kalau para imam dapat digantikan dengan imam-imam seperti yang berkhotbah di Masjid Regent Park London. Begitu juga dengan sembahyang fardu magrib dan isyak kerana baginda begitu kasih dan sayangkan masjid itu pasti kasih sayang rakyat terhadap baginda akan berlipat ganda.

TuanKu mungkin tidak senang kerana saya menulis perkara ini. Tapi tahukah TuanKu, dengan saya mengingatkan tuanku saya telah menjalankan tanggungjawab saya sebagai orang Islam. Ini sesuai dengan kehendak Islam. Saya membuat teguran ini kerana ia adalah fardu kifayah.

Saya tahu di hari akhirat kelak, saya akan ditanya, mengapa sebagai penulis saya tidak mengingatkan sultan saya tentang tugas dan tanggungjawabnya? Maka sebab itulah saya lakukannya sekarang? Dulu saya tinggal di Johor dan menjadi rakyat Sultan Johor. Saya menegur Sultan Johor.

Saya sudah menjadi rakyat Sultan Selangor, rakyat tuanku. Sebagai rakyat yang kasihkan rajanya saya mengambil tanggungjawab untuk menegur raja saya. Sekarang Tuanku jadi raja dan ketua agama saya. Saya yakin perbuatan saya ini tidak salah.

Yang sungguh menghairankan ialah ada pendakwah kita yang sanggup mengikut kumpulan tabligh pergi mendakwah orang Islam dan bukan Islam sehingga ke Filipina, India Pakistan dan Jepun, kerana mereka takut, bimbang ramainya manusia yang akan mati tidak beriman.

Mengapa kumpulan yang sama tidak berani pergi ke Istana Negara ataupun Istana Kayangan di Bukit Kayangan, Shah Alam untuk menegur raja mereka? Apakah mereka tidak kasihkan raja mereka atau mereka bukan seorang pendakwah yang sebenarnya? **Janganlah kera di hutan kita susukan, anak di rumah dibiarkan kelaparan.**

Kalau anda berani mati ditempat orang, mengapa anda takut untuk berdepan dengan raja-raja kita yang baik dan bersifat pemaaf? Mustahil ada raja yang mahu memenggal tengkuk kita kerana berkata benar mengenai perkara-perkara ketuhanan. Kalau ada apa salahnya, mati dalam berdakwah kerana Allah, adalah satu kerja jihad, kita akan mati syahid. Mudah-mudahan kiranya kita lakukan dengan ikhlas Allah s.w.t. akan tempatkan kita ke dalam syurga.

Kata orang tua-tua, berani kerana benar. Tapi beranikah pendakwah ini menegakkan kebenaran untuk mengatakan yang hak?

Inggeris telah berjaya pisahkan kita dari raja kita. Apakah kita masih tidak berani kembalikan raja kita kepada rakyat agar mereka bertambah dikasihi dan disayangi? Kita tidak boleh lagi ikut Tunku Abdul Rahman. Kerja Tunku ini akan memendekkan tempuh raja-raja duduk di istana. Contohnya saya petik dari *'lidah pengarah'* **Utusan Malaysia**, Rabu, 8 April 1988. Beginilah bunyinya:

Tetapi sekarang ini nampaknya rakyat didorong untuk menentukan pendirian sendiri berhubung dengan apa yang harus mereka lakukan bagi memastikan terdapat pemisahan kuasa yang jelas di antara istana dengan rakyat.

Nampaknya rakyat sendiri terpaksa menjadi benteng mempertahankan hak politik mereka kerana inilah kuasa tertinggi yang diperuntukkan oleh perlembagaan kepada mereka. **Rakyat ternyata tidak mempunyai peluang untuk menjadi raja tetapi raja-raja boleh menjadi pemimpin politik sekiranya baginda mahu.** Tetapi baginda hendaklah meninggalkan kuasa istana dan turun ke gelanggang berpolitik bersama rakyat.

Perlembagaan tidak memberi peruntukan kepada sesiapa untuk menjadi raja dan diwaktu yang sama bermain politik. Apa yang sedang berlaku di Kelantan sekarang ini sedang diperlihatkan secara dekat oleh rakyat dengan perasaan sedih lagi bimbang.

Kita telah pernah mengalami beberapa peristiwa di mana berlaku campur tangan istana dalam politik di beberapa buah negeri seperti di Pahang, Johor dan Perak. **Dan dalam setiap pergolakan itu, terjadi keadaan tidak menentu yang akibatnya ditanggung oleh rakyat sendiri.**

Malangnya kita tidak pernah belajar dari sejarah. Lebih malang lagi apabila terdapat mereka yang bermain politik yang sepatutnya mempertahankan pemisahan kuasa itu, telah mengheret istana dalam kancah politik.

Banyak orang terlupa bahawa dalam dunia, raja yang terus disembah oleh jutaan manusia tanpa mengira apa-

apa perbezaan dan warna kulit ialah Buddha. Buddha ialah Putera Raja yang sanggup tinggalkan Harta, Wanita dan Takhta untuk menjadi seorang pendakwah tentang ketuhanan yang maha esa itu kekal dipuja dan disembah oleh engikutnya hingga ke hari ini.

Malaysia sedang menanti adanya seorang putera raja yang benar-benar berjiwa Islam. Putera yang boleh kita samakan seperti khalifah-khalifah Islam sebelum zaman Umayyah. Bukan raja-raja di zaman Muawiah.

2

REVOLUSI, RAJA DAN RAKYAT

"Apabila disebut revolusi tidaklah bererti bahawa kita mahu bertindak secara liar, melupakan kebudayaan, adat resam dan agama kita. Juga revolusi dalam istilah ini bukan bererti bahawa kita mahu menghapuskan hak-hak orang lain atau menghalang kemajuan yang telah mereka capai.

Revolusi kita ialah revolusi yang akan menukarkan cara kita berfikir dan bertindak. Revolusi bererti satu proses yang cepat yang cuba mendatangkan hasil dengan secepat-cepatnya; ini bertentangan dengan konsep ikut suka dalam mana setiap anggota masyarakat dibenarkan hidup dalam keadaan statis tanpa petunjuk dari pihak-pihak yang berkuasa. Dalam revolusi pemikiran setiap anggota masyarakat digesa dan diminta supaya mengamalkan sikap-sikap baru yang sesuai dengan keadaan-keadaan baru sambil melupakan mana-mana sikap lama yang tidak lagi menguntungkan. Melalui revolusi ini cara pemikiran kita dapat diubah dalam masa

yang lebih singkat, sesuai dengan kehendak-kehendak pembangunan masyarakat.

Revolusi Mental

Di susun oleh:

Tan Sri Senu Abdul Rahman,

Terbitan 1971.

SEORANG peminat telah bertanya kepada saya apakah yang dimaksudkan dengan revolusi dalam konteks buku saya **REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT**. Bolehkah saya jelaskan siapakah dia **raja** dan siapa dia **rakyat**? Dan bolehkah saya terangkan tujuan sebenar saya menulis buku *Revolusi Istana dan Rakyat*?

Dalam Mukadimah buku **REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT** itu telah saya jelaskan tentang kaitan buku tersebut dengan warkah terbuka yang saya tulis kepada Al-Mutawakil Sultan Iskandar Johor selaku Yang DiPertuan Agong Malaysia Yang Kelapan ketika itu.

Sebenarnya semua ini berlaku secara kebetulan. Sultan Johor yang menjadi Yang DiPertuan Agong itu ialah sultan saya. Tambahan pula saya memang berniat untuk menulis tentang sejarah kesultanan Johor itu di suatu masa kelak dan saya sudah pun mula mengumpulkan bahan-bahannya, memandangkan prilaku raja yang telah membawa banyak kontroversi.

Revolusi mental, telah lama berlaku, baik di kalangan istana sultan-sultan Johor mahupun di kalangan rakyat Johor sendiri. Akibat proses '*revolusi*' inilah yang telah melahirkan rakyat-rakyat seperti Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak, Datuk Onn bin Jaafar, Tun Dr. Ismail jauh lebih terdahulu dari mana-mana nasionalis Melayu dari mana-mana negeri. Mengkritik raja-raja ini telah dimulakan oleh Datuk Onn sendiri yang merasakan adalah menjadi tanggungjawab rakyat membetulkan raja

jika mereka mahu raja mereka kekal di atas takhta. Usaha yang sedang saya lakukan ini adalah satu kesinambungan dari usaha Allahyarham Datuk Onn.

Revolusi yang telah berlaku dalam sejarah kesultanan Melayu Johor tidaklah berlaku macam itu sahaja. Bibit-bibit 'revolusi' itu di bumbui oleh segala macam pergelutan kuasa, percaturan politik sesama pewaris sultan, permainan politik kotor Inggeris dan Belanda serta perebutan kuasa ekonomi. Biar bagaimanapun inilah ciri-ciri yang telah mendewasakan kesultanan Johor, dari zaman Sultan Abdul Jalil Shah III yang memerintah dari tahun 1623 hinggalah ke zaman Sultan Mahmud Iskandar Almutawakkil Al-laulah kini.

Pergelutan bagi takhta kesultanan Johor misalnya, telah berlaku selepas mangkatnya Sultan Mahmud Shah III pada 12 Januari 1812. Tatkala itu putera sulung Almarhum Tengku Hussein yang sepatutnya dilantik menjadi Sultan menggantikan ayahandanya sedang berada di Pahang. Yamtuan Muda Raja Jaafar yang sememangnya mempunyai cita-cita untuk menguasai pemerintahan Negeri Johor mengambil peluang ini untuk mencapai maksudnya. Yamtuan Muda Raja Jaafar tahu yang beliau tidak boleh jadi sultan. Jadi, atas alasan Tengku Hussein tidak ada di Johor dan permasyhuran sultan perlu dibuat sebelum jenazah Almarhum boleh dimakamkan, beliau pun telah mencadangkan agar adik Tengku Husain, iaitu Tengku Abdul Rahman dilantik menjadi pengganti almarhum Sultan Mahmud Shah III. Ini dilakukan kerana Yamtuan Muda Raja Jaafar merasakan bahawa Tengku Abdul Rahman sudah tentu akan mengikut telunjuknya.

Walaupun terdapatnya bantahan dari orang-orang besar Johor dan malah termasuk dari Raja Hamidah (Engku Puteri), iaitu balu kepada Almarhum sultan yang mangkat dan saudara Yamtuan Muda Raja Jaafar dan Tengku Abdul Rahman sendiri, namun beliau (Yamtuan Muda Raja Jaafar) terus juga melaksanakan kehendaknya.

Sekembalinya Tengku Hussein dari Pahang, beliau telah pergi menemui ibu trinya Raja Hamidah yang menyimpan alat-alat kebesaran bagi pertabalan sultan dan mengadu tentang perbuatan Yamtuan Muda Raja Jaafar melantik Tengku Abdul Rahman sebagai sultan. Mendengar cerita Tengku Hussein itu, Raja Hamidah menjadi marah dan berkata: **"Siapakah yang telah melantik Abdul Rahman menjadi Sultan Johor? Saudara saya Raja Jaafar? Adat perlantikan dari manakah yang diikutnya? Perbuatan yang tidak adil seperti inilah yang menyebabkan kerajaan Johor akan rosak binasa."**

Pada 28 Januari 1819, Raffles telah mendarat di Pulau Sekijang, Singapura. Keesokan harinya beliau dengan angkatannya sebanyak lapan buah kapal telah masuk ke Pelabuhan Singapura dan bertemu dengan Tengku Abdul Rahman yang digelar sebagai Temenggong Abdul Rahman. Tujuan Raffles tidak lain dari mengambil alih Singapura dengan memainkan isu pergelutan kuasa dalam kesultanan Johor. Dan pada 30 Januari 1819, iaitu selang dua hari selepas ketibaan Raffles di Singapura, satu perjanjian sementara pun termeterai di antara Temenggong Abdul Rahman dan Raffles. Beginiilah bunyi perjanjian tersebut:

"...Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman, Raja Singapura yang memerintah negeri Singapura dan sekalian (tokong) pulau mana yang di dalam perintahnya Singapura dalam dia punya nama sendiri dan di dalam nama Seri Sultan Husain Shah Muhammad Raja Johor dengan Thomas Stamford Raffles dengan segala daerahnya wakil Seri Maharaja Gabenor Jeneral di Benggala Yang Maha Mulia.

Maka dari sebab lama bersahabat dan berdagang perniagaan antara kompeni Ingeris dengan negeri daerah yang di bawah perintah Singapura - Johor itu baik dibikikan (dibikinkan)

pekerjaan yang patut tiada boleh putus selama-lamanya.

Perkara yang pertama, maka boleh Kompeni Inggeris membiki (membikin) loji akan penduduk di Singapura atau lain-lain tempat yang di bawah perintah Singapura - Johor.

Perkara yang kedua, maka dari sebab itu Kompeni Inggeris berjanji pelihara Dato' Temenggong Seri Maharaja.

Perkara yang ketiga, darihal tanah Kompeni mahu biki (bikin) loji penduduk Kompeni bolehlah kasi pada satu tahun kepada Dato' Temenggong Seri Maharaja tiga ribu rial.

Perkara yang keempat, maka Dato' Temenggong perjanjian selama-lamanya yang Kompeni Inggeris boleh duduk dan pelihara seperti janji ini tiada dia boleh masuk bicara atau lepas masuk di dalam daerahnya pada segala bangsa yang lain daripada Inggeris.

Perkara yang kelima, maka apabila datang Seri Sultan yang dijalan sampai di sini boleh habiskan segala perkara hal perjanjian ini dan tetapi baiklah Kompeni Inggeris boleh pilih satu tempat mahu dinaikkan bala tenteranya dengan alat perkakasnya dan menaikkan bendera Kompeni Inggeris. Maka dari itu diturunkan tanda-tangan dan cap kedua kita di dalam kertas ini. Tatkala diperbuat surat ini kepada empat haribulan Rabiul Akhir tahun 1232."

Perjanjian sementara itu adalah merupakan 'batu asas' bagi penyerahan Singapura sebagai takluk jajahan Johor ke tangan British pada 2 Ogos, 1824.

Semasa peristiwa penyerahan hakmilik pulau Singapura ke tangan British, Tengku Hussein telah pun diiktiraf sebagai Sultan Johor, manakala Tengku Abdul Rahman kekal sebagai Temenggong Abdul Rahman. Tatkala itu kerajaan Johor sedang mengalami keadaan kewangan yang tenat. Sebagai ganti kepada penyerahan hak milik pulau Singapura itu, British berjanji untuk membayar sebanyak \$33,200 (matawang Sepanyol) kepada sultan dan gaji \$1,300 sebulan untuk seumur hidup. Bagi Temenggong Abdul Rahman, bayaran hadiah yang dijanjikan ialah \$26,800 dengan gaji seumur hidup sebanyak \$700 sebulan. Di samping itu British juga berjanji akan membayar hadiah tambahan kepada Sultan Hussein sebanyak \$20,000 dan kepada Temenggong sebanyak \$15,000 jika keduanya bersetuju untuk pindah meninggalkan Singapura buat selama-lamanya.

Inilah revolusi yang telah berlaku kepada kekuasaan Raja-raja Melayu Johor yang hilang kedaulatannya di Pulau Singapura tanpa sebarang pertumpahan darah. Dan pada tahun 1962 Tunku Abdul Rahman seorang putera raja yang telah dipilih oleh rakyat untuk menjadi Perdana Menteri yang pertama telah menyerahkan Singapura kepada pemimpin Cina dengan membiarkan nasib orang Melayu menjadi kaum minoriti di negeri itu buat selama-lamanya. Berapa banyak Tunku Abdul Rahman dapat, kita tidak tahu kerana tak ada perjanjian seperti yang dilakukan oleh Temenggong Abdul Rahman dengan kerajaan Inggeris.

Dari segi geografi pula Singapura masih dalam geran kepunyaan Kerajaan Johor. Penyerahannya sah dari segi undang-undang yang dibuat oleh manusia, tetapi apakah sah dari segi Islam?

Bagi penyerahan Kuala Lumpur untuk dijadikan Wilayah Persekutuan, Selangor pula telah mendapat begitu banyak pampasan. Masakan kerajaan Johor tak mendapat bayaran apa-apa dari kerajaan Singapura?

Politik wang dan pergelutan kuasa tidak berakhir se-takat di situ sahaja.

Setelah mangkatnya Sultan Hussein Shah dalam tahun 1835, pergelutan kuasa berlaku di antara Tengku Ali, pu-tera baginda Almarhum dengan Daing Ibrahim. Pergelutan kuasa ini juga ditandai dengan segala macam kekafiran, kekayaan dan wang.

Daing Ibrahim misalnya, telah menguasai hampir seluruh kekayaan Negeri Johor seperti cukai-cukai, ladang-ladang lada hitam dan getah pena. Tengku Ali yang kemudiannya digelar Sultan Ali oleh British dan diberikan kuasa untuk mentadbir daerah Muar, akhirnya telah meninggalkan hutang yang banyak sebelum beliau mangkat. Di antara hutang-hutang tersebut termasuklah hutang sejumlah \$121,025 kepada ceti yang bernama **SHELLAPAH CHITTY** dengan gadaian ke atas daerah Muar. Dalam tahun 1882 pewaris **SHELLAPAH CHITTY** telah membawa kes itu ke mahkamah. Namun kes itu berlarutan sehingga awal tahun 1983. Akhirnya, pada 6 Januari 1983, Majlis Privy yang bersidang di London telah membuat keputusan yang memihak kepada kerajaan Johor.

Begitulah kemelut kesultanan Johor sebelum 1862 yang turut didalangi oleh British.

Revolusi istana Johor yang lebih baru dan yang lebih menguntungkan rakyat bermula selepas Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja Johor ditabalkan menjadi Raja Johor pada 1 Februari 1882.

Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja Johor yang kemudiannya digelar Sultan Abu Bakar, telah melakukan berbagai perkara yang memuaskan hati para kerabat di-
raja di samping memperbaiki kehidupan rakyat.

Sebagai seorang sultan yang bertanggungjawab terhadap rakyatnya, baginda telah mengambil pentadbiran

daerah Muar-Kesang dari para pewaris Sultan Ali. Ini dilakukan oleh baginda bukan kerana niat tamak, tapi baginda selaku Sultan Johor perlu memperbaiki keadaan di daerah tersebut.

Seorang ahli sejarah British, W.H. Read pernah menulis dalam bukunya **PLAY AND POLITIC** mengenai pengambilan kuasa di daerah Muar-Kesang itu. Di antara lain, tulisan W.H. Read itu berbunyi:

"Saya tidak menyalahkan Abu Bakar dan tidak juga menyalahkan ayahandanya, Daing Ibrahim, yang telah mengambil kesempatan yang telah diberikan kepada mereka. Sebaliknya saya sentiasa berpendapat bahawa Pentadbir Negeri-Negeri Selatlah yang sepatutnya berpegang kepada mereka yang lebih saksama, serta memamerkan sifat kejujuran yang lebih tinggi nilainya."

Adalah satu fakta sejarah bahawa Negeri Johor Darul Takzim sudah lama merdeka tatkala negeri-negeri lain masih lagi terjajah oleh British di bawah Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Ini kerana Johor awal-awal lagi telah diperintah sendiri oleh Sultan Abu Bakar yang tidak mahu British melantik seorang residen di negeri itu.

Untuk menunjukkan bahawa Johor tidak memerlukan tunjuk ajar dari British bagaimana hendak mentadbir sebuah negeri Melayu, Baginda Sultan Abu Bakar telah mempersilakan Pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat, Cecil Clement Smith melawat Johor.

Dalam rangka lawatannya itu, Smith telah membuat pemerhatian dan melaporkan pemerhatiannya itu kepada Setiausaha Jajahan di London.

Menurut pemerhatiannya itu, Smith mendapati Negeri Johor cukup maju dibawah pentadbiran Sultan Abu Bakar.

Beliau melaporkan adanya penjara-penjara yang sempurna. Begitu juga dengan Jabatan Ukur, Jabatan Kerjaraya dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain yang telah berfungsi dengan kakitangannya terdiri dari orang-orang Melayu sendiri.

Ini yang dilakukan oleh British kerana menyedari adanya proses menguatkan hak baginda yang dilakukan oleh Sultan Abu Bakar. Baginda bukan sahaja menguatkan hak baginda sebagai raja yang merdeka dan berdaulat, malah baginda juga memaparkan imej yang lebih tinggi lagi dari taraf Gabenor Singapura.

Selepas tahun 1857, Baginda Sultan Abu Bakar sudah tidak mahu lagi mengindahkan cadangan-cadangan Govenor British di Singapura mengenai dasar-dasar pemerintahan negeri Johor. Dan baginda juga enggan membuat sebarang pinjaman yang boleh mengikat kerajaan Johor dengan Pemerintahan British.

Dalam tahun 1895, baginda telah menggubal undang-undang Tubuh Kerajaan Johor yang merupakan satu-satunya undang-undang moden yang pertama sekali digubal oleh mana-mana negeri di dalam negara ini. Dan dalam tahun yang sama juga Baginda telah mangkat di London pada 4 Jun.

Kemangkatan sultan Abu Bakar digantikan oleh anakandanya, Sultan Ibrahim yang berjiwa merdeka. Baginda tidak suka British menjadi penasihat Kerajaan Johor. Baginda lebih berminat mendengar nasihat Dato' Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak. Kemerdekaan Johor ini telah mengakibatkan berlakunya berbagai kesulitan kepada Pemerintahan British di Negeri-negeri Selat dan juga di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Kesukaran yang timbul di pihak British ini jelas terbukti apabila Sultan Ibrahim enggan memberikan persetujuan-

nya dalam krisis pembinaan jalan keretapi dari Gemas ke Singapura, walaupun British ketika itu menawarkan wang yang banyak di atas alasan membantu keadaan kewangan Johor yang agak tenat ketika itu. Sultan Ibrahim sedar akan percaturan politik British itu. Baginda terus tidak menghiraukan laporan yang dihantar oleh Frank Swettenham kepada Jemaah Penasihat di London. Dan British telah membuat andaian bahawa kebijaksanaan Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman Abdullah yang telah menggagalkan usaha British itu.

Di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim, rakyat Johor dan negeri Johor Darul Takzim terus meningkat maju mendahului negeri-negeri lain. Bangunan pejabat-pejabat Kerajaan Negeri Johor, yang sekarang dikenali sebagai Bangunan Sultan Ibrahim di puncak Bukit Timbalan telah siap dibina dalam tahun 1941.

Pada akhir bulan Januari 1942 ketika Jepun menyerang Johor, Baginda Sultan Ibrahim telah menitahkan supaya simpanan makanan yang banyak yang tersimpan di bangunan pejabat dibahagi-bahagikan kepada rakyat secara percuma. Dan ketika rakyat yang tinggal di negeri Johor meninggalkan Johor Bahru akibat serangan Jepun itu, Baginda Sultan Ibrahim serta para kerabat Diraja sekelian tetap berada di Johor bahru.

Begitulah contoh seorang sultan yang benar-benar berjiwa rakyat. Tradisi ini berkekalan sehinggalah zaman anakandanya Sultan Ismail menaiki takhta dan kemudiannya Baginda Sultan Almutawakkil yang juga dilantik sebagai Yang DiPertuan Agong yang kelapan.

Namun walau apa jua sikap raja itu terhadap rakyatnya, perkara 160 Perlembagaan Persekutuan memberikan tafsiran 'Raja' seperti berikut:

"Raja"

(a) Mengenai Negeri Sembilan, ertinya Yang Di Per-

tuan Besar yang bertindak bagi pihak dirinya sendiri dan Pembesar-pembesar, Memerintah mengikut Perlembagaan Negeri itu; dan

- (b) Mengenai Negeri-negeri lain, kecuali dalam Perkara 181 (2) dan Jadual Ketiga dan Jadual Kelima termasuklah seorang yang, mengikut Perlembagaan Negeri itu, menjalankan tugas-tugas Raja Negeri itu;

Perkecualian bagi kedaulatan Raja-raja dan sebagainya pula dinyatakan dengan jelasnya dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan. Perkara berkenaan menyebut:

- (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa Raja-raja dan hak kedaulatan, kuasa dan bidang Sembilan dalam Wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tetap tidak tersentuh.
- (2) Tidak ada apa-apa pembicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu negeri atas sifat dirinya sendiri.

Perkara-perkara Perlembagaan Persekutuan yang disebutkan di atas ini dengan sendirinya menjelaskan siapakah yang dikatakan **raja** dan apakah keistimewaan-keistimewaan mereka.

Seseorang yang menjalankan tugas-tugas Raja di sesebuah Negeri itu biasanya digelar **Sultan** ataupun **Yang DiPertuan Besar** bagi Negeri Sembilan. Menurut Perlembagaan lagi, **Raja** juga adalah orang yang paling utama sekali dalam sesebuah negeri itu.

Oleh itu kita bolehlah menganggap bahawa seseorang Raja itu adalah **payung** kepada rakyat. Dia merupakan

tunggak kerajaan negeri di bawah jajahan takluknya. Dan justeru itu, adalah memang layak bagi orang yang menjalankan tugas raja itu diberikan keistimewaan-keistimewaan serta ganjaran-ganjaran yang mengatasi sesiapa juga yang menjadi rakyat ataupun yang tinggal di sesebuah negeri tersebut. Tetapi sebagai seorang Islam dia tetap terikat kepada undang-undang Islam. Raja tak patut membazirkan hak rakyat kerana dia akan menerima pembalasan di akhirat kelak. Permaisuri, Sultanah-sultanah, dan isteri-isteri mereka serta juga kaum kerabat mestilah berpakaian menurut cara Islam. Begitu juga halnya dengan isteri-isteri menteri dan pembesar sekalian. Jika mereka tidak berpakaian menurut cara, raja-raja wajib membuat teguran. Tapi sudahkah mana-mana dari kalangan raja-raja Melayu yang telah melaksanakan tanggungjawab yang cukup mudah jika mahu dilaksanakan ini?

Tugas-tugas raja sebelum kedatangan Inggeris dan selepas kedatangan Inggeris adalah tidak sama. **Sebelum kedatangan Inggeris dulu, setiap raja mempunyai kuasa eksekutif di dalam negeri masing-masing. Tugas pemerintahan ini biasanya dibantu oleh MEMANDA MENTERI, BENTARA, LAKSAMANA, TEMENGGONG, SHAH BANDAR dan pembesar-pembesar Istana yang lainnya.**

Apabila Inggeris datang ke negeri ini dengan tujuan menjajah demi untuk meraih segala kekayaan negeri ini, mereka mempunyai satu masalah sahaja, iaitu bagaimanakah mereka boleh mengambil tampuk kuasa 'eksekutif' yang ada di tangan raja-raja tanpa membelakangkan keutamaan raja-raja Melayu. Sebenarnya penjajah Inggeris bukan mengambil kira sangat tentang keutamaan yang diberikan oleh orang Melayu kepada raja-raja mereka. Semua ini adalah strategi Inggeris yang tidak mahu menyentuh hati kecil orang Melayu. Mereka tahu orang Melayu ini amat '*sensitif*'. Maka itulah sebabnya mereka gunakan taktik hulur dulu kemudian tarik sedikit-sedikit.

Dan untuk melepasi halangan ini, penjajah-penjajah Inggeris telah memujuk raja-raja dengan menjamin kedaulatan mereka serta memberikan raja Melayu ganjaran-ganjaran kewangan dan lain-lain kemudahan serta keistimewaan yang belum pernah dinikmati sebelum itu. Mereka juga memberi jaminan tidak akan turut campurtangan dalam hal-hal yang bersabit dengan agama dan adat istiadat bangsa Melayu.

Sejarah telah membuktikan bahawa sedikit sebanyak, raja-raja Melayu yang memerintah di zaman itu telah terpengaruh dengan pujuk rayu British.

Perak adalah negeri yang pertama di bumi Melayu yang menerima penjajah Inggeris tapi tidak bagi raja Perak yang bernama **Raja Abdullah**, raja bagi Perak dan jajahan takluknya ketika itu. **Raja Abdullah enggan bekerjasama dengan pemerintah kolonial British. Dengan yang demikian, pihak Inggeris telah menganggap Baginda sebagai penderhaka dan diperintahkan supaya dibuang ke Pulau Seychelles selama 17 tahun.** Kalau nak tahu lebih lanjut lagi mengenai raja-raja mereka bacalah buku **REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT** bab **Sultan Yang Menderhaka**.

Rupa-rupanya menentang raja ini, baik raja Inggeris mahupun raja Melayu, adalah dilabel sebagai perbuatan 'derhaka', walaupun rakyat berada di pihak yang benar. Maka itulah sebabnya orang Melayu takut dengan perkataan '**derhaka**' kerana bila raja mereka sendiri bila dianggap sebagai penderhaka, mereka turut sama menerima akibat padahnya. Kasihan mereka yang telah mendapat gelaran derhaka hanyut dan kecewalah mereka untuk satu masa yang sangat lama.

Bila kita membincangkan kes raja-raja, kita kena ingat apa itu yang dinamakan Semangat 46 yang sudah pun berdaftar sebagai sebuah parti politik yang dipimpin oleh

anak raja Kelantan Y.M. Tengku Razaleigh Hamzah. Penangungnya pula adalah Tunku Abdul Rahman. Persoalannya, apakah yang diperjuangkan oleh Datuk Onn itu disadari oleh mereka yang sudah melahirkan parti Semangat Mex Micheal hari ini?

Datuk Onn cuba kembalikan maruah bangsa Melayu. Datuk Onn tidak pergi bersekongkol dengan pihak istana dan menentang kuasa yang sudah ada pada orang Melayu. Datuk Onn juga tidak bersubahat dengan orang Cina yang tidak senang pada raja-raja seperti yang berlaku di dalam angkatan ummah hari ini. Mereka bersekongkol dengan parti bersemangat Cina, DAP.

Datuk Onn memberikan kesedaran pada raja-raja tentang peranan mereka. Semangat 46 yang dibawa oleh Datuk Onn bukan untuk mengembalikan kerusi-kerusi kepada menteri dan wakil-wakil rakyat yang sudah kehilangan kuasa kerana kesilapan diri sendiri. Beliau sama sekali tidak menggunakan pihak istana untuk menentang kerajaan yang dipunyai oleh rakyat.

Ketika itu perjuangan Dato Onn dan pengikutnya ikhlas. Mereka memperjuangkan agama, bangsa dan tanah air, bukannya perjuangan untuk diri sendiri atau untuk beberapa kerat manusia yang sudah desperado. Yang ditentang oleh mereka adalah penjajah Inggeris yang hendak menjajah negara kita. Siapakah yang ditentang oleh ahli parti 46-PAS dan DAP? Siapa? Adakah bangsa asing yang cuba hendak menjajah kita semula? Ada? Tak ada pun. Kita tidak diserang oleh musuh dari luar yang memerlukan rakyat bangun bersatu dan menentang. Kerajaan mana yang jadi puppet? Kerajaan kita bukan puppet. Dr. Mahathir bukan seorang boneka, diktator pun bukan. Siapa sebenarnya yang menjadi *'golden puppets on the string'*? Siapa yang bermain politik wayang kulit? Jangan tepuk dada tanya selera, tapi tepuklah akal yang waras dan tanya budi bicara.

Hari ini anggota Semangat 46 gunakan nama Datuk Onn untuk menentang dan mengembalikan negara ke dalam keadaan huru hara, untuk apa? Suruh orang Melayu bergaduh sesama sendiri, pasal apa? Gunakan raja-raja untuk jatuhkan pemimpin Melayu yang sedia ada, kenapa? Mereka gagal di Kelantan, di Selangor pula mereka buat angkara. Mohd Taib pula yang jadi sasarannya. Kenapa?

Berbalik kepada cerita **Malayan Union** dan sejarah **revolusi istana** dan **rakyat** tadi, semasa negara kita dijajah oleh Inggeris, adalah agak sukar bagi kita membuat tanggapan terhadap reaksi orang Melayu kepada pemerintahan kolonial ini. Adalah lebih sukar lagi bila kita mengambil kira apakah yang ada di dalam fikiran raja-raja Melayu kita di zaman itu. **Kecuali Raja Abdullah yang tidak tunduk kepada kehendak pemerintah Inggeris, raja-raja yang lain dilihat seolah-olah mempunyai pendirian yang berbeza.** Mereka seolah-olah lebih mementingkan takhta, wanita dan harta dari rakyat jelata.

Ini mungkin berlaku disebabkan adanya perebutan kuasa di kalangan raja-raja di dalam sesuatu negeri. Raja sama raja tidak bersatu, raja berbalah, berebut kuasa. Dan Inggeris amat sedar dengan adanya gejala-gejala yang seperti ini maka mudahlah untuk mereka untuk mengambil kesempatan. Ini memang kerja Inggeris. **'Divide and rule'**; pecah dan perintah. British jadi hakim buruk. Yang untung British, yang rugi raja dan rakyat Melayu. Hari ini bunga-bunga raja sama raja berbalah sudah dapat disaksikan oleh rakyat. Inilah yang patut kita bimbangkan kalau kita masih sayangkan raja-raja kita.

Sejarah sering membuktikan campurtangan Inggeris dalam soal-soal Istana. Dan Inggeris senantiasanya memihak kepada pewaris-pewaris raja yang terlibat dalam pergelutan merebut kuasa dengan memihak kepada mereka yang difikirkan dapat membantu pemerintah kolonial Inggeris dalam menguasai negara ini.

Sifat penjajah lebih kurang sama dengan sifat komunis. Sekali komunis tetap komunis. Sekali menjajah sampai dunia kiamat pun mereka mahu terus menjajah. Apakah tidak mungkin istana kini dimasuki oleh komunis seperti anai-anai masuk ke dalam rumah?

Akhirnya dalam awal tahun 1946, hampir kesemua raja-raja Melayu yang bertakhta di negara ini telah berjaya dipujuk dan dipengaruhi oleh British. Inilah detik-detik penubuhan **Malayan Union**.

Dalam hal ini kita merasa aneh mengapakah Raja-raja Melayu yang menjadi tunggak kerajaan dan ketuanan Melayu yang sepatutnya menjadi payung kepada rakyat jelata dengan mudah menandatangani persetujuan bagi penubuhan **Malayan Union**. Kenapa? Tidakkah mereka takut pada Allah kerana menyerahkan diri dan rakyat kepada pemerintahan kafir seperti yang dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman terhadap umat Islam di Singapura. Sanggupkah Tunku menanggung segala dosa yang sebesar ini?

Soalnya berbalik kepada keimanan dan ketakwaan. Raja-raja Melayu ketika itu tidak memikirkan bahawa dunia ini pinjam-pinjaman. Yang penting kepada raja-raja ketika itu ialah keistimewaan mereka dan keluarga masing-masing tidak terjejas. Ketiga-tiga tajuk itu, takhta, wanita dan harta tidak dapat dipisah atau dikorbankan untuk rakyat dan negara. Kalau ketika itu ada raja Melayu yang memikirkan bahawa baginda adalah payung kepada rakyat, baginda mesti mengambil kira kepentingan-kepentingan rakyat mereka. Awal-awal lagi tentu raja-raja sekalian tidak menandatangani dan menyerahkan negara dan rakyat untuk dijajah.

Siapa lagi kalau bukan seorang rakyat, anak Melayu yang berjiwa pahlawan yang telah menyelamatkan kita semua dari rencana jahat Inggeris. **Seorang anak Johor**

yang bernama **Datuk Onn Bin Jaafar** telah menyatukan kesemua pertubuhan-pertubuhan Melayu di bawah sebuah parti yang tertubuh pada **11 Mei 1946**. Rakyat Melayu bangun beramai-ramai dengan berani menentang penubuhan **Malayan Union**.

Datuk Onn telah mengadap raja-raja Melayu dan menggesa mereka supaya menarik balik persetujuan mereka terhadap penubuhan **Malayan Union**.

Usaha yang dilakukan oleh beliau demi menjaga kepentingan bangsa Melayu ini telah menyedarkan raja-raja Melayu. Seorang demi seorang raja telah menarik balik persetujuan mereka ke atas penubuhan **Malayan Union** dan terus memulaukan rancangan Inggeris itu. Siapakah yang telah memberikan kesedaran kepada raja-raja kalau bukan rakyat? Sebab itu **Datuk Onn** berani berkata **RAJA** itu **RAKYAT** dan **RAKYAT** ITU **RAJA**.

Dari penentangan **Malayan Union**, **UMNO** maju setapak lagi dan terus bergiat bagi mendapatkan kemerdekaan. Dan sebaik sahaja kemerdekaan tercapai, kuasa eksekutif yang dulunya terletak di tangan Inggeris kini berpindah kepada tangan orang Melayu, ke tangan rakyat bukan lagi di tangan raja-raja. Tapi parti Semangat 46 yang dipimpin oleh para kerabat diraja nampaknya mahu kembalikan semula kuasa eksekutif itu ke tangan raja.

Biar bagaimanapun pemilikan kuasa pemerintahan yang tertinggi itu tidak berapa dirasakan sangat oleh mana-mana raja mahupun rakyat ketika negara baru sahaja mencapai kemerdekaan. Ini kerana orang yang menduduki jawatan Perdana Menteri ketika itu adalah juga merupakan seorang yang berdarah raja dari Kedah, iaitu **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**.

Rakyat tidak berasa janggal akan hakikat ini kerana sebelum kedatangan Inggeris pun mereka telah diperintah

oleh raja mereka masing-masing. Begitulah juga halnya dengan raja-raja Melayu. Mereka juga tidak berasa bimbang kerana Tunku Abdul Rahman bukan dari kalangan biasa dan dianggap sebagai seorang yang boleh diharapkan untuk kepentingan-kepentingan mereka. Mereka terlupa bahawa di sinilah bermulanya revolusi senyap-senyap di antara istana dan rakyat. Rakyat dididik oleh anak raja untuk menyerahkan kembali negara ini kepada raja secara revolusi.

Sama ada pihak istana sedar atau tindak kuasa memerintah yang dulunya terletak di tangan mereka telah hilang sama sekali sejak kedatangan Inggeris. Tapi yang peliknya masih ada di antara mereka yang masih tetap mendewa-dewakan Inggeris dan kebudayaan yang dibawa oleh penjajah. Mereka tak ambil tahu bahawa kuasa tersebut tidak akan kembali semula ke tangan mereka walaupun sesudah Inggeris keluar dari negeri ini setelah Merdeka. Begitulah bijaknya penjajah Inggeris membuaikan kalangan istana hingga mereka terlena.

Ketiadaan kuasa pemerintahan oleh raja-raja ini diperjelaskan lagi di dalam Perlembagaan Malaya yang baru digubal, mereka juga tidak ambil tahu.

Namun setelah Tunku meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, proses pemerintahan oleh rakyat ini terus berjalan tanpa sebarang gangguan dari pihak istana. Raja-raja Melayu sekalian memahami peranan dan tugas mereka. Mereka juga berpuas hati dengan keistimewaan-keistimewaan, keutamaan serta kedaulatan mereka yang dilindungi oleh undang-undang. Dan rakyat serta pemerintah juga menghormati kedudukan dan kedaulatan raja-raja Melayu sekalian.

Di antara tarikh mencapai kemerdekaan hingga sekarang terdapat sebilangan raja yang telah mangkat dan digantikan dengan raja-raja baru yang mewarisi takhta. Di

antara mereka itu ada yang menuntut di luar negeri dalam berbagai jurusan, ada yang mendapatkan latihan ketenteraan, ada yang mendapatkan pendidikan agama dan ada juga yang tidak lulus peperiksaan sekolah menengah rendah pun. Inilah jenis raja-raja Melayu yang memiliki takhta kerajaan bangsa Melayu hari ini.

Kebanyakan mereka yang berpendidikan formal, faham dan menghormati hak-hak rakyat mereka di dalam Perlembagaan. Mereka yang tidak berkesempatan menuntut di luar negeri atau mendapat pendidikan formal yang lain mendapatkan nasihat dari Menteri-menteri Besar mereka dalam hal-hal Perlembagaan. Dan ada juga di antara mereka yang tidak begitu faham tentang Perlembagaan, tidak menghormati Perlembagaan dan mengambil sikap sombong dengan tidak mahu mendapatkan nasihat dari Menteri Besar, tapi sebaliknya mengambil nasihat dari orang-orang yang bercita-cita untuk menjadi Menteri Besar. Janganlah hendaknya mendengar guruh di langit air di tempayan dicurahkan.

Namun hakikat ini tidak boleh dihairankan sangat. Raja-raja adalah juga manusia biasa. Dan perkara-perkara seperti ini adalah lumrah. Manusia memang mempunyai sifat leka dan alpa.

Begitu juga dengan halnya tentang perangai, pekerti dan kegemaran masing-masing. Mereka juga turut terpengaruh kepada Wanita, Harta dan Takhta.

Ada raja-raja mereka yang tidak begitu menghiraukan hal ehwal rakyat. Sebaliknya mereka pula yang merebut harta yang sepatutnya menjadi milik rakyat untuk dibahagi-bahagikan kepada kaum kerabat mereka. Mereka ini ada yang membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk keluar negeri dan sebagainya. Peruntukan untuk membuat sekolah agama di Selangor terpaksa ditangguh entah sampai bila, kerana wang 12 juta terpaksa dibe-

lanjakan untuk memperbesar dan memperindahkan istana, kerana ada keluarga diraja dari luar negeri nak berkunjung ke Selangor. Wangnya yang berbelas-belas juta dibelanjakan untuk membesarkan dan mengindahkan istana. Antara mereka ada juga yang melakukan amalan-amalan yang tidak begitu baik dari segi keagamaan dan yang mereka tak patut lakukan kerana mereka adalah ketua agama. Tapi apa boleh buat, mereka berada di tempat **'above the law'**. Siapa pun tak berani cakap apa-apa di depan mereka atau keluarga mereka. Ada dewan penasihat, semua jadi tukang angguk. Depan rakyat mereka jadi pejuang rakyat, tapi sebenarnya mereka inilah manusia hipokrit. Merekalah tukang kipas raja yang telah mendapat peluang jadi batu ronson.

Sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab menteri-menteri untuk menasihati raja terutamanya dalam perilaku yang boleh menjatuhkan imej raja itu sendiri serta negara. Namun ini dirasakan agak sukar untuk diterima oleh raja-raja yang terlibat kerana raja pun tahu ramai di antara menteri-menteri yang melakukan rasuah. Menteri pun ramai yang mengerjakan perbuatan-perbuatan mungkar. Jadi macam mana raja-raja yang terlibat mahu menurut nasihat mereka? Sebab itu kita perlukan menteri yang hidup cara Islam, tidak buat maksiat, berzina, minum arak dan berjudi sesuka hati.

Ada ulama dan penasihat agama pun, mereka ini bersifat oportunist. Mereka jadikan diri mereka ulamak siang hari. Raja-raja mahu hidup dan mahu berbelanja lebih dari menteri tapi tidak mempunyai peluang luas terbuka untuk mendapatkan wang sepertimana peluang yang ada di tangan menteri-menteri. Jadi mereka kenalah minta peluang berniaga dari Menteri. Bila tak dapat, tahu-tahu sajalah.

Orang Melayu yang umurnya melebihi 40 tahun merasakan biar bagaimana buruk sekalipun kelakuan seorang raja itu ia tetap menjadi payung kepada rakyat

negerinya. Dalam satu segi, adalah merupakan satu kelebihan seseorang rakyat yang dapat bernaung di bawah payung seseorang raja. Tetapi bagi mereka yang berumur di bawah 20 tahun, Raja tak punya apa-apa erti. Apa lagi mereka yang datangnya dari keluarga yang kaya dan dari keluarga yang mempunyai kuasa politik. Mereka selalu bercakap sesama sendiri. Bayangkanlah berapa kerat sahaja rakyat dunia ini yang dapat bernaung di bawah seorang raja?

Sesekali seronok juga kita rakyat di Malaysia ini. Perihal Raja-raja kita ini boleh dimasukkan ke dalam catatan **Guinness World of Record** kerana negara kita mempunyai bilangan raja yang paling ramai di dunia. Dalam dunia hari ini ada lebih kurang 20 orang raja. 9 yang bersemayam di Malaysia, itu tidak termasuk DYMM Yang Dipertuan Agong, lima YDP Negeri Sembilan, Raja besar, Raja Kecil, Raja Dihulu dan Raja Bungsu di Perak. Amerika Syarikat yang besar itu pun diperintah oleh seorang Presiden saja.

Menyentuh tentang rakyat, rakyat yang bagaimanakah yang boleh bernaung di bawah tampuk pemerintahan raja.

Walau bagaimanapun **revolusi istana** telah dimulakan oleh Baginda Sultan Pahang yang amat mengambil berat tentang rakyat selaku Yang DiPertuan Agong. Baginda telah banyak memecahkan tradisi dengan bergaul bebas dengan rakyat. Rakyat senang dan gembira menyambut baginda. Kita boleh bergurau dan berbual dengan baginda seperti kita berbual dengan rakyat biasa. Tidak terasa adanya perasaan sombong dan angkuh seorang raja pada diri baginda sama ada semasa menjadi Agong atau sebagai Sultan Pahang.

Kesinambungan revolusi ini semakin menyerlah lagi bila Baginda Almutawakil ditabalkan menjadi Sultan Johor, dan kemudiannya sebagai Yang DiPertuan Agong. Inilah revolusi istana yang saya maksudkan.

Baginda Almutawakil telah menunjukkan bagaimana raja di zaman sains dan teknologi patut berbuat baik untuk menyesuaikan diri dengan rakyat yang sudah 40 tahun merdeka.

Adapun rakyat yang bernaung dengan raja ialah rakyat yang menjadi warganegara negara ini seperti yang dipe-runtukkan dalam Jadual Kedua Perlembagaan.

Seorang rakan saya dari sebuah negara Islam yang pernah berkunjung ke Malaysia pernah menyatakan rasa tertariknya terhadap institusi raja. Kawan saya itu turut berasa bangga dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh Al-Mutawakkil sebagai Yang Dipertuan Agong dan Raja Malaysia.

Semasa di Kuala Lumpur, kawan saya itu telah me-minta saya supaya membawanya ke tempat-tempat yang bersejarah. Tempat pertama yang ingin dilawatnya ialah Makam Yang DiPertuan Agong. Ini kerana menurut pem-bacaannya sebelum tiba di sini dulu, Malaysia telah mem-punyai tujuh orang Yang Dipertuan Agong (Ketika itu Sul-tan Johor masih lagi memegang Jawatan Yang DiPertuan Agong).

Kepadanya, saya katakan bahawa dari sejumlah lapan orang yang menjadi Yang Dipertuan Agong, lima dari mereka itu masih lagi hidup. Tiga lagi telah pun mangkat. Jadi kawan saya itu mendesak saya supaya membawanya melawat ke makam-makam Yang DiPertuan Agong yang telah mangkat itu.

Saya pun menjelaskan kepadanya bahawa kita tidak mempunyai makam Yang DiPertuan Agong.

Kawan saya itu terkejut. "Tapi bukankah Malaysia mempunyai Makam Pahlawan?" katanya kepada saya.

"Itu benar," jawab saya. "Tapi kita memang tidak mempunyai makam yang dikhaskan untuk Sultan yang telah dilantik menjadi Yang Dipertuan Agong Malaysia."

"Bukankah Raja itu penting dan sudah sepatutnyalah mereka yang mangkat semasa menjadi Yang Dipertuan Agung mesti ditempatkan di sebuah makam yang khas, sekurang-kurangnya adalah macam Agong" katanya lagi.

Saya kira apa yang dikatakan oleh kawan saya itu memang betul. Selepas 30 tahun merdeka dan setelah kesemua sembilan-sembilan raja dilantik untuk menjadi Yang Dipertuan Agung masih belum ada lagi sebuah makam pun yang dikhaskan untuk Yang DiPertuan Agung.

Saya kira sudah sampai masanya Kerajaan dan Majlis-majlis raja-raja memikirkan tentang perkara ini.

Raja-raja Melayu adalah sembilan orang yang mempunyai keutamaan yang tertinggi sekali dalam negara kita ini. Namun mereka tidak mempunyai kuasa untuk memerintah rakyat secara mutlak. Oleh itu adalah amat penting bagi mereka menjalankan apa-apa kuasa yang masih lagi ada di tangan mereka dengan sebaik-baiknya. Jika raja-raja tidak melaksanakan tanggungjawab yang telah dinyatakan bagi mereka di dalam Perlembagaan, mereka akan menyesal. Hidup ini bukan lama sangat dan yang tidak memutuskan seorang Mukmin dari akhirat ialah tiga amal. Pertama, amalan diri, anak yang saleh dan amal jariah bila mati semua tinggal. Takhta, wanita dan harta. Dalam kubur seorang diri, siapakah yang akan menemani kita?

3

RAJA LEKUK RAJA KELAWAR

"DYMM Sultan Kelantan menzahirkan rahsia bagaimana Baginda kena mainkan".

Tajuk Rencana Pengarang Akhbar Majlis
21 Februari 1946.

MAIN poker atau apa juga jenis permainan yang menggunakan daun poker, kami adik beradik diharamkan bermain atau membawanya masuk ke dalam rumah. Itu pesan ayah. Saya taat perintah ayah hingga ke hari ini, dan saya jadikan amalan dalam rumah tangga saya. Saya tak pandai main. Permainan ini boleh membawa kepada kepapaan. Biar bagaimanapun itu tidak bererti saya tidak pernah tengok orang main judi dengan menggunakan daun pakau. Apa yang tidak saya pernah lakukan cuma turut terlibat dalam perjudian sama ada yang dihalalkan oleh kerajaan, apalagi judi haram.

Semasa hendak menulis buku ini saya terpaksa mencari sepasang daun pakau untuk melihat raja-raja dalam daun poker yang sentiasa dipermainkan orang. Raja-raja dalam daun pakau atau juga disebut daun terup ini adalah raja-raja yang akan kekal hingga ke akhir zaman nanti.

Dalam permainan daun pakau ini, keempat-empat daun raja iaitu Raja Retin, Raja Kelawar, Raja Lekuk dan Raja Sekopong mempunyai kedudukan yang istimewa. Kalau kita main '*colet*,' misalnya daun Raja boleh mengalahkan daun-daun lain. Begitu juga dalam permainan '*pair*'. Orang yang bernasib baik mempunyai tiga keping daun Raja, bolehlah duduk diam rileks sambil goyang kaki sebab peluang dia untuk menang memang cerah.

Permainan daun pakau ataupun daun terup ini mengingatkan kita bahawa Raja-raja ini adalah untuk bermain dan dipermainkan. Sungguhpun seseorang pemain itu mempunyai banyak daun-daun raja, ini belumlah boleh menyebabkan pemain itu dapat menguasai permainan. Ini kerana ada lagi daun-daun yang lebih berkuasa dari daun-daun raja. Daun-daun '*ace*' atau juga di- sebut '*sat*' boleh mengalahkan daun-daun Raja. Agaknya orang yang mula-mula mencipta permainan ini tahu bahawa ada satu kuasa yang lebih tinggi dari kuasa-kuasa Raja. Sebab itulah agaknya Raja Poker, Raja Retin, Raja Lekok dan Raja Kelawar.

Daun pakau ini ialah satu contoh sahaja di mana kekuasaan raja dijadikan sebagai satu simbol. Ada juga raja yang benar-benar hidup dalam sejarah yang dijadikan sebagai simbol seks kaum lelaki. Kalau simbol seks kaum wanita ialah mendiang Marilyn Monroe, maka simbol seks kaum lelaki ialah King Henry VIII. Semua orang British tahu King Henry ini memang kaki betina. Dia sanggup memecahkan tradisi keturunan takhta kerajaan England semata-mata kerana gilakan perempuan. Kalau ada masa cubalah anda rajin-rajin sikit baca sejarah King Henry ini dengan Ratu Ann.

Dari segi hikayat pula, watak raja memang popular. Kalau rakyat England tahu tentang cerita asal usul Raja Arthur itu ialah seorang budak miskin yang berjaya mencabut pedang Excalibur dari sebuah batu, maka begitu

jugalah dengan rakyat Malaysia terutama sekali rakyat negeri Kelantan Darul Iman yang mempunyai legenda yang tersendiri. Menurut hikayat Wan Pok Wan Malini, asal usul raja Kelantan ini kononnya dari muntah lembu.

Ada orang kata hikayat Raja Arthur itu benar. Sebab itu mereka katakan Raja Arthur itu sebagai semi-legenda. Begitulah juga halnya dengan hikayat Wan Pok Wan Malini, yang didakwa oleh sesetengah rakyat Kelantan sebagai kisah yang 'authentic'.

Sama ada kisah-kisah ini benar atau tidak tentulah sukar nak kita sahkan. Bagi rakyat England mereka mula mempunyai raja dalam kurun kelapan. Dan bagi rakyat di negara ini, kita hanya mengenal raja mulai tahun 1455 ketika Sultan Muzaffar Shah memerintah Kerajaan Melayu Melaka. Namun raja England masih tetap bertakhta sehingga sekarang sementara raja Melaka sudah luput ditelan sejarah.

Namun, kita tak tahu apa yang telah mendorong Sir Thomas Malory menghidupkan watak Raja Arthur. Apa yang kita tahu, raja-raja England di zaman dulu memang zalim. Jadi untuk mengingatkan generasi akan datang tentang kezaliman dan keadilan raja ini, Thomas Malory telah menulis di akhir cerita:

"Disinilah bersemadinya Arthur, seorang raja di suatu masa dulu dan raja di suatu masa akan datang".

Mesej ini samalah seperti mesej pengarang Hang Tuah mengenai raja Melaka dan slogan klasik "Tak Melayu hilang di dunia". Sebagaimana 'Taming Sari' melambangkan ilmu dan kuasa, begitulah dengan Raja Arthur yang melambangkan keadilan.

Walau bagaimanapun sejarah dan legenda Raja-raja England dan juga raja-raja Melayu, tidaklah sehebat mana

kalau nak dibandingkan sejarah dan legenda raja-raja yang memerintah Negeri China.

Menurut tradisi rakyat Cina, sejarah negara itu bermula di Lembah Sungai Yangtze Kiang beribu-ribu tahun sebelum lahirnya agama Kristian. Legenda-legenda rakyat negara itu mengisahkan perihal seorang pencipta yang bernama Pan Ku yang kemudiannya digantikan secara turun-temurun oleh cakerawala-cakerawala dan akhirnya oleh dewa-dewa yang menyerupai manusia.

Dari dewa-dewa ini lahirlah lima orang raja termasuk seorang raja misali yang bernama Yao. Yao kemudian memilih seorang yang bernama Yu untuk menggantikannya. Dan setelah memerintah beberapa tahun lamanya, Yu melantik anaknya Hsia untuk menggantikannya menjadi raja. Semua peristiwa ini didakwa telah berlaku kira-kira 2197 tahun Sebelum Masihi.

Menurut cerita rakyat Cina konon, dinasti Hsia berakhir dengan satu pemberontakan yang menyebabkan tergulingnya raja terakhir dinasti ini disebabkan kezalimannya terhadap rakyat.

Dinasti Shang yang mengambil alih tampuk pemerintahan memerintah di antara tahun 1766 hingga 1122 S.M. sebelum rajanya yang terakhir digulingkan pula kerana kezaliman terhadap rakyat.

Selepas itu Negeri Cina diperintah oleh Dinasti Chou. Namun pemerintahan Dinasti Chou ini terpaksa juga berakhir pada abad kelima Sebelum Masehi disebabkan pergelutan kuasa yang mengakibatkan berlakunya sistem pecah dan perintah yang digelar dalam sejarah China sebagai **'The Period of the Warring States'**.

Dasar pecah dan perintah ini berakhir juga dalam abad yang keempat sebelum Hijrah apabila Shih Huang Ti

membentuk Empayar Cina serta menubuhkan Dinasti Chin. Nama Cina yang digunakan sekarang adalah mengambil sempena nama Dinasti Chin. Untuk mengekalkan kuasanya, Shih Huang Ti telah menitahkan supaya semua buku-buku ahli-ahli falsafah di zaman Dinasti Chou dibakar. Beliau takut kalau-kalau rakyatnya akan terpengaruh dengan falsafah-falsafah tersebut. Perbuatan ini seperti yang dilakukan oleh Muawiyah membakar dan menghapuskan hampir semua hadis yang ditulis oleh Imam Ali r.a, Imam Hussein dan Hassan; digantikan dengan hadis yang ditulis oleh ulama Suk agar umat Islam kembali semula ke zaman jahiliah.

Inilah yang akan berlaku apabila seorang raja takut kehilangan kuasa yang ada di tangannya. Saya harap tidak ada dari kalangan Raja-raja kita yang akan membakar buku-buku yang telah saya tulis setelah membaca buku **'REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT', WANITA TAKHTA DAN KUASA'** seperti mana Maharaja Shih Huang Ti membakar buku-buku Confucius dan Tsu-Su Ma Chein atau Yazid anak Muawiyah membakar buku-buku yang ditulis oleh Imam Ali.

Demi untuk mengekalkan kuasanya itu Maharaja Shih Huang Ti bukan sahaja membakar semua buku-buku, malah telah membina Tembok Besar Negeri Cina, satu-satunya struktur binaan buatan manusia yang boleh dilihat dari bulan. Tembok Besar yang panjangnya seribu lima ratus batu itu diperbuat dengan kukuh sebagai perisai kepada serangan-serangan dari luar. Sesungguhnya Tembok Besar ini adalah merupakan satu-satunya lambang kekuasaan raja yang teragung sekali yang pernah diketahui oleh manusia sepanjang zaman.

Tapi walau macam mana kukuh sekalipun tembok yang dibina, kekuasaan maharaja-maharaja Cina bukanlah diancam oleh musuh-musuh yang datang dari luar, sebaliknya kejatuhan mereka itu rata-rata disebabkan gejala-gejala yang berlaku di dalam negeri.

Sebagaimana dinasti-dinasti yang lain, Dinasti Chin juga tidak dapat bertahan untuk selama-lamanya. Dinasti itu terpaksa juga berakhir akibat terperangkapnya maharaja yang menggantikan Shih Huang Ti dengan permainan politik seorang **Gundik Istana**.

Begitulah juga halnya dengan dinasti-dinasti Han, Hsin, Han (baru), Sui, Tang, Sung, Ming dan Manchu yang semuanya terhapus akibat pemberontakan rakyat.

Maharaja Cina yang terakhir sekali ialah Henry Pu-Yi (1906-1967) dari dinasti Manchu. Beliau bagaimanapun hanyalah seorang maharaja boneka. Kalau nak tahu cerita tentang maharaja Cina yang terakhir sekali ini bacalah buku **'The Last Emperor'**. Kalau malas nak baca, tengok sahaja video cerita **'The Last Emperor'** ini. Dalam cerita itu anda akan dapat melihat sendiri detik-detik sedih di hari-hari terakhir seorang maharaja.

Begitulah yang terjadi kepada Maharaja terakhir Cina itu setelah rakyat tidak lagi mahukan beliau sebagai pemerintah negara.

Cerita politik Cina selepas maharaja terakhir ini semua orang tahu. Era terakhir ini bermula dalam Revolusi 1911 yang menyaksikan kebangkitan **'The Boxer Rebellion'**. Dan akhir sekali dan yang kekal sehingga ke hari ini, Cina jatuh ke tangan komunis.

Mengapakah saya bawa cerita sejarah Cina ini dalam buku **WANITA TAKHTA DAN KUASA** ini? Apakah kaitannya dengan masyarakat Malaysia?

Sebenarnya sejarah Cina mempunyai banyak kaitannya dengan sejarah kita. Dalam sejarah kesultanan Melayu Melaka misalnya, terdapat seorang puteri Cina yang bernama Hang Li Po diperisterikan oleh Sultan Melaka. Laksamana Cheng Ho pula melawat Melaka dalam tahun 1409,

belum lama sangat, baru 580 tahun saja. Dan dalam sejarah moden Cina pula gerakan Kuomintang yang mencetuskan Revolusi 1911 di Cina mempunyai cawangan-cawangan-nya di Malaya.

Menurut kertas kerja bertajuk **'The 1911 Revolution and the Kuomintang Movement in Malaya in Singapore, 1912-1925'** yang dibentangkan oleh C.F. Fong di satu persidangan mengenai **'Revolusi Hsin-hai dan kaum Cina Nanyang'** yang berlangsung di Taipei dalam tahun 1986, terdapat hampir empat puluh buah cawangan Kuomintang di seluruh Malaya yang bergiat dengan aktif dalam tahun-tahun yang dinyatakan itu.

British yang memerintah Malaya ketika itu tidak menghalang kegiatan-kegiatan pergerakan ini. Hakikat ini dijelaskan oleh C.F. Fong dalam kertas kerja tersebut yang saya petik seperti berikut:

"Dengan terbentuknya Kuomintang, didaftarkan di kedua-dua tempat iaitu di Singapura dan di Peking, satu kempen telah dijalankan bagi mendaftarkan cawangan-cawangan di Malaya di bawah kuasa pemerintahan British. Hasilnya, banyak cawangan-cawangan yang dibentuk sama ada dengan cara berdaftar ataupun tidak berdaftar di bawah Ordinan-Ordinan Pertubuhan (Socities Ordinances) di Negeri-negeri Selat dan juga di Negeri-negeri Melayu Bersekutu."

Suka atau tidak suka, kita terpaksa terima hakikat bahawa tiga juta kaum Cina yang menduduki negara kita ini dan telah menjadi warganegara Malaysia sama ada atas sebab *'naturalisation'* ataupun kelahiran, adalah generasi-generasi yang turun-temurun dari kumpulan masyarakat Cina yang mula-mula berhijrah ke Malaya serta yang menyokong Kuomintang. Datuk-nenek mereka telah awal-awal lagi menolak sistem pemerintahan beraja di tempat tumpah darah mereka iaitu di Cina.

Dengan mengambil kira pertalian sejarah yang semacam ini, kita terpaksa juga akur kepada hakikat bahawa kaum Cina masa kini, yang menjadi sebahagian rakyat Malaysia tidak mengambil peduli sangat tentang kewibawaan dan kedaulatan Raja-raja Melayu.

Sejak dari abad ke-17 lagi mereka sudah tahu tentang keburukan golongan istana. Itulah sebabnya Kung Fu Tzu atau dikenali juga sebagai Confucius pernah menulis dalam Ta-hsueh atau '*Great Learning*' falsafah seperti yang berikut:

'Matlamat teragung, terutama sekali bagi mereka yang berdarjat raja, ialah memupuk dan memelihara tingkah laku yang rasional sebagaimana yang telah dikurniakan kepada mereka itu; supaya ibarat cermin-cermin yang bersih, yang terhindar dari segala daki-daki yang mual, akan kembalilah mereka itu ke dalam kesuciannya yang asli. Ia hendaklah juga memelihara dan mengekalkan rakyatnya melalui contoh-contoh yang diperlakukannya sendiri. Dan, akhir sekali, ia mestilah sentiasa tegas dalam memelihara kemuliaan di tahap yang paling tinggi'.

Jadi rakyat berketurunan Cina di negara ini bukanlah tidak tahu adat beraja. Malah sembah menyembah ini sudah menjadi darah daging budaya dan tradisi orang-orang mereka. Tengoklah cara mereka menyembah Tok Pekong. Caranya tak banyak beza dengan cara orang-orang Melayu menyembah raja-raja mereka. Tapi bagi rakyat Johor Darul Takzim, cara yang semacam ini sudah tidak diamalkan lagi. Rakyat Johor tahu cara yang semacam ini adalah amat *unIslamic*. Allah saja yang berhak menerima sembah, tidak selain dari Allah.

Seorang raja adalah juga seorang manusia. Kita tidak boleh menyembah manusia. Kita sebagai umat Islam

sepatutnya belajar dari peristiwa wafatnya junjungan kita Nabi Muhammad SAW. Bagi mereka yang tak faham-faham juga iktibar di sebalik peristiwa itu, biarlah saya menceritakannya secara ringkas. Beginilah ceritanya:

Ketika keadaan tidak menentu di Madinah berikutan tersebarnya berita kewafatan Rasulullah, Saidina Umar dengan garangnya sedia memancung sesiapa saja yang mengatakan Muhammad telah wafat.

Tapi Saidina Abu Bakar yang ada di situ berjaya menenteramkan keadaan bila beliau berkata:

Sesiapa yang menyembah Muhammad, bahawa Muhammad telah mati, tetapi sesiapa menyembah Allah, bahawasanya Allah tetap hidup..."

Allah tetap hidup walaupun segala malaikat, syaitan, jin, rasul, nabi, raja, rakyat dan hamba sahaya telah mati.

Dan bagi rakyat Johor, ada cara lain yang lebih sesuai untuk memuliakan raja mereka. Dan bagi Sultan-sultan yang telah memerintah Johor termasuk Baginda Almutawakkil Sultan Iskandar sendiri, mereka tetap sedar bahawa rakyat Johor senantiasa memuliakan kerabat Diraja sebagai keturunan yang berdaulat kerana Raja mereka berani menegakkan hukum Allah. Raja bagi mereka bukan sahaja lambang kekuasaan dan kedaulatan negeri, bahkan raja adalah khalifah yang menjalankan amanah Allah dalam meninggikan syiar Islam.

Tradisi yang mulia ini diteruskan oleh Baginda Al-Mutawakil Sultan Iskandar ketika baginda mula-mula dijadikan Sultan dan Yang DiPertuan bagi Negeri Johor Darul Takzim. Beginilah di antara lain titah baginda ketika berkhutbah fardhu Jumaat di Masjid Abu Bakar, Johor Bahru pada 15.5.1981.

"Saudara-saudara sekalian, kita mahukan rakyat kita sekalian memberikan nasihat dan buah

fikiran, sekiranya didapati apa-apa yang kita jalankan itu bertelingkah dengan hukum-hukum Allah dan Rasulnya serta adat istiadat Melayu. Keteguhan, keamanan dan kemakmuran negeri ini hanya dapat dicapai dengan semangat persaudaraan muhibbah, bersatu padu, maufakat dan rasa tanggungjawab setiap anak negeri ini melaksanakan tanggungjawab masing-masing, biar di mana sahaja dengan ikhlas, amanah, jujur zahir dan batin”.

Khutbah Jumaat pada 15.5.1981
di Mesid Sultan Abu Bakar,
Johor Bahru.

Ketika itu saya ada sama-sama di dalam masjid. Tun Hussein Onn ada sama dan mendengar titah Baginda Al-Mutawakil itu. Titah Tuanku Al-Mutawakil itu telah mengingatkan saya kepada kata-kata permulaan Saidina Abu Bakar ketika diserahkan tampuk pemerintahan. Beginilah kata-kata khalifah Islam yang pertama itu:

“... jika apa yang aku lakukan ini benar, ikutlah aku; jika aku tersalah, betulkanlah aku dan jika aku menderhakai Allah, hapuskanlah aku...”

Dan Sultan Azlan Shah di hari Pertabalannya juga mengangkat sumpah dengan menjunjung Al-Quran dengan lafaz. Itulah sebabnya saya terpaksa mengingatkan mereka dan rakyat tentang tanggungjawab kita semua terhadap agama Islam.

Menurut Perlembagaan, seseorang Raja bagi sesuatu negeri adalah merupakan Ketua Agama Islam negeri itu. Peruntukan ini dibuat bukanlah sebab suka-suka nak buat saja. Ia dibuat kerana tidak ada kuasa yang lebih tinggi lagi dari kuasa Agama dan badan *'eksekutif'* yang dianggotai oleh segala macam ahli politik dan segala macam ide-

ologi politik tidak boleh menjalankan kuasa keagamaan ini. Kalau badan 'eksekutif' dibenarkan berbuat demikian, maka sudah tentu mereka akan turut mempolitikkan segala fatwa-fatwa agama mengikut selera dan sejajar dengan motif politik masing-masing.

Dulu semasa UMNO PAS bersetuju mengadakan perdebatan terbuka yang akan disiarkan secara langsung melalui televisyen, siapakah yang berkuasa menghentikan perdebatan itu dari diteruskan? UMNO ialah parti yang memerintah yang mempunyai kuasa tapi tidak termasuk kuasa agama. Maka itulah sebabnya Baginda Almutawakkil Sultan Johor yang ketika itu menjadi Yang Dipertuan Agong menitahkan agar perdebatan itu dibatalkan. Dan hak 'veto' yang semacam ini adalah satu keputusan yang muktamad yang ada di tangan Yang DiPertuan Agong dan Raja-raja Melayu.

Sebab itu saya nak bertanya, sebagai Ketua Agama dan khalifah yang diamanahkan oleh Allah untuk menadbir negeri Islam, berapa ramai rajakah yang telah berkhotbah di mimbar-mimbar masjid? Berapa ramaikah dari mereka itu yang faham masalah yang berkaitan dengan agama? Tugas siapakah yang mesti membetul dan menyeru mereka ini semua kalau bukan Ulama. Apa Ulama di keliling Raja dan anak-anak raja buat hingga ada di antara mereka yang tak tahu membezakan antara halal dan haram?

Dan berapa ramaikah dari Raja-Raja itu yang telah mengimamkan sebahyang rakyat? Sebagai Ketua Agama Islam, mengapakah mereka duduk di belakang imam yang digajikan oleh kuasa mereka ketika menunaikan solat berjemaah? Apakah mereka tidak tahu bahawa Nabi Muhammad yang jauh lebih mulia dari mereka itu mengimamkan setiap sembahyang yang Baginda hadiri? Umat yang kasihkan Muhammad akan sentiasa mencontohi perilaku nabinya.

Orang-orang Cina di Malaysia sudah lama menganggap Raja-raja Melayu sebagai lambang. Tapi lambang yang mereka maksudkan bukanlah lambang agama atau lambang tonggak bangsa Melayu.

Orang-orang Cina menganggap Raja-raja Melayu sebagai lambang kekayaan - lambang wang kerana dalam duit ada kepala agama. Justeru itu mereka buat baik dengan raja-raja Melayu. Tidak kurang juga yang bertepuk-tampar dengan golongan istana dan sama-sama berhibur di tempat-tempat tertentu yang istimewa yang dapat ditonton oleh rakyat. Bila dah baik dengan orang-orang istana, mereka yang sudah kaya akan bertambah kaya lagi. Yang tidak ada jasa pada tanahair dan juga bangsa Melayu pun turut mendapat gelaran-gelaran Datuk. Bila dah dapat gelaran Datuk senangnya mereka menggunakan nama raja-raja untuk buat duit tanpa mengira halal haram atau hal-hal yang boleh merosakkan rakyat dan negara.

Siapa yang tak tahu bahawa sikap kebanyakan orang Cina di negara ini hidup untuk buat duit saja. Bagi sesetengah orang Cina duit bukanlah Tuhan nombor dua, tapi sebenarnya adalah Tuhan nombor satu. Di tapak-tapak projek perumahan yang diusahakan oleh orang-orang Cina, kita boleh nampak pelbagai tok pekong didirikan. Tapi bila projek itu telah siap dan duit pun telah diperolehi dari hasil jualan rumah-rumah yang didirikan, maka pemaju-pemaju Cina itu membiarkan sahaja tok-tok pekong itu tanpa diambil peduli lagi. Mereka tidak akan menyembah tok pekong itu setiap pagi sebagaimana yang dilakukan pada setiap pagi dan petang sewaktu kerja-kerja pembinaan masih dalam peringkat pelaksanaan.

Bagi masyarakat Cina juga, raja itu adalah lambang keadilan. Sejarah negara ibunda telah mengajar mereka bahawa setiap raja yang pernah wujud dalam sejarah Cina semuanya habis digulingkan. Raja-raja mereka telah tidak memenuhi janji-janji mereka kepada rakyat. Raja-raja Cina

juga dianggap sebagai tidak mempunyai pengaruh moral yang sepatutnya.

Sun Tzu dalam bukunya **'The Art of War'** menjelaskan tentang **'pengaruh moral'** ini. Menurut Sun Tzu:

'Dengan pengaruh moral, saya bermaksud sesuatu yang menyebabkan rakyat senantiasa berada dalam keadaan harmoni dengan pemimpin-pemimpin mereka supaya mereka akan menemani mereka itu baik dalam masa hidup ataupun sesudah mati tanpa takut untuk menggadaikan nyawa.'

Pemimpin-pemimpin yang dimaksudkan oleh Sun Tzu ini termasuklah juga raja-raja Cina. Ini kerana dia tahu bahawa semasa zamannya ada raja yang tidak mengkotakan kata-katanya. Perkara ini pernah berlaku ke atas dirinya sendiri. Beginilah lebih kurang ceritanya:

Pada suatu masa Sun Tzu telah dipanggil mengadap Raja Ho-Lu. Dalam pertemuan itu Ho-Lu telah berkata, "Saya telahpun membaca ketiga-tiga belas bab yang ditulis oleh kamu. Apakah boleh kamu mengadakan satu percubaan kecil untuk menunjukkan kawalan pergerakan askar-askar?"

"Saya boleh," jawab Sun Tzu.

Ho-Lu bertanya lagi, "Bolehkah kamu menjalankan ujian ini dengan menggunakan wanita?"

"Boleh," jawab Sun Tzu.

Setelah raja bersetuju, baginda pun menitahkan 180 orang gundik-gundik yang dibawa dari istana baginda sendiri.

Sun Tzu membahagikan 180 orang wanita itu kepada dua pasukan yang setiap satunya di bawah perintah gun-

dik raja yang paling disayangi oleh Ho-Lu. Setelah menyusun dan mengatur askar-askar eksperimen ini, Sun Tzu pun bertanya, "Tahukah kamu semua di manakah jantung kamu, dan yang manakah tangan kiri dan tangan kanan serta belakang kamu?"

Kesemua wanita-wanita itu pun melaungkan, "Kami tahu."

Sun Tzu kemudian berkata lagi, "Bila saya memberi perintah 'Depan', kamu semua hendaklah menghadap ke arah di mana jantung kamu berada. Bila saya kata 'Kiri', pusinglah badan ke arah tangan kiri kamu, Bila saya kata kanan, pusingkan badan ke arah tangan kanan kamu. Dan bila saya kata 'Belakang', pusingkan badan ke arah belakang kamu."

Semua wanita-wanita itu pun berkata, "Kami faham".

Bila perintah ini telah dijelaskan, Sun Tzu pun membawa masuk alat-alat yang biasa digunakan untuk menghukum mereka yang tidak mematuhi perintah. Sun Tzu melakukan ini kerana dia mahu menunjukkan kepada raja bahawa dia serius dalam menjalankan tugasnya.

Sun Tzu kemudian memberikan perintahnya sebanyak tiga kali dan menjelaskan perintahnya itu sebanyak lima kali lagi. Setelah itu dia pun memalu gendang dan memekik, "Pusing Kanan!"

Tapi tidak seorang pun dari askar-askar itu yang mematuhi perintahnya. Sebaliknya mereka beramai-ramai ketawa melihat Sun Tzu.

Sun Tzu kemudian berkata, "Sekiranya arahan dan perintah tidak begitu jelas, ia adalah kesilapan pemerintah pasukan. Tapi bila ia telah dijelaskan dan tidak dilaksanakan menurut undang-undang tentera, ia adalah satu kesalahan yang dipertanggungjawabkan kepada pegawai-pegawai."

Raja Ho-Lu menyaksikan segala-gala yang berlaku dan anjung istananya. Resahnya bukan kepalang apabila melihat kedua-dua orang gundiknya sedang dalam perjalanan untuk menerima hukuman. Lalu beliau pun menghantar satu mesej kepada Sun Tzu yang berbunyi:

"Saya sudah pun mengetahui bahawa General (Sun Tzu) berkebolehan mengendalikan pasukannya. Tapi tanpa kedua-dua orang gundik saya ini, makanan saya tidak akan lazat. Adalah menjadi hasrat saya agar mereka berdua ini tidak dihukum."

Sun Tzu kemudian memberikan jawabannya kepada Ho-Lu, "Hamba telah pun menerima perlantikan sebagai pemerintah dan apabila pemerintah sedang mengepalai tenteranya, dia tidak perlu menurut perintah raja".

Selepas itu Sun Tzu menjalankan hukuman ke atas kedua-dua gundik Raja itu dan melantik dua orang pemerintah yang lain untuk mengepalai pasukan yang dibentuknya itu. Setelah siap dia pun meminta Ho-Lu menjalankan pemeriksaan.

Tapi baginda Raja enggan menjalankan pemeriksaan itu. Sun Tzu kemudian berkata;

"Raja hanya suka kepada cakap-cakap kosong sahaja. Dia tidak mampu mengamalkan apa yang telah dijanjikannya."

Begitulah halnya sikap raja Cina yang digambarkan oleh Sun Tzu, pengarang buku *'The Art of War'*.

Dato' Onn Jaafar yang tahu pasal sejarah Cina tak mahu sikap yang sama tertanam dalam jiwa raja-raja Melayu. Dalam persidangan agung **PEKEMBAR** pada pertengahan September 1947, beliau telah memaklumkan:

"rakyat jelata Melayu telah mengangkat dan meletak balik Raja-raja ke atas takhta Baginda tanpa menumpahkan darah. Untuk membalas jasa rakyat, Raja-raja hendaklah mengambil berat ke atas rakyat".

Apakah yang dimaksudkan oleh Dato' Onn, bila dia cakap begitu? Apakah jasa-jasa rakyat terhadap raja Melayu yang dimaksudkan oleh beliau?

Sebenarnya jasa-jasa yang dimaksudkannya itu ialah jasa-jasa mengembalikan semula raja-raja ke tempat yang sepatutnya sebelum mereka itu menerima nasib yang sama seperti raja-raja Cina dalam sejarah negara itu.

Dato' Onn sudah nampak akan bahaya triti yang dibawa oleh Harold Mac Michael. Dan sebenarnya raja-raja Melayu sendiri pun sudah hilang kuasa-kuasa mereka disebabkan mereka telah menandatangani triti itu. Di bawah ini saya perelaskan bagaimana satu demi satu sultan-sultan masuk ke perangkap yang menjerat leher mereka sendiri.

DYMM Sultan Triti Mac Michael	Tarikh Menandatangani
Johor	20 Oktober 1945
Pahang	2 November 1945
Negeri Sembilan	14 November 1945
Perak	22 November 1945
Kedah	2 Disember 1945
Perlis	4 Disember 1945
Kelantan	17 Disember 1945
Selangor	17 Disember 1945
Terengganu	21 Disember 1945

Dengan termaktubnya triti ini jelaslah seperti yang dikatakan oleh akhbar **MAJLIS** dalam rencana pengarangnya yang bertajuk "**SULTAN-SULTAN KENA MAIN**".

Mac Michael telah memutarbelitkan janjinya semasa ia meminta Raja-raja menandatangani perjanjian Malayan Union. Mac Michael telah mengocok Raja-raja Melayu macam daun terup. Yang berbeza cuma terup yang biasa dimainkan dalam kelab-kelab judi ada empat daun raja, tapi terup Mac Michael ada sembilan raja. Dan daun **Acenya** ialah kerajaan kolonial British.

Jadi, itulah yang dimaksudkan dengan jasa-jasa orang Melayu terhadap raja-raja mereka. Jasa ini amat besar. Kalau tidak kerana jasa-jasa ini, besar kemungkinan Raja-raja Melayu hanyalah merupakan sekadar catatan-catatan dalam sejarah seperti yang berlaku ke atas raja-raja di negara Cina. Ini kerana British tentu menggunakan daun '*terup Melayu*' ini untuk satu sesi permainan saja. Setelah itu daun-daun terup itu dianggap buruk dan dibuangkan sahaja.

4

'REVOLUSI PAS' VS REVOLUSI ISLAM IRAN

"Hujan, kebuluran dan peperangan yang tak henti-henti berlaku di Teluk Parsi, Ketaatan yang tak terbatas akan merosakkan raja, Yang menamatkannya - bermula di Perancis."

Nostradamus

IZINKAN saya memulakan bab ini dengan sebuah ramalan Nostradamus. Ini kerana di suatu masa dulu pun kerja membuat ramalan politik ini adalah kerja saya. Dan peminat saya tahu banyak ramalan-ramalan politik saya itu sudah menjadi kenyataan. Walaupun saya sudah tidak mahu lagi membuat kerja-kerja ramalan politik ini, namun saya mempunyai visi yang jelas tentang politik Melayu di masa-masa yang akan datang serta nasib mereka yang diamanahkan dengan tugas-tugas negara. Biar bagaimanapun, biarlah visi seperti itu menjadi rahsia peribadi saya sendiri.

Berbalik kepada ramalan di atas, ramalan yang dibuat oleh Nostradamus itu telah ditulisnya dalam tahun 1555.

Dalam tahun 1978, iaitu selepas 432 tahun catatan ramalan Nostradamus itu dibuat, Ayatollah Khomeini telah terbang ke Paris. Di sini dan pada ketika inilah kemuncak kemarahan Khomeini berada di tahap yang paling tinggi. Imam Khomeini yang dalam buangan di Perancis itu sudah bersedia untuk mempraktikkan ideologi Islam yang ditulisnya dalam '**Kashf Ul-asrar**' yang antara lainnya saya petik seperti berikut:

"Agama adalah satu-satunya yang menghalang manusia daripada perbuatan khianat dan jenayah. Malangnya mereka yang berada di puncak negara Iran ini, mereka itu sama ada mengamalkan keimanan yang palsu atau tidak beriman sama sekali. Penghasut-penghasut yang hebat bercakap mempertahankan kepentingan negara sebenarnya memperjuangkan kepentingan mereka sendiri. Jika seorang bakal anggota parlimen terlalu banyak mencurahkan wang untuk membeli undi, itu hanyalah kerana dia mengharapkan akan membuat keuntungan yang lebih besar apabila dia terpilih nanti. Selepas beberapa bulan memegang jawatan, seorang menteri, yang kononnya miskin, akan mengumpulkan sebanyak-banyak kekayaan. Apakah mereka ini berkhidmat kepada negara dengan seluruh jiwa raga mereka?"

Lebih kurang setahun kemudian, iaitu pada 11 Februari 1979, seluruh dunia menyaksikan terciptanya sebuah epik di mana sebuah negara menolak secara total segala fahaman **atheist, tahgut** dan gagasan-gagasan peradaban Barat. Inilah 'revolusi' yang dilakukan oleh rakyat yang tertindas yang dinamakan kumpulan Mustdza'afin yang dipimpin oleh Ayatollah Khomeini.

Perjuangan untuk membela bangsa yang tertindas menentang pihak istana dan berhala-berhala putih yang

berada dibelakang mereka, membuatkan revolusi ini berjaya. Rakyat menyaksikan kuasa berpindah tangan, dari dinasti Shah yang berusia ribuan tahun kepada kedaulatan rakyat yang baru berumur setahun jagung. Pemimpin spiritual mereka yang sudah tua berjaya memimpin 45 juta rakyat menghadapi musuh-musuh Islam.

Jika tarikh 11 Februari adalah tarikh keramat bagi rakyat Iran, maka tarikh 11 Mei 1946 adalah tarikh keramat bagi bangsa Melayu kerana pada tarikh itu juga kita telah menyaksikan sebuah epik di mana bangsa Melayu menolak berhala putih dan memulakan usaha-usaha untuk mengembalikan kedaulatan agama, negara dan bangsa ke tangan rakyat.

Sekilas pandangan, Iran nampaknya tidak mempunyai masalah yang sama seperti apa yang dialami dan dihadapi oleh bangsa Melayu dalam tahun 1946 dan tahun-tahun sebelum itu. Namun transformasi sistem politik yang berlaku di Iran ini bukanlah disebabkan dinasti Pahlavi sudah jemu mewarisi takhta kerajaan Iran, atau Shah Reza Pahlavi sudah jelak jadi Raja Iran atau, sudah tidak mempunyai kesanggupan duduk di singgahsana diraja, tapi kerana kedaulatan rakyat sudah mengatasi kedaulatan yang di-bangga-banggakan dan diagung-agungkan oleh raja.

Siapa yang tak mahu jadi raja? Nak jadi raja sehari pun manusia terimpi-impikan segala macam benda-benda yang seronok lagi menyeronokkan. Inikan pula jadi raja yang berkuasa bagi sebuah negara yang kaya dengan hasil eksport minyaknya. Tentulah banyak lagi benda-benda seronok yang boleh dinikmati. Tapi kerana semua ini pinjam-pinjaman belaka, dan apa saja yang dipinjamkan Tuhan boleh diambil semula, keluarga diraja tak sepatutnya berasa berduka-cita. Kehilangan sesuatu milik Tuhan kerana salah sendiri, tidak tahu menjaga amanah Allah.

Kalau nak difikirkan betul-betul mana ada manusia yang asal usulnya raja. Jika ada yang mendakwa sudah ratusan

atau ribuan tahun keturunan mereka memerintah dunia, kepada Tuhan ia masih baru kerana semua keturunan manusia asalnya dari Adam dan Hawa. Nabi Adam adalah manusia biasa. Nabi Adam bukan raja, dia manusia biasa yang dijadikan dari tanah. Masa dijadikan tak ada satu manusia pun yang datang menyembahnya, dia pun tak minta supaya dirinya disembah.

Sejarah raja-raja ini terjadi seperti sejarah hukum rimba di zaman dulu kala.

Siapa kuat dialah menjadi raja. Lagipun kebanyakan dari mereka yang pernah menjadi raja, sama ada yang salah-silahnya telah terputus atau masih lagi menduduki takhta, adalah disebabkan satu hukum sahaja, "survival of the fittest", "siapa kuat dialah yang berkuasa" Siapa yang berkuasa dialah yang menjadi raja. Semua orang ikut kehendak dan perintahnya. Tapi kalau pada nama saja mereka itu raja, sedangkan mereka tidak lebih dari satu lambang, sepatutnya mereka berwaspada dan insaf tentang nasib masa dengan keluarga mereka.

Cuba kita pelajari sejarah raja-raja Islam yang bermula dari Muawiyah. Pada hal sesudah wafatnya Nabi, semua keempat-empat sahabat diangkat menjadi khalifah. Mereka itu tidak pula membentuk satu sistem kesultanan atau menjadi Raja secara turun temurun sehinggalah Muawwiah, yang telah melanggar tradisi khalifah dengan menggunakan pedang dan kuasa serta kekejaman dan kekerasan memaksa anaknya Yazid diterima menjadi Raja Muda sebagai pemangku Raja. Akhirnya apa yang telah terjadi kepada kesultanan yang diciptakan oleh Muawiyah itu? Apakah ia kekal sehingga ke hari ini? Tidak... dan sekali-kali tidak, bahkan mereka akan menerima pembalasan dan siksaan dari Allah akibat kezaliman mereka, terutama tragedi di padang Kerbala yang telah membinasakan Ahlil-bait dan mengembalikan keagungan Islam ke zaman jahiliah akibat ditunggang oleh nafsu syahwat mereka.

Raja Iran pun asal-usul datuk moyang mereka bukanlah raja. Di zaman moden kuasa-kuasa berhala putihlah yang meletakkan Pahlavi dan keluarga mereka sebagai boneka untuk merosak binasakan agama Allah. Memang Amerika dan Britain suka simpan boneka-boneka mereka di negara-negara Islam dengan tujuan untuk menguasai dan merosakkan umat Islam, supaya menghapuskan agama mereka dan berperang serta bergaduh sesama sendiri mengikut telunjuk raja-raja mereka yang keduniaan.

Peristiwa besar dalam sejarah Iran bukanlah berpunca dari satu gerakan besar-besaran, dan bukan juga dipengaruhi oleh apa-apa doktrin melainkan doktrin Islamiyah. Segala-galanya didasarkan dari kitab suci Al-Quran dan janji-janji Rasulullah SAW. Namun dari kaca mata Barat, revolusi Islam telah dibentuk dari idea-idea Islam yang dilaksanakan dalam bentuk baru, dalam konteks manusia dan masyarakatnya, tapi tidak diterima sebagai revolusi Islam.

Para rasul itu bangun memberontak untuk mengubah hati nurani manusia, bukan untuk menukarkan sistem ekonomi dan pentadbiran.

Apabila hati nurani manusia sudah berubah maka sistem yang lain-lain akan menyusuli secara automatis.

Inilah suatu contoh di mana di suatu sudut dunia yang pemimpin Islamnya tidak diterima oleh umat Islam yang berlainan mazhab telah berjaya menyelamatkan dirinya daripada tekanan dan kuku besi kuasa besar, tanpa meminta bantuan sebuah kuasa besar dan perlindungan dari orang lain, melainkan hanya memohon bantuan dan pertolongan Ilahi.

Inilah satu contoh di mana sekumpulan rakyat mustdza'afin yang tidak memiliki senjata dan kelengkapan

perang yang sofistikated, telah mampu menumbangkan sebuah kuasa besar dengan kepemimpinan seorang tua yang tidak mengharapkan apa-apa dari kepimpinannya. Pemimpin ini berjaya menentang kuasa-kuasa besar kerana bukan tidak perlukan tiga Ta. Tidak dapat dipenuhi oleh Takhta, Kuasa dan Wanita. Beliau tidak mahu Wanita, Takhta dan Kuasa melainkan keredaan Allah. Inilah juga yang telah dilakukan oleh Gautama Budha, seorang putera Raja yang tinggalkan Takhta, Wanita dan Harta, tapi terus disembah dan dipuja oleh pengikut dan penganut sesudah ribuan tahun Budha meninggalkan dunia yang fana ini.

Kejayaan Ayatollah Khomeini adalah disebabkan rakyat Iran telah bertindak atas perintah seorang pemimpin yang pendirian keagamaan dan kesarjanaannya telah begitu terkenal, dan ini didokong pula oleh sifat keimanan pemimpin itu yang membaja. Dan sesungguhnya kuasa rohaniyah pemimpin itulah yang telah dikuasai oleh penjajah selama 57 tahun lamanya. Kiranya ada pemimpin Islam yang lain sanggup mengatasi diri dari Tiga Ta Takhta, Wanita dan Harta - Islam akan menguasai dunia. Kerana mengikut Rasulullah, perang yang terbesar sesudah Perang Badar ialah perang nafsu.

Pengalaman rakyat Iran tidak seperti pengalaman nasionalis Melayu yang menggabungkan seluruh persatuan-persatuan dan pergerakan Melayu di Semenanjung dalam satu pertubuhan besar yang diberi nama UMNO. Pergerakan raksasa rakyat Iran wujud ketika tidak ada sebuah pun organisasi Islam yang padu di negara tersebut. Tidak ada sistem radio dan alat sebaran am yang dikuasai oleh golongan revolusioner. Satu-satu perhubungan antara rakyat dengan pemimpin ialah melalui pita-pita rakaman yang di dalamnya terkandung segala pengisytiharan-pengisytiharan dan kenyataan serta pesanan Imam Khomeini. Pita-pita rakaman itu disampaikan kepada rakyat melalui tenaga-tenaga yang separuh bersatu yang

terdiri daripada anggota-anggota saki-baki berbagai kumpulan Islam.

Cara Imam Khomeini menyebarkan ideologi dan kenyataan-kenyataan beliau melalui pita rakaman ini - walaupun tidak serupa - mengingatkan saya tentang pita-pita dengan isi penyampaian dan doktrin Islam yang merakamkan ucapan-ucapan Haji Hadi. Pita-pita yang semacam ini juga turut menjadi ilham kepada kumpulan-kumpulan tertentu dalam usaha mereka untuk melakukan kudeta bentuk moden bagi menggulingkan Dr. Mahathir semasa pilihan raya kecil di Johor Bahru, yang dilakukan oleh Shahrir pada tahun 1988.

Justeru itu kita terpaksa bertanya, apakah PAS ataupun Angkatan Perpaduan Ummah (APU) itu penting? Mereka yang bakal menjadi pengikutnya terpaksa memahami bahawa apa yang penting dan menentukan bernilai atau tidak bernilainya sesebuah organisasi itu ialah *matlamat* yang diperjuangkan oleh organisasi itu. Dalam konteks ini, perjuangan UMNO dan revolusi Iran tidak ada banyak bezanya. Yang membezakan hanyalah, tempat, masa dan bangsa yang terlibat. Kedua-dua perjuangan adalah perjuangan untuk menghancurkan gejala-gejala penyembahan berhala putih 'The White Gods'.

Biar bagaimanapun, terdapat ramai di kalangan pemimpin dan pengikut PAS yang menganggap perjuangan di Iran, baik sebelum mahupun sesudah revolusi, mempunyai kesamaan dengan perjuangan PAS di negara ini, iaitu perjuangan untuk menegakkan sebuah negara Islam.

PAS mendakwa bahawa Iran adalah sebuah negara Islam yang sepenuhnya, dan menolak sama sekali sebuah sistem yang berbentuk sekular. Justeru itu PAS pun lalu meniru-niru usaha Iran dengan melaungkan propaganda perjuangan ke arah sebuah negara yang '**non-sekular.**' Tapi dalam keghairahan itu, PAS terlupa bahawa

parti itu sendiri adalah sebuah parti yang '*sekular*'. Ini kerana PAS yang terlibat sama dalam perebutan kerusi-kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri adalah sebahagian dari sistem demokrasi '*sekular*' yang diamalkan di negara ini.

Nik Abdul Aziz yang dianggap sebagai seorang yang berilmu, sudah 25 tahun menganggotai PAS, parti yang asalnya dicadangkan oleh Ustaz Othman Hamzah sebagai Kesatuan Ulama Se-Malaya. Namun, oleh kerana tujuan pertubuhan ini untuk membentuk satu perikatan Islam, maka nama '*Persatuan Islam Se-Malaya*' adalah dirasakan lebih menasabah. Jadi sebagai sebuah perikatan Islam, apakah langkah-langkah positif yang telah diambil oleh PAS dalam masa suku dekad yang terakhir ini untuk mencerminkan perikatan Islam yang digambarkan oleh nama parti tersebut.

Jauh dari mengikat kesatuan umat di negara ini, PAS lebih berperanan dalam memecahkan perpaduan yang telah terbina di kalangan orang-orang Melayu dan orang-orang Islam di negara ini. Dari segi sumbangan negara, saya rasa Samy Vellu lebih banyak memberikan sumbangan dari Nik Aziz. Sebagai seorang yang pernah menjadi Ahli Parlimen, Samy Vellu telah memainkan peranannya dengan berkesan ke arah kemajuan negara. Kini setelah menjadi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri, apakah sumbangan Nik Aziz ke arah kemajuan negeri selain dari mahu kembalikan kerusi-kerusi pemimpin PAS yang sudah diambil balik oleh Allah?

Sejarah PAS membuktikan tidak adanya pentadbir yang berprestasi tinggi, tidak adanya pemikiran-pemikiran baru yang boleh memajukan Islam dan tidak adanya pemimpin-pemimpin yang berwibawa dan yang membawa satu-satu reformasi kepada umat Islam di negara ini.

Sebagai bukti, PAS pernah diamanahkan oleh rakyat untuk mentadbir Kelantan dan Terengganu. Tapi PAS

telah berlaku pecah amanah. Mandat rakyat yang diberikan kepada PAS ditarik balik oleh rakyat dan diberikan kepada UMNO. Berapa ramai umat Islam yang sesat telah dikembalikan oleh PAS kepada ajaran Islam yang sebenarnya, melainkan mereka sempitkan lagi jiwa dan pemikiran orang dengan memperjuangkan kepentingan PAS terlebih dahulu sebelum memperjuangkan amanat Allah.

Sejak PAS wujud hingga ke hari ini, berapa Orang Asli yang sudah di-Islamkan oleh PAS? Berapa kerat orang Cina yang sudah di-Islamkan oleh parti yang mendakwa memperjuangkan Islam itu? Berapa orang India yang PAS berjaya menyeru menjadi pengikut Nabi Muhammad? Berapa orang keturunan Portugis...? Berapa orang Benggali...? (D.J. Dave masuk Islam pun bukan kerana seruan PAS). Berapa...? Berapa...? Jawabnya: *tarak*. Janganlah tanya berapa orang Kadazan, Bidayauh dan lain-lain suku di Sabah dan Sarawak, jauh sangat dari Semenanjung Tanah Melayu bagi PAS. Yang ada di depan hidung pun PAS tak dapat Islamkan mereka, inikan pula yang berada jauh dari mata.

Itu belum lagi kita tanya macam mana dasar ekonomi Islam yang konon mahu dilaksanakan oleh PAS, seperti yang selalu dicakapkan oleh mereka kepada orang-orang kampung. Mampus para pemimpin PAS tak boleh jawab. Kalau macam ini, mana boleh pas. Kalau orang kampung tanya, mereka jawab, semuanya sudah ada dalam Al-Quran. Tengoklah... mereka mempermainkan Al-Quran untuk politik mereka. Jawab, "semuanya ada dalam Al-Quran", budak-budak pun boleh jawab. Tapi, macam mana ...?

Ayatollah Khomeini bukannya wakil tunggal umat Islam seluruh dunia. Dan begitu juga PAS. Parti itu bukanlah wakil tunggal Islam dalam Malaysia. Agama Islam tidak ada kena mengena dengan PAS. Islam bukan PAS. Islam

ialah agama dan wahyu dari Allah. PAS tidak memperjuangkan Islam sebagai satu ideologi politik. Sebaliknya PAS menggunakan Islam untuk kepentingan politik parti. Oleh itu PAS tidak lebih daripada sebuah parti politik yang lahir dan hidup dalam satu sistem politik yang '**SEKULAR**'.

Bercakap pasal sekularisme, kita terpaksa mengakui bahawa sekularisme memang tidak kurang pentingnya dalam ciri-ciri kehidupan zaman ini. Namun ini tidaklah bermakna kita mesti mengagung-agung dan mendewadewakan dasar sekularisme itu sehingga kita terpaksa mengorbankan nilai-nilai agama.

Bukankah Rasul pernah bersabda yang maksudnya:

'*Al-Hikmah*' itu adalah barang yang sudah hilang kepunyaan seorang mukmin, siapa saja dari orang mukmin yang terjumpa '*Al-Hikmah*' maka ia berhak untuk mengambilnya.

Seorang ulamak ada mengatakan:

Ambillah '*hikmah*' itu walaupun dari mulut orang gila, kerana kita sepatutnya nilaikan seseorang dari perkataannya, bukan lahiriahnya, apa salahnya kita mengambil berlian dari tong sampah?

Kita gunakan sekularisme setakat mana yang patut supaya kita dapat membentuk keupayaan fizikal bagi menentang '**Berhala putih**' dan gejala-gejala lain yang sentiasa mahu memusnahkan Islam. Dan kita juga mesti ingat bahawa, sekularisme itu bukanlah suatu agama tapi hanya satu pendapat.

Kamus *Dwi Bahasa* terbitan DBP memberikan makna **sekularisme** seperti berikut: "**Pendapat bahawa pendidikan dan kesesuaian tidak seharusnya didasarkan kepada agama**".

Kita terpaksa ingat bahawa ada banyak benda yang kita anggap sebagai sekular itu sebenarnya didasarkan dari agama sendiri. Kebanyakan cara mendidik anak-anak dan tata susila orang Melayu adalah selari dan selaras dengan ajaran agama kita, Islam. Contohnya yang mudah, menghormati guru, menghormati orang tua adalah tata susila orang Melayu yang sama sekali tidak bertentangan dengan agama. Jadi tak usahlah takut sangat pada pada perkataan "sekular" itu. Ia tidak berhantu.

Apakah pemimpin-pemimpin PAS ingat nak perintah negara ini macam nak buat apam balik? Apakah mereka ingat angkatan tentera Malaysia ini memadai dengan dibekalkan dengan pedang, tombak, kuda dan unta, kerana semua itu didasarkan dari sejarah Islam? Apakah segala persidangan pemimpin-pemimpin negara memadai diadakan di dalam khemah-khemah saja kerana senibina bangunan yang ada sekarang ini tidak didasarkan pada senibina Islam? Bolehkah kita lakukan ini semua, sedangkan kita sendiri adalah sebahagian dari sistem itu? Atau apakah di saat ini orang-orang PAS sedang merancang untuk mencipta senjata-senjata, bangunan-bangunan, alat-alat teknologi yang seratus peratus didasarkan atas Islam, dengan menolak segala alat-alat atau apa sahaja yang tercipta dari ilmu dan pemikiran sekular?

Orang UMNO adalah orang Islam juga. Ramai di antara mereka yang beriman dan bertakwa dengan Allah, Rasul dan kitabnya. Ada yang mencintai agamanya (Islam) lebih dari ibu-bapa mereka malah anak-isteri mereka. Sekiranya negara ini diancam oleh musuh Islam, ada orang UMNO yang akan menentang dan mempertahankan Islam mahupun dengan Jihad Fisabilillah. Cuma caranya saja berbeza dengan orang PAS. Hal inilah yang dieksploitasikan oleh orang PAS.

Ada pun pembohongan besar yang dilakukan oleh PAS ialah mereka meyakinkan diri mereka bahawa dengan izin

Allah segala-galanya boleh berlaku, termasuk juga mengambil alih pemerintahan negara ini.

Allah itu memang Maha Kaya dan Maha Kuasa. Allah berkuasa dengan dua perkataan: *Kun Fayakun*. Allah boleh menjadikan seluruh rakyat Jepun dengan negaranya menjadi negara Islam.

Tapi *Kun Fayakun* adalah kepunyaan Allah semata-mata. Manusia tak boleh gunakan *Kun Fayakun* kerana manusia itu bertaraf hamba. Hamba mesti berkerja keras untuk membebaskan diri menjadi manusia merdeka, sesudah itu terus berkerja untuk jadi tuan dalam negaranya sendiri. Tuhan beri manusia akal fikiran. Oleh itu kalau PAS nak memerintah negara, PAS mestilah berusaha dan bekerja keras tidak setakat melaungkan propaganda, berucap sana-sini dan menyebarkan kaset saja. Kalau setakat itu saja dan kemudian menyerahkan segala-galanya kepada Allah, tidak akan membawa PAS ke mana-mana.

Parti Islam yang bernama PAS kini diambang kerjasama dan pakatan politik dengan Kumpulan Serpihan UMNO yang sudah mendaftarkan diri sebagai parti Semangat 46.

Sejak era kepimpinan ulama di dalam PAS, ahli-ahlinya telah '**ditarbiyyahkan**' oleh pimpinan agar berjuang dan '**beristiqamah**' dalam perjuangan dengan prinsip Islam semata-mata, dan kini telah sehati di dalam jiwa mereka bahawa tidak ada tolak ansur dalam perjuangan yang bukan Islam (sekular).

Apakah Serpihan UMNO atau parti Semangat 46 yang ada sekarang ini berjuang untuk menegakkan Negara Islam di bumi Malaysia ini? Apakah mereka itu tidak '**sekular**'? Kalau pemimpin PAS benar-benar mahu berjuang untuk menegakkan Islam seperti yang dilakukan oleh mereka, maka parti itu kenalah membetulkan pendaftarannya dan bergiat di luar Malaysia seperti yang dilakukan

oleh Khomeini. Ini kerana selagi PAS berdaftar sebagai sebuah parti politik dan bergiat di bawah sistem '**demokrasi sekular**', maka perjuangan PAS akan selamanya diragui.

Temuramah Yang Dipertua Agung PAS Ustaz Fadzil Nor atau dikenali dengan nama baru 'Al-mursyid' dengan Chamil Waria dari **Utusan Malaysia** baru-baru ini, beliau menjelaskan bahawa PAS akan mengekalkan sistem **Raja Berperlembagaan** dan **sistem demokrasi berparlimen** yang diamalkan selama ini.

Ini jelaslah menunjukkan PAS sudah menerima realiti politik negara ini yang berbentuk sekular. Dengan itu boleh dikatakan PAS sendiri telah membuktikan bahawa memperjuangkan satu pemerintahan mengikut **sistem syariah** Islam sepenuhnya adalah satu khayalan saja dalam konteks politik Malaysia. Untuk apa Chamil Waria mengemukakan soalan seperti itu dan kenapa 'Al-mursyid' mesti menjawab begitu? Mereka berdua saja yang boleh menjawabnya.

Saya anggap kenyataan Ustaz Fadhil Nor bukan bertujuan melemahkan perjuangan PAS, tetapi beliau menunjukkan keikhlasannya sebagai seorang yang berilmu.

Siapa yang tak tahu yang PAS memang mempunyai pelbagai tabiat politik yang pelik. Selepas pilihanraya umum, PAS bersusah payah mencari sesuatu untuk mempertahankan '**momentum**' perjuangannya akibat kekalahannya yang selalunya teruk. Mereka cuba menarik perhatian khususnya kepada ahli-ahli PAS sendiri dengan menonjolkan parti ini sebagai sebuah gerakan '**Islamiah**'. Justeru itu mereka melaungkan sokongan terhadap '**Revolusi Islam**' dengan menyahut tindakan politik yang diambil oleh gerakan-gerakan Islam sedunia bagi mencipta satu *political gap*. Selari dengan itu mereka juga tampil ke hadapan untuk memberi sokongan terhadap perjuangan **Mujahidin di Afghanistan** dan **Hizbollah di**

Lubnan serta intifadah di Palestin. Yang jelas PAS terpaksa membuat sesuatu untuk *survival* politik.

Bila kita bercakap tentang isu '**Revolusi Islam Iran**', orang yang terbayang di kepala saya yang paling kuat sekali menyokongnya ialah Tuan Syed Jaffar Alsagoff. Saya kenal beliau sudah lama dulu. Syed Jaffar pernah ditahan di bawah tahanan ISA. Selepas ditahan di Kemunting, tempat perhimpunan politik selama setahun, beliau telah dibuang daerah di Rembau, Negeri Sembilan. Beliau masih lagi di bawah tahanan penggantungan ISA.

Sebelum ditahan di bawah ISA, Syed Jaffar telah menjalankan kegiatan propaganda '*Revolusi Islam*' lebih kurang 8 tahun. Ini bukan masa yang pendek. Beliau telah menggiatkan aktivitinya dengan berbagai cara mengadakan seminar-seminar, demonstrasi-demonstrasi bagi menyokong '*Revolusi Islam*'; menerbitkan risalah-risalah, menyebarkan ucapan-ucapan Imam Khomeini yang bersemangat serta gambar-gambar pemimpin revolusi itu. Malah beliau telah memainkan peranan membawa ulama-ulama, para intelek dan belia Islam untuk turut sama dalam pergerakan dan pertubuhan Islam, termasuk mereka yang dari parti PAS untuk melawat bumi Iran yang sedang dilanda revolusi itu.

Setelah beliau ditahan, PAS mengambil kesempatan dan mula bertindak dengan mengadakan demonstrasi-demonstrasi, kesan dari tindakan Syed Jaffar. Beliau telah dibantu oleh Iran, beliau diamanahkan untuk menyampaikan mesej '*Revolusi Islam*' yang gemilang ini dengan tujuan yang ikhlas tanpa didorong oleh apa-apa motivasi politik. Manakala PAS menyokong hanya untuk kepentingan politik partinya. Betul atau tidak biarlah pemimpin PAS yang menjawabnya.

Begitu juga tindak-tanduk PAS dalam menyokong perjuangan '**Mujahidin**' di Afghanistan dan '**Hizbollah**' di Lubnan serta '**intifadah**' di Palestin. Kumpulan yang telah

memberikan sokongan kuat terhadap isu Afghanistan dan Palestin ialah ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia). ABIM telah berjaya menyampaikan risalah dan mesej kepada umat Islam di Malaysia.

Oleh kerana PAS merasa ketinggalan di belakang, mereka mula bertindak, selalunya dengan demonstrasi untuk menarik perhatian umum. Inilah benda paling hebat yang PAS boleh lakukan untuk dapat meyakinkan orang Islam yang ia adalah gerakan Islam atau dengan bahasa Arab, '*harakatul Islamiah*'.

Sebenarnya, tindak-tindakan PAS tidak tentu hala dan kacau-bilau. Dalam suasana pilihanraya umum mahupun pilihanraya kecil, PAS mula menunjukkan belangnya dengan mempamerkan satu imej yang, kononnya, parti itu adalah satu-satunya parti politik '*alternatif*' kepada umat Islam Malaysia. Jadi tidak hairanlah siapa yang mereka sokong dan dengan siapa mereka itu bekerjasama, asal-kan ia dapat memberi keuntungan kepada parti itu. Dalam krisis Kerajaan Kelantan yang belum lagi selesai misalnya, PAS sanggup menggadaikan parti dengan mengikat kerjasama dengan Semangat 46 bekas serpihan UMNO, walaupun mereka tahu yang Tengku Razaleigh itu seorang sekular, kapitalis dan dari golongan feodal yang berjuang untuk kepentingan diri dan kumpulannya serta orang-orang tertentu semata-mata.

Walhasil, PAS ingin menjadi seperti seekor ikan yang mahu berenang dalam air, tapi dalam masa yang sama hendak menjadi seekor burung yang boleh terbang di udara. Ikan yang boleh hidup di laut dan melompat-lompat di darat ialah ikan tembakul. PAS pasti tahu rakyat bukan bengah seperti kebanyakan ahli-ahli PAS yang tidak mahu membuka pemikiran mereka walaupun mereka ada yang terdiri dari kalangan terpelajar.

Tentu ada perbezaan di antara sifat-sifat dan dasar gerakan Islam dengan parti-parti politik dalam sistem

demokrasi di mana PAS tertakluk dengan pelbagai syarat. Seperti terlebih dahulu menerima **Perlembagaan Malaysia, sistem Raja Berparlimen**, malah Perlembagaan parti PAS itu sendiri diresmikan oleh pemerintah (UMNO). Apa sebenarnya keistimewaan yang ada dalam PAS yang tak ada pada UMNO selain dari Tok Guru Nik Aziz dan Haji Hadi?

Iran yang dibina semula atas dasar Islam telah berjaya menangkis segala percubaan untuk memusnahkannya yang dilakukan oleh kekuatan para tentera kafir. Hakikat inilah yang telah menjadikan Iran sebagai satu contoh kejayaan Islam.

Kita juga telah melihat apa yang berlaku di luar Iran akibat dari teretusnya revolusi ini. Pendek kata, kegagalan tentera Soviet di Afghanistan, kegagalan Amerika dan Israel di negara-negara lain, dan lebih-lebih lagi kebangkitan umat Islam di seluruh dunia mencerminkan hakikat ini.

Semua orang tahu bahawa kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Soviet Union sedang melancarkan gerakan untuk menentang kebangkitan Islam di seluruh dunia dan menggantikannya dengan pengaruh-pengaruh kafir. Namun adalah dirasakan amat malang kerana umat Islam di seluruh dunia tidak pula bersatu dan menjalankan gerakan bersama secara besar-besaran untuk menangkis percubaan pihak-pihak ini. Contohnya di negara-negara Arab sendiri, umat-umat Islam berpecah-belah dan bertelagah sesama sendiri kerana telah tergoda oleh wanita, takhta dan kuasa. Begitu juga halnya di negara kita. Orang PAS punya pendapat mereka sendiri tentang Islam dan orang UMNO punya pendapat yang berlainan, tetapi pemimpin mereka masih pejuang keislaman yang hampir sama saja.

Bezanya, UMNO di Malaysia sentiasa membawa kemajuan-kemajuan dalam Islam, orang PAS cuba pula

mendiskreditkan kemajuan-kemajuan yang telah dilakukan itu.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menafikan bahawa '**revolusi**' yang berlaku di Iran, di bawah kepimpinan Imam Khomeini dan pembentukan sebuah negara Islam Iran telah memberikan suatu inspirasi dan kekuatan emosi, juga semangat dan psikologi baru kepada umat Islam seluruh dunia.

Imam Khomeini dalam wasiatnya yang setebal 29 mukasurat mengatakan dengan jelas;

"Saya belum berkata dan tidak akan kata bahawa pada hari ini di Republik ini Islam yang maha besar dan segala aspeknya telah terlaksana dan individu-individu yang masih jahil dan tidak berdisiplin tidak melakukan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan hukum-hukum Islam".

"Mesti juga diingati bahawa huru-hara, tindakan yang salah dan kepentingan diri tidak dapat dielakkan di mana-mana revolusi".

"Tetapi apa saya katakan ialah bahawa cabang-cabang perundangan, kehakiman dan pentadbiran akan cuba dan sedang cuba menjadikan negara ini Islam yang sepenuhnya".

Dr. Muhammad Haykel, seorang intelek Muslim dan pengarang yang terkenal di Mesir, dalam bukunya *The Life of Muhammad* terbitan American Trust Publications yang kini telah pun diterjemahkan oleh DBP, berkata:

Muhammad s.a.w menjadi pemimpin '**ummah**' Islam, menjadi **panglima** perangnya; ia menjadi **mufti**, menjadi **hakim** dan **organisator** seluruh jaringan komunikasi dalam

hubungan sesamanya dan antarabangsa. Dalam segala hal ia dapat menegakkan keadilan. Ia mempersatukan bangsa-bangsa dan kelompok-kelompok itu, sesuai dengan yang dapat diterima akal sehat. Ia telah memperlihatkan kemampuannya berfikir cepat dan tepat dengan keteguhan hati terhadap setiap kata dan perbuatan. Ia telah menjadi sumber ilmu dan pengetahuan. Ia menjadi lambang kefasihan, yang menyebabkan para ahli dalam bidang itu harus takluk dan menundukkan kepala, mengakui kebesaran dan kedahsyatannya. Akhirnya ia melepaskan dunia fana ini dengan rela hati atas pekerjaannya, yang juga sudah mendapat kerelaan Allah dan kaum Muslimin pula.

Kalau kita nak ceritakan satu persatu tentang sejarah, keadaan sosial, kebudayaan, latarbelakang politik dan ekonomi Iran dan menganalisa bagaimana revolusi tersebut tercetus, buku **Wanita, Takhta dan Kuasa** ini nanti jadi berleho-leho pula. Saya fikir cukuplah sekadar saya ceritakan pasal revolusi di Iran ini dengan seberapa ringkas yang boleh sebagai bahan fikiran, kerana pada 13 September 1989, Menteri Luar Iran ada mengunjungi Perdana Menteri kita, Datuk Sri Dr. Mahathir, untuk menambah rapatkan lagi hubungan dua negara Islam yang sudah pun terjalin.

Revolusi di Iran bermula apabila kembalinya Imam Khomeini ke Iran pada 1 Februari 1979, dan UMNO yang sudah mati diiktiraf sebagai hidup semula dalam istana besar Johor pada 11 Mei 1989. Mahathir menjadi orang buangan di zaman Tunku seperti Ayatollah Khomeini yang telah berada sekian lama dalam buangan. Beliau telah mencipta sejarah dengan memulangkan semula kuasa politik dan pemerintahan ke tangan rakyat daripada cengkaman rejim anti-Islam Amerika yang memeralatkan Shah Iran. Khomeini telah berjaya menatuhkan semua penyokong-penyokong yang setia kepada Shah Muhammad Reza Pahlavi seperti Mahathir menatuhkan pemimpin lama yang bersikap bendul tanpa mengeneipkan raja.

Islam di Iran adalah musuh utama penjajah. Oleh itu Shah Reza yang menjadi boneka bodoh kepada penjajah menentang apa sahaja yang difikirkan berlawanan dengan doktrin politik penjajah. Shah Reza juga menunjukkan kezaliman kuku besi, sehingga tidak ada sesiapa pun yang berani mengutarakan idea-idea keagamaan secara terbuka. Di antara kerja-kerja mungkar yang dilakukan oleh Shah Reza ini termasuklah mengharamkan syarahan-syarahan agama dan mengasingkan ulamak-ulamak Islam dari sisi masyarakat Iran.

Semasa Perang Dunia Kedua, Reza Khan membayangkan sokongannya terhadap pihak Nazi Jerman. Dengan yang demikian pihak Allies telah menghapuskannya. Tempatnya itu digantikan pula oleh anaknya Muhammad Reza.

Sebenarnya pihak penjajah telah mula menjalankan konspirasi politiknya di Iran sejak zaman dinasti Qajar memerintah negara tersebut lagi. Biar bagaimanapun, konspirasi-konspirasi yang dijalankan telah tidak menunjukkan kesan-kesan yang dikehendaki, sehinggalah Reza Khan berada di tampuk kekuasaan. Sebagai seorang pemimpin yang telah mendapatkan kuasa politik atas pertolongan pihak British, Shah Reza membawa masuk segala macam pengaruh-pengaruh ekonomi dan budaya Barat ke dalam Iran. Seperti yang dilakukan oleh Muawiyah setelah Imam Ali, Iman Hussein dan hampir semua keluarga baginda dibunuh oleh Muawiyah. Shah telah cuba memenuhi misinya dengan percubaan-percubaan supaya terhapusnya identiti Islam dan tersebarnya pengaruh Barat dengan seluas-luasnya di Iran seperti yang dilakukan oleh Yazid semasa menjadi raja dengan mengupah ulamak menulis hadis baru dan menghapuskan semua hadis yang ditulis oleh Saidina Ali r.a.

Shah mengadakan pasukan tentera yang besar yang dilengkapi dengan senjata-senjata moden. Dengan kekua-

tan tentera yang semacam ini Iran telah dikuasai oleh pemerintahan pusat yang amat kuat.

Para ulamak kehilangan suara mereka. Segala Kumpulan Wang Amanah dan Undang-undang Islam digantikan dengan undang-undang sivil dan jenayah yang didasarkan dari undang-undang British. Pendaftaran sivil dilaksanakan. Ajaran-ajaran Islam digantikan dengan ajaran-ajaran '**sekular**'. Di sinilah buruknya '**sekularisme**' bila ia ditekankan dan digertakkan oleh mereka yang berkepentingan.

Dalam tahun 1959, atas perintah Shah, SAVAK, ataupun polis rahsia rejim Shah telah ditubuhkan. Kebanyakan latihan anggota SAVAK telah ditangani oleh pihak CIA Amerika.

Pada mulanya SAVAK dibentuk sebagai sebuah pertubuhan yang berfungsi untuk mengumpul segala maklumat. Tapi setelah adanya percubaan untuk membunuh Shah, SAVAK telah bertukar menjadi sebuah pertubuhan perisik rahsia. SAVAK mengawasi segala gerak-geri rakyat Iran. Percubaan revolusi Iran pula diawasi oleh pihak CIA sendiri. Untuk menjayakan fungsi ini, SAVAK telah dibekalkan dengan alat elektronik yang sofistikated yang didatangkan dari Amerika.

Penganiayaan dan deraan berlaku di dalam penjara-penjara Shah. Suasana ketakutan, kebimbangan dan tidak percaya terhadap kepimpinan Shah menjadi ciri-ciri utama rakyat Iran di zaman itu. Tetapi tidak berlaku di zaman pemerintahan Mahathir. Kita tidak ketemu rakyat yang berada di dalam keadaan Mutadzaphin yang memerlukan rakyat agar bangun dan mengadakan sabillah seperti yang dituntut oleh Nik Aziz.

Dalam tahun 1963 Shah telah mengisytiharkan apa yang disebut sebagai '**Revolusi Putih**' oleh media massa Barat. Namun tidak ada apa yang '**putih**' tentang revolusi

ini melainkan segala-galanya dilahirkan dari 'Rumah Putih' Amerika Syarikat, untuk mengekalkan kuasa Berhala Putih di Iran. Malah pada hakikatnya, ia dilakukan oleh Shah supaya tidak akan berlaku apa-apa revolusi di Iran yang boleh menggugat kekuasaan dan pengaruh Amerika-Britain, dan beliau kekal sebagai boneka.

'Revolusi putih' kononnya bertujuan mengadakan satu reformasi di dalam negara dengan menitikberatkan hal ehwal pekerja dan juga kaum wanita. 'Revolusi Putih' ini juga berselindung di sebalik slogan 'menreformasikan tanah dan mengekalkan hak asasi kaum wanita'.

Tapi slogan tentang reformasi tanah itu sebenarnya adalah reformasi yang akan memberikan keuntungan yang maksima kepada keluarga diraja Shah. Oleh kerana Shah mendapati hanya Islam sahaja yang menunjukkan penentangan terhadap apa yang cuba dilakukannya, maka Shah telah berusaha untuk membuang segala lambang Islam yang ada dan menggalakkan perbuatan-perbuatan mungkar seperti rasuah dan perkara-perkara yang ditegah oleh Islam. Inilah yang menjadi amalan pemimpin Islam di negara-negara Islam sedang membangun era kebangkitan Islam.

Selain dari kerosakan yang dilakukan ke atas sosio-budaya Iran, ekonomi Iran juga menerima akibatnya yang sama. Iran terpaksa bergantung sepenuhnya kepada bantuan negara-negara Barat. Ini telah menyebabkan adanya jurang yang semakin luas di antara orang kaya dengan orang miskin di Iran. Sebab itu Mahathir alihkan pandangan kita ke Timur supaya kita tidak tertakluk kepada peradaban Barat, dan sebab itulah Mahathir dimusuhi oleh ejen-ejen pemikiran Barat sama ada yang berada di luar ataupun yang berada di dalam negara kita sendiri.

Di Iran pula kezaliman demi kezaliman yang dilakukan oleh Shah telah menyebabkan rakyat Iran menyimpan den-

dam terhadap raja mereka. Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah. Walaupun kebanyakan dari mereka itu tidak pernah membaca ramalan-ramalan Nostradamus, namun mereka semacam tahu akan sampai masanya kekuasaan raja mereka yang zalim itu akan berakhir juga. Itu janji Tuhan, setiap raja yang kejam dan zalim akan jatuh akhirnya.

Mereka telah menyaksikan kemusnahan dan eksploitasi terhadap kebudayaan bangsa mereka serta terhapusnya segala sumber material dan bukan-material rakyat Iran selama beberapa dekad lamanya. Namun disebabkan oleh kekuatan rejim Shah, mereka tidak berupaya menyuarakan apa yang mereka rasakan itu. Apa yang terdaya mereka lakukan ialah berdoa kepada Allah SWT agar Tuhan menghapuskan raja mereka yang zalim itu. Allah memakbulkan doa mereka yang teraniaya dan dizalimi.

Detik-detik awal revolusi bermula apabila sebuah akhbar harian Iran yang berpengaruh menyiarkan sebuah rencana yang mengutuk Imam Khomeini dan menghina Islam. Rencana ini telah mendapat kecaman yang hebat dari seluruh pelusuk Iran termasuk juga dari Qum. Walau bagaimanapun penentangan itu dilakukan secara damai. Apa yang mereka mahu ialah Kerajaan menarik balik rencana tersebut. Tapi permintaan mereka itu bukan sahaja tidak mendapat layanan dari pihak kerajaan, mereka yang berkumpul dalam demonstrasi itu telah ditembak oleh askar-askar kerajaan. Ada di antara mereka yang mati dan tidak kurang juga yang mendapat cedera parah. Kebanyakan dari mereka ini datang dari pusat pengajian agama di Qum. Hanya darah dari para syahid akan membersihkan sebuah negara dari kekotoran noda dan dosa yang dilakukan oleh rakyat di negara tersebut.

Demonstrasi secara damai yang pertama ini telah menumpahkan darah. Pembunuhan ala barbarian ini menimbulkan kemarahan yang meluap-luap di kalangan rakyat

Iran. Lebih-lebih lagi kerana mereka yang terlibat dalam demonstrasi itu datangnye dari pusat agama di Qum. Demi mengenangkan jasa mereka yang terkorban ini, ramai rakyat Iran telah berkumpul di beberapa buah bandar besar untuk memperingati hari ke-40 kematian mereka itu. Marilah kita bacakan Alfatihah untuk roh-roh mereka yang telah terkorban untuk memperjuangkan agama Allah.

Semasa upacara mengenang mereka yang terkorban ini diadakan, banyak kedai-kedai di setiap bandar-bandar yang terlibat telah ditutup. Peristiwa ini telah berlaku di setiap bandar tanpa sebarang kejadian-kejadian pertempuran. Namun di Tabriz berlaku juga pertempuran yang sengit di antara polis dan mereka yang berkumpul apabila pihak polis memaki pemimpin-pemimpin dalam kumpulan itu. Mereka yang semakin marah terus berarak tanda menentang perbuatan yang celupar itu. Tapi akhirnya mereka terpaksa juga bersurai apabila ejen-ejen kerajaan menembak mereka dengan mesingan dan mengorbankan sepuluh orang dari mereka.

Selepas peristiwa di Tabriz yang berlaku pada bulan Muharam itu, banyak lagi demonstrasi-demonstrasi yang menyusuli. Dan kebanyakannya berakhir dengan pertempuran yang sengit yang mengakibatkan lebih ramai lagi yang mati atau cedera.

Akhirnya setelah tiba bulan Ramadhan, rakyat Iran tetap juga meneruskan perjuangan mereka sungguhpun mereka terpaksa berhadapan dengan keganasan ejen-ejen rejim Shah. Dan dalam bulan itu Imam Khomeni telah mengisytiharkan agar setiap rakyat dan pemimpin-pemimpin Islam berkumpul di masjid-masjid tanpa merasa takut untuk membincangkan kezaliman raja mereka dan pembentukan semula kerajaan Islam Iran.

Berikutan dengan pertemuan di masjid-masjid seluruh Iran ini, terjadilah satu perarakan raksasa yang melibatkan

berjuta-juta rakyat Iran. Mereka berarak sejauh sepuluh kilometer dari pagi hingga ke senja dan menuntut agar rejim Barat dan juga pemerintahan beraja di Iran digulingkan dan digantikan dengan pemerintahan secara Islam.

Rakyat telah menyaksikan puluhan dari mereka yang berarak telah terkorban di tangan ejen-ejen Shah di beberapa bandar tertentu di Iran. Inilah demonstrasi pertama yang diadakan secara besar-besaran yang membuktikan penolakan rakyat terhadap rajanya.

Selepas perarakan ini, Shah telah memerintahkan supaya memerangi pemberontakan rakyatnya dengan cara yang lebih ganas lagi. Lagi pun pengisytiharan Imam Khomeini yang mengatakan Shah mesti digulingkan menambahkan lagi kemarahan raja Iran itu terhadap Imam tersebut.

Pada pagi hari Jumaat, 8 September 1978 (September Hitam) kerajaan pimpinan Shah telah mengisytiharkan undang-undang tentera di Tehran dan sebelas buah lagi bandar yang lain. Mereka yang tidak mengetahui tentang pengisytiharaan ini telah keluar rumah seperti biasa tapi telah dibunuh oleh ejen-ejen Shah dengan cara yang tidak berperikemanusiaan, seperti yang dilakukan oleh rejim komunis terhadap rakyat Cina di Tiananmen Square. Amerika dan Barat mengutuk kejayaan Deng Xiau Peng tapi bila perkara itu terjadi pada umat Islam mereka menyepi.

Mereka yang terbunuh termasuklah kanak-kanak dan juga wanita-wanita. Disebabkan peristiwa ini, ramai dari mereka yang telah membawa kayu, pisau dan batu untuk menentang ejen-ejen Shah yang datang dengan kereta-kereta kebal dan dilengkapi dengan senjata-senjata moden.

Berita tentang kembalinya Imam Khomeini ke Iran disambut hangat dan rasa lega oleh rakyat Iran. Jutaan

rakyat Iran telah bersedia untuk datang ke Tehran untuk meraikan kepulangan Imam Khomeni itu. Namun Shah yang mengerti bahawa kepulangan pemimpin Islam itu akan membawa bencana kepada kekuasaannya telah memerintahkan agar semua lapangan terbang ditutup. Ini telah menyebabkan kepulangan Imam Khomeni itu terpaksa ditunda. Sedangkan mereka yang telah datang beramai-ramai itu tidak juga mahu berganjak. Akhirnya askar-askar kerajaan telah menembak mati dan mencederakan ramai di antara mereka itu. Apakah Amerika dan media massa Barat membela nasib umat Islam dan menganggap perbuatan boneka Amerika itu tidak berperikemanusiaan dan telah melanggar hak asasi manusia?

Imam Khomeini kembali juga ke Iran pada 1 Februari, 1979. Beliau telah disambut dengan kumpulan manusia yang terbesar pernah disaksikan oleh sejarah.

Pada hari yang berikutnya, 10 dan 11 Februari, 1979, berlaku revolusi yang sebenarnya. Sesungguhnya sejarah memang mengingati beberapa hari yang lain seperti itu. Hari yang menyaksikan seluruh rakyat, lelaki dan perempuan, tua dan muda berganding bahu untuk mengerat akar-akar terakhir rejim Pahlavi. Begitulah yang terjadi di hari-hari terakhir kekuasaan seorang raja yang zalim.

Pada 11 Februari 1979, seluruh Tehran dan Iran jatuh ke tangan pihak revolusi. Dan apabila rakyat mengambil alih radio dan televisyen Iran, mereka telah tidak menemui sebarang tentangan. Pada hari itu sahlah sudah bahawa raja Iran telah digulingkan dan revolusi telah tercatat dalam sejarah dunia. Dan untuk kali pertamanya, Tentera Udara Iran turut menyebelahi rakyat di dalam revolusi ini. Shah Iran telah lari meninggalkan takhta dan kuasa tetapi membawa wanita kesayangan bersama.

Revolusi yang berlaku di Iran ini telah mempamerkan penggembelangan idea Islam yang sebenarnya dalam setiap aspek kehidupan manusia dalam masyarakat mereka.

Untuk memahami apa yang sebenarnya mengakibatkan tercetusnya revolusi di Iran ini, kita mestilah faham tentang mentaliti masyarakat sebelum kita boleh melihat faktor-faktor yang telah menyebabkan berlakunya krisis-krisis politik.

Latarbelakang politik Iran telah berubah semenjak suku abad yang lalu, dan perubahan ini semakin cepat dan semakin mantap dalam masa lima belas tahun yang terakhir. Revolusi ini telah mencerminkan kehendak rakyat Iran dan kepercayaan umat Islam Iran yang majoritinya bermazhab Syiah.

Sejarah revolusi Iran ini sekurang-kurangnya memberikan kita tiga pengajaran. Pertama kedaulatan rakyat yang menjiwai Islam adalah lebih hebat dari kedaulatan seorang raja yang menjadi boneka. Kedua, kumpulan revolusioner yang membawakan slogan; **'Syah seharusnya hanya menjadi raja tetapi bukan sebagai pemerintah'** adalah satu contoh yang baik di mana raja-raja cuba menjadi pemerintah, sedangkan mereka cuma lambang raja segala raja telah terguling dan hanyut dalam arus revolusi yang didaulatkan oleh rakyat. Di sinilah letaknya kedaulatan rakyat dalam sebuah negara yang merdeka jiwanya.

Yang ketiga, anda teruskan membaca bahagian terakhir bab ini, anda akan dapat cara musuh-musuh Islam menggunakan media massa untuk memburukkan imej seorang pemimpin Islam. Cara-cara di Iran itu hampir sama seperti yang mereka gunakan terhadap Mahathir, Anwar Ibrahim dan Ustaz Ashaari yang tidak disedari oleh umat Islam kerana akhbar itu adalah akhbar yang kononnya menjadi pejuang rakyat dan pendokong kerajaan.

'Revolusi Iran' yang telah saya bincangkan dalam bab yang lebih awal, adalah merupakan satu kebangkitan Islam yang misali sifatnya. Dalam membangunkan umat Islam seperti di zaman Rasulullah SWT, umat Islam tidak

dapat melarikan diri dari berhadapan dengan musuh-musuh Islam yang sentiasa memerangi mereka dengan bermacam-macam cara; yang jelas dan nyata mereka menggunakan media massa yang dikuasai oleh mereka.

Propaganda yang didalangi oleh jentera media massa bertujuan memburuk-buruk dan memutarbelitkan gambaran (**Revolusi**) yang dibina oleh umat Islam Iran, dilakukan dengan berbagai cara, sesuai dengan kumpulan sasaran yang ditentukan.

Kepada orang-orang Kristian dan orang-orang yang berfikiran sekular, media massa yang tersebar luas di seluruh dunia menggambarkan '**revolusi Iran**' sebagai sekumpulan manusia fanatik yang berfikiran sempit, iaitu golongan fundamentalis Islam.

Kepada orang-orang Islam, **Revolusi**' tersebut digambarkan sebagai '*pelanggan*' senjata-senjata Israel dan ramai orang Islam yang lemah iman terpengaruh.

Kepada orang-orang yang bermazhab '**al-Sunnah**', '**Revolusi**' itu digambarkan sebagai '*gejala*' di kalangan orang-orang **Syiah** sahaja dan revolusi tersebut merupakan revolusi musuh sahabat-sahabat Rasulullah SWT.

Kepada orang-orang '**Syiah**' pula ia digambarkan sebagai '**bida'ah**' yang tidak menghormati Imam Ali a.s. dan Iman Husin a.s. Media massa musuh-musuh Islam ini ada saja cara dan gaya, menggunakan apa saja bahasa termasuk orang-orang tempatan di tiap-tiap negeri agar mempercayai dan menerima gambaran yang dilukiskan oleh musuh-musuh Islam.

Kepada orang-orang Arab ia digambarkan sebagai kumpulan **anti-Arab**. Pada hal mereka tahu Nabi kepada orang Iran adalah bangsa Arab yang tidak membenarkan umatnya menanam perasaan Asabiah. Orang Islam itu

bersaudara. Hanya yang lebih takwa kepada Allah saja yang lebih mulia dari yang lainnya.

Kepada orang-orang '**sosialis**' ia digambarkan sebagai pembawa **kegelapan, reaksioner** dan **suatu kemunduran**. **Revolusi** itu diasaskan dengan **kekejaman** dan **keganasan** oleh golongan agama yang bersemangat '**ekspansionisme**' yakni perluasan atau pengembangan pengaruh yang diilhamkan oleh *imperialisme Parsi*. Ramai yang tidak beriman terpengaruh.

(**Kebenaran**) diselindungi, **realiti** diputar belit dan diselewengkan. **Propaganda, senjata kimia, bom, peluru berpandu** dan **fatwa-fatwa ulamak-upahan**, semuanya ditujukan untuk menghapuskan apa yang disebut sebagai ancaman terbesar kepada **keamanan**' dunia. Padahal siapakah sebenarnya yang menjadi ancaman terbesar kepada keamanan dunia kalau bukan Amerika (kafir) yang dipengaruhi oleh syaitan yang telah memusuhi anak Adam sebelum mereka turun ke dunia lagi, dan kini blok kapitilis telah mula berbaik-baik dengan blok komunis kerana mereka bimbangkan kemaraan umat Islam yang sedang menuju kemenangan.

Kempen-kempen keganasan yang tidak berperikemanusiaan dan membabi buta telah dilancarkan melalui ejen-ejen mereka yang bukan sahaja, **membunuh tokoh-tokoh pemikir dan intelektual penting, para menteri, ahli Parlimen, ulamak-ulamak dan para pegawai, malah juga rakyat biasa dari berbagai lapisan masyarakat**. Mereka berjaya membuat manusia tertutup mata, tak nampak gajah yang besar di depan, tapi dapat melihat kuman yang berada di seberang dengan menggunakan teropong yang telah mereka sediakan. Ini yang berlaku semasa perang Iran-Iraq. (Manakala di sempadan Iran-Iraq pula, kerajaan Baathis Iraq melakukan keganasan sekehendak hati mereka). Tapi kerana umat Islam tidak mempunyai media massa mereka sendiri, dan

kurangnya terhadap minat mahu membaca walaupun telah diperintahkan oleh Allah mahukan rasulnya supaya membaca, baca dengan nama Tuhan, maka hiduplah mereka di dalam kegelapan kerana antara sesama Islam telah terputus hubungan akibat membiarkan media massa dalam tangan kafir. Kekayaan umat Islam tidak digunakan untuk membangunkan umat, sebaliknya membunuh dan berperang sesama sendiri.

Pengganas-pengganas yang meninggalkan Republik Islam Iran disediakan tempat perlindungan, malah dihormati sebagai penentangan atau pembangkang rejim Iran.

Apabila semua komplot, pakatan jahat jenayah dan keganasan gagal menggugat arah tujuan Republik Iran, diktator Beathis dan boneka imperialis yang ganas dan dahagakan darah untuk melancarkan serangan ke atas Revolusi yang suci itu. Pengganas ini dipilih oleh tuan-tuan mereka kerana kebodohan dan pengabdianya kepada imperialis, di samping cita-cita jahat dan bakat penjenayah yang ada padanya yang sudah terpengaruh kepada takhta, wanita dan harta.

Ketika perang berlaku, Iraq menerima bantuan yang tidak terhingga: Berbilion duit minyak rejim-rejim reaksioner Arab, kelengkapan tentera Rusia, sokongan diplomatik dan propaganda Barat dan Timur, bantuan perisikan Amerika Syarikat dan AWACS Saudi, pinjaman secara langsung dari berbagai-bagai kerajaan, sekatan dagangan dan bekalan senjata yang bersifat '**de facto**'. Begitu juga persidangan-persidangan, sebaran-sebaran dan fatwa-fatwa dari ulamak yang menjadikan Islam sebagai pasar dagangan, pembunuhan kejam beramai-ramai ke atas jemaah haji di Mekah, kawalan armada Amerika Syarikat di Teluk Parsi, pakatan jahat untuk menjatuhkan harga minyak, serangan udara dan peluru berpandu ke atas kawasan-kawasan awam, dan penggunaan senjata kimia secara berleluasa ke atas orang-orang awam.

Semua ini dan ribuan pakatan jahat dan jenayah lain berterusan dikenakan ke atas Republik Islam Iran yang suci, bukan saja gagal memaksa Republik Islam Iran melutut, malah akhirnya perbuatan-perbuatan itu dengan sendirinya mengisytiharkan kekuatan azam ummat Islam Iran dan memperlihatkan sifat mulia dan tinggi gerakan yang suci ini.

Sebaliknya ia mendedahkan sifat buruk dan terkutuk musuh-musuh Revolusi yang sekaligus menjadi musuh-musuh Allah itu. Segala kesyukuran kepada Allah, kerana setiap jenayah dan pakatan jahat yang dihadapkan ke atas Islam dan ummatnya, dan setiap pembohongan dan cercaan yang ditimpakan ke atas mereka.

Alhamdulillah Iran dan Iraq sudah berbaik-baik semula dan dasar luar Iran di pun sudah berubah.

Akhirnya hanya perlu memanfaatkan matlamat dan cita-cita gerakan suci ini dan menambahkan kekesalan dan kerugian musuh-musuhnya. Sabda Rasulullah bermaksud:

Bersyukurlah kepada Allah kerana memilih musuh-musuh yang lahir dari kebodohan mereka sendiri.

Begitulah perang yang sedang berlaku di antara Barat dengan Islam. Inilah perang psikologi yang dilancarkan oleh dunia Barat secara agresif terhadap umat Islam yang sentiasa bersifat defensif hingga lahir dua tokoh besar Islam Muammar Ghadafi dan Almarhum Ayatollah Khomeini.

5

PEMBUNUH BANGSA SENDIRI

Soalnya; apakah pada tahun 2005 akan kekal lagi ketuanan Melayu di dalam negara? Apakah di tahun 2005 nanti bahasa Melayu masih menjadi bahasa rasmi? Apakah pada tahun 2005 nanti agama Islam masih menjadi agama rasmi? Apakah kerana orang Melayu berpecah, terus umat Melayu akan jadi laksana pelarian Vietnam atau seperti umat Palestin? Apakah....

Datuk Sanusi Joned.

TIDAK berapa lama dulu saya pernah mempersendakan pesanan Hang Tuah '**Tak Melayu hilang di dunia**' yang dianggap keramat sebagai mengarut. Kata saya pada seorang kawan yang suka mendewakan Hang Tuah, "Apalah Hang Tuah ini, dia berpesan '**Tidak Melayu hilang di dunia**' tapi dia sendiri hilang ghaib entah ke mana. Kalau dah mati di manakah pusaranya?"

Kawan saya nampaknya tersinggung. Dia tak cakap apa-apa. Dia diam dan menghilang. Saya tahu dia ini taksu benar kepada keistimewaan yang ada pada watak Hang Tuah. Dia tak senang dengan watak Jebat derhaka.

Mengikut pendapatnya Hang Tuah itu seorang wali Allah, kononnya, Tuah masih hidup hingga ke hari ini dan beliau berada di alam ghaib.

4 Februari 1988 adalah hari kematian UMNO. Hari itu telah mengingatkan saya semula kepada amanat pahlawan Hang Tuah. '**Tidak Melayu hilang di dunia**'. Apakah Hang Tuah ini cakap ikut sedap mulut saja? Hilangkah Melayu dari muka bumi ini seperti terpupusnya bangsa Red Indian di Amerika dan orang asli di Australia?

"UMNO itu Melayu, Melayu itu UMNO". Sekarang UMNO sudah mati, apakah Melayu mesti mati sama? Mengikut fitrah alanal yang mati itu jasad, tapi roh Melayu tidak. Itulah falsafah yang tersirat di sebalik amanatnya yang tidak dapat difahami oleh saya atau ramai orang Melayu lainnya. Biarpun apa orang nak kata, sekali air bah sekali pantai berubah, masakan UMNO zaman Tunku nak hidup lagi di zaman Mahathir? UMNO sudah dihidupkan kembali. Hidup dengan jiwa dan roh yang baru. Hidup sesudah berperang dalam satu revolusi yang amat hebat.

Pada mulanya memang sukar nak percaya amanat Hang Tuah, kerana sesudah kita merdeka, nama Persekutuan Tanah Melayu pun mati, bertukar menjadi **Malaysia**, kemudian bahasa Melayu pula tenggelam menjadi bahasa **Malaysia**. Seterusnya nama sekolah Melayu menjadi Sekolah Kebangsaan dan semuanya yang ada bau-bau Melayu hilang jadi **Malaysia**. Yang tinggal sekarang: Keretapi Tanah Melayu dan askar Melayu saja. Syukurlah raja dan pemimpin negara ini masih tetap juga orang Melayu. Di sinilah letaknya keistimewaan dan kegigihan bangsa Melayu, yang patut diketahui oleh generasi baru rakyat Malaysia hari ini. Betapa mulia dan pemurahnya hati orang Melayu hingga sanggup kehilangan sesuatu yang sangat berharga demi untuk mengejar kemajuan, untuk kejayaan bersama.

Biarpun Parti Kebangsaan Melayu Bersatu sudah mati dibunuh oleh 11 orang Melayu, tetapi kerana Melayu takkan hilang di dunia, ia hidup kembali. Namun usaha untuk membunuh dan mematikan orang Melayu masih diteruskan oleh golongan yang menamakan diri mereka para pejuang Melayu yang bangga menjadi Jebat derhaka.

Kini belum pun satu tahun UMNO hidup,* dua orang Menteri Besar mahu dimatikan oleh raja Melayu yang telah dikipas oleh bangsanya sendiri seperti di zaman Tuah, tapi ada pegawai istana yang bijak telah menyelamatkannya, tidak seperti penasihat raja yang telah membunuh Hang Nadim kerana cemburuan kebijaksanaan.

Sama ada disedari atau tidak, pengkaji sejarah sudah mula merasa marah kepada raja yang lupa sejarah, lupa bahawa mereka tak lebih dari payung yang digunakan semasa hujan dan panas saja. Itupun berapa ramai orang Melayu yang masih memerlukan payung?

Mari kita kembali kepada cerita Tuah, kalau betullah Hang Tuah ini seorang wali Allah dan dia masih hidup, insya Allah saya akan mencari jalan untuk menemuinya. Saya percaya pada amanat dan pesanan seorang wali Allah. Dan saya tahu ramai wali Allah masih hidup di bumi Malaysia ini. Oleh kerana adanya mereka inilah maka negara kita sentiasa diselamatkan oleh Allah kerana doa mereka selalu dimakbulkan Tuhan.

Allah telah menetapkan manusia maju ke hadapan, tidak mundur ke belakang. Namun mereka yang mahu terus-menerus menentang arus, mahu berjalan ke belakang, mereka akan cuba membunuh sesiapa saja yang menyokong Mahathir dan UMNO (baru).

Perangai siapa yang mereka ikuti ini, mahu bunuh pemimpin yang membawa kebaikan.

Mohd Yaakub dan Mohd Taib. Dua orang pemimpin yang bernama Muhamad. Apakah dosa-dosa mereka ini

pada rakyat? Yang peliknya kumpulan ini memilih dua pemimpin yang namanya Muhamad. Apakah niat dan muslihat mereka?

Melayu yang berjiwa nasionalis dan tetap hidup menurut akidah Islam akan terus mempertahankan Melayu dan bumi Melayu, kerana agama menghendaki kita semua mencintai bumi yang kita pijak. Tapi mereka yang kulitnya saja Melayu, tidak mempedulikan kesinambungan ketuanan Melayu.

Kita lihat akhbar Melayu yang melagakan rakyat dengan raja dalam keadaan raja dengan raja sedang bertelagah. Akhbar yang sepatutnya memperjuangkan kedaulatan bangsa Melayu yang diamanahkan padanya seolah-olah dikuasai oleh mereka yang sengaja ingin merosakkan imej Islam - agama Islam dan siapa saja yang cuba memperjuangkan Islam. Mereka tak sedar rakyat tahu ejen-ejen imperialis Barat yang hidup mencari kesenangan sementara telah salah menggunakan ilmu yang diamanatkan oleh Allah.

Orang Melayu hari ini ramai yang bersikap kurang ajar, gurunya masih hidup lagi murid-muridnya pun ramai yang dah jadi guru. Mereka mempunyai jiwa menderhaka, mereka sanggup menderhaka pada siapa saja, ibubapa, guru, suami, termasuk boss sendiri. Inilah yang dinamakan hukum imbang 'law of balance'.

Orang-orang yang beriman tidak takut dan tidak putus asa. Kita masih mempunyai Tuhan sekiranya raja-raja Melayu kita hilang seperti hilangnya Tanah Melayu, bahasa Melayu dan sekolah Melayu. Kalau itu yang ditakdirkan, kita terima kerana Allah adalah raja sekalian alam dan saya percaya disebabkan bangsa Melayu itu Islam maka Islam itu akan kekal. Melayu tak akan hilang di dunia seperti bangsa-bangsa lain yang sudah pupus dan tinggal pada namanya saja, melainkan bangsa-bangsa yang ada agama.

Allah yang menentukan nasib dan rezeki kita. Ada raja pun, kita bukan boleh tumpang makan nasi sepinggan. Rakyat ramai yang sudah pandai cakap macam itu. Kita nak makan sesuap nasi, kita kena cari sendiri. Di kampung-kampung rakyat masih belum dapat menikmati api dan air walaupun sudah lebih 30 tahun merdeka. **"Air jamban dalam istana raja lebih jernih dari air yang mereka minum dan mandi"**. Raja leka membazirkan wang rakyat, membesar dan mengindahkan istana. Menggunakan peruntukan untuk sekolah-sekolah agama dan lain-lain semata-mata untuk menunjuk dan berbangga.

Nasib manusia di dunia memang tidak sama. Ada yang ditakdirkan jadi raja, ada yang jadi menteri, ada jadi pencuri, ada yang kaya, ada yang papa; itulah sifat Tuhan yang Pemurah lagi Pengasih. Allah Maha Mengetahui. Hidup manusia ini tidak kekal, seperti roda. Mereka yang lalai, Allah akan ambil balik segala yang dipinjamkan. Yang kaya jadi miskin, yang senang jadi susah. Raja kembali jadi rakyat. Itulah yang sangat menyedihkan kita tetapi hukum karma tetap akan berlaku.

Teringatkan Allah tiba-tiba saya teringat pula satu cerita bagaimana seorang hamba Allah datang kepada Nabi mengadu tentang kesusahannya. Nabi suruh dia kahwin. Biar pun hidupnya susah nak makan, kerana dia taat dia tetap juga berkahwin. Cakap Nabi siapa yang tidak percaya? Kecuali orang yang tidak beriman. Tapi hari ini sudah ada orang yang tidak percayakan hadis. Dan raja-raja terlupa sebagai ketua agama mereka adalah pewaris Nabi yang bertanggungjawab atas urusan keagamaan rakyatnya, tapi tugas-tugas ini seperti tidak pernah dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Pergilah ke mana-mana masjid, tandasnya kotor tidak terjaga, sedangkan kebersihan dalam Islam adalah sesuatu yang dituntut.

Begitu juga dalam Islam itu ada seni tamannya yang tersendiri tetapi di kawasan masjid, jarang ada sepasu

bunga yang ditanam dan yang dijaga dengan baik. Demikian juga di dalam masjidnya. Masjid itu adalah satu institusi yang sangat penting di dalam Islam. Di situlah tersebar ilmu pengetahuan. Tapi kalau kita lihat di dalam masjid-masjid tidak ada sebuah kitab pun yang dibekalkan. Kalau ada pun hanya sebuah dua kitab-kitab tentang doa. Kitab-kitab lain, tentang ilmu pengetahuan yang lebih penting tidak ada. Apakah yang dibuat oleh majlis-majlis agama Islam negeri yang di bawah kuasa dan tadbir raja-raja.

Pendek kata, banyak benar perkara-perkara yang tidak dilakukan dalam hal ini. Itu belum lagi kita ambil cerita mufti-mufti yang selalu memberi nasihat kepada raja. Banyak mufti merungut dengan raja-raja ini. Mereka minta nasihat tetapi bila diberi nasihat dia tidak mahu mendengar nasihat itu. Maka tidak hairanlah apabila kita mendengar adanya istilah ulamak siang hari. Cari makan dan jaga peruk dapur sendiri sajalah. Kalau tidak, susah. Begitulah cerita dan perihal setengah daripada setengah raja-raja yang berdaulat ini.

Berbalik kepada cerita orang yang Nabi suruh kawin tadi. Masa bujang hidupnya amat susah, sudah kahwin tambah susah lagi. Dulu satu mulut yang hendak disuap, sekarang dia kena suap dua mulut. Dia ini jenis kuat mengadu, dia pun pergi lagi jumpa Nabi. Nabi suruh dia kahwin satu lagi.

Zaman Nabi dulu tak perlu minta borang dari pejabat kadi atau minta izin dan tandatangan isteri tua. Tak seperti sekarang ini, kadi dan mufti menguasai agama dan menjalankan tugas agama ikut kata hati dan arahan orang di atas mereka. Zaman tak ada Nabi nampaknya ada kadi dan pegawai agama yang berlagak lebih dari Nabi. Mereka pula yang menentukan akidah Islamiah yang diajarkan oleh Rasulullah.

Nauzubillah hi min zalik.

Nabi suruh kahwin, dia ini pun kahwin sajarah. Nah, dari satu beban dah jadi dua. Hamba Allah ini tidak ada pekerjaan, tak ada mata pencarian. Sikit punya banyak mulut yang hendak disuap. Mulut perempuan pulak tu. Ini dua mulut bukan boleh tutup, yang satu senyap yang satu berbunyi. Diri sendiri tak mampu beri makan dua isteri. Boleh tidak bingung? Hanya orang yang sudah berumah tangga yang tahu masalah ini.

Dasar memang suka mengadu. Sekali lagi dia pergi jumpa Nabi untuk mengadukan betapa teruknya dia untuk menyara nafkah hidup. Nabi suruh dia kahwin satu lagi. Nabi tak tanya berapa pendapatan? Mampu atau tidak mengadakan tempat tinggal dan segala keperluan kerana Nabi tahu sifat-sifat Tuhan. Ahli agama hari ini pun tahu juga tapi tak percaya.

Nabi suruh kahwin, mana boleh tak ikut. Nabi pesuruh Allah. Allah yang amat Pemurah lagi amat Pengasihani. Dia yang menetapkan rezeki, jodoh pertemuan dan ajal maut manusia. Maka sekarang orang ini sudah mempunyai tiga isteri, macam P. Ramlee dalam filem "Madu Tiga".

Sudah ada tiga isteri, tidak juga ada perubahan. Rezekinya tetap sempit, fikirannya juga tambah sempit. Dia ini jenis Islam yang belum kenal diri. Tak kenal diri mana nak kenal Tuhan. Tak kenal Tuhan hiduplah dalam keraguan. Dia tak tahu bahawa cara Tuhan uji manusia ialah dengan memberikan kesusahan atau kekayaan, anak, isteri, pengikut, dan rakyat. Ini semua ujian dan cubaan Tuhan.

Kalau tidak yakin pada kerasulan Nabi Muhammad SAW mustahil dia kahwin sampai tiga, sedangkan dia tidak ada mata pencarian. Dia masih belum putus asa, dia datang buat kali terakhir menemui Nabi. Nabi suruh dia kahwin lagi, cukupkan empat isteri. Dia buat seperti yang disuruh.

Dipendekkan cerita, isterinya yang keempat pandai buat kopiah, maka yang lain belajar dari isteri yang termuda. Sesudah itu mereka jadi senang maka bahagialah hidup mereka.

Untuk renungan sampingan kepada para pembaca, di negara kita ini terdapat sejumlah 600,000 wanita yang masih lagi belum mendirikan rumahtangga. Apa nak jadi kepada mereka jika mereka terus membujang? Kalau setakat jadi andartu, tak mengapalah. Bagaimana kalau mereka jadi gundik atau jadi sundal maka timbullah masalah AIDS, perempuan simpanan dan sebagainya? Siapakah yang nak tanggung dosa-dosa mereka ini semua akibat pejabat agama cuba pandai-pandai mengatur agama Islam dan mengajar Allah dengan cara mereka yang bertaraf hamba.

Maka itulah sebabnya Tuhan telah berfirman dalam surah Al-Nisaa' dengan firmanNya yang bermaksud:

"Maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi; dua, tiga atau empat."

(Al-Nisaa': Ayat 3)

Jadi bukankah Tuhan telah membenarkan orang lelaki berkahwin lebih dari satu? Bukankah Allah itu bersifat Maha Mengetahui. Mengapakah Allah memberikan kemudahan ini kepada lelaki? Jawabannya ialah Allah tahu bahawa di satu masa nanti akan timbul keadaan yang nisbah kaum wanita akan melebihi kaum lelaki. Dan Allah juga tahu wanita itu diciptakanNya dengan sifat-sifat yang lemah. Maka itulah sebabnya Allah membenarkan kaum lelaki memiliki sehingga empat orang isteri.

Tapi mengapakah wanita-wanita Melayu kita mempersoalkan hukum Allah ini? Dan mengapakah kerajaan akur kepada desakan kaum wanita UMNO? Apakah kerana mereka melebihi bilangannya dari lelaki? Kita mesti lebih takut pada mereka dari hukum Allah.

Dengan menambahkan berbagai peraturan yang tidak dinyatakan dalam Al-Quran untuk menyulitkan kaum lelaki dalam hal ini. Apakah mereka yang membuat undang-undang ini lebih pandai dari Allah? Apakah mereka tidak takut pembalasan dan siksaan dari Allah? Tengok saja bangsa Barat yang menentang hukum alam dan mahu menunjukkan kemungkaran dan kesombongan mereka pada penciptanya. Apakah kita tidak tahu AIDS itu satu hukuman dan ingatan Allah pada manusia yang tidak taat pada perintahnya?

Menyusahkan mereka yang sudah ditakdirkan oleh Allah beristeri lebih dari satu kerana mengikut fitrah yang ada pada manusia bertentangan dengan dasar 70 juta penduduk. Mahathir mahu penduduk Malaysia sampai 70 juta tetapi mufti-mufti dan orang-orang yang ada kuasa dalam agama buat undang-undang yang menyusahkan orang untuk kahwin. Jadi undang-undang itu bukan saja bertentangan dengan Al-Quran, dengan hukum dunia pun tidak selari. Bagaimana ini semua boleh terjadi. Tolonglah Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri selesaikan perkara ini, janganlah duduk di situ sekadar memamanaskan kerusi saja.

Dari satu segi lain-lain tentulah enak. Mahathir kempen untuk menambahkan rakyat kepada 70 juta, puak-puak yang *so-called* Islam ini membuat dasar yang menyusahkan orang hendak kahwin. Agaknya mereka mahu ramai anak-anak haram seperti apa yang berlaku di Amerika.

Apakah mereka suka lelaki jadi homo dan perempuan jadi lesbian? Dan dalam hal ini macam-macam alasan yang mereka carikan - konon timbul masalah sosial dan sebagainya. Mereka lupa alasan-alasan itu semua adalah alasan ahli-ahli sosiologi Barat dan bukannya alasan-alasan Islam. Inilah akibat daripada ulamak siang hari yang menentang agama menggunakan orang Islam sebagai

topeng, ada yang sanggup dijadikan ejen-ejen pemikiran imperialis Barat semata-mata kerana kuasa dan harta. Mungkin juga disertakan wanita.

Semua orang tahu kita memang ada Pusat Islam, tapi apa yang dibuat oleh Pusat Islam kita tidak tahu. Bangunan itu sudah jadi macam **vatican** sahaja, yang di dalamnya duduk segala rahib-rahib mengeluarkan fatwa halal dan haram yang begitu mengelirukan, tidak ada komitmen.

Mungkin ini sebabnya negara kita kini ditimpa kesusahan dan macam-macam mala petaka. Pemimpin yang percayakan Tuhan tetap juga tenang setenang orang yang sudah diberi empat isteri kerana Tuhan telah menjanjikan:

'Di sebalik kesusahan ada kesenangan dan dalam susah ada senang.'

(Surah Al-Insan)

Tentu pembaca hairan kenapa dalam bab pembunuhan bangsa sendiri, saya tulis cerita kahwin sampai empat. Apa muslihat saya, padahal saya sedang bercerita tentang Hang Tuah **'Tak Melayu hilang di dunia'** - hilang bahasa, hilang negeri. Kini raja-raja hampir nak hilang. Cerita pasal poligami pasal apa? Kutuk dan sindir Pusat Islam apa sebabnya? Banyak isteri maka ramailah nanti zuriat kita. Sekat poligami berkuranganlah umat Islam akhirnya nanti. Lagi pun saya memang membawa pembaharuan dalam penulisan saya. Saya tulis buku seperti sistem berbelanja di bawah satu bumbung, pergi di *shopping complex* semuanya ada, begitulah kiranya anda baca buku saya. Semuanya ada.

Sebenarnya apa yang sedang saya fikirkan ini ialah bilakah orang Melayu ini hendak hidup aman damai bersatu padu. Perkahwinan adalah satu problem hidup. Kalau manusia tak ada problem serupa dengan tak hidup. Prob-

lem demi problem, cabaran demi cabaran membuatkan hidup ini bermakna. Kalau tak ada problem jadilah kita nanti seperti pisau yang tumpul.

Padahal pisau mesti selalu diasah, biar diasah makin diasah makin tajam. Setelah selesai setiap satu masalah-masalah yang kita hadapi, akhirnya kalau kita yakin dan percaya pada Allah, kita tentu akan mendapat kejayaan juga. Di situlah merupakan seni hidup dan kehidupan.

Saya perhatikan, satu lagi mala petaka timbul sejak Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri. Saya percaya Mahathir pun mengadu pada Tuhan. Allah Maha Mengetahui.

'Allah tidak akan memberati seseorang melainkan apa yang disanggupinya'.

(Surah Al-Bakarah,
Ayat Kursi)

Apakah hikmat di sebalik kata-kata "**Tidak Melayu hilang di dunia**". Terfikirkah anda bahawa sejak merdeka hingga hari ini belum ada seorang Perdana Menteri yang betul-betul Melayu seratus peratus.

Manusia tidak ada ilmu. Ilmu itu Tuhan yang punya. Manusia cuma ada akal fikiran. Itupun terbatas mengikut masa dan tempat ia dilahirkan. Walau setinggi mana pun ijazah yang ada padanya dia masih terkongkong dengan adat dan agama serta keadaan sekeliling di mana dia dibesarkan. Segala pelajaran, pengetahuan dan penglihatan manusia tidak boleh melebihi apa yang ada oleh akal fikiran. Sebab itulah saya sentiasa minta petunjuk dari Allah. Allah saja yang boleh ajar kita apa yang kita tidak tahu, dengan pengetahuan sejati yang dikurniakan oleh Allah dapat membawa manusia kepada perdamaian dan saling pengertian. Sementara kebodohan selalu mendorong manusia ke arah kehancuran seperti yang kita pelajari sama ada dari sejarah silam atau apa yang berlaku di negara kita hari ini.

Mari kita bawa diri kita berada di zaman Hang Tuah. Macam mana agaknya umat Melayu ketika itu. Zaman itu tak ada sekolah tinggi, tak ada sains dan teknologi moden. Orang yang nak jadi menteri selain dari pandai bersilat dan bermain senjata, mereka juga mesti mempunyai ilmu kebatinan dan sikap taat setia pada raja-raja yang mengikut nafsu dan kata hati.

Satu hari seorang kawan berkata pada saya, 'Kau tahu Syed, penulis tak bernama yang telah menulis Hikayat Hang Tuah adalah seorang yang tahu ilmu tasawuf. Ia seorang yang tahu dan mendalami ilmu tarikat dan makrifat. Cuba kaji tulisannya banyak mengandungi bahasa tanzimat, bahasa orang yang ada ilmu kebatinan, bahasa bidalan dan kiasan yang tinggi dan sukar untuk ditafsirkan.'

Mungkin ada betulnya kata kawan saya ini kerana dalam masyarakat Melayu lama, kiasan dan bidalan yang digunakan hanya orang yang arif saja yang memahaminya. Sebagai contoh kita ambil perumpamaan yang berbunyi, '**Jauhari saja yang mengenal manikam**'. **Tidak tahu menari dikatakan tanah tinggi rendah**'. Mungkin begitulah halnya kepada pembaca yang tak faham tapi mahu tunjuk pandai. Ketika itu orang yang seperti kata bidalan '**Sekilas ikan di air sudah kenal jantan betinanya**', amat sukar dicari. Kalau pun ada suaranya, senyap membisu seribu bahasa. Jadi mesej **Hikayat Hang Tuah** masih belum difahami sepenuhnya hingga ke hari ini.

Bukan mudah hendak menegur dan mengajar raja-raja. Allah saja yang tahu tentang kezaliman raja-raja Melayu ketika itu. Tetapi kerana kebijaksanaan pengarangnya raja-raja tidak sedar pun akan sindiran yang tajam yang ditujukan pada raja-raja melainkan raja itu sendiri seorang pencipta ilmu tarikat yang sudah sampai ke martabatnya. Dan apa yang telah jadi kepada raja-raja Melaka akhirnya? Yang hilang cuma raja Melayu Melaka saja. Ayahanda Ghafar Baba tarafnya lebih berkuasa dari raja. Rahim Tamb

Chik adalah raja Melaka kini dan dia mempunyai kuasa eksklusif.

Mengikut pendapat seorang guru ilmu tasauf, ilmu tarikat dan makrifat, pengajian ini memang disembunyikan dari pengetahuan orang-orang syariat, terutama mereka yang bermata **ikan kering**. Maka kalau ada pun yang mengaku diri ahli tasauf tapi mereka tetap tak dapat membuat penterjemahan yang tepat.

Walaupun hingga ke hari ini kita tidak tahu siapa pengarang **Hikayat Hang Tuah** itu sebenarnya dan tak ada pula yang membuat penyelidikan mengenainya atau mengenai pemikiran yang nak disampaikan, tapi tulisannya itu benar. Melayu kekal hingga ke hari ini walaupun raja-raja mereka sudah tidak mempunyai kuasa seperti di zaman silam kerana Melayu masih lemah. Islam yang menyatupadukan orang Melayu yang sentiasa berpegang pada tali Allah?

Ramai yang membaca **Hikayat Hang Tuah** seperti orang ramai yang menonton filem tiga dimensi tanpa memakai cermin mata yang disediakan. Jadi, tanpa memakai cermin mata tiga dimensi bagaimana hendak menikmati cerita yang sedang mereka tonton? Dan bagaimanakah mereka dapat menikmati mesej yang disampaikan?

Saudara Kassim Ahmad berjaya menjadikan Jebat sebagai hero. Kassim telah berjaya menimbulkan aspek '*revolusi*' yang tersirat dalam pemikiran pengarangnya. Hanya orang yang berjiwa rasional macam Kassim saja yang ternampak revolusi mental yang hendak disampaikan oleh penulis Hikayat Hang Tuah.

Tuah berada di antara istana dan rakyat. Cerita **Hang Tuah** adalah cerita berunsurkan politik, kisah '*revolusi*' di antara istana dan rakyat. Kebijaksanaan, kesa-

baran, ketenangan dan kuasa yang dikembalikan semula kepada Tuah, sesudah sultan menjatuhkan perintah membunuhnya tapi dia tak mati dan kemudian telah menyelamatkan raja Melaka untuk sementara. Tetapi kerana kezaliman dan kekejaman baginda sultan yang memerintah di takhta kerajaan tanpa ilmu pengetahuan, akhirnya raja Melaka dan keturunannya lenyap bersama takhtanya. Namun Melayu tetap tak hilang di dunia. Perkataan '*Melayu*' yang dimakhsudkan oleh Tuah ialah '*rakyat*'.

Tuah adalah lambang kasih sayang dan taat setia seorang menteri pada rajanya. Lambang kebijaksanaan seorang pemimpin yang sanggup kehilangan saudaranya kerana berpegang pada prinsip 'biar mati anak jangan mati adat'. Taat setia pada pemerintah tidak berbelah bagi. Tuah pemimpin yang sanggup berkorban dan terkorban semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab, bukan pemimpin yang bersifat amanah, tak boleh menguasai diri, sanggup menggadai prinsip kerana nak rebut kuasa dan harta.

Biar apa pun terjadi, pemimpin mesti setia dan amanah. Bertuahlah raja yang mempunyai menteri macam Hang Tuah. Apakah Tan Sri Mohd Taib dan Tan Sri Mohd Yaacob tidak melambangkan sifat-sifat Tuah? Apakah keris lambangnya bukan keris Tamin Sari? Tidakah UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO?

Kini watak-watak Hang Tuah dan Jebat menjelma kembali menghantui Istana Kelantan dan Selangor. Mohamad Yaacob dan Mohd Taib cuba diketepikan, dipermainkan oleh Tuanku Sultan. Kejadian semacam inilah yang kini membuatkan mereka yang kurang senang dengan raja, mula marahkan Menteri Besar yang tak patut taat membabi buta pada raja. Rakyat sudah pun mula mengenang kembali kata-kata Laksamana Bentan:

'Raja adil raja disembah, raja zalim raja disangah.'

Rakyat sudah pun mengingatkan Menteri-Menteri Besar mereka bahawa kini rakyat yang berdaulat dan keris Tameng Sari itu adalah lambang kuasa. Tameng Sari tak boleh diberikan pada mereka yang derhaka. Tuanku sultan jangan cuba hendak menjatuhkan Menteri Besar yang dipilih oleh rakyat tanpa sebab tanpa kesalahan; ini membuat rakyat marah, murka dan akan memberontak. Rakyat tak mahu raja dipengaruhi oleh mereka yang suka menfitnah dan jadi tukang kipas.

Apakah Tuanku sultan mahu menyesal dahulu atau menyesal kemudian? Kemudian hidup dalam kerugian seperti yang telah pada raja-raja di Melaka? Kalau ada penulis yang telah menghasilkan sejarah Hang Tuah, tentu ada penulis yang akan jadikan sejarah dua orang Muhammad sebagai satu drama, satu cerita yang akan menjadi sejarah bangsa Melayu moden.

Ada juga orang yang kata **Hikayat Hang Tuah** kononnya ditulis oleh pengarang yang telah menanamkan semangat demokrasi dalam diri orang Melayu. Sekarang ini baru kita dengar ada orang celik mata; selama ini tengok cerita Hang Tuah dengan mata hati yang buta. Kesedaran tentang adanya ilmu di dada telah membuatkan kawan saya itu sedar bahawa rupa-rupanya penulis buku **Hikayat Hang Tuah** itu adalah seorang arkitek sosial yang sangat memahami psikologi sosial.

Syukurlah sekurang-kurangnya dia, kawan saya itu, sudah sedar. Lain kali ingat, bila baca buku, baca yang tersirat, bukan macam Zakri Abadi mengulas buku ikut sedap hati saja. Begitu lama kita tertidur sehingga dikejutkan oleh Kassim, baru tersedar. Janganlah lepas itu tidur semula. Banyak lagi ilmu yang boleh kita dapati dari buku-buku sejarah Melayu lama kiranya kita menggunakan satu perspektif dan *approach* yang baru.

Terutama bila kita sedang memikirkan dengan serius Melayu yang macam mana yang dimaksudkan tak akan

hilang di dunia oleh Laksamana Hang Tuah? Kerana pertanyaan itu bunyinya mudah. Tetapi jawabannya tidak semudah soalan. Kita mesti mengupas, mesti memahami tentunya bukan perkataan '**Melayu**' itu sebagai bangsanya saja, tetapi **seluruh identiti, pegangan, adat sopan dan budi bahasa orang Melayu**. Akibat mempertahankan kesealiran aspek ini Melayu tak hilang di dunia. Juga tidak lenyap dan terapung-apung macam buih di air dalam tanah airnya sendiri dan kini mereka telah bangun semula.

Cuba baca apa yang saya tulis dalam *Challenger* tentang apa itu **UMNO, ISLAM DAN NASIONALISME?**, dan mukasurat 154 hingga 168, untuk memahami apa yang saya tulis di dalam bab ini dengan lebih jelas lagi kerana bab ini boleh menimbulkan banyak kontroversi.

"Satu bangsa itu akan mati dan lenyap namanya dari muka bumi ini bila bangsa itu sudah tidak berfikir lagi dan tidak mahu lagi menambah ilmu mereka di dunia dan akhirat".

Berapa ramai dari mereka yang pernah menyaksikan filem Hang Tuah, pernah bertanya pada diri sendiri, apakah peranan diri mereka sendiri dalam cerita Hang Tuah sekiranya mereka berada di zaman itu? Siapakah yang anda hormati antara Jebat ataupun

Tuah? Tahukah anda kenapa kedua-dua watak ini saja ditonjolkan oleh pengarangnya? Apakah yang dimaksudkan dengan keris **Taming Sari**? Keris itu lambang bangsa Melayu. Apa kaitan keris dengan bangsa Melayu moden, bacalah **CHALLENGER SIAPA LAWAN SIAPA** di mukasurat 81. Sayang seribu kali sayang orang Melayu kini sudah tidak dapat menyimpan keris di dalam rumahnya sendiri. Kenapa? Siapakah yang telah menghabiskan keris dari bumi Melayu?

Sekiranya anda seorang raja, apakah pelajaran yang anda telah dapat dari Hikayat itu? Rakyat yang tidak ubah

macam robot? Raja yang tak berfikir membahayakan diri dan keluarga mereka. Fikirkanlah.... Tuhan memberi kita akal, menyuruh kita berfikir. Kerana tidak berfikir dan tidak sensitif dengan sejarah silam, maka jurang raja dan rakyat semakin hari semakin jauh.

Hari ini pemimpin Melayu diberi mulut, tapi janganlah banyak mulut sangat. Nabi tidak suka pada umatnya yang banyak sangat bercakap tanpa menyedari yang mereka sudah mula hilang barang-barang berharga dalam hidup bangsanya, kerana terlalu banyak bercakap, terutamanya manusia politik yang bernama Melayu. Semua hendak *dipolitikingkannya*. Banyak sangat *politiking* akan menghancurkan bangsa Melayu yang sedang bercakaran sesama sendiri akibat wanita, takhta dan harta. Maka apa yang orang lain nak lakukan pada kita pun kita tak sedar.

Baru-baru ini kerajaan Singapura mengadakan Akta Separuh Tangki dan menghalang rakyatnya dari membeli tiket penerbangan SIA di Johor Bahru semata-mata untuk menyelamatkan tukaran asingnya dan sekaligus menjejaskan peniaga Malaysia. Kita belum lagi mengambil apa-apa tindakan. Pemimpin Melayu tak ambil kesah sangat, leka nak rebut kerusi saja.

Berhentilah dari bercakap. Berhentilah dari banyak sangat berpolitik. Buatlah kerja dengan jujur, ikhlas dan amanah supaya **'Melayu tak akan hilang di dunia'**.

Lupakah kita kerana banyak sangat bercakap dan berpolitik di Melaka kini yang tinggal cuma kesan-kesan sejarah tentang keagungan raja-raja Melayu. Ini pun nasib baik Dato' Sri Rahim Tambi Chik mahu bina istana lama, kalau tidak cuma kesan kubur beberapa sahabat Hang Hang saja. Ini semua akibat dari para pahlawannya yang bersifat bebal serta suka mengampu, tamak haloba dan suka kipaskan raja.

Pada pendapat saya keris '**Taming Sari**' yang dimaksudkan dalam cerita Hang Tuah itu ialah **kuasa pengaruh serta ilmu dan pengetahuan** serta politik Hang Tuah maka Raja terselamat dari seorang Jebat derhaka. Adanya pemimpin yang bijak pandai dalam istana, raja kekal di atas takhta.

Dengan ini terbukti bahawa cerita Hang Tuah bukanlah sekadar hikayat yang sedap didengar telinga waktu hendak tidur saja. Hikayat Hang Tuah adalah karya satira politik oleh seorang pengarang Melayu yang telah mendahului zamannya. Dan pengarang Hang Tuah ini adalah seorang yang simbolik. Andai kata pengarang itu ialah Hang Tuah sendiri atau pun Hang Jebat, beliau telah berjaya memaparkan kemelut politik istana-rakyat di zamannya dengan amat berkesan.

Raja rosak adalah kerana tukang bawa fitnah yang hidup macam lintah darat dalam istana gunakan istana untuk politik sendiri. Apakah sejarah tidak berulang lagi? Apakah tidak ada oportunis di keliling raja yang suruh raja minta itu dan ini. Dan tidak kurang yang suruh minta itu, minta ini untuk diri sendiri. Namun segelintir kapitalis yang menjadikan istana sebagai alat, terselamat, tapi yang dapat kemurkaan, menteri.

Beruntung rakyat Melaka kerana adanya UMNO yang memperjuangkan ketuanan dan kedaulatan maruah bangsa Melayu; adanya UMNO dapat meletakkan anak Melayu sebagai Ketua Menteri Melaka. Walaupun raja Melaka sudah lenyap entah ke mana. Namun bangsa Melayu masih mampu meletakkan Yang DiPertuan Negeri dari bangsa Melayu. Ketuanan Melayu masih dapat dikekalkan?

Biar bagaimanapun atas kesedaran orang Melayu yang bertungkus lumus memperjuangkan kemerdekaan, maka seorang anak Melayu Melaka yang dulunya di zaman penjajah menjadi hamba, pemungut kayu dan bola tenis.

telah duduk di tempat yang paling tinggi di tampuk kekuasaan. Beliau ialah tak lain dan tak bukan dari Ghafar Baba.

Dan dengan adanya Ketua Menteri yang mempunyai visi seperti Dato' Rahim, maka negeri Melaka terus maju. Beliau telah menghidupkan sejarah Melaka dan membina sebuah istana tanpa raja. Istana botol kosong hanya kenangan di masa silam agar menjadi contoh dan teladan untuk umat Melayu kini supaya jangan leka membuang masa bergaduh sesama sendiri.

Ingatlah amanat Tuhan, bahawasanya:

'Manusia itu sentiasa hidup di dalam kerugian melainkan mereka yang beriman'.

Ingat juga pesan orang tua-tua: **'Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak ada gunanya.'** Dan antara pesan pemimpin UMNO yang akan saya abadikan di dalam buku bertuah ini ialah satu pesanan yang amat penting tentang konsep **Tidak Melayu hilang di dunia.** Pesanan itu telah di amanatkan oleh bekas Setiausaha Agung UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO tahun 1988.

Inilah pesan Dato' Sri Sanusi Joned yang sama penting dengan pesanan Laksamana Hang Tuah. Sekiranya orang Melayu mula berfikir dan bertindak, tahun 2005 hanya 17 tahun dari tarikh ingatan yang dibuatnya:

"SOALNYA; APAKAH PADA TAHUN 2005 AKAN KEKAL LAGI KETUANAN MELAYU DI DALAM NEGARA? APAKAH DI TAHUN 2005 NANTI BAHASA MELAYU MASIH MENJADI BAHASA RASMI? APAKAH DI TAHUN 2005 NANTI AGAMA ISLAM MASIH MENJADI AGAMA RASMI? APAKAH KERANA ORANG MELAYU BERPECAH TERUS UMAT MELAYU AKAN JADI LAKSANA

PELARIAN VIETNAM ATAU SEPERTI UMAT PALESTIN? APAKAH?....."

Saya juga pernah membuat pertanyaan dalam buku saya **BAHTERA LAMA NAKHODA BARU**:

Apakah hidup orang Melayu satu hari nanti akan jadi seperti hidup burung layang-layang yang tidak mampu lagi jejak ke bumi melainkan tidur di atas kawat telefon dan kawat api?

Pertanyaan mengenai nasib bangsa Melayu di tahun 2005 yang ditimbulkan oleh Sanusi memang tepat pada masa dan waktunya di tujukan kepada pemimpin UMNO yang diharapkan mampu memikirkan dan memperjuangkan nasib bangsa Melayu, terutamanya juga tentang agama Islam. Kerana agama Islam kini nampaknya seperti diperniaga dan dipermainkan. Kementerian Dalam Negeri sendiri mengharamkan akhbar dan majalah agama yang menyebarkan pengajian Islam yang diterbitkan oleh Al-Arqam, tapi meluluskan majalah-majalah dan akhbar yang terus terang menyesatkan dan merosakkan akidah Islam. Apakah motif KDN berbuat demikian? Kenapa KDN tidak membentasi budaya-budaya yang merosakkan akhlak bangsa yang disalurkan melalui majalah-majalah yang bertimbun di pasaran? Apakah kerana kita mengawal kebebasan akhbar? Mungkin mereka akan menjawab, kerana memikirkan dari segi keselamatan. Pihak KDN nampaknya tak peduli sangat pasal agama yang disalurkan oleh majalah terbitan Al-Arqam.

Anwar Ibrahim telah memberi amaran bahawa bangsa Melayu tidak boleh menjadikan tamatnya tarikh 1990 sebagai berakhirnya komitmen terhadap cita-cita murni untuk menghasilkan keadilan sosial. Sebaliknya orang Melayu hendaklah mengambil kesempatan ini untuk menggembelngkan tenaga fikir di kalangan cendekiawan

bagi memberikan arah baru kepada komitmen terhadap cita-cita tersebut.

Anwar Ibrahim

Dengan komitmen seperti yang diharapkan oleh Anwar Ibrahim itu nanti barulah kita dapat mengharapkan bangsa Melayu pada tahun-tahun selepas 1990 akan lebih berani dan mempunyai sikap dan bertindak dengan lebih realistik. Sikap seperti ini sahajalah yang boleh menjamin bagaimana mereka mampu menjawab cabaran zaman selepas 1990 dengan lebih berkesan. Lebih-lebih lagi cabaran bagi mengatasi paras kemiskinan yang dideritai oleh bangsa Melayu semenjak lebih 500 (sejak zaman Portugis) tahun negara ini dijajah dahulu.

Oleh yang demikian seluruh visi besar dan gagasan untuk masa depan masyarakat Malaysia tidak akan kehilangan justifikasi moralnya. Maka itu keutamaan hendaklah diberikan kepada cara menyelesaikan masalah kemiskinan dan pengagihan ekonomi yang adil dan wajar serta juga keadilan sosial yang berasaskan kepada sejarah bangsa dan negara Tanah Melayu yang sebenar.

Hakikat sejarah mestilah menjadi pegangan setiap pemimpin yang sedar dan insaf dengan nasib masyarakat Malaysia khususnya Bumiputera. Namun kita perlu bertanya apakah pemimpin generasi muda dalam UMNO hari ini tahu dan ambil berat mengenai sejarah silam? Atau menyertai mana-mana parti politik untuk kepentingan peribadi semata-mata terutama bila masuk UMNO? Sesudah itu bila sudah berjaya bunuh bangsa sendiri.

***"Hendaklah kita
Ikhlas kepada Allah,
Ikhlas kepada Rasul
Ikhlas kepada pemimpin,***

***Ikhlas kepada
setiap orang,***

Maka sudah tentu:

'MELAYU TIDAK AKAN HILANG DI DUNIA'.

Bolehkah dunia Melayu kekal seperti di zaman keagungannya atau apakah bumi bekas kepunyaan Melayu yang kini sudah bertukar menjadi milik ramai akan tertanya-tanya "**Melayu, oh Melayu, ke manakah hilangnya Melayu kini, ke Syurga atau ke Neraka?**"

Akhir sekali, sebelum saya menutup bab yang anda sedang baca ini, perlulah dinyatakan bahawa **Hikayat Hang Tuah** adalah sebahagiannya satira, sebahagiannya legenda dan sebahagiannya sejarah.

Jika ia sejarah, tidak mustahil ia berulang lagi. Apa yang berlaku di Melaka boleh berlaku di mana-mana sahaja. Sesungguhnya tidak ada apa-apa pun yang mustahil berlaku dalam sejarah.

1

SEPTEMBER HITAM

MALAYSIA FEST telah diadakan dari 16 hingga 30 September 1989. Semua orang seronok berpesta, tetapi sebelum Malaysia Fest bermula, satu pesta yang paling seronok berlaku di Selangor, pesta kipas satay beramai-ramai. Satu batang satay dikipas oleh berpuluh orang, segala macam kipas angin dihalakan kepada sebatang satay. Asap dan apinya pun terkepul-kepul ke seluruh negara. Kasihan nasib satay.

Setelah membaca berita muka depan akhbar **Utusan Malaysia** tiga hari berturut-turut berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh Menteri Besar Selangor, masalah yang kecil, '*No big deal*' kata Datuk Sri Dr. Mahathir, cuma masalah menantu dan ayah mertua saja. Satu perkara kecil yang tak sepatutnya dibesar-besarkan, tapi kerana ia telah dibesar-besarkan... Busut telah dijadikan Gunung Kinabalu maka saya rasa nak tumpang semangkuklah.

Kasihan Tuanku Sultan Selangor yang telah dipujuk untuk menepuk air di dulang, amat sedih lagi kemurkaan Sultan dieksploitasikan untuk kepentingan orang-orang tertentu akhirnya kemurkaan Tuanku terhadap menantunya

telah menimbulkan kemarahan orang ramai terhadap pihak istana.

Kasihlah juga terhadap ayahanda Ghafar Baba kerana kegagalannya menguasai suasana politik yang begini kecil, tak berupaya memberhentikan ombak dalam cawan kopi.

Tahniah kepada Mike Tyson yang telah berjaya melalui **asid test** yang mesti dilalui oleh setiap pemimpin yang mahu naik ke atas, bukan mudah nak jadi pemimpin!

Orang ramai tahu bahawa Wanita, Takhta dan Harta, '*Tiga Ta*' adalah punca kebanyakan masalah di dunia ini. Nabi Adam a.s. terkeluar dari syurga disebabkan wanita. Nabi Yusuf a.s. masuk penjara akibat permainan Zalikha. Kebanyakan kerajaan gugur dan hancur kerana wanita. Napoleon Bonaparte terhurban di Pulau St Helena kerana wanita. Namun di sebalik kejayaan lelaki pasti ada wanita. ***Tangan yang menghayunkan buaian, tangan itu jugalah yang dapat menggoncang dunia.***

Kisah Tan Sri Mohd Taib tidak sama seperti skandal Kristin Killer dan John Profumo di England, tidak seperti hubungan Kennedy dengan Marliyn Monroe atau skandal seks Uno di Jepun, bukan seperti kisah Imelda Marcos di Filipina. Ia cuma kisah rumahtangga saja. Satu perkahwinan yang biasa, yang tak sepatutnya menjadi berita besar di akhbar. Tak ada yang sensasi, tidak seperti berita orang menggigit anjing. Ia cuma berita anjing garang menggigit orang tak ada nilai berita pun.

Persoalannya apakah perbuatan Mohd Taib berkahwin dengan Puteri Raja yang sudah tiga kali janda ini, salah di sisi agama Islam? Apakah ia boleh menimbulkan masalah kepada bangsa dan negara?

Jawabannya, tidak. Syukur alhamdulillah ia satu perbuatan yang baik dan mulia. Mike Tyson bukan sahaja

telah menolong menyelamatkan Puteri Sultan Selangor daripada hidup menjanda dengan anak-anaknya yang mana kalau dibiarkan mungkin akan lebih memalukan kerabat diraja. Sepatutnya setiap umat Islam turut bergembira.

Syukur kepada Allah pasangan ini telah menambahkan seorang lagi rakyat Malaysia yang beragama Islam. Ibunya raja, bapanya menteri. Siapa tahu boleh jadi presiden satu hari nanti?

Mohd Taib bukan sebarang orang, bukan Mat Sepena..., Mat Gian... atau Pak Mat Drebar... Beliau mempunyai kuasa eksekutif sedangkan Sultan sekadar lambang saja, payung kepada rakyat. Yang Amat Berhormat Tan Sri Mohd Taib, tarafnya dari segi kuasa lebih tinggi dari Sultan. Beliau dipilih oleh rakyat, bukan... Marah Sultan kerana Mike Tyson tak ikut protokol. Bukan tak sayang anak, bukan tak sayang cucu. Sayang anak sayangnya menantu, tetapi nak buat macam mana sudah kena kipas cukup-cukup masakan tak marah?

Kebetulan saja bapa mertua Mohd Taib Sultan Selangor, cuba yang dikahwini anak orang biasa tentu tak jadi masalah. Siapa pun tak mahu cari pasal.

Bukan Menteri Besar Selangor saja punya dua isteri. Ramai menteri-menteri, dan Menteri-Menteri Besar Besar yang punya lebih dari satu. Ada penarik beca roda tiga, pemandu teksi yang punya lebih dari satu bini. Raja dan kerabat mereka pun ramai yang mengamalkan poligami, yang simpan perempuan sana, simpan sini, yang ada skandal pun ada, ramai yang tahu, tetapi tak ada musuh yang mahu kerusi mereka, dan mereka tidak menyusahkan orang tertentu, orang yang berkuasa. Akhbar tak keluarkan berita.

Cuba ada musuh dengan orang akhbar atau pihak akhbar memang tak berkenan. Tentu kena kipas sampai

hangus, silap-silap pakai kipas *faker friendship*. Ada se-
golongan menteri yang hampir setiap hari akhbar harian
gunakan ruangan pukul untuk kipas. Mereka lupa tukang
kipas ini di akhir nanti akan jadi kayu bakar di neraka.

Adakah orang ramai tahu mengapa Mohd Taib
merahsiakannya? Tukang kipas menghalakan angin ke
sebatang satay saja. Kenapa akhbar tak ceritakan siapa
kenalkan Tengku Zahariah pada Mohd Taib? Cuba inter-
view Yang Berhormat Fahmi, bekas Exco yang sudah jadi
ahli parti Semangat 46. Tanya Fahmi mengenai Tengku
Zahariah.

Sultan Selangor semasa terima berita dari puterinya
yang membawa anak Tan Sri Mohd Taib yang baru lahir,
gembira, senang hati menerima menantu dan cucu. Mohd
Taib yang menyuruh isterinya mengadap sultan menyem-
bahkan berita. Keesokan hari bila baginda bermain golf
dan cerita ini dibukakan kepada beberapa orang kawan
Tuanku yang menjadi musuh dalam selimut, barulah tim-
bul masalah.

Kita tak boleh marahkan Sultan bila sultan murka, ke-
rana Sultan adalah manusia biasa. Lagi pun Sultan itu
Raja. Memang tabiat Raja suka marahkan orang, kerana
Raja tak pernah kena marah. Lagipun orang ramai dah
tahu Sultan selalunya cepat murka. Yang pergi kipaskan
baginda pasal apa?

Inilah masanya mereka yang telah lama mengidamkan
kerusi Menteri Besar, mereka yang nak balas dendam ter-
hadapnya kerana kecewa tak dapatkan sesuatu? Mereka
yang dulunya berharap benar nak jadi Menteri Besar tapi
tak jadi, dan parti lawan yang mahu menumbangkan kera-
jaan mengambil kesempatan. Mereka pun adakan satu
pesta kipas.

Agama disyariatkan untuk memudahkan manusia te-
tapi hari ini ahli-ahli agama menjadikan agama Islam satu

benda yang menyiksa kehidupan umat Muhamad sehingga mereka jadi kacau bilau. Islam tak pernah mencegah poligami cuma sistem yang ada saja yang cuba menghina dan mempersendakan Islam. Akibatnya penyakit AIDS menjadi wabak menyerang manusia.

Sekiranya Tuanku tahu kisah sebenar mengapa perkahwinan ini dirahsiakan dan Ahli Majlis Raja-Raja pula memberitahu baginda bahawa demi untuk menyelamatkan UMNO dan Negeri Selangor, ia mesti dirahsiakan, tentu baginda tak marah dan tidak murka. Baginda tentu sanggup berkorban untuk membalas budi UMNO. UMNO yang telah menyelamatkan Raja-raja Melayu semasa terjadinya peristiwa Malayan Union.

Perkahwinan mereka berlaku pada tahun 1987. Ketika itu keadaan UMNO dalam huru-hara jika berita itu tersebar. Musuh-musuh politik pasti akan menggunakan kesempatan untuk menewaskan Mohammad Taib yang ketika itu adalah penyokong kuat Team A dan berjuang habis-habisan untuk kemenangan team A.

Nabi Allah Ibrahim menggantungkan kapak kepada berhala besar sesudah memecahkan berhala kecil.

Merahsiakan perkahwinan bukanlah satu kesalahan yang besar yang tak boleh diampun. Jika mereka berdua bersekedudukan dan Mat Taib tak mahu bernikah, mahu simpan saja, kemudian lahir seorang anak luar nikah, bolehlah dijadikan satu cerita skandal yang besar.

Ada pemimpin di dalam parti Semangat 46 yang hidupnya lebih dahsyat lagi, enjoy sana enjoy sini, judi, minum, perempuan. Bila berada dalam golongan dengan PAS Pakai songkok, pakai ketayap. Kenapa akhbar tidak dedahkan.....? Kenapa?

Memang ada akhbar Melayu yang suka pemimpin dan umat Melayu hidup di dalam kemungkaran. Mereka hanya

memusuhi pemimpin Melayu yang berjiwa Islam. Pemimpin yang nak hidup mengikut akidah Islam mereka gayang, pemimpin yang suka buat karut mereka sokong dan pertahankan habis-habisan.

Dan yang tersangat pelik... kenapa menteri agama dan Jabatan Perdana Menteri senyap sepi? Ulamak semua sudah lari ke mana? Ketua-ketua Majlis Agama Islam yang suka buat komen bila anak orang Al-Arqam kahwin. Kenapa diam? Takut periuk nasi masuk pasir? Macam mana umat Islam nak hormat mereka?

Akhir-akhir ini kita merasakan seolah-olah kita sudah mula disesatkan oleh ahli Majlis Agama Islam. Bila nak menikah satu lagi mesti minta izin isteri tua, mesti isi bermacam-macam borang, isteri mana yang senang hati suami kahwin satu lagi? Isteri nabi pun cemburu, takkan ulamak tak tahu?

Isteri tua tak susah hati, tak gundah gulana mendengar suaminya mati. Tapi mendengar suami kahwin satu lagi seperti mendengar suara hali lintar. Payah nak cari perempuan yang dididik dengan cara sekular yang akan relakan suaminya berkahwin satu lagi. Sanggup robohkan rumahtangga biar putih tulang dari dimadukan.

Sekiranya kerajaan berani keluarkan lesen judi, kerana takut perjudian haram berleluasan, berani keluarkan lesen rumah-rumah urut, berani membiarkan sarang pelacuran, kenapa tak berani hadapi masalah poligami? Orang Islam mesti melalui bermacam-macam proses. Seolah-olah kita ini menjadi penganut agama Kristian mazhab Katolik yang perlu izin dari rahib terlebih dahulu untuk bernikah.

Nauzubillah.

Kerana cuba menyekat berpoligami, melanggar hukum-hukum Allah, kini penyakit AIDS berleluasa.

Nampaknya hampir semua pihak sudah pun memberikan sokongan moral. Wanita UMNO pun turut sokong Mohd Taib, cuma orang yang anti poligami saja yang mengeji dan memandang jijik pernikahan mereka. '*Sour grapes*' kata peribahasa Inggeris.

Nampaknya kita semua mula memandang serong perbuatan yang mulia ini, perbuatan yang menjadi hukum Allah dan amalan Rasul kita. 'Bukankah nikah adalah sunahku, barang siapa yang membenci sunahku maka ia bukan golonganku' sabda Rasul. Maka ia akan menggagalkan orang untuk terus hidup bersekedudukan tanpa kahwin, siapakah yang akan menanggung dosa-dosa mereka yang berzina akibat susah sangat nak kahwin? Sanggup mereka yang menjadi ketua-ketua agama di setiap negeri tanggung segala dosa orang yang berzina ini?

Krisis politik acapkali mengorbankan karier politik beberapa orang tokoh berwibawa dan mengheret UMNO (selama ini) ke kancah pergolakan. Golongan muda dalam UMNO kini sudah mula rasa tidak senang terhadap raja-raja mereka. Mereka tahu tanpa sokongan rakyat, raja akan kehilangan kedaulatan yang diagung-agungkan oleh mereka. Apakah kalangan istana sedar perkara ini hingga berani merosakkan hubungan dengan pemimpin kerajaan negeri kerana ikutkan hati?

Sekiranya gugur Mohd Taib dari kerusi Menteri Besar, ini bererti politik Selangor akan bergolak kembali. Datuk Zainal, Datuk Onn, Datuk Sujak, Datuk Abu Hassan semuanya punya pengikut sendiri. Semuanya nak naik duduk di atas.

Ahli UMNO dan orang Melayu di Selangor apa jadi? Kerana kebijaksanaan, kerajinan, tolak ansur dan kesabaran Mohd Taib, politik Selangor yang dulunya kecoh sudah terkawal. Bukan mudah untuk mengembalikan Selangor seperti sedia kala.

Kejadian untuk menjatuhkan Menteri Besar ini pula berlaku semasa Perdana Menteri tak ada di dalam negeri. Ramai yang kesal Ghafar Baba tak dapat berbuat apa-apa, orang mula mengesyaki sesuatu. Ini mesti ada motif politik. Apakah Ghaffar tak senang dengan Mohd Taib? Kalau tidak masakan benda kecil dijadikan isu nasional dan cuma *Utusan Malaysia* saja yang membesar-besarkan isu ini. Ini mesti ada kumpulan yang tak senang dengan Mohd Taib yang mahukan platform politik mereka di Selangor. Ini mesti ada golongan yang takut dengan bayang-bayang sendiri. Tentu ada tukang kipas di keliling Ghafar, saja nak rosakkan politik orang tua ini. Jangankan orang-orang yang desperado?

Tapi syukur, akhirnya baginda Sultan menyerahkan masalah Tan Sri Muhammad kepada Perdana Menteri Dato Sri Dr. Mahathir. Angkat topi pada Dr. Mahathir dengan dua tiga perkataan saja, Gunung Kinabalu kembali jadi busut.

Semoga baginda akan mahu menerima sebarang keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri kerana mengikut perlembagaan baginda tidak sepatutnya mencampuri urusan politik. Perkahwinan Mat Taib dengan anakanda adalah masalah rumahtangga. Kenapa baginda boleh terseret sama dalam kancah politik?

Perdana Menteri wajar menimbangkan jasa dan pengorbanan, latarbelakang dan visi Tan Sri Muhammad yang telah membangunkan Selangor menjadi negeri yang termaju di Malaysia. Pemimpin yang berpotensi dan berwibawa serta mempunyai karisma tak patut dibiarkan oleh tukang-tukang kipas mati kehangusan dibakar.

Rakyat yang cintakan kedamaian dan keamanan serta kemakmuran negara sentiasa bersama Perdana Menteri yang tegas dan berani menjalankan tugas dengan adil dan saksama.

Kita percaya bahawa baginda Sultan akan berbaik-baik semula dengan menantunya, sama-sama menimang putera yang baru lahir. Kita juga percaya suatu masa nanti walaupun baginda telah mengatakan kemurkaan dan mensifatkan perasaannya seperti 'kaca terhempas ke batu'. Sebusuk-busuk daging dikincih, dibasuh, dimasak dimakan juga. Itu cuma satu perasaan orang yang sedang marah. Air dicincang tak akan putus. Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum juga. Janganlah hendaknya kerana hujan sehari panas setahun dilupakan begitu saja. Buangkan yang keruh ambillah yang jernih.

Sejarah telah banyak mengajar kita. Mari kita renung kembali sejarah bagaimana Sultan Melaka yang pernah murka dan menyuruh hulubalang membunuh Hang Tuah akibat hasutan, akibat permainan tukang kipas tetapi bila terjadi mala petaka dan huru-hara dalam negeri, Tuanku teringatkan Tuah. Tuah dikesali kematiannya. Tuanku berkata, "Kalaulah Tuah masih hidup", nah Tuah belum mati lagi, Jebat derhaka akan terima sasarannya, Tuah baru saja menerima hukuman dan belum pun dijalankan lagi. Marilah kita belajar dari sejarah.

Bila biduk sudah berlalu, kiambang akan bertaut semula.

2

ULAMA SIANG ULAMA MALAM

Sesungguhnya Islam telah mengangkat darjat para ulama dan raja di kala mereka berjuang untuk kepentingan Islam. Namun setelah mereka lalai dalam melaksanakan tugas-tugas mereka dan berpaling dari ajaran-ajaran yang benar, maka terjadilah keadaan seperti sekarang ini. Kejayaan Islam menjadi *sirna, kehormatannya pudar dan kepemimpinnya* jatuh berantakan, sehingga dipermainkan oleh kaum penjajah yang tidak berperikemanusiaan.

Abdul Aziz Al Badri
Peranan Ulamak dan Penguasa.

Mengingatkan orang ramai tentang peranan para ulama ini bukanlah perkara baru di dalam tulisan saya, sama ada berbentuk buku atau ruangan di akhbar.

Dalam tahun 1982 misalnya, saya telah menulis sebuah rencana yang disiarkan di Minggu Perdana di atas tajuk **PEMIMPIN PAS TIDAK HIDUP SEPERTI KHOMEINI**

Untuk peminat dan para pembaca saya yang sudah lupa tentang tulisan itu, izinkanlah saya menyiarkan semula.

Ini kerana tulisan dalam rencana tersebut ada kaitannya dengan seluruh bab mengenai 'Imam Hambali', para raja dan para ulama di zaman dulu.

Di bawah ini saya siarkan semula rencana yang diterbitkan di **Mingguan Perdana** pada tahun 1982 sebelum pilihanraya umum:

Mana ada pemimpin PAS yang hidupnya seperti Ayatullah Khomeini? Mana ada pemimpin PAS yang perjalanan hidupnya seperti Sheikh Abdul Kadir Jailani? (Mana satu pemimpin PAS yang pemikirannya macam Jamaluddin Al-Afghani atau Abul Ala Maududi?)

*Siapakah sebenarnya Ulamak? Siapakah sebenarnya orang yang beragama? Apakah orang yang berkelulusan agama, pandai mengutip ayat-ayat Al-Quran dan hadis, bila mereka berpidato dan disebabkan mereka memakai pakaian dakwah itu dikatakan **Ulamak?***

Para cerdik dan pandai tahu bahawa orang yang beragama bukan dipandang dari aspek-aspek lahiriah sahaja, bukan dari kepintarannya berucap dan menyelitkan Hadis dan Firman, dan bukan kerana mereka pandai memainkan ayat-ayat Al-Quran.

Orang yang beragama dipandang dan diukur dari perjalanan hidupnya, dari apa yang dipaktikkannya, bukan sekadar apa yang dicakapkan dan ditafsirkannya.

*Orang Melayu sudah lama sangat hidup dalam samar-samar, bahkan ada yang hidup dalam kegelapan. Syukur kehadiran Tuhan yang telah mengurniakan bintang **Mahathir-Musa** di langit kita. Kini sinar dan kerdipan bintang fikiran dan tindakan Mahathir-Musa inilah yang akan menerangi hidup orang-orang Melayu dan rakyat Malaysia, begitulah mengikut pandangan saya.*

Tapi yang agak membimbangkan saya, ialah apakah kita dapat mengenal manikam?

Orang Melayu sudah bosan dengan sikap **ketuanan**. Dan kerana kebosanan inilah mereka hampir hilang kepercayaan mereka terhadap **UMNO**. Untuk menyertai **PAS**, mereka tidak pula dapat memastikan takrif **Ulama** sebenarnya. Untunglah dalam keadaan begini muncul **Dr. Mahathir**. Kemunculan **Dr. Mahathir** adalah kemunculan seorang pemimpin yang akan membetulkan orang Melayu bagi menentang fahaman lama.

Apa yang Mahathir sedang buat, ialah untuk mengikis dan menghapuskan kebiasaan orang Melayu yang dipengaruhi oleh adat lama yang bertentangan dengan Islam. Memang sudah menjadi dasar dalam hidup, yang baik jadikan teladan dan yang buruk kita jadikan sempadan.

Biarpun Malaysia telah mengecap kemerdekaan sejak suku abad yang lalu, ada orang Melayu dan orang Asia yang masih lagi memandang **Inggeris** dan **Barat** sebagai "**Tuan**", sehinggalah tampilnya **Dr. Mahathir**, lalu menyedarkan kita bahawa kita sendirilah "**Tuan**".

Bukan semua pemimpin negara boleh menjadi **PERDANA MENTERI**, dan bukan semua **PERDANA MENTERI** boleh dianggap sebagai **PEMIMPIN NEGARA** yang baik dan sejati yang dapat mengubah cara fikiran rakyat. **Tunku** telah membawa rakyat bersamanya untuk mencapai kemerdekaan. **Tun Razak** telah menghidupkan pembangunan. Kini yang jelas bahawa Mahathir sedang membangkitkan semangat dan perasaan ke arah pembangunan rohani sebagai penggerak jiwa manusia.

Apa yang **Nabi Noh A.S.** boleh buat apabila umatnya tidak mahu ikut naik **bahteranya**? Apa pula yang telah terjadi kepada **kaum Lut**? Apa yang telah terjadi kepada **kaum Nabi Musa A.S.**? Bacalah... dan mengertikan apa

yang tersurat dalam kisah-kisah dua puluh lima para Nabi pilihan dalam kitab **Kisah Sul Ambia**.

Begitu punya kualiti yang ada pada Dr. Mahathir yang dapat kita lihat, kita rasai dan kecapi nikmat dari usahanya, sepatutnya **rakyatlah** yang mesti bangun beramai-ramai meminta **Mahathir** meneruskan perjuangannya, bukan Mahathir yang sepatutnya pergi meminta mandat dari rakyat.

Bezanya mungkin Mahathir tidak dibesarkan di **England** dan tidak belajar di **Barat**. Tetapi hari ini rakyat benar-benar merasakan Dr. Mahathir orang yang luar biasa, beliau seperti satu penjelmaan daripada Allahyarham Tun Dr. Ismail. Ada persamaan dalam diri mereka berdua. Walaupun Mahathir ada mempunyai keistimewaan yang tidak terdapat pada Allahyarham Tun Dr. Ismail, namun mereka yang mengenali Tun Dr. Ismail, dapat membuat perbandingan.

Ramai orang tahu Dr. Mahathir cenderung ke jalan **agama**. Beliau bukan orang **Sufi**, bukan juga orang **munafik**. Beliau duduk antara agama dan politik. Mahathir bukan seorang oportunist. Yang jelas di samping beliau menggerakkan Fardhu 'Ain, amalan Fardhu Kifayah juga tidak dilupakan olehnya.

Dr. Mahathir adalah pemimpin tiga zaman: **dulu, sekarang dan akan datang**. Bukan mudah hendak jadi begitu. **Kerja raja dijunjung... kerja rakyat pun dijunjung juga...**

Hari ini beliau sedang membawa orang Melayu ke zaman yang sepatutnya mereka telah berada sejak dua puluh lima tahun dahulu: **menjadi tuan di negara sendiri**, di samping menunjukkan ke mana orang Melayu akan berada lima puluh tahun akan datang.

Berapa ramai ahli-ahli agama yang berkelulusan tinggi berani mempraktikkan apa yang telah mereka pelajari?

Mereka tahu di negara ini ramai kaum **sekular**... Orang Melayu cuma beragama Islam... Namun ramai yang tidak mengikut akidah Islam. Ramai yang berpengetahuan yang dinamakan **intelekt, elit, hidup seperti cara orang Barat**.

UMNO adalah sebuah parti [**Islam**] yang terbesar di negara ini. Tetapi **UMNO** tidak pernah mendakwa perkara ini kecuali apabila Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. **Kecenderungannya kepada agama dan cara hidup yang bersih, jujur dan amanah telah mengubah sikap, juga pandangan hidup umat Melayu.**

Mana ada pemimpin PAS yang hidupnya seperti Ayatullah Khomeini? Mana ada pemimpin PAS yang perjalanan hidupnya seperti Sheikh Abdul Kadir Jailani?...

Saya sekadar ingin tahu! Ada ke pemimpin PAS yang bertaraf Wali? Apakah setiap kerja dan usaha mereka semata-mata kerana Allah?

Saya tahu ramai ahli PAS yang **oportunis**. Ada yang cara hidup mereka lebih 'dahsyat' dari cara hidup ahli UMNO. Pada pendapat saya, **seorang pemimpin agama mesti hidup seperti seorang Mukmin**, walaupun mereka tidak dapat mengangkat dirinya ke taraf 'Wali Allah' dan memiliki keistimewaan yang ada pada para 'Ahli Sufi' yang hidup mati beribadat semata-mata kerana Allah.

Pemimpin begitu sentiasa berdoa kepada Allah dan Allah selalu memperkenankan doa mereka. Mereka tidaklah payah '**mengkafirkan**' saudara-saudara mereka. Dan mereka tidak sepatutnya berjuang untuk kepentingan diri sendiri dan untuk kepentingan parti mereka semata-mata.

Kemunculan Dr. Mahathir adalah ibarat "**Fajar Menyingsing**"... Menyingsing di ufuk Timur. Inilah lumrahnya.

Kemunculannya membuat bulan purnama yang masih berpaut di langit tinggi menjadi pucat lesi.

Pemimpin sebelum Mahathir adalah ibaratkan bulan;... kerana di masa itulah orang Melayu tertidur lena dengan keindahan bulan yang telah membuat orang Melayu merayu dan mendayu-dayu... Merindu,... dan memuja bulan. Tetapi sekarang tidak ada lagi masa untuk itu... Tidak ada masa lagi untuk meniup seruling... Tidak ada masa lagi untuk menyanyi lagu "**Pak Ngah Balik**". Tak ada....

Terbit matahari bererti bekerja. Segalanya bererti panas membahang. Hanya orang yang rajin bekerja akan mendapat rezeki. Sabda Rasulullah:

Burung yang keluar pagi dengan perut kosong akan kembali petang dengan perut berisi.

Sekarang kita sudah mempunyai pemimpin yang berwatak seperti **Matahari**. Kalau matahari terbit di Timur, Mahathir pun wujud di Timur juga. Mahathir bermula dengan ungkapan Maha, yakni yang agung. Ejaan nama Mahathir seakan sama jenis huruf yang digunakan dalam ejaan matahari. Bezanya dalam mengeja matahari ada satu H dan tiga A, tapi dalam mengeja Mahathir ada dua H dan dua A. Seimbang.

Apakah kini kita masih mahu memilih yang lain dari matahari di masa siang hari? Kalau takut sinar dan silau panas, bersembunyilah, dan tidurlah nyenyak-nyenyak di dalam gua.

Mingguan Perdana, 1982.

Ada orang yang mempersoalkan kenapa sejak beberapa tahun yang kebelakangan ini tulisan-tulisan saya begitu condong kepada soal-soal yang menyentuh agama dan para ulama. Mungkin mereka tidak membaca buku politik pertama saya, **Temanku Pemimpin-Pemimpin** yang diterbitkan pada tahun 1972. Untuk pengetahuan mereka,

soal-soal yang membabitkan ugama ini bukanlah sesuatu yang baru dalam 'trade mark' penulisan saya, mungkin cara penyampaiannya saja yang berbeza.

Tujuan penulisan saya untuk membawa apa jua disiplin ilmu, tak kiralah samada ia **politik, sosial, falsafah, sejarah** bahkan **agama** sekalipun selagi disiplin-disiplin itu dapat membantu saya menegakkan **kebenaran** seperti yang telah menjadi amalan pewaris nabi sebelum saya yang akan anda baca seterusnya.

Pada akhir tahun 218 H, dari pemerintahan **Amirul Mu'minin**, lahirlah suatu fahaman yang berpendapat, bahawa **al-Qur'anul Karim berbeza dengan yang pernah diciptakan oleh Allah swt.** Faham ini jauh bertentangan dengan fahaman sebahagian ulama besar pada masa itu, termasuk **Imam Ahmad bin Hambal** atau lebih dikenali oleh masyarakat kita sebagai Imam Hambali. Namun kerana fahaman itu dicetuskan oleh suatu aliran yang menamakan dirinya "**Aqidah Taqiyah**" di mana **Raja Al-Ma'mun** terlibat secara langsung di dalamnya, baginda Raja Almarhum bersama pengikutnya berusaha memaksakan fahaman tersebut menjadi amalan seluruh rakyat. Untuk meyakinkan dan memantapkan fahaman ini pada rakyat, demi mencapai tujuan mereka, maka pada mulanya mereka menempuh cara "*persuasif*", memujuk orang ramai seolah-olah apa yang mereka dakwahkan itu adalah benar. Namun demikian, usaha mereka tidak mendapat sambutan orang ramai, kerana para ulama besar, seperti **Imam Ahmad bin Hambal** dan lain-lain ulama tidak mudah dipujuk dan digula-gulkan.

Sesudah itu sultan Al-Ma'mun bersama para pengikut yang mencetuskan aliran tersebut mulai menggunakan cara-cara kekerasan, mereka mengerahkan alat pemerintah untuk menangkap dan menyiksa siapa saja yang tidak sehaluan dan sefahaman dengan fahaman mereka. Berbagai macam penyiksaan ganas dan kejam ditimpakan terhadap rakyat. Kekerasan dan kekejaman berterusan

selama 16 tahun, bermula dari 218 H, hingga pada peralihan kekuasaan kerajaan ke tangan Sultan Al-Mu'tashim dan Al-Watsiq pada tahun 234 H. Nasib dan penderitaan para ulama tidak berubah dari zaman Almarhum hingga Alwatsik.

Bagaimana hendak menerapkan suatu kepercayaan yang tidak benar dan bertentangan dengan aqidah Islamiyah, cara kekerasan dan paksaan tidak akan membuahkan kejayaan. Mereka memerlukan suatu hujah dan dalil yang benar dan kukuh yang dapat diterima oleh rakyat banyak, sebagaimana yang berlaku pada masa pemerintahan Islam terdahulu. Pemerintah dan ulama terlupa hukum imbalan '*Law of Balance*' yang ditetapkan oleh Allah, semakin keras penyeksaan mereka semakin kuat iman yang menentang.

Aqidah Islamiyah merupakan masalah utama dan iman seseorang yang akan menyaksikannya yang akan menjadikan seorang Muslim yang hakiki dan sejati. **Iman yang tidak ditunjang oleh aqidah yang murni dan bersih mudah menyeret seseorang pada kekufuran dan terkeluar dari agama Islam yang dianutinya.** Itulah telah terjadi pada ulama yang bersubahat pada raja.

Kerana yang benar itu tetap benar dan yang salah itu tetap salah. Apa yang sedang anda baca ini adalah kesah kezaliman raja-raja terhadap Imam Ahmnd bin Hambal atau lebih dikenali dengan panggilan Imam Hambali bersama-sama para ulama di zaman mereka.

Raja-raja yang mengaku diri mereka beragama Islam percaya adanya akhirat, tapi dalam masa yang sama melakukan sesuatu di luar perikemanusiaan, menyeksa orang Islam supaya mereka menerima ajaran sesat yang dibawa oleh mereka. Apakah ada raja atau pemerintah yang berbuat begitu di zaman ini?

Aliran yang berpendapat bahawa **Al-Qur'anul Karim** itu adalah **makhluk** timbul dari pemikiran golongan

Mu'tazilah. Golongan ini berpendapat bahawa, **Al-Qur'anul Karim** itu adalah **makhluk**, sebagaimana makhluk lain yang diciptakan oleh Allah swt. dan diturunkan kepada Nabi Muhammad saw. Biar bagaimanapun ulama besar Imam Ahmad bin Hambal dan sebahagian dari ulama Fiqih dan hadis berpendapat, bahawa **Al-Qur'anul Karim** bukan **Makhluk**, melainkan Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad saw. **Al-Quran** merupakan petunjuk serta hidayah bagi segenap manusia dalam kehidupan dunia ini. Selain dari banyak mengandungi **hikmah, hukum, pelajaran dan pendidikan** serta **sejarah ummat terdahulu** dan lain-lain lagi. Namun demikian ada juga ulama yang tidak ingin melibatkan dirinya dalam pertentangan terhadap masalah ini, padahal mereka tahu siapa yang betul dan siapa yang salah, tapi kerana sifat mementingkan diri mereka jadi ulama atas pagar tak berani menentang kekejaman dan kezaliman raja tak juga berani. Akhirnya mereka berdiam diri.

Mengapa fahaman **Mu'tazilah** ini dapat menyusup ke dalam kerajaan **Al-Ma'mun** dan seterusnya sampai pada masa kerajaan **Al-Mu'tashim** dan **Al-Watsiq**? Sebabnya, kerana golongan **Mu'tazilah** ini merupakan golongan yang selalu dekat dengan **Al-Ma'mun** dan pengaruh mereka yang besar, mendapat kepercayaan di kalangan raja. Ulama yang memihak pada raja tidak pernah menentang apa saja tindakan **Al-Ma'mun** dan para pegawainya sehingga mereka dapat merebut hati **Al-Ma'mun** dan dijadikan sebagai jambatan untuk menanamkan fahaman mereka di semua lapisan masyarakat. Untuk memperluaskan pengaruh dan fahaman **Mu'tazilah** ini, untuk menyaikan pengaruh sesat ini **Al-Ma'mun** menggunakan empat macam cara yang terdiri dari empat tahap iaitu:

Tahap Pertama

Menyisihkan para ulama Fiqih dan Hadis yang tidak sehaluan dengan **Mu'tazilah** dari pejabat kerajaan dan

menolak penjelasan mereka pada pengadilan negara. Sebagaimana yang tertera dalam surat **Al-Ma'mun** yang telah dikirimkan kepada seorang pegawainya bernama Ishaq bin Ibrahim di kota Baghdad:

"Kumpulkanlah seluruh **ulama** yang ada di bawah kekuasaanmu dan bacakanlah suratku ini di hadapan mereka. **Ujilah** mereka, dan lihatlah siapa diantara mereka yang tidak faham dengan **Al-Quran** sebagai **makhluk**. Beri tahu mereka bahwa **Amiril Mu'minin** adalah pemegang **kekuasaan** yang diberikan Allah kepadanya, untuk menegakkan **agama-Nya** dan memelihara kepentingan **um-mah**. Ia tidak akan takut-takut mengambil tindakan terhadap orang yang tidak yakin dan tidak mau memberikan persetujuan, bahwa **Al-Quran** itu adalah **makhluk Allah**"

Tahap Kedua

Menarik balik bantuan kerajaan terhadap guru-guru agama dan mereka yang berkecimpung dalam pendidikan dan pelajaran agama. Seperti Usman bin Muslim mengatakan:

Pada suatu hari, aku didatangi oleh Ishaq bin Ibrahim sambil berkata kepadaku:

"Bila kau tidak menuruti faham Amirul Mu'minin Al-Ma'mun, nanti segala bantuan yang diberikan kepadamu akan dihapuskan, dan bila Amirul Mu'minin sudah memutuskan bantuannya kepadamu, aku pun akan menuruti jejaknya untuk memutuskan bantuan kepadamu".

Usman bin Muyhsi: "Rezeki seseorang itu ditentukan oleh Yang Maha Pencipta langit dan bumi".

Tahap Ketiga

Adalah merupakan tahap yang paling keras. Setiap orang yang dianggapnya membangkang keinginan raja mesti ditangkap, diikat, dengan rantai, dan dimasukkan ke dalam penjara sempit dan disiksa.

Tahap Keempat

Tahap terakhir ini merupakan puncak dari seluruh penyiksaan. Hukum pancung telah dilaksanakan, sebagaimana yang terdapat di dalam surat kedua Sultan **Al-Ma'mun** kepada pegawainya di kota Baghdad yang bernama Ishaq bin Ibrahim:

"Pancunglah setiap leher mereka yang membangkang terhadap keinginanku".

Setelah surat kedua dari **Amirul Mu'minin** Sultan Almarhum itu diterima oleh Ishaq bin Ibrahim, ia segera memanggil dan mengumpulkan semua ulama seluruh kota Baghdad, termasuk **Imam Ahmad bin Hambal**. Dikemukakan kepada mereka tentang **Al-Quran** untuk menguji pendapat dan pendirian masing-masing. Di sini terjadilah perdebatan hangat antara yang mendukung fahaman **Mu'tazilah** yang dianut oleh **Amirul Mu'minin** dengan para ulama yang menentang fahaman tersebut, termasuklah **Ahmad bin Hambal, Muhammad bin Nuh, Abdullah Al-Guwarir dan Sajadah**. Namun selain dari mereka terdapat ulama, yang menyokong dan menentang, tidak kurang juga golongan ulama oportunistik yang tidak memberikan pendapat apa-apa melainkan membisu.

Imam Ahmad bin Hambal serta tiga sahabatnya telah mendapat petunjuk ilahi, mendapat siraman sinar iman dalam hati masing-masing yang membuatkan mereka tetap bertahan pada pendirian mereka, sekalipun mereka menghadapi risiko yang amat berat. Mereka rela mengorbankan

segala-galanya demi untuk menegakkan yang haq di jalan Allah.

Kemuncak dan perdebatan yang hangat itu Imam Ahmad bin Hambal dan sahabat-sahabatnya ditangkap dan diikat, lalu dimasukkan ke dalam penjara yang sempit untuk beberapa hari lamanya.

Pada hari-hari berikutnya keempat ulama itu dihadapkan kembali kepada Ishaq bin Ibrahim. Mereka diminta memberikan jawaban yang tegas atas pertanyaan yang pernah diajukan, untuk mendapatkan jawaban pasti tentang pendirian mereka. Dalam menempuh ujian pasti ada yang mengaku kalah. Abdullah bin Al-Gawariri dan Sajadah mulai lemah semangat akibat tidak tahan siksaan dalam penjara, akhirnya terpaksa memberikan penjelasan yang sesuai dengan kehendak Amirul Mu'minin Al-Ma'mun. Maka kedua-duanya pun dibebaskan. Tinggallah Imam Ahmad bin Hambal dan sahabatnya Muhammad bin Nuh yang bertahan dengan gigih dan penuh keberanian. Semangat mereka tidak kendur dan iman mereka tak goyang sedikit pun. Mereka benar-benar memahami, menghayati dan mengamalkan pesan Nabi Muhammad saw bahawa;

“Sebenar-benar jihad adalah menyampaikan kalam haq di hadapan raja yang zalim”

Bahkan mereka rela mati untuk itu. Bagi mereka, tiada yang lebih indah dalam alam kehidupan ini selain mendapatkan keridhaan Allah swt. Keduanya telah meninggalkan teladan yang patut dicontohi oleh para ulama sesudah mereka, kerana perjuangan itu tetap akan berlanjutan dan tidak akan pernah putus, sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi Muhammad saw.

“Jihad itu berlanjutan sampai hari kiamat”

Di saat-saat penyiksaan dan penderitaan Imam Ahmad Hambal dan Muhammad bin Nuh mencapai pun-

caknya, tersebarlah berita yang mengatakan bahawa **Amirul Mu'minin Al-Ma'mun** meninggal dunia. Sebagai gantinya **Al-Mu'tashim** seorang raja yang tiada kurang kejamnya dari **Al-Ma'mun** sendiri, bahkan Almarhum lebih kejam dan bengis lagi.

Masa peralihan dari Almarhum kepada **Al-Mu'tashim** ulama, Muhammad bin Nuh tidak dapat bertahan lama. Beliau wafat memenuhi panggilan Allah sebagai Mujahid Syahid, dalam keadaan yang sangat menyedihkan. **Tubuhnya kurus kering, penuh luka**, kerana pukulan sebat yang berulang kali dilakukan kepadanya. Namun demikian sebagai ulama besar, beliau mempertahankan iman dan aqidahnya yang murni terhadap hukuman sewenang-wenang para raja yang jahil dan zalim. Beliau mengorbankan segala-galanya demi menegaknya agama Allah yang haq.

Semua amal dan pengorbanannya tidak akan sia-sia di sisi Allah Swt. Namun bagi mereka yang durhaka, telah disediakan Allah neraka jahanam sebagai tempat mereka.

"Dan kamu akan melihat orang-orang yang berdosa pada hari itu diikat bersama-sama dengan belunggu. Pakaian mereka adalah dari pelangkin (ter) dan muka mereka ditutup oleh api neraka".

(Al-Quran. 14, Ibrahim: 49 - 50)

Al-Ma'mun dan **Al-Mu'tashim**, kedua-duanya telah terpedaya oleh strategi golongan **Al-Mu'tazilah** yang ingin memaksa keyakinannya dengan cara kekerasan dan memperalat para raja beserta kuncu-kuncunya. Mereka tidak sabar-sabar menyiksa siapa saja yang tidak sefahaman dengan mereka, terutama para ulama yang menjadi tumpuan harapan umat untuk menegakkan yang haq dan membela agama Allah dari segala fahaman dan aqidah yang menyimpang dari Islam, Al-Quran dan Al-hadis.

Apa yang telah dialami oleh Imam Ahmad bin Hambal, pada pemerintahan **Al-Makmun** begitu juga dialaminya pada masa **Al-Mu'tashim**. Penderitaan demi penderitaan menimpa dirinya, penyiksaan bertambah ganas dan bertambah kejam tidak mengenal belas kasihan. Para raja itu lupa atau sengaja melupakannya, bahwa perbuatan mereka terhadap sesama Islam itu tersangat kejam dan zalim.

Di atas segala kekuasaan, ada kekuasaan yang lebih tinggi, dan di atas kezaliman, ada pengadilan yang Maha Adil. Tidak ada satu pun amal perbuatan manusia, baik atau buruk, besar atau kecil yang luput dari perhitungan Allah yang Maha Mengetahui, semuanya tercatat di sisi Maha Pencipta.

"Dan (ingatlah) hari (ketika itu) orang yang zalim menggigit kedua tangannya, seraya berkata: "Aduhai kiranya (dulu) aku mengambil jalan bersama-sama Rasul. Kecelakaan besarlah bagiku; kiranya (dulu) aku tidak menjadikan si fulan itu teman akrabku".

(Al-Quran. 25, Al-Furqaan : 27 - 28)

"(Iaitu) hari yang tidak berguna bagi orang-orang yang zalim permintaan maafnya dan bagi mereka laknat dan bagi merekalah tempat tinggal yang buruk".

(Al-Quran. 40, Al-Mu'min: 52)

Imam Ahmad dipukul dengan cambuk berulang kali sebanyak 110 kali sebatan. Bayangkan dan rasakanlah penyiksaan yang dideritai oleh Imam Ahmad yang berjiwa waja, tahan diuji, mengalah tidak sekali. Dan dalam keadaan yang sangat meyedihkan ini, Imam Ahmad tetap menyebut dan memuji kebesaran Allah Swt. Allah... Allah... Allah... yang selalu diiringi dengan pernyataan aqi-

dahnya, bahawa **Al-Quran** bukanlah **Makhluk**. Beliau meringkuk dalam tahanan penjara yang sempit, gelap dan kotor, selama 29 bulan. Namun ulama besar itu tetap berkata,

"Penjara bagiku bukanlah apa-apa, baik aku di rumah ataupun di penjara sama saja, kerana Allah tetap melihat dan mengetahui di mana aku berada. Aku tidak gentar dipukul dengan cambuk. Aku pun tidak takut leherku di pancung dengan pedang terhunus, tetapi yang sangat aku takuti ialah sampai imanku tergoyang dan keyakinanku runtuh."

Dengan kata-kata Imam Ahmad ini, maka tidak hairan bila kita melihat semangatnya dalam membela kebenaran dan menegakkan hukum Islam bertambah menyala. Semakin keras pula iman dan keyakinannya. Ucapannya tidak lain dari Firman Allah Swt.

"Katakanlah: "Sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kami. Dialah pelindung kami, dan hanyalah kepada Allah orang-orang beriman harus bertawakkal".

(Al-Quran. 9, At-Taubah: 51)

Berbagai macam cara, tindakan dan penyiksaan atas diri Imam Ahmad Hambal telah ditempuh. Namun satu pun tak ada yang mampu menundukkan iman dan keyakinannya atau melembutkan hatinya, agar dia mau menerima fahaman **Mu'tazilah** yang sesat itu.

Setelah Sultan **Al-Mu'tashim** meninggal dunia maka kekuasaannya berpindah ke tangan anaknya Amirul Mukminin Sultan **Al-Watsiq**. Raja yang baru dimahkotakan ini ternyata ia lebih kejam dari ayahnya. Berbagai jalan yang mudah ditempuh, dan berbagai macam cara sudah

dilaksanakan oleh **Al-Watsiq**, baik cara pujukan, maupun ancaman dan kekerasan untuk melumpuhkan keyakinan Imam Ahmad, agar ia mau menyatakan dan mengakui, bahwa **Al-Quran itu adalah salah satu mukhlug dari mukhlug Allah yang lain**. Namun demikian, semua jalan dan cara yang ditempuh oleh **Al-Watsiq** gagal mutlak, sebagaimana gagalnya **Al-Ma'mun** dan **Al-Mu'tashim**, sultan-sultan yang memerintah sebelumnya.

Pada masa **Al-Watsiq** ini, rakyatnya mulai jemu melihat tindakan kekerasan dan kekejaman para raja terhadap orang-orang yang tidak berdosa, terutama para ulama. Mereka serentak bangkit **memprotes** dan **mengadakan tunjuk perasaan untuk membela** para ulama yang selama ini disiksa.

Protes dan tunjuk perasaan datang dari hampir semua ulama di berbagai tempat dan kota. Tunjuk perasaan timbul dimana-mana. Situasi semakin membara. Inilah revolusi rakyat yang sedang menunggu saat meledaknya.

Bila kejahatan ini sampai ke pengetahuan **Al-Watsiq** dan bagi mengatasi dan meredakan kemarahan umat yang semakin menjadi-jadi itu, maka tiada jalan lain bagi **Al-Watsiq** kecuali membebaskan Imam Ahmad dari penjara dan siksaan untuk sementara waktu, menurut perhitungan **Al-Watsiq**. Akhirnya Imam Ahmad kembali ke rumahnya dan keluarganya dalam keadaan sangat lemah dan menyedihkan. Hampir-hampir ia tidak boleh berjalan.

Setelah Imam Ahmad sembuh dan kesihatannya pulih kembali, ia segera kembali pada tugasnya sebagai **ulama** dan maha guru, **mengajar dan memberi fatwa tentang syariat Islam, sesuai dengan ajaran Al-Quran dan Sunnah Rasulullah saw.**

Pengaruh Imam Hambali semakin besar dan meluas di kalangan masyarakat. Kecaman keras terhadap raja-

raja, terutama ditujukan kepada **Al-Watsiq** bergema di mana-mana, sehingga membuat **Al-Watsiq** sangat geram dan marah, lalu hilang pertimbangan.

Al-Watsiq yang peribadinya telah dikuasai oleh hawa nafsu kebendaan, pangkat dan kedudukan dan dipengaruhi pula oleh syaitan yang telah berjaya menipu dan memperdayakannya, sudah tidak lagi mahu melayani tuntutan rakyat.

Melihat situasi yang boleh membahayakan kedudukan raja-raja membuat **Al-Watsiq** segera mengumpulkan para pemimpin aliran **Mu'tazilah** dan pegawai penting kerajaan dalam suatu pertemuan kilat, untuk membahas dan mencari jalan keluar dari situasi yang berbahaya dan mencemaskan kerajaan. Pada hari berikutnya raja telah memerintahkan para pegawainya menghalang dan menangkap orang yang menghadiri pengajian Imam Ahmad.

Namun cara yang demikian tidak dapat mengurangi minat umat pada pengajian Imam Ahmad, biar bagaimanapun mereka cari jalan lain. Imam Ahmad dikenakan tahanan rumah dan tidak boleh dikunjungi atau mengadakan pelajaran dan pengajian. Cara ini dimaksudkan agar dapat mematahkan dan mempersempitkan pengaruh Imam Ahmad, serta menjauhkan diri dari masyarakat ramai. Demikianlah nasib Imam Ahmad. Ia hilang dari pandangan mata para muridnya dan khalayak ramai. Ia dikenakan larangan keluar rumah, sekalipun hanya untuk menziarah jenazah ataupun sembahyang berjamaah di masjid. Hal ini berlangsung begitu lama, sampai saat **Al-Watsiq** meninggal dunia dalam keadaan kotor dan berlumuran darah-darah manusia yang menjadi mangsa kekejamannya.

Sejak **Al-Ma'mun** berkuasa, berganti kepada **Al-Mu'tashim** dan puteranya **Al-Watsiq**, adalah zaman-zaman yang paling berat bagi Imam Ahmad dan para ulama besar lainnya yang sezaman dengan mereka. Sejalan dan sefa-

hama mempertahankan aqidahnya mengenai **Al-Quran sebagai Kalam atau firman Allah**, bukan **Mukhlug** sebagaimana yang didakwakan oleh golongan **Al-Mu'tazilah** dan ketiga raja tersebut. Para ulama besar banyak menerima siksaan dan kezaliman di luar perikemanusiaan oleh raja-raja dan terus menyiksa Imam Hambal sampai mati.

Apa yang telah saya kemukakan di atas mengenai penderitaan dan penyiksaan yang dialami oleh para ulama, terutama Imam Ahmad bin Hambal, merupakan bahagian kecil dari seluruh penderitaannya selama tiga zaman. Namun semua itu adalah peristiwa sejarah yang dilukiskan oleh saksi mata dan diabadikan dalam dokumen sejarah oleh para ahli yang bijaksana sebagai pelajaran yang patut dicontohi para **ulama** pada masa-masa akan datang terutama mereka yang membesar-besarkan diri sebagai ulama hingga tak boleh ditegur atas kesalahan sendiri sehingga ditahan dibawah ISA beberapa hari. Pusing satu negara minta hapuskan ISA mengutuk kerajaan zalim. Padahal mereka bukan ikut bertanggungjawab untuk meneruskan wasiat dan amanat Rasulullah saw dalam menyebarkan cita-cita perjuangan Islam ke seluruh dunia. Mereka melaung dan memperjuangkan satu pertubuhan yang nak cari makan dalam politik, yang mereka katakan gerakan Islam, dan paksa orang ramai percaya bahawa parti mereka sama seperti Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad.

Ulama mesti tahu bahawa biar bagaimanapun perubahan keadaan yang terjadi dari masa ke masa, para ulama mujahidin tetap akan muncul untuk membela kesucian **Al-Quran** dan menegakkan syariat Allah serta melaksanakan sunnah Rasul-Nya. Allah berfirman:

“(Mereka) yang berjihad di jalan Allah, dan tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela”.

(Al-Quran. 5, al-Maa-Idah : 54).

"Allah ridha terhadap mereka dan mereka pun merasa puas terhadap (limpahan rahmat) Nya. Mereka itulah golongan Allah. Ketahuilah, bahwa sesungguhnya golongan Allah itulah golongan yang beruntung".

(QS. 58, Al-Mujaadilah :22).

Dari itu kalau nak jadi ulama, jadi ulama sajalah. Jangan jadi ulama untuk tujuan politik, belajariah dari Imam Hambali.

3

KACA JATUH KE BATU

INTERVIEW wakil Utusan dengan Sultan Selangor.

Soalan: Ibu bapa Menteri Besar harap Tu-anaku akan ampunkan anak mereka....

Sultan Selangor: Saya tengah hot ini, ampun tak ampun soal kemudian. Saya *discuss again* dengan Perdana Menteri. Saya dah cakap, bincang dulu, biar saya *cool* dulu. Saya pun gelisah dan tak berapa sihat ni. Perlu fikir, saya dah cakap, itu terpulanglah pada Perdana Menteri.

Tetapi saya kecil hati, dalam dukacita, macam mana nak fikir, sabar dulu, saya amat sedih, pilu, menengok perihal anak saya ni, dia buat macam ini. Macam dia perendah-rendahkan saya, macam tak pedulikan saya. Saya fikir tak baik, ditengok orang pun tak baik, nak kahwin, kahwinlah buat betul-betul, buat nikah. Ini nikah lari pulak, masuk cerita dalam surat khabar pulak.

Saya suruh siasat di Kelantan, bukan ada kena-mengena, masuk negeri Siam pulak. Inilah cerita di Siam pulak. Ada kata kat Tumpat. Mula-mula kata situ, pergi, bawa pula dua perahu besar. Bawa ramai-ramai, siapa yang ramai tu, tak tahu pulak.

Dia kahwin di Siam-lah. Ini kahwin seludup ni. Inilah sah, tak sah perkahwinan ni, tengah selidik ni.

Saya serah pada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantanlah.

Terserahlah, kalau dalam Kelantan, barangkali dia akan ambil tindakan pula.

Memang boleh.

Kalau di Siam, memang bolehlah, tidak berupayalah kita. Di Siam tak ada wahi pun tak apa, tapi kita nak tengok sah ke tak sah, ada *register* atau tauliah sahaja.

Tengah siasat lagi. Nikah tu sah ke tak sah. Yang sudah tu, sudahlah.

Soalan: Kalau tak sah, macam mana.

Sultan Selangor: Ini yang teruk lagi, tak tahulah lagi. Kalau tak sah, akan dibicarakan lagilah. ambil tindakan. Sah ke tidak? Siapa dia punya saksi. Ini bukan lagi personal sudah masuk *religion*.

Soalan: Kalau tak sah, ini anak Tuanku sendiri. Macam mana?

Sultan Selangor: Dia macam berzinalah.

Soalan: Tindakan tetap akan diambil?

Sultan: Tetap diambil, kira macam zinalah. Anaknya tetap anak luar nikah, jadi kecohlah.

Dia dah beranak... nasib baik Tuhan sayangkan saya tau. Saya bukan ke-ramat.. kalau tak keluar anak tu... dah tentu Muhammad secretkan lagi. Bertahun-tahun nanti, sampai habis hayat mungkin tak tahu lagi.

Ini dapat bukti, fasal anak tu dah keluarlah. Itu bukti, anak saya pula *surrender* pada saya. Dia beritahu dia mengandung. Saya nak buru dia fasal dia mengandung, saya nak tahu siapa bapanya. Saya dah dengar khabar. Dia beritahu Muhammad. Inilah dia... saya gempar.

Muhammad dah cakap dengan saya... saya ingatkan bapanya lain. Saya tak terlintas Muhammad. Sebab itu saya tak percaya. Orang cakap-cakap saya tak percaya. Dia (Muhammad) orang jujur.

Dia ulang-ulang kali cakap dengan saya, dia kata Ya Tuanku, takkanlah anak raja saya nak ambil.

Bersumpah-sumpah... sampai begitu sekali. Sebab itulah saya percaya.

Saya nak hentam anak saya... siapa bapaknya? Eh...eh dia kata Muham-

mad, anak halal. Itulah timbul soal Kelantan tu...

Saya rasa bukan di Kelantan, di Siam barangkali. Dia naik sampan pula. Sultan Kelantan tengah siasat.

Soalan: Siasat sama ada nikah di Kelantan atau tidak?

Sultan: Ya. Sultan Kelantan akan siasat. Ini soal agama.

Saya dan Sultan Kelantan keduanya ketua agama. Sultan Kelantan ketua agama saya pun ketua agama.

Ini soal berkaitan dengan Allah Taala. Nanti berdosa, saya pun kena pasal tak siasat. Soal kahwin tak halal jangan main, ini lagi serius, ini bukan soal politik.

Soalan: Jadi siasatan ini bukan lagi soal kekeluargaan?

Sultan: Tak ada kena mengena dengan kekeluargaan atau politik, tetapi soal agama. Kena soal dek Tuhan nanti. Nanti Tuhan kata saya bersubahat pula. saya diam-diamkan saja.

Kalau pernikahan itu tidak sah zinalah. Tapi harap-harapkan baiklah. Kalau tak baik... anak tu anak luar nikah pula. Allah...

Soalan: Bila puteri Tuanku beritahu mengenai perkara ini?

Soalan:

Bila dah heboh desas-desus mengatakan dia mengandung. Saya pun panggil dia. Saya ingatkan ini fitnah.

Saya nak tahu halal ke tidak. Bapa dia siapa? Itulah baru dapat tahu. Itu yang saya dapat tahu, kalau tidak, waima saya tak tahu langsung mengenainya. Saya dapat tips anak saya dah mengeluarkan anak.

Anak halal

Barulah saya panggil dia. Itulah kali pertama saya panggil.

Bukan orang lain yang beritahu, saya sendiri tanya pada anak saya. Anak saya sendiri *surrender* pada saya.

Saya marah anak saya, bapanya tak ada, tiba-tiba keluar anak, macam mana? Katanya, anak ni anak halal. Kalau halal, siapa bapanya? Ha, katanya, Tan Sri Muhammad. Saya cemas macam nak pengsan hari itu.

Muhammad orang baik, kawan baik dengan saya. Dia buat kelakuan macam ini, peninglah saya.

Kalau awak sendiri yang kena macam mana rasanya. Kalau orang kampung pun dia marah, mesti marah, mana boleh tak marah.

Takdir tu memanglah takdir, jodoh pertemuan tu memanglah jodoh

pertemuan. Ini fasal tak beritahu emak bapanya, bapanya hidup lagi, emaknya pun ada lagi. Emaknya pun menanganis. Sampai hati anaknya buat macam ini.

Anak ni boleh tolak tepilah, tetapi yang lelaki ni, orang *educated*, orang alim. Perempuan ni nak senang... anak saya tu nak mewah aje. Bukan apa, dia ingat Muhammad tu boleh beri apa saja. Budak nipun tak berapa sihat juga. Muhammad mesti fikirilah. Macam mana pula dalam soal ini dia boleh jadi bodoh? Kahwin tak apa... yang jadi masalah tak beritahu, tak minta *permission*. Yang kedua buat malu, bawa lari pulak, ini lagi tak elok. Ke Kelantan tak dapat, Ke Siam pula dia pergi. Ini cerita baru dia ke Siam, naik sampan.

Ada dua orang, ada pengiring, banyak pula pengiringnya, macam kahwin betul-betul. Nasib baik tak dibawanya kompany... dah berkompang pulak dalam sampan...

Soalan: Kalau MB mengadap macam mana Tuanku?

Sultan: Mungkin satu hari nanti PM akan mengadap.

Mesti dia nak beri keputusan, tetapi berilah dia berehat.

Soalan: Berapa lama Tuanku beri tempoh untuk PM berfikir?

- Sultan: Jangan tanya pasal itu, berilah dia masa untuk berfikir. Bagaimanapun dia akan datang balik.
- Soalan: Khabarnya Tan Sri Muhammad akan balik dalam dua tiga hari ini, Tuanku nak terima tak?
- Sultan: Balik mana? Mengadap saya? Nak balik, baliklah, nak buat kerja pun boleh. Nak mengadap, saya dah kata, saya tengah panas ni. Kalau mengadap nanti, lagi parah lagi. Dia nak kerja, pergilah kerja.
- Saya nak pergi ni, 20 haribulan ni saya nak cabut. Lepas pertabalan (Yang Dipertuan Agong), saya nak berehat dan pergi *medical check*.
- Soalan: Kalau emak bapa MB datang mengadap?
- Sultan: Siapapun tak boleh. Kalau orang belah dia (Tan Sri Muhammad), janganlah mengadap sekarang.
- Kalau awak tengah hangat, macam mana rasanya? Kemudian-kemudian, wallahualam, kalau saya *cool*, mungkin boleh. Tapi sekarang, *I'm still hot*.
- Tak boleh lagi, ini perkara bukan boleh dipujuk-pujuk.
- Malu, malu saya pada rakyat.
- Soalan: Tapi mungkin, ada rakyat yang kata, bila MB dah jadi anak menantu Tuanku... (tak sempat habis soalan).

- Sultan:** Dah tahu anak menantu, buat apa di-bawa lari.
- Hormatlah sikit. Tak usahkan saya raja, orang kampung pun kena hormat. Itu sedih tu.
- Soalan:** Siapa nak minta ampun pun tak boleh?
- Sultan:** *Not now.* Kalaulah Tuhan sejukkan diri saya... sekarang saya masih *hot* lagi.
- Jauh sekali**
- Soalan:** Orang kampung kata Tuanku boleh kerja baik dengan MB.
- Sultan:** Dia nak kerja, kerjalah, ini tak jadi masalah, tapi nak berdekat tu jauh sekalilah.
- Soalan:** Tapi kalau Tuanku dan Tan Sri tidak mesra, mungkin perjalanan kerajaan tidak baik?
- Sultan:** Itulah saya kata, PM *has to think it over.* *Now he ought to think.* Itulah saya kata, saya serahkan kepada PM.
- Adakah sesuai dia berjalan dengan saya *as a family*, saya macam tak berteguriah... kecil sangat hati saya, sedih.
- Malam saya tak boleh tidur, Tuhan saja yang tahu.
- Macam mana tak sedih, dia rampas anak orang, dia bawa lari.

Cuba anak awak dibawa lari, awak tak marah ke? Nak pula anak yang awak sayang.

Awak belum kena macam saya, saya dah kena, saya tahulah.

Awak kalau sesat fikiran, terjun sungai pulak nanti.

Nak tengok orang pun malu, malu.

Nak kahwin boleh, tapi ada jalanlah. Semua orang kahwin, tetapi bukan dengan cara ini. Cara ini tak baik. Tak bagi tahu ibu bapa, ini pula dalam masa *two years, it's a long time*.

Berulang-ulang kali saya tanya dia, dia kata tidak, tidak.

Kalau dia mengaku, selesai. *Now it's too late*.

Yang mengaku pun anak saya, bukan dia beritahu. Sebab saya tangkap dia.

Soalan: Tapi dia ada beri surat pada Tuanku?

Sultan: Lepas dia jumpa PM baru dia tulis.

Dalam surat itu dia cuma kata nak cuti, itu yang panjang.

Soalan: Soal minta ampun tak panjang sangat. Lepas Tuanku bercuti bolehkah Tan Sri mengadap?

Sultan: Itu nanti dulu, saya nak berehat, kena fikir.

Beri saya peluang berehat di England. Jangan kacau saya, kalau kacau, api saya naik lagi.

Bagi saya *cool* dulu. *The best way, on the 20th I go for holiday, forget about everything and I think I boleh cool.* Bila saya balik, mungkin *I change my mind.*

Mungkin bila saya balik, saya boleh berunding semula dengan PM. Mungkin itu *the best way.*

Kalau sekarang orang nak jumpa, mungkin saya bertambah marah lagi.

Soalan:

Adakah Tuanku berikan tempoh untuk PM memikirkan?

Sultan:

Bila-bila masa pun boleh, dia pun sibuk. Bukan soal ini saja dia nak fikir, dia banyak perkara lain lagi. Berilah masa untuk dia berfikir. Dia pun serba salah. Dia pun malu juga. Dia tentu malu, orang dia...

Beri dia masa untuk berehat. *PM is all-right...*

Nasib baiklah kerana pertabalan, kalau tidak saya dah pergi.

Tak eloklah saya tak ada. Kalau tidak, hari ini saya dah pergi... saya dah malas, dah malas...

Utusan Malaysia muka dua.
14 hb. Sept, 1989.

4

BAPAK BOREK ANAK RINTIK

HULU BERNAM: Hasrat menemui keluarga Menteri Besar Selangor untuk mendapatkan komen tentang perkahwinan Tan Sri Muhammad Haji Mohd Taib dengan Tengku Puteri Zahariah bukanlah suatu tugas yang mudah.

Perasaan sentiasa berdebar-debar, sama ada kedatangan kami diterima dengan 'lapang dada' atau penuh dengan maki hamun.

Apalagi perkahwinan itu telah dihebahkan secara meluas oleh akhbar-akhbar tempatan. Anggapan yang bermain dalam hati ialah kedatangan 'orang surat khabar' tentulah bukan sesuatu yang menggembirakan bagi keluarga Menteri Besar Selangor ketika ini.

Tetapi kami mencekalkan hati untuk menemui juga keluarga Tan Sri Muhammad. Apa pun yang bakal terjadi, kami sudah sedia menghadapinya.

Kami berdiri agak lama sebelum memberanikan diri menghampiri rumah yang tersergam indah di hadapan kami itu.

Suasana kediaman keluarga Haji Mohd. Taib Haji Sidek di Hulu Bernam Bagak sunyi ketika kami tiba. Kami menghampirinya dengan perlahan lalu memberi salam.

Tidak lama kemudian, seorang wanita berusia 30-an keluar dan kami pun memperkenalkan diri sebagaimana biasa.

Setelah mengetahui niat kedatangan kami, wanita itu kemudian masuk ke dalam dan tidak lama kemudian keluar semula.

"Nak cungkil-cungkil berita ye," kata wanita itu dengan senyum sambil membuka kunci pagar besi.

Apabila kami dipersilakan masuk dengan ramah oleh wanita itu, debar dalam dada serta-merta menghilang. Kami mula yakin bahawa bukan maki hamun yang kami diterima, tapi sambutan seperti layaknya orang Melayu menerima tetamu.

Setelah kami duduk sambil memerhati ruang dalam rumah yang agak besar tapi sederhana itu, tiba-tiba seorang lelaki tua tanpa baju keluar dan kami pun bersalam pun sambil memperkenalkan diri. Gayanya begitu sederhana, sama seperti orang-orang kampung kebanyakan.

Orang tua yang dikenali sebagai Haji Mohd. Taib itu kemudian meminta diri untuk memakai baju.

Setelah beliau keluar semula kira-kira lima minit kemudian, kami berbual-bual sebentar dan barangkali kerana mengetahui tujuan kedatangan kami, beliau terus menyatakan rasa tidak senangnya dengan laporan akhbar mengenai perkahwinan Tan Sri Muhammad itu.

"Menjatuhkan maruah," katanya pendek.

Dalam perbualan itu, Haji Mohd. Taib banyak berserah

kepada Allah tentang perkara yang menimpa keluarganya dan berharap ia dapat diselesaikan dengan baik.

Ayah Menteri Besar Selangor itu juga dengan lapang dada menerima Tengku Puteri Zahariah sebagai menantunya walaupun beliau hanya mengetahuinya setelah pasangan itu melahirkan seorang cahaya mata.

Beliau memberitahu, perkahwinan tersebut diterima dengan hati terbuka walaupun beliau sekeluarga hanya mengetahuinya melalui laporan-laporan akhbar sahaja.

"Lebih-lebih lagi dengan perkahwinan itu, telah memberikan saya seorang lagi cucu," ujar beliau yang sebelum ini sudah pun mempunyai seramai 30 orang cucu.

Beliau juga berkata, Tan Sri Muhammad tidak pernah memberitahunya tentang perkahwinannya itu sama ada sebelum berkahwin ataupun selepas berkahwin.

"Tetapi saya tidaklah kecil hati dengan tindakannya itu. Dia sudah waras, boleh menentukan mana yang baik dan mana yang tidak baik.

"Saya juga tidak menganggap perkahwinan itu sebagai membelakangkan saya sebagai seorang ayah," tambahnya lagi.

Ditanya tentang perasaannya setelah mengetahui tentang perkahwinan itu, Haji Mohd. Taib berkata, beliau tidak merasa apa-apa.

"Saya tidak terperanjat tetapi memandangkan ia telah menjadi isu, saya hanya berdoa agar ia dapat diselesaikan dengan baik.

"Sejak mendengar berita perkahwinan itu, tiap-tiap malam saya sembahyang tahajud dan sembahyang hajat memohon doa kepada Allah," kata Haji Mohd. Taib lagi.

Beliau juga melahirkan keinginan untuk bertemu dengan Tengku Puteri Zahariah kiranya Tan Sri Muhammad bersedia membawanya menemui menantunya itu.

"Siapa yang tidak mahu bertemu dengan menantu, lebih-lebih lagi jika sudah mempunyai cucu," kata beliau.

Bagi Haji Mohd. Taib juga, perkahwinan anaknya dengan puteri Sultan Selangor itu sebagai Qadak dan Qadar daripada Allah.

"Saya menyerahkan segala-galanya kepada Allah. Benar atau salah tindakannya itu, biarlah Allah yang menghukum," ujarnya lagi.

Sedang rancak kami berbual, tiba-tiba isteri Haji Mohd. Taib muncul dari dapur dan berkata, "Sudahlah tu."

"Kita hanya bercakap yang benar, bukan menyinggung sesiapa," kata Haji Mohd. Taib dan kemudian meneruskan perbualannya dengan kami. Kemudian kedengaran isteri beliau berkata-kata sesuatu, lalu masuk ke bilik.

Menjawab soalan, Haji Mohd. Taib juga berkata, beliau tidak bercadang untuk mengadap Sultan Selangor bagi menyelesaikan masalah perkahwinan anaknya itu.

"Dia dah kahwin dengan anak Sultan, terpulanglah pada Sultan tetapi saya harap Sultan sudi memaafkan kalau apa yang dilakukannya itu satu kesilapan," katanya.

Sedang rancak berbual, sekali lagi perbualan kami terhenti apabila seorang lelaki muda muncul dari belakang dan bersalam dengan kami.

"Minta kad wartawan?" tanya lelaki itu tiba-tiba kepada salah seorang daripada kami.

"Menantu saya ni *Special Branch*," kata Haji Mohd. Taib pendek.

Beliau juga merasakan 'kemurkaan' Baginda Sultan terhadap Tan Sri Muhammad tidak akan berpanjangan kerana katanya, "Menteri Besar adalah pemimpin yang disayangi oleh Sultan," ujarnya.

Bagaimanapun, sekali lagi, Haji Mohd. Taib menyerahkan kepada Tuhan apabila ditanya kedudukan Tan Sri Muhammad sebagai pemimpin negeri ini selepas beliau pulang bercuti nanti.

"Saya serah pada Tuhan sama ada dia terus jadi Menteri Besar atau tidak. Saya tidak merasa apa-apa kerana kita tidak boleh kehilangan akal dalam melawan kehendak Allah," tegasnya.

(Dipetik dari akhbar **Watan**
bertarikh 12 September, 1989)

5

MIKE TYSON JADI MANGSA?

PADA 13 Ogos 1989 yang lalu genaplah tiga tahun Tan Sri Muhamad Muhd. Taib menjadi Menteri Besar Selangor Darul Ehsan. Beliau dilantik menjadi MB sebaik saja Barisan Nasional memenangi pilihanraya umum ketujuh pada 2 dan 3 Ogos 1986. Tempoh tiga tahun tu nak di katakan lama, tentulah tak lama. Nak dikatakan sekejap pun tak boleh. Tapi tempoh itu tentu agak tak mencukupi untuk membolehkan sesuatu perancangan dibuat. Namun ada tokoh yang sudah menjadi MB selama tiga penggal tapi dalam tempoh begitu punya lama pun masih banyak terdapat kekurangan dan kelemahan.

Saya tidaklah berniat untuk mengangkat darjat Tan Sri Muhamad atau Mike Tyson sambil membelakangkan MB-MB lain yang turut sama berjasa.

Apa yang cuba saya ceritakan di sini ialah tentang kejayaan besar beliau selaku Menteri Besar dalam tempoh yang singkat itu. Kejayaan itu dengan sendiri akan menutupi kejayaan yang dicapai di zaman tokoh lain menjadi Menteri Besar. Ini termasuklah di zaman Datuk Harun Idris menjadi Menteri Besar. Tapi kita seharusnya berani dan ikhlas di dalam menilai seseorang tokoh bukan dari

segi peribadi ataupun kerana tokoh itu sahabat kita. Kita harus menilai beliau dari kejayaan dan prinsip beliau.

Kepada saya kejayaan yang dibuat oleh Datuk Harun di Selangor memang banyak. Walau bagaimanapun kejayaan itu bukanlah bermakna tokoh-tokoh lain tidak mampu memajukan Selangor. Mereka sekadar tidak diberi peluang.

Selepas Datuk Harun, Selangor telah ditadbir oleh beberapa orang Menteri Besar. Bagaimanapun kejayaan yang diharap-harapkan tidaklah begitu memberangsangkan. Ini mungkin disebabkan tokoh-tokoh yang menjadi pentadbir itu tidak mempunyai visi dan juga idea untuk menjadikan Selangor sebuah negeri contoh.

Dalam bukunya Selangor di Era Muhamad Haji Muhd Taib, penulisnya Kamal Amir berkata:

"Kalau di zaman Datuk Harun menjadi Menteri Besar, negeri Darul Ehsan ini mampu untuk menjadi fokus perhatian setiap pemimpin dari negeri yang lain kerana beliau seorang tokoh muda yang punya pelbagai daya kreatif maka kini Encik Muhamad (sekarang Tan Sri) Bin Muhd Taib pula mampu memperlihatkan populariti di samping itu memiliki daya kreatif paling tajam."

Kini apa yang ditulis oleh saudara Kamal Amir itu telah pun menjadi kenyataan. Selangor telah pun melahirkan seorang tokoh yang mampu mengangkat negeri ini ke taraf yang paling tinggi di dalam sejarah pembangunan Negeri Selangor selama ini.

Sejak mengambilalih pentadbiran negeri daripada Datuk Ahmad Razali Ali, Tan Sri Muhamad memang nekad untuk menjalankan tugas. Kepada para wartawan yang

menemuramah beliau di awal-awal pentadbirannya, beliau seringkali mengingatkan mereka bahawa beliau menerima tugas ini kerana mahu membela nasib rakyat yang masih jauh miskin terutama rakyat berbangsa Melayu.

Katahal apa pun kepadanya, Tan Sri Muhamad telah pun membuktikan keupayaan beliau selaku seorang pentadbir yang cekap. Ini satu kejayaan yang luar biasa memandangkan sebelum ini Tan Sri Muhamad tidak mempunyai sebarang pengalaman. Beliau bukanlah anggota EXCO tapi sekadar Ahli Dewan Negeri biasa. Pengalaman di bidang pentadbiran kerajaan tidak pernah ada. Menteri Besar waktu itu tidak nampak bakat yang ada pada Tan Sri Muhamad, sebab itu namanya terkeluar dari senarai ahli-ahli EXCO kerajaan negeri.

Bagi saya, apa yang agak menarik tentang Tan Sri Muhamad sebagai Menteri Besar Selangor ialah beliau dengan beraninya meminta ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri supaya mengisytiharkan harta mereka. Itu satu pasal. Satu pasal lagi yang juga menarik perhatian saya ialah beliau juga mahukan ahli-ahli EXCO tadi tidak melibatkan diri di dalam bidang perniagaan. Berapa ramaikah Menteri Besar Selangor sebelum beliau yang berani mengambil tindakan semacam itu?

Walaupun bunyinya tidaklah sehebat pelaksanaan tapi itu bukanlah masalah pokok. Apa yang penting ialah beliau tegas dan ini terbayang daripada amarannya itu. Tan Sri Muhamad memang mahukan anggota-anggota EXCO menjadi contoh kepada kakitangan kerajaan. Siapa lagi kalau tidak mereka yang menunjukkan contoh yang baik. Sebab itu beliau sendiri sanggup memadam api di dalam bilik pejabat. Cukuplah hanya dengan menggunakan cahaya solar saja.

Bagi orang-orang yang tidak memahami rasionalisasi dari penggunaan tenaga solar ini, mereka menganggap

Menteri Besar ini suka bekerja di dalam gelap. Tapi terbukti selama beliau menjadi Menteri Besar, Mike Tyson benar-benar mengkotakan kata-kata hinggakan pihak kawan dan lawan jadi malu alah dengannya. Benarlah MB memang serius, kata mereka berkali-kali.

Sebagai pemimpin politik Selangor yang berkuasa di atas pentadbiran negeri, beliau mengamalkan dasar berjimat cermat. Jika amanah rakyat tidak dijalankan dengan bersungguh-sungguh maka bukan saja negeri Selangor akan bertambah mundur malah karier politik beliau pun akan terjejas.

Dalam menjalankan tugas murni ini beliau tidak senang melihat kerajaan membazirkan wang melaksanakan projek-projek mewah. Dalam tempoh sebulan menjadi MB, beliau telah menghentikan semua projek-projek mewah memandangkan keadaan ekonomi negara waktu itu yang sudah agak tenat. Tapi Tan Sri Muhamad cukup berhati-hati sebab waktu itu pertumbuhan ekonomi berada di bawah paras 1 peratus.

Dalam konteks menangguhkan projek-projek mewah ini, beliau telah mengarahkan agar projek-projek mewah yang bernilai 500 juta termasuk pembinaan sebuah perkampungan sukan di Shah Alam, pembinaan Menara Shah Alam di Fasa Kedua dan pusat bandar bernilai \$120 juta ditangguhkan dulu. Bagaimanapun ini tidaklah bermakna beliau anti pembangunan. Apa yang dilakukan oleh Tan Sri Muhamad hanyalah mengawal keadaan ekonomi Selangor supaya tidak menjadi lebih terok lagi.

Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri, telah melawat Selangor untuk mendengar taklimat daripada Tan Sri Muhamad berhubung pembangunan di negeri itu.

Beliau mengulangi kenyataan awalnya bahawa kerajaan negeri terpaksa menghentikan projek-projek mewah sehingga keadaan ekonomi kembali pulih.

Encik Ghafar yang mendengar taklimat itu amat kagum dengan daya dan cara Menteri Besar Selangor. Dalam ucapannya, Encik Ghafar mengatakan tindakan yang diambil oleh MB ini amat wajar. Katanya pentadbiran kerajaan negeri di bawah pimpinan Tan Sri Muhamad nampaknya mempunyai sistem pentadbiran yang sempurna sistematik dan tegas.

Kata Encik Ghafar lagi:

"Saya berpuas hati dengan tindakan itu kerana Menteri Besar dan ahli-ahli EXCO-nya memandang jauh ke hadapan kerana dengan cara itu mereka bakal mengambil alih pucuk pimpinan pada masa akan datang tidak akan menanggung beban."

Tapi ini tidaklah bermakna rancangan pembangunan lain diabaikan. Mana-mana projek yang beliau fikir wajar dilaksanakan maka projek-projek itu diteruskan. Ini termasuk pembinaan Masjid Besar Negeri yang telah pun digunakan sekarang, perpustakaan awam dan muzium negeri.

MB sedar ada projek-projek mewah yang tidak menguntungkan rakyat, sebaliknya hanya dianggap membazir saja. Malah wang yang diperolehi daripada kerajaan pusat sebagai bayaran pampasan kerana "penjualan" Wilayah Persekutuan sebanyak \$300 juta setahun sehingga 1990 harus digunakan untuk projek-projek yang lebih manfaat.

Salah satu projek penting yang membantu meninggikan ekonomi negeri ialah pelaksanaan *State Secretary Incorporate (SSI)*.

Menurut Abdullah Tahir, pensyarah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, di dalam buku "Selangor Di Era Muhamad Haji Taib":

"Antara perubahannya dijangka akan dilakukan ialah mewujudkan syarat-syarat perjanjian, *term of agreement* dengan sektor swasta, dalam masalah mengendalikan projek-projek perumahan secara usahasama atau *joint venture*, perubahan, menekankan *state Sectary incorporation (SSI)*, dan penambahan di dalam saham Selangor dalam koleksi *assessment* di Kuala Lumpur."

Hasilnya kerajaan negeri akan memperolehi punca kewangannya berlipat ganda berbanding dengan sebelum ini. Sebagai contoh projek-projek perumahan yang dijalankan sebelum ini, kerajaan hanya memungut cukai premium saja. Tapi sekarang pihak swasta terpaksa memberikan sebuah ataupun dua buah rumah kepada kerajaan negeri. Ini menambahkan hasil tahunan.

Antara contoh-contoh lain tentang pelaksanaan SSI ialah para kontraktor yang membina rumah-rumah kos rendah dikehendaki membeli simen, batu-bata dan lain bahan binaan daripada SSI.

Tan Sri Muhamad pernah berkata bahawa SSI akan digerakkan sepenuhnya bagi mendapat hasil untuk tabung kewangan negeri. Bila kita memperkatakan tentang pembinaan rumah-rumah kos rendah kita tidak boleh lari dari bercakap tentang PKNS. PKNS ialah sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan di bawah enakmen negeri Selangor. Selaku Ketua Pentadbiran Negeri, Tan Sri Muhamad ialah Pengerusi PKNS. Di masa lalu PKNS telah menjalankan projek perumahan secara berlipat ganda sehingga pada tahun 1985 saja PKNS telah membina kira-kira 53,488 unit rumah. Dari angka ini 27,079 unit adalah rumah kos rendah, 22,159 unit kos sederhana dan 4,250 unit kos tinggi. Kerana keadaan ekonomi serta konsep rumah itu sendiri, maka rumah-rumah milik PKNS tidak mendapat sambutan berbanding dengan rumah-rumah

yang dimajukan oleh syarikat perumahan swasta. Bagi menarik minat para pembeli untuk memiliki rumah-rumah PKNS maka MB telah mengumumkan potongan harga bagi rumah-rumah ini. Dengan penurunan harga rumah-rumah ini maka orang ramai telah berduyun-duyun datang mendapatkan maklumat. Hasilnya banyak rumah-rumah PKNS berjaya dijual. Bagaimanapun penurunan harga rumah-rumah ini berjaya memikat hati para pembeli, tapi pihak kerajaan yang membelanjakan \$100,000 untuk kempen publisiti besar-besaran selama ini telah kerugian \$90 juta, selain daripada hutang yang masih ada sebanyak \$500 juta.

Satu lagi perkara yang saya rasa perlu juga saya sebutkan di sini ialah pembinaan Taman Pertanian Kebangsaan di Bukit Cerakah. Walaupun idea asal taman ini datang daripada Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid namun melalui kebijaksanaan kerajaan negerilah projek ini diadakan di Selangor. MB telah pun memperuntukkan Bukit Cerakah untuk taman berkenaan. Menurut Datuk Seri Sanusi, sebuah taman pertanian seperti itu merupakan satu-satunya taman pertanian di dunia ini dan boleh menarik pelancong-pelancong dari seluruh dunia selain daripada menjadi tempat menyediakan kemudahan dan keperluan pertanian.

Tan Sri Muhamad juga memikirkan tentang masa depan negeri Selangor terutama sebaik saja wang pampasan sejumlah \$300 juta setahun habis dibayar oleh kerajaan Persekutuan. Di manakah kerajaan Negeri Selangor dapat mencari ganti wang sebanyak itu untuk membiayai pembangunan negeri Selangor? Bagi menyiapkan payung sebelum hujan, MB telah mengumumkan penubuhan Tabung Warisan Negeri. Dalam sidang Dewan Negeri pada tahun 1986, beliau memberitahu sidang bahawa untuk merealisasikan cita-cita tersebut kerajaan telah memperuntukkan satu peratus daripada hasil tahunan keseluruhan sebagai caruman simpanan dalam tabung ini. Ia akan

digunakan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan di masa-masa akan datang. Pada tahun 1986 kerajaan negeri memperoleh \$475.5 juta dari hasil negeri, \$4.7 juta dicarumkan ke dalam tabung berkenaan. Tabung ini diuruskan oleh satu badan yang pemegang amanah yang dilantik oleh kerajaan.

Sebelum saya sendiri menjulang tinggi kejayaan Selangor di bawah Tan Sri Muhamad, ada eloknya juga jika saya perturunkan komen Abdullah Tahir berhubung perkara ini:

“Langkah-Langkah tegas dan berani yang beliau ambil bagi menyelamatkan keadaan ekonomi Negeri Selangor telah mendapat sanjungan dan pujian. Kejayaan-kejayaan awal beliau ini sudah cukup untuk mengukur kemampuan beliau mentadbir negeri Selangor di masa-masa akan datang. Seperti yang diakui oleh Tan Sri Muhamad sendiri bahawa beliau masih belum puas dengan kejayaan setakat ini, kerana masih banyak lagi perkara-perkara yang boleh dilakukan perubahan dan pembaharuan.”

Belum habis tempoh lima tahun beliau menjadi MB Selangor, namun kejayaan yang dicapai oleh Selangor amat mengagumkan. Misi lawatan beliau ke Eropah telah berjaya menarik minat para pelabur asing. Para usahawan daripada Hong Kong, Taiwan dan Jepun telah memperlihatkan minat untuk menanam modal di Selangor.

Ini bukan saja dari segi membawa masuk pertukaran wang asing, yang lebih penting ialah ia menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat di Malaysia dan penduduk Selangor khususnya.

Sekarang telah melebihi \$5 billion wang asing berjaya ditarik masuk ke Selangor oleh MB Selangor. Bukankah ini satu kejayaan yang tiada tolak bandingan?

Masa depan Selangor semakin cemerlang malah generasi hari esok sudah boleh tersenyum melihat kerancakan Selangor di bidang pembangunan dan juga di dalam memperbanyakkan kemasukan modal asing sebagai satu cara untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan.

Siapakah kalau bukan Tan Sri Muhamad yang telah berjaya membangunkan Selangor. Datuk Harun barangkali boleh mendabik dada mengatakan dia pun boleh membangun Selangor semaju sekarang. Tapi mengapa kita harus jadi begitu sentimental dan nostalgik, mengapa kita tidak bersyukur kerana Allah telah mentakdirkan Tan Sri Muhamad sebagai MB Selangor. Kerana melalui sumbangan jasa beliaulah Selangor sekarang maju jauh mengatasi lain-lain negeri di dalam Malaysia.

Ingin saya petik janji MB kepada dirinyadi dalam usaha beliau menjadikan Selangor sebuah negeri yang termaju dan model state di dalam Persekutuan:

**“Saya akan terus melahirkan fikiran, mengene-
pikan kelemahan-kelemahan dan membuatkan
semua orang selalu bergerak dalam masa lima
tahun akan datang”.**

Sekiranya beliau dibawa ke Pusat maka banyak kerja-kerja yang telah dibuat akan tergendala. Bukanlah bererti orang lain tidak mampu, cuma di dalam konteks sekarang tugasnya masih belum selesai. Baginda Tuanku Sultan Selangor harus memikirkan perkara ini daripada memikirkan perkahwinan dengan puteri baginda. Masa depan Selangor bergantung kepada kepemimpinan Tan Sri Muhamad dan selama ini beliau telah membuktikan keupayaannya, kemampuan dan kebolehannya. Ujian telah beliau lulus, cabaran telah dihadapi dengan tabah. Sekiranya Tuanku memberikan semangat dan dorongan maka bukan saja Selangor akan maju malah rakyat Melayu yang berdekatan dengan Selangor juga turut akan maju. Kekayaan Selangor akan melimpah ke kawasan di persekitarannya juga.

Majunya orang-orang Melayu maka majulah negara ini dan dengan sendirinya termaktublah cogankata takkan Melayu hilang di dunia.

Bukankah di dalam masa Kesultanan Melayu di zaman silam, kebanyakan dari Menteri Besar atau yang lebih dikenali sebagai 'Memanda Menteri' ataupun 'Mamak Bendahara' adalah tergolong dari kalangan yang ada kaitannya dengan istana sama ada Menteri Besar itu seorang bapa saudara, sepupu atau ahli keluarga yang dekat. Kebetulan di Selangor ini Menteri Besarnya adalah menantu raja. Apakah kerana kejayaan yang telah dibawa? Atau kerana sikapnya yang berani dan tegas? Atau kerana beliau seorang menantu raja, maka dia terpaksa menghadapi cabaran yang sedemikian rupa?

6

KUASA DAN ALIRAN

ANDA sudah membaca pendapat guru saya, Ustaz Ashaari, mengenai poligami. Saya memilih beliau sebagai Bapa Poligami Malaysia kerana bukan saja beliau berjaya mempunyai empat orang isteri dalam satu waktu, tetapi beliau juga telah berjaya menarik kebanyakan pengikut-pengikutnya turut sama mengamalkan poligami tanpa menemui apa-apa masalah dan pada mana-mana pejabat agama pun di seluruh negara. Hakikat ini amat menakjubkan bila diambil kira bahawa perkahwinan itu dipersetujui malah direstui oleh isteri pertama.

Saya tidak mahu bercerita panjang lebar mengenai Al-Arqam dan Ustaz Ashaari kerana sudah banyak buku yang ditulisnya sendiri. Bahkan media asing pun turut memperkatakan tentang Arqam. Contohnya akhbar *The Straits Times Of Singapore* bertarikh 8 February 1988 dalam satu rencananya yang khusus mengenai Arqam antara lain menyebut:

“Salah satu daripada kumpulan-kumpulan paling kontroversial yang muncul daripada kebangkitan semula Islam di Malaysia ialah

Pergerakan Darul Arqam. Malah selepas 20 tahun kemunculannya, pandangan masyarakat terhadapnya masih berbeza-beza. Ada yang tertarik dengan sifatnya yang ideal manakala sesetengahnya menolaknya disebabkan ketegasannya berpegang kepada ajaran yang asas. Dalam keadaan masyarakat terus memperkatakannya, Arqam nampaknya semakin teguh dan menjadi lebih disegani".

Menurut temubual dengan wakil akhbar itu, Ustaz Ashaari dipetik sebagai berkata:

"Sesebuah negara Islam mestilah lahir secara semulajadi, umpama sebatang pokok, akarnya menjalar dan ia tumbuh menegak secara perlahan-lahan, menumbuhkan dahan demi dahan. Pada masa ini tidak ada sebuah negara Islam pun di dunia."

Namun, biar bagaimanapun biarlah saya ceritakan sedikit tentang Ustaz Ashaari dan Darul Arqam dalam buku ini. Ini adalah merupakan buku saya yang keempat menyentuh tentang perkara ini.

Ustaz Ashaari Syeikhul Al-Arqam dalam buku terbarunya **'BERHATI-HATI MEMBUAT TUDUHAN'** nampaknya seperti tidak berpuas hati dengan golongan dan fahaman Wahabi. Sebenarnya bukan Arqam sahaja yang tidak berkenan dengan fahaman Wahabi ini, bahkan kebanyakan umat Islam yang pernah mengerjakan Umrah atau Haji, terutama penganut fahaman Ahlul Sunnah Wal Jamaah dan para pengikut Jaafariah turut tidak senang dan ada yang membenci dengan fahaman Wahabi. Justeru itu di antara sebab-sebab saya memetik sebahagian dari isi buku tersebut di dalam bab ini ialah untuk memperkenalkan kepada pembaca saya, apakah itu yang dikatakan **'WAHABI'**.

Sepatutnya Ustaz menulis sebuah buku "**Bahaya Wahabi**" sebagaimana Ustaz telah menulis buku "**Bahaya Syiah**". Selain dari itu ustaz juga patut mengadakan ceramah-ceramah umum di seluruh negara untuk menentang bahaya 'Wahabi' yang sudah begitu lama berakar umbi di negara ini, kerana mereka inilah yang paling ditakuti oleh mazhab-mazhab lain. Ramai yang masih tak tahu tentang bahaya Wahabi yang sudah mencengkam dan menakluki dunia Islam selama lebih kurang tiga ratus tahun. Merekalah yang bertanggungjawab membuat umat Islam hidup di bawah cengkaman pemikiran mereka.

Pemikiran rakyat perlu dibuka supaya mereka dapat mengenal apakah yang dikatakan mazhab 'Wahabi' itu seperti mana mereka patut mengetahui tentang aliran 'Sunni' dan 'Syiah'. Beberapa perkara pokok perlu dijelaskan. Dari mana timbulnya fahaman Wahabi itu? Siapakah pembawanya? Bagaimana perkembangannya dan apa sumbangannya terhadap umat Islam? Bagaimana pula tentang bahayanya?

Untuk membuka pemikiran rakyat bukanlah satu pekerjaan yang senang, bukan seperti mengajar anak-anak bermain teng-teng atau congkak. Ia terpaksa menghadapi segala kritikan dan tentangan. Dulu semasa Dr. Mahathir mula-mula ajak kita pandang ke Timur dan '**Buy British goods last**', agen-agen imperialis Barat turut melenting kerana mereka takut kehilangan keistemewaan. Hari ini rakyat Malaysia dan dunia tahu siapakah British yang sebenarnya.

Dr. Mahathir telah membuka pemikiran kita semua. Begitulah yang sepatutnya terjadi kepada umat di dunia yang merdeka. Mereka tidak boleh takut menghadapi perubahan. Mereka mesti sanggup mengalih pemikiran jika mendapati sesuatu aliran atau fahaman itu tidak lagi sesuai dan tampak sebagai tidak menepati akidah. Dan dalam membawa sesuatu perubahan itu sudah pasti ada golongan atau orang perseorangan yang menjadi korban.

Jika kita mengimbas kembali sejarah gerakan dakwah Islamiah di negara kita ini, ia tidak berlaku tanpa tentangan dan cemuhan. Misalnya gerakan dakwah yang dianjurkan oleh Arqam, ABIM dan Tabligh yang menyeru agar wanita-wanita Islam memakai jilbab telah menerima reaksi yang negatif.

Namun reaksi negatif itu beransur-ansur kurang. Dalam masa satu dekad yang kebelakangan ini kita telah melihat ramai para siswazah wanita yang menggunakan pakaian jilbab ini. Malah pakaian ini dipakai di mana-mana sahaja, di pejabat, di kompleks membeli-belah dan di tempat-tempat awam yang lain. Orang yang melihatnya kini tidak lagi merasa canggung atau aneh melainkan sebahagian besar daripada wanita-wanita UMNO yang bukan sahaja tidak memakai jilbab malah tidak menutupi kepala mereka di khalayak ramai seperti yang dituntut oleh syarak.

Kebangkitan Islam di dalam era Mahathir jelas dirasakan bukan sahaja oleh orang Malaysia malah juga negara-negara jiran.

Akhbar harian yang berpengaruh di Indonesia, '**Kompas**' edisi 22 Jun 1987, pernah menyiarkan rencana yang bertajuk '**Islam dan Malaysia**'. Antara lain rencana itu menyebut:

"Suasana keagamaan di Malaysia lebih terasa lagi selama bulan puasa lalu. Restoran Melayu ditutup dan polis berjaga-jaga agar tak ada orang Islam (Melayu) yang leluasa makan di siang hari."

Saya tidaklah mahu menyamakan Ustaz Ashaari dengan Dr. Mahathir. Cuma kebetulan saja Ashaari timbul di zaman Dr. Mahathir. Kehebatan Ashaari mengadakan sebuah perkampungan atau 'negeri Islam contoh', (*a model of an Islamic State*) begitu mengagumkan. Belum ada

dalam mana-mana dunia Islam pun orang perseorangan yang berjaya menunjukkan satu 'model' negara Islam selain dari pertubuhan Arqam.

Makanan dan keperluan mereka mestilah dari sumber yang diketahui dan terjamin halal. Pengikut-pengikutnya dinasihatkan membeli barang-barang keperluan atau makanan hanya dari kedai orang-orang Islam sahaja. Barangan keluaran Al-Arqam Malaysia kini semakin popular seperti mee segera, kicap, cili sos, cuka, jeruk, minyak wangi, bedak dan ubat gigi.

Al-Arqam menganjurkan agar orang-orang Islam mengamalkan ajaran Islam secara keseluruhannya termasuklah berpakaian secara Islam. Dan menurut Arqam, memandangkan orang-orang bukan Islam masih belum mendapat hidayah, orang-orang Islam berkewajipan menyeru mereka kepada Islam, tetapi bukan memaksa mereka memeluk Islam.

Kehebatan Arqam ini bukan sahaja patut dipuji, malah keberanian Ustaz Ashaari juga patut dicontohi. Beliau sedia menghadapi segala macam cabaran dan tentangan terutamanya dari media massa. 'Kumpulan Utusan Melayu' sering berusaha untuk menjatuhkan imej model dunia Islam yang telah dibina oleh Ustaz Ashaari dan Arqam.

Siapakah yang lebih berani dari beliau dalam mempertahankan ahli Sunnah dan menentang Syiah yang dianggap sebagai musuh ahli Sunnah? Beliau lebih berani dari Salman Rushdie padahal dia hanyalah seorang *dropout*.

Ustaz Ashaari dalam buku terbarunya yang disusun oleh Ustazah Khadijah Aam menghentam Wahabi. Beginiilah bunyi pandangan beliau:

'Begitu juga dengan Muhammad Nasiruddin Al Bani, yang kitabnya dijadikan rujukan oleh pengulas Pusat Islam itu, adalah bapa fahaman

Wahabi. Pandangannya sangat jauh berbeza dengan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Untuk pengetahuan semua, terjadinya jurang pemisah antara Wahabi dengan Sunni yang ter-cetus sekarang ini, bukanlah perkara baru. Per-tikaikan pendapat antara kedua-dua aliran faha-man ini berlaku sejak golongan Wahabi me-nguasai Makkah (tahun 1925 M). Dan berlanju-tan hingga ke zaman ini. Ulama-ulama mu-takhirin ini seperti Syaltut dan Al-Bani tadi adalah ulama yang terpengaruh dengan faha-man Wahabi atau fahaman Barat. Pegangan dan pandangan mereka telah tersebar luas di kala-ngan umat Islam sekarang dan telah mempe-ngaruhi terutama pemuda-pemuda yang tiada asas ilmu ahli Sunnah Wal Jamaah, sama ada mereka sedar atau tidak.

Memanglah fahaman Wahabi menolak tawasul, karamah, yaqazah, Imam Mahdi dan tariqat. Erti-nya buku AMPDA dalam pandangan Wahabi adalah salah, bid'ah, sesat dan lain-lain. Tapi kita menunggu mana dia ulama-ulama Ahli Sunnah yang berani berkata benar, walaupun pahit. Masakan mereka mahu berdiam diri me-lihat apa yang berlaku kini?'

Ke mana perginya para alim ulama ahli Sunnah yang mempunyai deretan ijazah dari Al-Azhar dan lain-lain pusat pengajian tinggi? Kenapa tidak selamatkan mazhab Shafie yang menjadi pegangan rakyat Malaysia yang beragama Islam? Pandangan Ustaz Ashaari selanjutnya:

'Ulama-ulama dulu menganut fahaman ber-mazhab dan mereka ialah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Manakala ulama-ulama akhir abad ini banyak terpengaruh dengan fahaman-fahaman tanpa mazhab, secara sedar atau tidak.

Kitab-kitab rujukan saya kebanyakannya ditulis oleh ulama-ulama tua (muktabar) bermazhab Syafie. Manakala Pusat Islam mengambil dari kitab-kitab yang ditulis oleh ulama moden yang terpengaruh dengan Barat'.

Untuk mengelakkan kekeliruan dan untuk pengetahuan umum, eloklah Pusat Islam menjawab tuduhan Ashaan yang memerlukan jawaban itu. Seterusnya Syeikhul Arqam itu berkata:

'Saya tidak pasti sejauh mana penerimaan Pusat Islam tentang dakwaan saya bahawa pendapat mereka lebih mirip kepada Wahabi dari Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kalaulah itu betul, apa salahnya diperjelaskan pada masyarakat, bahawa perselisihan antara kita (saya dan Pusat Islam) sebenarnya ialah lanjutan dari perselisihan "tradisi" antara Wahabi dengan Ahli Sunnah dan bukannya antara ajaran Islam yang sebenar dengan ajaran Islam yang dikatakan "sesat" atau "menyeleweng" '.

Ustaz Ashaari juga telah menghentam ketua atau bapa kepada Wahabi iaitu Ibnu Taimiyah atau Anak Taimiyah, ulama yang menuduh apa saja yang tidak sama dengan aliran pemikirannya sebagai syirik. Dalam buku itu lagi, di muka surat 228, Sheikul Arqam menjelaskan lagi:

'Pengikut-pengikut Ibnu Taimiyah itu sentiasa menolak cakap-cakap ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah itu dengan berbagai-bagai dalih dan alasan, bagi pembaca yang mengamat-amati dalam perbalahan di antara ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah dan pengikut-pengikut Al'Allamah Ibnu Taimiyah itu sedar akan dolak-dalik pengikut-pengikutnya itu seperti Al 'Alamah Al'Alamah Ibnu Qaiyim atau Ibnu Zafil Ar Zar'ie

dan Asy Syaukani dan Asy Syeikh Rashid Redha, Asy Syeikh Muhammad Nasir Al-Bani dan lain-lain.'

Ustaz Ashaari juga berpendapat bahawa:

'Fahaman Wahabi adalah bertentangan dengan faham Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dan Wahabi memang menolak hal-hal kerohanian dan kesufian. (Sila rujuk buku Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah - karangan Kiyai Hj. Sirajuddin Abbas tentang penyelewengan fahaman Wahabi daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah).'

Fahaman Wahabi adalah satu fahaman yang dianut oleh ramai rakyat Arab Saudi dewasa ini. Ini kerana dari situlah munculnya fahaman tersebut. Pengasas fahaman Wahabi ialah **Mohammad bin Abd. Wahab** dan dari namanya itu diberikan gelaran 'Wahabi'.

Wahabi mulanya banyak dibantu oleh Raja Saudi yang bernama **Mohammad bin Saud** dan dari nama 'Saud' timbullah nama 'Saudi' yang kita semua panggil Saudi Arabia atau Arab Saudi. Saudi adalah satu-satunya negara yang pertama yang dinamakan mengambil sempena nama keluarganya iaitu seorang raja. England pun tak pakai nama macam itu. Jepun pun tak namakan negara mereka dengan nama rajanya melainkan Saud saja. Maka sebab itulah keluarga Raja Saud boleh buat apa yang mereka suka di bumi Tuhan yang telah ditukarkan menjadi milik keluarga mereka. Negara Mesir tidak dinamakan negara Fir'auni meskipun Raja Fir'aun telah menduduki Mesir lebih lama dari Raja Mohammad bin Saud menduduki tanah Saudi. Begitulah cerita dan sejarah bagaimana sebuah negeri yang bernama Hijaz boleh bertukar menjadi Arab Saudi.

Mengapa Mohammad bin Saud menyokong dan mendukung Mohammad bin Abd Wahab? Padahal Raja-raja

lain waktu itu menolaknya bahkan bapanya sendiri tidak menyukainya kerana Syeikh Wahabi bersedia membantu Raja Mohammad Bin Suud.

Buku sejarah Ibnu Basyar ANNAJDI mengatakan:

"Saya menyaksikan bahawa waktu itu sebelum datangnya Syeikh Mohamad Bin Abd Wahab, negerinya sangat fakir, kehidupan penuh dengan duka nestapa. Namun setelah Syeikh Wahabi datang maka negeri itu menjadi kaya. Penduduknya pula makmur dan mempunyai harta yang melimpah. Pasar-pasar dipenuhi oleh benda-benda yang mahal. Begitu juga pengunjung yang membanjirinya terlalu ramai sehinggakan suara manusia di pasar macam suara lebah di sarang madunya."

Dari manakah datangnya kekayaan yang melimpah itu? Buku sejarah **JAZIRAH ARAB** di abad ke-20, muka surat 341 menyebutkan kekayaan itu di dapati dari beberapa serangan-serangannya terhadap negeri-negeri di Najad yang tidak mahu menerima aliran yang dibawa oleh Syeikh Mohamad Bin Abd Wahab. Mereka mengatakan bahawa semua orang yang tidak menerima fahaman Wahabi adalah kafir dan boleh dibunuh. Harta bendanya pula mesti dirampas. Dan cara pembahagian harta rampasan itu sudah tentu pula di atur sendiri oleh Syeikh Mohamad. Kalau anda nak tahu lagi dengan lebih terperinci, bacalah buku **WAHABISM** yang ditulis oleh Ayyub Sabri Pasha.

Buku sejarah Kerajaan Arab Saudi jilid satu, halaman 51, menyebutkan bahawa sesiapa sahaja yang menerima faham Wahabi mesti baiat dan barang siapa yang menolak maka ia wajib dibunuh serta hartanya boleh dibahagi-bahagikan. Oleh kerana itu, 300 orang penduduk **Fusul** iaitu salah satu daerah di negeri Ahsak telah dibunuh.

Harta benda mereka dirampas akibat enggan menerima fahaman Wahabi.

Setelah wafatnya Syeikh Mohammad bin Abd. Wahab, perjuangan dilanjutkan oleh pengikutnya pada tahun 1216 H. Amir Saudi telah menyiapkan 20,000 orang tentera untuk menyerang kota Karbala kerana di situ banyak penziarah-penziarah makam yang datang dari berbagai negara, di antaranya Turki, Iran, Arab dan lain-lain. Tentera-tentera Wahabi itu mengepung kota Karbala dan membunuh lebih dari 5000 orang penduduk tempatan. Mereka juga membunuh penjaga makam Imam Husain r.a. dan mengambil semua harta benda dari makam itu.

Malangnya di negara yang mengambil sempena nama keluarga Saud itu terdapat tempat-tempat ibadah terpenting yang sepatutnya dimiliki oleh kaum Muslimin seluruh dunia iaitu kota-kota Mekah dan Madinah. Mekah adalah rumah Allah dan Madinah adalah tempat di mana Nabi terbesar dan Rasul umat Islam dimakamkan. Kedua-dua tempat suci ini adalah milik kaum Muslimin seluruh dunia dan ia sepatutnya tidak boleh dikuasai oleh orang-orang tertentu. Tetapi begitulah halnya bila manusia mempunyai kuasa dan ada pula takhta, serta dikelilingi pula oleh ramai ulama yang sanggup berdusta untuk mendapatkan harta dan wanita.

Sepatutnya Hijaz yang namanya telah di Saudi Arabia-kan oleh keluarga Saud ini dijadikan pusat Islam dan sumber perkembangannya. Aktiviti Islam boleh diperkembangkan dengan lebih luas kerana di tempat ini juga umat Islam dari seluruh dunia boleh berkumpul demi untuk menyambut undangan Ilahi dan mengisytiharkan keesahannya dengan laungan '**LabaiKa Allahumma labaiK, labaiKala syarikalaka labaiK**'.

Kalau dikatakan bahawa raja Saudi sekarang adalah penjaga kedua-dua tempat suci Islam itu, atau yang lebih dikenali dengan nama **Khodimul Haramain**, saya agak

kurang yakin. Ini kerana kalau mereka betul-betul nak memelihara kemurnian ajaran Islam dan kesucian tempat ibadah Islam maka tentunya mereka tak memakai sistem kerajaan, sebab Islam tidak mengenal sistem kerajaan.

Nasib baik, Mekah dan Madinah terletak di negara Saudi, kalau tidak, tak ada orang nak pergi ke negara Saudi. Bahkan tentu ada golongan-golongan tertentu yang mengebom negara tersebut. Sebahagian besar orang yang telah menunaikan Haji mengeluh atas tindakan Saudi mulai dari pihak kastamnya di lapangan terbang sampailah ke para peniagaanya yang bertindak kasar, keras dan angkuh.

Mereka tak pandai menerima tetamu Allah, apa lagi menjamu dan menjaga mereka. Orang-orang Malaysia dalam menyambut tetamu-tetamu yang menghadiri CHOGM lebih mesra daripada orang Saudi menyambut tetamu Allah yang datang dari seluruh dunia.

Menurut laporan akhbar, Raja Fahd akan memperluas dan mempercantik masjid Nabawi dengan pembiayaan yang akan menelan belanja 16 ribu juta dolar Amerika. Kalau setakat memperluas dan mencantikkan masjid di mana terletaknya makam Nabi SAW itu belumlah bererti menjaga Islam dan tempat suci Islam. Kita umat Islam merasa bangga kalau masjidnya cantik, indah, bersih dan menawan, tetapi kita lebih merasa bangga sekiranya tempat suci itu digunakan semula seperti mana di zaman Nabi SAW dan khulafa Rosyidin dalam memperkembangkan agama. Apa yang telah Rasulullah lakukan bersama para sahabat ialah memperlihatkan kemurniaan Islam. Justeru itu kita mungkin dapat membawa para pemimpin dari kuasa-kuasa besar untuk memghayati Islam dan kalau boleh membawa mereka menjadi saudara baru dan bukan menjadi alat percaturan politik mereka. Lagipun mereka kini berada dalam kebingungan. Dunia kini seolah-olah sedang menghadapi dilema keruntuhan dua aliran pemikiran yang ter-

penting. Kapitalisme atau komunisme kini dirasakan semacam sedang menghadapi jalan buntu.

Umat Islam di seluruh dunia merasa tidak senang dengan Raja-raja Saudi yang nampaknya begitu memihak dan seolah-olah menjadi orang tengah kepada kuasa imperialis Barat dan Timur. Sebagai sebuah negara yang kaya-raya dan sebagai sebuah negara yang memiliki tempat-tempat yang dipilih oleh Allah sebagai pusat Islam, mereka sepatutnya tidak boleh tunduk di bawah telunjuk musuh-musuh Islam.

Mujahid Abdul Karim, Imam sembahyang Jumaat bagi Masjid Al-Rasul, Los Angeles, USA, pernah menyentuh tentang kemungkaran yang dilakukan oleh keluarga Saud. Dalam wawancara di Tehran pada bulan Ogos 1989, Mujahid Abdul Karim dipetik sebagai berkata:

"Rejim Raja Fahd serta keluarga Diraja Saudi sesungguhnya memberikan propaganda terhadap mentaliti fahaman Wahabi. Mereka tidak berhak menganggap diri mereka sebagai penjaga Masjid Al-Nabawi dan Kota Madinah dan mereka juga tidak layak menganggap diri mereka sebagai penjaga Ka'abah yang suci itu. Tidak ada sesuatu pun yang suci dan kudus tentang keluarga Diraja Saudi itu.

Kami percaya bahawa Fahd adalah seorang Wahabi dan jalan yang dilakukannya adalah jalan Wahabi. Kami percaya mereka cuba memperdayakan orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam di seluruh dunia."

Kini keislaman sebahagian dari rakyat Arab Saudi yang melancung di tempat-tempat tertentu mula dipersoalkan. Dari segi pakaian, mereka tetap mengekalkan identiti Islam. Mereka memakai gamis dan igal, walaupun igal itu

bukannya merupakan pakaian Islam yang tulen. Namun dari segi perbuatan, imej itu sudah begitu tercemar.

Ramai di antara mereka yang berkunjung ke kelab-kelab malam, kelab-kelab eksekutif yang mengemukakan pelacur-pelacur kelas atasan dan juga *private parties* yang menghadirkan pelbagai maksiat dengan berpakaian yang sepatutnya mencerminkan identiti Islam.

Apakah ini sebenarnya imej Islam yang cuba ditonjolkan oleh Arab Saudi dan fahaman Wahabi di mata dunia? Apakah Islam harus kembali ke zaman jahiliah? Apakah igal yang berbentuk empat persegi itu melambangkan cita-cita yang jahat dan yang didokong oleh pemikiran kotak, *square mind* sepertimana *mini capati* yang dipakai di atas kepala orang-orang Yahudi? Soalan-soalan ini masih perlu dijawab.

Thailand misalnya, pusat pelacuran Asia yang terkemuka bukanlah sebuah negara yang asing bagi mereka. Pernah di satu ketika seorang jamaah tabligh yang sedang berdakwah di negara tersebut dihina oleh orang-orang tempatan. Mereka mengatakan, **"Awak tak payah berdakwah!!! Tengok Syeikh-syeikh awak, mereka lebih berseronok di sini dengan gamis, tasbih di tangan kiri dan perempuan di tangan kanan"**.

Sebenarnya penduduk tempatan tak akan mengatakan demikian jika orang-orang Arab tidak memakai gamis, sebab gamis menunjukkan lambang keagamaan bukan saja bagi agama Islam tapi juga bagi ulamak Kristian. Pope pun masih pakai gamis sehingga ke hari ini.

Akhirnya yang malu, kita umat Islam sejagat walaupun yang melakukannya hanya segolongan rakyat Saudi yang sepatutnya menunjukkan contoh yang baik.

Mereka bukan sahaja tidak menunjukkan contoh yang baik, malah mengamalkan perkara-perkara yang tidak

sepatutnya dilakukan oleh umat Islam. Sebagai contoh, para pembantu rumah dan pekerja-pekerja wanita yang diimport oleh pihak tertentu Arab Saudi turut menjadi mangsa kekejaman amalan yang seolah-olah tidak mencerminkan rasa perikemanusiaan. Ramai wanita-wanita yang berasal dari Filipina, Malaysia, Indonesia dan beberapa negara yang lain mengadu tentang nasib yang menimpa mereka ketika berada di negara tersebut untuk mencari rezeki. Ada yang diberi layanan seperti hamba abdi dan tidak kurang juga digunakan sebagai alat untuk memuaskan nafsu syahwat.

Kemungkaran yang dilakukan ini sekaligus mencetuskan kesangsian umat Islam, bahkan juga umat bukan Islam yang selama ini menganggap rakyat Saudi sebagai rakyat yang berhemah mulia dan yang mengekalkan tradisi kebangsawanan yang dibawa oleh Rasulullah.

Saya mengatakan demikian bukan kerana saya membenci orang Saudi. Membenci orang Arab adalah perbuatan yang bertentangan dengan Sunnah Nabi. Kerana Nabi suka dengan orang Arab. Sebab ALLAH memilih nabi-Nya dari kalangan Arab dan kitab-Nya pun dalam bahasa Arab dan ada perkataan yang mengatakan nanti di Syurga bahasa yang dipakai adalah bahasa Arab.

Saya hanya ingin menyedarkan mereka. Diam bererti sama ada kita membenci ataupun bersetuju dengan perbuatan mereka. Kita ini bukannya pengantin perempuan. Nabi pun kalau hidup semula, beliau akan menasihati mereka. Kalau sekiranya mereka menentang mungkin akan diperangi seperti zaman Nabi dahulu.

Nabi memerangi orang-orang Arab yang engkar. Khalifah pertama Abu Bakar pun memerangi orang-orang Arab yang tak taat terhadap pemerintahan beliau dan Islam.

Kalau setakat membina masjid, Perdana Menteri Singapura pun bina masjid juga. Apa guna masjid dibuat

cantik-cantik tapi tak berfungsi seperti yang diharapkan. Ia seolah-olah tak berbeza dengan muzium ataupun tempat pelancongan. Apa faedahnya sangkar burung yang cantik kalau dalamnya diisikan dengan kelawar?

Kalau dilihat dari segi ekonomi pula, Saudi memang berjaya terutama dari hasil emas hitamnya iaitu minyak. Namun ke manakah perginya kekayaan yang melimpah itu? Mereka banyak berbelanja di negara-negara kafir. Mereka membeli bangunan-bangunan yang mahal di beberapa negara Eropah dan Amerika dan melabur dalam sistem kewangan kafir.

'Petrodollar' juga digunakan untuk membeli senjata-senjata dengan harga yang mahal walaupun Amerika mensyaratkan bahawa senjata-senjata tersebut tidak boleh digunakan untuk membantu perjuangan Palestin terhadap Zionis. Namun, biar bagaimanapun Saudi membenarkan maruahnya diperalatkan oleh Amerika Syarikat dalam membantu Iraq ketika mereka berperang dengan Iran dulu.

Saudi lebih suka melabur di negara-negara kafir daripada negara-negara Islam. Wangnya dilaburkan di bank-bank Eropah dan Amerika. Sepatutnya mereka membantu negara-negara Islam yang lebih memerlukan. Tapi mereka hanya memperalatkan saja negara-negara itu seperti menaruh telur di dalam alat penetas (*incubator*).

Dari segi politik pun Saudi tak banyak memainkan peranan bahkan sebaliknya boleh dipermainkan oleh negara-negara kuasa besar. Sebagai buktinya waktu kontroversi Salman Rusdie dulu, OIC yang di bawah Saudi enggan membahaskan isu tersebut kecuali setelah Iran mendesakannya. Alasan Saudi hanyalah semata-mata kerana Saudi masih memiliki banyak kepentingan dengan dunia Barat.

Pemimpin Arab Saudi mesti belajar dari Dr. Mahathir. Mereka patut belajar bagaimana CHOGM boleh mengajar

British mengenai hal-hal yang berkaitan dengan dasar Apartheid di Afrika Selatan. Dr. Mahathir semasa mula-mula menjadi Perdana Menteri Malaysia dulu pernah memulaukan persidangan CHOGM yang diadakan di Australia pada tahun 1981.

Saya percaya kiranya Dr. Mahathir yang dipilih untuk menjadi pemimpin dunia Islam, tentu banyak perubahan yang akan berlaku kerana Mahathir bukan saja berani tetapi bijak dan mempunyai visi. Sudah sampai masanya dunia Islam menyedari ini semua. Kejayaan Dr. Mahathir dalam mengendalikan CHOGM adalah merupakan satu kejayaan kepimpinan Islam di peringkat antarabangsa. Begitu juga dengan kejayaan Saudara Anwar Ibrahim yang telah dipilih menjadi Pengerusi UNESCO. Inilah kali pertamanya seorang pemimpin dari Asia

menduduki kerusi tersebut. Kejayaan Anwar Ibrahim adalah satu kejayaan yang boleh dibanggakan oleh umat Islam di seluruh dunia. Sekembalinya dari sidang UNESCO ke-25 di Paris, saudara Anwar Ibrahim telah menjelaskan:

"Kepakaran kita selama puluhan tahun hinggakan masalah buta huruf kini amat kecil di Malaysia, diguna dan dimanfaatkan oleh Unesco untuk membantu negara lain."

Dunia banyak berubah. Tak ramai lagi orang yang buta huruf. Zaman untuk melantik orang seperti Tunku Abdul Rahman sebagai Pengerusi Sekretariat Islam Antarabangsa pun sudah berakhir. Orang yang mahu memimpin kepentingan Islam mestilah orang yang berwibawa, tidak melakukan perbuatan-perbuatan mungkar serta dihormati oleh para pemimpin dunia. Orang-orang Islam yang benar-benar berwibawa bukan sahaja boleh memimpin pertubuhan Islam, bahkan boleh juga memimpin pertubuhan dunia. Kejayaan dan keupayaan seseorang pemimpin itu tidak juga disebabkan ia memiliki Ph.D atau apa-apa ijazah

dari mana-mana Universiti Islam atau bukan Islam. Apa yang penting ialah keimanan dan keikhlasan pemimpin tersebut dalam mempertingkatkan imej bangsa dan negaranya.

Apa yang cuba saya tekankan dalam bab ini adalah Mekah dan Madinah, kerana tempat-tempat tersebut adalah hak semua Muslimin. Kaum Muslimin berhak melakukan apa saja aktiviti yang berkaitan dengan hal ehwal kepentingan Islam dan Muslimin sedunia. Kalau haramain dikuasai oleh golongan tertentu dan mazhab tertentu, semua orang yang menyambut seruan Ilahi atau berhaji terpaksa patuh dengan aturan keluarga Saudi dan mazhab Wahabi.

Orang-orang Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang berziarah di makam Rasul, nak bertawasul dihalau. Kononnya mencintai junjungan Nabi dengan cara mendekati makam Nabi itu adalah satu perbuatan syirik. Ada orang sedang asyik berdoa dan bertawasul ditarik kepalanya dari belakang dan dikatakan orang itu syirik.

"Ruh...!! ruh...!! pergilah...!! pergilah...!! Kita dihalauya macam dia menghalau kambing di padang pasir dan pengikut Ahlus Sunnah adalah dikatakan musyrik hanya kaum Wahabi saja yang Muslim, mukmin dan paling bertakwa. Dirikan sebuah istana di atas bukit. Lebih tinggi dari Kaabah supaya setiap penghuni Kaabah mendongak ke atas melihat pembaziran dan keangkuhan yang dilakukan. Semua orang tahu terutama mereka yang sudah menunaikan Umrah dan Haji. Mereka tahu sangat tentang kesombongan dan kekasaran puak-puak Wahabi ini. Ada kalanya seperti tak berperikemanusiaan. Tapi nak buat macam mana ketika itu kita sedang menunaikan Haji atau Umrah kita tak patut kita bergaduh. Kita pun terima saja sebagai cubaan Tuhan.

Tetapi di dalam hati kecil kita tetap berkata bahawa pemimpin atau bangsa yang angkuh dan zalim seperti

bangsa Saudi ini akhirnya akan hancur dan dibinasakan oleh Allah, sekiranya mereka tidak bertaubat dan memberhentikan perbuatan yang angkuh dan zalim. Kerana itu adalah janji Allah. Tanda-tanda kejatuhan satu-satu pemimpin ialah bila mereka berlaku zalim dan angkuh. Sejarah telah memperlihatkan kejatuhan empayar Rom, empayar Fira'un, empayar British dan yang terakhir sekali kejatuhan raja segala raja, iaitu Shah Iran yang akhirnya mati dalam buangan.

Lebih lama kekuasaan itu berada dalam tangan, lebih kuat kuasa yang ada, bila terhempas jatuh tidak akan bangun-bangun lagi. Tunggu dan lihatlah ketika dan waktunya bangsa yang angkuh dan sombong dan yang sedang bersandar kepada satu bangsa dan negara yang juga sudah tua seperti Amerika tersungkur.

Amerika Syarikat juga hanya menunggu saat dan ketika untuk meledak dan hancur sama ada disebabkan oleh politik atau malapetaka alam seperti yang berlaku di San Francisco baru-baru ini. Dan mereka tahu malapetaka ini akan berulang lagi di Los Angeles, Mexico, New York dan beberapa tempat lain di Amerika, di mana maksiat dan kemungkaran bermaharajalela tanpa sedikit pun merasa takut pada Tuhan.

Ibadah Haji bukan boleh kita kerjakan setiap tahun. Kita kena betul-betul beribadah, kerana belum tentu tahun-tahun hadapan kita boleh menunaikannya lagi. Tapi kita merasa kurang puas kalau dipermainkan begitu oleh pihak Wahabi yang kita lihat seperti orang tak mengenal akhlak Islam. Perbuatan mereka menunjukkan mereka nak merosakkan nama semua orang Arab yang beragama Islam. Orang jadi marah pada bangsa Arab dan kecewa. Bangsa Ajam, bangsa yang bukan Arab sentiasa bertanya, inikah bangsa yang diamanahkan oleh Allah untuk menjadi contoh dan teladan pada ummah? Ramai yang tak tahu Arab yang berperangai macam ini adalah dari golongan Wahabi.

Ramai dari orang Wahabi pernah datang ke Malaysia, kita menghormati mereka. Kita tak paksa mereka untuk ikut mazhab Syafie. Kita tunjuk pada mereka akhlak Islam baik walaupun orang Melayu yang tak tahu bahasa Arab, hidupnya jauh dari Mekah dan Madinah, Islam cara Ahli Sunnah Wal Jamaah jauh lebih halus dan mulia dari mereka. Sebab itu agaknya Nabi ingatkan orang Arab di hari Haji Wada.

Pada Hajjatul Wadak atau Haji yang terakhir, Nabi SAW pernah bersabda:

“Kalian semua daripada Adam, dan Adam dijadikan dari tanah. Tiada kelebihan bagi orang Arab terhadap orang bukan Arab, kecuali dengan taqwa.”

Apakah orang-orang Arab Saudi sudah habis masanya untuk memimpin Islam kerana sudah tak patut lagi dijadikan teladan Muslimin di dunia..? Apakah ia harus digantikan dengan bangsa lain? Di dalam surat Muhammad, ayat 38, Allah berfirman yang mafhumnya:

“..... dan jika kamu berpaling nescaya Dia akan mengganti (kamu) dengan kaum yang lain. Dan mereka tidak seperti kamu...”

Menurut kitab **DURRUL MANSYUR** yang ditulis oleh Imam Suyuti serta pendapat-pendapat ulama tafsir yang terkemuka, ayat di atas telah diturunkan oleh Allah SWT tatkala seorang pejuang Islam dan sahabat Nabi yang bernama Salman Al-Farisi berada di samping Nabi.

Sebaik saja turunnya ayat tersebut, baginda Rasulullah pun terus menepuk bahu Salman Al-Farisi dan berkata, kaummulah nanti kelak yang bakal menggantikan dan menyambung perjuangan kami.

Firman Allah dan sabda Rasulullah jelas terbukti. Kini nampaknya seolah-olah Arab Saudi sudah berpaling dari

Islam dan negara Iran merupakan satu-satunya negara Islam di dunia yang berjuang untuk mengembalikan maruah Islam di mata antarabangsa.

Bila bercakap tentang Salman Al-Farisi yang berasal dari Iran ini, saya teringat kata-kata Imam Khomeni semasa beliau mengulas tentang peristiwa pertumpahan darah di Mekah dalam tahun 1987. Antara lain beginilah bunyi ucapan Imam Khomeini itu:

"Tidakkah orang-orang Islam tahu, bahawa hari ini, pusat-pusat Wahabisme seluruh dunia telah bertukar menjadi markas-markas hasutan dan pengintipan, di mana di sebelah tangannya menjunjung kebangsawanan Islam, Islam ala Abu Sufyan, Islam yang dibawa oleh ulamak-ulamak kotor, Islam yang membenarkan unsur-unsur (kekarutan) yang diilhamkan di pusat-pusat pengajian agama dan universiti-universiti, Islam yang (terpaksa menanggung) kesengsaraan dan dukacita, Islam yang berasaskan wang dan paksaan, Islam yang memperdayakan, yang berkompromi dan dihambabadikan, Islam yang menakluki mereka yang tertindas dan penguasaan golongan kapitalis terhadap mereka yang tak berdosa dan yang miskin, dalam sebuah dunia yang sedang menyerapkan Islam Ala Amerika.

Di satu tangan yang lain mereka tunduk kepada tuan yang menikmati segala-galanya dari mereka iaitu Amerika Syarikat."

Setahu saya kalau ada mazhab main paksa pada pengikut mazhab lain, ini menunjukkan mazhab itu tidak betul dan kurang logik. Perbuatan ini hampir menyerupai perbuatan orang-orang Kristian di waktu Perang Salib. Tapi Islam agama suci, lurus dan logik. Tak payah paksa-paksa.

Orang yang menggunakan akal boleh menilainya sendiri. Begitu juga dalam soal pemilihan mengikut mana-mana mazhab. Malah dalam memilih agama sekalipun Allah berfirman tidak ada paksaan. Inikan pula dalam bermazhab. **Perbezaan pendapat antara satu mazhab dengan yang lain adalah satu perkara biasa.** Seperti yang kita semua maklum, dalam dunia hari ini, selain dari empat mazhab: Maliki, Hambali, Hanafi dan Shafie yang diiktiraf oleh Sheikhul Al-Azhar, Prof Dr. Mahmud Syaltul mazhab yang kelima yang menjadi bahan kajian di Universiti Al-Azhar ialah mazhab Jaafariah atau lebih dikenali dengan nama Syiah Imamah. Biar bagaimanapun kita masih belum lagi mendengar bahawa Wahabiah diterima oleh pusat pengajian tinggi Al-Azhar sebagai satu mazhab.

Apakah fahaman Wahabi yang sudah tersebar ke seluruh dunia boleh memperbaiki Islam...? Tanpa paksaan dan kekerasan, saya yakin orang tidak akan tertarik. Ini kerana aliran itu kaku, sempit dan bersifat *egoistic*. Kita dimestikan mengikut mazhab Wahabi semasa menuaikan Haji. Ibadat menziarahi makam selalu dikawal dengan ketat. Apalagi kalau kita mahu tawasul. Haramain seolah-olah sudah menjadi milik orang-orang Wahabi. Mazhab Wahabi ini telah tersebar ke seluruh dunia dari negara Saudi. Mereka menyebarkan fahaman ini dengan bermacam-macam cara. Di antaranya dengan memberikan biasiswa untuk para pelajar, memberi sumbangan pada sekolah-sekolah agama tempatan ataupun mendirikan sekolah atas alasan kononnya mahu menyebarkan bahasa Arab dan mengembangkan syiar Islam.

Seperti yang terdapat di Pakistan, Afghanistan, Indonesia dan Malaysia, mungkin pusat Islam Malaysia sendiri terpengaruh oleh Wahabi. Menurut dakwaan guru saya, Ustaz Ashaari, Yusof Nor telah mengharamkan sebahagian amalan jemaah Al-Arqam kerana amalan ini tak sesuai dengan buku rujukan pusat Islam yang dikarang oleh bapa Wahabi, Muhammad Nasirudin Al-Bani.

Aliran Wahabi banyak berbeza dengan Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Dan yang paling menonjol sekali, beliau (Muhamad Nasirudin Al-Bani) mengatakan bermazhab itu bida'ah. Kalimat bida'ah bukan kalimat mainan kerana bida'ah boleh membawa ke jurang neraka.

Apakah kita yang bermazhab ini bererti membeli tiket untuk ke neraka? Saya ingat, orang yang suka mengkafirkan orang Islam itulah yang cepat masuk neraka sebab ada hadis yang mafhumnya:

"Tidak boleh seseorang menuduh orang yang lain dengan fasik dan tidak boleh juga dengan kafir. Jika tidak akan berbaliklah tuduhan itu kepada penuduhnya sekiranya yang tertuduh tidak begitu"

(H.R. Bukhori & Muslim)

Orang yang tak mampu berjihad boleh mengikut mazhab tertentu yang ia sukai. Kalau orang tak boleh bermazhab maka semua umat Islam jadi mujtahid. Berapa banyakkah mazhab dalam Islam kini? Ini patut dikaji semula kerana di antaranya sudah tentu yang menyeleweng dari akidah yang sebenarnya.

Kita juga perlu ingat bahawa orang-orang Wahabi telah menghancurkan beberapa kesan-kesan peninggalan Islam terutama kesan Nabi dan para sahabat baginda. Alasannya mereka takut benda-benda itu akan disembah. Kita umat Islam bukan hendak menyembahnya, akan tetapi ingin menunjukkan kepada orang-orang kafir tentang sampai di mana kebenaran sejarah Islam? Dan benda-benda itulah sebagai buktinya. Kedua, kita ingin mere-nungi bagaimana kehidupan di zaman itu? Dan ketiga, kita ingin mengambil berkat. Sekiranya aliran Wahabi tak suka pada perkara yang boleh mendatangkan berkat, itu hak mereka. Jangan paksa orang untuk mengikuti selernya.

Perpecahan umat akan membawa permusuhan dan permusuhan akan mengarah pada kehancuran. Ketahuilah kalau kita sama-sama hancur, orang lain yang akan berkuasa di atas kita.

Ini zaman kebangkitan Islam. Pemikiran umat Islam mesti dipertingkatkan. Orang Islam hari ini tidak perlu lagi pergi kepada ulama-ulama jenis ulama siang hari, ulama kucing senak, ulama suk dan ulama-ulama kotor tapi sekiranya ada ulama yang bertaraf Warisul Ambiya; maka kita wajib pergi kepada mereka untuk mendapatkan penjelasan. Ini kerana ilmu adalah anugerah Allah. Allah akan memberikan ilmu kepada sesiapa saja yang Dia kehendaki, lebih-lebih lagi ilmu yang berkaitan dengan Allah mengenai kemurnian Islam. Bersembahyang dan beristikharahlah untuk mendapatkan petunjuk yang benar dari Allah sesudah kita mencarinya dari Hadis dan Al-Quran. Hari ini yang telah mempelajari sendiri dari buku-buku agama yang boleh didapati dengan mudah di mana saja.

Orang Islam hari ini tidak boleh menjadi umat Islam yang tulen dengan sekadar memiliki ilmu agama yang tinggi, sembahyang lima waktu, berpuasa dan mengerjakan Haji saja. Banyak lagi perkara yang lebih besar yang mesti dilakukan oleh umat Islam terhadap saudara mereka. Agama bukan sekadar pandai membaca Al-Quran dan buat terjemahan. Pendakwah Kristian dan orientalis Barat ada yang hafal Quran dan boleh menterjemah untuk menghancurkan Islam. Umat Islam mesti mempertahankan Islam, mesti membela Islam, mesti mendokong imej Islam dan bukan menjaga imej diri saja supaya kulitnya tampak Islam.

Sesungguhnya tegur-menegur, ingat-mengingat dan nasihat menasihati adalah anjuran Allah. Dengan hati yang ikhlas dan terbuka saya mengajak kaum Muslimin sejagat untuk meninggalkan perkara-perkara khilafiah atau perselisihan di antara mazhab, kerana masalah

ini takkan ada habis-habisnya, perselisihan dalam mazhab adalah perkara biasa tapi kita mesti satu tujuan iaitu berjalan mencapai keridhaan Tuhan.

Marilah kita umat Islam sejagat bersatu padu. Berganding bahu dan bersuara satu untuk mendekatkan diri pada Ilahi dan mengajak umat manusia seluruh dunia mengenal Islam dan kembali kepada pearaturan Tuhan (Allah) pencipta seluruh alam.

7

PENYALAHGUNAAN KUASA RAKYAT

ISLAM mengkehendaki kita memerangi segala kemungkar, tak kira sama ada ia dilakukan oleh orang biasa ataupun pak lebai atau para pemimpin sekalipun.

Sabda Rasulullah SAW:

"Jika kamu melihat kemungkar, ubahlah dengan tangan, jika kau tak mampu maka dengan kata-kata. Jika tidak boleh, cukup dengan hati dan ini merupakan selemah-lemah iman".

Kalau nak dikira, banyak pekerjaan-pekerjaan yang boleh ditakrifkan sebagai '*pekerjaan mungkar*'. Ini termasuklah pekerjaan mencaci dan menghina pemimpin yang telah menyumbangkan begitu banyak jasa kepada umat Melayu. Kerja-kerja mencaci, menghina, menuduh, menfitnah dan menyebarkan dakyah-dakyah palsu ini, seperti yang dilakukan oleh para pemimpin dan penulis-penulis rasmi Semangat 46 itulah yang dinamakan kerja yang mungkar. Kerja-kerja mungkar macam inilah yang *Mungkar dan Nangkir* akan tanya dalam kubur nanti.

Orang yang mabuk tidak akan sekali-kali mengaku dirinya mabuk. Sifat dan kelakuannya sama seperti orang gila. Semua orang itu dianggapnya gila melainkan dirinya saja yang tak gila. Baginya orang lain bukan sahaja gila tapi juga mungkar.

Begitulah keadaannya. Mereka mengatakan Dr. Mahathir-lah yang mengamalkan politik mungkar. Mereka cuba membohongi rakyat dengan mengatakan Mahathir gilakan kuasa politik dan negara menghadapi masalah besar. Siapakah sebenarnya yang sedang menghadapi masalah besar, mereka atau kerajaan? Merekalah yang sedang menghadapi masalah besar sekarang ini, bukan Mahathir, bukan UMNO, bukan juga kerajaan.

Politik jenis ini adalah politik ala bani Umaiyah, politik yang menjadi amalan Muawiyah untuk merampas kuasa dari tangan Imam Ali. Waktu itu Imam Ali adalah khalifah yang sah kerana dipilih oleh majoriti rakyat tapi tiba-tiba Muawiyah sakit hati. Dia berusaha dengan segala cara, tak kira halal-haram lagi demi semata-mata untuk menjatuhkan Imam Ali dengan segala pembohongan dan tipu daya. Dia tak peduli. Yang penting Imam Ali mesti dijatuhkan dan Muawiyah mesti berkuasa.

Muawiyah bukan saja ingin menjatuhkan Imam Ali bahkan menyebarkan fitnah dengan memastikan semua khatib jum'ah melaknati Imam Ali beserta semua keluarganya agar rakyat membenci mereka. Mungkin inilah yang menyebabkan Abu Hurairah mencipta hadis supaya makmum Jumaat tidak boleh berkata-kata tatkala khatib sedang membaca khutbah kerana takut kalau-kalau ada orang yang mempersoalkan tentang kedudukan Muawiyah. Cara yang sama kini sedang digunakan oleh Semangat 46 dan geng-geng mereka.

Pembohongan yang cuba dilakukan oleh Muawiyah itu turut gagal kerana rakyat dapat menilai, siapa yang patut

jadi pemimpin dan siapa yang mesti dipimpin dan rakyat masih mencintai Imam Ali beserta anak-anaknya yang pernah dikatakan oleh Nabi besar Muhamad SAW sebagai **Ketua Pemuda Ahli Syurga** iaitu Imam **HASAN** dan Iman **HUSAIN**. Rakyat tak boleh dan tidak mudah dibohongi oleh Muawiyah.

Setelah gagal menggunakan politik fitnah, mereka pun mula membunuh tokoh-tokoh syurga itu. Maka terjadilah peristiwa hitam yang mengerikan dalam sejarah Islam. Inilah peristiwa yang dikenali sebagai "**Tragedi Karbala**". Tragedi yang amat memilukan ini terjadi pada 10 Muharam tahun 61 H dan dikenali di seluruh dunia dengan sebutan '**Assyuroh**'.

Tragedi Karbala selalu di peringati. Kalau di Malaysia tragedi ini diperingati dengan majlis 'Assyuroh' yang ditandai dengan masakan dan hidangan bubur Assyuro. Tetapi pengikut-pengikut mazhab Jaafariah atau dikenali dengan mazhab Syiah memperingati Assyuroh dengan cara mereka yang tersendiri. Mereka mencururkan airmata sambil menyesali musibah yang menimpa Imam Husain. Ada pula yang sampai memukul dada, meluka dan menyakiti tubuh mereka kerana tak tahan menahan penyesalan dan kerana telah diperbodoh-bodohkan serta ditipu oleh golongan Muawiyah.

Apakah orang-orang PAS masih mengingati pemimpin mereka, Allahyarham Ibrahim Libya yang terkorban dalam Tragedi Memali? Apakah PAS sudah lupa terhadap Ibrahim Libya dan anak isteri mereka yang terkorban sesudah berbaik dengan 46 dan DAP? Bukankah peristiwa Memali itu merupakan satu sejarah hitam, bagaimana satu keluarga guru agama menjadi korban politik?

Saya bawa cerita Tragedi Karbala ini kerana saya takut nasib yang sama akan menimpa umat Melayu memandang adanya amalan politik Muawiyah yang begitu

bersemangat hari ini. Muawiyah pun orang Arab, orang Islam, bukan kafir. Imam Ali pun demikian. Tak ada bezanya dengan Semangat 46 yang dianggotai oleh orang-orang Melayu beragama Islam seperti juga ahli-ahli UMNO baru. Kuasa, Wanita dan Takhta tak mengenal saudara. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya.

Menurut pendapat saudara Zahrin Md. Yassin, orang kuat Tengku Razaleigh Hamzah yang kini telah masuk UMNO dan menjadi orang kuat Datuk Mohammad Rahmat tapi masih mencintai Ku Li, ada pemimpin UMNO seperti pemimpin satu pertubuhan 'gangster' yang sudah berpecah dua. Satu geng masuk UMNO baru, yang satu lagi ikut geng 46. Mereka nak berebut kawasan. Tapi kerana UMNO baru yang berjaya menguasai kawasan, maka Zahrin masuk UMNO baru. Begitu juga dengan geng-geng yang telah kecewa dengan 46. Mereka nak hidup selamat masuk UMNO juga. Tapi kata Zahrin lagi, permusuhan dan kebenciannya pada Anwar Ibrahim, tak akan padam. Dia dan geng-gengnya tetap tidak merestui dan senang dengan Anwar Ibrahim, biarpun ditakdirkan Anwar jadi Perdana Menteri nanti.

Ingat-ingatlah sedikit wahai bangsaku, umat Melayu yang beragama Islam, sebelum nasi menjadi bubur. Belajarlah dari sejarah. Sejarah bukan satu cerita dongeng untuk melelapkan anak tidur saja. Sejarah bukan lagu 'Dodoi si dodoi'.

Kata perumpamaan Inggeris "*The history books on the shelves, is always repeating itself*". Sejarah boleh berulang kembali. Kenapa demikian? Sebab yang membezakan sejarah cuma tempat, masa, senjata dan orangnya saja; yang lain semuanya sama. Dan dunia itu adalah pentas sandiwara, manusia masih tetap juga para pelakornya.

Cubalah rajin-rajin sikit baca buku-buku tentang sejarah Islam. Buku '*Khalifah dan Kerajaan*' karangan Abu A'la

Al-Maududi adalah satu contoh yang baik. Baca juga kitab mengenai Saiyidah Zainab, **SRIKANDI KARBALA** yang banyak mengandungi contoh-contoh yang boleh dijadikan teladan. Jangan baca buku-buku, Barat dan sejarah nasionalisme Melayu sahaja. Ini kerana dunia kita sudah bertambah maju. Kita kini berada di zaman kebangkitan Islam. Kita berada di akhir zaman. Entah pada bila-bila masa saja Imam Mahadi dan Nabi Isa akan turun. Apakah persiapan kita? Kita berada di zaman kejatuhan komunisme, kapitalisme dan Kristian. Orang ramai sudah mula menolak ketiga-tiga fahaman yang terbesar ini. Kita kini sedang menghadapi gelombang ketiga.

Seseorang yang mengaku dirinya ahli sejarah yang mahu tulis buku mesti banyak membaca, melihat, mengkaji, meneliti, berfikir, baru boleh menulis buku. Begitu juga ahli politik mesti lebih banyak membaca, berfikir daripada bercakap. Mahathir adalah Perdana Menteri yang paling banyak membaca buku di antara Perdana Menteri di dunia. Kalau Mahathir melawat kawasan atau kalau kebetulan anda nampak keretanya, cubalah dekati dan jenguk-jenguk dalam keretanya itu. Pasti kita akan nampak beberapa buah buku, sebab itulah pengetahuan dan fikirananya luas. Ini orang tulis buku, dia pun nak tulis buku. Orang banyak baca buku, dia tak baca langsung buku. Orang berfikir tentang soal-soal besar, dia berfikir tentang dirinya bagaimana nak hidup. Sekiranya macam itu, jadilah mereka seperti '*burung kakak tua*', atau seperti '*ketam renjong*' dan berok jantan yang menyangka dirinya hebat dalam cerita: **Sorry Jah, I Terkasar Sikit.**

Inilah masalah besar yang rakyat sedang hadapi sekarang. Masalah ini bukan masalah ekonomi dan bukan juga disebabkan masih ramai lagi rakyat yang miskin. Kemiskinan berada di mana-mana. Di Amerika, di Kuwait dan di Brunei pun ada rakyat yang miskin. Bukankah bila ada pohon yang besar pasti ada sahaja pohon yang kecil dan ada juga rumput yang halus. Bukan dasar kerajaan yang

menyebabkan rakyat hidup dalam kemiskinan. Mungkin banyak kerajaan yang melakukan kesilapan tapi apa yang penting adalah manusia itu sendiri. Merekalah yang tidak tahu bersyukur. Tuhan memang jadikan sifat manusia itu berlawanan. Ada kaya, ada miskin; ada cantik, ada hodoh; ada bijak, ada bodoh; ada laut, ada kolam. Kalau nak tengok negara kaya dan rakyatnya pun kaya, tengoklah nanti di syurga. Dan segala-galanya yang miskin semua di neraka. Maka itulah Islam mewajibkan zakat, menganjurkan sedekah pada fakir miskin dan melarang perbuatan-perbuatan mungkar dan membazir. Namun ada sultan yang tetap menggalakkan pembaziran.

Biarpun Dr. Mahathir berketurunan mamak yang berasal dari Kedah tapi dia tak macam Tun Mutahir. Putar-belit Mahathir adalah putar-belit politik yang mesti dilakukan bagi menjaga kepentingan rakyat dan negara. Apakah bukti yang dia telah menyalahgunakan kuasa rakyat yang diberikan kepadanya seperti yang didakwa oleh Ahmad Mokhtar di dalam bukunya "Kuasa Rakyat".

Ahmad Mokhtar tulis buku hentam Mahathir, apa tindakan Mahathir terhadapnya? Yahya Ismail juga tulis buku kutuk Mahathir, apa reaksi Mahathir? Subku Latif pun sama, tokoh PAS ini sengaja cari-cari nak burukkan mej Mahathir, apa respons Mahathir? Mahathir tak peduli pun. Mahathir Tak kisah pun. Mahathir tak tangkap mereka pun. Saya tahu, Mahathir sebagai Menteri Dalam Negeri tak akan tangkap mereka itu, kerana Mahathir bukan diktator dan bukan pemimpin yang suka menyalahgunakan kuasa. Jarang sekali Mahathir menjawab, mempertahankan diri atau memberikan reaksi terhadap tulisan mereka. Saya tahu Perdana Menteri kita ini hanya akan menjawab kalau orang menyerang dasar-dasar partinya atau kerajaan yang dipimpin olehnya.

Begitulah sikap Mahathir yang sangat bijaksana dan bijaksini. Orang hentam dan kutuk dia, dia tak peduli. Dia

tahu rakyat tahu dan arif untuk membuat pertimbangan. Dia hanya membalas dan menjawab kalau hal-hal yang menyentuh dasar. Tak malukah kita kepadanya? Ustaz Subky, tolong jawab.

Saya tak tahu Othman Abdul pernah jumpa Ahmad Mokhtar dan Ustaz Subky atau tidak. Tapi dengan Yahya Ismail beberapa kali sudah wakil rakyat kawasan Parlimen Pendang itu pernah jumpa. Kalau jumpa ada sesuatu yang dia kata pada Yahya. Kata Othman Abdul, "Hang ini penulis..." Apa itu titik-titik? Kalau nak tahu tanyalah Yahya bila jumpa dia.

Siapakah orang yang paling cocok dijadikan model sebagai Tun Mutahir. Cuba kita kaji dan selidik orang yang dibanggakan oleh Yahya Ismail dan Ahmad Mokhtar iaitu Tengku Razaleigh Hamzah 46. Tengoklah perangai Ku Li, belum pun jadi Perdana Menteri, dia dan pengikutnya telah menimbulkan kacau bilau. Kuasa rakyat yang ada di tangannya disalahgunakan untuk memecah-belahkan rakyat hanya disebabkan kerana beliau tidak mahu ikut proses demokrasi UMNO. Dari politik yang kuat dihormati dan disegani, satu sudah jadi dua. Dari satu parti sudah pecah dua. Pendek kata, kerja main pecah-pecah ini serahkanlah pada Ku Li dan geng-gengnya. Tahulah macam mana yang dia hendak buat. Bila dah pecah-pecah, Ku Li main kutip-kutip pula serpihan-serpihannya. Maka sebab itulah dia tubuhkan kumpulan serpihan: 46 serpihan UMNO, PAS serpihan UMNO, DAP serpihan PAP.

Nampaknya Ku Li lebih bijak dari Tun Mutahir. Zaman Tun Mutahir, tak ada bank atau syarikat kewangan yang besar-besar macam sekarang ini. Mustahil kalau dia jadi menteri dia tak beri keutamaan pada member-member ketatnya merebut kekayaan dan menduduki tempat-tempat istimewa. Ini tidak mustahil. Ku Li pernah melakukannya semasa menjadi Menteri Kewangan dulu. Bacalah bab 'SUMPAH MAKAN DIRI'.

Dalam dunia ini tidak ada yang mustahil. Apakah keadaan yang berlaku di zaman Tun Mutahir boleh berulang kembali kiranya Ku Li menjadi Perdana Menteri? Tolong saudara Ahmad Mokhtar jawab? Yahya Ismail boleh tolong dia jawab.

Dalam firasat saya, Gua Musang adalah kawasan yang panas bagi Ku Li dalam pilihanraya kali ini. Kalau Ku Li nak bertanding juga di kawasan itu sebagai wakil 46 melawan BN, mungkin umur Ku Li dalam politik akan pendek, sampai setakat ini saja. Kalau nak pindah ke kawasan lain, kawasan mana? Kawasan Pasir Putih? Di situ, Ku akan berjumpa dengan tokoh ABIM, Kamaruddin Jaafar. Berat juga, Ku. Terpaksalah Ku cari gua-gua lain yang ada di Kelantan.

Selain dari apa yang saya nyatakan dalam bab SUMPAN MAKAN DIRI, cuba kita tengok apa yang Ku Li sudah lakukan kepada ekonomi Malaysia ketika beliau jadi Menteri Kewangan dan kita bandingkan dengan prestasi ekonomi kita di zaman Daim.

Cuba lihat carta ini.

Pertambahan dalam Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan

Tahun	Peratus Pertambahan
(Era Ku Li)	
1979	+ 17.7
1980	+ 7.0
1981	+ 70.3
1982	+ 59.9
1983	+ 34.7
1984	+ 17.6

(Era Daim)

1985	+ 10.7
1986	+ 22.7
1987	- 2.4
1988	- 6.3
1989	- 3.6

Sejak Daim memegang teraju kewangan, kadar pertumbuhan tidaklah begitu banyak, malah sejak tahun 1987 Malaysia tidak lagi membuat pinjaman luar negeri tetapi lebih menitik-beratkan kepada usaha-usaha bagi mengurangkan hutang. Dilihat dari carta di atas, jika rakyat mahukan Ku Li jadi Perdana Menteri, bererti rakyat dan negara mahukan umat Melayu dan negara ini menjadi papa kedana, kemungkinan Malaysia akan jadi seperti Mexico tidak dapat nak kita nafikan.

Anda sudah membaca dua bahagian dari buku ini. Pertama, WANITA dan kedua TAKHTA, kini anda memasuki bab yang ketiga, KUASA. Bab ini sengaja saja saya letakkan di belakang kerana ia (kuasa) adalah satu yang sangat berbahaya kiranya jatuh ke tangan orang gila. Seperti perempuan jatuh ke tangan perogol dan harta jatuh ke tangan perompak dan penyamun.

Kuasa telah menjadi rebutan bani Adam dari permulaan dunia lagi. Apakah sebenarnya benda yang dinamakan kuasa itu? Sesungguhnya kuasa itu adalah milik Ilahi yang dianugerahkan kepada hamba-Nya yang dia kehendaki. Allah berfirman yang mafhumnya:

"..... engkau memberi kuasa pada orang yang engkau kehendaki....."

(Al-Imran: 26)

Kuasa didapati bukan dengan cara mengaju-ajukan diri. Dan bukan juga dengan mengatakan pilihlah aku... pilihlah

aku...!!! seperti mana yang dilakukan oleh pemimpin PAS dan Semangat 46 yang memburuk-burukkan pemimpin UMNO. Mereka lupa cara terjerit-jerit meminta kuasa, mengharapkan belas kasihan, tak akan dapat bertahan lama dan tak akan berjaya menempuh ujian masa. Suara-suara sumbang itu hanya akan datang lagi bila musim pilihanraya saja.

Allah yang melantik hamba-Nya untuk berkuasa dan memimpin manusia serta mentadbir negara. Allah juga yang melebihkan padanya kekuatan moral, fizikal dan ilmu serta menjadikan hati rakyat condong kepadanya. Manusia tak boleh dan tak berupaya untuk membuat kerja-kerja macam itu.

Mereka yang mahu mengambilalih kuasa dari kerajaan tak perlu tulis buku hentam pemerintah atau gunakan akhbar dan para pemfitnah. Rakyat sudah boleh menilai kepada siapa amanah ummah akan diserahkan dan rakyat sudah pandai membezakan siapa manusia yang betul-betul memperjuangkan hak-hak rakyat dengan manusia yang ingin memenuhi kepentingan peribadinya. Sejarah telah membuktikan yang mana yang mungkar dan yang mana yang betul. Disebabkan Haji Suhaimi kata 46 ikut jalan Rasulullah maka saya bawakan sikit cerita agama. Kerana kalau nak ikut jalan Rasulullah, kena ikut jalan yang benar, jalan yang berpandukan Al-Quran dan sunnah Rasul bukan jalan belakang.

Beginilah ceritanya:

Setelah syahidnya khalifah ketiga iaitu Usman Bin Affan, rakyat sebulat suara memilih Imam Ali Bin Tholib sebagai khalifah yang keempat. Akan tetapi Imam Ali menolaknya. Namun hati rakyat yang sudah condong padanya mahukan amanah negara diserahkan kepadanya. Imam Ali mesti menduduki kerusi kekuasaan. Imam Ali tidak pernah melantik dirinya sendiri seperti fir'aun yang melantik dirinya sendiri sebagai raja yang berkuasa, bahkan

pernah mendakwa sebagai Tuhan yang maha tinggi. Akhirnya kekuasaan Fir'aun itu dihancurkan oleh seorang bayi yang dikasihi oleh isterinya.

Para pemimpin dunia yang mendapat sanjungan rakyatnya adalah pemimpin yang sudah dikenali identiti dan matlamat perjuangannya. Contohnya, di Iran, Ayatollah Khomeini (Almarhum) tak pernah minta-minta untuk dipilih jadi pemimpin tetapi sesudah mati ia masih dapat menyatu padu dan memimpin rakyat Iran, dan mereka yang percaya kepada perjuangan Islam yang dibawa olehnya.

Begitu juga dengan Mahatma Ghandi, didukung semasa berjuang, dijunjung semasa berkuasa dan dipuja semasa meninggal oleh rakyatnya. Di Amerika, Abraham Lincoln dipuja oleh rakyat Amerika bahkan rakyat luar Amerika juga menerima Lincoln sebagai pemimpin kerana beliau memperjuangkan hak kemanusiaan. Begitu juga Lech Walesa di Poland, Nelson Mandela di South Afrika, Ali Jinnah di Pakistan dan ramai lagi pemimpin dunia yang lain. Kini nama Dr. Mahathir telah pun disenaraikan sebaris dengan pemimpin besar dunia. Dulu dia juga tidak pernah meminta untuk jadi pemimpin, dan Turku pula pernah membuangnya, tapi ahli UMNO meminta dan melantiknya. Dia tak buat parti baru. Tak macam Tunku dan Ku Li yang mengasaskan Semangat 46.

Kuasa yang sebenar tidak mudah terpengaruh oleh benda-benda duniawi seperti **wanita, takhta dan kuasa** yang bersifat sementara. Nabi besar Muhamad SAW ketika mendapatkan wahyu untuk berdakwah secara terang-terang, beliau terpaksa menghadapi ancaman, rayuan dan berbagai hal lagi. Orang-orang kufur pernah menawarkan berbagai kemewahan kepada Rasulullah melalui bapa saudaranya.

“Wahai Abu Tholib, katakan pada anak saudaramu agar ia berhenti berdakwah dan mencela

Tuhan, Tuhan kami (berhala) dan kami akan jadikan dia sebagai raja. Apabila dia ingin wanita, kami akan berikan wanita tercantik padanya dan sekiranya dia mengharapkan harta, kami akan kumpulkan semua harta untuknya."

Nabi menolak ketiga-tiga ta. Kafir Quraisy tidak juga berputus asa. Mereka bawa lagi satu cadangan. Mereka bersedia bertolak ansur. Mereka mengesyorkan supaya kota Mekah itu setahun diperintah oleh kafir dan setahun oleh Islam. Nabi menolak juga. Maka Allah pun menurunkan ayat Al-Kafirun.

Nabi pun menjawab dengan tegas dan penuh tanggungjawab:

"Demi Allah... wahai pakcik... jika mereka menaruh matahari di tangan kananku dan bulan di tangan kiriku... maka saya tak mahu menerimanya. Saya akan terus berjalan sampai berjaya atau saya mati syahid."

Setiap pemimpin pasti akan menghadapi ancaman lawan kerana di mana ada hak di situ ada kebatilan. Dalam sesuatu ketika hanya orang yang beriman dan yang ikhlas sahaja yang akan selamat.

Nabi Muhamad pernah diancam oleh orang-orang kafir bahawa mereka akan memboikot ekonomi. Nabi pun tetap sabar meskipun beliau bersama keluarga dan pengikutnya terpaksa makan daun-daun sahaja. Tetapi kita lihat ada pemimpin yang kononnya mahu menegakkan negara Islam sanggup berkerja sama dengan siapa saja. Yang penting asal dapat kuasa.

Dalam dunia politik, cara-cara yang demikian biasa terjadi. Untuk mengetahui sampai di mana kesatriaian pemimpin dan sampai di mana ketaatan pengikut, namun

jika cara ancaman tak boleh berhasil maka cara terakhir mesti dilakukan iaitu dengan cara fizikal dan beradu senjata. Waktu itu orang-orang kafir mengajak Nabi untuk berperang maka Nabi sanggup menghadapi mereka walaupun jumlah umat Islam waktu itu hanya 313 dan peralatan perang pula terlalu sedikit dan sederhana, manakala musuh berjumlah seribu lebih dengan kelengkapan alat perang yang cukup sofiskated.

Inilah sifat pemimpin dan kuasa yang sebenarnya. Nabi Muhamad sebagai contoh kerana beliaulah teladan dunia yang patut dituruti. Kenyataan ini telah diakui oleh para ilmuwan dan cendekiawan dunia sama ada dia Islam atau bukan Islam. Bahkan Nabi Muhamad telah dipilih oleh Michael H. Hart sebagai tokoh pertama yang paling berpengaruh dalam sejarah. Nabi Isa menduduki tempat ke-3, Budha tempat ke-4, Confucius tempat ke-5, Karl Marx tempat ke-11, sedangkan Plato di tempat ke-40. Kenapa Nabi Muhamad dipilih dan diletakkan di tempat yang pertama? Tentulah Hart mempunyai alasan-alasan yang kuat untuk mempertahankan pilihannya - Muhamad sebagai orang yang paling berpengaruh dalam dunia. Khabarnya Media Indah sedang mengusahakan penerbitan buku itu dalam bahasa Malaysia dan akan diterbitkan pada awal tahun 1990 nanti. Kalau nak tahu apa alasan Hart, tunggulah awal tahun depan bila buku **SERATUS TOKOH PALING BERPENGARUH DALAM SEJARAH** diterbitkan.

8

ULAMAK ATAU JUHALA DALAM PAS

SEPERTI yang anda semua sedia maklum, istilah '**ulama**' **siang hari** dan '**teori kucing senak**' telah saya perkenalkan di dalam buku POLITIK SERPIHAN. Istilah-istilah ini tentu mempunyai tafsiran tersendiri, jika tidak, tentu saya tidak popularkan. Saya tidak berniat untuk menyindir para ulama, jauh sekali untuk merendah-rendahkan tugas mereka.

Saya amat menyedari istilah '**ulama**' **slang hari**' dan '**ulamak kucing senak**' yang saya gunakan di dalam buku saya, yang telah menimbulkan rasa kurang senang di kalangan para ulama. Ada ulamak merasakan saya menghina mereka.

Kepada siapa yang belum membaca buku POLITIK SERPIHAN, saya syorkan anda mendapatkan buku itu segera. Bacalah buku itu baik-baik, fahamkan apa yang saya cuba kupaskan. Di dalamnya telah saya jelaskan peranan ulama siang hari ini dan juga ulama kucing senak.

Peranan alim ulama di dalam masyarakat Melayu amat penting, kerana selain daripada guru-guru "moden", alim

ulamalah yang telah mendidik masyarakat Melayu. Terdapat alim ulama yang berjaya memimpin parti politik di Malaysia, berjaya mencorakkan pemikiran orang-orang Melayu. Bagaimanapun ada alim ulama yang sekadar menggunakan kitab untuk mencari rezeki. Mereka **hanya mengembangkan dakwah melalui kitab-kitab yang mereka perolehi daripada "tok-tok guru"** mereka, lalu ilmu dikembangkan kepada penduduk-penduduk di tempat pilihan. Oleh kerana orang-orang Melayu diasuh supaya tidak derhaka kepada tok-tok guru maka apa jua ilmu yang diperturunkan oleh tok-tok guru ini telah diterima bulat-bulat. ***No question asked.***

Masyarakat Melayu yang mendapat didikan formal, mereka tidaklah terpengaruh dengan pengaruh tok-tok guru malah golongan ini telah cuba membetulkan *misconception* tentang peranan alim ulama dan ilmu yang mereka perturunkan.

Bagi generasi muda yang bakal menjadi pemimpin dan para ulama akan datang, alim ulama yang ada waktu itu tak lebih daripada alim ulama yang mengajar ilmu duniawi dan akhirat. Mereka tidak cuba membentuk masyarakat melalui "falsafah", jauh sekali menunjukkan sifat-sifat kepimpinan.

Mereka bukan cendekiawan Islam seperti **Nabi Muhammad SAW, Abu Bakar As-Sidik, Umar Ibn Khattab, Uthman Ibn Affan, Ali Abi Talib** dan lain-lain, bukan juga pemimpin politik dan agama. Para pemimpin politik, kaum penulis dan para reformis moden menyedari pengaruh alim ulama, tapi mereka sedikit kesal cara alim ulama ini menggunakan ilmu mereka.

Apakah cara untuk menyedarkan kaum alim ulama ini agar mereka tidak menyalahafsirkan ayat-ayat Al-Quran Nur Karim, semata-mata untuk mencari sesuap nasi di kampung-kampung?

Cara yang paling baik, saya kira, hanyalah dengan melalui apa yang saya sedang lakukan iaitu melalui tulisan. Hanya dengan melalui tulisan sahaja para penulis seangkatan ataupun sasterawan dapat menggambarkan para alim dengan berbagai gelagat. Usman Awang ataupun Tongkat Warrant, melalui beberapa buah cerpennya semacam menyindir pak-pak lebai ini. Siapa yang tak pernah dengar adanya orang-orang kampung begitu mudah mempercayai guru-guru agama sehingga mereka menyerahkan anak-anak gadis mereka untuk dijodohkan dengan "si tua" ini. Si tua ini ada di antara mereka sudah menjangkau umur 60 tahun. Tapi kerana kononnya mahukan "berkat" maka keluarga gadis itu sanggup menjadikan anak gadisnya "mangsa". Beberapa buah cerpen dan novel memuatkan contoh-contoh yang saya sebutkan itu.

Kejadian begini memang banyak berlaku di Kelantan. Akibat daripada gadis-gadis belasan tahun ini menikahi guru-guru agama maka setengah daripada pasangan itu tak kekal lama. Maklumlah, setelah enam bulan ataupun setahun kahwin, guru-guru ini mendapat gadis lain pula untuk diperisterikan. Oleh itu yang janda-janda muda ini menanggung rindu. Ramai yang hidup bercerai-berai. Ada yang tak tentu hala. Sesetengahnya melarikan diri ke Kuala Lumpur untuk membina hidup baru. Tidak kurang juga yang terlanjur lalu terjerumus ke lembah maksiat menjadi pelacur profesional. Siapakah yang harus kita persalahkan? Tok-tok gurukah? Para gadiskah? Ibu bapa merekakah? Atau pegangan nilai masyarakat kita yang terlalu taksab kepada tok-tok guru sehingga kata-kata mereka langsung tidak boleh dipersoalkan lagi?

Biar bagaimanapun saya taklah mengatakan bahawa peranan guru-guru agama itu tidak penting. Peranan golongan ini pentingnya cuma di dalam beberapa kes, misalnya menjadi *informal leader* di kampung-kampung, dan mewujudkan sistem pengajian pondok dengan tujuan suci untuk memberikan pendidikan agama kepada masyarakat.

Tapi ramai juga ulama yang telah menyeleweng dan menyalahgunakan peranan mereka. Ilmu yang dituntut secara turun-temurun digunakan untuk merosakkan anak dara orang.

Kajian yang dibuat oleh para penyelidik tempatan mendapati pandangan hidup orang-orang Melayu-Islam dibentuk oleh ajaran-ajaran yang terkandung di dalam kitab jawi ataupun buku-buku agama yang ditulis oleh ulama yang kebanyakannya hidup di antara abad-abad ke-17 hingga ke-20. Ajaran ini dikembangkan melalui madrasah-madrasah ataupun sekolah-sekolah pondok yang mula wujud di negara ini sejak 200 tahun yang silam.

Para anak murid telah dibentuk sedemikian rupa sehingga mereka tidak berani mempersoalkan, lebih-lebih lagi mempertikaikan perkara-perkara yang diajar, sekalipun mereka dapati ilmu yang diperturunkan agak menyimpang daripada logika akal manusia. Mempertikaikan tok-tok guru bererti mereka mempersenda tok-tok guru. Oleh itu mereka membaca saja kitab yang dibawa oleh guru-guru ini tanpa memahami maknanya. Sikap tok-tok guru ini telah meletakkan bangsa Melayu jauh tertinggal di bidang politik, ekonomi dan sosial. Pemikiran orang-orang Melayu yang dididik oleh tok-tok guru ini seolah-olah terbatas dalam sebuah *cocoon* yang usang dan berkelarah.

Hal seperti ini pernah dibangkitkan oleh Kassim Ahmad di dalam rencananya bertajuk '**Intelektualisme dan Pemikiran Islam di Malaysia**' yang diterbitkan dalam majalah Dewan Budaya keluaran bulan Oktober 1989. Kassim menulis:

Contohnya sikap terhadap ilmu. Walaupun dalam pengertian Al-Quran ilmu meliputi semua bidang, tafsiran yang diberi dalam kitab-kitab ini hanya terbatas kepada 'ilmu agama' dan palajaran Al-Quran dianggap cukup dengan hanya 'membaca' tanpa memahami maknanya.

Kassim seterusnya menulis: "Pemikiran Islam tradisional tidak menggalakkan kebebasan dan kekreatifan. Kaedahnya seseorang itu belajar daripada guru dengan menghafal tanpa boleh menyoal ajaran itu atau gurunya. Kaedah ini dipanggil taqlid dan telah dipaksakan ke atas seluruh dunia Islam kira-kira dalam abad ke-15 berikutan dengan kejatuhan ibukota Empayar Abbasiyah di Baghdad, kononnya, atas muslihat perpaduan masyarakat Islam."

Kassim percaya kaedah ini membekukan dan terus mengunci pemikiran umat Islam hingga ke akhir abad ke-19, malah boleh dikatakan hingga ke hari ini. Contohnya setiap kali kita ke masjid untuk menunaikan sembahyang Jumaat, kita akan diperingatkan oleh Pak Bilal tentang disiplin sewaktu berada di dalam masjid di saat Imam hendak memulakan khutbah.

Para bilal membaca hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang antara lain menyebut, gugurlah pahala seseorang itu apabila ia berkata-kata sewaktu Imam sedang berkhotbah. Oleh kerana khatib mengingatkan kita tentang perkara ini, kita pun tak banyak soal terus mendengarnya. Ramai yang kadangkala kurang senang ataupun tidak setuju dengan isi khutbah, tapi mereka tak berani menegur, atau memberikan pendapat lain yang berbeza, apatah lagi membantahnya.

Soalnya, benarkah perawi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah itu tadi. Majalah Tempo dalam keluaran 14 Oktober mempertikaikan Abu Hurairah. Menurut majalah itu, terdapat percanggahan pendapat antara Abu Hurairah dengan beberapa orang para sahabat terutama daripada Aisyah, isteri Nabi Muhammad sendiri. Abu Hurairah merwayatkan 5,373 hadis berbanding dengan Khulafa Ur-Rasyidin seperti Abu Bakar, 142; Umar bin Khattab, 537; Usman Affan, 146 dan Ali bin Abi Talib, 586.

Menurut majalah itu lagi, Abu Hurairah sehingga beliau wafat adalah buta huruf. Ia tidak boleh menulis di dalam bahasa Arab ataupun Ibrani. Malah majalah itu juga menyebut Abu Hurairah bergaul dengan Nabi Muhammad hanya setahun tiga bulan saja, bukan empat tahun seperti yang didakwa. Sedangkan para Khulafa ur-Rashidin, bergaul lebih lama lagi. Malah Abu Hurairah pernah dipukul oleh Umar kerana tidak amanah dalam soal harta. Masa itu Umar sudah menjadi khalifah. Abu Hurairah yang baru pulang daripada Bahrain telah ditanya, darimana beliau dapat begitu banyak wang. Kerana jawabannya yang kurang memuaskan, beliau telah dihukum pukul. Abu Hurairah dikatakan memang seorang yang suka bercakap bohong.

Ada pula riwayat lain yang masih menjadi perbincangan hangat di kalangan cendekiawan Islam dan para ulama tentang hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Di antaranya Abu Hurairah mendakwa pernah datang ke rumah Roqoyah (puteri Nabi yang dikahwini oleh Usman bin Affan). Dan kononnya Roqoyah berkata pada Abu Hurairah bahawa Nabi baru saja keluar dari rumah....

Apa yang dipersoalkan tentang hadis ini ialah apakah Abu Hurairah bertemu dengan Roqoyah? Ini kerana jika ditinjau dari segi zamannya tidak mungkin Abu Hurairah boleh bertemu dengan Roqoyah, kerana Roqoyah r.a. wafat pada tahun pertama Hijrah, manakala Abu Hurairah masuk Islam pada tahun 7 Hijrah.

Menyentuh tentang larangan bercakap semasa khatib sedang berkhotbah seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, ada riwayat lain yang menyatakan tatkala Nabi SAW sedang berkhotbah, ada seorang Baduwi yang bertanya: "Ya Rasulullah bilakah hari kiamat akan tiba?"

Lalu dijawab oleh Rasulullah: "Mengapa anda bertanya demikian, apakah anda sudah cukup bekal?"

Kalau dilihat dari kedua hadis ini, ia memang bertentangan. Hadis pertama yang dibawa oleh Abu Hurairah

melarang langsung para jemaah Jumaat untuk bercakap ketika khatib sedang berkhotbah, walaupun setakat untuk menegur kawan. Tapi hadis yang kedua, memperbolehkan, bahkan sampai terjadi seperti satu dialog, bukan antara jemaah dengan jemaah akan tetapi di antara khatib dengan salah seorang jemaah Jumaat. Dan malah khatibnya sendiri adalah Nabi SAW.

Bukanlah tujuan saya mempertikai hadis ataupun membuat para pembaca bertambah keliru macam yang dibuat oleh Kassim di dalam bukunya. Kekeliruan boleh terjadi kerana kita menutup sebelah mata untuk melihat, kerana sikap fanatik, kerana kejahilan dan kerana kedangkalan pemikiran masyarakat kita sendiri yang rata-rata memang masih jahil dan dangkal dalam memahami agama kita sendiri. Buku itu sekarang telah diharamkan. Soal pengharaman dan pembakaran buku oleh ulama dan pemerintah memang sudah sering kali terjadi dalam sejarah Islam. Contohnya kitab-kitab tasauf karya Al-Hallaj, malah Al-Hallaj sendiri telah dibunuh. Ulama besar yang hidup dalam abad ke-12, Al-Ghazali, belasan tahun setelah beliau meninggal, kitab-kitabnya juga telah dimusuhi dan dibakar. Begitu juga dengan Muhammad ibn Abd. As-Salam (661 H). Buku-buku karya cucu Abdul Qadir Jailani itu juga diperintahkan dibakar di depan masjid, kerana dianggap meragukan ajaran agama. Di Aceh, seperti yang kita pernah pelajari di sekolah-sekolah menengah dulu, buku-buku Hamzah Fansuri tidak disenangi oleh para ulama. Hamzah dan para pengikutnya dikejar-kejar dan dibunuh.

Begitulah kita terlalu mudah membuat penilaian dan menghukum. Buku-buku terlalu mudah dilarang, diharamkan dan dibakar. Padahal kalau kita tak membaca Bible, macam mana kita akan tahu isinya, kelemahannya dan macam mana pula kita nak berdebat dengan penganut Kristian. Bagaimana kita nak tahu kelemahan buku Karl Marx? Begitu juga dengan kes Kassim. Sepatutnya ulama-ulama kita menjawab Kassim secara intelektual, menulis

buku dengan lebih detail, berikan huraian supaya masyarakat Islam boleh faham. Apa ulama-ulama kita buat? Kalau dengan Kassim seorang pun sudah tak dapat nak hadapi, macam mana nak hadapi orientalis yang mungkin lebih memahami Islam dari ulama kita sendiri.

Di sini saya cuba mengajak anda menyelami beberapa kekeliruan yang perlu diperbetulkan atau bagaimana caranya untuk mengetahui kedudukan hadis itu yang sebenarnya agar umat Islam terutama orang-orang Islam di Malaysia lebih maju lagi. Sebagai sebuah masyarakat yang selama ini dibekukan dengan pengaruh para pak lebai, dijajah fikiran oleh ilmu Barat melalui penjajahan mental, kita perlu bangun untuk meruntuhkan tembok-tembok yang dibina untuk menyekat kepintaran otak kita berfikir.

Dan untuk bahan berfikir eloklah difikirkan bahawa erti 'Hurairah' itu ialah 'anak kucing'. Jadi tidak hairanlah kalau ada ulama-ulama kucing senak bukan sahaja di Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Lagi satu perkara yang harus difikirkan ialah tentang begitu banyaknya hadis yang dikumpulkan oleh Abu Hurairah itu sendiri. 5373 hadis dalam masa 1 tahun 3 bulan bererti hampir 12 hadis setiap hari! Apakah Abu Hurairah benar-benar menghafal 12 sabda Rasulullah dalam masa sehari setiap hari untuk tempoh 1 tahun 3 bulan tanpa membuat apa-apa catatan kerana beliau tidak tahu menulis. Fikirkanlah!

Saya tak mahulah bercakap banyak-banyak pasal ulama yang namanya diambil dari perkataan yang bermaksud 'anak kucing' itu, dan 'Abu' pula bermaksud 'bapa' (Abu Hurairah: Bapa Kucing) sebab dalam buku 'TALQIN UNTUK UMNO' dulu saya telah bercerita dengan panjang lebar tentang seorang lagi Abu Hurairah Malaysia dalam bab 'BAPA KUCING'. Saya menyatakan Tunku Bapa Kucing sebab Tunku mengatakan orang Melayu itu macam kucing. Dan lagi dalam buku POLITIK SERPIHAN, saya telah menulis tentang 'ulama kucing senak' dalam bab yang sama namanya.

Cukuplah setakat saya mengulas tentang apa yang ditulis oleh majalah Tempo mengenai Abu Hurairah. Saya kira tentulah tidak salah jika saya mengulas tentang beliau. Kita perlu ingat bahawa dia bukan Nabi, hanya seorang yang berdamping dengan Nabi untuk tempoh yang singkat iaitu 1 tahun 3 bulan. Lagipun soal ulas mengulas ini soal yang lumrah. Dr. Mahathir, Margaret Thather, Almarhum Ayatollah Khomeini, Dato' Onn pun sentiasa jadi bahan ulasan dan kritikan. Jadi apa salahnya saya mengulas tentang seorang yang dianggap begitu penting dalam ajaran Islam?

Saya tak mahu orang Melayu dan orang Islam di negara saya yang saya cintai ini menjadi korup dengan ajaran-ajaran salah yang tidak dibenarkan untuk dipersoalkan. Saya lihat dari jumlah hadis yang dikumpulkan oleh Abu Hurairah, semacam ada persamaan dengan pegawai-pegawai kerajaan yang dulunya hidup sederhana tiba-tiba menjadi kaya-raya dalam masa yang singkat. Perkara-perkara seperti ini selalu terdapat di kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang melakukan *corruption*. Begitulah analogi saya. Bagi saya agama Islam biarlah terus berkembang mengikut peredaran masa.

Mungkin ada para ulama yang tidak mendalami kitab hingga ke saat ini bimbang sekiranya orang-orang Melayu cerdik maka orang-orang Melayu akan bangun dan menentang kuasa mereka. Buktinya orang-orang Melayu sewaktu kegemilangan kerajaan Melayu Melaka dan sebelumnya telah berjaya membuktikan kepada dunia betapa mereka mampu menjadi usahawan dan pedagang yang berjaya. Para pedagang Melayu ini telah berulang alik ke pelosok nusantara membawa bersama rempah, lada, kayu dan kain-kain untuk dijual, sehingga Melaka dahulu muncul menjadi pusat perdagangan eksport-import di kawasan ini seperti Singapura sekarang.

Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, bukan saja kesultanan Melayu Melaka runtuh, yang

turut berakhir ialah para pedagang Melayu sendiri. Portugis telah melenyapkan usaha orang-orang Melayu untuk berdagang malah kapitalis Portugis ini telah menguasai perdagangan di rantau ini. Sedikit demi sedikit para pedagang Melayu gagal menjalankan urusan besar-besaran, akhirnya mereka terpaksa mencari pekerjaan lain seperti bercucuk tanam ataupun mencari rotan di hutan. Portugis walaupun kebanyakannya beragama Kristian tapi mereka tidak berapa berkembang sejak abad ke-14 mulai menyerap masuk. Di setiap kampung, agama Islam mulai diajar. Tapi perkembangannya tidaklah sehebat di abad ke-18 dan 19.

Saya tidak bertujuan untuk meriwayatkan semula sejarah kedatangan Islam ke rantau ini kerana saya percaya buku-buku sejarah begitu banyak mengenainya, tapi bukan Ahmad Mokhtar yang tulis walaupun dia ada menulis juga sedikit tentang Tun Mutahir di dalam bukunya. Pilihlah buku-buku yang ditulis oleh pengarang lain untuk membolehkan anda semua mengetahui dengan mendalam sejarah kemasukan agama Islam di rantau ini. Selaku orang-orang Islam, mengetahui sejarah Islam dapat memperbaiki kesalahan masa silam kita.

Perkara yang mengenai ulama siang hari ini saya sentuh semula untuk membicarakan satu subjek yang ada kaitan dengan subjek lama itu. Ini bukannya memanaskan kuah basi seperti mana yang lazim berlaku. Saya anggap subjek ini penting.

Seperti yang anda semua tahu, parti Pas adalah sebuah parti Islam yang diasaskan oleh tok guru dan para alim-ulama yang kononnya amat menguasai bidang keislaman. Oleh kerana sebab-sebab yang mereka ada-adakan sendiri, maka para alim-ulama ini merasakan mereka tidak boleh duduk lebih lama di dalam UMNO. Namun, biar bagaimanapun mereka berasal dari UMNO dan pernah menjadi pemimpin terkanan di dalam UMNO.

Asalnya mereka berpecah, bermula dari cadangan menubuhkan Pertubuhan Ulama SeMalaya, yang bersifat

kebajikan yang akan bernaung di bawah ri'ayah UMNO. Maknanya ia akan menjadi sebahagian daripada UMNO.

Matlamat penubuhan pertubuhan ini ialah supaya dapat menyatukan seluruh orang-orang Melayu yang belum lagi berpertubuhan politik dan orang-orang Islam rakyat Persekutuan ke dalam UMNO atau dibawah ri'ayah dan pimpinan UMNO.

Kedua, sebagai badan persediaan buat menggantikan UMNO yang mulai menuntut kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu setelah tertolaknya Malayan Union sebagaimana badan-badan politik yang lain kerana kemungkinan UMNO juga akan diharamkan oleh pihak kerajaan Inggeris, dan;

Ketiga, bagi membantu UMNO dalam perkara-perkara agama (Islam) terutamanya untuk menyatukan pentadbiran Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Selain daripada tiga sebab yang orang boleh nampak, ada dua pula sebab-sebab yang tersembunyi yang menjadi sebab-sebab musabab mereka menubuhkan parti tersebut. Pertama, mereka merasa khawatir dan bimbang dengan gerak perjalanan UMNO ketika itu. Mereka menganggap kononnya kerja-kerja atau usaha-usaha yang dijalankan oleh UMNO itu sebagai perbuatan melanggar adab dan tatasusila Islam. Dengan adanya Pertubuhan 'Ulama' itu, diharap akan dapat menekan pucuk pimpinan UMNO atau sekurang-kurangnya mengurangkan keleluasan seumpama itu akibat daripada faham kebangsaan.

Kedua, sekiranya terjadi perbalahan antara pihak pucuk pimpinan yang berfaham kebangsaan dengan pihak yang lebih cenderung kepada Islam dan ingin menghormati adabnya, maka Pertubuhan Ulama itu akan berpisah dan berjalan sendiri mengikut perlembangan dan peraturan-peraturannya. Tiga perkara yang tersurat dan dua sebab

yang tersirat di atas saya petik daripada 'Mestika Kenangan' terbitan Dewan Muslimat PAS Wilayah Persekutuan beberapa tahun yang lalu.

Pada 23 dan 24 Ogos 1951, bersidangkan pertubuhan ini dengan dihadiri oleh wakil-wakil UMNO bahagian negeri, persatuan-persatuan kebajikan, segala alim ulama di Kelab Melayu Bagan (Butterworth). Mula-mula pertubuhan ini menamakan 'ulama' sebagai pertubuhan yang didaftar. Namun bila perbahasan diadakan wakil daripada Persatuan Alehya isy-Syariff Gunung Semanggol, Perak, mencadangkan agar diubah nama itu kepada Pertubuhan Islam Sa-Malaya ataupun PAS saja.

Sejak awal-awal lagi PAS yang diterajui oleh para alim ulama yang tidak senang dengan dasar UMNO yang menjadikan nasionalisme sebagai terus perjuangan. Pecahnya PAS daripada UMNO pun adalah berpunca daripada keengganan dasar perjuangan UMNO yang telah diterima secara universal oleh orang-orang Melayu. Bagaimanapun hari ini para ulama nampaknya sudah mengambil sikap tutup mulut dan tidak berani untuk memberikan buah fikiran walaupun mereka tahu kemungkaran tetap berlaku di dalam Angkatan Perpaduan Ummah atau singkatnya APU.

Para ulama sudah tidak berani berterus-terang apakah kerjasama dengan Semangat 46 yang turut memperjuangkan semangat Asobiyah ataupun kebangsaan boleh diperpanjangkan. Dari hukum akal, kalaulah PAS berpecah dari UMNO kerana menentang faham Asobiyah, PAS enggan bekerjasama dengan UMNO kerana Asobiyah (cuba baca Amanat Haji Hadi Awang yang dibuat pada tahun 1986 dulu), dan jika UMNO menentang UMNO kerana UMNO dianggap berperlembagaan Barat, mengapa pula tiba-tiba PAS sanggup bekerjasama dengan Semangat 46, yang hadir sama di dalam kerjasama ini ialah DAP yang menentang orang Melayu dan sistem perundangan Islam.

Di manakah peranan tok-tok guru dalam hal ini, mengapa mereka membisu seribu bahasa, mengapa tidak mengeluarkan fatwa. Bagi mengupas perkara-perkara yang saya sebutkan di atas tadi saya ingin perturunkan dengan izin, sebuah rencana yang ditulis oleh Nur Muhamad Ramadhan As Sani di dalam akhbar **Mingguan Kota** bertarikh 22 Oktober 1989. Rencana di bawah tajuk **Angkatan: Ke mana ulama bawa PAS**, seperti berikut:

Sekurang-kurangnya ada dua keistimewaan yang dimiliki oleh PAS yang susah hendak didapati pada parti-parti politik yang lain. Dua keistimewaan itu ialah PAS mempunyai pengikut yang setia yang mengiakan setiap kata pemimpin mereka dan PAS mempunyai pemimpin yang seolah-olah bertukar ganti hukum dan fatwa seperti bertukar ganti baju sehari-hari. Fatwa dan hukum ini pula boleh ditelan dengan mudah oleh pengikut mereka kerana pemimpin mereka adalah orang alim yang boleh mengemukakan pelbagai dalih dan helah yang mudah diterima oleh orang di bawah mereka. Orang di bawah pula diajar pantang derhaka 'tok guru'.

Tidakkah pada tahun-tahun 50-an, 60-an PAS bangkit dengan hukum haram berkongsi memerintah negara dengan kafir kemudian pada akhir 60-an dan awal 70-an mereka menyertai BN dan berkongsi memerintah Malaysia dengan hukum Islam.

Akhir 70-an dan awal 80-an sekali lagi setelah keluar dari BN hukum haram berkongsi dengan kafir didendangkan di serata pelosok alam. Bersama hukum ini Asobiyah (Kebangsaan) dihentam dan dipalu di serata ceramah.

Sekarang nampaknya sekali lagi hukum-hukum dilembut dan dikendurkan kerana inginkan persefahaman dengan Semangat 46, BERJASA dan HAMIM. Jeritan kafir hampir-hampir tidak kederangan lagi di dalam ceramah PAS.

Ketika mereka ingin menyertai BN ayat yang digunakan ialah ayat yang bermaksud sekiranya ada kecenderungan dari musuh untuk berdamai maka terimalah perdamaian itu dan serahkanlah perkara itu kepada Allah. Ayat 61 surah *Al-Anfaal*. Sekarang oleh kerana mereka ingin berpakat dengan Parti Semangat 46 sekali lagi ayat itu didendangkan dan dipergunakan.

Pengikut PAS senang sekali menerima apa sahaja ayat dari pemimpin mereka kerana mereka adalah orang yang jujur dan jahil, dan ayat itu senang sebab nuzul dan huraian ayat sebelumnya.

Suatu lagi 'auta' yang dibawa oleh pemimpin PAS untuk menghalalkan perbuatan mereka bersefahaman dengan parti Semangat 46 ialah perjanjian Hudaibiah yang berlaku antara Nabi dengan kafir musyrikin Mekah pada tahun ke-6 Hijrah.

Sekurang-kurangnya ada 6 perbezaan asas dan dasar antara perjanjian Hudaibiah dengan pakatan PAS dengan Parti Semangat 46, BERJASA dan HAMIM.

Enam perbezaan itu ialah Pertama, Perjanjian Hudaibiah dibuat antara kerajaan Musyrikin Mekah dengan Kerajaan Islam Madinah. Soalnya adakah pemimpin 46 dan PAS mempunyai kerajaan?

Kedua, butir-butir perjanjian disebar untuk pengetahuan kaum Muslimin. Adakah butir-butir perjanjian PAS, 46, BERJASA, HAMIM disebar untuk pengetahuan umat Islam? Nabi Muhamad menyebarkan butir perjanjian untuk mengelakkan salah faham dan dituduhkan bermacam-macam oleh golongan Islam. Pemimpin PAS pula mendakwa tidak semua boleh diberitahu kepada orang bawah, maka oleh kerana begitulah pemimpin PAS tidak boleh menjadikan Hudaibiah alasan tindakan mereka dan mereka tidak perlu melenting jika ada orang bawah yang mempertikaikan tindakan mereka.

Ketiga, Perjanjian Hudaibiah dibuat atas permintaan pihak kafir sedangkan pakatan PAS, 46, BERJASA dan HAMIM tidak jelas dan nyata siapa yang minta tetapi menurut Ku Li "kerana kita (46) kuat maka PAS dan DAP terlalu ingin bersama dengan kita."

Keempat, Perjanjian Hudaibiah menguntungkan Islam sedangkan pakatan PAS, 46, BERJASA, HAMIM, akan merugikan pengaruh dan kuasa PAS. Nabi tidak pernah menyerahkan kuasa kepada kafir tetapi kuasa PAS akan terhakis kepada ANGKATAN.

Kelima, Perjanjian Hudaibiah memberi ruang dakwah Islam kepada kafir sedangkan apa yang berlaku sekarang program ceramah dibuat oleh pihak PAS dan pihak 46 akan berceramah berdakwah kepada orang PAS. Mereka pemimpin PAS memberi alasan kalau kita bercerita kejahatan kerajaan, orang tak percaya, kalau orang 46 sendiri bercerita orang akan percaya. Itulah politik PAS dan itulah jiwa kecilnya pemimpin PAS yang merasakan orang dah tak percayakan mereka. Nak percaya macam mana kalau banyak merapu dan memaki hamun dari berdakwah mengajak manusia berpegang dengan hukum Allah. Apalagi jika peribadi juga mencurigakan.

Keenam Perjanjian Hudaibiah dibuat secara bertulis dan dipamer tetapi pakatan PAS, 46, BERJASA, HAMIM tidak diketahui sama ada ditulis atau tidak; yang jelasnya disembunyikan dari pengetahuan umum kononnya strategi. Kalau benar 46 menerima Islam, perjanjian Hudaibiah tidak boleh menjadi alasan sebab perjanjian itu dibuat antara Islam dengan musyirikin.

Tambah mengelirukan bila pemimpin PAS mendakwa di segenap perjumpaan mereka bersama anak buah mereka bahawa kita tidak berpakat dengan 46 yang berlembagaankan Kebangsaan tetapi kita berpakat dengan Angkatan Perpaduan Ummah yang mengambil Islam

sebagai Addeen yang dianggotai oleh 46, BERJASA dan HAMIM. Kita tidak memasuki Angkatan, kita hanya bersefahaman kata mereka.

Banyak persoalan timbul dari kenyataan pemimpin PAS ini. Pertama, kalau benar itulah bentuk pakatannya kenapa papan tanda yang merata-rata khasnya di Kelantan meletakkan sebaris simbol bulan, angka 46, dan bintang, dan ditulis Angkatan Perpaduan Ummah. Dari papan tanda ini jelas kesemua parti pembangkang itu setaraf. Pemimpin PAS mendakwa itu perkara kecil tetapi biasanya dengan perkara kecil itulah PAS ditipu dan dikalahkan sama seperti gambar pemimpin PAS bersama Cina CCC disebarkan menjelang pilihanraya umum 1986 dan ini mempengaruhi masyarakat.

Kedua, pemimpin PAS mesti jelaskan adakah Kebangsaan yang menjadi cita-cita Parti Semangat 46 boleh menjadi Islam hanya kerana bergabung dengan perlembagaan Islam parti BERJASA dan HAMIM. Apakah gabungan ketiga-tiga parti itu akan menjadi teh campur, gula campur, air panas lalu diminum oleh PAS atau seperti di dalam satu kawah daging lembu adakah boleh dimakan jika bercampur dengan secebis daging babi? Kononnya mereka semua bersatu menentang kemungkaran, tidakkah fahaman Kebangsaan itu sendiri kemungkaran?

Apa lebihnya Kebangsaan dari Islam sehingga PAS merasakan terlalu patut dan harus PAS berpakat dengan Semangat 46? Ditambah-tambah lagi dengan alasan Kebangsaan sempit sahaja tidak boleh, Kebangsaan luas boleh, ini sekali lagi membuktikan pemimpin PAS sendiri masih teraba-raba dengan dasar Islamnya. Apakah sebab sebenarnya pemimpin PAS tidak bertegas mengajak pemimpin Semangat 46 meninggalkan dasar Kebangsaan dan berpegang dengan dasar Islam atau dalam ertikata lain meninggalkan UMNO lama, Semangat 46 memasuki PAS? Apakah kedudukan jawatan pemimpin PAS sekarang

tergugat jika pemimpin 46 menyertai PAS lalu yang berangan-angan nak jadi MB, Exco, Speaker tidak boleh menjawab jawatan tersebut bila menang kelak? Apakah wajar lidah mengaku menerima Islam tetapi mengisi borang kebangsaan, kenapa tidak mengisi borang Parti Islam?

Kekeliruan di atas kekeliruan juga berlaku apabila Wan Hashim Presiden Berjasa mengakui Angkatan tidak dipimpin oleh sesiapa tetapi dipimpin oleh jemaah pimpinan yang terdiri dari pemimpin kesemua parti yang terlibat. Soalnya apakah harus satu jemaah tidak ada imam. Tidak sah satu-satu jemaah apabila tidak ada imam dan kenapa tidak melantik ulama PAS sebagai imam Angkatan jika benar mereka mahukan Islam? Dan kalau benar menjadi ahli 46 pun tidak mengapa, kenapa Haji Hadi, Nik Aziz tidak menjadi ahli 46, sekurang-kurangnya berdakwah kepada orang 46.

Masyarakat Kelantan khasnya semakin hairan dengan sikap Presiden BERJASA itu yang banyak bersifat mengata dulang paku serpih, mengata orang dia yang lebih. Ini adalah kerana ucapannya di Ijtimak Bunut Payung pada 14.9.89 kononnya sebagai peringatan bahawa pemimpin PAS dahulu bila berkuasa bawa beg James Bond, pakai Bush Jacket mula lupa kepada apa yang diperjuangkan.

Itulah konon-kononnya sebab dia keluar dari PAS. Soalnya tindakan Wan Hashim juga pernah menjadi Exco Kerajaan PAS Kelantan dari tahun 1969-1974 dan semasa berada di dalam BN tidakkah Presiden BERJASA itu juga yang bertanggungjawab terhadap Enakmen Keluarga Islam Kelantan yang tidak tepat dan bercanggah dengan Islam. Apa yang Wan Hashim buat selama 2 penggal menjadi Exco Agama Kelantan (1978-1986)?

Oleh sebab itulah Wan Hashim tidak hadir walaupun dihantar surat berdaftar oleh PAS Kelantan jemputan menghadiri Forum Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983

pada 6 April 1984 di dewan Zulkifli Muhammad Kota Bharu. Ahli panel yang hadir pada malam itu ialah 3 Hassan di mana salah seorang dari 3 Hassan itu ialah Hassan Salleh AJK Dewan Ulama PAS Pusat sekarang. Pengerusi majlis pada malam itu ialah Ustaz Idris, wakil Rakyat Tawang.

Itulah Wan Hashim yang semasa merasmikan Muktamar Berjasa Bachok pada tahun 1985 menyatakan bahawa 18 tahun PAS berniaga (Di Kelantan) di mana gudang mereka tidak mempunyai barang sedang pembelinya ramai.

Tidakkah di antara saudagar gudang PAS dahulunya termasuk juga Wan Hashim yang pernah menjadi AJK PAS Pusat? Jika tidak ingin menjadi manusia oportunistik kenapa beliau lari dan tidak mahu balik-balik kepada PAS? Apa peranan BERJASA kepada umat Islam semasa BERJASA di dalam BN? Kenapa beliau tidak boleh bersama Nik Aziz di dalam PAS?

Kita bimbang dengan telatah pemimpin PAS sekarang kerana alasan mereka bahawa kita tidak berpakat dengan 46 tetapi berpakat dengan Angkatan itu lebih kepada auta, sebagaimana Bani Israil di zaman Nabi Daud cuba berlaku auta apabila Allah melarang mereka menangkap ikan pada hari Sabtu, mereka mengepung ikan itu pada hari Sabtu, lalu ditangkap pada hari Ahad.

Akibatnya mereka diubah oleh Allah menjadi kera. Kita tidak mahu pemimpin PAS menjadi kera atau berperangai seperti kera melompat dari satu dahan ke satu dahan, berpindah dari satu parti ke satu parti suatu masa nanti.

Pemimpin PAS juga sudah menerima konsep beransur-ansur walaupun hal yang melibatkan dasar. Mereka berkata 46 akan masuk PAS secara beransur-ansur. Suatu ketika pemimpin PAS berkata 'tukang sihir Firaun terus memeluk Islam tiada kerjasama-kerjasama', sekarang orang

yang sama juga mempertahankan kerjasama PAS Angkatan.

Pemimpin PAS mesti berterus-terang dengan pengikut mereka. Tidak sewajarnya mereka mengambil kesempatan atas taat setia pengikut mereka untuk mengaut kepentingan peribadi.

Pemimpin PAS mesti berterus-terang penceramah-penceramah PAS yang menggunakan ayat Al-Quran sewenang-wenangnya kerana bukan semua penceramah PAS tahu tafsir Al-Quran. Tidak sepatutnya mereka melarang orang dari memasuki UMNO dengan membaca ayat yang bermaksud: "Tiap-tiap yang Baharu itu pasti Binas" kerana UMNO itu baru didaftarkan. Ayat itu sebenarnya menyatakan setiap makhluk adalah baharu dan akan binasa tak kira orang PAS, 46 atau UMNO atau lain-lain.

Tidak sepatutnya juga pemimpin PAS membiarkan penceramah PAS membaca dan mempergunakan ayat 5 surah *At-Takwiir* iaitu "Dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan" iaitu bila kiamat sudah hampir maka binatang semua dikumpul (bukan sengaja berkumpul) maka kata penceramah PAS kita (PAS, 46, BERJASA, HAMIM) juga mesti berkumpul bersatu kerana kita sudah hendak kiamat dan politik Malaysia sudah teruk seolah-olah kiamat sudah dekat.

Itulah contoh penyelewengan penceramah PAS yang merasakan ayat Al-Quran itu seolah-olah hak pusaka mereka yang bebas diperguna dan diperalatkan demi mendapatkan kuasa.

Pemimpin PAS juga mesti sedar sebelum ayat 5 surah *At-Takwiir* itu ada 4 ayat lagi yang menyatakan apabila matahari digulung dan bintang-bintang berjatuh dan apabila gunung-gunung dihancurkan dan apabila unta-unta yang bunting ditinggalkan barulah sampai ayat 5 "dan

apabila binatang-binatang liar dikumpulkan". Apakah sekarang matahari sudah digulung? Bintang-bintang sudah jatuh? Gunung-gunung semuanya sudah hancur dan unta bunting sudah ditinggalkan? Kalau penceramah PAS terlena dan bermimpi takkanlah mereka boleh bersyarah berapi-api sambil tidur.

PAS di bawah pimpinan ulama sepatutnya lebih cerdik dari PAS pimpinan juhalak. Sepatutnya tidak berlaku kata-mengata sindir-menyindir sesama sendiri dan cantas setelah dipimpin oleh ulama. Sepatutnya pendapat ulama didahulukan bukan bila tersepit baru mencari ulama. Bila kalah diserahkan kepada ulama, bila nampak cahaya kemenangan mula tepis-menepis dan menolak ulama. PAS mesti berterima kasih kepada ulama khususnya yang berada di pondok-pondok kerana mereka inilah yang menjadi benteng dan kubu PAS dan atas jasa guru-guru pondoklah PAS berkembang. Janganlah menghina ulama kononnya ulama dan guru pondok hanya tahu apa yang di dalam kitab mereka sahaja tetapi tidak tahu politik semasa. Jangan jadikan tok-tok guru pondok sebagai tukang sembahyang Hajat sahaja.

Akhirnya kepada pemimpin PAS hari ini apakah mereka sudah terlupa bahawa pada 3 hingga 6 Ogos 1983 bertempat di Kota London ulama-ulama Islam antaranya Sheikh As'ad Al-Tamimi (Bekas imam Masjid Al-Aqsa), Maulana Sahabudin Abdul Rahman dari India, Dr. Hisham Abdul Rahman Sultan, Ustaz Ahmad Muhammad Kani, Sheikh Zatarul Islam Khan, Ayatullah Jawwadi dan Dr. Kalim Siddiqi memutuskan sebulat suara tanpa khilaf bahawa faham kebangsaan dalam sebarang bentuk adalah bercanggah dengan Islam.

Apakah sebabnya lagi pemimpin 46 tidak boleh meninggalkan Semangat 46 dan pemimpin PAS segan mengajak pemimpin 46 meninggalkan fahaman Kebangsaan seperti yang tercatat dalam perlembagaan Semangat 46.

Apakah geranggannya yang menyebabkan ada penyokong PAS yang kata-mengata dan sudah tidak mesra lagi sesama sendiri setelah pemimpin mereka asyik dibuai cinta bersama slogan dan khayalan perpaduan, di dalam pelukan 46?

Apakah geranggannya juga sudah 2 kali Ku Li tidak menunaikan jemputan berceramah bersama pemimpin PAS iaitu di Kuala Krai pada 23.8.89 dan Bunut Payong pada 14.9.89.

Apakah ruginya jika Ku Li dan anak buah Ku Li memasuki PAS? Jangan pemimpin-pemimpin PAS dan 46 berkata PAS dan 46 sama sahaja. Tidak sama antara Islam dan Kebangsaan bahkan antara imam dan Islam pun dah ada bezanya. Rujuk al Harakah m.s. 4 dan 5 Mei 1989. Sewajarnya pemimpin yang tergila-gilakan pakatan dengan 46 dicabar tinggalkan PAS dan sertailah 46. Tinggalkan PAS kepada yang masih mencintainya. Jika benar berjuang di dalam 46 juga diredai Tuhan, silalah masuk 46, jangan tinggal lagi di dalam PAS.

Setelah anda sekalian selesai mengikuti rencana di atas itu, anda tentu bersetuju dengan saya bahawa peranan yang diberikan kepada ulama oleh PAS semakin sedikit. Peranan itu sudah jadi tidak penting. PAS pun sudah ikut cara parti-parti Asobiyah lain di dalam menentukan garis panduan.

Ulama PAS harus jawab teguran yang dibuat, jangan menggunakan hujah-hujah keagamaan untuk merestui kerjasama antara PAS dan Semangat 46. Ulama harus pisahkan diri daripada ide-ide yang boleh menjejaskan keraguan umum terhadap mereka. Kalau mereka biarkan kumpulan mereka ditunggang oleh kaum juhala yang mulai menguasai dasar PAS maka lama kelamaan mereka pun akan jadi juhala juga. Apakah ini yang mereka perjuangkan selama ini?

9

'SUMPAAH MAKAN DIRI'

TAHNIAH kepada Tengku Razaleigh Hamzah yang telah pun menjadi Presiden Parti Semangat 46. Akhirnya cita-cita Ku Li untuk jadi Presiden tercapai juga. Walaupun parti Semangat 46 hanyalah sebuah parti kecil yang dianggotai oleh mereka yang boleh diumpamakan macam botol-botol kosong dan mereka yang sudah *frust* dalam politik atau bisness, pokoknya Ku Li adalah Presiden parti. Dari segi protokol tarafnya sama macam Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir.

Namun, biar bagaimanapun, pada hemat saya, ini perkara biasa saja. Ada orang dilahirkan untuk jadi pemimpin, ada pula yang berusaha menjadikan dirinya pemimpin. Tapi kalau Ku nak jadi lebih dari itu, nak jadi Perdana Menteri misalnya, atau nak jadi raja sekalipun, itu satu perkara yang tidak mustahil. Saya ada cadangan untuknya. Kalau Ku Li setuju, Rais Yatim bolehlah jadi Timbalan Perdana Menteri. Tan Sri Ahmad Nordin tentu setuju kiranya dia dijadikan Ketua Audit, sementara Tun Suffian boleh jadi Lord Presiden kalau dia setuju. Begitu juga Haji Hadi dan Nik Aziz. Saya percaya tentunya mereka tak akan tolak jawatan Menteri Agama dan Mufti Besar. Subky

kalau nak jadi menteri pun boleh, Timbalan Menteri Penerangan atau Setiausaha Parlimen sama taraf dengan Ustaz Dasuki. Kalau tak mahu pun tak apa. Jawatan Pengerusi merangkap *'Managing Director'* *'Bidong Times'* mungkin lebih sesuai. Jangan Ku lantik dia jadi Menteri Pertahanan sudahlah. Saya takut kalau-kalau nanti anggota tentera negara Ku pakai baju celorang-celoreng, bawa M16 dan *hand-grenade* tapi pakai kain pelikat kerana memakai kain pelikat ikut pendapat Subky Latif adalah Islamik.

Ku tahu tak Pulau Bidong tidak lama lagi kosong. Jadi Ku bolehlah bawa satu kafilah ahli-ahli dan para penyokong Semangat 46 serta PAS untuk berpindah ke pulau itu. Kalau Ku malu nak minta dengan Dr. Mahathir, saya boleh tolong mintakan. Lagi pun selama ini saya belum pernah minta apa-apa *favour* dari Dr. Mahathir. Kalau saya yang minta, tentu Dr. Mahathir bagi. Dan bila dah dapat Pulau Bidong, Ku Li bolehlah buat satu negara baru. Kemudian bolehlah mohon untuk masuk ASEAN. Rais Yatim boleh tolong uruskan. Dia memang pakar hal lobi-melobi, maklumlah pernah jadi menteri luar. Lagipun Pulau Bidong itu bukan jauh sangat dari Kelantan. Kalau nak pergi *meeting*, orang-orang PAS Kelantan bolehlah sampai ke Pulau itu dengan berenang saja. Tapi orang-orang Haji Hadi kenalah dayung sampan sebab jauh sedikit. Sambil berdayung boleh dengar kaset atau nyanyi lagu dikir barat atau lagu-lagu padang pasir yang sudah di Melayukan.

Kata orang, Pulau Bidong itu bagus, Ku. Kalau ada rezeki, siapa tahu kot ada emas dekat situ. Ku boleh minta tolong Haji Hadi bawa orang-orang dia. Mereka ini dah biasa dengan kerja-kerja mencari emas sebab kerja dalam PAS tak ada gaji. Lagipun mereka sudah lama berjuang.

Kalau susah-susah sangat, Ku belilah buku **'Robinson Crusoe'** dan **'Treasure Island'** banyak-banyak dan taburkan kepada rakyat Pulau Bidong. Yahya Ismail dan Ahmad Mokhtar tentu boleh tolong terjemahkan ke bahasa

yang boleh difahami oleh penyokong-penyokong dan rakyat Ku. Kalau Ku berkenan, Ku bolehlah jadikan lagu 'Yo... ho... ho... And the bottle of Rum' sebagai lagu kebangsaan di pulau itu. Dan kalau Ku bersetuju juga, bendera negara Republik Kepulauan Bidong atau Negara Bidong Darul Bahar (Nama negara tertakluk kepada kabinet, Ku), bolehlah menggunakan gambar Long John Silver selain dari angka 46. Tentu nampak bersemangat, Ku. Lagipun siapa yang nak berpatah balik ke zaman 46, Ku. Dunia kita maju ke hadapan bukan berundur ke belakang. Kalau nak gosan juga, baik pergi terus ke tahun 1918. Kalau Ku suka lebih jauh daripada itu pun boleh. Mungkin di zaman kemunduran kerajaan Melayu Melaka di mana para hulubalang tak habis-habis bergaduh sesama sendiri kerana hasad dengki, fitnah hingga akhirnya seorang demi seorang raja Melayu Melaka hilang takhtanya. Kalau Ku betul-betul serius nak balik ke zaman 46 atau ke zaman-zaman yang disebutkan itu, suruhlah Pak Ya dan Pak Mat beli buku 'The Time Machine' karya H.G Wells. Mereka ini pakar sastera dan sejarah.

Kalau di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak, Ku dan orang-orang Ku memang susah nak cari pengaruh. Rakyat nak maju ke depan bukan berundur ke belakang.

Rakyat Malaysia amnya dan orang-orang Melayu khasnya sudah tahu perjuangan 46 untuk menegakkan kebenaran adalah alasan sehalu. Macamlah orang yang hendak mencari ikan di atas pohon kelapa.

Di kalangan ahli-ahli Semangat 46, ada yang sudah bakar jambatan, ada yang sudah berputus arang berkerat rotan. Mereka berhempas pulas, bercakap di sana-sini, termasuk di kedai-kedai kopi semata-mata untuk mendapatkan semula kekayaan, kuasa dan pengaruh yang telah diambil oleh Allah dan bukan untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu. Kerja-kerja politik jenis ini

bolehlah dianggap sebagai kerja yang sia-sia, sebab itu saya cadangkan Ku bawa orang-orang Ku berpindah saja ke Pulau Bidong.

Adapun antara sebab kenapa saya tidak menyokong Ku Li memimpin negara ini, ialah kerana Ku Li ada terlibat dengan skandal BMF. Nama beliau masih lagi dikaitkan dalam hal ini dan perkara ini masih belum selesai sehingga kini.

Skandal BMF semua orang tahu walaupun ramai yang sudah lupa, sebab orang Melayu kita ini memang terkenal dengan '**short memory**'. Dulu masa cerita BMF ini tengah panas, Ku Li buat majlis baca Yasin dan sembahyang hajat beramai-ramai di pejabatnya supaya tak ada orang yang kaitkan dia dengan skandal BMF. Tapi mulut manusia ini bukan macam mulut tempayan. Lama-lama orang tahu juga. Oleh kerana skandal ini merupakan skandal penyelewengan wang yang terbesar pernah berlaku dalam sejarah negara kita maka banyaklah orang-orang yang tidak faham dan terkeliru tentang bagaimanakah skandal itu boleh terjadi dan siapakah yang bertanggungjawab mengenai perkara ini.

Dua setengah billion tu nak kata sikit tentulah tak sikit, nak kata banyak memanglah banyak, tapi banyak mana duit dua setengah billion itu hanya dua tiga kerat orang Melayu saja yang tahu. Orang kampung memang susah nak kira wang sebanyak itu. Tapi saya boleh tunjukkan bagaimana banyaknya wang sebanyak itu. Cara mudah, banyaknya macam ini: wang dua setengah billion itu kalau dibuat masjid macam Masjid Negara, setiap negeri di dalam Malaysia ini boleh dibuat sebuah masjid. Hebat tak negara kita kalau setiap negeri ada sebuah masjid sebesar Masjid Negara? Begitulah banyaknya wang sebanyak itu. Satu cara lagi mudah nak kira: wang dua setengah billion itu ditukar jadi duit kertas seringgit-seringgit semuanya, lalu dimasukkan ke dalam lori satu tan beratnya, panjangnya

barisan lori-lori itu ialah dari Kuala Lumpur sampai ke Melaka. Hmm, banyak tak? Baru tahu betapa banyaknya wang skandal BMF itu.

Banyak sangat duitnya, tak terhingga banyaknya hingga orang-orang kampung tak pernah fikir duit boleh ada banyak macam itu. Billion. Perkataan billion itu pun jarang-jarang mereka dengar, ribu-ribu, ratus ribu dan satu juta mereka mungkin tahu dan pernah dengar.

Banyak mana yang dikatakan satu billion itu pun orang Melayu biasa di kampung bahkan di bandar juga tak dapat nak gambarkan. Mereka tidak pernah terjumpa adanya orang Melayu yang sudah jadi *billionaire*. Tapi ada orang Melayu yang istimewa, dia bukan saja tahu banyak mana duit satu billion, tapi dia pandai juga mencuri duit yang banyak macam itu. Dia bukan curi sendiri, dia pelihara toyol. Toyol-toyolnyalah yang pergi kebas duit sebanyak ini. Toyol istimewa. Toyol yang besar. Mungkin lebih besar dari Hantu Raya.

Kes ini ada orang kata kes Melayu tipu Melayu, dan ada juga orang kata, kes Cina tipu Melayu. Ada orang kata ini kes Melayu guna Cina untuk tipu Melayu, dan ada pula yang kata ini kes Cina guna Melayu untuk tipu Melayu. Berpusing-pusing, bercelaru, haru-biru. Tapi akhirnya yang kena tipu ialah orang Melayu juga, dan yang menipu pun orang Melayu juga. Cina duduk di tengah-tengah, yang jadi hantu toyol, hantu bungkus, hantu gulunglah yang mainkan orang Melayu. Itulah sebabnya Cina panggil mereka ini '*Malay Kwai*'.

Seorang pahlawan Melayu, iaitu pahlawan di bidang audit yang bernama Jalil Ibrahim, menjadi korban mati dibunuh oleh hantu-hantu BMF ini. Permainan orang-orang kaya yang pintar menipu itu meragut nyawa bangsanya sendiri. Mari kita bacakan **Al-Fatihah** untuk roh Jalil Ibrahim. semoga Allah tempatkan rohnya bersama para aulia Allah.

Kalau Jalil Ibrahim tidak terkorban mungkin kita semua tidak tahu cerita yang sebenarnya.

Kes BMF ini bukan kes kecil. Duit orang Melayu yang tidak terhingga banyaknya itu telah dicurahkan di bumi Cina di Hong Kong. Lesap duit sebanyak itu. Ini berat punya kes. Siapakah penyamun dan pengkhianat bangsa yang tak berhati perut dan tak berperikemanusiaan itu? Untuk melepaskan diri sendiri mereka sanggup meragut nyawa orang yang tidak berdosa. Kini isteri Jalil jadi janda, anak-anaknya jadi anak yatim.

Relakah kita membiarkan segala titik peluh kita dimainkan oleh orang yang sanggup membunuh kerana mereka sudah jadi orang gila wang? Orang gila memang sanggup buat apa saja kerana dia sudah gila. Gila kua-sakah, gila wangkah, gila betinakah atau saja-saja gilakah, sama saja. Orang gila juga namanya. Kalau tak gila mana boleh jadi skandal macam skandal BMF. Skandal macam itu cuma orang gila saja sanggup buat.

Orang yang membuat majalah 'Gila-gila' bukan orang gila. Kegilaan mereka sekadar mahu menghibur memberi hiburan saja.

Siapa orang gila itu? Setengah orang kata Dr. Mahathir yang gila, setengah pula kata Daim Zainuddin gila. Ada kata Ku Li yang gila. Saya tak gila. Saya saja buat gila, tak buat gila-gila buku ini tak boleh keluar.

Pasal apa pula Daim yang nak gila? Masa BMF mula buat gila bagi pinjaman yang gila-gila kepada syarikat-syarikat milik George Tan, masa itu Daim Zainuddin belum masuk kerajaan lagi. Yang jaga duit kerajaan masa itu Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah. Mahathir pun belum jadi Perdana Menteri lagi masa itu. Dia jadi Perdana Menteri bulan Julai 1981. Duit mula dicurahkan oleh BMF di Hong Kong pada 3 Julai 1979 kepada

syarikat George Tan yang bernama *Carrian Development Ltd.* Ini kerja siapa? Bukan kerja orang gila ke?

Itulah dia kerja Lorrain Esme Osman, kerja Hashim Shamsudin, kerja Rais Saniman. Siapa tiga orang manusia yang rapat sangat dengan George Tan peniaga bankrap di Singapura yang lari ke Hong Kong itu? Kawan baik siapa mereka tiga orang itu? Kawan baik Dr Mahathir? Bukan. Kawan baik Anwar Ibrahim? Bukan. Kawan baik siapa? Kawan baik Daim Zainuddin? Bukan. Kalau begitu kawan baik Ghafar Babalah. Bukan. Bukan, bukan! Habis, kawan baik siapa! Cakaplah betul-betul.... ni.

Mereka itu kawan baik Tengku Razaleigh. Mereka itu semua member ketat. Orang Kelantan kata saing.

Satu masa dulu Ku Li pernah tinggal di rumah Lorrain di Kuala Lumpur.

Ketika masih dalam UMNO dulu Ku Li pernah bersumpah di khalayakramai semasa membuka mesyuarat Bahagian UMNO Gua Musang. Kalau Ku Li dah lupa, biar saya ingatkan pada Ku.

"DEMI ALLAH SAYA TIDAK TERLIBAT. KALAU BENAR SAYA MAKAN DUIT HARAM SAYA BERDOA KEPADA ALLAH BINASALAH SAYA."

Astaghfirullah Astaghfirullah Astaghfirullah Hal Azim.....

Mengucap Ku... Mengucap Ku... mengucaaaaaap.....

Jangan main-main dengan sumpah, Ku. Sumpah pula dengan nama Allah, Tengku keturunan orang baik-baik. Nak sumpah-sumpah ni, ingatlah dekat datuk-nenek, Ku. Jangan terpengaruh dengan Chandra Swamiji. Kita semua ini orang Islam. Tengku tidak tengok ke filem Jins

Shamsudin. Filem "Esok Untuk Siapa". Filem tu dibuat di Kelantan, Ku. Mesej cerita itu, jangan suka bersumpah, nanti dimakan sumpah. Jins Shamsudin yang menjadi hero filem tu rosak binasa kehidupannya kerana dimakan sumpah. Penghabisannya dia duduk sembunyi bawah rumah. Tapi hidup Jins sebenarnya tak rosak, Ku, sebab dia dah jadi ahli UMNO. Saya tak mahulah Ku jadi macam watak dalam filem itu. Masa tu Ibrahim Ali pun tak boleh tolong. Dia dah cari taukeh lain. Orang PAS tak boleh tolong. Orang DAP pun tak boleh tolong juga. Sumpah orang PAS tak serupa "Sumpah Orang Minyak". "Sumpah Orang Minyak" setakat dalam filem P. Ramlee saja. Ini cerita sumpah-sumpah.

Skandal ini mula diketahui oleh orang ramai apabila Mahathir mendedahkannya secara terbuka pada bulan Oktober 1983. Perangai orang kita ini pelik sikit. Bila ada orang yang berani mendedahkan sesuatu perkara yang mereka tidak tahu, mereka ingat orang itulah yang bertanggungjawab. Mereka sudah tidak boleh membezakan lagi antara orang yang bertanggungjawab melakukannya dan orang yang berani mendedahkannya dan orang yang bertanggungjawab untuk menyelesaikannya.

Macam mana mereka hendak tahu. Ku Li dan kunco-kunco mereka hari-hari sana-sini menceritakan keburukan Mahathir, Daim supaya orang lupakan kesalahan mereka. Sampai hari ini tak pernah sekali geng 46 ini menyebut kebaikan Perdana Menteri mereka. Subky dalam tulisannya setiap minggu pun tak pernah sekali puji Mahathir. Dia tahu hentam saja; takkanlah macam itu kerja orang Islam, itu kerja orang PAS-lah. Mustahil satu Perdana Menteri yang beragama Islam sama sekali tak ada baiknya. Sege-lap-gelap malam pun masih ada cahayanya.

Perkara ini bukan sahaja mengenai skandal BMF, masalah kemerosotan ekonomi kita serupa juga. Orang kita lupa bahawa perkara-perkara yang besar seperti kehi-

langan wang \$2.5 billion bukan boleh dibuat dalam masa yang singkat.

Kemerosotan ekonomi negara berlaku di zaman Mahathir tetapi perkara besar seperti itu tidak berlaku dengan tiba-tiba. Ia memerlukan masa yang panjang. Orang nak beranak pun mengandung sembilan bulan dulu. Bukan mengandung hari ini boleh terus beranak besok, sudah cukup sembilan bulan pun tidak terus beranak. Nak malam pun dia gelap sikit-sikit. Dia tak terus-terus gelap begitu sampai tak nampak apa? Allah bagi **warning** dulu, kalau Allah tak bagi **warning**, banyaklah **accident**. Orang nak sakit pun bukan terus-terus sakit. Bukan terus tenat. Dia ada dia punya simptom dia dulu.

Masalah ekonomi negara dengan skandal BMF serupalah juga dengan sakit, sebab itu pun penyakit negara juga. Penyakit ini ada macam-macam jenis penyakit. Ada penyakit kanser, ada penyakit AIDS. AIDS terjadi kerana manusia melanggar hukum Allah.

Penyakit AIDS ini kata orang berlaku kepada lelaki tak kahwin saja. Bertahun-tahun dia berseronok sama-sama laki-laki, dia tak tahu yang dia sakit lagi. Bila muka dah berkerepot macam Rock Hudson barulah dia tahu dia sakit. Bila dia tahu dia sakit, menggelabah tak terkiralah dia. Itu jamlah baru dia nak ingat Tuhan. Sembahyang tonggang-tonggek pun dah tak guna lagilah. Sekarang Tuhan tidak akan terbalikkan negeri di mana manusia berlaku sumbang dan buat dosa-dosa besar tapi Tuhan turunkan penyakit AIDS sebagai bala. Kalau tidak berubat orang kena sakit AIDS ini berperangai macam orang gila kerana tidak tahan menanggung penyakit yang teramat sangat.

Ekonomi negara jadi teruk bukanlah semata-mata disebabkan oleh Mahathir. Mahathir ambil alih pemerintahan negara ini, pada bulan Julai 1981. Perkara-perkara yang menyebabkan ekonomi negara kita teruk telah dibuat lama

sebelum itu lagi, di zaman Ku Li jadi Menteri Kewangan. Begitu juga dengan BMF. Kata Tan Sri Ahmad Nordin Zakaria, bekas Ketua Audit Negara yang kini sudah jadi penyokong setia Semangat 46, skandal BMF itu adalah suatu *concerted plan*, iaitu suatu rancangan yang dibuat secara bersepadu. Maknanya ia telah dirancang dengan penuh teliti, lama sebelum tarikh pinjaman yang pertama pada 3 Julai 1979 itu lagi. Ku patut tahu sebab Ku jadi Menteri Kewangan masa itu. Takkan Menteri Kewangan tak tahu wang sebanyak itu dibawa keluar negeri, ke Hong Kong. Kalau tak tahu, macam mana jadi Menteri Kewangan.

Satu lagi yang kita semua lupa bahawa Allah Maha Berkuasa. Tuhan hendak cuba kita terutama mereka yang terlupa nikmat Tuhan. Masa kaya-raya tidak ingat nak bersedekah orang yang miskin papa.

Kepala penyamun BMF yang bernama Lorrain Esme Osman, itu adalah anak didik Tengku Razaleigh. Dia bekerja di Bank Bumiputra semasa Tengku Razaleigh menjadi Pengerusi Bank Bumiputra lagi. Tengku Razaleigh melantik dia menjadi Pengerusi BMF Hongkong. Datuk Hashim Shamsuddin, Pengarah BMF kawan ketat Ku Li. Ini semua orang tahu dan mereka ini semua mempunyai isteri yang bukan Melayu. Kalau isteri orang Melayu yang taat beragama tentu mereka tidak sanggup jadi hantu bungkus dan hantu gulung.

Asiavest, salah sebuah syarikat di Hongkong, yang pernah menerima pinjaman BMF pada tahun 1980, antara pemilik sahamnya adalah Tengku Razaleigh dan keluarganya.

Tengoklah data-data ini:

K.T.H. HOLDINGS SDN. BHD.

Pemegang Saham	Saham yang dipegang \$
1. Tengku Abdul Aziz Bin Tengku Mohd. Hamzah.	1,092,001
2. Tengku Azizah Binti Tengku Mohd. Hamzah.	546,001
3. Tengku Razaleigh Bin Tengku Mohd. Hamzah.	1,092,000
4. Tengku Robert Bin Tengku Mohd. Hamzah.	1,092,000
5. Tengku Maziah Binti Mohd. Hamzah.	546,000
6. Tengku Zain Bin Tengku Mohd. Hamzah.	546,000
	<hr/>
	4,914,002
Modal berbayar	\$4,914,002

ASIAVEST CORPORATION SDN. BHD.

Pemegang Saham	Saham yang dipegang \$
1. Dr. Syed Mahmood Bin Syed Hussain	1
2. Datuk Hj. Kamarulzaman Bin Mahamed	1
3. Somumu Sdn. bhd.	2,017,511
4. K.T.H. Holdings Sdn. Bhd	1,624,753
5. Tengku Razaleigh Hamzah	60,463
6. Samarra Holdings Sdn. Bhd.	2,017,512
7. Syarikat Nominee Bumiputra Sdn. Bhd.	332,295
	<hr/>
	6,052,536
Modal berbayar	\$6,052,536

Inilah bukti dan dalilnya. Sepatutnya seorang Menteri Kewangan tidak boleh buat kerja macam ini. Inilah yang dikatakan salah gunakan kuasa. Hendak sumpah juga lagi? Dalil ini datangnye dari Kementerian Perdagangan.

Pada tahun 1979, Tengku Razaleigh Hamzah telah mempunyai hubungan yang rapat dengan George Tan, Dr. Nawawi Mat Awin, Dr. Rais Saniman dan Datuk Hashim Shamsuddin dalam pengakuannya kepada Jawatankuasa Penyiasat mengesahkan bahawa Tengku Razaleigh yang membuat keputusan untuk membeli Gammon House. Ku Li telah mengarahkan BBMB menyediakan wang untuk jual-beli itu. Nasib baik jual-beli itu tidak jadi, kalau jadi dalam sekelip mata George Tan akan dapat \$50 juta Amerika. Dan ingat, Ku Li kawan baik George Tan. Kalau George Tan dapat duit sebanyak itu, faham-faham sahajalah. Duit yang senyap-senyap disimpan dalam poket oleh toyol-toyol bukan duit haram ke?

Ku, tahun 1981 saya tulis buku **SIAPA SELEPAS MUSA**. Sesudah *statement* Tengku dalam sebuah akhbar Inggeris '*I am prepared to go broke*', itu satu *statement* yang sombong dan angkuh.

Kalau Ku Li sanggup jadi *broke*, saya pun tak malu ikut sama jadi *broke*. Berapa banyak orang yang ikut *broke* temboloknye berisi juga. Lepas itu Ku bersumpah pulak. Saya tak nak bersumpah kerana saya takut di makan sumpah. Kalau Ku Li berani biar dia seorang sajalah yang makan sumpah dia sendiri.

Saya penulis rakyat, Ku. Bila pemimpin sudah keterlaluan mempermain-mainkan rakyat, sebagai seorang hamba Allah saya serahkan diri pada Allah. Saya terpaksa mempertahankan rakyat terutama orang-orang Melayu yang tidak berdosa tapi sudah terpengaruh dengan Semangat dan hantu. Ku ingat dengan bersumpah di Gua Musang rakyat akan percaya pada Tengku dan semua perwakilan

akan beri undi supaya Tengku jadi Presiden UMNO, lepas itu terus jadi Perdana Menteri? Tengok Ku, apa sudah jadi? Ku tak lagi bersama UMNO. Makin lama harapan Ku nak jadi Perdana Menteri makin pudar. Berapa kerat sangat rakyat yang nak sokong 46.

Ku dan rakan-rakan Ku sudah keterlaluan menghina dan memburukkan nama baik pemimpin dan menteri kami terutama Perdana Menteri. Datuk Sri Dr. Mahathir tidak penting tapi kerusi yang didudukinya itu diberi oleh kami. Kami rakyat, Ku kena jaga hati rakyat juga. Rakyat sudah mula *fade up*, bosan dengan cerita Ku dan Semangat 46. Bohong sana bohong sini memburukkan kerajaan Ku sendiri. Kata orang tua-tua: menepuk air di dulang mercik ke muka sendiri. Ingat-ingat sikit Ku, kita sama-sama orang Melayu, sama-sama Islam pulak.

Ku pernah jadi Pengerusi Eksekutif BBMB dan Menteri Kewangan, jadi sebelum Ku nak jadi pemimpin negara, saya terpaksa tanya Ku, siapa sebenarnya yang terlibat dalam kes BMF? Haji Hadi-kah yang terlibat? Haji Yusuf Rawa-kah yang terlibat? Razak Ahmad-kah yang terlibat? Takkan Suharto pula yang terlibat. Takkan Margaret Thatcher pula yang terlibat. Takkan Ronald Reagan pula yang terlibat. Tengku jangan nakal-nakal, Ku. Nanti kena sebat, Ku. Malu, Ku. Kita bukan budak-budak lagi. Budak-budak nakal tak apa, Ku. Kita dah ada anak dah ada cucu. Ku. Eh, minta maaf, Ku, terlajak Ku. *Sorry. Sorry. Sorry.* Ku. Terlupa Ku belum kahwin. Mudah-mudahan selepas membaca buku ini nanti Ku akan meninggalkan zaman bujang. Lagipun Marina dah lama menjanda, Ku. Haji Suhaimi pula dah cakap, parti Semangat 46, mengikut Sunnah Rasul. Tak kan Ku tak mahu ikut sunnah Rasul.

Lagi satu perkara yang Ku mesti ingat, bukan semua orang Kelantan suka Ku. Tengku Ahmad Rithauddin tak sokong Ku. Dia Menteri Pertahanan dan dia lebih tua daripada Ku. Dia pun Tengku juga. Kasim Ahmad, Timbalan

Menteri Pertahanan pun tak suka Ku. Menteri Besar Kelantan, pun tak suka Ku. Buat apa Ku suruh orang-orang Ku sorak dia. Dia orang tua, Ku. Takkan Datuk nenek Ku tak pesan suruh hormat orang tua-tua.

Husin Ahmad, Ketua Penerangan UMNO Malaysia pun tak suka Ku juga. Dia tu Sri Rama, Ku. Sri Rama bukan Ku tak tahu. Dia ada daulat dia sendiri.

Ku tak tahu lagi golongan-golongan muda. Ustaz Dasuki macam mana? Anuar Musa macam mana?

Ku kenal tak Ismail Wahab? Kalau tak kenal tanyalah orang-orang kawasan Ku. Kalau saya nak tulis orang Kelantan yang tak sokong Ku, satu buku pun tak cukup. Ku tahu, orang yang ramai-ramai datang Gua Musang tu, macamlah orang ramai dengar orang PAS bersyarah. Berpuluh-puluh bas datang, bila mengundi kalah juga.

Siapa tak kenal Ibrahim Ali. Kerja kumpul-kumpul orang ini kerja Ibrahim Ali-lah. Ku ingat orang tak tahukah, kerja Ibrahim Ali selama ini. Orang tahu, Ku. Kalau tak percaya tanya Alias Mohamad. Dia boleh tulis satu buku tentang Ibrahim Ali.

Semua orang tahu Ku Li jadi Menteri Kewangan pada masa itu. Nawawi Mat Awin, Rais Saniman dan Datuk Hashim Shamsuddin kata Ku Li terlibat kerana baik dengan Hashim, mudah biar dia dapat bantuan sewaktu berada di Hong Kong.

Dengan hubungannya di Hong Kong Tengku Razaleigh mendapat faedah kewangan yang banyak. Ku Li telah menerima cek pengembaraan bernilai HK\$86,850. Dalam Kertas Putih Ku Li mengaku bahawa jumlah tersebut "semuanya selesai dibayar". Kata Ku Li "semuanya selesai dibayar". Apakah makna ayat "semuanya selesai dibayar" ini? Ini bermakna Ku Li memang mengambil wang

itu sebab itu dia kata "semuanya selesai dibayar". Kalau dia tidak ambil, buat apa dia bayar. Soalnya bukan soal bayar atau tak bayar. Soalnya ini bukti dan dalil yang Ku Li terlibat.

Kenapa Ku Li bayar? Ini satu persoalan lain lagi. Saya tak nak panjang-panjang persoalan ini. Kalau saya panjang-panjangkan nanti macam-macam lagi akan keluar. Sebab orang boleh bertanya duit yang Ku Li guna untuk bayar itu, duit dari mana pula?

Ada sesuatu yang Ku Li cuba rahsiakan dari pengetahuan umum. Menurut Ku Li perkara ini berbangkit mungkin mengenai peristiwa ketika beliau singgah di Hong Kong dalam perjalanan untuk menghadiri mesyuarat antarabangsa di luar negeri.

"Pada ingatan saya, saya telah menyuruh setiausaha saya membeli *U.S. travellers cheques* untuk saya kerana saya telah membuat keputusan ketika itu hendak bercuti selepas mesyuarat dan oleh itu saya perlukan perbelanjaan lebih banyak untuk perjalanan yang lebih lanjut!" kata Ku Li lagi waktu itu.

Ada beberapa perkara yang menjadi kemusykilan. Pertama, bila dia tahu dia hendak bercuti mengapa dia tidak menyiapkan diri lebih awal. Mengapa sampai *last* minit. Dia boleh guna kad kredit. Tetapi ada setengah orang kerana mahu berjudi di luar negeri atau mahu berseronok-seronok dengan perempuan kabaret terpaksa gunakan *cash*. Mereka tak pakai kad kredit. Jika pakai kad kredit, orang boleh tahu apa yang dibelanjakan kerana akan tercatat di situ senarai perbelanjaan.

Lagipun, bila Ku Li buat keputusan nak cuti? Bolehkah seorang pergi cuti ikut suka hati? Tentu kena minta cuti daripada Perdana Menteri. Ada rekod ke, Ku? Siapa Menteri yang *acting* masa Ku pergi cuti tu?

Tengku Razaleigh juga menafikan yang beliau tahu tentang pinjaman yang diterima oleh Asiavest pada tahun 1980 daripada BMF. Kita tahu Asiavest adalah kompeni Tengku Razaleigh. Tidak tahu bukan bermakna tidak benar. Mungkin maksud Ku Li dia tidak tahu tentang permohonan untuk mendapatkan pinjaman bernilai \$15 juta Amerika kepada Asiavest sebab dokumen-dokumen kelulusan itu saja yang direkodkan.

Asiavest milik Ku Li dan keluarganya, juga mempunyai hubungan urus-niaga yang meragukan pada tahun 1981 - 1983 dengan *Knife and Dagger* sebuah syarikat kepunyaan Ibrahim Jaafar, Pengurus Besar BMF.

Selama ini orang ramai terpengaruh dengan Ku Li sehingga orang melupai penglibatannya di dalam BMF. Mungkin orang Melayu ingat Ku Li anak raja. Anak raja tak buat salah? Atau kerana Ku Li arah bank bagi pinjaman? Agaknya inilah kerja Ku Li berjumpa dengan Chandra Swamiji minta tolong supaya orang lupa yang dia terlibat dengan BMF? Ku Li dah buat sembahyang hajat dan baca Yasin di pejabat. Tak cukupkah dengan minta tolong kepada Tuhan. Atau pun Ku Li tahu yang Tuhan memang tak menolong kerja-kerja jahat macam ini. Sebab itu dia minta tolong Swamiji. Lupakah Ku Li bahawa Tuhan boleh mengatasi semua kuasa manusia. Walaupun manusia yang pandai magic tutup dengan apa pun kalau Tuhan nak bagi orang nampak, orang buta pun boleh nampak. Tapi kalau Tuhan tak nak bagi nampak, Nabi Muhammad s.a.w bersembunyi di dalam gua, labah-labah buat sarang di pintu gua sahaja pun orang dah tak nampak. Percaya dengan Tuhan, Ku, jangan percaya dengan Swamiji.

Sebagai Menteri Kewangan sejak di dalam kabinet Tun Hussein Onn lagi, MUSTAHIL Ku Li tidak tahu secara mendalam skandal BMF. Bagi Ku Li untuk mengatakan dia tidak tahu siapakah yang terlibat di dalam BMF, dan mengapa Bank Bumiputra mengalami kerugian, ini satu cerita dongeng.

Ku Li kalau ada maruah, patut berhenti lama dulu. Kalau di Jepun sudah kena harakiri.

Ku Li kata "8 tahun saya jadi Menteri Kewangan tak ada apa-apa kontroversi". Ini apa ni Ku Li. Kontroversi itu apa, Ku. Orang kampung tak faham, Ku. Dia ingat control besi. Macam mana? Kalau lapan tahun Ku tak control besi, itu betul, saya setuju. Menteri Kewangan bukan kerja control besi. Yang control besi dekat Malaysia ini Tan Sri Lee Yan Lian. Dia dah meninggal. Lepas itu kita tak tahu Ku bagi kepada siapa pula lesen-lesen besi ini. Betullah sekarang Ku control besi. Dulu Ku control duit. Itu sebab duit \$2.5 billion lesap di Hong Kong. Ku dah control dia ke sana. Orang di sini yang susah.

Jika dia tidak tahu tentang skandal BMF, ini maknanya dia tidak membuat kerja. Sebagai Menteri Kewangan dia wajib tahu kerana dia menjaga urusan kewangan negara. Dia harus tahu ke manakah perginya berbilion-bilion wang orang Melayu dan mengapa Bank Bumiputra harus meluluskan pinjaman itu. Mengapa Ku Li tidak menghentikan pengaliran keluar wang itu ke Hong Kong, ini tidak dapat difahami. Dia sepatutnya memberitahu Perdana Menteri kedudukan sebenar BMF, bukannya pegawai dari Bank Negara.

Adakah dia tidak mahu mendedahkan kebenaran kerana takut namanya terbongkar sebagai salah seorang yang terlibat di dalam BMF? Sebelum kita jawab lebih jauh soalan di atas, elok kita ikuti beberapa perkembangan.

Dulu semasa perbincangan Datuk Hashim Shamsuddin di Hong Kong, nama Ku Li lagi pernah disebut. Dia dikatakan mempunyai hubungan akrab dengan Datuk Hashim dan sebab itulah Datuk Hashim kekal di Bank Bumiputra dengan memegang jawatan penting buat beberapa ketika.

Anwar Ibrahim pernah menggesa supaya Pemuda UMNO Malaysia meminta mereka yang disebut nama di

mahkamah Hong Kong itu memberikan penjelasan pembabitan mereka. Belum apa-apa Ku Li sudah melenting sambil berkata penjelasannya tidak perlu kerana dia sudahpun menjelaskan dengan panjang lebar peranannya di dalam BMF di dalam Kertas Putih.

Saya hairan mengapa Ku Li begitu sensitif terhadap permintaan Anwar sedangkan orang lain tidak pun melenting. Kalau Ku benar-benar tak ada kena mengena dengan skandal BMF mengapa pula mesti merasa takut dengan bayang-bayang sendiri. Kata orang tua-tua dulu, siapa yang makan lada, dialah yang merasa pedasnya.

Ku Li tidak harus bimbang jika dia tidak bersalah. Kecuali dia ada sesuatu yang hendak diselindungi dari pengetahuan umum maka dia haruslah bimbang. Tetapi Ku Li tidak boleh nafikan BMF berlaku semasa dia menjadi Menteri Kewangan.

Dia harus bertanggungjawab ke atas bangsa Melayu kerana membiarkan orang Cina menipu orang Melayu, tambahan pula penipuan itu dibuat di Hong Kong, di mana orang-orang Cina tinggal dan berkuasa.

Yang menipu pula ialah George Tan, bekas warganegara Malaysia yang tak laku di Malaysia dan membawa diri ke Hong Kong. Pinjaman itu dibuat secara tidak betul. Menurut Kertas Putih Kerajaan, BMF mempunyai hubungan istimewa dengan kumpulan syarikat Carrian berasaskan urusan niaga di antara mereka yang terkeluar daripada hubungan biasa antara bank dan pelanggan.

Menurut Kertas Putih lagi, siasatan Bank Negara menunjukkan langkah pembelian dua tingkat bangunan Bank Metropolitan oleh BMF dan seterusnya menjualkan semula kepada Extradollars dan Extragold adalah sebagai penyamaran jumlah pinjaman sebenarnya kepada kumpulan Syarikat Carrian.

Masihkah Ku Li mahu berdolak dalih bahawa dia benar-benar tidak tahu apa yang berlaku di dalam BMF sehingga BMF kerugian? Menteri Kewangan apakah yang tidak boleh menjaga wang ringgit orang ramai termasuk wang petani dan nelayan? Kalau hendak menjaga wang ringgit rakyat tak mampu bagaimana pula mahu mentadbir negara.

Bagi mengingatkan Ku Li, elok diperturunkan petikan daripada Dr. Nawawi Mat Awini, bekas Pengerusi Bank Bumiputra. Katanya "SEMUANYA BERMULA DENGAN CADANGAN MENTERI KEWANGAN (KU LI) UNTUK MEMBELI GAMMON HOUSE UNTUK DIJADIKAN PUSAT BAGI SEMUA AGENSI KITA DI HONG KONG." Tak kan tak betul lagi, Ku?

Mak Foon Tham yang didapati bersalah membunuh Jalil Ibrahim di Hong Kong mendakwa dia bekerja dengan Tengku Razaleigh selama lapan tahun. Dia juga mendakwa Tengku Razaleigh menghantar dia ke Hong Kong untuk mengambil \$6 juta Amerika untuk Ku Li.

Ku Li kata dia akan saman siapa sahaja yang siarkan tuduhan itu. Tapi sampai sekarang dia tak pernah saman siapa pun walaupun semua suratkhbar siar tuduhan itu. Apakah Tengku Razaleigh takut cerita sebenar akan keluar? Tengku Razaleigh juga sepatutnya bawa Dr. Nawawi Mat Awini ke mahkamah kerana Dr. Nawawi tuduh Tengku Razaleigh yang memulakan pinjaman besar kepada kumpulan Carrian apabila ia bercadang membeli Gammon House untuk kerajaan Malaysia. Tetapi sampai sekarang pun dia tidak buat begitu. Apakah selepas ini dia akan saman saya dengan dakwaan tulisan saya ini menyebabkan dia kalah kerana saya menceritakan yang benar?

Apakah salah kalau saya kata BMF ialah skandal terbesar sejak negara kita merdeka? Dan ia berlaku waktu Ku Li jadi Menteri Kewangan. Dalam masa 8 tahun tak ada kontroversi?

Walaupun Ku Li pernah bersumpah di Gua Musang ketika merasmikan mesyuarat UMNO Bahagiannya, di hadapan beberapa orang panglima-panglimanya dan beberapa ribu orang Melayu yang dikerahkan ke situ. Dia bersumpah dia tidak terlibat dalam skandal BMF, dia tidak pernah makan duit haram, dan minta Tuhan binasakan dia kalau sumpahnya tidak betul.

Saya tahu sumpah Ku Li tidak betul. Bila ada pemimpin Melayu yang sudah dua kali bertanding kerusi Timbalan Presiden UMNO dan mendapat undi lebih 500, maknanya dia dipercayai oleh banyak juga perwakilan UMNO yang akan menentukan nasib masa depan umat Melayu.

Sebagai penulis yang komited terhadap nasib orang Melayu di masa hadapan, saya tak boleh biarkan Ku Li bercakap sesuka hati dia, menunjukkan yang dia seorang yang suci sedangkan saya tahu dia banyak buat dosa dengan orang Melayu. Inilah ilmu yang Ku Li belajar dari Chandra Swami, guru dan bomoh moden India yang kaya-raya kerana menipu itu?

Majalah **The Illustrated Weekly of India** keluaran 20 Julai 1986, menyifatkan Chandra itu sebagai salah seorang "**spritual conman**" India yang bertaraf antarabangsa. Ku Li bukan **Spiritual conman**, tapi saya tahu Ku Li banyak buat benda-benda yang tak betul, macam **conmen** juga. Saya mesti dapatkan bukti-buktinya. Dan sebagai investigative writer saya bekerja menyelidik menyelongkar khazanah-khazanah lama, dengan dibantu oleh beberapa orang kawan. Hairan juga kawan-kawan saya mengapa saya begitu berminat dengan cerita-cerita lama mengenai beberapa buah kompeni.

Alhamdulillah dengan izin Tuhan, sempatlah juga saya mengumpulkan fakta-fakta yang cukup untuk saya membuktikan kepada orang Melayu bahawa Tengku Razaleigh

bukanlah seperti apa yang dia sendiri mengaku dan bersumpah tentang diri dia.

Satu lagi cerita yang menarik yang saya nak ceritakan ialah tentang seorang manusia yang bernama Amos Dawe.

Tentu ada orang Melayu yang kenal dan ingat nama itu. Dia ini terkenal di dunia sebagai seorang penipu. Majalah *Far Eastern Economic Review* dalam bulan Januari 1976 mengatakan ramai pegawai polis di dunia yang ingin mendapatkan orang ini untuk disoal selidik. Dia bekas pengerusi Kumpulan Mosbert yang dipercayai bersembunyi di Bangkok. Waktu itu semua syarikat-syarikat kumpulan Mosbert di Hong Kong, Singapura, Kuala Lumpur dan Australia digantung perniagaannya.

Apakah hubungan Amos Dawe dengan Tengku Razaleigh? Bacalah ini. Dia ini tentulah ada kena mengena dengan Ku Li. Kalau tidak, buat apa saya nak cerita.

Polis di Hong Kong yang membuat penyelidikan tentang dia mendapati dan mereka percaya Amos Dawe ada hubungan dengan Rusia. Kumpulan Mosbert pernah mendapat pinjaman sebanyak 50 juta dari bank Moscow Narodny Bank, sebuah bank Rusia. Dipercayai Amos Dawe ada hubungan dengan usaha Rusia untuk merosakkan ekonomi Hong Kong.

Amos Dawe mula-mula buat syarikat Mosbert Trading Company bersama Robert Ta, rakyat Indonesia, pada tahun 1965. Kejayaan besar yang pertama ialah bila mereka tubuhkan syarikat Mosbert dan menjual 40 buah rumah di Johor. Iepas itu, mengikut **Far Eastern Economic Review** beberapa buah syarikat lagi ditubuhkan dan Amos Dawe mula berkawan dengan Tan Sri Khoo Teck Puat dan Chan Ming Thien.

Tahun 1969 Mosbert Berhad disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur dan Singapura. Semua orang

terkejut. Pasal apa? Proses ini dibuat di Kuala Lumpur. Ku Li yang jadi Pengerusi pertama Mosbert Berhad. Dia yang tolong Amos Dawe senaraikan syarikat itu di Pasaran Saham. Inilah hubungan Ku Li. Mari kita tengok apa kerja Ku Li seterusnya.

Ku Li berhenti daripada jadi Pengerusi Mosbert setelah dia dilantik jadi Pengerusi Bank Bumiputra dan Pengerusi Pernas. Jadi Ku Li jugalah yang bantu Amos Dawe untuk mempedaya kerajaan Hong Kong, Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat dan Australia. Kalau anda ada kesempatan jumpa Ku Li, cuba tanya dia, tak ingatkah kerja-kerja dia buat untuk membantu Amos Dawe dulu? Jangan takut nak tanya dia. Dia nak jadi pemimpin, dia berani bersumpah yang tak betul, kita mesti berani tanya dia. Kalau dia betul-betul tak buat tentu dia bersumpah.

Anda tanya juga Ku Li siapakah sebenarnya kawan-kawan baik dia? Bukan Amos Dawe saja. Tanya Khoo Teck Phuat yang kita baca cerita mengenai skandal National Bank of Brunei, akhir tahun 1986 itu siapa dengan dia?

Kes Ku Li boleh jadi teruk daripada kes Tan Koon Swan.

Tengok kekayaan yang Ku Li bagi pada Robert Kuok yang terkenal sebagai Raja Gula Malaysia. Sebab apa Ku Li tak bagi lesen yang serupa itu kepada orang Melayu? Sebab apa dia bagi kepada Robert Kuok saja? Baru-baru ini Robert Kuok dilaporkan membeli saham-saham MUI daripada Khoo Kay Peng. Apakah ini cara Robert Kuok bantu Ku Li bertanding lawan kerusi Presiden UMNO dulu.

Tengok pula Lee Loy Seng raja beras. Yang jadi petani tanam padi ialah orang Melayu. Yang Ku Li bagi lesen berniaga beras ialah kepada Lee Loy Seng. Tak hairanlah Lee Loy Seng kaya-raya sebab dia boleh bawa masuk

beras Siam untuk dijual kepada kerajaan Malaysia. Sebab apa tak bagi can kepada orang Melayu sehingga orang Melayu terpaksa jadi penyeludup beras Siam di sempadan dan ditangkap oleh kerajaan?

Tengok... siapa lagi? Ramai lagi kita boleh tengok kalau kita sungguh-sungguh mahu tengok. Orang lain jadi kaya-raya, kita orang Melayu hanya boleh tengok saja.

Kemudian Ku Li kata dia bela orang Melayu, agama Islam dan negara ini. Bela macam mana? Siapa yang Ku Li bela? Nama-nama di atas yang telah saya sebut tadi itu semuanya nama-nama orang bukan Melayu dan bukan Islam.

Ku Li beli dua buah rumah MMC yang mewah depan Golf Course untuk diri dia sendiri waktu jadi Menteri Kewangan. Kita tanya, MMC itu hak siapa? Hak PNB. PNB itu hak siapa? Hak kerajaan untuk orang-orang Melayu. Pasal apa orang yang kaya macam Ku Li, waktu Menteri Kewangan pula, sanggup ambil rumah MMC? Patutnya dia boleh bersedekah kepada MMC, baru boleh kata dia bantu orang Melayu.

Ku Li juga gesa syarikat Straits Trading supaya jual rumah depan Holiday Inn kepada dia. Harga rumah itu disuruhnya turunkan sampai \$4 juta. Kemudian dia nak jual rumah itu, dengan harga yang tinggi. Dua kali dia untung. Beli murah, jual tinggi. Bukan ramai orang Melayu yang tahu cerita-cerita Ku Li macam ini. Tapi inilah dia Ku Li, pemimpin Melayu yang semuanya dikira untuk kepentingan diri sendiri saja.

Ku Li juga kata dia tak kenal George Tan, kawan rapat Amos Dawe. George Tan ialah salah seorang partner Amos Dawe. Mak Foon Tham pun pernah bekerja dengan Kumpulan Mosbert. Mak kata dia kenal dan bekerja dengan Ku Li selama lapan tahun. Betullah tu. Takkan Ku Li nak kata

dia kenal dengan semua orang-orang yang saya sebut tadi. Kalau dia nak kata biar dia kata, biar dia bersumpah kemudian nanti kita tengok apa jadi dengan dia.

Sumpahlah Ku Li, sumpah selagi boleh bersumpah. Nak bersumpah bukan payah minta lesen macam minta AP. Itu kerja Ibrahim Ali.

Sekarang Ku dah jadi Presiden parti, tentu banyak lagi benda-benda yang Ku nak bersumpah supaya perjalanan parti 46 lebih licin macam minyak. Tapi ingat, Ku, rakyat tahu yang mana satu minyak urat dan yang mana satu minyak dhab.

Sebelum terlambat, baiklah Ku fikirkan tentang cadangan Pulau Bidong itu. Saya janji akan tolong. Insya Allah!

10

EKONOMIKAH MATLAMAT KITA

KEMPEN memburuk-burukkan para pemimpin UMNO semakin berleluasa. Kempen itu nampaknya sengaja dirancang untuk menimbulkan kekeliruan dan buruk sangka rakyat terhadap pucuk pimpinan. Perkara yang kecil saja dibesar-besarkan, dijadikan isu nasional. Kempen melempar fitnah serta memburuk-burukkan pemimpin ini adalah suatu taktik kotor yang menjadi amalan mereka yang telah dipengaruhi oleh ajaran *Machiavelli*. Ia hanya boleh dilakukan oleh orang-orang yang tidak dapat membezakan yang kotor dengan yang bersih dan yang halal dengan yang haram.

UMNO sebuah parti yang mengamalkan sistem demokrasi. Dalam demokrasi, kritik mengkritik adalah perkara biasa, tetapi ada caranya. Dalam kehidupan tidak ada apa pun yang dibuat yang tidak pakai cara. Semua kena pakai cara. Ada cara baik dan ada cara jahat. Mengikut ajaran Islam, orang yang buat cara baik diberi ganjaran syurga dan orang yang buat cara jahat diberi ganjaran neraka. Cara itu penting. Ramai pemimpin yang kecewa, sudah tidak lagi pedulikan cara. Apa pun cara boleh pakai, yang penting matlamat tercapai. Ini sudah macam sistem komunis, bukan sistem demokrasi. Orang Islam yang beri-

man mesti patuh dan taat pada undang-undang halal-haram. Apakah ada orang yang mahu menukarkan sistem demokrasi dalam UMNO kepada sistem komunis? Yang saya tahu ada penulis yang mengatakan komunis Cina lebih baik dari kerajaan Malaysia. Antaranya Ahmad Mokhtar, tapi dalam buku yang sama dia marah kerajaan mengadakan hubungan diplomatik dengan Rusia?

Makhluk yang bernama manusia di mana-mana pun di atas muka bumi ini bukan semuanya pandai. Lebih banyak manusia yang tidak pandai dan tidak boleh berfikir dengan sempurna, dari yang tahu berfikir sebagaimana mengikut kehendak penciptanya. Sebab itu ada pemimpin dan ada pengikut-pengikutnya yang sesat akibat ikut mazhab tak tahu, kerana pengikut-pengikut ramai yang tidak pandai berfikir. Mereka tak tahu apa matlamat mereka yang sebenarnya. Mereka fikir ekonomi itu matlamat mereka.

Hasil daripada kempen itu sekarang kita dapati ada pihak-pihak tertentu yang mengatakan ekonomi Malaysia hanya boleh pulih kiranya Dr. Mahathir bersara. Ada juga yang berkata kerajaan pimpinan Dr. Mahathir akan lebih diterima rakyat jika Daim Zainuddin dilucutkan dari jawatan Menteri Kewangan.

Mereka itu menumpukan tuduhan dan kritik mereka terhadap masalah ekonomi negara. Kenapa ekonomi? Sebab masalah ekonomi negara tidak ramai ahli biasa UMNO yang boleh faham betul-betul. Jadi senanglah mereka goreng. Tetapi apakah masalah yang paling utama dalam negara kita sekarang ini ialah masalah ekonomi? Memang tidak dapat dinafikan masalah ekonomi itu penting, tetapi masalah lain pun penting juga, kenapa ekonomi yang menjadi sasaran? Kenapa Daim yang menjadi sasaran? Tentulah kerana Tengku Razaleigh tidak tahu bidang lain, dia hanya tahu bidang ekonomi dan kewangan. Macam mana orang yang pengetahuannya hanya dalam satu bidang sahaja nak dijadikan Perdana Menteri?

Kempen mengenai ekonomi ini tidak disebarakan oleh para nelayan ataupun petani di kampung-kampung. Ahli-ahli biasa UMNO serta para pembangkang pun tidak mengembangkan fitnah ekonomi ini, sebab mereka tidak faham sangat. Fitnah ini dipanjang-panjangkan oleh para pemimpin yang dengki dan irihati dengan Dr. Mahathir dan Daim, sedangkan mereka sendiri dulupun pernah berkhidmat dalam kerajaan pimpinan Dr. Mahathir. Apakah Mahathir atau Daim yang membuat dasar sistem yang menjadi amalan negara kita sekarang? Cubalah anda fikir, orang jenis apa mereka itu? Mereka bercakap sesuatu yang mereka tak tahu, mereka menuduh pun bukannya ada bukti. Macam itu siapa pun boleh cakap. Hancurlah negara kalau orang-orang macam itu jadi pemimpin.

Fitnah yang saya maksudkan ialah tindakan mereka mengungkit kisah-kisah silam sambil melonggokkan semua kesilapan itu kepada Dr. Mahathir. Mengapa Tengku Li, Rais dan barisan pimpinan Semangat 46 tidak berlaku jujur kepada rakyat? Sebagai contoh projek-projek yang dipertikaikan seperti Proton Saga, Jambatan Pulau Pinang, Perwaja dan lain-lain adalah diputuskan secara bersama. Bukannya diputuskan oleh Dr. Mahathir sendiri. Bererti Ku Li, Rais dan kesemua yang sekarang mengaku memperjuangkan Semangat 46 turut sama menyokong dasar-dasar ini.

Sekiranya mereka tidak bersetuju dengan dasar-dasar ini mengapa mereka tidak meninggalkan UMNO dan kabinet waktu itu, mengapa terhegeh-hegeh mengampu Dr. Mahathir agar mereka dikekalkan di dalam kabinet. Tingkah laku mereka tak ubah macam kaki-kaki ampu yang lainnya menunggu habuan (pinjam kata-kata Pak Ya) tapi bila habuan tak diperolehi maka tangan yang selama ini memberi mereka makan, digigit. Samalah seperti melepaskan anjing tersepit.

Saya merujuk hal di atas kepada tanggungjawab bersama di dalam jemaah kabinet. Perdana Menteri tidak

bertindak sendirian, beliau bertindak setelah tindakan beliau direstui dan disokong oleh jemaah menteri. Usaha mempertikaikan dasar kerajaan walaupun keputusan itu telah dipersetujui oleh jemaah kabinet, itu adalah perbuatan yang melanggar atau bertentangan dengan "**collective ministerial responsibility**" ataupun tanggungjawab bersama kabinet.

Menurut Artikel 43 (3) Perlembagaan Malaysia: Kabinet mesti bertanggungjawab kepada Parlimen atau dalam bahasa Inggerisnya "**The Cabinet shall be collectively responsible to Parliament.**"

Sebab itu anggota-anggota kabinet di Jepun atau England ataupun di Amerika Syarikat begitu terikat dengan semangat tanggungjawab bersama ini. Di England di satu masa dulu, Setiausaha Pertahanannya Encik Michael Heseltine yang tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan Britain mengenai rancangan menjual syarikat Westlands Helicopter kepada syarikat Amerika, kemudiannya bertindak mengumumkan perletakan jawatannya.

Dalam hal ini kita patut mendengar nasihat yang pernah diberikan oleh Prof. Ahmad Ibrahim kepada para pemimpin: "**Jika seseorang menteri itu tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan yang dibuat oleh jemaah menteri maka beliau sepatutnya bersara saja dari jawatan menteri**".

Maksudnya mudah aje. Ku Li dan kawan-kawan sepatutnya melepaskan jawatan dari dulu lagi kerana mereka telah kehilangan kepercayaan kepada dasar-dasar Dr. Mahathir. Mengapa mereka kekal di dalam kabinet, sehingga begitu lama? Mengapa sesudah kalah lawan kerusi Presiden 1987 baru nak berhenti dan sesudah beberapa lama berhenti, baru nak buat parti baru? Dan apakah ada beza dasar parti 46 dengan keadaan sistem kerajaan yang ada sekarang? Ini sekadar ular ganti kulit saja.

Golongan desperado dalam parti selak ini juga mendakwa kemerosotan ekonomi negara hanya boleh pulih sekiranya Mahathir letak jawatan atau Mahathir pecat Daim. Kata mereka ekonomi negara merosot dan pengangguran bertambah kerana Daim tak pandai jadi Menteri Kewangan, dan tak pandai wujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Mereka tahu tak sistem persekolahan di mana duniaini pun diadakan caranya sama, terutama di negara-negara yang pernah dijajah agar para penuntut ini jadi seperti komponen dibuat banyak-banyak, digunakan bila diperlukan saja.

Mereka juga mendabik dada sambil berkata Menteri Kewangan tidak cekap sehingga harga barangan utama negara jatuh. Kejatuhan barangan utama seperti kelapa sawit, koko, bijih timah, getah, minyak dan beberapa lagi barangan lain menandakan Menteri Kewangan tidak pandai menguruskan kewangan negara.

Bagi golongan yang berfikiran sempit pula mereka membuat ukuran kejayaan seseorang Menteri Kewangan bergantung kepada ganjaran yang mereka terima. Kiranya Menteri Kewangan mengumumkan kenaikan gaji para pekerja, semua orang boleh meminjam banyak wang dari bank, beri kontrak, membawa wang asing masuk ke negara ini untuk membiayai projek perumahan, semua orang boleh dapat pencen yang besar-besar, maka Menteri Kewangan itu dianggap sebagai HERO.

Daim jaga negara. Ku Li nak jaga periuk nasinya. Ini yang jadi masalah.

Bagi golongan ini yang penting ialah periuk nasi mereka sendiri, soal negara soal kedua. Biar negara jadi papa dan bankrap asalkan mereka mewah dan hidup senang-lenang. Sebab itu bila Menteri Kewangan mengumumkan Belanjawan 1987 yang memansuhkan skim pencen dan mem-

bekukan kenaikan gaji, laporan itu dianggap menyusahkan mereka.

Kerana dasar itu Daim pun dicap sebagai anti-kaum pekerja. Walhal apa yang dibuat itu adalah untuk menyelamatkan negara dari jatuh papa. Jika Daim benar-benar oportunist dan mahukan undi dari rakyat dan perwakilan UMNO, dia boleh mengumumkan satu Belanjawan yang memanfaatkan mereka semua, walaupun mereka boleh jadi papa.

Rakyat sudah jadi manja kerana Ku Li tak peduli kalau negara bankrap. Tak cukup duit dia pinjam. Dia tabur duit merata-rata. Semua untuk politik dia. Itulah yang Ku Li lakukan semasa Ku Li jadi Menteri Kewangan.

Daim bukannya hendak memegang Menteri Kewangan sampai bila-bila. Dia tentu ingin bebas dari tuduhan dan kritikan umum jika dia sudah tidak lagi menjadi menteri. Tetapi kerana tanggungjawab dan semangat ingin memulihkan ekonomi negara dia sanggup mengorbankan popularitinya. Apakah Ku Li sanggup berbuat apa yang dibuat oleh Daim? Mengorbankan populariti, sanggup dimarah, dimaki dan dikata macam-macam dan tidak memikirkan nak ambil hati orang supaya sokong dia jadi Perdana Menteri?

Ada orang kata kemelesetan ekonomi negara berpunca dari salah tadbir oleh Menteri Kewangan. Biar kita tanya diri kita secara ikhlas: Betulkah kemelesetan, kesusahan dan kesempitan ekonomi yang dihadapi ketika itu (1986-1987) disebabkan oleh Menteri Kewangan yang ada sekarang?

Bolehkah sesebuah negara yang kukuh ekonominya, yang pungutan dari sumber minyak begitu banyak, tiba-tiba jatuh miskin? Bolehkah ia jadi papa dalam masa satu atau dua tahun saja?

Jawabannya ialah memang boleh, tetapi ia bukanlah berpunca dari Menteri Kewangan sekarang. Bagi mencari jawaban bersama elok diperturunkan beberapa fakta. Angka dan fakta tidak boleh bohong, mulut manusia boleh bohong.

Pada awal tahun 1980 hasil dari harga komoditi yang tinggi serta pengaliran masuk wang hasil eksport minyak, pertumbuhan ekonomi negara berada di tahap yang memberangsangkan. Para pelabur asing begitu kagum dengan keupayaan Malaysia menyediakan iklim pelaburan yang memuaskan. Meskipun Dr. Mahathir dikenali sebagai pemimpin radikal dan ultra, program ekonomi Malaysia terus mendapat sokongan baik dari dunia barat.

Sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian waktu itu, Dr. Mahathir banyak menarik masuk pelabur asing. Kejayaan Malaysia menarik minat pelabur asing ini dapat mengukuhkan ekonomi negara dan **Gross Domestic Product** (GDP) mencapai tahap yang paling tinggi, iaitu pada kadar 7.8 peratus. Pada tahun 1965 hingga 1973, GDP negara ialah 6.7 peratus dan naik ke 7.3 peratus dari tahun 1974 ke 1983 peratus. Tetapi pada tahun 1985, GDP kita turun kepada satu peratus.

Inilah yang dijadikan modal oleh geng Ku Li. Geng yang suka selak-selak kain Daim dan Mahathir. Kadar pertumbuhan ekonomi negara jatuh disebabkan oleh Mahathir dan Daim tidak pandai mentadbir, kata mereka. Mudah betul mengata. Tetapi sejauh manakah kata-kata mereka itu benar? Sejauh manakah pertumbuhan ekonomi negara yang jatuh hari ini boleh membuktikan Mahathir dan Daim tidak pandai mentadbir?

Mereka kata pelabur-pelabur asing tidak percaya dengan Mahathir dan Daim, sebab itu mereka enggan melabur di negeri kita. Betulkah begitu? Selama ini siapakah yang berjaya membawa masuk pelabur-pelabur asing

melabur di negeri kita? Mahathir atau Tengku Razaleigh? Semasa Dr. Mahathir, semasa dia menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian dulu. Dan siapakah hari ini yang berjaya membawa masuk para pemimpin CHOGM? Siapa? Siapakah yang telah mengharum dan memperkenalkan Malaysia kepada dunia, Presiden parti 46 ke? Tunku Abdul Rahman ke? Pemimpin dunia memuji dan mengakui kehebatan Perdana Menteri kita Dr. Mahathir. Cuma geng Semangat saja yang hot.

Semasa Ku Li jadi Menteri Perdagangan, apa yang dia buat? Dia kurang berminat nak bantu negara. Dia cuma nak tolong pengikut-pengikutnya saja mengkayakan orang-orang tertentu.

Yang bertanggungjawab membawa masuk pelaburan bukannya Menteri Kewangan tetapi Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Semasa Tengku Razaleigh jadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian, sepatutnya dialah yang bertanggungjawab menarik pelabur asing supaya melabur di negara kita. Bila dia tak berjaya, dia menyalahkan Daim. Ini yang tak betul ni... Kerja menyalahkan orang ini bukan kerja menteri dan pemimpin yang baik. Dulu Mahathir yang buat kerja tarik pelabur asing masuk, dia kata dia yang buat kerana dia jadi Menteri Kewangan, sedangkan itu bukan kerja Menteri Kewangan. Tengok punya pandai politik nak hidup, nak lepasan diri.

Ekonomi kita di satu masa dulu memang ada masalah. Itu memang betul. Pertumbuhan ekonomi kita jatuh sikit, memang betul. Sepatutnya kita bertanya kenapa jadi begitu, bukannya mencari salah orang itu, salah orang ini kerana kerja yang paling senang sekali dalam dunia ini ialah kerja menyalahkan orang. Tak perlu jadi menteri kalau cuma nak cari salah orang. Penulis di sekeliling Ku Li macam itu juga, baca tulisan Yahya Ismail, tulisan Subky Latif, dan sekarang pula tulisan Ahmad Mokhtar. Semua

cari salah bukan cari formula bagaimana nak memperbaikinya. Bukankah negara ini kita yang punya, bukan kepunyaan Mahathir atau Daim saja.

Bila dikatakan ekonomi kita teruk kerana ekonomi di seluruh dunia sedang merosot, banyak orang yang telah terpengaruh oleh dakyah Ku Li tak mahu percaya. Inilah yang susah. Sampai saya yang tak pandai ekonomi pula terpaksa belajar mengenai ekonomi, untuk mencari kebenaran dan membuktikannya kepada orang ramai. Itulah kerja penulis, menulis yang benar, memberi gambaran yang sebenarnya kepada rakyat yang tidak faham.

Singapura pun teruk dalam 1985. Tak ada pertumbuhan langsung. Tapi PAP dan rakyat Singapura tak pernah salahkan Lee Kuan Yew.

Rakyat Singapura rela memotong gaji-gaji mereka, rela kenaikan tanggungan dibekukan. Tindakan mereka ini semata-mata kerana mereka mahu memastikan agar republik itu bertambah maju. Lihat sekarang apa sudah jadi dengan ekonomi Singapura. Dah jadi sebuah negara NIC pula. Tidak inginkah kita mengikuti contoh orang yang lebih maju dari kita?

Negara kita belum tergolong sebagai negara-negara yang maju di bidang ekonomi seperti Amerika, Jepun, Britain, Canada, Perancis, German dan Italy. Kita belum jadi negara industri. Pendapatan negara kita masih bergantung kepada hasil bahan-bahan mentah seperti minyak petroleum, minyak sawit, getah dan timah, yang harganya ditentukan oleh pasaran dunia yang dikawal oleh negara-negara maju. Kita belum mampu menentukan harga barangan komoditi kita sendiri. Kita mesti jual kepada orang lain dan orang lain yang menentukan harga. Bukan kita sahaja malah juga negara-negara kecil yang lebih miskin dari kita. Menerusi CHOGM, Dr. Mahathir sedang memperjuangkan ini semua. Suara Perdana Menteri kita sudah terdengar di seluruh dunia.

Sedikit hari dulu harga barang-barangan itu di pasaran dunia telah jatuh dan belum naik-naik lagi, kalau naik pun ketika baru sedikit saja. Jadi pendapatan negara kita tentulah jatuh. Cuba lihat fakta-fakta ini:

Harga minyak mentah (petroleum) pada tahun 1975 ialah US\$12.41 satu tong, pada tahun 1981 naik kepada US\$38.98 dan pada tahun 1986 turun kepada \$14.76 satu tong. Harga getah pula 137 sen satu kilo pada tahun 1975, naik menjadi 259 sen pada tahun 1986, ia naik sedikit kepada 200 sen satu kilo.

Harga timah pada tahun 1975 ialah \$9.64 satu kilo. Pada tahun 1985 ia naik menjadi \$32.34, tetapi jatuh semula pada tahun 1986 kepada \$15.20 satu kilo. Dan harga kelapa sawit pada tahun 1975 ialah \$1,055 satu tan. Pada tahun 1984 \$1,611. Tahun 1985 \$1,100, tetapi pada tahun 1986 ia jatuh teruknya kepada \$470 satu ton. Alhamdulillah tahun ini sudah bertambah baik. Kenapa geng-geng ini tak tarik balik cakap mereka kalau betul mereka jujur?

Itulah fakta dan angka yang dapat saya kumpulkan. Kalau tak percaya atau takut saya tersilap salin, maklumlah kerja ini agak baru bagi saya, sesiapa saja boleh *check* benar atau tidaknya dari sumber-sumber yang berkenaan dengan pihak-pihak berkenaan.

Walau bagaimanapun, dari fakta yang saya salin di atas itu tentulah jelas menunjukkan yang ekonomi kita jatuh disebabkan harga-harga komoditi di pasaran dunia telah jatuh. Kenapa harga-harga di pasaran dunia jatuh, itu jangan tanya saya, kalau saya jawab pun nanti jadi panjang tak tentu pasal tulisan ini. Lagi pun itu bukan pokok perbincangan kita. Cukuplah setakat itu untuk tujuan perbincangan ini. Ahli-ahli ekonomi tentu setuju.

Banyak orang menyalahkan Dasar Pandang ke Timur, dan dasar Beli Barangan British Terakhir. Kata mereka

kerana dasar itu orang-orang dan kerajaan British marah kepada kita. Yuran pelajar-pelajar kita di Britain dinaikkan. British marah kerana kita membelakangkan mereka dan mereka memberi tindak balas menyusahkan kita dengan bermacam-macam cara, yang akhirnya turut memberi kesan buruk kepada ekonomi kita. Itu pun saya setuju. British marah kepada kita kerana dasar itu. Saya fikir betul British marah, dan betul ada kesan buruk sedikit sebanyak ke atas ekonomi kita. Tetapi apakah kita hanya boleh buat perkara-perkara yang disukai oleh British saja? Kata kita sudah merdeka! Kalau kita nak buat sesuatu masih nak kena fikir British marah atau British suka, merdeka apa namanya begitu? Masa zaman Tunku jadi Perdana Menteri lainlah, dia jadi alat Inggeris, jadi *negotiator*. Nah, sekarang bila Queen dan Margeret Thatcher datang ke Malaysia dan sudah puji kepimpinan Mahathir dan kemajuan negara, kenapa diam? Kenapa tak ikut puji sama. Itulah yang terjadi kepada kehidupan bila pemikiran sudah dijajah oleh pemikiran yang akur bahawa diri itu hamba dan bekas penjajah itu tuan.

Kita mesti berani buat apa saja yang kita fikir boleh mendatangkan faedah yang lebih besar kepada negara kita, walaupun ada negara akan marah kerana faedah untuk negaranya sudah kurang kerana perbuatan kita itu. Yang penting bukan negara orang, tetapi negara kita sendiri. Maruah negara kita. British akan marah, itu memang kita boleh jangka. Dia ada kuasa yang lebih besar daripada kita, jadi dia boleh susahkan kita. Itu pun kita boleh jangka juga. Tapi kita mesti buat juga. Kita ada Tuhan, Allah yang Maha Besar, yang British tak ada.

Hasil "*buy British last*", dasar yang dicipta oleh Dr. Mahathir beberapa tahun lalu, kerajaan Britain pimpinan Puan Margaret Thatcher menjadi kelam kabut. Usaha dibuat untuk mendekati diri dengan Malaysia. Lama kelamaan Britain mula memahami kehendak dan keperluan kita, dan mereka tidak lagi menekankan dasar mereka agar kita menyokong dasar mereka.

Kehadiran Ratu Elizabeth dan Puan Thatcher sempena persidangan CHOGM pada 18 hingga 24 Oktober 1989 yang lalu di Kuala Lumpur adalah satu contoh pulihnya hubungan dua hala antara Malaysia—Britain. Malah hubungan itu nampaknya lebih kuat dan jitu daripada di zaman Tun Hussein ataupun Razak.

Kita mesti merdekakan negara kita daripada terlalu bergantung kepada British atau mana-mana negara sekali pun. Kita mesti merdekakan fikiran dan sikap kita. Memang ada masalah bila kita memperjuangkan kemerdekaan. Tapi kita mesti berani menghadapi masalah itu kerana selepas itu kita akan dapat kesannya bukan untuk hari itu atau tahun itu sahaja, kita akan melihat faedahnya yang besar dalam jangka masa yang panjang. Kalau bukan di zaman kita, di zaman anak cucu kita.

Itu kesan daripada British. Kesan Dasar Pandang ke Timur daripada Jepun dan Korea pun banyak juga yang merugikan kita, kalau kita dengar analisa orang-orang yang memihak kepada Tengku Razaleigh dan gengnya. Banyak kontrak-kontrak besar kita lepas ke tangan Jepun dan Korea, kata mereka, jadi kita rugi lagi. Kiri rugi kanan pun rugi. Betulkah?

Kita kena tahu dulu apa yang kita mahu, apa yang kita boleh bagi kepada mereka dan apa yang kita boleh ambil daripada mereka. Kita Pandang ke Timur, yang pertama sekali kita nak belajar daripada Jepun dan Korea Selatan macam mana mereka boleh maju di bidang ekonomi dan teknologi. Orang nak belajar mesti kena keluar belanja, mana boleh belajar free. Takkan Jepun dan Korea nak belanja datang ke negeri kita untuk nak ajar kita dengan percuma. Suruh kita buat macam itu kita pun tak mau buat. Nak pergi tangkap ikan di laut pun kena beli kapalnya dulu, beli pukatnya dulu, beli tempat simpan air batu, sanggup duduk di lautan lepas untuk beberapa hari baru nak dapat modalnya belum tentu untung lagi. Ini bukan nak tangkap ikan sepat dan ikan keli di dalam bendang.

Nak kira duit kita yang telah diangkut oleh Jepun dan Korea kerana kita bagi kontrak-kontrak besar kepada mereka memang banyak. Dulu yang diangkut oleh orang putih pun banyak juga, tapi kita tak marah. Kenapa? Sekarang kita bagi mereka angkut sebab kita nak belajar daripada mereka, kita nak supaya teknologi mereka boleh kita pindahkan kepada kita. Inilah fikiran orang yang nak ambil untung cepat, contohnya mereka buat parti 46 hari ini, lepas pilihanraya konon nanti nak perintah negara.

Jangan kira yang kita rugi atau kita bagi kepada mereka saja, yang kita untung dan kita ambil daripada mereka kenalah kira sama. Baru adil. Cuba kira. Yang ini tak bolehlah saya nak tolong kira dengan angka-angka macam tadi. Ilmu, teknologi, etika kerja, disiplin, macam mana nak kira dengan angka. Tak boleh.... Tapi bukan tak ada cara untuk dikira. Asalkan kita mahu, ada caranya. Kita kenalah fikir cara terbuka, perhatikan perubahan yang telah berlaku di sekeliling kita dalam berbagai-bagai lapangan dan perkara.

Saya ambil satu contoh, projek buat kereta **Proton Saga**. Ramai orang tak setuju dulu. Macam-macam orang kata. Orang memperkecil-kecilkan kebolehan kita sendiri, memperbodohkan diri sendiri. Macam dulu orang kata, macam mana kita nak merdeka nak buat jarum pun tak tahu. Orang kita sendiri tak percaya kita boleh buat kereta. Sekarang? Di mana-mana saja di jalanraya Malaysia hingga ke kampung-kampung kita boleh tengok kereta Proton Saga menjalar dan meluncur dengan penuh gaya, malah sampai di jalanraya di England sana Proton Saga meluncur laju mengibarkan kebanggaan Melayu.

Orang kata pakai Proton Saga tak lama mesti dia buat hal, bagi problem. Orang tak percaya. Tapi tanyalah orang yang pakai Proton Saga. Saya sendiri pakai Proton Saga, tak ada problem pun. Ini semua kita kena faham, siapa yang buat cerita mengarut-garut pasal Proton Saga. Per-

tama kerana dia menjadi saingan utama kepada syarikat-syarikat kereta yang lain. Dan sebab lain anda carilah sendiri. Uji fikiran anda sendiri sama ada sudah merdeka atau masih terbelenggu dengan kesan terjajah.

Saya tak tahu apakah kerana kempen fitnah yang dilemparkan oleh Ku Li dan para pejuangnya itu membuatkan orang-orang tidak gemar memakai Proton Saga, ataupun ada sebab lain. Di jalan-jalan raya Proton Saga dipandu oleh orang-orang Cina, seolah-olah Proton Saga datang dari Hong Kong. Kalau orang-orang Cina sendiri boleh menyokong Proton Saga, mengapa pula orang-orang Melayu tidak mahu. Mengikut statistik dari Edaran Otomobil Malaysia Sdn. Bhd. (EON), orang-orang Melayu menduduki tempat kedua di dalam senarai pembeli kereta Proton Saga mengikut ras. Kenapa? Apakah kerana mereka tidak patriotik? Tidak nasionalistik?

Dari bulan Januari sehingga bulan Jun 1989, kaum Cina dan pekerja-pekerja di sektor swasta merupakan kaum yang meminati kereta Proton Saga. (52.5 peratus).

Keadaan begini membuatkan seorang penulis yang bernama Muharam Mohd Taib dari Ampang, Selangor menulis di dalam sebuah akhbar mingguan yang antara lain beliau berkata:

"Nampaknya kaum Melayu lebih suka dengan kereta keluaran luar negeri yang boleh dikategorikan sebagai kereta mewah. Dalam hal ini nampaknya kaum yang mendatang dilihat sebagai lebih nasionalis dan lebih patriotik."

Sekarang Proton Saga muncul sebagai kereta nombor satu di Malaysia, bukan saja harganya murah, bentuknya menarik malah Proton Saga dianggap sebuah kereta yang paling selesa.

Menurut Presiden HICOM Tan Sri Jamil Mohd Jan, Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (Proton),

pengeluar kereta nasional telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai pertama sebanyak \$32.02 juta.

Kata beliau, Proton boleh mencatat keuntungan \$123 juta jika ia tidak menanggung beban bayaran faedah \$51 juta dan tukaran asing \$40 juta. Menurut Tan Sri Jamil lagi, EON saja selaku pengedar kereta nasional mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang bertambah baik iaitu \$22.72 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 1988.

Apa macam sekarang Ku Li dan rakan-rakan. Kalau dulu heboh menjaja konon Proton Saga akan mati, tapi sekarang terbukti dakwaan mereka itu tak ubah macam gendang kosong. Tak malu ke? Cukup-cukuplah memperbodohkan orang yang tidak berdosa supaya membenci kerajaan sendiri.

Sepatutnya Ku Li meminta maaf kepada rakyat Malaysia yang telah beliau dan rakan-rakannya pesongkan fikiran tentang Proton Saga. Kerana kempen buruk kumpulan inilah maka orang-orang Melayu yang sememangnya patriotik jatuh ke tempat kedua. Orang-orang Cina yang kita dengar tak akan sokong Proton Saga kerana Datsun dan lain-lain yang diedar oleh syarikat Cina, rupa-rupanya telah berubah hati.

Kejayaan projek kereta nasional Proton Saga adalah satu daripada kejayaan Dasar Pandang ke Timur. Saya kata kejayaan kerana saya percaya projek kereta Proton Saga adalah satu kejayaan yang amat membanggakan daripada awal hingga sekarang. Satu demi satu kritik-kritik terhadap projek itu telah terbukti salah dan mengarut.

Proton Saga sudah pun menembusi Britain dan dalam waktu yang singkat, kereta nasional itu telah berjaya menambat hati orang-orang Inggeris. Proton Saga dianggap sebagai sebuah kereta yang "comel". Proton Saga juga telah menembusi pasaran antarabangsa seperti Bangla-

desh, Brunei Darulsalam, Eire, Jamaica, New Zealand, Singapura, Malta, dan akan masuk di pasaran Amerika tak lama lagi. Apa macam Ku, masih nak menegak benang basah lagi ke?

Tidak berbanggakah kita sebagai rakyat Malaysia dengan kejayaan ini? Di seluruh Asia ini, negara yang boleh buat kereta cuma empat buah negara saja. Jepun, Korea Selatan, India dan kita. India tidak eksport kereta mereka. Yang eksport kereta cuma tiga buah negara. Malaysia salah satu daripadanya. Sejak awal tahun 1989, kita mulai mengeksport Proton Saga dan sehingga bulan Julai 1989 jumlah Proton Saga yang dieksport ialah sebanyak lebih 7,000 unit. Dan di England sekarang, Proton Saga adalah kereta eksport yang paling popular dibandingkan dengan kereta-kereta buatan Korea dan Jepun. Bayangkan!

Ini semua bukan kerja senang. Setakat nak bercakap semua orang boleh bercakap. Mahathir tidak bercakap saja, dia buat dan dia buktikan yang kita boleh buat walaupun banyak orang tak percaya. Tok-nenek kita kalau boleh bangun dari kubur dan lihat kereta Proton Saga, mampus mereka tak percaya kereta itu orang Melayu yang hasilkan, anak-cucu mereka yang buat. Lebih 95 peratus pekerja Proton Saga adalah orang Melayu kampung. Tak mahu bangga lagi dengan kebolehan orang Melayu? Manusia jenis apa kita ini?

Tapi orang-orang ini tetap tak puas hati. Kemudian mereka tanya pula: Berapa banyak duit kita habis untuk projek kereta Proton Saga itu? Kita telah membelanjakan wang dengan begitu banyak sekali untuk projek itu, dan sebab itu ekonomi kita yang sedang merosot jadi semakin teruk. Kata-kata mereka macam orang bodoh, nak maju, nak buat industri besar, tapi tak mahu keluar modal. Tak pelikkah macam tu? Pemikiran dari pemimpin macam inilah yang mengekalkan peniaga Melayu sekadar jadi peniaga kedai runcit atau berniaga di warung-warung saja.

Cuba tengok ke negara seberang bagaimana HABIBI boleh mendirikan projek yang lebih besar dari Proton Saga iaitu industri membuat kapal terbang. Kalau dibayangkan, mampukah negara Indonesia membuka industri pesawat? Mampukah bersaing di pasaran dunia dengan negara-negara pengeluar kapalterbang yang sudah jauh lebih maju dari Indonesia? Dr. Habibi sudah memperhitungkan semua itu. Memang untuk pertamanya perlu modal besar dan pemasaran mesti pelan-pelan kerana masih di peringkat 'memperkenalkan'. Orang hendak membeli barang mesti ingin tahu kualiti barangnya dulu. Ini barang besar bukan macam orang nak beli roti canai atau teh tarik. Tapi sekarang sudah banyak negara luar yang menempahnya. Menurut sumber-sumber yang boleh dipercayai kini Habibi sudah pun membuka industri baru di Surabaya iaitu industri pembuatan kapal laut.

Berniaga dan buat perusahaan besar macam itu tentulah modalnya pun kena besar juga. Dalam masa dua tiga tahun rugi adalah perkara biasa juga. Itu bukan rugi namanya, itu tanam modal. Projek besar macam itu untungnya datang lambat sikit. Saya yang bukan pakar ekonomi pun boleh tahu perkara macam itu.

Kata kita nak maju, nak kurangkan bergantung kepada negara luar. Kalau tak mahu belanja duit tanam modal dalam projek-projek besar, mana nak maju? Nak maju bukan cukup dengan bercakap saja. Kena buat dan kena keluar duit. Nak kira kerajaan dan negara tak cukup duit dan ekonomi sedang merosot, sampai bila pun tak cukup duit. Duit bukan boleh datang dengan duk tunggu saja. Walau macam mana pun kena ikhtiar. Nak kata negara kita dah teruk sangat pun tidak juga. Banyak lagi orang yang kaya raya. Tak ada lagi orang yang mati kebulur sebab tak boleh makan.

Tak susah dulu macam mana nak senang kemudian! Dalam dunia ini kalau kita nak senang kita mesti sanggup

susah dulu. Bukan sengaja nak susah, tapi susah sebab nak cari kesenangan.

**Berakit-rakit ke hulu,
Berenang-renang ke tepian,
Bersakit-sakit dahulu,
Bersenang-senang kemudian.**

Itu fasal Dasar Pandang ke Timur dan projek kereta Proton Saga. Satu perkara lagi yang selalu disebut-sebut menyebabkan ekonomi negara kita teruk ialah fasal penglibatan kerajaan dalam pembelian beberapa syarikat besar yang beribu pejabat di luar negeri, khususnya di London, seperti Dunlop, Guthrie dan Sime Darby.

Kononnya kerana pembelian itu mengakibatkan ekonomi kita jatuh. Pertama, kerana duit kita yang banyak kita gunakan untuk membeli syarikat-syarikat itu telah mengalir ke luar negeri, dan mengurangkan duit kita yang ada di dalam negeri. Jadi, katanya, pusingan modal di dalam negeri pun merosot.

Yang kedua, bila kita membayar wang yang banyak kepada orang-orang luar yang memiliki saham syarikat-syarikat yang kita beli itu, orang-orang itu menggunakan wang yang banyak yang kita bayar kepada mereka itu untuk membuka perusahaan baru di negara-negara lain yang kos buruh dan harga tanahnya lebih murah daripada di negara kita. Perusahaan itu ialah perusahaan ladang kelapa sawit. Sekarang kelapa sawit yang mereka tanam dengan menggunakan duit kita tadi telah jatuh dan harga minyak sawit di pasaran antarabangsa pun jatuh kerana barangan itu sudah terlalu banyak di pasaran dan harga minyak sawit di negara lain lebih murah.

Sejauh mana cerita itu benar, saya tak pasti. Tapi katakanlah cerita itu benar, apakah tindakan kita membeli syarikat-syarikat besar itu salah dan merugikan kita? Logik

yang saya ingin kemukakan dalam kes ini lebih kurang sama juga dengan logik yang telah saya kemukakan di atas tadi. Kita hanya lihat dari segi yang rugi, kita tidak lihat dari segi yang menguntungkan kita. Sekarang cuba kita lihat.

Bila kita beli syarikat besar dari orang lain, kita mesti bayar harganya. Duit kita mesti berikan pada dia, dan kita dapat syarikat dan perniagaan serta harta benda syarikat itu. Sekali lagi kita menanam modal untuk suatu perniagaan atau perusahaan yang besar. Hari ini kita bayar banyak duit. Bukan rugi. Kita berniaga dan kita tanam modal. Esok siapa boleh nafikan kita boleh dapat semula duit kita tadi dan kita boleh buat keuntungan yang besar? Macam kita tubuh PNB. Kalau rugi, bagaimana PNB boleh bayar dividen tiap-tiap tahun melalui ASN?

Ini semua merupakan suatu *move* atau gerakan yang berani kita lakukan untuk memasuki pasaran antarabangsa. Kita mesti masuk pasaran antarabangsa kalau kita nak maju dan nak kecap nikmat merdeka dalam bidang ekonomi. Ini satu perkara yang tak dapat tidak. Ini perkara biasa dalam bisnes antarabangsa. Kita mesti berani mengambil risiko. Bila lagi kita nak buat kalau tidak sekarang? Kita mesti buat, jangan cakap saja.

Soal orang itu dapat duit dari kita dia pergi tanam kelapa sawit di negeri lain yang lebih murah, itu soal dia. Kita tak boleh halang dia, sebab dia pun nak berniaga juga. *Business game* kita kena tahu. Mesti *fair* untuk orang sama, jangan ingat nak *fair* untuk kita saja.

Tengku Razaleigh jadi Menteri Kewangan waktu suasana ekonomi dunia sedang baik, memang senang. Ada pula Dr. Mahathir jadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang bekerja kuat membawa pelabur asing melabur di negara kita. Mentadbir kewangan di waktu wang ada banyak dan suasana ekonomi tengah baik tak perlu Tengku

Razaleigh, orang biasa yang tahu sedikit pasal ekonomi pun boleh buat. Saya pun boleh. Kalau saya jadi Menteri Kewangan, saya akan jaga dan kawal wang negara ketika ekonomi negara sedang melambung naik. Jadi kalau ekonomi dunia sedang meleset macam baru-baru ini, ekonomi negara kita tidaklah akan tergoncang dan rakyat tak akan terasa sangat kemelesetan ekonomi. Tapi apa yang dilakukan Ku Li?

Keadaan ekonomi tahun 1980 dengan keadaan ekonomi hari ini tak serupa. Ini kita mesti faham. Dr. Mahathir mengambil-alih kerajaan waktu ekonomi dunia sedang mula meleset. Ini cabaran. Kita jangan lupa yang periuk nasi ekonomi negara kita terlalu bergantung kepada pasaran dunia, terlalu bergantung kepada hasil jualan bahan-bahan mentah. Periuk nasi rumah kita terlalu bergantung kepada orang lain. Bila orang lain susah sikit, kita jadi susah banyak. Masalah inilah yang dihadapi oleh Dr. Mahathir bila dia mengambil-alih tanggungjawab dan amanah mentadbir negara ini. Ini yang pengikut Semangat 46 Ku Li tak faham-faham ni. Mereka cuma tahu bahasa Ku Li saja dan mereka cuma tahu dua perkataan saja. Ku... ya Ku... Ku. Macam mana nak bercakap dengan orang macam ini. Ku Li saja yang pandai dan betul. Orang lain semua bodoh dan salah.

Ini bukan masalah kecil, kerana Dr. Mahathir tak mahu negara kita terus hidup atas belas ihsan negara-negara lain semata-mata. Keadaan ini mesti diubah kalau kita mahu jadi negara yang betul-betul merdeka. Merdeka apa namanya kalau ekonomi kita masih terbelenggu oleh apa yang dibuat oleh negara-negara maju dan kita sedikit pun tak boleh buat apa-apa untuk menentukan nasib ekonomi kita? Kita mesti boleh menentukan nasib ekonomi negara kita sendiri, kalau tak banyak pun sedikit, dan sedikit sedikit lama-lama banyak. Walau apa jadi pun ini kita mesti buat. Kita mesti berani buat dan mesti berani menghadapi akibatnya.

Berapa orang di antara kita yang benar-benar memahami dan mahu memahami duduk perkara ini. Bila Mahathir kata kita mesti jadi bangsa yang bermaruah, yang dihormati dan tidak diperbudak-budakkan oleh orang lain semasa dia baru-baru jadi Perdana Menteri dulu, semua orang sambut dengan gembira. Semua orang puji Mahathir. Tapi lepas itu bila Mahathir mula melaksanakan tindakan demi tindakan untuk mencapai matlamat itu, orang ramai mulai menunjukkan sikap yang berbeza. Kenapa? Kenapa tidak sokong Mahathir untuk mencapai matlamat yang mulia tadi? Kenapa? Saya tanya lagi: Kenapa?

Ada seorang tokoh 46 yang kata semasa berceramah di Trengganu, Dr. Mahathir tu laju sangat macam kapal terbang sampai kera dan monyet pun terpelanting, macam mana kita nak ikut dia? Hah, ini pun satu hal juga. Kalau dah sedar diri tak boleh laju macam Dr. Mahathir, letaklah jawatan cepat-cepat, buat apa nak duduk juga jadi Menteri dulu dan tikam dia dari belakang dengan menaburkan fitnah macam-macam. Banyak lagi orang lain yang boleh ganti jadi Menteri.

Apakah bangsa kita bangsa Melayu ini cuma suka menang bersorak saja, tak kira walaupun hakikatnya kampung kita tergadai? Pemimpin kata kita mesti menang, kita pun bersorak riuh rendah gembira. Bila pemimpin ajak bekerja untuk mencapai kemenangan kita tak mahu, sebab bekerja tak boleh bersorak, kita hanya nak bersorak saja. Boleh bersorak cukuplah, boleh berborak lebih baik lagi. Maka hidup kita asyik kena borak sajalah, banyak sangat berborak nanti kena berak padan muka. Apakah ini hakikat kita? Hakikat inilah yang sungguh memalukan saya. Saya tak rela itu jadi hakikat bangsa saya. Saya malu dan saya mesti buang sifat tak senonoh itu: sifat Imam berborak di masjid, pemimpin berborak di depan pengikut dan pegawai kerajaan berborak di pejabat.

Belum pernah saya bekerja keras menulis buku seperti ini. Saya tak tahu pasal selok-belok ekonomi negara.

saya belajar, baca buku, saya tanya orang, saya belajar dari orang yang pandai, saya mesti tahu, sebab saya mesti lawan menghapuskan perkara-perkara yang memalukan itu. Nak harapkan pada orang-orang yang *the so-called expert in economy* memang tak boleh harap. Saya geram betul. Bila saya tulis perkara yang berbentuk ilmu macam ini ada orang yang mengatakan ada orang yang tulis buku untuk saya. Mereka fikir tulis buku ini boleh berniaga Ali Baba ke?

Jadi itulah dia masalahnya. Ada orang kata kita tak boleh buat lagi macam perkara-perkara yang dibuat oleh Mahathir sebab sekarang kewangan kita belum mengizinkan kita buat begitu. Bila kewangan kita akan mengizinkan? Bila duit pernah cukup? Kalau kita tahu ekonomi macam Dr. Mahathir dan Daim, kita akan tahu, *"There is no right time to start business, either you do or don't"*. Kerana nak nanti duit maka jadilah kita macam ini. Nanti dulu, nanti dulu, nak nanti hidup tidak ada masalah, bila hidup tidak ada masalah? Kalau dah tak ada masalah itu bukanlah hidup namanya. Anak-anak raja macam Ku Li bolehlah. Mereka ada keistemewaan.

Soal sebenarnya ialah soal *prioriti*, dan *prioriti* bagi Mahathir ialah menghapuskan belunggu penjajahan yang masih ada dalam diri orang Melayu. Bumi kita kaya. Allah Ta'ala telah anugerahkan kepada kita suatu bumi yang kaya dengan bermacam-macam bahan. Tinggal kita sahaja nak bekerja mengambil faedah daripada kekayaan bumi anugerah Allah Ta'ala ini atau tidak. Orang kata kita negara kecil tak mampu nak campur dalam urusan menentukan ekonomi dunia. *'Bull shit'!* Tengok Israel, besar mana? Singapore besar mana? Cakaplah... Cakap. Itulah fikiran yang terjajah.

Awak cakap nak jadi bangsa bermaruah, bangsa yang dihormati oleh dunia, mahu jadi bangsa yang benar-benar merdeka dalam ekonomi dan tidak diperbudak-budakkan

oleh negara dan bangsa lain. Cakap memang mudah. Memang susah nak buat supaya benda yang dicakap itu boleh jadi kenyataan. Macam-macam nak kena buat dan macam-macam nak kena tukar. Nak tukar waktu jam supaya cepat setengah jam tak susah. Tolak saja jarumnya cepat setengah jam jadilah dia. Tapi nak tukar pemikiran orang yang berfikir cara bangsa kerdil terjajah kepada berfikir cara bangsa yang berjiwa besar dan merdeka, terutamanya dalam bidang ekonomi, lebih susah daripada meratakan sebuah bukit, atau mungkin lebih susah daripada membuat satu jambatan dari Kuantan ke Kuching. Biar bagaimanapun kita kena akui bahawa Mahathir berjaya mempercepatkan waktu setengah jam, telah berjaya membuat kakitangan kerajaan kerja ikut waktu.

Senu nak buat revolusi mental dengan tulis buku, mana nak jadi. Tulis seribu buku macam buku *Revolusi Mental* itu pun, kalau orang tak baca atau tak praktikkan, tak boleh jadi juga. Kita bercakap pasal revolusi mental sejak zaman Senu lagi, tapi mental kita masih macam itu juga, masih juga lagi tak merdeka. Revolusi mental bukan cukup pakai cakap dan tulis buku saja. Mesti buat dan mesti kerja. Mahathir tak sebut pun revolusi mental, tapi apa yang Mahathir buat selama ini, yang ditohmah macam-macam oleh orang yang tak bertanggungjawab, itu revolusi mental. Kenapa Datuk Senu tak sokong Mahathir kalau Datuk Senu betul-betul ikhlas nak buat revolusi mental di kalangan orang Melayu? Sokonglah. Kenapa senyap membisu sesudah dapat Tan Sri?

Mahathir buat dasar **Persyarikatan Malaysia** dan penswastaan, setakat mana ia difahami oleh ahli-ahli UMNO sendiri yang asyik nak merebut jawatan atau geng-geng Semangat? Cuba kita tengok pula fakta dan angka ini:

Nisbah jumlah pekerja di Malaysia dengan kakitangan kerajaan atau orang yang bekerja dengan kerajaan ialah setiap tujuh orang pekerja, seorang bekerja dengan kera-

jaan. Apakah maknanya fakta dan angka ini? Nak tahu maknanya kita kena tengok bagaimana pula nisbahnya di negara-negara lain.

Di Jepun, setiap 25 orang pekerja, seorang bekerja dengan kerajaan. Di Indonesia, setiap 19 orang, di Singapura setiap 37 orang, di Filipina setiap 43 orang, dan di India setiap 45 orang, seorang bekerja dengan kerajaan.

Itulah mentaliti orang kita, itulah sikap orang kita dan itulah tanggungan kerajaan kita. Bila bekerja dengan kerajaan maknanya kerajaan bukan saja kena bayar gaji dia, tapi kena bayar bermacam-macam lagi elaun dan kemudahan, termasuk bayaran pencen, kemudahan perubatan, EPF, pinjaman rumah, pinjaman kereta dan elaun perjalanan.

Dalam satu dunia ini, setakat yang saya sempat kaji dan cari fakta-faktanya, tidak ada kerajaan lain yang nisbah orang bekerja dengan kerajaan terlalu ramai seperti di negara kita. Cubalah bandingkan sendiri berdasarkan fakta yang saya salinkan di atas tadi.

Pada tahun 1970, jumlah kakitangan kerajaan di seluruh negara ialah 398,000 orang. Sepuluh tahun kemudian, 1980, jumlahnya meningkat kepada 687,570 orang, dan pada tahun 1986 orang yang bekerja dengan kerajaan di Malaysia berjumlah 888,252 orang. Bandingkanlah dengan jumlah penduduk negara kita. Sikit punya ramai kah yang bekerja dengan kerajaan. Tidak termasuk diri saya, kerana saya tidak pernah bekerja dengan kerajaan dan tidak pernah menerima gaji daripada kerajaan. Saya fikir saya sudah buktikan yang saya sudah betul-betul merdeka.

Saya bukan kata bekerja dengan kerajaan tidak bagus. Tapi kalau semua orang nak bekerja dengan kerajaan, teruklah kerajaan nak tanggung semua. Kita bukan negara komunis, kita negara Islam. Tengoklah sekarang

apa jadi dengan mahasiswa yang tamat universiti. Menganggur tak ada pekerjaan, sebab mentalitinya masih ramai nak bekerja dengan kerajaan. Macam mana kita nak maju. Perhatikanlah negara-negara lain yang maju, mana ada yang serupa dengan kita. Kata kawan saya, Azran, orang lulusan universiti mesti ciptakan peluang kerja untuk anggota masyarakatnya, kalau tidak jangan masuk universiti. Macam itulah orang berfikir positif untuk bangsanya. Kalau lulus universiti, kemudian nak berebut-rebut sama orang lain minta kerja dengan kerajaan, apa guna masuk universiti.

Pada tahun 1970 gaji yang dibayar oleh kerajaan Malaysia kepada kakitangan berjumlah \$2,174 juta, dan pada tahun 1986 jumlahnya ialah \$7,486 juta. Itu baru gaji saja, belum kira lagi bayaran-bayaran lain.

Bayaran pencen pula sebanyak \$101 juta bagi tahun 1970, \$168 juta (1976), \$547 juta (1980), \$629 juta (1983), \$775 juta (1985) dan pada tahun 1986 sebanyak \$826 juta. Itu pencen. Bukan sikit-sikit kerajaan kena bayar. Belum kira subsidi yang macam-macam jenis subsidi lagi.

Dibandingkan dengan negara-negara lain, kerajaan kita mesti mempunyai pendapatan yang lebih, kerana tanggungannya lebih banyak. Itu tidak berapa masalah sangat, kerana Kerajaan boleh cari. Yang menjadi masalah dan hendak diatasi oleh Mahathir ialah sikap dan mentaliti orang-orang kita yang terlalu bergantung.

Lagi pun kita bercakap sekarang dalam konteks ekonomi dunia seperti yang saya bincangkan di atas tadi. Kita kena bersaing di pasaran antarabangsa. Sikap dan mentaliti kita mesti sesuai dengan keadaan dunia hari ini. Kalau tidak macam mana kita boleh bersaing sebagai bangsa dan negara merdeka.

Sikap dan mentaliti kakitangan kerajaan tidak sama dengan sikap dan mentaliti kakitangan swasta. Sikap dan

jangkaan orang terhadap kakitangan kerajaan pun tak sama dengan sikap dan jangkaan mereka terhadap kakitangan swasta. Pendeknya kalau kita nak maju kita mesti ramai bekerja dengan swasta dan hubungan antara kakitangan kerajaan dengan kakitangan swasta mesti baik dan mesti saling bekerjasama dan saling membantu.

Itu kita boleh pelajari dari kenyataan di mana-mana saja negara di dunia. Semua orang ekonomi tahu. Dan itulah yang Mahathir nak buat melalui konsep Persyarikatan Malaysia dan Dasar Penswastaan. Kalau saya nak cerita kenapa cara kerja swasta lebih baik dan sesuai untuk mengajar kemajuan di bidang ekonomi, itu sudah jadi satu cerita lain pula.

Yang saya nak kata ialah ekonomi tidak habis setakat ekonomi saja. Masalah ekonomi negara kita bersangkutan paut dengan banyak masalah lain. Kita mesti ingat akan matlamat utama kita apa? Apakah ekonomi matlamat utama kita? Apakah duit banyak itu matlamat utama kita?

Matlamat utama kita ialah kita nak jadi satu bangsa dan negara yang bermaruah, dihormati, tidak diperbudak-budakkan dan merdeka di bidang ekonomi. Tujuan ini besar. Cukup besar. Jadi modal kita pun mesti besar. Persediaan dan persiapan kita mesti besar. Kita sudah merdeka 32 tahun, tapi kita masih juga tidak merdeka dalam ekonomi, dalam mental dan dalam jiwa kita. Ini yang Mahathir nak buat. Nak merdekakan kita supaya kita betul-betul jadi bangsa dan negara merdeka.

Inilah yang dikatakan '*Revolusi*'. Apa yang Mahathir buat ialah '*revolusi*'. Tak mesti berperang menumpahkan darah baru kata '*revolusi*'. Usaha mengubah jiwa bangsa yang kecil supaya menjadi bangsa yang berjiwa besar, mengubah sifat rendah diri dan tidak percayakan kemampuan diri sendiri kepada yakin dengan kemampuan diri sendiri dan percaya yang kita sama taraf dengan orang-orang lain yang maju di dunia, mengubah sikap suka ber-

gantung kepada sikap berdikari dan bebas, mengubah sikap bertuankan British kepada bertuankan diri sendiri, mengubah keadaan ekonomi kita ditentukan nasib ekonomi kita, ini semua adalah suatu kerja '*revolusi*'. Kalau tak faham lagi baca buku saya '**REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT**'

Saya nak tanya: Berapa orang di antara kita yang sedar akan '*revolusi*' yang sedang diusahakan oleh Perdana Menteri kita Dr. Mahathir ini? Orang-orang yang terpengaruh dengan kritik-kritik mengenai ekonomi negara kita di bawah pentadbiran Dr. Mahathir, apakah mereka sedar perkara ini?

Sistem, nilai dan sikap yang ada di kalangan orang-orang kita dan cara pentadbiran yang kita warisi dari penjajah itulah yang menghalang kita maju dalam ekonomi. Banyak yang kita kena tukar. Kita tak boleh lagi seronok bersorak dan berborak saja. Kita mesti buat kerja. Kita mesti ubah mana-mana yang tak sesuai. Khutbah-khutbah Jumaat yang boleh membuat orang tidur dalam masjid juga mesti berubah. Para khatib ulama juga kena revolusikan pemikiran mereka, kena belajar sedikit pasal ekonomi. Kalau tidak kena goreng dengan geng 46 yang sedang menggunakan ekonomi sebagai senjata nak jatuhkan kerajaan.

Mahathir sudah cuba beri peluang Tengku Razaleigh jadi Menteri Kewangan. Tapi tak sesuai. Lain yang Mahathir rancangkan dari segi polisi, dasar dan projek-projek yang boleh mencapai matlamat seperti yang disebut di atas tadi, lain yang Tengku Razaleigh rancang dari segi kewangan. Mana boleh jadi?

Mahathir merdeka jiwa, fikiran dan sikapnya. Tengku Razaleigh masih terikat dengan fikiran-fikiran dan nilai-nilai cara Barat. Mahathir percaya kepada sistem ekonomi dan kewangan Islam, Tengku Razaleigh tidak nampak seperti

yang Mahathir nampak. Apakah hal-hal yang macam ini orang PAS yang nak bergabung dengan Ku Li tidak nampak?

Ingat bahawa ini satu revolusi! Revolusi ertinya kita mesti bertindak cepat, tegas dan cekap. Menteri-menteri mesti boleh bantu dengan cekap apa yang diperlukan oleh Perdana Menteri. Kalau Mahathir pandang ke Timur, orang lain nak pandang ke Barat, macam mana nak buat kerja? Macamlah PAS, 46 dan DAP dasar ekonomi dan politik mereka tak sama. Akhirnya APU yang mereka tubuhkan akan merapu.

Mahathir mesti ada orang-orang kuatnya yang dia boleh berikan sepenuh kepercayaan. Mahathir percayakan Daim, orang yang kuat dan cekap bekerja, orang yang tak mahu sibuk dengan kerja-kerja politiking, orang yang boleh nampak apa yang Mahathir nampak. Baru mereka boleh sama-sama membuat *planning*, dari segi kewangan dan ekonomi.

Menteri Kewangan bukan boleh buat *planning* dia sendiri. Bukan dia yang menentukan dasar dan perjalanan negara. Yang menentukan dasar dan perjalanan negara ialah kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri, dengan kelulusan Parlimen.

Saya nak tanya: Siapa lagi di kalangan pemimpin kita yang kita percaya dengan ikhlas boleh memimpin bangsa kita bekerja untuk mencapai matlamat seperti yang kita bincang di atas tadi? Cuba jawab dengan ikhlas.

Saya percaya kalau kita ikhlas kita akan terima Dr. Mahathir Mohamad sebagai Bapa Revolusi yang telah merevolusikan jiwa bangsa kita, walaupun Mahathir tidak pernah mengatakan apa yang dia buat dan pimpin itu adalah satu revolusi.



Rais Yatim: "Amoi, lu tangan banyak halus.... Banyak sedap pegang oh! Lu mana tinggal? Mahu masuk Melayu? Saya baru ada satu sahaja, tiga lagi ada kosong." Begitulah agaknya kata Timbalan Presiden Semangat 46, bergurau dengan amoi sambil pegang-pegang tangan. Kalau Datin Maznah tahu, padan muka. "Datuk kalau nak berpogami sangat, jumpa Ustaz Ashaari dulu. Kalau malu, hadiahkan Datin Maznah buku ini, suruh dia baca berulang kali pasti dia akan hadiahkan amoi yang mana satu yang Datuk hajati

11

SEBODOH-BODOH LEMBU....

SEBODOH-BODOH lembu dia takkan jalan gostan. Walaupun pak-pak tani dah gunakan macam-macam jentera moden, namun kereta lembu mereka masih tak pakai gear gostan. 'Gostan' atau main undur-undur ke belakang ini lembu pun 'tak main'. Mana ada orang yang baik-baik yang waras yang suka ikut jalan belakang? Semua orang suka masuk ikut depan. Berjalan maju ke hadapan. Tak percaya tengoklah kilang kereta Volkswagen, kereta yang enjinnya di belakang itu pun sudah tutup kerana Volkswagen yang berbentuk macam kura-kura tidak popular walaupun bagus. Manusia mahukan kemajuan. Mahu kemajuan bererti mesti menuju ke depan.

Mana lebih baik, penulis yang membawa masyarakat menuju masa depan, penulis yang boleh membuka pemikiran orang ramai atau penulis yang menarik orang ramai supaya menerima Semangat 46 yang nak bawa kita ke belakang? Kita semua sudah tahu bahawa huruf 46 meninggalkan luka yang dalam di hati orang Melayu. Sebab itu saya dan kebanyakan orang Melayu menentang 46. Perkara ini telah menimbulkan kemarahan Ahmad Mokhtar. Dia menghentam, mencaci dan mengungkit asal-

usul datuk-nenek saya dalam bukunya 'Kuasa Rakyat'.
Begini tulisannya:

S.H.AI-Atas tidak layak cakap pasal UMNO '46, dia bukan ahli sejarah dan tidak tahu makna sejarah. Saya dapat ijazah pertama dengan kepujian dalam bidang sejarah dari Universiti Malaya dan ambil pengkhususan tentang perjuangan kebangsaan Melayu. Kalau S.H.AI-Atas hendak belajar tentang sejarah perjuangan Kebangsaan Melayu, saya boleh ajar dengan percuma. Insya-Allah sebagai bekas guru, saya boleh jadi gurunya yang baik.

S.H.AI-Atas perlu belajar sejarah perjuangan orang-orang Melayu kerana dari tulisan-tulisannya membuktikan beliau masih jahil lagi tentang sejarah perjuangan orang-orang Melayu di negara ini.

Zaman 46 zaman tak baik, zaman Inggeris tipu raja-raja Melayu.

Kata Ahmad Mokhtar saya tidak layak cakap pasal UMNO 46. Saya bukan ahli sejarah, saya tak tahu makna sejarah. Apakah orang yang berkelulusan sejarah saja yang tahu dan boleh bercakap pasal sejarah?

Ada kemungkinan besar Ahmad Mokhtar tidak kenal dan tidak pernah dengar nama Ahmad Hoosen Deedat yang secara sukarela telah membetulkan salahanggapan yang telah berakar-umbi dalam agama Kristian berhubung dengan teori Nabi Isa a.s. Untuk pengetahuan saudara Ahmad, saudara Ahmad Hoosen ini tidak ada ijazah dalam kajian agama dunia. Tapi dia buat kerja-kerja yang lebih besar daripada Ahmad Mokhtar parti Semangat 46. Untuk membuat kerja-kerja yang besar itu dia tak payah masuk universiti tapi dengan hanya membuat kajian yang men-

dalam dan lengkap mengenai kitab Bible dari sumber-sumber yang berkaitan. 40 tahun dia duduk buat kajian. 40 tahun itu nak katakan sekejap, bukanlah sekejap. Maka sebab itulah dia dikenali sebagai seorang ilmuwan, bahkan seorang sarjana yang serius dan ikhlas dalam mencari jawapan dari kedua-dua sumber, Islam dan Kristian dalam menghuraikan teori Nabi Isa a.s. yang keliru dan bercelaru itu. Kini semua orang tahu, (kecuali beberapa orang yang tak rajin membaca buku-buku agama) bahawa Ahmad Deedat mempunyai keupayaan dalam menyatakan kebenaran demi kebenaran itu sendiri tanpa sebarang rasa takut atau bimbang terhadap kritikan dan cacian yang bakal dilemparkan kepadanya. Buku beliau '*The Choice*' telah mendapat sambutan yang begitu hebat dalam masa 4 bulan sahaja. Walaupun buku itu diterbitkan di England, tempat berkembangnya agama Kristian, Ahmad Deedat tidak pula menipu pembaca dengan mengatakan bukunya itu diterbitkan di Iran ataupun di Siam. Lain kali sebelum Ahmad Mokhtar nak tulis buku, bacalah buku-buku macam ini dulu. Jangan pakai dengar cakap orang saja. Tulislah bahan-bahan yang baru bukan tunjuk filem yang sudah ditayangkan di *morning show* atau *cheap matinee*.

Mengikut pendapatnya lagi dia seorang saja yang layak kerana dia dapat ijazah pertama dengan kepujian dalam bidang sejarah dari Universiti Malaya. Sesudah itu dia ambil pengkhususan tentang perjuangan kebangsaan Melayu. Selain dari itu dia bekas seorang guru, dia boleh ajar saya dengan percuma.

Ahmad Mokhtar patut tahu apalah sangat harganya ijazah. Ia tak lebih daripada sekeping kertas saja. Unta di padang pasir lagi banyak membawa kertas, malah ia membawa beratus-ratus buah buku di belakangnya, tapi apakah unta itu boleh dikatakan pandai? Unta tetap unta juga walaupun ia pernah masuk kampus universiti atau membawa kertas bertimbun-timbun di belakangnya. Dan unta biasanya ada tuannya yang memberi makan dan minumnya.

Di kulit belakang bukunya, dia menulis biodatanya. Bapanya dan bapa-bapa saudara serta abang-abangnya, semuanya 'bekas-bekas' belaka, macam-macam bekas jenis botol kosong juga. Siapa tak kenal Pak Mat Pekan? Orang Pekan tahu sejarah orang tua Pak Mat. Orang pun kenal siapa Zainuddin dan siapa Zul, bekas suami Sari-mah. Kalau macam inilah saudara-saudara saya, saya tak masukkan dalam biodata saya. Saya tak jual nama saudara mara dalam buku sendiri untuk nak menang pertandingan kerusi MKT 46. Tak tahulah apa tujuan Ahmad yang sebenarnya. Apakah untuk dapat kredit atau saja nak diskreditkan mereka?

Kalau macam tu saya pun boleh sebut nama sepupu atau dua tiga pupu, pak saudara dan lain-lain keluarga Alattas yang masih hidup. Contohnya: Profesor Dr. Naguib dan Profesor Dr. Hussain Alattas, Menteri luar Indonesia Ali Alattas, Habib Omar Alattas di Indonesia yang mempunyai ribuan pengikut di Malaysia, Haidar Alattas Presiden Yaman Selatan. Kalau sudah mati janganlah disebut-sebut lagi.

Saiyidina Osman Ibni Afan yang menyusun Al-Quran itu bersekolah di mana?

Saya tak ada pun B.A atau M.A atau kelulusan yang lain. Begitu juga Profesor Hamka dan lain-lain pegasang dan ahli fikir dunia. Mereka bukan ada kelulusan tinggi. Ada B.A., M.A. tapi jadi askar upahan buat apa? Jadi hamba buat apa? Saya belum pernah jadi hamba kerajaan ataupun hamba sesiapa seperti Ahmad. Selama ini saya hidup menjadi manusia bebas. Saya kuli, saya boss sendiri.

Dia baru tulis dua buku saja sudah nak ajar orang menulis. Kalau yang nak diajar itu perkara yang betul yang boleh membawa kebaikan, bagus Alhamdulillah. Tidak bererti orang yang sudah tulis dua puluh buah buku itu tahu segala-galanya.

Tapi guru yang kencing berlari nak ajar murid kencing duduk, macam mana? Ubun-ubun lembik lagi. Itik awak nak ajar berenang, belajarlah kenal dulu yang mana satu harimau yang mana kucing.

Kail cuma panjang sejengkal janganlah lautan dalam awak nak duga. Saya kira, seandainya saya nak belajar macam orang lain, saya nak masuk ke universiti, saya pun boleh dapat Ph.D.

Kalau susu murah nak buat apa kita susah-susah nak pelihara lembu?

Berapa ramai pensyarah di bidang politik di universiti di Malaysia yang bertaraf profesor yang sudah tulis buku politik sebanyak saya? Biarpun saya tidak ada ijazah dalam sejarah tapi saya telah mencipta dan mengubah sejarah Malaysia. Disebabkan buku saya 'TALQIN UNTUK UMNO' sejarah tanahair kita terpaksa ditulis semula.

Biarlah pembaca buku-buku saya 'TALQIN UNTUK UMNO', 'POLITIK SERPIHAN' dan 'REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT' dan lain-lain buku yang menjadi hakim. Siapakah yang lebih layak mengajar siapa mengenai sejarah orang Melayu, sejarah politik dan sejarah raja-raja?

Buku yang ditulis Ahmad tebalnya tak sampai 200 muka surat. Formatnya pula macam buku yang saya tulis 10 tahun yang lalu. Saya pun dah tak tulis buku jenis-jenis khutbah ini lagi kerana saya mahu Zakry Abadi, Yahya pun terikut cara saya. Tulisannya lebih merupakan khutbah yang membosankan. Tak ada apa-apa yang baru. Semuanya bahan-bahan yang dipungut dari mulut orang-orang 46. Semuanya cerita lama juga: soal kehakiman, soal ramai usahawan Melayu yang mufliis, soal lebuhraya dan sebagainya. Serupa macam kita menonton filem-filem Melayu yang sudah berulang kali ditayangkan di T.V. Tak lebih dari itu.

Ahmad Mokhtar kata saya caci dan maki hamun orang. Bukankah telah saya jelaskan dalam Mukadimah buku saya bahawa saya telah mengisytiharkan perang dengan siapa saja yang cuba merosakkan dan mengkhianati nasib masa depan bangsa dan negara saya. Apakah seorang tentera yang membunuh musuh dan pengkhianat perosak negara dianggap sebagai pembunuh?

Cuba kita baca apa yang dia tulis dan cuba faham apa maksud tulisannya dalam para ini:

Sebagai penulis upahan, para penulis ini termasuk ahli nujum S.H.Al-Atas sentiasa *mengelak dari mencatatkan logistik atau kelengkapan jentera pilihanraya Barisan Nasional kerana mereka tidak dapat menafikan bagaimana alat-alat kerajaan digunakan untuk membantu kempen mereka. Mereka cuma menumpukan perhatian kepada kelemahan-kelemahan yang lazim dalam UMNO apabila ada sahaja pilihanraya di samping kempen-kempen kotor-kotor pihak lawan yang sengaja diada-adakan.*

Apa yang dimaksudkan dengan perkataan 'logistik'? Mengikut **Kamus Dwibahasa** terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, logistik adalah ilmu pemindahan dan penghantaran tentera; atau ilmu mengenai selok-belok atau taktik perang. Jadi, apa kena-mengena perkataan logistik yang digunakan oleh Ahmad dalam bukunya itu, kerana tak sesuai pun dalam konteks ayatnya.

Danapakah yang dimaksudkan dengan ayat:

"mereka cuma menumpukan perhatian kepada kelemahan-kelemahan yang lazim dalam UMNO, apabila ada saja pilihanraya di samping kempen-kempen kotor pihak lawan yang sengaja diada-adakan".

Anda semua fahamkah apa yang nak disampaikan oleh Ahmad Mokhtar? Beginilah bekas guru sekolah yang su-

dah jadi ahli UMNO sejak tahun 1960-an lagi menulis, yang sekarang menjadi salah seorang MKT Semangat 46.

Dia juga ada mengatakan saya membandingkan dia dengan Sultan Pahang:

Beliau membandingkan kedudukan saya dengan kedudukan raja saya DYMM Sultan Pahang yang menjadi Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia, satu jawatan yang kecil jika dibanding dengan status dan kedudukan DYMM Sultan sebagai bekas DYMM Yang DiPertuan Agong dan Sultan yang berdaulat yang menjadi Yang DiPertuan Kerajaan Negeri Pahang.

Tengoklah sikit punya perasan anak Pak Mat ini? Bila pula saya membandingkan dia dengan Baginda Sultan Pahang? Awak tu siapa yang nak disamakan dengan raja? Tengoklah perangai budak Mat ini. Baru berbaik-baik dengan adik sultan, awak dah ingat awak tu sama status dengan Sultan. Inilah pesan orang tua-tua 'bahasa menunjukkan bangsa'. **Ini jenis kaduk naik junjung.** Budak Mat ini tak pandai baca bukukah? Tak tahukah dia apa yang tersirat di sebalik yang tersurat. Macam mana boleh dapat B.A di universiti dulu? Markah kesian atau pandai main roda dan main goli agaknya? Ahmad ini satu contoh yang baik mengenai seorang manusia yang pandainya tak boleh diikuti dan bodohnya tak boleh diajar. Sekurang-kurangnya, seabodoh-bodoh lembu pun boleh juga masuk ajar. Lembu tak jalan gostan tapi dia sanggup jadi kumpulan yang mengundur ke belakang. Kesian Ahmad!

Dalam bukunya, Mat pun menulis lagi:

DYMM sultan adalah raja yang berdaulat dan memrintah negeri, saya hanya seorang rakyat Tuanku yang kerdil. Di sini menunjukkan kebebalan dan kejahilan S.H.AL-ATAS dalam

membuat perbandingan sesama manusia. Membandingkan raja yang memerintah dengan rakyat biasa.

Untuk pengetahuan dan rujukan peminat saya dan untuk menunjukkan betapa miskinnya, bebal dan jahilnya penulis dari Pekan ini, eloklah saya perturunkan semula apa yang saya tulis dalam buku saya REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT di halaman 221 dan 222.

Saudara kata Baginda Sultan Pahang mempunyai kedudukan yang tinggi. Hah, Tahu pun. Ingat tak tahu tadi. Jadi bila orang yang sudah mempunyai kedudukan tinggi merestui UMNO, kenapa rakyat macam saudara pula yang enggan?

Tak payahlah saudara Ahmad nakmengkritik Baginda Sultan Pahang.

Saya tahu dia lebih pandai dari saudara. Dia adalah Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia dan terkenal di kalangan FIFA. Saudara baru jadi Setiausaha Perhubungan sebuah kumpulan haram. Budak kecil pun tahu orang yang mana bijak dan orang mana yang bebal. Kalau nak mengkritik, jadi raja penulis macam saya ini. Tulis buku pun saudara belum pandai, janganlah nak buat kerja-kerja yang lebih besar lagi.

Dalam petikan tulisan saya di atas itu, saya tak ada langsung membuat perbandingan di antara Ahmad Mokhtar dengan Sultan Pahang. Saya pun tahu, rakyat pun tahu. Siapa Ahmad Mokhtar, siapa Baginda Sultan Pahang? Bezanya macam langit dengan bumi. Yang tak faham, cuma Ahmad Mokhtar saja.

Inilah yang susah kalau orang perasan sangat yang dia pandai. Saya cuma tanya adakah sama Ahmad

Mokhtar dengan Omar Mokhtar? Omar Mokhtar Singa padang pasir yang menentang penjajah yang akhirnya menjatuhkan Raja Idris dan memerdekakan Libya. Omar Mokhtar seorang guru agama yang dihormati dan dimuliakan macam seorang wali Allah. Ahmad Mokhtar siapa? Apakah dia ingin menjatuhkan Sultan Pahang? Dari kenyataannya jelas dia mencabar Tuanku. Baca muka belakang bukunya:

...."Penglibatan DYMM Raja-Raja dalam politik rakyat secara langsung tidak dibolehkan oleh Perlembagaan negara, kecuali Perlembagaan itu dipinda atau DYMM Raja-Raja yang terlibat telah bersedia untuk meninggalkan takhta kerajaan masing-masing, mencebur diri secara langsung dan aktif dalam pertubuhan-pertubuhan politik yang disukai dan bertanding dalam pilihanraya".

Apakah anak Pak Mat Pekan ni tahu dan kenal siapa dirinya? Dia tinggal dalam bandar diraja. Sedarlah sikit diri tu cuma anak Pak Mat bekas Ketua Ulama PAS Pekan. Bukan ulama terkemuka di Malaysia. Apakah jasa bapa awak atau datuk nenek awak pada raja dan kerajaan serta rakyat Pahang yang awak nak jual dan jaja nama mereka? Ustaz Nik Aziz, Ketua Dewan Ulama Pas pun saya tegur, inikan pulak awak. Orang yang berilmu macam Ustaz Nik Aziz dan Ustaz Hadi serta Ustaz Ibrahim tak menggelabah macam awak. Sedarlah sikit. Guru Allahyarham bapa awak itu Datuk Onn pun hanyut, Parti Negara-nya sudah pun terkubur. Kata awak ahli sejarah, tak kan tak tahu hal macam ini? Kalau nak bangga sangat dengan keluarga pilihlah keluarga yang boleh diketengahkan. Janganlah bikin malu kompeni sendiri. Air yang keruh di hulu mustahil boleh jernih di hilir.

Namun apa yang lebih lucu mengenai tulisan Ahmad Mokhtar ini ialah dia membandingkan saya dengan Tuhan:

Astaghfirullah Hil Azim. Mengucap Mat. Apa sudah jadi sama enta, wahai anak ulama PAS Pekan?

Beginilah perbandingan yang dibuat oleh saudara Ahmad itu:

*"Sepatutnya beliau mesti berani menulis cerita yang benar ini, kalau dia mengakui dirinya sebagai seorang penulis yang hanya takut kepada Tuhan dan boleh meramalkan nasib masa depan sesama manusia **seolah-olah dia juga Tuhan** kerana dia kononnya seorang ahli nujum".*

Apa nak jadi dengan budak Mat ni? Awak dah lupakah apa yang telah jadi pada Karpal Singh. Orang kuat D.A.P. Biadap sangat dengan Sultan Selangor, kena tampar dengan Kiai Arshad. Kemudian ditahan pula di bawah ISA. Sekarang senyap sepi tak berbunyi. Awak nak lawan dan cabar raja, awak cerminlah muka dulu. Dah handal sangat ke? Ingatlah sikit awak tu siapa? Sudah cukup berisi ke? Taraf dan darjat awak sama ke macam raja?

Saya menegur dan menasihatkan para Sultan dalam buku REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT dan lain-lain buku saya adalah kerana saya masih kasih dan sayangkan raja-raja saya. Saya mengkaji sejarah raja-raja di Sumatera dan di Iran. Saya tak suka raja-raja saya jadi macam itu. Ingat sebelum kena, berjimat sebelum habis. Niat saya ikhlas. Saya berani berdepan dengan semua raja-raja kiranya dipanggil untuk membuat penjelasan kenapa saya berbuat demikian. Apa motif dan niat awak mencabar Sultan Pahang supaya orang di Pekan boleh undi awak masa pilihanraya nanti? Awak ada motif politik, ada kepentingan diri. Untuk pengetahuan awak, saya ada darah raja yang mengalir di tubuh saya. Isteri Sayidina Hussein r.a, iaitu Shah Banu ibu kepada Sayidina Ali Azszainal Abidin, adalah puteri raja Iran. Saya kesal dan hormati kerabat diraja. Saya kasih dan hormati kerabat diraja sebagaimana datuk saya Imam Ali Bin Abi Talib kasih dan hormati Shah Banu.

Dibelinya anak raja yang sudah jadi hamba tebusan, dibesarkan dan dikahwinkan dengan Imam Hussien apabila gugur kesultanan Iran di zamannya.

Saya bergurau bila saya katakan saya pun raja juga. Raja penulis. Bukan nak membanggakan diri. Itulah cara nak nasihat raja-raja, mesti ada gurau-senda, mesti ada seloka dan mesti ada *sense of humour*. Saya mempunyai ramai kawan dari kalangan raja-raja dan kerabat mereka. Tapi bukan cara awak mengata dan menista raja. Saya sekadar mengingatkan mereka tentang bahaya orang-orang macam awak, yang menggunakan anak-anak raja yang sudah *frust*, yang sudah bangkrap hasil balak dan lain-lain bisnes dan sudah berapa banyak dapat dari kerajaan tapi masih belum puas-puas lagi. Mereka semua masuk 46 bukan nak perjuangkan nasib rakyat tapi nak balas dendam kerana meminta sesuatu dari Menteri Besar, nak joli harta rakyat tak dapat. Berani ke Ahmad mendedahkan benda-benda macam ini? Kalau dia kata dia berjuang kerana hendak menentang kemungkaran? Jangan cakap saja, buatlah.

Sebelum awak nak kacau institusi raja-raja ini, fikir-fikirlah dulu sikit. Ini satu institusi yang sudah tua. Kata orang ibarat hari yang sudah mendekati waktu Maghrib. Janganlah awak nak jadi mata kapak, dan anak-anak raja awak nak jadikan hulunya untuk tebang pohon. Raja kepada orang Melayu sebagai pohon yang rendang tempat mereka berteduh. Kemudian awak salahkan UMNO baru. Awak kata UMNO baru yang gunakan raja-raja. Padahal raja membantu UMNO baru kerana ingin membalas budi. Mereka tak lupa peristiwa Malayan Union tahun 1946 yang saya gunakan untuk mengingatkan sejarah hitam raja-raja Melayu, tertipu oleh Inggeris kerana nak selamatkan takhta sendiri.

Awak kata awak lebih berani dari saya. Kalau begitu baguslah. Saya suka penulis yang berani kerana saya pun bukan nak menongkat langit. Memang patut pun ada orang

yang menggantikan saya. Saya pun sudah penat buat kerja-kerja yang macam ini. Banyak lagi benda yang berfaedah untuk manusia sejagat yang saya nak tulis. Tetapi jangan penulis jadi ahli 'mazhab tak tahu'. Jangan apa guru buat, awak pun nak buat juga. Untuk mengajar awak, eloklah saya perturunkan satu cerita mengenai seorang guru Sufi dengan anak muridnya. Begini ceritanya:

Ada seorang guru Sufi mencium anak murid perempuan di depan anak murid yang macam Mat. Bila Mat tengok cikgu cium murid perempuan, dia pun cium sama. Dia tak tanya kenapa cikgu boleh cium murid perempuan? Kenapa dia tak boleh? Dia pun ada nafsu syawat juga. Dia cium kerana dia naik syok.

Guru Sufi tersebut membakar sekeping besi hingga merah dan disuruhnya si Mat itu cium besi panas yang merah membara. Mat tak mahu. Katanya, besi panas mana boleh dicitum. Guru itu membuktikan pada Mat, besi panas itu dia boleh cium. Tapi Mat tak mahu cium besi panas. Dia cuma nak cium anak dara saja. Kerana ilmunya tak sampai ke situ. Niatnya tak sama dengan niat guru yang nak mengajarnya.

Saya yakin Mat ini tak baca cerita nabi-nabi dan para wali sebelum tulis buku. Dia cuma baca sejarah Melayu sahaja. Itu pun tak habis lagi. Jadi untuk pengetahuan Mat, eloklah saya ceritakan lagi kisah bagaimana Nabi Musa gagal menuntut ilmu dari Nabi Allah Khidir a.s., Nabi yang masih hidup. Ada para wali yang pernah menemui Nabi Khidir. Apakah mat tahu siapa Nabi Khidir a.s.? Nak dengar ceritanya? Begini:

Di suatu waktu dulu, Nabi Musa telah bertemu dengan Nabi Khidir di tebing sebatang sungai yang agak lebar. Nabi Musa tidak kenal kepada Nabi Khidir.

"Aku Musa, Nabi Pesuruh Allah," katanya kepada Nabi Allah Khidir.

"Aku tahu kau Nabi Musa," jawab Khidir.

"Bagaimana kau tahu, sedangkan sebelum ini kita tidak pernah berjumpa?" tanya Nabi Musa.

"Aku tahu apa yang kau belum tahu," jawab Khidir.

"Kalau begitu kau mempunyai ilmu yang lebih tinggi dariku. Apakah kau boleh mengajarnya kepada kepadaku.

"Boleh," jawab Khidir. "Tapi dengan syarat kau tidak bertanya walau apa pun yang aku lakukan."

Nabi Musa bersetuju. Mereka pun menyeberangi sungai dengan menaiki sebuah perahu. Setibanya di seberang, Nabi Khidir pun membocorkan perahu itu.

"Mengapakah kau rosakkan perahu itu?" tanya Nabi Musa.

"Bukankah kau telah berjanji tidak akan bertanya apa yang aku lakukan?" kata Nabi Khidir.

Mendengarkan itu, Nabi Musa terus diam lalu berjalan mengikuti Nabi Khidir ke suatu tempat di mana mereka bertemu sepasang suami isteri dengan seorang anak kecil mereka. Nabi Khidir mengambil anak kecil itu lalu dibunuhnya. Sekali lagi Nabi Musa bertanya akan perbuatan Nabi Khidir yang membunuh anak kecil yang tidak berdosa itu dan sekali lagi pula Nabi Khidir mengingatkan Nabi Musa akan syarat yang telah mereka persetujui.

Mereka kemudian tiba di sebuah kampung di mana mereka ingin berhenti untuk berehat seketika. Tapi mereka telah dihalau oleh orang-orang kampung itu. Ketika mereka tiba di pinggiran kampung tersebut, mereka ternampak sebuah rumah yang hampir runtuh. Nabi Khidir mengajak Nabi Musa memperbaiki rumah itu.

Nabi Musa bertanya, "Mengapakah kau mahu bekerja tanpa upah untuk memperbaiki rumah ini sedangkan orang-orang kampung ini tidak membenarkan kita berehat di sini."

Nabi Khidir marah kerana Nabi Musa tidak menepati janji. Akhirnya dia pun berkata, "Setakat ini sahajalah pergu-ruanmu kepadaku. Kau sesungguhnya telah memungkirkan janji. Biarlah aku terangkan kepadamu akan tindakan-tindakanku yang kau telah lihat. Pertama aku membocorkan perahu itu kerana di belakang kau ada lanun yang akan mengambil perahu itu.

Tapi kalau perahu itu rosak dia tidak akan mengambilnya dan terselamatlah orang yang bakal menjadi mangsanya. Kedua, aku membunuh anak itu kerana aku tahu jika dia besar nanti dia akan menyembah agama sesat. Jadi sebelum itu berlaku, lebih baik aku menyelamatkannya ke dalam syurga. Dan ketiga, aku memperbaiki rumah yang runtuh itu kerana di bawahnya ada banyak harta untuk anak-anak yatim yang ditinggalkan oleh seorang alim. Masakan aku mahu memakan harta-harta anak yatim."

Begitulah serba ringkas mengenai kisah Nabi Khidir ini. Setiap apa yang saya tulis ada sebab-sebabnya, walaupun di mata pembaca-pembaca tertentu, ia kelihatan *absurd* dan *irrelevant*, mencaci, maki hamun dan menghinakan, namun saya terpaksa melakukannya.

Saudara Ahmad Mokhtar yang menulis buku yang menjadi suara rasmi Semangat 46 bertajuk 'KUASA RAKYAT', bila bertemu muka dengan saya, nampaknya begitu baik sekali. Dia beberapa kali telefon nak jumpa dan ajak makan sama. Buku yang dia tulis, format, *caption* dan cara dia menyusun gambar-gambar pun, dia belajar dari saya, dari buku-buku saya. Saya pun dengan rela hati beri idea yang baik, cara bagaimana dia nak melakukan bukunya.

Mat membuat pengakuan yang dia itu miskin segala-galanya. Beginilah pengakuannya:

".....saya yang serba kekurangan dan miskin segala-galanya....."

Setahu saya manusia yang dijadikan oleh Allah tidak ada yang miskin segala-galanya. Ada yang miskin harta, tapi kaya dengan budi. Ada yang kaya dengan harta, tapi miskin dengan budi. Ada yang miskin harta, kaya dengan ilmu pengetahuan. Ada yang kakinya kudung, kaya dengan tenaga tangan. Yang miskin penglihatan, kaya pendengaran. Ada manusia miskin kekuatan tubuh, kaya dengan daya fikir. Itulah yang menunjukkan sifat pemurah dan pengasih Tuhan terhadap hambaNya. Segelap-gelap malam ada cahayanya. Yang serba kekurangan dan miskin segala-galanya itu lembu, kerbau dan binatang-binatang lain. Tapi itu pun Tuhan jadikan dengan hikmah-hikmahnya yang tertentu.

Perompak pun ada yang dinamakan perompak budiman seperti Botak Chin. Sundal pun ada yang mendapat gelaran sundal terhormat. Macam mana Ahmad Mokhtar boleh menurunkan darjatnya menjadi manusia yang miskin segala-galanya? Kesian Parti Semangat 46, simpan penulis yang miskin segala-galanya. Patutlah dia boleh tulis buku 'Kuasa Rakyat' dan hentam Dr. Mahathir dan orang lain sekehendak hatinya. Apa nak buat dia kering hati macam hati keluarga Muawiyah.

Ahmad Mokhtar ini bukanlah seorang yang saya pernah kenal lama seperti kata beliau dalam bukunya, '**kami pernah sama-sama bermain guli dan roda basikal**'. Itu satu dusta dan direka-reka. Saya tak pernah sekolah Melayu Ngee Heng dengan dia. Tak pernah main guli dan roda basikal seperti yang didakwanya. Saya lahir di Wadi Hasan, dibesarkan di Wadi Hana. Dia saja reka-reka untuk memperdayakan para pembaca. Dia fikir dia boleh tipu

orang ramai dengan gambar yang diambil di dalam bilik saya dan tulis di bawahnya: dia sahabat saya. Jadi, orang akan percaya apa yang dia tulis? Macam dia tipu pembaca dan kerajaan Malaysia. Dia kata, bukunya itu dicetak di **THAILAND**, padahal ia dicetak di Kuala Lumpur. Dia kata dia seorang yang berani. Kalau berani? Buat apa kerja-kerja menipu macam itu. Belum jadi wakil rakyat, belum jadi pemimpin yang dipilih sudah tipu kerajaan dan pembacanya. Ini satu kes jenayah boleh dihukum dan dipenjarakan. Saya percaya buku pertamanya dulu pun macam itu juga. Dicitak di Malaysia, tapi dia katakan dicetak di **Thailand**. Orang macam ini KDN pun berani ditipunya supaya orang ramai kata kerajaan Malaysia betul zalim kerana buku Mat Mokhtar tidak dibenarkan dicetak di Malaysia. Padahal nak terbit dan cetak buku di negara ini tak perlu pun minta permit dari KDN. Malah KDN tak minta pun manuskrip lebih dulu untuk diteliti dari penulis atau penerbit. KDN tak pernah sensor pun buku yang mahu dicetak dan diterbitkan. Itu pun 46 kata Dr. Mahathir diktator dan kerajaan tidak mengamalkan demokrasi.

Ahmad tulis tentang Dr. Mahathir dan UMNO. Apakah dia tahu segala-galanya mengenai Dr. Mahathir? Biasakah dia berjumpa dan bergaul dengan Perdana Menteri? Kalau tahu dan kenal dengan UMNO, kenapa tinggalkan UMNO? Apa jawatan dalam UMNO dulu? Ahli MKT ke? Nasib baik ada akhbar kasi publisiti murah. Kalau tidak, hanyuuuuut.

Dulu semasa Tunku Abdul Rahman buat majlis makan 'Nasi Merdeka' di rumahnya di Wadi Hana, saya turut sama menghadirinya. Di hutan manakah Ahmad Mokhtar ketika itu? Kalau tak percaya, tanyalah sendiri dengan Tunku. Orang tua itu pun hidup lagi. Tunku sahkan dia kenal saya. Tengoklah surat yang ditulis kepada saya yang saya per-turunkan dalam buku ini. Saya tak fikir Tunku kenal awak. Saya ada bukti saya kenal dan bergaul rapat dengan kebanyakan pemimpin UMNO termasuk mereka yang sudah jadi ahli Semangat 46. Saya campur dengan Rais Yatim.

Pak Seman dan ramai lagi masa mereka jadi Menteri dan Menteri Besar dulu. Bukan macam awak campur dengan mereka sesudah mereka jadi botol kosong. Radzi Sheikh Ahmad, Zainal Abidin Zain sampai hari ini pun masih kawan baik dengan saya.

Memang betullah, kecil-kecil dulu dia dan keluarganya menumpang duduk di dalam Kampung Habib Hassan, Kampung Datuk saya. Dia kata, dia tahu benar salasilah keturunan Habib Hassan. Saya tak fikir dia tahu. Kalau dia tahu, dia tak tulis benda-benda macam itu. Dia tahu benar asal-usul Habib Hassan. Dia tahu tak perkataan '**asal-usul**'? Bila masa yang dia berkenalan dengan Datuk Syed Hassan Alattas DK darjat pertama Johor. Habib Hassan sudah wafat sebelum dia lahir ke dunia ini lagi? Betul... betullah awak ini Pak Mat Temberang. JR. Nama saya pun dia eja sebagai S.H. Al-Atas, sepatutnya S.H. ALAT-TAS. Eja nama kawan pun sudah tak betul. Kawan apa namanya ni?

Almarhum Datuk Syed Hassan bin Ahmad Alattas D.K Johor adalah Datuk saya. Ayah kepada ibu saya. Beliau adalah pengasas dan tuan punya Madrasah Alattas di Johor Bahru dan di Pekan, Pahang. Madrasah-madrasah ini yang telah menghasilkan ahli-ahli agama dan para pemimpin politik tanahair sebelum dan sesudah kemerdekaan. Almarhum Habib Hassan adalah orang tua yang telah menabur banyak jasa kepada agama bangsa dan tanahair.

Saya fikir tak elok Ahmad Mokhtar mengungkit soal asal-usul ini. Pertama, kita ini bukan budak-budak lagi yang kalau bergaduh keluar cakap pasal emak-bapak dan datuk-nenek. Tak tahulah saya kalau fikiran saudara Ahmad masih lagi dihantui oleh nostalgia roda basikal dan guli. Selalunya orang yang akalunya macam roda basikal ini adalah jenis putar alam. Macam-macam benda dia boleh putarbelitkan dan tak hairan kalau Mat boleh jadi Mr. Goli. Saya tak mahu jadi Mr. Goli. Mat, terlanjur awak sudah

cakap pasal asal usul, biarlah saya ceritakan sedikit asal usul dari keturunan ayah saya habib Alwee Alattas. Kami dari keturunan Saiyidina Ali, kiranya awak tak kenal saya, perkenalkan siapa Saiyidina Ali Bin Abu Talib itu.

Sewaktu terjadi perang tabuk, Imam Ali dikecualikan dalam peperangan ini demi untuk menjaga perempuan dan kanak-kanak di kota Madinah. Kemudian beberapa orang datang ke tempat Imam Ali sambil berkata:

"Hai Ali, engkau tak boleh ikut dalam peperangan yang paling dahsyat ini, malah engkau disuruh berkumpul dengan perempuan dan kanak-kanak di Madinah". Mendengar cemuhan demikian secara terus-terusan tak tahan Imam Ali. Beliau ingin bertanya kepada Nabi. Apakah betul Nabi tak suka pada saya atautah hanya fitnah belaka?

Lalu Imam Ali datang pada Nabi dan berkata, "Wahai baginda Rasulullah, orang-orang mengatakan kepadaku, begini...begini... apakah itu betul?"

Jawab Nabi, "Hai Ali, kedudukanmu di sisiku bagaikan kedudukan Nabi Harun dengan Nabi Musa. Hanya saja tidak ada Nabi setelah aku".

Ibu saya juga dari keluarga Alattas, juga keturunan dari Imam Hussein anak Fatimah Al-Zaharah. Biar bagaimanapun, saya sertakan dua pucuk surat dari Almarhum Sultan Ismail, Johor, dan Almarhum Sultan Abu Bakar bagi menjelaskan asal-usul Habib Hassan yang telah awak sebutkan. Almarhum Sultan Ismail, Sultan Johor dan Almarhum Abu Bakar melalui suratnya kepada saya membetulkan asal-usul saya dan Datuk saya. Di Pekan Pahang, Habib Hassan ada meninggalkan ratusan ekar tanah yang diwakafkan untuk Madrasah yang kekal hingga hari ini. Ada sungai, nama Sungai Habib Hassan di Muara Sungai Pahang. Semasa hidupnya Habib Hassan adalah orang yang terkaya di Negeri Johor. Dan sebahagian dari harta kekayaannya masih kekal hingga hari ini.

Saudara Ahmad juga ada menyatakan bahawa ramai yang tidak tahu asal-usul S.H. Alattas. Terlanjur dia nak tahu sangat asal usul saya. Saya sertakan salasilah nasab saya untuk pengetahuan para pembaca dan juga untuk tatapan Mr. Goli, Mat Temberang J.R.

Kata Ahmad lagi ada yang menganggap saya sebagai Profesor S.H. Alattas. Setahu saya, saya tak pernah menerbitkan mana-mana buku saya dalam tulisan 'braille', iaitu tulisan yang hanya boleh dibaca oleh orang buta. Tetapi orang buta hari ini boleh membezakan buku saya dengan buku Profesor Hussien Alattas kerana muka depan buku saya. Saya gunakan huruf timbul supaya orang tak salah faham.

Semua buku saya disertakan dengan gambar saya. Begitu juga dengan Profesor S.H. Alattas, Naib Canselor Universiti Malaya. Kebetulan kami dua pupu dan mempunyai nama yang sama tapi masakan sesudah tulis 20 buku dan menulis hampir tiap-tiap minggu di 'Mingguan Kota', disiarkan lengkap dengan gambar saya sekali, orang tak kenal siapa saya dan siapa Profesor Syed Hussein? Janganlah anggap para pembaca itu bahlul. Kecuali orang yang bebal macam Ahmad Mokhtar dan orang-orang buta yang malas membaca tapi suruh orang lain bacakan. Ini bererti Ahmad Mokhtar telah mengangkat saya ke taraf Profesor, sedangkan dia cuma seorang Sarjana Sejarah saja. Alhamdulillah, terima kasih, Mat.

Ahmad membanggakan diri, dia ada B.A. dalam sejarah. Nasib baik awak lahir di Malaysia, Mat. Kalau awak lahir di India, orang macam awak ini layak panjat pokok kelapa saja. Sebab di India ijazah sejarah macam awak tu tak laku. Kalau masuk polis, kekallah awak jadi prebet sampai pencen. Kalau tak mahu panjat pokok kelapa atau jadi polis, bolehlah jadi konduktor bas. Saya pernah jumpa konduktor bas yang ada ijazah sarjana muda semasa saya melawat India beberapa tahun dulu. Ternyata

dia lebih patriotik dan lebih nasionalis dari Mat Mokhtar. Sekarang ini, Mat, BA awak itu bukan laku lagi. Nak kerja dengan kerajaan dah tentu tak diterima. Tak usahlah sebut-sebut tentang benda yang dah usang tu. Patutlah orang macam awak duduk sama dengan geng-geng botol kosong. Orang putih kata '*Bird of the same feather flock together*'.

Ahmad bernasib baik kerana adanya penulis yang macam sayalah, awak boleh cari makan. Awak pun bukan ada kerja. Muda-muda lagi sudah berhenti jadi pegawai pasal apa? Mesti ada buat kerja-kerja yang tak betul ni. Kalau tidak masakan belum tua sudah tak laku? Sudah jadi macam botol kosong, terpaksa jadi alat orang untuk nak bagi anak isteri makan. Nak jadi orang politik, jadi orang politik sajalah. Janganlah tengok orang tulis buku, awak pun nak ikut tulis buku sama. Pergi belajarlah dulu. Tulis buku politik bukan macam tulis borang rumah murah atau macam tulis tesis. Siapa nak baca?

Siapa Ahmad Mokhtar yang nak mempersoalkan, saya ini layak atau tak layak untuk menulis sejarah 46? Apakah dia dekan Fakulti Sejarah? Apakah tesis dia untuk mendapat B.A. lebih bernilai dari buku yang saya tulis sekarang ini dan lebih meluas kajiannya? Apakah lebih banyak buku yang dijadikan bahan rujukan untuk menyiapkan sebuah buku yang dianggapnya picisan seperti ini?

Lagi pun, sekarang ini orang dah tak bangga di diploma dan degree lagi. Ramai yang ada Master jual burger dan jadi buruh. Zaman bangga kelulusan sudah berakhir. Zaman ini orang bangga kejayaan bukan kelulusan. Yang penting apa yang ditulis bukan kelulusan penulis, sebab ramai penulis yang ada kelulusan tak tahu menulis. Contohnya saudara sendiri yang menulis tanpa memikirkan tentang kewujudan Tuhan. Awak saja yang pandai kerana ada kelulusan dari universiti. Saya anjurkan awak membaca terjemahan Al-Quran, baca kitab-kitab

agama, bergaul dengan orang-orang alim yang saleh, setidak-tidaknya dengan orang-orang Al-Arqam sebelum tulis buku. Kalau nak kenal guru saya Ustaz Ashaari, saya boleh kenalkan. Mudah-mudahan awak dapat mengenal diri, sesudah itu awak akan kenal Tuhan. Saya pun sejak bercampur dengan Ustaz Ashaari, saya banyak membaca buku-buku agama. Agama akan mengingatkan kita kepada Tuhan.

Mat, tak usahlah bangga awak ada M.A. dari Universiti Malaya dalam bidang sejarah, sedangkan awak sendiri macam tak tahu sejarah dan tak mahu belajar dari sejarah. Tak usahlah kita ambil contoh sejarah dari belahan dunia yang lain, sejarah Romawi atau Yunani atau sejarah Islam. Yang dekat dengan diri awak saja, cukuplah. Cuba lihat Dato' Onn Jaafar. Dia itu dulu pengasas UMNO, berpengaruh besar di kalangan orang-orang Melayu dan punya karisma sebagai pemimpin. Bila Dato' Onn keluar dari UMNO, apa jadi? Hanyuuuuut! Dato' Asri pun apa kurangnya? Keluar dari PAS, hanyuuuuu! Tengku Razaleigh? Kita lihatlah nanti.... Kata orang bijak pandai, sejarah memang berulang. Tapi pasal apa awak tak pandai baca buku sejarah, Mat? Profesor Khoo Kay Kim, tolong tengok anak didik you ini!

Kewujudan Tuhan itu mesti. Dialah tempat kita bergantung dan kepada-Nyalah kita menghambakan diri dan memohon. Bukan pada Tengku Razaleigh Hamzah, Presiden 46. Bukan juga pada pemimpin 46 yang lain.

Kita mengetuk pintu rahmat-Nya di kala kita sedih dan susah atau mengharap hal-hal lainnya. Kebahagiaan bukan diperolehi dengan memburuk-burukkan Dr. Mahathir dan UMNO baru untuk menang pilihanraya tapi dengan keimanan pada yang menciptakan kita, sebab politik adalah merupakan alat untuk mencapai tujuan, bukan titik tujuan.

Kebahagiaan adalah sesuatu yang timbul dari dalam, bukan datang dari luar. Sebagaimana yang dikatakan oleh

seorang isteri pada suaminya. Suami yang suka tembe-
rang kepada isterinya pernah mengatakan:

+ Saya akan celakakan awak!!!

Awak tak dapat mencelakakan saya sebagaimana awak
tak boleh membahagiakan saya.

+ Bagaimana saya tak dapat?

Apabila kebahagiaan terdapat di wang, tentunya awak
tidak akan memberikannya pada saya, juga bukan ter-
dapat di perhiasan, kalau terdapat di perhiasan mesti awak
menarik semua dari pada saya. Akan tetapi kebahagiaan
terdapat di sesuatu yang awak dan semua manusia tak
boleh menguasainya...!

+ Apakah itu?

Sesungguhnya saya menemukan kebahagiaan pada
celah-celah iman saya dan iman bersemayam di hati saya.
Dan hati saya tiada siapa yang boleh menguasainya ke-
cuali Tuhan saya".

Itulah erti kebahagiaan dan di hatilah tempat bersema-
yam semua kesukaan dan kebahagiaan bagi seorang
manusia. Bukan dengan memasuki satu-satu pertubuhan
politik dan menjadi seorang menteri, sekalipun 46 menang
pilihanraya awak tak akan senang dan bahagia. Apa lagi
kiranya 46 terkubur tanpa mengenal diri dan Tuhan. Awak
telah merosakkan diri sendiri sebagai ahli politik dan penu-
lis. Mat, sebelum terlambat ingatlah. Dunia ini pinjam-
pinjaman. Janganlah keterlaluhan sangat mengejar dan
menjaga periuk nasi. Politik tak boleh memberi keba-
hagiaan. Jangan tamak sangat nak jadi ahli politik, nak
jadi penulis, sedangkan awak tak tahu apa sebenarnya
yang awak hendak dan akhirnya awak akan tinggalkan
semuanya ini.

Binalah keimananmu sebagaimana anda membina hiasan dunia agar mendapat kesenangan dunia dan akhirat. Saya percaya awak tahu mengenai hal ini, tapi awak lebih suka mengikuti aliran **pura-pura tak tahu**, yang boleh merugikan awak dunia dan akhirat. Kalau awak seorang diri saja tak mengapa. Sebagai penulis awak rosakkan pemikiran setiap pembaca buku awak. Awak mengajak orang ramai membenci benda-benda yang mereka tak tahu, sedangkan kebanyakan rahsia dan ilmu itu tersembunyi di sebalik perkara yang awak tak tahu. Itulah pesan Saidina Ali Bin Abi Talib r.a.

Memang manusia tak lepas dari kelupaan dan kelaian. Ingat mengingatkan adalah anjuran Al-Qu'ran. Allah berfirman yang mafhumnya:

"Dan berpesan-pesanlah akan kebenaran. Dan pesan-pesanlah akan kesabaran"

(Surat Al-Asri 3)

Saya percaya kiranya sambil menulis dan memaki hamun Dr. Mahathir awak ingatkan juga umat Islam mengenai tanggungjawab mereka mengenai sumber keimanan dan kebahagiaan yang terdapat di dalam Al-Quran. Di situlah ladang segala kebahagiaan. Tahukah awak bahawa awak boleh memetik buah dari pohon yang mana pun. Al-Quran merupakan kitab petunjuk yang tiada keraguan di dalamnya. Al-Quran adalah ubat bagi hati dan otak dan Al-Quran adalah wahyu yang masih segar.

Dr. Maurice Bucaille, seorang doktor ahli bedah bangsa Perancis, yang telah melakukan kajian perbandingan sejarah agama-agama dan kitab-kitab suci memahami isi kandungan Al-Quran. Mari lihat apa yang dikatakan olehnya:

Quran diwahyukan sesudah kitab suci sebelumnya, bukan saja bebas dari kontradiksi dalam

riwayat-riwayatnya, kontradiksi yang menjadi ciri Injil-injil kerana disusun oleh manusia tetapi juga menyajikan kepada orang yang mempelajarinya secara objektif dengan mengambil petunjuk dari sains moden lebih dari itu semua. Sebagai yang sudah kita buktikan Quran mengandungi pernyataan ilmiah yang sangat moden yang tidak masuk akal jika dikatakan bahawa orang yang hidup pada waktu Quran diwahyukan itu adalah pencetus-pencetusnya. Dengan begitu maka pengetahuan ilmiah moden memungkinkan kita memahami ayat-ayat tertentu dalam Quran yang sampai sekarang tidak dapat ditafsirkan.

A.R. Syahab mengatakan bahawa Al-Quran selalu mengikuti zaman dan Al-Quran selalu unggul. Sewaktu pertama diturunkan, ia dapat memukau sasterawan-sasterawan Arab yang amat terkenal pada waktu itu, dan pada zaman moden sekarang keilmiahannya Al-Quran pun tak boleh dikalahkan oleh sains moden. Apa kata awak mengenai Al-Quran dan politik 46? Saya saja menyokong sedikit. Banyak sangat cerita pasal 46 boleh menyesatkan, sebab itu saya beristighfar dan ingatkan kekuasaan Al-Quran.

Menurut A.R. Syahab lagi, ".... setiap ditemukan sains baru makin nampak keunggulan Al-Quran kerana Al-Quran sudah lebih dulu menemukannya. Hanya kaum Muslimin sendiri yang agak malas untuk mempelajarinya".

Itulah sumber kebahagiaan yang sejati, bukan yang ada pada aliran pengikut Mazhab tak tahu. Dan mereka yang pura-pura tak tahu..... kerana tak tahu. Manusia tak boleh dimaafkan apabila mereka telah melakukan kesalahan yang berat.

Sekarang mari kita balik semula pada tohmah dan fitnah Ahmad Mokhtar pada saya pasal ganda wang anda. Untuk pengetahuan, janganlah nak buruk-buruk dan hinakan orang dengan benda-benda yang tidak benar. Janganlah

cuba membodoh-bodohkan anggota polis. Pejabat saya dari dulu hingga sekarang belum pernah tutup. Perniagaan saya memang ada kes sikit, tapi sudah saya bayar denda dan sebagainya menurut perintah mahkamah, baru saya tutup itu. Nama syarikat itu pun bukan Mata Corporation, bukan juga Labu Peram. Saya tak ada kena mengena dengan peniagaan Labu Peram. Cuma penulis yang saja nak tunjukkan pada orang ramai saya ini penipu, saja nak kaitkan saya dengan Labu Peram, termasuklah Yahya Ismail dan Zakri Abadi yang saja diupah untuk merosakkan imej saya dan yang sanggup menuduh orang menipu tanpa berani bertanggungjawab.

Awak semua terlupa bahawa Tuhan ada dan Allah akan melindungi orang yang benar, dan bila timbul kebenaran yang batil akan gugur dengan sendirinya. Terlanjur awak semua menuduh saya terlibat dengan sesuatu yang tidak benar, saya akan dedahkan apa yang awak semua nak tahu mengenai perniagaan ganda wang anda, kalau awak semua berani menghadapi mahkamah. Saya akan keluarkan surat-surat saya kepada Tengku Razaleigh Hamzah, ketika itu menjadi Menteri Perdagangan dan Tan Sri Hanif dan sesudah itu saya jumpa sendiri untuk menerangkan cerita sebenar. Bagai mana seorang perempuan, seorang Pegawai Polis dan *Master Mind* gandawang anda masuk ke syarikat saya menipu saya dan menipu orang ramai. Benda ini seolah-olah sengaja dirancang. Mereka bawa lari wang. Akhirnya saya terpaksa menanggung beban membayar balik sebahagian besar wang pelabur yang berjumlah lebih dari satu juta ringgit. Saya bukan seorang penipu. Saya tak pernah jadi orang buruan polis. Saya harap awak semua boleh buktikan apa yang awak tulis. Orang ramai yang awak katakan telah ditipu oleh saya boleh laporkan perkara ini di mana balai polis pada bila-bila masa. Polis Bukit Aman tahu macam mana nak cari saya.

Ahmad Mokhtar telah mengkait-kaitkan saya dengan Ahmad Sebi. Apa dia ingat semua buku-buku saya ditulis

oleh Ahmad Sebi? Buku Wanita, Takhta Dan Kuasa ini buku saya yang kedua puluh tau! Saya memang kenal Ahmad Sebi macam saya kenal penulis dan sasterawan yang lain juga, macam saya kenal Prof. Ismail Hussein, Pak Samad Ismail, Usman Awang, A. Samad Said. Saya tau dia dulu seorang penyajak dan aktivis sastera, kemudian masuk dunia kewartawanan. Dan entah pasal apa kemudian namanya mengorbit, disebut-sebut di kalangan politik peringkat atas. Nampaknya, nama Ahmad Sebi akan menjadi suatu mitos kelak.

Mengenai sembah-sembah Ku Li minta duit, saya tak pernah berbuat begitu. Adakah Ahmad pernah jumpa saya di pejabat Ku Li tetapi saya selalu jumpa dia di pejabat Datuk Najib dulu sebelum masuk Semangat 46. Dia ada minta sesuatu, tak dapat, dia buruk-burukkan Datuk Najib. Saya ada jumpa Ku Li di pejabatnya untuk menjual buku saya. Ku Li melalui Ibrahim Ali beli buku **Tuah Nasib Pemimpin Malaysia**. Ibrahim Ali yang membayar duitnya. Ku Li dan lain-lain pemimpin UMNO tahu sikap ahli UMNO. Mereka mahu buku *free*. Setiap kali ada buku baru, mereka nak buku secara percuma pada hal mereka kaya-kaya belaka. Bukan Ku Li saja yang beli buku, Rais Yatim, Datuk Harun dan ramai lagi pemimpin 46 yang pernah beli buku saya. Pemimpin UMNO macam itu juga ramai yang beli buku saya hingga ke hari ini. Saya adalah penerbit dan penjual buku. Apakah menjual buku sama dengan menjual diri dan menjual maruah? Apakah buku yang awak tulis ini tak ada sponsernya? Yahya Ismail, penulis upahan Harris Salleh sampai sekarang pun masih jadi penulis suruhan Semangat 46, bukan penulis untuk agama, bangsa dan tanahair. Cuba buat perbandingan antara buku awak, Yahya dan saya, siapa lebih patriotik?

Bolehkah sebuah pertubuhan yang ditubuhkan semata-mata kerana mahu menjatuhkan seorang Perdana Menteri diberi mandat oleh rakyat yang berbilang kaum untuk memerintah negara?

Ramai Presiden Amerika yang sudah bertukar, sama ada dibunuh atau mati dengan sendiri atau tamat tempoh perkhidmatan, tetapi Amerika macam itu juga kerana sistem pemerintahannya. Begitu juga dengan UMNO. Sudah beberapa kali bertukar Presiden dan Perdana Menteri, sudah mati hidup semula tapi Malaysia masih macam itu juga. Mahathir akan mati, Ghafar akan mati, tapi UMNO akan terus hidup kerana ia sebuah institusi.

Macam juga Utusan Melayu, mana perginya Pak Melan Abdullah, Osman Abadi, Mazlan Nordin dan mungkin tak lama lagi Zam juga akan diganti dengan orang lain, tapi Utusan Melayu sebagai satu institusi akan kekal.

Siapa kenal dengan 46? Nyawanya macam nyawa ikan atas darat. Nasib baik dapat peralatkan PAS dan dapat bantuan sementara dari DAP. Kalau tidak dah lama terkubur.

Harapkan Ku Li seorang saja, macam mana kalau Ku Li mati. Duit nak dapat dari mana masa pilihan raya nanti? Rais dapat duit dari mana? Untung dulu jadi Menteri Besar dan Menteri Pusat, dapat juga kumpul harta. Apakah hartanya banyak sangat, dapat dari mana? Datuk Harun sudah ketepi. Ku Li takut dia jadi Menteri Besar Selangor sebab itu dia tak dibenarkan tanding kerusi Timbalan. Yang tinggal Pak Seman dan budak-budak mentah saja. Siapa orang politik yang berwibawa yang boleh pimpin 46?

Jawablah!

Tel. I.B. 1144



SABATAN DI-RAJA,
ISTANA BESAK,
JOHOR BAHRU

24

Y. M. Syed Hussien bin Alwee Al-Attas,
c/o. Nadzir Madrasah Al-Attas Arabiah,
Johor Bahru.

Bersama2 ini ia-lah kata-kata aluan yang telah
di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan
Johor bagaimana yang di-hajatkan oleh surat tuan yang
bertarikh 14hb. September, 1970 itu.

Sekian-lah ada-nya.


(Sulaiman bin Mohd. Salleh)
Setiausaha Sulit Kepada
D.Y.M.M. Sultan Johor.

DARI MAJALAH SUARA ALATTAS



ISTANA BUKIT SERENE
JOHOR BAHRU
MALAYSIA

TITAH PERUTUSAN DULI YANG MAHA
MULIA TUANKU SULTAN JOHOR.

Saya kenal kepada Allahyarham Dato Syed Hassan bin Ahmad Alattas (Dato kepada pengarang "Suara Alattas), Pengasas Madrasah Arabiah yang mashor ini. Dalam masa hayat-nya, Allahyarham telah banyak menghablakah masa hidup-nya di-dalam membuat amal kebajikan dan jasa2 baik-nya itu telah dapat di-nekmati oleh umat Islam di-negeri ini.

Selain dari itu Allahyarham telah juga banyak membuat amal bakti kepada orang ramai. Jasa baik-nya kepada Negeri Johor memang patut di-kenang dan menjadi tauladan kepada yang lain2 yang chintakan negeri ini.

Saya berasa bangga di-stas usaha yang sedang di-jalankan oleh pengarang "Suara Alattas" dan saya perchaya dengan terbit-nya buku ini di-tengah2 mesharakat nanti, akan menjadi satu chontoh yang baik kepada hartawan2 yang lain supaya menunjukkan ta'al setia dan chinta mereka kepada Raja dan Negara dengan mengorbankan sa-bahagian dari harta kekayaan mereka kepada tanah ayer yang di-chinta.

Akhir-nya saya suka menguchapkan maju jaya, dan kekal-lah kemaashoran Madrasah Al-Attas Arabiah yang telah banyak berjasa ini.

D.Y.M.M. SULTAN ISMAIL IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM
D.K., S.F.M.J., D.M.M., S.M.N., S.P.M.K.,
D.K. (Brunei), D.K. (Pahang) D.L.L.,
SULTAN JOHOR.

BERTARIKH 5HB. OKTOBER, 1970.

DARI MAJALLAH SUARA ALATTAS

Telephone { Office 291
 { Home 233
No. _____ J.S.P.
Fax no. _____



SETIA USAHA SULTAN KEPD.
D.Y.F.M. SULTAN PAHANG
PRIVATE SECRETARY TO H.M.S.
THE SULTAN OF PAHANG

PERAK _____ J.S.P.

Tuan Syed Hussien bin Alwan Alattas,
Madrasah Al-Attas Al-Arabiah,
Johor Bahru

Tuan,

Ada-lah di-ma'alomkan berhubung dengan surat tuan yang bertariikh 13hb. Oktober, 1970 telah di-terima oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, maka bersama ini saya sertakan titah Duli Yang Maha Mulia untuk di-masukkan di-dalam "Suara Al-Attas".

Demikian-lah di-ma'alomkan.

Yang menjunjong titah,

Setia Usaha Sulli
kpd. D. Y. M. M. Sultan Pahang.
(DARUS BIN HAJI SA'AD. PJK)

Bertarikh 26 Oktober 1970.



Istana Abu Bakar
Pekan, Pahang

Titah Perutusan Duli Yang Maha
Mulia Tuanku Sultan Pahang


Beta mendapat tahu dan kenal dan ada di-dalam pandangan dan perhatian beta kepada Madrasah Al-Attas Al-Arabiah, Ketapang, Pekan semenjak usia beta maseh rumaja lagi, dan beta di-beri ma'alom bahawa Allah Yarham Tuan Syed Hassan Al-Attas sebagai jawatan pertama pengembang agama Islam di-Negeri Pahang pada zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Ahmad dan beliau ada-lah di-hormati dan di-sayangi oleh baginda Sultan, dan dengan limpah kemurahan Baginda telah mengurniakan sa-bidang tanah yang luas menjadi (Concession) milik bertempoh kepada-nya, dan Allah Yarham telah menetapkan satu kawasan tanah untuk keperluan agama dan di-dirikan pada-nya sa-buah Masjid dan sa-buah Madrasah Al-Attas Al-Arabiah Kampong Ketapang dan baki-nya telah di-tanam getah hasil-nya menjadi perbelanjaan para guru2-nya. Apa yang beta dapat tahu bahawa ada beberapa orang murid2 keluaran Madrasah itu julong2kali-nya maseh ada berkhidmat sebagai guru dan lain-nya berbagai2 jawatan kanan di-dalam Negeri Pahang khas-nya, dan ia-lah Madrasah Bahasa Arab yang pertama sekali di-dirikan di-Negeri Pahang, hingga di-ambil alih oleh Kerajaan beta pada masa ini di-bawah tadbir Kerajaan yang di-bawah jagaan Pejabat Ugama Pahang bagi melanjutkan Jasa2 Allah Yarham yang menjadi amal jariah-nya.


Beta dan ra'ayat beta terhutang budi kepada Allah Yarham, muga2 Tuhan chuchurkan rahmat-nya kepada roh beliau, dan juga beta ucapkan terima kasih di-atas jasa2-nya itu sebagaimana kata pepatah Melayu:

"Harimau mati meninggalkan belang
Ma'anusia mati meninggalkan jasa dan nama".

Terima kasih, ada-nya.

Istana Abu Bakar
Pekan, Pahang.







TONG SAMPAH DI BUKIT BINTANG PLAZA PUN PAKAI NOMBOR 46. Kalau tak percaya, anda pergilah buang undi anda di sana. Masukkan ke dalam tong sampah (46), tengok apa jadi.

12

MEMBER KENA MAIN

BUKU bertuah yang sedang anda baca ini disiapkan di Hotel Federal. Semasa ia di dalam proses *editing*, parti Semangat 46 telah mengadakan Perhimpunan Agung mereka yang pertama di tempat yang sama.

Pada pagi 12 Oktober 1989 yang bersejarah itu ramailah kaum kerabat 46 yang membanjiri di luar dan di dalam perkarangan hotel ini. Maka ramailah mereka yang dibawa dengan bas dan lain-lain kenderaan, yang datang lebih awal bersadai di lobi dan *coffee house*. Memandang dari pakaian, watak dan gaya mereka itu, mereka tidaklah sehebat ahli-ahli UMNO bila mengadakan perhimpunan agung. Mereka jenis orang yang seronok jadi orang politik, orang yang bangga jadi pejuang, biarpun ramai yang tidak tahu sebenarnya apa yang mereka nak perjuangkan. Ramai di antara mereka yang kelihatan seperti orang kampung yang tiba-tiba masuk ke bandar terpinga-pinga tak tahu nak buat apa. Lelakinya memakai baju Melayu, bersongkok; dan yang perempuan pula berpakaian Melayu dan bertudung. Inilah keistimewaannya. Melihat pada pakaian mereka semua masih tetap Melayu. Ramai yang datang kerana seronok dapat berdamping dan bergambar dengan bekas-bekas menteri. Sekurang-kurangnya bila balik kampung

nanti bolehlah tayangkan gambar itu dekat member-member di kampung. Nak bergambar dan berkawan dengan menteri UMNO yang ada sekarang susah, ramai yang sombong dan ego. Ada yang tak tahu berbudi bahasa, tak pandai bertegur sapa dan beramah mesra.

Apa lagi yang dapat dibanggakan oleh mereka yang seperti melukut di tepi gantang kalau bukan bekas-bekas saja. Tapi bekas pun bekaslah, botol kosong pun botol kosonglah. Macamlah orang yang hanya mampu membeli ayam tua yang berharga tiga ekor \$10.00. Ayam tua yang sudah berhenti bertelur pun tak apa, yang penting dapat makan ayam. Begitulah halnya. Kasihan pengikut Semangat 46 yang suka benar nak berkawan dengan orang besar-besar. Orang yang ingin merasakan diri penting dan dihargai orang, walaupun sudah kecewa namun tetap masih bersemangat, tak dapat Semangat 64 atau 94, Semangat 46 yang lapuk pun jadilah. Begitulah keseluruhan senario di Federal Hotel, Semangat sedang bersemangat.

Tatkala saya tiba di lobi hotel pada kira-kira jam lapan pagi. Ada beberapa orang pemimpin tinggi Semangat menegur saya. Saya kenal mereka dan kami masih berkawan baik macam dulu-dulu juga. Saya tidak tahu sama ada mereka senang bertemu saya di situ ataupun tidak. Yang saya tahu ramai yang terkejut. Mereka fikir kehadiran saya di situ sebab nak tulis buku dan hentam mereka. Ini tak benar. Saya datang nak buat kerja saya. Kebetulan mereka semua berkumpul di depan saya, yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang. Tuah badan. Apa nak kata?

Sebenarnya sebab-sebab saya selalu sangat sebut kumpulan mereka dalam tulisan saya di *Mingguan Kota* atau dalam buku *POLITIK SERPIHAN* adalah kerana saya menganggap mereka ini ada penyakit yang berbahaya yang mesti diubati supaya tidak menjangkiti pada orang lain. Macam doktor yang suka kasi ubat yang pahit pada anak-

anak atau doktor yang pernah suntik anak-anak yang takut dengan jarum *injection*, jadi bila tengok saya, mereka seram, mereka geram. Mereka tak tahu ubat yang saya bawa baik untuk mereka.

Perhimpunan Agung yang sepatutnya diadakan secara besar-besaran pada 12, 13 dan 14 Oktober 1989 itu nampaknya mengambil masa sehari sahaja. Pada hari berikutnya, iaitu pada 13 Oktober, keadaan di lobi dan *coffee house* sudah lengang. Tidak ada lagi member-member Semangat yang berpakaian baju kurung Melayu, baju kuning dan menampal nombor 46 di dada berkeliaran di situ. Saya tahu ramai yang telah balik ke kampung masing-masing pada hari pertama lagi kerana ramai yang singgah di rumah saya. Ada keluarga saya yang menjadi orang kuat dalam Semangat 46. Itu hak dia. Saya tak campuradukkan politik dengan keluarga.

Walaupun ada orang-orang yang menemui saya secara kebetulan di lobi hotel itu tidak begitu menyenangi kehadiran saya, namun ada beberapa orang pemimpin tertinggi '*selak*' adalah rakan baik saya. Saya gunakan perkataan '*selak*' kerana 46 dalam bahasa Cina sebutannya ialah '*sea*' '*lak*'. Ramai di antara mereka pun suka main selak-selak kain pemimpin UMNO, ada yang sudah kena kencing baru tak selak-selak lagi. Kerana '*Sea lak*' ertinya mati jalan, menghadapi jalan kebuntuan. Daripada mereka inilah banyak maklumat mengenai perjalanan parti 46 selak disalurkan kepada saya. Tak hairanlah banyak benda yang saya tahu, termasuk juga perhimpunan yang diadakan ini, saya sudah tahu beberapa hari sebelumnya. Ini kerana saya sudah tinggal di sini dua minggu lebih awal untuk menyiapkan buku ini. Bukan untuk menunggu kedatangan mereka. D.A.P. juga mengadakan Perhimpunan di sini selang beberapa hari sesudah itu.

Menurut laporan-laporan yang saya terima, ada beberapa orang pemimpin tertinggi parti itu sengaja menganggo-

tai parti Semangat 46 dengan tujuan untuk nak 'acah-acah saja'. Mereka tidak ikhlas, mereka tahu ramai pemimpin parti 46 ini juga tidak ikhlas. Mereka sudah lama tahu tujuan parti itu ditubuhkan bukan kerana agama, bangsa dan tanahair. Bukan... Kalau untuk perjuangan agama, bangsa dan tanah air, mereka tidak akan keluar dari UMNO dan tubuhkan parti baru yang dipimpin oleh orang yang kecewa.

Perjuangan 46 yang utama sekali ialah nak buang Mahathir, nak buang Daim dan Anwar dan lain-lain pemimpin supaya mereka dapat mengambilalih tempat itu. Mereka asalnya dari team B yang merasakan mereka masih menang, masih popular. Kalau sudah dapat kerusi-kerusi yang mereka hajatkan perjuangan ke mana, semangat ke mana. Wal hasil balik asal. Ini semua cakap tak serupa bikin punya, tapi kerana banyak duit, pandai jual ubat, boleh hiduplah.

Disebabkan tujuan pemimpin Semangat ingin jatuhkan Dr. Mahathir dan memecahbelahkan orang Melayu, maka begitulah tujuan ramai yang menganggotainya. Mereka ini hanyalah untuk memecahbelahkan parti tersebut. Mereka tidak bimbang tentang kedudukan mereka. Tak dapat apa-apa tak mengapa, sebab masing-masing sudah pun menerima habuan dan ada yang akan menerima habuan yang lebih besar lagi bila 46 sudah terkubur macam matinya UMNO lama. Inilah yang dikatakan senjata makan tuan.

Kalau anda nak tanam pokok baru, pokok yang tua mesti ditebang, dikeringkan, dibakar untuk dijadikan baja bagi anak-anak pokok yang baru nak tumbuh. Begitulah yang sedang dilakukan oleh perancang untuk menghapuskan pemimpin yang korup yang tak bermoral dan tidak berjiwa Melayu di dalam UMNO. Itu sebabnya pemimpin Semangat 46 ini mengamalkan fahaman Machiavelli, tapi mereka mendakwa mengatakan kerajaan yang mengamalkan ajaran itu untuk menutup kelemahan mereka.

Mereka boleh menghalalkan yang haram untuk mencapai cita-cita perjuangan. Apa salahnya kalau anjing yang makan babi?

Kejadian buli-membuli dalam Semangat 46 begitu ketara, yang lemah menjadi mangsa yang kuat. Pemimpin dalam UMNO dulu masih jadi Pemimpin 46. Bukan muka-muka baru yang jujur, yang ikhlas. Yang inginkan perubahan yang boleh jadi alternatif kepada UMNO.

Tengoklah para pengikut-pengikut Semangat yang terdiri dari orang-orang Felda yang tidak memahami ilmu politik. Mereka tidak faham hakikat perjuangan Tengku Razaleigh Hamzah yang sebenarnya. Mereka dipengaruhi oleh kehebatan Rais Yatim sebagai pembela nasib orang di Felda. Rais telah banyak tanam budi. Mereka lupa ini semua sudah dirancang. Mereka akan digunakan oleh Rais untuk kepentingan politiknya. Rais terpaksa berbuat demikian kerana Rais Yatim sudah bakar jambatan. Orang Felda kini jadi jambatan Rais untuk mendapatkan cita-citanya. Kalau betul nak perjuangkan rakyat, nak perjuangkan nasib orang Melayu, bukan di depan pemimpin muda yang radikal, yang tidak ikhlas dan yang tidak geng dengan kerajaan, tapi dengan pemimpin rakyat yang telah diberi mandat.

Peneroka di Felda yang berasal dari Kelantan telah dipermainkan Semangat kenegerian. Mereka tidak berani bersoal jawab dengan Ku Li kerana Ku Li anak raja. Bila jumpa, cium tangan dan tunduk. Kalau Ku Li duduk di atas kerusi, mereka mesti duduk di atas lantai. Ku Li pemimpin yang paling istemewa. Mereka kagum dengan kebijaksanaan Ku Li yang dibangga-banggakan oleh para penjual ubat di sekelilingnya. Apa lagi dengan gula-gula yang sudah diberikan oleh Rais.

Cuba tanya pengikut Semangat 46 berapa ramai di antara mereka yang tahu ke mana Ku Li nak bawa mereka?

Apa dasar sebenar dan matlamat perjuangan anak raja ini kalau bukan nak bawa pengikut ke dalam istana? Untuk apa? Nak jadi raja seperti dia jugakah? Tentu tidak. Hamba rakyat tetap juga hamba. Keluar dari mulut harimau masuk mulut buaya.

Ku Li nanti jadi macam raja, Rais jadi menteri besarnya, pemimpin yang lain jadi hulubalang dan yang ikut-ikutan akan kekal jadi pak pacak. Kata orang putih: *Back too Square One*.

Orang politik cari makan adalah jenis manusia yang tak bermoral, yang pentingkan perutisme dan kecekisme, eloklah berada dengan para pengikut yang di depan pemimpin mereka ampu sana ampu sini. Di belakang, mereka mereka sapu sana sapu sini, jual rahsia. Mereka juga akan jahanam akhirnya kerana mereka sendiri tidak ikhlas. Tapi nak buat apa menyesal sesudah nasi jadi bubur. Beringat sebelum kena, berfikir sebelum pilihan raya.

Machiavelli (1469-1527) adalah merupakan seorang ahli fikir politik yang berasal dari Florence, Itali. Dalam Abad ke-16, Machiavelli telah menerbitkan sebuah buku *The Prince* yang merupakan bahan rujukan yang dianggap paling klasik dalam kajian sains politik masa itu.

Dari pemikiran beliau yang dianggap amat realistik, Machiavelli mengatakan (bab 17) dalam bukunya *The Prince*,

"Adalah diperhatikan bahawa manusia tidak mahu berterima kasih, fikiran sentiasa berubah-ubah, suka menipu, pembohong, tamak haloba dan tidak ada kejujuran dalam politik".

Dengan kata-kata tersebut, Machiavelli telah menjelaskan kepada umum bahawa akan terdapat pemimpin-pemimpin politik tertentu yang sanggup menjadi penipu dan

pembohong asalkan dapat terus kekal berkuasa dan tidak diganggu gugat oleh mana-mana pihak akan kekuasaannya itu. Mereka sanggup mendapatkan semula apa yang sudah hilang dari tangan mereka agar mereka terus kekal berkuasa, berkuasa melakukan apa sahaja walaupun dengan mengeneipkan hukum-hukum moral dan kemanusiaan.

Mereka mahu jadikan rakyat dalam keadaan sentiasa bergantung harapan sepenuhnya kepada mereka. Inilah yang sedang dilakukan oleh pemimpin Semangat 46.

Mereka berusaha dengan apa cara sekalipun bagi menghapuskan semua musuh-musuh politik mereka.

Mereka juga memusnahkan segala bentuk penentangan dari mereka yang menentang sama ada lawan atau kawan.

Matlamat-matlamat ini cuba dijayakan dengan berkempen di seluruh negara menemui rakyat bagi menonjolkan diri sebagai pelindung *benefactor* kepada rakyat. Contoh di Malaysia, mereka sanggup mengadakan ceramah-ceramah politik yang dicampuradukkan dengan agama di bulan Muharam dan di bulan Maulud.

Mereka adakan perhimpunan mereka. Apakah Nabi akan izinkan upacara kelahiran baginda dijadikan hari perhimpunan agung mereka? Kalau majlis-majlis agama di surau-surau dan masjid-masjid mereka sanggup gunakan agama sebelum mereka berkuasa, selepas berkuasa, apa pula yang akan mereka lakukan? Mereka hanya bertujuan untuk menggunakan rakyat dengan meminta rakyat menjatuh Dr. Mahathir dan menguatkan Ku Li sebagai diktator.

Dalam pada itu mereka juga memastikan setiap penyokong yang senada dengannya serta pengikut setia komited dengan kepimpinannya dan matlamat politiknya. Inilah yang sedang dilakukan oleh pemimpin 46. Bukankah

ini satu pekerjaan yang mungkar? Kerja-kerja inilah yang mesti ditentang oleh mereka yang cintakan agama kerana mereka mementingkan politik dari agama

Ini adalah perbandingan yang paling tepat jika dibandingkan dengan cara Machiavelli dengan apa yang telah dan sedang dilakukan oleh kepimpinan parti Semangat 46.

Ramai yang jadi pengikut Semangat 46 kerana mereka kecewa. Sekian lama berjuang satu habuk pun tak dapat. Orang-orang muda baru dua tiga hari masuk UMNO sudah dapat jawatan. Ada yang jadi kaya-raya. Maka tukang kipas pun ramai, suruh benci pemimpin lalu mereka pun sakit hati, naik hot. Apa lagi bersemangatlah. Membara-bara. Memang betul UMNO yang dipimpin oleh Mahathir tidak baik kerana mereka tak dapat apa. Dulu masa zaman Tunku, Tun Razak, Husin Onn tak siapa yang sebut hal-hal yang macam ini. Maka baiklah ketiga-tiga pemimpin sebelum Mahathir.

Tukang fitnah dan tukang caci memang ramai. Mereka jenis tak membaca dan berfikir. Main dengar cakap orang saja. Kalau ada pun yang membaca tak pandai berfikir, yang suka berfikir tak suka membaca. Nak beli buku sayang tak mahu keluar duit. Kalau ada pun buku-buku yang mereka baca, itu semua mereka dapat percuma. Boleh dikatakan semuanya buku-buku yang ditulis khas oleh penulis-penulis upahan parti Semangat 46 seperti Ahmad Mokhtar, Yahya Ismail dan di akhbar tabloid cari makan.

Mereka tak suka Dr. Mahathir bukan kerana beliau tak bagus, tapi sebenarnya mereka tak tahu sebab musababnya. Apa yang mereka tahu cakap ialah Dr. Mahathir diktator, rasuah, menyeleweng dan gila kuasa. Balik-balik itu juga dikir barat dan ghazal yang mereka nyanyi beramai-ramai. Kerana guru-gurunya terdiri dari burung-burung Kakak Tua. Seluruh dunia puji Mahathir, mereka cacik-

maki macam itu juga. Dunia Barat, dunia Islam, semua hormati Mahathir, mereka tabur fitnah macam itu juga.

Cuba menungkan sebuah sajak Dr. Yusof Qordawi dalam bukunya IMAN dan KEHIDUPAN:

Aku datang..., tapi aku tak tahu dari mana, namun aku telah datang.

Lalu aku melihat di depanku ada jalan maka aku berjalan di atasnya.

Dan aku mesti tetap berjalan... Sama ada suka ini atau tidak.

Bagaimana aku datang...?

Bagaimana aku melihat jalan...?

Aku tak tahu...!!!

Apakah aku sebentar atau lama dalam kehidupan ini...?

Apakah aku ini bebas merdeka atau tawanan terikat...?

Apakah aku boleh menentukan diriku sendiri dalam kehidupanku atau ditentukan...?

Aku mengharap untuk mengetahui... tetapi... aku tak tahu...!

Jalanku.. Apakah jalanku...? panjang ataukah pendek...?

Apakah aku naik ke atas atau turun ke bawah...?

Apakah aku berjalan di atas jalanan ataukah jalanan yang berjalan... di atasku? Ataukah duaduanya berhenti dan masa yang berjalan...?

Aku tak tahu...!!!

Adakah anda ingat sebelum aku menjadi manusia sempurna, aku adalah bayangan yang makkal, ataukah anda mengetahui aku ini berbentuk sesuatu...?

Apakah pertanyaan ini boleh terjawab, atau akan tetap selamanya...?

Aku tak tahu... mengapa aku tidak tahu...?

Aku pun tidak tahu...!!!

Dunia ini telah dihuni oleh berjuta-juta bani Adam dan sudah tentu bermacam-macam corak pemikiran manusia. Semua manusia ingin mempunyai cara tersendiri untuk menempuh jalan hidupnya yang lebih senang dan mudah. Timbullah beberapa isme, seperti kapitalisme, komunisme, sosialisme, ateisme, feodalisme, eksistensialisme, idealisme, materialisme dan macam-macam isme lagi seperti perutisme, kecekisme, ampuisme dan sebagainya.

Daya fikir manusia berbeza-beza menurut kadar dan kemampuan masing-masing sebagaimana daya fizikalnya. Ramai manusia yang bersifat angkuh dan ego, tak mahu bertolak ansur dengan pendapat orang lain. Pendapatnya saja yang paling betul dan mesti diikuti. Konon itu adalah prinsip. Mereka hanya memikirkan prinsip yang dicipta oleh mereka saja. Mereka seolah-olah mempunyai mazhabnya sendiri. Mereka menolak mazhab-mazhab yang lain digantikan dengan mazhab yang dinamakan **mazhab tak tahu**.

Mahzab tak tahu inilah yang sedang mengancam kehidupan manusia, mengancam diri sendiri kerana mereka memdapati diri itu kosong dari prinsip. Apalagi aqidah yang tidak kuat dan penuh pula dengan keragu-raguan kerana mereka tidak mengenal asal usul, tidak kenal diri.

Mereka tak tahu dari mana mereka datang, untuk apa mereka hidup dan akan ke mana setelah dimatikan? Mereka seolah-olah terpaksa hidup dan dipaksa menjalani kehidupan ini. Mereka hidup sebagai manusia desperado. Maka sebab itulah kita tidak hairan mereka jadi begitu berani. Mereka berani membabi buta, berani berpegang pada prinsip "**biar putih tulang jangan putih mata**" dalam bahasa Inggerisnya "***By hook or by crook, beg borrow or steel***". Mereka mesti dapat apa yang mereka mahu. Mereka mesti ikut hati dan nafsu. Biarpun mereka tidak mempunyai kemampuan tapi tetap mahukan perubahan. Yang penting kepada mereka perubahan. Untuk apa?

Mereka pun tak tahu. Mahathir mesti dibuang, ditukar dengan orang baru. UMNO mesti dimatikan dan digantikan dengan semangat 46. Hidup manusia sepatutnya maju ke depan bukan undur ke belakang, tapi nak buat macam mana Tunku Rahman jadi Penaung. Tengku Razaleigh jadi Presiden dan Rais Yatim jadi timbalannya. Eloklah tu!

Sekiranya mereka ini dapat mengerti erti kehidupan. alangkah baiknya. Adalah sangat penting bagi seorang yang hidup dalam keadaan syak dan keraguan macam ini belajar mengenal diri, kerana dengan mengenal diri dan Tuhan, mereka dapat mengubati derita batin. Tidak seperti sekarang ini, mereka sanggup berbuat apa saja. Mereka tak ubah seperti budak-budak dadah. Tak tentu arah. Macam juga budak-budak nakal yang tak tentu arah berpakaian menurut nafsunya. Mereka berpolitik mengikut nafsu. Buat apa saja ikut nafsu, tidak lagi ikut akal yang rasional.

Patutkah orang tua yang uzur macam Tunku, mereka gunakan untuk kepentingan peribadi. Apa bezanya dengan Imelda yang menggunakan mayat Marcos sebagai senjata? Siapa lebih diktator? Siapakah yang tidak bermoral dan tidak berperikemanusiaan?

Tunku pun satu hal juga, sudah tua macam itu masih terhegeh-hegeh mahu pula diheret digunakan oleh orang yang nak rebut kuasa. Tunku pun hentam kerajaan kerana dendam tak habis pada Mahathir. Tunku pun kata, darurat sekarang lebih dahsyat daripada zaman komunis. Memanglah Tunku sudah tak sedar lagi kerana sudah terlalu tua dan uzur. Mulutnya tidak selari lagi dengan otaknya. Kata-kata meluncur lebih dulu dari mulutnya sebelum otaknya dapat berfikir. Kalau sekarang lebih teruk daripada zaman komunis, Parti 46 pun takkan ada dan tak sempat mengadakan perhimpunan di Hotel Federal, malah 46 tak sempat didaftarkan kerana para pemimpinnya ditangkap awal-awal lagi. Tunku pun tak sempat berucap, sudah dicekup.

Meskipun kesemuanya itu mereka sudah perbuat dan dilaksanakan tapi kepuasan dan ketenangan belum dapat juga. Bahkan makin menjauh. Akhirnya mereka mencari penyelesaian di atas penderitaan batin dan kegelisahan jiwa itu dengan cara membunuh diri seperti orang Barat yang tidak beriman dan tidak percaya kepada qadad dan qadar. Bezanya mereka bunuh tubuh yang di sini, yang dalam perkampungan politik 46. Mereka lakukan *political suicide*.

Manusia yang menggantungkan dirinya pada dirinya sendiri adalah bahaya, kerana kalau dia berhasil pasti dia akan menjadi manusia lupa daratan. Mereka tidak bersyukur pada Allah dan kalau dia gagal akan membunuh diri sebab dirinya sudah gagal. Tak mungkin lagi berhasil kerana tak percaya akan kekuasaan Allah.

Ilmu yang dimiliki oleh manusia yang dikongsi oleh nafsu akan menghancurkan mereka sendiri. Apakah ada kebahagiaan di belakang nafsu? Mereka sudah lupa diri. Siapa pemberi ilmu? Makin pandai, makin pandir. Tak sedar, tapi makin juga.

Sekarang telah menjadi kenyataan bahawa ilmu pengetahuan tak boleh memberi kebahagiaan batin bagi tuannya. Inilah yang terjadi oleh pemimpin politik yang hanya mempunyai ilmu dari peradaban Barat. Tengok ratusan ribu pelajar sekolah tinggi dan universiti yang telah merana. Mereka salahkan kerajaan, salahkan nasib tapi tak salahkan diri. Tak tahu penjajah adakan sekolah untuk keluarkan alat-alat yang boleh jadi komponen kepada mereka.

Seorang pakar ilmu jiwa Amerika yang terkenal Dr. Henry Lank yang bangga dengan ilmu yang ada pada dirinya dan tunduk dengan pengetahuan mengatakan: **dengan ilmu saja kebahagiaan tak boleh tercapai.**

Mungkin pakar ilmu jiwa itu juga menderita sakit yang sama atau pernah mengalami sehingga menginsafi sete-

lah melakukan analisis yang serius? Bila lagi pemimpin 46 mahu mengkaji perkara-perkara macam ini?

Apakah mazhab ini sudah sampai di Malaysia? Saya yakin hanya perasmianya belum, tapi pengikutnya sudah ada. Kita sering melihat budak-budak Melayu dengan style ke barat-baratan, bertingkah macam orang putih.

Mereka memandang agama dengan pandangan sinis. Mereka merasa lebih gembira kalau disangka bukan seorang yang setia beragama. Jika diketahui, kalau mereka orang yang taat terhadap agama, malu dan imejnya akan turun. Begitu juga dalam politik, mereka rasa malu kalau taat setia pada pemimpin, negara dan kerajaan. Mereka mesti menentang baru mereka dianggap maju. Baru mereka dianggap hero. Mereka tidak diajar bahawa Islam sukakan manusia yang taat. Tuhan berfirman:

“Wahai orang-orang yang beriman taatlah engkau pada Tuhan, pada Rasul dan pemimpin yang taat pada Allah”.

Ini sudah terbalik. Pemimpin yang menyimpang dari agama mereka taat, mereka nak berikan kuasa.

Malang sekali, mereka meniru Barat hanya kebudayaannya saja, sedangkan Malaysia sudah mempunyai kebudayaan yang lebih selamat serta masih berkesinambungan dengan unsur agama.

Saudara-saudaraku yang telah kena hembusan angin mazhab tak tahu, ketahuilah imam mazhab itu adalah syaitan. Tak mungkin anda akan bahagia. Kebanggaan dan kebahagiaan yang kalian rasakan sekarang adalah bersifat sementara. Dan selepas itu akan menjerumuskan kalian... Apa bukan begitu kerja syaitan? Berfikirilah sebelum kita menghadapi pilihanraya umum. Ingatlah Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri memang kerja-kerja syaitan.

Mula-mula disenangkan kemudian diselewengkan. Bukan semua orang ketawa kerana gembira. Kadang-kadang orang ketawa kerana perutnya digelitik. Lama kelamaan mati kaku. Janganlah membiarkan diri kita kena main.

Ada beberapa orang dari geng 11 yang nak masuk UMNO. Mereka cuma tunggu kalau-kalau ada pemimpin UMNO yang nak beri duit. Kenapa mereka nak masuk UMNO, mereka pun tak tahu. Contoh yang paling baik ialah Shahrir Samad (Kunci) Johor telah membunuh karier politik. Cara orang bunuh diri, mati yang tak ada penghormatan, mati tak beriman - contoh lebih besar Tunku Abdul Rahman. Mereka semua pengikut dan pengamal mazhab tak tahu. Ini masuk 46 macam budak lepasan SPM dan SRP yang berkerja sambilan sementara menunggu keputusan. Perjuangan tak boleh macam berkerja sambilan sementara tunggu keputusan. Nasib bangsa dan negara di tangan pemimpin. Pemimpin apa namanya dapat saja kawasan balak, dapat permit AP, dapat jadi pengurus, atau dapat apa saja, asal nama dapat, mereka *guarantee* tinggalkan 46. Ta... Ta..., Ta... Ta..., macam mereka tinggalkan team B, team by.. by... Pengikut dari belakang jadi apa? Saya tak mahu pisang berbuah dua kali. Saya tak mahu member saya yang jujur dan ikhlas kena main.

Mereka tahu parti Semangat 46 ini bukan betul sangat. Kebanyakan ahlinya orang yang sudah jadi macam botol-botol kosong: bekas menteri, bekas-bekas menteri besar, bekas jeneral, bekas hakim. Semua bekas-bekas. Ramai dari mereka yang sudah *frust*. *Frust* politik, *frust* bisnes dan macam-macam *frust* lagi. Umur masih belum tua sangat, nafsu masih kuat walaupun sudah kurang tenaga. Kalau tidak masakan cikgu sekolah agama pun boleh tewaskan Jeneral Angkatan Tentera. Padahal General Jaffar tu anak Dato' Onn, rakyat Johor pilih UMNO juga. Ini tandanya rakyat mahu maju ke depan bukan undur ke belakang. Kalau Dato' Onn hidup semula dia tak akan masuk 46. Dia akan masuk UMNO yang dipimpin oleh Mahathir.

Mereka saja nak menghabiskan sisa-sisa hidup untuk nak cari publisiti murah kerana masa muda-muda dulu mereka tak buat apa-apa yang besar. Jadi mereka pun masuklah 46 buat bising-bising, jual muka dan nama dalam akhbar-akhbar. Dengan berbuat macam itu, sekurang-kurangnya dapat juga jadi orang penting.

Ingat sikitlah pada Tuhan, ingat sikit pada qadak dan qadar, takutlah kepada Allah. Jangan kerana bernafsu sangat sanggup melihat rakyat porak peranda. Tuhan Maha Mengetahui dengan niat hamba-Nya. Jadi niat itu mestilah betul.

"Aku masuk Semangat ni acah aje, engkau ingat aku tak tahu parti ini tak boleh diharap sangat, macam yang kau tulislah, kebanyakannya botol kosong," kata seorang kawan pada saya.

Kalau benar Ku Li menganggap masalah ummah dan negara sebagai tanggungjawabnya, Ku Li tidak lawan Presiden UMNO, tapi dia lawan juga. Sudah tiga kali dia lawan: 1981 sekali 1984 sekali lagi. Dua kali kalah lawan Timbalan Presiden, 1987 lawan Presiden, kalah juga. Ini bererti ahli UMNO tidak mahu lagi anak raja jadi Presiden dan Perdana Menteri. Takkan Ku Li dan pengikutnya tak faham juga. Mereka sudah serik dengan apa yang sudah dilakukan oleh Tunku. Semua tak pa..., tak pa.... Kata Tunku, kita mesti bertolak ansur. Orang tolak kita ansur ..., orang tolak kita ansur ..., orang tolak lagi... kita ansur lagi..., bangsa dan pulau Singapura diserahkan pada orang pun, tak pa juga dan bertolak ansur lagi. Besok kalau Ku Li jadi PM, pulau dan negeri mana pula?

Ada kawan saya bercerita, benar atau tidak, saya belum dapat pastikan lagi. Katanya, dengan menyedari semua ini maka ada golongan dalam UMNO saja ada-adakan Team A dan Team B supaya Ku Li boleh terkeluar dari UMNO. Mereka saja acah-acah dan suruh Ku Li lawan

Presiden. Mereka kipas Ku Li cukup-cukup. Anak rajalah, bila sudah kena kipas, mana boleh tak hot. Hot punya pasallah sanggup kampung tergadai. Yang penting menang sorok. Tengoklah strategi mereka yang cukup halus. Akhirnya siapa yang kena main. Ku Li terkeluar dari UMNO kerana derhaka lawan Presiden. Bila Ku Li dah keluar mereka kipas lagi, Ku Li betul-betul hot. Member-member, brother-brother keliling pinggang bilang pada Ku Li "***Ku Alang-alang seluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan, alang-alang berdakwat biar sampai hitam***". Siapa yang hitam sekarang kalau bukan Ku Li? Ku Li sudah jadi hitam dalam politik tanah air. Kasihan Ku Li. Ku Li jadi macam orang yang gila kuasa, nasib baik belum beristeri, kalau tidak jadi macam Marcos. Ku Li terjerumus dalam "***the black hole of Malaysian Politics***". Kasihan Ku Li, namun ada juga yang sempat berkata, "Si Luncai terjun dengan labu-labunya, Biarkan..... Biarkan...".

Sebelum parti Semangat 46 didaftarkan, Mahathir pernah menawarkan Ku Li kembali ke pangkuan UMNO. Mahathir sanggup terima Ku Li jadi menteri semula demi perpaduan umat Melayu, demi untuk mententeramkan politik tanahair, tapi Ku Li dijerang sampai mendidih supaya menolak tawaran Perdana Menteri itu. "Lawan Ku, bedal Ku, hentam, kita lawan sampai habis. Kita bakar jambatan. Kerana yang diterima jadi Menteri, Ku Li saja. Rais Yatim yang sudah bakar jambatan, tidak. Anak raja saja yang layak jadi Perdana Menteri berlawan habis-habisan. Padahal pengikutnya tahu, dunia tak kenal Tengku Razaleigh Hamzah, dunia kenal Mahathir. Dalam hati kecil Ku Li akui kehebatan Mahathir, tapi sebagai pemimpin parti lawan dia mesti tentang Mahathir habis-habisan tanpa belas kasihan.

Ku Li mudah percaya dengan budak-budaknya. Ku Li tak tahu ada orang-orang tertentu yang menganggotai parti itu untuk acah-acah saja. Nanti bila dah dekat-dekat pilihanraya, mereka ini akan mainkan Ku Li. Sesudah itu

akan terkuburlah parti Semangat 46 seperti juga terkuburnya Parti Negara dan lain-lain parti serpihan yang dihidupkan semata-mata kerana emosi dan nak balas dendam. Ku Li tentu masih ingat, saya datang ke pejabatnya tahun 1984 seminggu sebelum pertandingan. Saya hadiahkan 10 naskhah buku "**PERDANA MENTERI YANG KELIMA**". Saya ingatkan Ku Li, jangan bertanding kerusi Timbalan Presiden, tapi bertandinglah kerusi Naib saja. Ada beberapa orang menteri dan timbalan menteri bersama-sama di biliknya waktu itu. Ku Li lebih suka ikut cakap penasihatnya. Apa jadi sekarang? Namun, masih belum terlambat. Ku Li kena berjiwa besar. Sesat di hujung jalan balik ke pangkal jalan. Pintu taubat masih belum tertutup lagi. Orang Melayu terkenal dengan sifat sedia lupakan yang lalu dan sedia bermaaf dan memaafkan.

13

DITELAN MATI EMAK....

"NEGARA ITU IALAH DIRI, DAN DIRI ITU IALAH NEGARA"

Socrates

BERDIRINYA pemerintahan ialah demi menjamin kemerdekaan, keamanan, wilayah negara serta masyarakatnya.

Semua manusia di dalam negara kita ini bebas dan merdeka. Kecuali mereka yang di dalam Penjara Pudu dan lain-lain penjara di dalam negara ini atas berbagai kesalahan jenayah ataupun kesalahan sivil, dan mereka yang berehat untuk sementara waktu di Kem Tahanan Kamunting kerana tindakan mereka yang cuba menggugat keamanan awam dan keselamatan negara.

Setiap warganegara Malaysia bebas dan merdeka untuk bertindak dan melakukan apa saja yang dirasanya baik di dalam perjalanan hidupnya. Dia merdeka untuk menyatakan fikirannya selagi apa yang dikatakannya itu tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dia juga merdeka untuk menganut mana-mana agama ataupun ideologi politik kecuali

apa yang telah diindoktrinasikan oleh Karl Marx yang dipanggil ideologi komunis.

Bagi orang Islam, mereka juga merdeka melakukan apa sahaja yang difikirkan boleh memuaskan hati selagi tindak-tanduknya itu tidak terkeluar dari hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh syarak, serta mana-mana peruntukan dalam undang-undang pentadbiran agama Islam di dalam sesuatu negeri tempat dia bermastautin.

Namun ada juga orang Islam, baik di dalam negara ini mahupun di negara-negara lain yang mentafsirkan kemerdekaan asasi individu mengikut cara-cara mereka yang tersendiri. Jadi tidak hairanlah kalau mereka ini banyak mengerjakan perbuatan-perbuatan mungkar mengikut pandangan pihak yang berkuasa, sedangkan apa yang mereka buat tidak bersalah dan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya.

Tiada dosa yang tidak akan diampunkan oleh Allah SWT melainkan dosa orang yang menyengutkannya. Pokoknya, walau apa pun perbuatan mungkar yang dilakukan oleh seseorang itu, dia tetap menjadi golongan Muslimin selagi dia menyembah tiada yang lain melainkan Allah.

Sesungguhnya hubungan manusia hanyalah dengan Allah. Manusia tidak boleh menyembah yang lain dan tidak boleh meminta ampun atas dosa-dosa yang telah dilakukannya kecuali dari Allah SWT. Manusia tidak mempunyai payung yang lain untuk berlindung selain dari Allah. Pejuang-pejuang di dunia ini sekadar payung sementara. Manusia memerlukannya untuk berlindung dari panas dan hujan. Kiranya ada benda-benda yang dapat menyelamatkan dari hujan dan panas payung tak diperlukan lagi.

Kemerdekaan manusia menurut Islam dihimpunkan ke dalam kekuasaan Allah. Oleh kerana itu maka, merdeka dengan tidak ada himpunan, merdeka mengikut kepala

sendiri, tidak memperdulikan orang lain, tidak menghormati undang-undang yang telah diterima oleh masyarakat adalah tidak disukai oleh Allah. Bertambah lanjut usia manusia itu bertambah lanjutlah lagi kematangan fikirannya. Dan mereka yang telah matang sentiasa dalam perjalanan mencari kebenaran.

Namun begitu, hakikat yang sebenarnya ialah tidak ada kemerdekaan dalam alam ini. Setiap manusia yang berkuasa, walau ia seorang diktator sekalipun tidak juga boleh dikatakan merdeka dan berkuasa sepenuhnya. Bagi seseorang yang berkuasa dalam negara yang berdemokrasi, kuasanya terbatas oleh undang-undang, bagi raja-raja dalam Perlembagaan, mereka tidak boleh melakukan mengikut apa yang mereka suka kerana ada undang-undang negara, undang-undang adat dan *common law* yang membataskan kehendak mereka itu. Begitulah juga dengan seorang diktator yang atas sifatnya sebagai seorang manusia terpaksa akur kepada kehendak alam. Contohnya ialah Firaun yang akhirnya tertewas dalam pencariannya kepada kuasa. Sesungguhnya seluruh isi alam ini tunduk kepada peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh Allah SWT tatkala Dia mencipta bumi dan planet serta cakrawala-cakrawala yang lain yang bergerak di dalam alam ini. Jika peraturan itu tidak lagi dipatuhi maka bina-salah alam ini. Dan itulah yang dikatakan peraturan alam yang telah ditentukan oleh Tuhan, atau dalam perkataan lain disebut Hukum Alam.

Oleh itu manusia sama ada yang mempunyai kuasa politik atau apa jua kuasa yang telah diberikan kepadanya hendaklah senantiasanya patuh kepada peraturan serta hukum-hukum yang telah ditetapkan. Cuba anda lihat di atas langit. Matahari, bulan, bintang-bintang dan bumi yang kita huni ini yang jauh lebih besar dari seorang Perdana Menteri ataupun seorang Raja ataupun seorang rakyat, tidak juga merdeka dan boleh bergerak-gerak sendiri-sendiri ataupun keluar dari orbit yang telah ditentukan.

Maka apakah yang akan terjadi sekiranya matahari, bulan, bintang dan bumi tidak lagi mematuhi Hukum Alam. Allah berfirman dalam Al-Quran:

'Dan apabila bulan telah hilang cahayanya, dan matahari dan bulan dikumpulkan, pada hari itu manusia berkata: 'Ke manakah tempat harus mereka selamatkan diri'.'"

(Quran: Surah Al-Qiyamah
8—10)

Ayat di atas menunjukkan betapaanya akan hancur bumi ini bila matahari dan bulan dikumpulkan, iaitu yang mana tidak lagi dipisahkan seperti mana yang lazim terlihat dalam hukum alam.

Begitulah halnya dengan seorang pemimpin ataupun seorang raja yang tidak lagi mahu patuh kepada undang-undang negaranya. Negeranya itu sudah tentu akan hancur bila akhirnya rakyat bangkit untuk memberontak.

Kemerdekaan yang sihat mempunyai hak dan mempunyai kewajiban. Ada benda yang menjadi milik anda dan ada benda yang menjadi milik orang lain. Ikan tidak merdeka untuk keluar dari air. Dan binatang-binatang yang hidup di dalam hutan belantara tidak merdeka untuk cuba hidup seperti binatang peliharaan manusia. Kalau mahu dicubanya juga maka rosaklah kemanusiaannya.

Sebab itulah mengikut ajaran agama kita yang suci ini, segala-galanya di dalam dunia ini, dari zarah yang sekecil-kecilnya hinggalah kepada jisim yang sebesar-besarnya sekali pun, terpaksa tunduk kepada sesuatu hukum ataupun peraturan. Bagi orang Islam, inilah yang dikatakan sebagai 'Sunnatullah'. Mereka yang bukan Islam pun tahu dan percaya pada hukum-hukum ini. Namun mereka tidak mengatakan itu sunnatullah tapi menyebutnya sebagai 'tabii' ataupun 'Natural Law'.

Hukum alam ditentukan oleh Allah dan hukum manusia juga ditentukan oleh Allah yang disampaikan kepada manusia menerusi wahyu. Nabi Muhammad SAW adalah Rasul atau pesuruh Allah yang ditugaskan untuk menyampaikan undang-undang tersebut kepada sekalian manusia. Namun oleh kerana jumlah manusia ini terlalu ramai dan mereka pula merdeka untuk berfikir mengikut apa yang difikirkan sebagai kebenaran, maka masih adalah manusia-manusia yang menghuni dunia ini yang menganuti berbagai agama termasuklah juga agama Kristian yang dibawa oleh Nabi Isa AS. Walaupun agama itu sudah tidak lagi diiktiraf dengan adanya agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah.

Di Eropah misalnya, agama Islam yang dibawa ke sana hampir tiga abad selepas wafatnya Nabi Muhammad SAW telah menerima tentangan yang hebat dari para penganut agama Kristian. Apabila Perang Salib terjadi, Sepanyol yang dikuasai oleh kerajaan Islam jatuh ke tangan tentera Kristian yang kemudiannya menakluki kubu terakhir Islam di Byzantium.

Kegagalan Islam di Eropah bukan sahaja disebabkan oleh penaklukan malah kerana kegagalan penganut-penganut Islam di Eropah itu sendiri.

Kekuasaan yang berlebih-lebihan dari para pemimpin agama atas kepercayaan ummah dan kedaulatannya yang tiada terbatas di dalam menentukan kehidupan, bahkan sampai menentukan soal-soal yang berkaitan dengan dosa dan pahala turut melemahkan Islam di Eropah. Malah raja-raja juga telah turut memainkan peranan yang turut merugikan Islam dengan membataskan kemerdekaan berfikir. Dan mereka juga telah menggunakan kuasa pemerintahan yang ada di tangan mereka dengan sewenang-wenangnya.

Dalam kekalutan ini lahirlah seorang kanak-kanak di tahun 1484 yang bernama Martin Luther. Beliau telah

mempelajari segala isi kitab Injil. Sesudah diselidikinya rahsia agama itu sedalam-dalamnya, maka timbullah satu pendirian yang baru bagi dirinya. Manusia besar yang digelar raja agama, yang selama ini berkuasa mengangkat dan menurunkan raja, atau menghukum manusia dan mengecap mereka sebagai murtad dan yang dilihat sebagai seorang 'Manusia Suci' adalah sebenarnya manusia biasa juga yang tidak sunyi dari dosa. Pendedahan di atas penemuan kebenaran itu telah menyebabkan Eropah bersengketa hampir satu abad lamanya.

Kemudian di penghujung abad ke-17 lahir pula seorang ahli politik yang bernama Montesquieu. Beliau telah mengemukakan satu teori yang memisahkan tiga kekuasaan dalam negara. Teori yang dikenali sebagai 'Trias Politica' mencadangkan pemisahan di antara penggubal, pelaksana undang-undang dan mereka yang menghakimkan undang-undang itu. Ini dilihat sebagai amat berlawanan dengan amalan pemerintah dan gereja pada masa itu yang diketuai oleh Kardinal, Raja dan Perdana Menteri yang telah menyumbatkan beribu-ribu rakyat ke dalam Penjara Bastille, di Perancis, kerana dituduh sebagai menentang fahaman kerajaan. Kekejaman inilah yang telah menyebabkan berlakunya Revolusi Perancis.

Jean Jacques Rousseau yang juga lahir di zaman ini telah turut menyumbangkan pemikiran-pemikiran baru dalam pencarian kebenaran. Menurutnya, manusia itu lahir dengan jiwa yang sebersih-bersihnya. Hanya masyarakat sahaja yang akan menentukan nasibnya. Idea ini juga adalah satu-satunya pemikiran yang amat bercanggah dengan fahaman gereja.

Di samping itu di Amerika juga tercetus satu revolusi yang cuba melepaskan diri dari penjajah.

Dengan tercetusnya revolusi-revolusi ini yang memperlihatkan bibit-bibit manusia mencari kebenaran, maka

kekuasaan gereja pun terpisahlah dari kekuasaan politik. Persamaan tiga bangsa mengambil sikap. Perancis membawa hak-hak manusia dan menjadikannya dasar dari revolusi. Revolusi Amerika membawa demokrasi. Sementara Inggeris melahirkan 'individualism' yang mengemukakan kemerdekaan berfikir dan kemerdekaan berusaha bagi individu. Maka dengan itu berpindahlah kekuasaan dari tangan raja ke tangan ulamak dan kemudiannya ke tangan rakyat.

Namun bagi manusia-manusia yang masih berada di luar gagasan revolusi ini, kekuatan raja atau pemimpin dirasakan sebagai kekuatan yang luar biasa. Kekuatan ini sebenarnya adalah satu kekuatan kumpulan dan bukan kekuatan individu. Para pemimpin dan raja-raja di zaman itu serta kuncu-kuncu mereka merasakan perlu memelihara kumpulannya dari bahaya-bahaya yang ditakuti. Sedikit demi sedikit, maka timbullah rasa kagum dan hormat yang tidak ada taranya di hati mereka yang dipimpin ataupun pengikut yang dikatakan sebagai rakyat.

Apabila seorang pemimpin atau raja telah mati, baru lah mereka yang memujanya sedar bahawa bukan tubuh si mati itu yang penting, yang mempunyai kekuatan, melainkan nyawa dan rohnya. Rupa-rupanya di situlah letaknya hormat dan takluk yang menyebabkan ia dan roh pemimpin yang telah mati itu dipuja, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa puji-pujian itu timbul dari rasa takut mereka kepada musuh yang lain kerana mereka telah menggantungkan hidup padanya. Dan kadang-kadang juga timbul rasa cinta atau rasa kesepian sejak dia tidak ada lagi disebabkan sesuatu keperluan dan kerinduan.

Tapi lama kelamaan, pemimpin yang dianggap kuat dan berkuasa itu akhirnya tidak lagi dirasakan begitu.

Kekuatan pemimpin adalah kekuatan yang '*superficial*' ataupun kekuatan luaran yang didokongi oleh orang yang

dipimpin. Mereka tahu mereka lebih kuat. Sesungguhnya inilah yang telah berlaku dalam revolusi-revolusi Perancis, Rusia, China dan Iran. Di dalam kes-kes yang lain pemimpin-pemimpin yang dulunya ditakuti dan disanjung akhirnya menjadi tidak lebih dari lambang-lambang yang tidak mempunyai kuasa atau peranan yang benar-benar dominan terhadap orang-orang yang dipimpin.

Di dalam sejarah umat Islam, hanya Nabi Muhammad SAW sahaja yang kepimpinannya tidak dipertikaikan samasekali. Baginda yang boleh disifatkan sebagai orang yang telah melahirkan revolusi insani yang paling besar di dalam mencari pegangan.

Baik semasa hayat baginda masih ada mahupun setelah baginda wafat selama lebih kurang 1400 tahun yang silam, Rasulullah bukan sahaja merupakan lambang umat Islam, bahkan peranannya sebagai pemimpin yang dominan terhadap jutaan umat Islam masih lagi dirasakan hingga ke saat ini.

Sesungguhnya kelahiran Nabi Muhammad SAW, seorang anak yatim yang tidak pandai membaca dan menulis dan yang hanya terdidik dalam sebuah perkampungan kecil Badui, telah berjaya menyelesaikan masalah manusia mencari kebenaran.

Baginda telah merumuskan segala persoalan-persoalan yang bertolak dari masalah ini yang telah dibawa oleh para Nabi dan rasul serta ahli-ahli falsafah yang terdahulu daripadanya.

Namun demikian pengaruh agama Kristian dengan ajaran yang telah diselewengkan dari ajarannya yang asas yang dibawa oleh Nabi Isa AS. masih lagi mendapat tempat di kebanyakan dunia Barat.

Di Rusia misalnya, rakyat yang hidup dalam zaman sebelum revolusi masih begitu terpukau dengan agama

Kristian yang mereka anuti. Ini menyebabkan beratus-ratus pendita termasuk Rasputin telah hidup dengan memeras rakyat. Penderitaan rakyat Rusia di zaman ini telah digambarkan dengan sejelas-jelasnya dalam novel **'War dan Peace'** karya Graaf Leo Tolstoy.

Dalam kekalutan inilah lahirnya Karl Marx di Jerman yang turut menyumbangkan buah fikiran manusia yang hendak mencari kebenaran dan mencipta masyarakat yang lebih sempurna. Bagi Marx **"agama itu tidak lebih dari dongeng buatan manusia"**. Marx juga mengatakan bahawa **"agama itu adalah dadah kepada masyarakat"**.

Antara lain, mereka yang telah begitu terpengaruh dengan ajaran Marx ini termasuklah Lenin, Trotsky, Rade, Kalimin dan Stalin. Mereka inilah juga yang bertanggungjawab mencetuskan revolusi Rusia hingga terhapusnya peranan agama dalam pemerintahan Czar dan malah kerajaan beraja Czar juga turut terlepas. Dengan yang demikian, gelaran-gelaran yang menunjukkan kebesaran manusia seperti "Sri Baginda Yang Maha Mulia, Sri Paduka Tuan Besar, Sri Paduka Bapa Yang Bijaksana", semuanya turut terhapus.

Proses revolusi manusia mencari kebenaran ini belum lagi berakhir selagi manusia semuanya belum Islam dan selagi orang Islam tidak akur kepada ajaran Islam.

Sejarah telah memperlihatkan kejatuhan demi kejatuhan pemimpin yang tidak menghormati kehendak rakyat.

Apakah ada kebenarannya pada kata-kata Hamka ini: "Daya upaya tidak dapat menahan gelora rakyat. Suara rakyat ialah suara Tuhan".

Sama-samalah kita fikirkan, sesungguhnya kita ini masih lagi dalam kegawatan-kegawatan mencari kebenaran.

14

S.H. ALATTAS JADI SASARAN

oleh K. T. TOOLY

Tulisan di bawah ini ditulis oleh K. T. Tooly dan telah disiarkan dalam *Mingguan Kota* pada 17/9/1989, sebagai reaksi terhadap Tulisan Zakry Abadi yang disiarkan dalam *mingguan* tersebut sebelumnya.

Pembaca dapat menilai sendiri sejauh mana kebenaran tulisan K.T. Tooly ini yang membuat ulasan terhadap ulasan Zakry Abadi. Saya tidak menjawab tulisan Zakry secara khusus dalam buku ini kerana dia tidak menyentuh peribadi dan salasilah asal-usul saya seperti yang dilakukan oleh Ahmad Mokhtar. Sebagai seorang penulis, saya sentiasa bersedia menerima sebarang kritikan, tapi kritikan itu biarlah konstruktif.

Jika apa yang saya tulis itu baik maka itu adalah kehendak Allah Taala, kiranya tidak baik maka itu adalah kekurangan dan kelemahan saya sendiri.

— S.H. Alattas

TERTARIK juga hati saya untuk memberikan sedikit pandangan mengenai ulasan Zakry Abadi terhadap buku-buku S. H. Alattas yang telah disiarkan dalam *Mingguan Kota* bulan lalu. Ini kerana saya dapati ulasan itu sendiri terlalu banyak terdapat kekeliruan dan kesalahan.

Entah untuk tujuan apa, Zakry Abadi telah memberikan definisi ilmu pengetahuan. Mungkin untuk menambah bobot penulisan atau untuk menampakkan ciri-ciri ilmiah meskipun tulisan/ulasannya itu tidak cukup ilmiah.

Zakry Abadi tidak betul apabila ia cuba mengkategorikan buku-buku S. H. Alattas sebagai buku ilmiah. Buku-buku S. H. Alattas lebih tepat dikategorikan sebagai buku-buku politik popular. Dan kenyataannya memang begitu. Buku-buku politik yang ditulis oleh S. H. Alattas memang popular, punya peminat tersendiri dan laris melebihi buku-buku politik popular oleh penulis-penulis yang lain termasuk Yahya Ismail. Siapa dapat menafikan kenyataan ini? Tidak mudah untuk dapat menjual buku di negara ini yang naskahnya boleh mencapai 30,000 hingga 50,000 naskah seperti buku-buku S. H. Alattas, bukan?

Zakry Abadi telah mempersoalkan bahasa yang digunakan oleh S. H. Alattas di dalam buku-bukunya. Antara lain Zakry menulis begini: "Bahasa sebagai alat komunikasi di dalam buku-buku S. H. Alattas ini hampir-hampir tidak memenuhi standard bahasa yang terbaik." (lihat MM, 27/8/89). Dan di perenggan lain Zakry mengatakan, "... bahasa yang digunakannya mengikut sedap mulutnya saja."

Nah, sekali lagi Zakry Abadi salah membuat penilaian. Bahasa yang digunakan oleh S. H. Alattas dikatakan tidak memenuhi standard bahasa yang terbaik dan digunakan mengikut sedap mulutnya saja. Di sinilah kesalahan Zakry, yang menampakkan Zakry sendiri tidak memahami konsep komunikasi.

Sesiapa pun pasti akan akur bahawa buku-buku S. H. Alattas bukanlah buku-buku ilmiah. Malah S. H. Alattas sendiri, saya percaya akan akur mengenai hal ini. Sebenarnya di sinilah pandainya S. H. Alattas. Dia tidak menggunakan bahasa baku dan menulis mengikut mu-

lutnya saja, tidak lebih dari itu. Kalau dia cuba-cuba lebih dari itu, cuba-cuba mahu berlagak ilmiah, penulis dan bukunya akan gagal muncul sebagai penulis seperti sekarang ini.

S. H. Alattas menulis tidak menggunakan bahasa baku dan mengikut sedap mulutnya saja. Bagus. Itu satu pilihan yang tepat. Ini menunjukkan S. H. Alattas cukup memahami teknik komunikasi dan tahu pula siapa "target readers"-nya. Dia menulis dengan gaya bahasa yang paling mudah difahami hatta oleh pemandu teksi seperti dia bercerita sendiri dengan menggunakan medium mulutnya.

Inilah kebolehan S. H. Alattas, yang boleh juga dikatakan sebagai kelebihanannya. Mungkin tanpa disedari-nya, dia telah menggunakan teknik komunikasi melalui bahasa biasa dengan gaya bercerita. Justeru inilah yang telah menambat minat orang untuk membaca buku-bukunya. Teknik komunikasi seperti ini seringkali meninggalkan kesan yang mendalam, kerana ia amat komunikatif dan efektif dan akrab dengan pembacanya. Lebih-lebih lagi si penulis punya keberanian yang tidak dimiliki oleh penulis yang lain di samping memaparkan fakta-fakta yang tidak diketahui oleh orang kebanyakan.

Zakry Abadi sewajarnya tidak menyentuh soal bahasa ini, kerana bahasa yang digunakan olehnya sendiri dalam ulasannya itu banyak sekali terdapat kesalahan. Di bawah ini saya petik satu contoh kesalahan bahasa yang digunakan oleh Zakry dalam ulasannya itu:

"Apakah kerana buku-bukunya dibaca oleh potensi-potensi politik di kalangan generasi muda sampai kepada Perdana Menteri...."

"Potensi" diambil dari bahasa Inggeris "Potency", iaitu perihal kuat atau mampu; kesanggupan; kekuatan; kemampuan. Tetapi Zakry telah menggunakannya dalam struktur ayat yang tidak betul. Cubalah para pembaca gantikan

"potensi-potensi" di dalam ayat Zakry itu dengan "kesanggupan" atau "kekuatan" atau "kemampuan". Bagaimana? Jadi begini: "Apakah kerana buku-bukunya dibaca oleh *kesanggupan-kesanggupan* politik di kalangan generasi muda sampai kepada Perdana Menteri"

Yang betul, paling ringkas ayat itu haruslah ditulis begini: "Apakah kerana buku-bukunya dibaca oleh generasi muda yang berpotensi dalam politik ..." Dan satu lagi contoh kesalahan bahasa oleh Zakry, cuba baca petikan ini: "... kebanyakan buku-buku yang ditulis oleh S. H. Alattas ini mempunyai readersnya sendiri, terutamanya...." Ini jelas bukanlah bahasa Malaysia baku seperti yang dituntut oleh Zakry kepada S. H. Alattas, tetapi bahasa rojak.

Selain itu terdapat banyak sekali kesalahan ejaan dalam ulasan/tulisan Zakry menurut sistem ejaan bahasa Malaysia baku. Contoh: introduksion, qualiti, journalistik, business, hipotisis.

Zakry Abadi juga telah menyentuh soal moral dan legal dengan mempersenda-sendakan keberanian S. H. Alattas sebagai "buta" di dalam keberaniannya. Kita percaya S. H. Alattas telah memikirkan akibat dari keberaniannya menulis - sebelah kakinya di dalam penjara dan dia mempertaruhkan nyawanya sendiri. Ugutan-ugutan oleh orang-orang politik mungkin sudah lumrah baginya.

Menyentuh soal moral, Zakry seperti tidak gemar S. H. Alattas menulis dan menyiarkan gambar-gambar yang boleh menjatuhkan moral politikus kita. Kerana itulah Zakry mahu si penulis perlu juga ada disiplin moral. Zakry lupa bahawa para pemimpin adalah "public figure" yang harus selalu disorot kegiatan dan diri mereka, terlepas dari soal sama ada si penulis "bergembira dengan penderitaan yang ditanggung oleh orang lain akibat dari penulisannya". Para pemimpin yang bejat moral, sepatutnyalah dipaparkan kepada rakyat. Kerana apakah kita mahu dipimpin oleh para pemimpin yang bejat moralnya, yang korup, kaki judi,

kaki minum, kaki betina? Sudikah kita mempertaruhkan masa depan kita dan anak cucu kita di tangan para pemimpin yang semacam itu?

Sekali lagi kita angkat topi kepada S. H. Alattas kerana keberaniannya. Di sinilah terletak tanggungjawab penulis terhadap masyarakat seperti yang diperjuangkan oleh Asas 50 - seni untuk masyarakat, bukan seni untuk seni. Keberanian seperti inilah yang kita tuntut terhadap semua penulis. Negara kita adalah negara yang memegang keadulatan undang-undang. Kalau apa yang ditulis itu tidak benar, hanya bertujuan untuk memalukan seseorang, bukankah ada hakim dan mahkamah untuk memberikan keadilan. S. H. Alattas juga rakyat biasa yang boleh diseret ke mahkamah dan dijatuhi hukuman, sekiranya dia didapati tidak benar atau bersalah.

Datuk Musa telah menggunakan haknya di segi undang-undang terhadap S. H. Alattas. Tetapi hanya sekadar menahan buku "Siapa Lawan Siapa (Challenger)" daripada diedarkan di pasaran. Kenapa Datuk Musa tidak bertindak lebih jauh dari itu, sekiranya apa yang ditulis oleh S. H. Alattas itu tidak benar dan memalukan dirinya.

Semua penulis berhak menulis menurut pertimbangannya berdasarkan kemampuan masing-masing - kemampuan dari segi maklumat yang diperolehinya dan keberaniannya. Tetapi Zakry Abadi seperti lupa bahawa pembaca (masyarakat) juga berhak mendapatkan maklumat. Setakat ini S. H. Alattas nampaknya dapat memenuhi kehendak pembaca untuk mendapatkan maklumat.

Di akhir ulasan Zakry Abadi, ia meninggalkan soalan: "Adakah buku-buku jenis ini tergolong di dalam kategori 'buku sebagai sumber ilmu pengetahuan'?" Nah, kita ingin bertanya pula kepada Zakry: Adakah Proton Saga boleh disamakan dengan BMW, yang dapat dikategorikan sebagai kereta jenis mewah? Baguslah kiranya Zakry mahu mengakui Proton Saga kini laris dan popular.

W. S. Renda

KUPANGGIL NAMAMU

Sambil menyeberangi sepi
kupanggil namamu, wanitaku.
Apakah kau tak mendengarku?

Malam yang berkeluh kesah
memeluk jiwaku yang payah
yang resah
kerana membererontak terhadap rumah
memberontak terhadap adat yang latah
dan akhirnya tergoda cakrawala.

Sia-sia kucari pancaran sinar matamu.
Ingin kuingat lagi bau tubuhmu
yang kini sudah kulupa.
Sia-sia.
Tak ada yang bisa kujangkau.
Sempurnalah kesepianku.

Angin pemberontakan
menyerang langit dan bumi.
Dan dua belas ekor serigala
muncul dari masa silam
merobek-robek hatiku yang celaka.

Berulang kali kupanggil namamu.
Di manakah engkau, wanitaku?
Apakah engkau juga menjadi masa silamku?
Kupanggil namamu.
Kupanggil namamu
kerana engkau rumah di lembah.
Dan Tuhan?
Tuhan adalah seniman tak terduga
yang selalu sebagai sediakala
hanya memperdulikan hal yang besar saja.

Seribu jari dari masa silam
menuding kepadaku.
Tidak.
Aku tak bisa kembali.

Sambil terus memanggil namamu
amarah pemberontakanku yang suci
bangkit dengan perkasa malam ini
dan menghamburkan diri ke cakrawala
yang sebagai gadis telanjang
membukakan diri padaku.
Penuh dan perawan.

Keheningan sesudah itu
sebagai telaga besar yang beku
dan aku pun beku di tepinya.
Wajahku. Lihatlah wajahku.
Terkaca di keheningan.
Berdarah dan luka-luka
dicakar masa silamku.

(Dipetik dari kumpulan sajak W.S.Renda berjudul
Blues untuk Bonnie).



Syed Hussain Al-Atas
14-C, Lorong Medan Tunku Satu
Off Jalan Tuanku Abdul Rahman,
50300 Kuala Lumpur.

Syed Hussain

Saya merujuk didalam buku karangan Syed 'Siapa Lawan Siapa', muka surat 336, berkenaan dengan perbincangan Syed dengan seorang Cina bernama Lee, yang disebutkan, "Dimana Negara Amerika, Canada, Britain, dan Australia, Orang-Orang Cina boleh jadi rakyat yang setia didalam negara-negara yang mereka duduki itu, dan tidak pernah dengar tuntutan-tuntutan mereka disana".

Kondaan disana berlainan, orang-orang Cina didalam negara-negara tersebut dan orang-orang Cina di Malaysia beranya sebagai Harimau dengan Kucing. Di Malaysia orang-orang bangsa lain sama banyak dengan orang-orang Melayu. Bangsa Melayu telahpun tersepit dan sudah hendak lenyap dalam negerinya sendiri. Saya rasa tidak ada lain jalan hendak menyelamatkan bangsa untuk terlepas daripada penjajah British, dan British tidak akan beri merdeka oleh kerana tanggungjawabnya terhadap bangsa-bangsa lain. Dengan itu tidak ada jalan lain hendak merdekakan Tanah Melayu melainkan dengan berontak atau pun dengan cara perdamaian. Kita tahu, kita tidak ada senjata, dan tidak ada semangat untuk berjuang. Hanya satu jalan sahaja iaitu jalan perdamaian, dengan jalan itulah kita turik orang-orang Cina, India dan lain-lain bangsa yang duduk di Tanah Melayu untuk menyebelahi kita, dan kita mengaku akan beri hak kepala mereka sekiranya kita merdeka. Inilah hak yang mereka dapat yang diberikan kepada mereka oleh orang-orang Melayu.

Sekarang orang-orang Melayu sudah dapat apa yang dikehendaki, tetapi janganlah kita lupa perjanjiannya yang kita buat. Sebenarnya Amerika dan Britain memberi tempat kepada mereka dengan cara kasih dan rahim untuk menduduki didalam negara-negara itu, dan apakah hak mereka boleh menuntut. Sekiranya tidak berpatuh kepada undang-undang negeri, mereka akan dihantar balik ke negeri mereka yang asal. Keadaan negeri Amerika dan Britain sebagai Harimau dan keadaan kita macam Kucing, tidak harus dibanding negeri kita dengan negara-negara itu.


Banyak lagi buku-buku yang keluar dari buku Syed yang tidak sedap dengar, berkenaan hal peribadi orang lain. Tiap-Tiap penulis mahulah ada tujuan yang baik dan ikhlas. Saya sendiri telah pun menjadi Pengerusi akhbar 'The Star', dan saya keluaran buku-buku dan tulisan-tulisan dan saya berdoa kehadiran Allah S.W.T. pohon diberi akal fikiran kepada saya untuk menulis supaya apa yang saya tulis itu adalah yang boleh menjadi guna kepada bangsa saya dan penduduk-penduduk yang taat setia kepada negeri ini, bahawa dengan

Tuanku Abdul Rahman Putra A.Haj (DMN. CH)

16, Jalan Air Rajah, 10150 Pulau Pinang, Tel. 172476
1, Jalan Tunku, 50480 Kuala Lumpur, Tel. 2981914

Inilah yang saya tulis. Saya kenal Syed dari kecil, yang saya ingat semasa Syed berkawan dengan anak angkat saya Syed Abdullah Parakabah. Oleh itu saya berharap gunalah tulisan Syed yang bijak untuk faedah bangsa, agama dan negara, bukan untuk mencaci dan mencerca peribadi orang lain dengan tidak ada sebabnya.

Sekian.

A handwritten signature in cursive script, appearing to read 'Tunku Abdul Rahman Putra', with a horizontal line underneath.

(Tunku Abdul Rahman Putra)



Tengok tu tengok, tengok, nak bukti macam mana lagi? Orang yang sudah dua kali pencen, sudah betul-betul uzur pun 46 usung sana sini. Kalau nak menang pilihanraya pun janganlah seksa dan berlaku zalim pada orang tua-tua macam ini. Gunakanlah orang muda-muda. Ini menunjukkan Semangat 46 sudah tidak berperikemanusiaan lagi. Macam mana kalau mereka perintah negeri ini nanti, orang yang sudah mati dalam kubur pun mereka akan bangunkan dan suruh bekerja untuk kepentingan mereka. Kasihan Tunku.



Tidak kasihan ke melihat **Bapa Malaysia** yang sudah tua, uzur, berjalan pun tak boleh, masih juga diperniagakan oleh Semangat 46. Kalau orang tua macam Tunku ini, mereka boleh perniagakan untuk kepentingan diri, macam mana nasib rakyat dan negara? Kalau golongan serpihan inilah yang akan ambil alih negara, apa akan jadi pada rakyat? Sepatutnya bapa kita, kita suruh duduk di rumah baik-baik. Ini kerja karut...hanya orang yang karut saja yang sanggup buat. (Gambar di hari penamaan calon Ampang).



Seorang ibu yang dikelilingi oleh anak-anak gadis yang manis bertutup kepala, mengikuti perintah Allah. Alangkah baik sekiranya Datin Sri Dr. Siti Asmah, isteri kepada Presiden UMNO, pertubuhan Islam yang terbesar di Malaysia bertudung sama. Tapi kalau Kak Asmah fikir rambutnya cantik dan sayang nak ditutup, itu hak dia. Suka hati Kak Asmah... Biar bagaimanapun, saya suka nak menyanyikan sebuah lagu untuknya: 'Nona, nona, zaman sekarang. Tak boleh ditegur, tak boleh dilarang. Rambutnya pendek, hatinya girang. Pak Imam memandang tentu naik berang.'

PENUTUP

Sesudah itu, Kamu sekalian benar-benar akan mati. Kemudian, sesungguhnya kamu sekalian akan dibangkitkan (dari kuburan) di hari kiamat.

(Al-Mukminun: 15-16)

Dari-Nya kita datang dan kepadanya kita akan kembali. Kita diutuskan oleh Allah bersama para jin semata-mata untuk menyembah-Nya. Oleh itu tak kiralah siapa kita ini, dari serendah-rendah seorang manusia peminta sedekah yang hidupnya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, sehinggalah setinggi-tinggi seorang raja yang kaya-raya dan berkuasa. Kita ini tak lebih dari seorang hamba yang kerdil dan daif tidak berdaya dan berupaya melainkan dengan kehendak-Nya jua.

Tuhan telah menjadikan kita dari segumpal air mani yang hina. Dan itulah asal kejadian kita yang sebenarnya. Hidup dan mati kita ini adalah untuk Allah semata-mata. Sesungguhnya inilah janji kita kepada Allah SWT tatkala kita masih lagi berada di dalam kandungan ibu.

“Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa

mereka (seraya berfirman): 'Bukankah Aku ini Tuhanmu?' Mereka menjawab: 'Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi'. (Kami lakukan demikian itu agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: 'Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan)."

Atau agar kamu tidak mengatakan: 'Sesungguhnya orang-orang tua kami telah mempersekutukan Tuhan sejak dahulu, sedang kami ini anak-anak keturunan yang (datang) sesudah mereka. Maka apakah Engkau akan membinasakan kami kerana perbuatan orang-orang yang sesat dahulu."

(AL-QURAN 7: 172 & 173)

Sambil meneliti ayat-ayat di atas, mari kita merenung sebentar, mari kita bertanya, apakah kita sudah menepati janji kita kepada Allah?

Tuhan menjadikan alam ini bagi manusia mendiaminya buat sementara waktu saja. Segala-galanya adalah milik Allah. Semuanya pinjaman-pinjaman belaka. Kita sedang berada di alam pinjam-pinjaman. Dan setiap manusia yang berfikiran waras yang inginkan sebuah dunia yang sejahtera, tenteram dan damai patut sedar akan hal-hal yang demikian. Tapi apakah kita sedang berusaha untuk menjadikan dunia ini sebuah tempat yang seperti itu? Dunia sementara sebelum berpindah ke dunia yang kekal abadi?

Peperangan yang sedang berlaku di antara orang-orang Islam sesama sendiri menampakkan yang kita ini termasuk dalam golongan manusia yang menganut '*mazhab tak tahu*,' orang kafir dengan orang kafir. Bilakah dunia Islam akan bebas dari perbalahan demi perbalahan di antara mazhab-mazhab yang dibawa oleh manusia? Apakah kita, orang-

orang Islam tidak ingin menghindar diri dari gejala-gejala yang ingin merosakkan kesatuan ummah?

Inilah persoalan-persoalan yang cuba saya timbulkan di dalam buku ini. Unsur-unsur yang memecahbelahkan kita cukup banyak. Ia bertolak dari unsur yang seasas-asasnya seperti '**wanita**', satu-satunya perhiasan dunia yang boleh menjahanamkan, '**takhta**', yang dipertahankan dan dipelihara dengan apa jua cara, tidak kira halal haram dan sehinggalah '**kuasa**' yang menyebabkan manusia sanggup memesongkan ayat-ayat Allah dan sanggup diperalatkan oleh iblis laknatullah.

Lahirnya kita ke dunia ini bukan untuk dijadikan hamba kepada **wanita, harta dan takhta**. Kita dilahirkan untuk menjadi hamba kepada Yang Berkuasa. Dan Yang Maha Berkuasa itu tidak lain dan tidak bukan adalah Allah SWT.

Dunia ini akan lebih tenteram, aman dan damai jika setiap seorang dari kita ini mengambil masa sepuluh minit setiap hari untuk memikirkan sebab kewujudan kita di muka bumi ini. Siapa yang menjadikan dan ke mana kita akhirnya?

Jika kita telah mengenali diri, menyedari sebab-sebab kewujudan kita, Insya Allah kita akan mengenali Allah. Bila kita sudah mengenali Allah, barulah kita boleh dikatakan sebagai orang yang beriman, beriman kepada Allah.

Soal keimanan ini adalah soal individu, soal di antara seorang manusia dengan Tuhannya. Namun, biar bagaimanapun individualisme di dalam Islam hanyalah terbatas kepada soal ini seperti juga janji kita semasa berada di Luh Mahfuz lagi.

Seseorang yang mengerjakan kesemua ibadat-ibadat fardhu ain yang diwajibkan ke atasnya dan tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang mungkar, belumlah boleh

dikatakan sebagai seseorang Islam yang baik. Dari segi lahiriah keislamannya memang tidak ada cacat-cela. Hari ini terdapat sebahagian dari mereka yang kulitnya cukup Islam. Mereka merupakan ketua-ketua pejabat yang dihormati kerana sifat waraknya, tapi apakah mereka pernah memikirkan tentang tanggungjawab mereka terhadap saudara-saudara mereka, ibu bapa mereka, bangsa dan negara mereka? Mereka ini terdiri daripada pemimpin rakyat serta para ulama dan cendekiawan Islam yang menyampaikan ilmu melalui ceramah, tulisan atau kuliah-kuliah di pusat pengajian tinggi. Tapi apakah mereka ini menyempurnakan fardhu kifayah dalam memperjuangkan Islam demi Islam kerana Allah, kerana Muhammad, tanpa mengira mazhab, fahaman kepentingan golongan tertentu, atau semata-mata kerana kepentingan perut?

Sebaliknya, tanpa disedari ada yang telah melacurkan kedudukan dan pengetahuan yang ada untuk memecahbelah, mengkhianati dan mengutuk saudara-saudara seagama yang tidak sehaluan ataupun dirasakan sebagai menggugat kepentingan material mereka. Pelacuran ilmu, kedudukan dan kuasa ini sudah menjadi satu perkara yang biasa, dan ada akhbar-akhbar tertentu yang membantu dalam kegiatan memecahbelahkan ummah dan merosakkan apa jua kegiatan untuk mengembalikan syiar Islam ke tempat yang sewajarnya, semata-mata kerana ingin mencari keuntungan dan menjaga kepentingan individu.

Mereka berselindung di sebalik ketaatan menunaikan fardu ain dengan jangkaan bahawa itulah yang akan menyelamatkan mereka di akhirat dan itulah satu-satunya jalan untuk ke syurga. Setidak-tidaknya anak buah di pejabat akan berkata, 'Boss aku ni paling warak jika dibandingkan dengan boss-boss yang terdahulu, maklum sajalah zaman kebangkitan Islam.

Bagi mereka yang menganggap bahawa ibadat dan amalan peribadi boleh menjamin syurga, izinkan saya bawa

satu cerita mengenai seorang pelacur yang cuba menyelamatkan seekor anjing yang hampir mati kerana kehausan air. Demi rasa simpatinya ke atas makhluk Allah itu, dia telah mengoyak-ngoyakkan kainnya untuk dibuatkan tali bagi menceduk air di dalam perigi yang dalam. Dan atas keikhlasan ini, Allah telah memasukkannya ke dalam syurga tanpa dihisab.

Begitulah kekuasaan Allah. Perempuan yang melacurkan tubuhnya lebih mulia dan terhormat dari para intelek, ketua-ketua pejabat dan ulama-ulama yang melacurkan ilmu mereka.

Si pelacur tadi tidak ada apa-apa kepentingan dan tidak mengharapkan apa-apa balasan dari anjing tersebut. Walaupun jasadnya begitu jijik akibat ditiduri oleh ratusan lelaki, namun hatinya bersih dan ikhlas. Dan Allah melihat terus ke hatinya sepertimana Dia melihat terus ke hati anak-anak Adam.

Begitulah keadaannya. Sementara kita menjalankan kewajiban-kewajiban fardhu ain, apakah kita sudah menyempurnakan kewajiban-kewajiban fardhu kifayah? Kewajiban fardhu kifayah ini bukanlah setakat menguruskan jenazah atau ke masjid untuk bersembahyang jemaah, tapi tugas yang sebenar-benarnya ialah tugas menegak dan memperkembangkan Islam, tanpa mengambil kira sebarang keuntungan, tanpa merasa takut untuk berkata benar. Biar pun kita terpaksa dibenci dan dijadikan korban, kita perlu menyokong orang-orang yang benar-benar berjuang di jalan Allah dan orang-orang yang menegakkan hukum-hukum Allah. Biar pun golongan mereka ini lemah dan sedikit dari segi anggotanya, seperti umat Nabi Musa menyokong Musa menentang Fir'aun.

Selain dari soal keimanan, tidak ada yang lain lagi yang bersifat individualistik dalam Islam. Hanya orang-orang Yahudi yang dilaknati Allah sahaja yang mengamalkan in-

dividualisme dalam semua cabang keagamaan dan amalan hidupnya. Dan hanya orang-orang yang dilaknati Allah sahaja yang mengambil kira ganjaran di atas perbuatan mereka. Setiap kerja yang nak dibuat mesti tanya dulu. Buat kerja ini dapat apa? Sokong orang itu atau ini dapat apa? Untung apa? Masuk UMNO, UMNO boleh beri apa? Masuk geng 46 boleh dapat apa-apa tak?

Hari ini kesatuan Islam tergugat, umat Islam berpecah-pecah dan dipecahbelahkan oleh mereka yang mengaku kononnya memperjuangkan Islam. Perpecahan Islam berlaku di semua peringkat. Di peringkat dunia Islam yang satu sudah dipecahkan kepada mazhab-mazhab yang saling bertelingkah. Dan di dalam negara Islam dicemarkan oleh berbagai versi yang mencerminkan kepentingan golongan-golongan tertentu. Islam kini seolah-olah sedang berada di dalam satu situasi yang sungguh mengelirukan. Sungguh sedih, sungguh duka, sungguh lara, hati mereka yang cintakan Islam.

Perjalanan Islam bukan baru berlaku semalam, bukan baru berusia setahun, tapi perjalanan Islam sudah menjangkau usia 1410 tahun. Dan dalam usia yang begitu panjang, apakah Islam belum lagi *established*? Apakah Islam masih memerlukan '*fatwa-fatwa*' baru yang diputuskan oleh para ulama yang berkepentingan? Apakah Islam kita hari ini Islam yang telah diubahsuai oleh Muawiyah atau Islam yang dalam bentuknya yang tulen dan asli yang dibawa oleh Rasulullah?

Sekiranya kita mengaku bahawa Islam yang kita hayati ini adalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah dalam bentuknya yang asli, maka marilah kita kembali berpegang kepada tali Allah.

"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai-berai....."

(AL-QURAN: 3 - 103)

Junjungan kita, Nabi Muhamaded SAW adalah merupakan satu-satunya Nabi dan juga Rasul yang telah menubuhkan negara Islam (*Islamic Nation*) dan menadbirkannya selama 23 tahun. Bagindalah orang pertama yang mengadakan perlembagaan di dunia ini bagi melancarkan pentadbiran negara dengan perlembagaan yang disebut **Piagam Madinah**. Tidak ada nabi atau Rasul sebelum Baginda yang pernah berbuat demikian. Sungguhpun negara asal yang diperintah oleh Rasulullah itu sudah tidak lagi mengikut sistem yang diamalkan oleh Nabi SAW, malah sudah jauh menyeleweng, namun kitab suci Al-Quran masih lagi menjadi bukti yang jelas bahawa Islam sahajalah yang merupakan cara hidup yang paling sempurna dalam apa jua keadaan, dan sesuai untuk manusia sepanjang zaman.

Oleh itu saya menyeru semua golongan, setiap kumpulan, juga orang-orang perseorangan, baik di dalam negara ini ataupun di negara-negara lain, sama ada ia seorang pekerja biasa, kakitangan kerajaan, eksekutif syarikat, ahli politik parti yang memerintah atau parti yang menentang, ulama-ulama, cendekiawan Islam serta siapa sahaja supaya melupakan perbezaan-perbezaan pendapat yang telah mengakibatkan pecah-belah dalam Islam supaya kembali ke pangkal jalan. Benamkanlah perasaan ego, angkuh dan segala bentuk kesombongan yang sekian lama bermaharajalela di dalam hati kita. Orang yang paling mulia adalah orang bersedia memberi maaf dan melupakan peristiwa masa lalu. Marilah kita semua memelihara kesucian dan kesejahteraan agama Allah ini.

Allah itu satu. Dan sudah sepatutnya umat Islam itu hidup dengan bersatu-padu.

Firman Allah:

"Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman

kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka itu ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik."

(AL-QURAN 3: 110)

Maka berbalik kepada janji kita di Luh Mahfuz dulu, marilah kita sama-sama menepati janji tersebut dengan 'menegakkan yang hak'. Islam yang sebenar-benarnya tidak terbatas kepada mazhab, tidak terbandung oleh perasaan Assabiyah dan tidak terpisah oleh sebarang doktrin.

Melalui buku TALQIN UNTUK UMNO, dalam kata penutupnya, saya telah berseru kepada para pemimpin UMNO supaya menerima kembali kesemua ahli-ahli UMNO. Alhamdulillah, mereka telahpun berbuat demikian. Dan dalam penutup buku WANITA, TAKHTA DAN KUASA ini, saya menyeru kepada sekalian ahli-ahli Semangat 46 yang benar-benar mahu berjuang untuk agama, bangsa dan tanah air supaya kembali ke pangkuan UMNO sebagaimana manusia yang asalnya dari tanah akan kembali kepada tanah. Dan kiranya kita ini dilahirkan di rumah, kita tentunya mahu mati di rumah juga. Begitu jugalah jika kita mula berpolitik dengan UMNO, maka sudahilah ia dengan perjuangan UMNO. Atau kalau tak mahu juga, kembalilah kepada perjuangan Islam yang sebenar-benarnya kerana yang menjadi rebutan, iaitu harta dan kuasa semuanya akan kita tinggalkan bila mati kelak. Jadi apalah gunanya kita bergaduh sesama sendiri disebabkan benda-benda yang menjadi pinjam-pinjaman ini.

Islam hanyalah semata-mata pengabdian kepada Allah melalui iman, melakukan yang hak, memperlihatkan contoh yang baik, menghindarkan yang batil dan memiliki keupayaan melihat kebatilan dan ketidakadilan serta menewaskannya.

Oleh itu kewujudan Islam, bukanlah semata-mata demi kewujudan itu sendiri, tapi untuk manusia sepanjang zaman.

Ingatlah orang-orang yang tidak beriman itu tidak dapat merosakkan orang-orang yang beriman kerana Allah sentiasa memenangkan orang-orang yang beriman.

Itulah janji Allah. Dan sudahkah kita menunaikan janji kita kepadaNya?

Sekianlah. *Wabillah hi taufik wal hidayah. Warridah Wal inniah.* Dan saya akhiri buku ini dengan doa Nabi Allah Ibrahim untuk kita dan negara kita, Malaysia, yang tercinta ini.

YA TUHANKU!
JADIKANLAH NEGARA INI
SEBUAH NEGARA AMAN DAN MAKMUR
ANUGERAHKANLAH RAKYATNYA
DENGAN REZEKI YANG MELIMPAH
JADIKANLAH RAKYATNYA
ORANG-ORANG YANG BERIMAN
KEPADAMU....
YA ALLAH!

Amin Ya Rabbil Alamin.



Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.

(Ar-rad: Ayat 11)

***BUKU-BUKU KARYA SYED HUSSEIN
YANG SUDAH DITERBITKAN***

1. FIRASAT (RAHSIA MENGENAL DIRI) (1969)
2. MELANGKAH DAN BERJAYA (1969)
3. RAHSIA MIMPI ANDA (1969)
4. TEMANKU PEMIMPIN-PEMIMPIN (1972)
5. KENAPA ROSLI DHOBI & 3 HERO
SARAWAK DIHUKUM BUNUH (1974)
6. PERANG DI KUALA LINGGI 1978 (1978)
7. SARAWAK KEPADA SIAPA HENDAK
DISERAHKAN (1979)
8. BAHTERA LAMA NAKHODA BARU (1979)
9. SIAPA SELEPAS MUSA? (1981)
10. PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR ✓(1982)✓
11. TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA (1983)
12. PERDANA MENTERI YANG KELIMA (1984)✓
13. HANTU BUKIT CINA (1985)
14. MUSA DERHAKA? (1986)
15. MUSA A TRAITOR? (1986)
16. SIAPA LAWAN SIAPA (CHALLENGER) (1987)
17. TALQIN UNTUK UMNO (1988)✓
18. POLITIK SERPIHAN (1989)
19. REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT (1989)
20. WANITA, TAKHTA DAN KUASA (1989)

AKAN TERBIT

21. REVOLUSI TERAKHIR
22. PENGEMBARA MODEN

S.H. ALATTAS

**PEMUDA
DI ZAMAN
MAHATHIR**



Harga: \$10.00

Harga: \$10.00

S.H. ALATTAS



Al-Suhaimi

P.O. Box 11753,

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O./P.O. bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku;

a: PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR

naskhah.

b: SIAPA SELEPAS MUSA?

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

S.H.ALATTAS

**MUSA
DERHAKA?**



Harga: \$10.00

Harga: \$10.00

S.H.ALATTAS

**PERDANA
MENTERI
YANG
KELIMA**



Al-Suhaimi

P.O. Box 11753

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O./P.O bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku;

a: MUSA DERHAKA ?

naskhah.

b: PERDANA MENTERI YANG KELIMA?

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

S.H.ALATTAS

TALQIN

UNTUK UMNO



1946 Lahir di Istana
1988 dibunuh di Mahkamah
Slapa Pembunuhnya?

Harga: \$15.00

Harga: \$10.00

S.H.ALATTAS

TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA



Al-Suhaimi

P.O. Box 11753,

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O./P.O. bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku;

a: TALQIN UNTUK UMNO

naskhah.

b: TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

**S.H.
ALATTAS**
**REVOLUSI
ISTANA
DAN
RAKYAT**

Harga: \$15.00

Al-Suhaimi
P.O. Box 11753
Poskod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O/P.O bernilai \$ _____
untuk pesanan buku:

REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT naskah.

Nama: _____

Alamat: _____



Harga: \$15.00

Al-Suhaimi
P.O. Box 11753
Poskod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O/P.O bernilai \$ _____
untuk pesanan buku:

WANITA, TAKHTA DAN KUASA

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____
